SEJARAH

DARUL IMAN

HINGGA 1361H = 1942M

Edisi Baharu

DATO' SETIA JASA
(Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang)
(Misbaha)

Dibantu oleh:

Mohd Yusof bin Abdullah
Mohamad bin Abu Bakar
Haji Othman bin Haji Ali

Cetakan Ketiga
dari buku

SEJARAH DARUL IMAN HINGGA 1918M (1337H)

diedit semula dengan beberapa tambahan

Dikeluarkan oleh:

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu
281 Jalan Tok Lam
20100 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.

Dengan sokongan

Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman

CETAKAN PERTAMA 1978
CETAKAN KEDUA 1983
CETAKAN KETIGA 1992

DATO' SETIA JASA

Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang
(Misbaha)

Dibantu oleh:

Encik Mohd Yusof bin Abdullah
Encik Mohamad bin Abu Bakar
Tuan Haji Othman bin Haji Ali

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Gong Badak
21300 Kuala Terengganu



DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH
D.K.T., D.K., D.M.N., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (Johor), D.K. (Pahang), D.K. (Perak), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K. (Negeri Sembilan), D.P. (Sarawak), S.P.C.M.
IBNI
AL-MARHUM TUANKU AL-SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH
SULTAN DAN YANG DI PERTUAN BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
SERTA SEGALA JAJAHAN TAKLUKNYA



DULI YANG MAHA MULIA TENGKU AMPUAN BARIAH
D.K., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (Selangor),
BINTI
AL-MARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH
TENGKU AMPUAN BESAR TERENGGANU DARUL IMAN



DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
D.K., S.S.M.T., S.P.M.T., S.P.M.J.,
YANG DI PERTUAN MUDA TERENGGANU

SEPATAH KATA DARI PENULIS

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan nama Allah Tuhan Amat Murah Lagi Amat Mengasihani. Segala pujian bagi Allah Tuhan Semesta Alam, Selawat dan Salam ke atas Rasul Junjungan Nabi Muhammad (صلى الله عليه وسلم) serta kaum keluarga, sahabat handai dan pengikut-pengikutnya hingga ke akhir zaman.

Dengan penuh tawadu' dipersembahkan buku ini sebagai suatu percubaan bagi membuka kajian sebahagian dari cerita-cerita sejarah tanahair dengan tujuan moga-moga hendaknya menjadi satu tambahan di dalam siri sejarah tanahair yang semestinya mendapat tempat yang sewajarnya di dalam masyarakat, bangsa dan negara kita yang dicintai.

Dengan serba kekurangan dan kesulitan, maka penulis menyusun buku SEJARAH DARUL IMAN HINGGA 1337 H = 1918 M berpandukan kepada bahan-bahan yang didapati dari kajian setakat yang termampu yang diharap kemudiannya berlakunya pembetulan dan penambahan.

Buku sejarah ini, adalah hasil dari beberapa buah buku-buku mengenai Negeri Terengganu dan Batu Bersurat (Pusaka Suci Keluaran tahun 1961) yang penulis telah susun dan terbitkan pada masa-masa yang lepas dengan mengkaji balik dan membetulkan mana-mana yang didapati tersilap dan kurang tepat menurut berpandukan kepada bahan-bahan yang baharu didapati.

Buku 'Mengkaji Sejarah Terengganu' tiga jilid dengan tulisan jawi yang penulis susunkan dan terbitkan dalam tahun 1954, 1955 dan 1958 adalah dengan dorongan yang Berbahagia Dato' Sri Setia Diraja Dato' Haji Kamaruddin bin Haji

Idris, bekas Menteri Besar Terengganu dari tahun 1950 hingga 1957 yang memberi sokongan yang kuat semasa beliau menjadi Menteri Besar. Manakala buku 'Sejarah Terengganu' yang disusun hingga pemerintahan Sultan Mansur Yang Pertama (Sultan Terengganu Yang Kedua) telah diterbitkan dengan sokongan dan usaha saudara Yang Mulia Tengku Hitam bin Ismail dalam tahun 1968'.

Maka buku 'Terengganu Dalam Bentuk Sejarah Hingga 1918 pula adalah dorongan dari Y.B. Dato' Haji Nik Hassan bin Haji Wan Abdul Rahman (semasa beliau menjadi Menteri Besar Terengganu. (September 1971 - Ogos 1974) dan beberapa orang mahasiswa-mahasiswa anak kaum bangsa yang datang mengadakan wawancara dengan penulis mengenai kajian bahan-bahan ilmiah hal ehwal Terengganu dan juga permintaan-permintaan beberapa orang Profesor, kita bersama-sama sedar tentang betapa pentingnya sejarah tempatan di dalam masyarakat dan apa yang berlaku di peringkat tempatan itu adalah sebahagian dari Sejarah Kebangsaan.

Edisi baharu ini hingga tahun 1942 dapat diterbitkan semula adalah dengan bantuan dan sokongan dari YAB. Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad Menteri Besar Terengganu selaku Penaung Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu dan YB. Dato' Setia Wangsa (Dato' Haji Abd. Rahman bin Nasir) Setiausaha Kerajaan Terengganu selaku Penasihat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu dan penulis mengucapkan terima kasih di atas pertolongan dan bantuan yang dihulurkan itu.

Penulis amat berterima kasih kepada sekalian pembaca yang menatap buku ini dan memberi apa-apa teguran di atas segala-galanya itu. Akhirnya diucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu yang menerbitkan buku ini. Wassalam.

Yang sentiasa berharap penunjuk,

Dato' Setia Jasa
(Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang)
(MISBAHA)

16 Ramadhan 1411
1hb. April 1991

SEPATAH KATA
Cetakan Ketiga

Segala kepujian dan kesyukuran kepada Allah Rabbul A'lamin di atas anugerah Inayah, taufik dan hidayah kepada sekalian hambanya.

Buku "Sejarah Darul Iman" edisi baru ini adalah dieditkan semula dengan beberapa tambahan dan pembetulan dari Buku Sejarah Darul Iman hingga 1361H=1942M, yang diharapkan lebih tersusun, tepat dari cetakan kedua dan edisi baru ini dapat dikeluarkan dengan bantuan dan sokongan dari YAB. Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad Menteri Besar Terengganu Penaung Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu serta Dato' Setia Wangsa Dato' Haji Abd. Rahman bin Nasir Setiausaha Kerajaan Terengganu selaku Penasihat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.

Walau bagaimanapun, Penyusun mengakui beberapa kelemahan masih terdapat di dalam buku ini yang mana sentiasa diharapkan mendapat teguran dan pandangan yang tulus ikhlas dari bijak pandai dan pembaca yang dihormati sekalian.

Wassalam:

Kuala Terengganu

Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Terengganu

16 Ramadhan 1411
1hb. April 1991

جابتن سجاره يونيبرسيتي ملايا

(department of history)

JABATAN SEJARAH UNIVERSITI MALAYA

Kuala Lumpur, Malaysia

kawat UNIVSEL **Tal: 53656 samb.5**

6hb. Sept., 1976

Encik Ahmad Haji Yusof,
Utusan Melayu,
Jalan Chan Sow Lin,
Kuala Lumpur.

Saudara,

Misbaha: Sejarah Trengganu

Saya telah membaca manuskrip yang telah saudara sampaikan pada saya dan pada keseluruhannya saya berpendapat bahawa ini adalah suatu karya yang cukup memuaskan. Oleh demikian saya suka memperakukan supaya 'Sejarah Trengganu' diterbitkan.

Manuskrip ini mempunyai beberapa kelebihan. Yang pertama, Misbaha adalah seorang yang sungguh-sungguh berpengetahuan tentang sejarah Trengganu maka apabila sudah diterbitkan buku ini akan merupakan suatu sumber sejarah yang bernilai. Gambar-gambar yang akan disiarkan juga amat menarik.

Tentang penyampaian dan pendekatan, saya rasa ini bukan perkara yang begitu mustahak memandangkan bahawa tujuan utama Misbaha bukan hendak mengeluarkan sebuah buku yang bercorak akademik. Yang lebih penting ialah sumbangan daripada penulis dan oleh kerana di kalangan sejarawan akademikpun bahan-bahan sejarah tempatan dianggap sangat penting, maka saya percaya buku 'Sejarah Trengganu' ini akan dialu-alukan oleh semua pihak yang berminat dalam sejarah Malaysia.

Yang ikhlas,

(Dr. Khoo Kay Kim)
Professor Sejarah Malaysia.

Buku SEJARAH DARUL IMAN Karangan Dato' Setia Jasa, Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (MISBAHA)

Ada dua kalangan sejarawan negara ini, iaitu sejarawan akademik dan sejarawan amatur. Perbezaan di antara mereka dilihat dari segi hasil penulisan dan kaedah mereka menulis. Barangkali dengan segala kecanggihan kaedah penulisan yang memang dilatih secara formil sebagai ahli sejarah, juga kerana memiliki pelbagai ijazah, maka inilah yang membezakan di antara kedua-dua kalangan ini. Pihak yang kedua selalunya menulis secara beriwayat, persembahannya secara episod, apakala membacanya, semacam kita menonton wayang gambar. Mungkin kita bergembira, tetapi tidak menonton kepada pengembangan intelek dan pencetusan daya fikir. Amat jarang para sejarawan amatur yang dapat mengarang sambil berjaya menarik pembacanya ke tahap ini sehinggakan kalau kita membaca karyanya kelak terfikir betapa banyak ijazah dalam bidang sejarah yang dimilikinya. MISBAHA di dalam bukunya ini termasuk ke dalam kategori yang jarang ini.

Usaha MISBAHA menggali maklumat sejarah dan pengetahuannya perihal sejarah Terengganu bukanlah kecil. Di peringkat negeri beliau adalah pakarujuk bagi sejarah dan kebudayaan Terengganu. Ini dapat dibuktikan daripada penulisannya di dalam buku ini, yang walaupun merupakan sambungan bagi judul buku yang sama, tetapi melahirkan suatu edisi baru. Betapa dalamnya pengetahuan beliau tentang, sejarah Terengganu dapat dilihat daripada perbincangannya yang mungkin tidak kita ketemui di dalam mana-mana buku sejarah Terengganu yang kini ada di pasaran.

Lain sejarawan mempunyai persepsi dan pandangan yang berlainan mengenai sejarah Terengganu. Hal demikian mungkin boleh mencetuskan suasana dan intelektual yang sihat dalam memperbina sesuatu pertanggapan yang kukuh tentang persejarahan negeri tersebut.

MISBAHA mempunyai pandangannya sendiri terhadap sejarah Terengganu dan memiliki kaedahnya yang tersendiri pula dalam menuliskan sejarah tersebut. Sebagai anak watan Terengganu dan 'orang lama' yang sekian lama berkecimpung di dalam arus dan perkembangan sejarah negeri ini, besar kemungkinan peristiwa-peristiwa sejarah yang terjadi selepas Perang Dunia II dilihat, dirasai dan dialami sendiri olehnya. Dengan ini, selain merujuk sumber-sumber utama dan sekunder dalam penulisannya, justeru MISBAHA itu sendiri adalah sumber sejarah yang utama. Cuma apakala pihak yang mengalami itu mendiri menuliskan sejarah yang dia sendiri alami, maka sejauh mungkin sikap condong dan segala aspek subjektiviti haruslah dihindarkan.

Di sinilah letaknya keistimewaan buku ini . Sudut pandangannya bercorak tempatan dan barangkali boleh menjadi wadah di dalam membina suatu penulisan sejarah Terengganu yang lebih komprehensif coraknya. Gambar dan dokumen yang berupa *rarecollections* yang terdapat tambah memperkayakan lagi buku ini sekiranya ia dilihat sebagai sebuah hasil pendokumentasian tentang persejarahan Terengganu. Walaupun penulis menghindarkan diri dari menampilkan analisis terhadap sesuatu isu sejarah dan diperkatakannya, ini adalah suatu langkah yang wajar. Penulis sebenarnya menyediakan suatu ruang kepada pembaca dan penganalisis sejarah agar menganalisis sendiri isu-isu tersebut.

Penerbitan buku ini memang dialu-alukan oleh peminat sejarah, kerana ianya dapat menambahkan lagi pengetahuan dan pemahaman kita perihal sejarah negeri-negeri di negeri ini.

Yang ikhlas.

Prof. Madya Dato' Dr. Muhammad Yusoff Hashim,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
(November 1991/Jamadilawal 1412)

PENGHARGAAN

Dengan tawadu' dan tulus ikhlas, penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada segenap pihak yang telah memberi serba jenis pertolongan di dalam usaha menyusun buku sejarah ini, terutama kepada:

1. Allah Yarhamuhu YBM Tengku Pekerma Wira, SPMT., JMN., PJK.
2. Allah Yarhamuhu Engku Pengeran Anum, PJK.
3. Allah Yarhamuhu YB Dato' Perba Diraja, SPMT., KMN., PJK.
4. YB Dato' Haji Nik Hassan bin Haji Wan Abdul Rahman, SPMT., PSD., KMN.
5. Allah Yarhamuhu Yang Berhormat Dato' Sri Haji Hussein bin Mohd Nordin, SPMP., JMN., PJK., JP.
6. Ketua Pengarah Muzium Negara Malaysia.
7. Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.
8. YBH. Dato' Tan Sri Haji Abd. Mubin Sheppard, PSM., DJ., PD., JMN., PPT., ED.
9. Tuan Haji Husin bin Haji Sulaiman, PJK.
10. Encik Wan Muhammad bin Chik.
11. Tuan Haji Othman bin Haji Ali, PJK
12. Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib Al Attas M.A. (Mc. Gill), PHD (Lond).
13. Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim (Prof. Sejarah Malaysia, Universiti Malaya).
14. Prof. Dato' Dr. Mohd Yusuf bin Hashim (Jabatan Sejarah Universiti Malaya)
15. Drs. Rahmanmat, Utusan Publications.
16. Baharudin C.D. Utusan Publications.

DAFTAR SINGKATAN KATA

1.	JMBRAS.	-	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
2.	HBA.	-	Haji Buyong Adil.
3.	His. of Tr.	-	A Short History of Terengganu oleh M.C.F.F. Shepard.
4.	m.s.	-	Muka Surat
5.	P.	-	Penulis buku ini.
6.	Sj. AM.	-	Sejarah Alam Melayu.
7.	Sj. Kln.	-	Sejarah Kelantan oleh Asad Shukri bin Haji Muda.
8.	Sj. Phg.	-	Sejarah Pahang oleh Haji Buyong bin Adil.
9.	SUK. Tr.	-	Setiausaha Kerajaan Terengganu.
10.	Sj. STM	-	Sejarah Semenanjung Tanah Melayu N.J. Ryan diterjemahkan oleh Daud Baharum, Oxford University Press, K. Lumpur.

SENARAI PETA-PETA

Muka Surat

KETERANGAN GAMBAR-GAMBAR

Muka surat

Muka surat

Muka surat

KANDUNGAN

Muka surat:

TERENGGANU DARUL IMAN
SEMPADAN NEGERI - IKLIM - LUAS - PENDUDUK

Sempadan Negeri:

Negeri Terengganu letaknya di garisan bujur antara 102.25 - 103.5 dan garis lintang 4 - 5.5[1] di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) bersempadan di sebelah Utara dan Barat Laut dengan Negeri Kelantan, Darul Naim, di sebelah laut daripada Pulau Susu Dara menuju Pacakan, Beris Pak Abu, Alor Nibong, Bukit Kubu dan Bukit Yong mengikut bengkang-bengkok Sungai Semerak, di sebelah Selatan dan Barat Daya ialah Negeri Pahang, Darul Makmur (adalah dikatakan di dalam tahun 1828 M), dengan perantaraan seorang pegawai British bernama Tuan Marhas, maka Kemaman telah dimasukkan di bawah takluk Terengganu) dan sebelah Timur ialah Laut China.

Iklimnya:

Iklim negeri in boleh dikatakan sederhana, kerana sukatan hawanya lebih kurang antara 67 F - 93 F bersamaan 25 C - 28 C. Tiap-tiap tahun mengalami musim tengkujuh, kebiasaannya antara pertengahan bulan Disember - Februari yang dikenali dengan nama 'Musim Hujan'. Hitung panjang hujan tahunan ialah 1717.09 mm.

Keluasan dan Penduduk

Luas Negeri Terengganu Darul Iman lebih kurang 12956 km persegi, panjang 215 km dan sehabis lebar 96.60 km. Penduduknya menurut banci tahun 1912 M berjumlah 153,765 orang, (77,115 lelaki, 76,650 perempuan) iaitu:

---

1 Garis bujur 102°-23T hingga 103° 27T dan garis lintang 3°53'U hingga 5°51U. (Buku Cenderamata Pameran Sultan Terengganu di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 17-24 Mac, 1981)

145,523 Melayu, 7,246 Cina, 211 India 34 Eropah 751 lain-lain bangsa, di antaranya:

9,350 nelayan, 48,344 petani, 531 pelombong, 661 bertukang kayu, 9,334 bertenun.

Menurut banci tahun 1947 M, berjumlah 225,996 orang dan banci tahun 1951 M, berjumlah 236,300 orang (kira-kira 90 peratus daripadanya orang-orang Melayu). Mengikut keterangan seorang nakhoda bangsa Inggeris bernama Kapten Alexander Hamilton yang telah melawat Terengganu dalam tahun 1719 M, dan 1720 M, menyatakan jumlah rumah-rumah di Kuala Terengganu semasa itu lebih kurang seribu buah sahaja, kedudukannya berselerak di sana-sini dan tidak teratur. Menurut bancian tahun 1959 adalah berjumlah 278,147 orang dan tahun 1960 berjumlah 306,942 orang mengandungi:

1.	Melayu	283,181 orang
2.	Cina	19,459 orang
3.	India/Pakistan	3,480 orang
4.	Lain-lain Bangsa	822 orang

Bagi tahun 1963, berjumlah 339,816 orang manakala taksiran tahun 1970 berjumlah 405,751 orang (220,859 lelaki 204,892 perempuan) berbanding dengan bancian tahun 1957 jumlahnya 278,147 orang.

Kedudukan Daerah Negeri Terengganu

Kedudukan daerah-daerah Negeri Terengganu hingga sebelum 1947 mempunyai daerah dan Pegawai Daerahnya seperti berikut:

1. Kuala Terengganu
2. Kemaman
3. Kemasik
4. Paka
5. Dungun
6. Marang
7. Hulu Terengganu
8. Besut dan
9. Setiu

Manakala bermula 1 Januari 1985 tertubuhnya pula daerah Setiu maka kedudukan daerah dan keramaian penduduk bagi 1990 Negeri Terengganu menjadi seperti berikut:-

1.	Daerah Kuala Terengganu	- Luas Daerah	=	60,528.1 hektar
		penduduk	=	288,944 orang
2.	Daerah Kemaman	- Luas Daerah	=	253,559.9 hektar
		penduduk	=	94,126 orang
3.	Daerah Hulu Terengganu	- Luas Daerah	=	387,462.6 hektar
		penduduk	=	62,611 orang
4.	Daerah Dungun	- Luas Daerah	=	273,503.1 hektar
		penduduk	=	85,085 orang
5.	Daerah Besut	- Luas Daerah	=	123,367.8 hektar
		penduduk	=	114,616 orang
6.	Daerah Marang	- Luas Daerah	=	66,654.3 hektar
		penduduk	=	66,285 orang
7.	Daerah Setiu	- Luas Daerah	=	130,436.3 hektar
		penduduk	=	44,633 orang

Jumlah penduduknya = 756,300 orang.


(Data Asas 1990-UPEN-SUK TR/DI.)

Ekonomi

Dengan keadaan negeri muka buminya yang semulajadi maka pekerjaan penduduknya adalah berhubung rapat dengan iklim, keadaan bumi dan kesuburannya.

Pekerjaan utama bagi penduduk negeri ini, bagi kaum lelaki ialah menangkap ikan (nelayan) bagi hampir semua yang mendiami di sepanjang pantai, bertanam padi, berkebun kelapa, menoreh getah dan berniaga manakala sebilangan besar dari kaum perempuan, adalah membantu suaminya di dalam berbagai urusan dan membuat pekerjaan tangan seperti bertenun kain, menganyam tikar dan sebagainya.

PETA NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN



Orang Melayu Terengganu adalah masyhur di dalam bahagian pertukangan perahu besar, bertenun kain songket dan bertukang perkakas tembaga.

Di dalam negeri ini ada juga pekerjaan melombong bijih timah, kaci dan bijih besi, tetapi sekarang sudah berkurangan, manakala hasil kelapa sawit dan getah makin meningkat.

Perniagaan barang-barang dagangan dan keperluan yang mustahak di dalam negeri boleh dikatakan lebih daripada 40 peratus dijalankan oleh bukan bangsa Melayu, demikian juga barang-barang dagangan yang dibawa keluar negeri seumpama ikan, kelapa kering, bijih timah, pinang kering, rotan, getah taban dan gambir.

Zaman Silam

Akan hal ehwal orang Terengganu terdahulu daripada tahun Masehi 1700 tidaklah diketahui dengan terangnya, hanya pada tahun 1225 seorang pengarang bangsa Cina bernama Chao Ju Kua telah menyebut di dalam buku riwayat karangannya yang menceritakan darihal perniagaan orang Cina katanya: Negeri Palembang itu sebuah kerajaan yang besar kerana Langkasuka, Terengganu, Pahang dan Kelantan sekalian tertakluk kepadanya.[2]

Di dalam sya'ir Jawa Nagara Kartagama yang dikarang pada tahun Masehi 1365 oleh seorang Jawa yang menjadi Sami Buddha bernama Prapanca ada menyatakan pada tatkala ini (Tahun Masehi 1365) Terengganu serta daerah Dungun tertakluk ke Majapahit.[3] Mengikut catatan Chao Ju Kua yang menyatakan Terengganu ditakluk oleh Palembang dalam tahun 1250M dan catatan dalam Jawa Nagara Kartagama tahun 1365M masih boleh dipersoalkan dan seharusnya dikaji oleh sarjana-sarjana sejarah dengan penuh kejujuran kerana ada beberapa faktor yang patut dikemuka dan dibangkitkan dengan cara yang sihat dan tepat mengenai erti kata "penaklukan, penaungan, perhubungan dan persahabatan" antara sebuah negeri dengan sebuah negeri, kadangkala dengan mengadakan hubungan negeri besar telah disalah anggap,

---

2 Winstedt R.O. Ilmu Alam Melayu. (Third and Revised Edition, Freser & Neave Limited Printers 1925, m.s. 135-136).

3 Di Hujung Medini Pahang yang disebut paling dahulu berikut Langkasuka, Saimwang, Kelantan serta Terengganu, Johor, Paka, Muar, Dungun Tumasik, Kelang serta Kedah Jerai, Kanjapiniran, semua sudah lama terhimpun.
Prof. Dr. Slametmulyana, Nagarakretagama dan Tafsir Sejarahnya *Pupuh* XIV. 2. m.s. 280. 1979, Bhratara Karya Aksara-Jakarta.

BENDERA DAERAH-DAERAH DALAM NEGERI TERENGGANU



BENDERA NEGERI TERENGGANU



BENDERA DAERAH KUALA TERENGGANU



BENDERA DAERAH BESUT



BENDERA DAERAH KEMAMAN



BENDERA DAERAH HULU TERENGGANU



BENDERA DAERAH DUNGUN



BENDERA DAERAH MARANG



BENDERA DAERAH SETIU

Daerah	Warna	Tafsiran
Kuala Terengganu	Kuning	Melambangkan Ibu Negeri Terengganu dan bandar Di Raja dan Daerah Utama di Negeri ini.
Besut	Merah	Melambangkan keberanian dan kesungguhan bekerja.
Kemaman	Biru Tua	Melambangkan bahawa warna ini memberi kekuatan yang berkaitan dengan pertumbuhan industri yang berasaskan petroleum dan gas.
Hulu Terengganu	Jingga (Oren)	Melambangkan pembangunan tanah dan infrastruktur teknologi tenaga.
Dungun	Biru Muda	Melambangkan bahawa ianya memberi hasil dari perusahaan perikanan dan perusahaan pelancongan yang terkenal dengan Penyu Belimbing.
Marang	Ungu	Melambangkan pemulihan penyatuan rakyat.
Setiu	Cokelat	Melambangkan pengembelingan tenaga rakyat untuk pembangunan penempatan.

Bendera-bendera ini dipersetujui untuk diterimapakai mulai 7 Jun 1988 bersamaan 22 Syawal 1408 sebagaimana surat SUK. Tr 269/1948 Bhg 3-(109).

salah tafsir sebagaimana yang terjadi antara negeri ini dengan pemerintahan Siam dalam masalah penghantaran Bunga Emas.

"Walaupun demikian pada permulaan abad ketiga belas, Seri Vijaya tentulah masih sebuah kuasa besar. Seri Vijaya dianggap demikian pada tahun 1225 oleh Chao Ju Kua seorang Merinyu perdagangan luar Cina di Chuan Chou dalam laporannya yang bertajuk Chu Fan Chi "Laporan Negara-Negara Asing". Dia membuat senarai mengandungi tidak kurang daripada lima belas buah negeri lindungan meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu di sebelah Selatan Teluk Bandon dan seluruh Indonesia Barat termasuk negeri Sunda di Jawa Barat. Nilakanta Sasteri berpendapat adalah diragu-rasakan bahawa catatan politiknya itu agak ketinggalan bila dibandingkan dengan laporan perdagangannya...."

Senarai negeri-negeri lindungan yang dibuat oleh Chao Ju Kua itu nampaknya tidaklah betul sepenuhnya. Misalnya Ceylon (Sri Langka) ada termasuk dalamnya.[4]

Di dalam buku tersebut digunakan perkataan "Lindungan", tidak perkataan "Taaluk" maka dua perkataan ini adalah jauh ertinya dari segi politik dan sosial. Ini satu contoh yang boleh dipersoalkan dan kemungkinan boleh terjadi pada tarikh-tarikh yang disebut itu ada satu-satu angkatan atau pasukan dari negara tersebut telah sampai ke Pantai Kuala Terengganu dan mendarat di situ dengan tidak ditentang atau dipengapakan oleh penduduknya dengan hal demikian maka dicatat oleh pengarang sejarah cina itu bahawa negeri ini telah ditakluk oleh negara tersebut pada hal apa yang diketahui, pusat pemerintahan atau kerajaan Terengganu di zaman dahulukala sekurang-kurangnya bertempat di daerah Kuala Berang, menurut kesan-kesan sejarah yang didapati, tidak di Kuala Terengganu, melainkan dimulai kira-kira dari tahun 1726M atau permulaan abad yang kelapan belas.

Mengenai catatan yang disebut oleh pengarang Nagara Kartagama lebih-lebih lagi diragukan kerana Dungun adalah sebuah jajahan atau daerah dalam Negeri Terengganu. Jika sekiranya Terengganu ditakluk oleh Majapahit maka termasuklah Dungun, atau boleh jadi penaklukan atau lindungan yang dikatakan itu ialah di bahagian Kuala Terengganu sahaja, tidak keseluruhan negeri. Walaupun ada catatan ahli sejarah yang berpendapat di Fo Lo An (Kuala

---

4 Hall D.G.E. Sejarah Asia Tenggara - Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Edisi Pertama (Malaya) Cetakan Kedua 1972 dicetak oleh Percetakan Art Kuala Lumpur m.s. 78.

Berang)[5] ada patung berhala Buddha dari gangsa yang dihiasi dengan emas,[6] sebelum kedatangan Islam. Seperkara lagi semasa tahun 1365M bagaimana yang dikatakan oleh pengarang itu penduduk-penduduk negeri ini telah memeluk agama Islam sekurang-kurangnya hampir setengah abad yang lepas dan menjadi sebuah negeri yang merdeka menurut ertikata pengisytiharan di Batu Bersurat Terengganu yang termasyhur itu.

Elok juga diperturunkan di sini kisah yang dicatatkan oleh Chao Chu Fei seorang pengarang dan pengembara Cina di dalam buku Sejarah Cina bernama "Ling Wai Tai-ta" yang disusun dalam tahun 1178M ada menyebut nama "Foloan" di antara lain katanya:

(Negeri P.) Kerajaan Foloan itu boleh sampai dalam masa empat hari perjalanan dari Ling-Ya-Ssu-Chia (Langkasuka)[7] dan boleh juga pergi ke sana mengikut jalan darat. Dua buah patung Buddha ada didatangkan ke negeri itu, sebuahnya bertangan enam manakala sebuah lagi bertangan empat. Apabila kapal-kapal perompak atau lanun hendak masuk ke jajahan kerajaan ini mereka kecewa, terhalau dari situ, kerana tiupan angin kencang dan kuat. Kejadian ini menyebabkan ramai penduduk negeri itu mengatakan ialah disebabkan pengaruh kedua-dua patung Buddha tersebut. (Ini adalah kepercayaan karut, yang sebenarnya haruslah semasa pengarang itu membuat catatan atau mendapat keterangan cerita kejadian itu berlaku dalam musim gelora atau musim tengkujuh yang biasa tiap-tiap tahun datang melanda Pantai Timur dari bulan Oktober hingga Januari - P.). Rumah berhala Buddha itu atapnya diperbuat daripada gangsa dan di dalamnya dihiasi dengan emas. Setiap tahun di dalam bulan enam, ketika bulan purnama, diadakan perayaan menyambut kelahiran Buddha. Pada hari diadakan perarakan dan bunyi-bunyian serta memukul dandi (Gendang Kecil - P.), di samping itu saudagar-saudagar bangsa asing turut bersama mengambil bahagian dalam temasya ini. Ada pun hasil keluaran negeri, di antaranya "Su dan Can" jenis kayu gaharu, kayu laka, gading dan sebagainya (di kawasan Hulu Terengganu memang termasyhur dengan gaharunya dari jenis yang baik dan sehingga sekarang masih boleh didapati ada penduduk-penduduk yang di kawasan hulu itu masih mencari kayu-kayu gaharu serta menjadi satu mata pencariannya. Penulis sendiri dari sejak lebih tiga puluh tahun dahulu dapat menyaksikan gaharu itu dan masih menyimpan sedikit sebanyak untuk kenangan

---

5 Paul Wheatley. The Golden Khersonese. University of Malaya Press, Kuala Lumpur. Reprinted in Pustaka Ilmu 1966. m.s. 68-70.

6 Dikatakan namanya AVALOKISUARA atau KUAN YIN.

7 Patani dan daerah sekitarnya atau negeri yang letaknya antara Kelantan dan Senggora (Songkla). Ibid, m.s. 266.

dan masih kekal harumnya hingga ke hari ini - P.). Hasil-hasil itu diperniagakan dengan bangsa asing secara bertukar barang samada dengan emas, perak, porselin, besi, bahan-bahan membuat bernis, arak, beras, gula dan gandum. Dan lagi pada tiap-tiap tahun dikatakan Kerajaan Foloan ada menghantar tanda penghargaan atau ufti kepada kerajaan San Fo Chi (Seri Vijaya). Negeri Foloan adalah berjiran dengan Peng Heng (Pahang), Teng Ya Nung (Terengganu) dan Ci Lan Tan (Kelantan) maka negeri-negeri itu bersamaan keadaannya (bumi dan udara - P.). Ketua yang memerintah Foloan adalah dilantik oleh San Fo Chi dan pada tiap-tiap tahun raja dari San Fo Chi ada datang ke Foloan untuk memulia dan menghormati patung Buddha itu.[8]

Ada satu catatan lagi yang telah diperturunkan di dalam buku "Sejarah Terengganu",[9] mengenai hal ehwal negeri ini yang dipindah dari buku sejarah dan pengembaraan Cina bernama "Tao-Chin Leo" karangan seorang pengarang atau pengembara Cina bernama Wang Ta-yuan dalam tahun 1349M, demikian ceritanya: - "Negeri itu (Ting-cia- lu) ialah sebuah pulau berbentuk tiga segi; tercerai daripada daerah-daerah jirannya oleh sebatang sungai dan sungai itu penting bagi perjalanan di air. Pulau itu (Ting-cia-lu) keadaannya tinggi dan sunyi. Tanah di situ tidaklah begitu subur, tetapi walaupun begitu, orang yang sehabis-habis miskin pun cukup juga makanan mereka. Pada musim bunga (di Negeri China) di situ hujan lebat; iklimnya agak panas.

Dalam kehidupan orang-orang di situ mereka banyak menjalankan kerja-kerja memuja sesuatu yang dipercayai mereka mempunyai kekuasaan tertinggi sebagai tuhan-tuhan mereka. Rambut orang lelaki dan perempuan di situ bersanggul dan mereka memakai baju pendek yang dibuat daripada kain kapas 'hseih' warna hijau yang dililitkan di badan mereka sebagi celi (seperti pakaian sari orang India). Orang-orang di situ mengukir kayu-kayu dijadikan tuhan-tuhan mereka; kepada tuhan-tuhan (patung-patung) itulah mereka

---

8 Ibid. m.s. 68-69.
(Terengganu mempunyai beberapa pelabuhan yang maju sebelum dari abad ke-VIIM lagi; Ptolemy telah mencatat di dalam petanya beberapa nama pelabuhan; pelabuhan-pelabuhan yang disinggahi oleh kapal-kapal perniagaan.
Pelabuhan-pelabuhan Terengganu yang dicatat oleh Ptolemy ialah: Terrha (Terengganu), Berhala, dan Berhala ini mungkin "Floan" yang disebut oleh buku Sejarah China bernama "Ling-Wa Tai-Ta" yang dikarang oleh Chao Chu-Fei tahun 1178 dan letaknya di tepi sungai Terengganu sekarang, tetapi pada masa itu (abad ke XIIM) tempat itu masih di tepi laut.
Prof. Madya Dr. Wan Hussin Azmi. Kertas Kerja "Perkembangan Islam Dari Zaman Permulaan Hingga kini "di Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu. m.s. 28.

9 Haji Buyong Adil, Sejarah Terengganu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1974, cetakan pertama m.s. 8-9.

mengorbankan darah orang yang dibunuh (dengan tujuan itu) dan darah itu dicampur mereka dengan arak.

Pada musim kemarau atau pada masa ada hawar penyakit, mereka sembahyang menyembah dan memohon pertolongan patung-patung tuhan mereka itu, dan tiada lama kemudian permohonan itu pun tercapai. Dan lagi apabila seorang laki-laki atau isterinya sakit teruk, mereka menggunakan sejenis perkakas penelek untuk mengubati si sakit itu, dan biasanya tilikan mereka itu berlaku sama ada si sakit itu sembuh atau bertambah teruk lagi.

Raja mereka yang ada sekarang (masa itu) seorang yang berkebolehan, dia melarang orang melakukan perbuatan tamak haloba, menggalakkan orang supaya rajin dan berjimat cermat. Hasil keluaran di negeri itu termasuklah kayu laka, kapur barus, lilin lebah dan kulit penyu (atau tuntung atau kura-kura). Barang-barang yang diperdagangkan ke negeri itu ialah porselin warna biru dan putih, kapas Can-ceng (Annam), sutera merah jenis lembut, timah, berjenis-jenis arak dan lain-lain seumpamanya."[10]

Maka apa yang dicatat oleh pengarang atau pengembara Cina Wang Ta-Yuan mengenai Terengganu di abad ke-14, ada beberapa perkara yang patut dikaji dan dihalusi dengan teliti serta dibuat penilaian, antaranya:

(i) Dikatakan Terengganu "sebuah pulau berbentuk tiga segi" nampaknya pengarang itu membuat kenyataan sedemikian, kerana ia cuma melihat atau atau tersua dengan kawasan kuala sungai sahaja dan disangkanya sungai itu terus menerus sepanjang-panjangnya dan menceraikan semua kawasan negeri; ini ialah kerana keadaan Negeri Terengganu sebagaimana maklum panjangnya lebih sekali ganda dari lebar[11] dan keadaan sempadan pula di sebelah Utara dan Selatan boleh dikatakan tirus, manakala di tengahnya pula buncit maka dianggaplah tiga segi oleh pengarang itu, tambahan pula ada banyak kuala sungai pada hal Terengganu bukanlah sebuah pulau.


(ii) Mengenai penduduk negeri, yang dikatakan menyembah tuhan patung berhala semasa itu (1349M), haruslah kurang tepat sekiranya ditujukan kepada semua penduduk atau semua rakyat negeri. Boleh jadi apa yang dijumpainya ialah sebahagian bilangan penduduk yang menjadi penganut penyembah berhala yang ada mendiami di tepi pantai, kerana sekurang-kurangnya pada tahun 1303M[12] Agama Islam telah diisytiharkan

---

10 "Catatan ini disedut dari Paul Wheatley. The Golden Khersonese. University of Malaya Press, Kuala Lumpur. Reprinted in Pustaka Ilmu. 1966.m.s. 80.

11 Lihat m.s. 1.

12 702H.



Peta sebahagian tempat-tempat di Hulu Terengganu hingga ke Batu Tuk Bidan. Ukuran mengikut sungai 2.54 cm = 4.68 km.

di Kuala Berang[13] yang jauhnya 25 batu (40km) dari pantai Kuala Terengganu menjadi agama resmi negeri tetapi haruslah semasa itu penganut-penganut agama Islam dalam negeri ini belum merebak lagi walaupun telah berlanjutan masa, lebih kurang selama dua puluh enam tahun, dengan sebab-sebab yang tertentu. Di antaranya dipercayai haruslah pemeluk-pemeluk agama Buddha yang sudah bertapak lama itu sangat fanatik dengan kepercayaan pegangan iktikad mereka, kesukaran perhubungan, kurang kemampuan dan tenaga penyibar agama Islam yang baharu mendatang semasa itu atau lain-lain sebab lagi.

Peta Semenanjung Tanah Melayu yang dibuat oleh Ptolemy (seorang ahli Kaji Bintang dan Ilmu Alam Greek yang terkenal, hidup dalam kurun kedua sebelum Masehi, lahir di Negeri Mesir. P.) yang dipercayai diperbuat di Iskandariah ada menunjukkan dua buah pelabuhan di Pantai Timur yang dinamakan "Perimula" dan "Kole". Maka pelabuhan "Perimula" itu dipercayai ialah "Kuala Sungai Terengganu" dan pelabuhan "Kole" ialah "Kemaman".

Ada juga ahli sejarah yang berpendapat, pada zaman dahulu, Negeri Terengganu ini dikenali dengan nama "Tanah Merah".[14]

Menurut cerita-cerita lama yang penulis dapati dari orang-orang tua menyatakan, sebelum ada orang-orang yang memerintah Negeri Terengganu, hanya kaum-kaum Sakai, Pangan atau Semang sahaja yang mendiaminya. Kemudian mereka beransur-ansur pindah dengan sendirinya ke gunung-ganang dan ke hulu-hulu sungai apabila datang orang-orang Melayu yang berasal dari negeri Kemboja dan Champa melalui negeri IndoCina mengikut jalan sebelah Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu seraya menduduki negeri ini.

Pendapat ini boleh dikatakan bersamaan dengan apa yang ditulis dalam buku Kisah Tanah Melayu di antara lain katanya:

Maka jalan nenek moyang orang-orang Melayu itu datang ke semenanjung ini ialah mengikut IndoCina, dari situ mereka telah menumpu mula-mula ke Pantai Timur Semenanjung ini dan barangkali tempat yang mula-mula mereka sampai ialah Negeri Kelantan dan Terengganu.[15]

---

13 Oleh Paduka Tuan Raja Mandalika.

14 M.C.ff. Sheppard op.cit. m.s. 1 (Kole ialah Kemaman, Perimula ialah Ligor. Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi).

15 W.S. Morgan. Kisah Tanah Melayu. The Malaya Publishing House Ltd. Singapura 1949 m.s. 8.

Adalah dipercayai dari semenjak zaman purba lagi, zaman batu sudah ada tempat-tempat kediaman di Terengganu yang sama dengan tempat-tempat perpindahan orang-orang yang pernah mendirikan kubu-kubu batu di lembah Sungai Tembeling, Pahang. Mereka yang datang berpindah di waktu itu baik dengan jalan darat atau pun laut, tidak boleh dikatakan yang mereka membuat tempat kediaman terus di Pahang dengan meninggalkan Terengganu.[16]

R.O.D. Noone seorang British (bekas Pengarah Muzium Negara dan Penasihat Hal Orang-orang Asli Tanah Melayu) di dalam sepucuk suratnya kepada pihak yang berkuasa Terengganu bertarikh 24hb. Mei, 1956 berkenaan pengembaraannya di Hulu Terengganu/Pahang di bulan tersebut antara lain katanya "..... Saya telah duduk selama dua hari di Biwah dan telah berjumpa dengan sebuah gua yang telah didiami dan daripada gua in saya telah dapati beberapa jenis perkakas yang dibuat dari tanah liat, alatan-alatan daripada batu dan sebagainya yang sangat baik buatannya..."

" Perjumpaan bekasan-bekasan orang-orang dahulukala di dalam kawasan ini adalah sangat-sangat menarik hati saya, kerana saya telah lama mempunyai kepercayaan bahawa garisan jalan Terengganu Supia atau Sat/Tembeling itu ialah satu jalan lalu-lalang dan perniagaan zaman dahulu. Sebagaimana yang tuan ketahui sangatlah banyaknya ada tapak-tapak bekasan orang dahulukala di sepanjang-panjang Tembeling itu, sekarang masih tinggal kepada kita untuk mencari tapak-tapak kediaman yang lama itu di sebelah dalam Negeri Terengganu."[17]

Di dalam lawatan penulis ke Batu Tuk Bidan, Gunung Biwah, Hulu Terengganu[18] telah berjumpa beberapa alat purba di zaman Neolithic di Gua tersebut, di antaranya sebilah kapak batu yang cantik. Jaraknya dari Kuala Berang ke tempat itu menurut jalan sungai lebih kurang 72.45 km dengan merempuh jeram dan cegar besar dan kecil lebih kurang 100 buah.

Dengan terjumpanya barang-barang purba itu, pihak Muzium Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu telah menghantar pasukan galicari ke kawasan tersebut[19] dan menjumpai rangka manusia dan lain-lain yang dijangka di zaman Batu Akhir (Neolithic).

---

16 M.C. ff. Sheppard Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society vol xxii Part 3, June 1949. Malaya Publishing House Limited 1949. m.s. 1.

17 S.U.K.T.R. (gen) 877.

18 Pada 5hb hingga 11hb Julai 1975 bersama Encik Othman bin Haji Ali bagi pihak Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu.

19 Pada 5hb hingga 24hb Julai 1976.



Pandangan Gunung Biwah, Hulu Terengganu dari hadapan. Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.



Rombongan Muzium Negara, PSMC. Trg., wakil Pejabat Daerah Hulu Terengganu sedang giat galicari di Batu Tuk Bidan, Gunung Biwah, Hulu Terengganu dalam bulan Julai 1976. Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.

Dengan terjumpanya barang-barang zaman purba, zaman Neolithic (Zaman Batu Akhir)[20] di Hulu Terengganu itu seperti (jar) mangkuk tembikar, kapak batu, dan lain-lain membuktikan bahawa dari sejak hampir 4000 tahun sebelum Masehi "telah ada manusia tinggal di kawasan tersebut dan dengan berjumpa pula pada 24.10.1964 di Batu Buruk, Kuala Terengganu dua buah gendang gangsa zaman Dong Son (dalam lingkungan masa 300 tahun sebelum Masehi) oleh Encik Ali bin Abdullah menandakan negeri ini telah juga mendapat perhatian dan menjadi tumpuan sejarah orang-orang dari IndoCina dalam zaman itu. Malangnya gendang tersebut dijumpai semasa jentolak Jabatan Kerja Raya menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan di kawasan berkenaan dan banyak berlaku kerosakan pada gendang tersebut dalam proses ini. Nampaknya gendang-gendang ini telah tertanam di kaki batu besar yang menonjol keluar, di kenal sebagai Batu Buruk, di sebelah selatan, di tanah pasir yang letaknya selari dengan pantai yang jaraknya kurang sedikit daripada tiga suku batu. Asalnya gendang ini terletak di sebelah Jalan Kamaruddin kira-kira dua kaki dalamnya dari permukaan. Ia dijumpai bila jalan ini memerlukan penggalian yang lebih lebar dan lebih dalam untuk membaikinya. Gendang pecah yang lebih besar antara yang dua disodok oleh jentera di dalam timbunan tanah dan dijual kepada pekedai India di kawasan itu.[21] "Gendang seperti ini ada juga dijumpai dalam kawasan Sungai Tembeling Pahang dalam tahun 1944 dan di Sungai Lang dalam daerah Kelang pada tahun 1964."

Selain dari itu dua bahan sejarah penting di zaman Batu Akhir telah dijumpai lagi di dalam negeri ini, iaitu "sebuah penerap batu" untuk menerap pakaian kulit kayu, dijumpai di kawasan pecah batu Bukit Jong, Kuala Terengganu di dalam tahun 1976, dan baharu sahaja, dalam bulan Jun 1977 penulis mendapatinya dari seorang Pembantu Teknik Jabatan Kerja Raya Kuala Terengganu Encik Chandran Nambiar untuk simpanan Persatuan Sejarah Cawangan Terengganu;[22]

---


20 Ahli-ahli kajipurba telah menentukan: Zaman Batu Awal, (Palaeolithic) di Semenanjung Tanah Melayu dikira bidang masa 10,000 sampai 8,000 sebelum tahun Masehi. Zaman Batu Pertengahan (Mesolithic) ialah kemudian daripada tahun 8,000 hingga tahun 2,000 sebelum tahun Masehi. Zaman Batu Akhir (Neolithic) kemuadian dari tahun 2,000 sampai tahun 300 sebelum tahun Masehi.
Di antara barang-barang dan perkakas-perkakas zaman dahulukala yang telah dijumpai tertanam dalam tanah di Negeri Pahang ialah barang-barang dan perkakas-perkakas dibuat daripada batu semata-mata buatan orang-orang zaman Batu Pertengahan (Mesolithic), dan barang-barang itu dikenali sebagai kapak-genggem, beliong dan pahat. Haji Buyung bin Adil, Sejarah Pahang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1972. m.s. 5-6.

21 B.A.V. Peacock. Dua Buah Gendang Dong Son Dari Kuala Terengganu, Malaysia Dari Segi Sejarah No. 6 March 1971, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.


22 Dijumpai oleh Encik Muhammad bin Tahir seorang kakitangan Jabatan Kerja Raya di Kuari Bukit Jong. Sekarang dalam simpanan Muzium Negeri Terengganu.



Batu Tuk Bidan Gunung Biwah, Hulu Terengganu. Rombongan Muzium Negara, PSM Terengganu, Wakil Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan pasukan keselamatan menjalankan kerja-kerja galicari dalam bulan Julai 1976. Kini ditenggelami oleh Tasik Kenyir.



Rombongan Muzium Negeri Terengganu dan UKM menjalankan kerja-kerja galicari di Gua Taat "A" Hulu Terengganu dalam bulan Mei 1989.



Sebahagian dari barang-barang Purba Zaman Batu Akhir yang dijumpai di Batu Tuk Bidan oleh PSM Terengganu pada 8.7.1975.



Rangka manusia yang dijangka di zaman Batu Akhir dijumpai di Batu Tuk Bidan Gunung Biwah oleh rombongan Muzium Negara pada 19hb. Julai 1976. Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.

alat penerap ini ukurannya lebih kurang: Tinggi 8 1/2 mm, lebar batang 8 mm, lebar permukaan atas 4 1/2 mm, panjang permukaan atas 7 mm. Keadaannya seakan-akan bujur pipih, dan sebuah bahan sejarah lagi ialah "gelang tanah" yang penulis dapati dari Encik Muhammad bin Chik seorang penduduk Lubuk Periok Hulu Berang semasa lawatan rombongan Persatuan Sejarah Cawangan Terengganu dalam bulan Ogos 1977 yang mana barang itu dijumpai dalam bulan Jun 1976 di Sungai Kera, Dungun, kira-kira 32.20 km dari Kampung Lubuk Periok, alatan ini adalah dari jenis yang sama dijumpai di Gua Char Kelantan dan di Sungai Tembeling ukurannya: bulatan keliling 39 1/2 mm, luas ruangan dalam 6 mm, tebal bahagian dalam 4 mm, luas bulatan dalam 5 1/2 mm dan tebal tepi bulatan 1 1/4 mm dari apa yang dipaparkan itu, menunjukkan di negeri ini masih banyak kesan-kesan sejarah di zaman lampau yang harus dapat dikesan dari semasa ke semasa kiranya usaha-usaha ke arah itu diselenggarakan dengan tegas.

Semasa operasi "Jawatankuasa Kerja Menamakan pulau-pulau di Tasik Kenyir"[23] bermula pada 3.9.1988 dan tamat pada 10.1.1989 telah tersua di sebuah gua Bukit Taat (tingginya 1954 meter) yang tidak jauh dari Gunung Bewah, di dalamnya terjumpa pecahan pasu atau tempayan dari tanah liat di zaman pra neolitik, natijah dari penemuan ini pihak Muzium Negeri Terengganu dan satu rombongan dari Jabatan Arkeologi di Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia telah menjalankan kerja-kerja carigali pada 22 hingga



Sebahagian Sauh Besi yang dijumpai di Kampong Buluh, Kuala Berang yang dijangka berusia lebih dari 700 tahun. Baki sauh ini menjadi bertambah kecil dari semasa ke semasa kerana digunakan untuk membaiki Keri (alat merumput tanah). Semasa dijumpai dahulu, seorang lelaki yang gagah perkasa sahaja yang dapat mengangkatnya.

23 340 buah pulau di Tasik Kenyir telah dinamakan.

26hb. Mei, 1989 dan disambung pula pada 28/9-4/10/91. "Kesimpulannya jumpaan yang perlu diketengahkan ialah dua alat pebl 'Sumatralith' yang menunjukkan bahawa ianya telah dihasilkan oleh masyarakat zaman pra neolitik. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa masyarakat di gua itu mempunyai hubungan dengan masyarakat yang tinggal di Gua Char dan Kota Gelangi, Jerantut, Pahang.[24]"

Pemerintahan

Ada cerita yang menyatakan bahawa keturunan Pemerintahan Terengganu di zaman dahulu setakat yang diketahui dengan sedikit terang ialah dari keturunan Megat dan seorang daripada anak raja itu bernama Megat Panji Alam telah dibunuh oleh Laksamana Hang Tuah dengan tujuan hendak merampas tunangnya untuk dipersembahkan kepada Sultan Melaka dan Megat Kembar Ali (saudara Megat Panji Alam) juga telah dibunuh di dalam peristiwa tersebut oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi.

Menurut sejarah Alam Melayu,[25] Tun Teja yang amat masyhur kecantikannya itu ialah anak Bendahara Pahang. Semasa itu Sultan Pahang bernama Sultan Ahmad Shah (Sultan Pahang Yang Kedua) putera Sultan Mansur Shah Melaka (dilantik menjadi raja pada tahun 1475M). Di dalam Hikayat Hang Tuah ada menerangkan juga kejadian itu tetapi Hang Jebat dan Hang Kasturilah yang menikam Megat Panji Alam.


Kisah tragedi Megat Panji Alam itu antara lainnya:

"Maka Laksamana (Hang Tuah - P.) pun berjalanlah pada hari Sabtu pada dua belas tapak bayang-bayang hendak mengadap raja Inderapura. Maka segala orang Inderapura pun sesak melihat perintah Laksamana berjalan itu. Maka kata seorang sama sendirinya, katanya, "Ada pun perintah Laksamana itu perintah hendak berkelahi lakunya". Maka sahut seorang lagi, "Ada pun Megat Terengganu itu sebenar lawanlah sama tahu ilmunya berperang dan sama tahu bermain keris panjang". Maka sahut seorang pula, "Sungguh pun Megat Terengganu itu bergajah, pada penglihatan kita, tiadakan lekat di atas gajah Tun Megat itu, kerana orang Laksamana yang empat puluh itu orang pilihan, tiada tumang-menumang, seperti telur ayam sesarang, pecah satu pecah semuanya. Akan orang Megat ini sungguh pun banyak empat ribu, namanya juga. Tetapi kita


---

24 Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Mohd Kamaruzaman Abd. Rahman dan Mohd Yusof Abdullah. Jurnal Arkeologi Malaysia, 3, 1990.


25 Buyong bin Adil. Sejarah Alam Melayu Penggal V. Malaya Publishing House 1948 m.s.216.




Seurat gelang tanah di zaman Batu Akhir dijumpai di Sungai Kera, Hulu Dungun dalam bulan Jun tahun 1976 dan Penerap Batu untuk menerap pakaian di zaman Batu Akhir yang dijumpai di kawasan pecah batu Bukit Jong, Kuala Terengganu kira-kira dalam bulan Mac tahun 1976.



Sebuah Jeram di Hulu Terengganu.



Gendang Dong Son Terengganu.



Gendang Dong Son yang dijumpai di Batu Buruk, Kuala Terengganu pada 24.10. 1964. Gambar dengan ihsan Muzium Negara.

lihatlah sekarang: entah di hadapan raja, siapa tahu, ditikamnya oleh Laksamana itu". Maka segala kata orang banyak itu pun didengarnya oleh Laksamana.

Setelah sampai ke balai gendang maka Laksamana pun berhenti di balai gendang. Maka biduanda kecil pun keluar membawa titah suruh masuk sama-sama dengan biduanda itu. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun tinggal di luar dengan orang empat puluh itu.

Setelah raja melihat Laksamana datang itu, maka titah raja, "Mari Laksamana kita pun hendak memberitahu Laksamana pada hari inilah Megat Terengganu itu hendak bermohon kepada kita." Maka sembah Laksamana, "Daulat Tuanku". Maka Laksamana pun duduk bertimbalan dengan paduka Raja, maka titah raja "Kita pun teringat akan janji kita dengan Laksamana itu."

* * *

Al-Kisah tersebutlah perkataan Megat Terengganu hendak mengadap Raja Inderapura dengan segala pakaian Megat Terengganu. Megat Terengganu pun memakai pakaian kerajaan yang indah-indah, shahadan mengenakan pakaian gajahnya yang bernama Shah Kertas itu dengan segala pakaian yang keemasan. Setelah sudah memakai, maka Megat Terengganu pun naiklah ke atas gajahnya, maka terkembanglah payung iram-iram kuning kerajaan berapit. Maka gendang arak-arakan pun dipalu oranglah terlalu gempita bunyinya. Maka Megat Terengganu pun berarak masuk ke Inderapura. Maka segala orang Inderapura pun datang melihat Megat Terengganu. Maka segala Hulubalang berjalan dahulu dan segala pertuanan berjalan di bawah gajah. Maka orang Inderapura pun penuh sesak melihat Megat Terengganu berarak itu. Ada pun Megat Terengganu berjalan itu di belakang menjadi tutup.

Maka Megat Terengganu pun teringat akan Laksamana. Maka Megat Terengganu pun bertitah pada orang hulubalangnya, "Pergi engkau lihat Laksamana itu ke perahunya, adakah lagi di perahunya atau sudah naikkah mengadap Raja Inderapura itu." Setelah sudah Megat Terengganu menyuruhkan hulubalangnya itu pergi melihat Laksamana itu, maka Megat Terengganu pun masuklah ke dalam kota.

Maka hulubalang yang dititahkan Megat itu pun berjalanlah pergi melihat Laksamana itu. Maka hulubalang itu pun bertanya kepada orang dalam ghali itu, katanya, "Inikah ghali Laksamana itu?" Maka kata orang dalam ghali itu, "ialah ghali Laksamana ini, yang dititahkan oleh Duli Yang Di Pertuan membuangkan Megat Terengganu itu." Setelah hulubalang itu mendengar kata hulubalang dalam ghali itu, maka kata hulubalang itu, "Adakah Laksamana itu di perahu ini?" Maka kata orang yang di dalam ghali itu, "Laksamana sudah naik mengadap dari pagi-pagi tadi." Setelah hulubalang itu mendengar kata demikian, maka hulubalang itu pun segeralah berjalan mengikut Megat Terengganu berlari-lari anak.

Maka Megat Terengganu pun berarakIah dengan segala bunyi-bunyian. Ada pun Megat Terengganu berjalan itu gajahnya dihenti-hentikannya menyuruhkan segala orangnya bermain segala bunyi-bunyian. Apabila ia bertemu dengan kampung orang kaya sana, Megat Terengganu berhentikan gajahnya dan menyuruhkan segala hulubalang bermain lembing perisai; ada yang bermain pedang terlalu ramai. Maka segala hulubalang itu pun semuanya memekis katanya "Ceh! Laksamana Melaka. Mati engkau olehku!"

Maka hulubalang yang dititahkan pergi melihat Laksamana itu pun datang mengadap Megat Terengganu. Maka segala kata orang Laksamana itu pun semuanya dipersembahkannya pada Megat Terengganu. Apabila Megat Terengganu mendengar kata hulubalang itu, maka Megat Panji Alam pun memekis, katanya "Ceh! Si Tuah! Ku tampar mukamu sekarang di hadapan raja Inderapura itu," serta dihalau gajahnya berjalan segera-segera. Maka gendang arak-arakan pun berbunyilah seperti ditanak.

Maka terdengarlah bunyi-bunyian itu kepada raja dan Laksamana. Maka titah raja, "Hai Laksamana, Megat Terengganulah yang datang itu." Maka Laksamana pun tersenyum. Maka dalam berkata-kata itu maka bunyi genderang arak-arakan itu pun makin hampir. Maka segala orang Inderapura yang melihat Megat Terengganu itu pun masing-masing berlari-larian: ada yang naik kota, ada yang naik balai gendang. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi dan orang empat puluh itu pun segera turun dari atas balai gendang itu menyamar masuk sama-sama dengan orang banyak masuk itu. Setelah raja melihat Hang Jebat dan Hang Kasturi itu, maka titah raja, "Hai Laksamana, panggil Hang Jebat dan Hang Kasturi itu naik duduk." Maka sembah Laksamana, "Biarlah, tuanku, ia melihat temasya."

Maka Megat Panji Alam pun berarakIah. Maka Megat Terengganu pun sampailah ke balai gendang. Maka biduanda kecil pun datang membawa titah menyuruhkan Megat Terengganu masuk. Maka Megat Terengganu pun turun

dari atas gajahnya membaiki kain panjangnya dan dastarnya seraya menyingsing tangan bajunya dan memakai keris panjangnya dan menyelak penduanya, seraya memekis, katanya, "Cih, Laksamana! Ku tampar mukamu sekarang di hadapan raja Inderapura itu!". Maka Megat Panji Alam berjalanlah sambil memegang ulu keris panjangnya dan menyelak penduanya; syahdan berjalan itu seperti berjalan akan tiada, diiringkan oleh segala petuanan dan anak megat-megat; dua langkah ia berjalan itu serta memandang ke kiri dan ke kanan sambil memegang ulu kerisnya.

Maka Megat Panji Alam pun sampailah ke pintu wang. Maka Megat Panji Alam pun memekis serta melompat pintu itu lima depa jauhnya dari pintu itu. Maka Hang Jebat, Hang Kasturi pun tiada sempat menikam, kerana ia berdiri di balik pintu, kerana Megat Panji Alam masuk pintu itu tiada melangkah. Maka oleh Hang Jebat, Hang Kasturi segera diperturutnya akan Megat Panji Alam; Panji Alam pun melompat naik ke atas tangga satu, lalu basuh kaki. Maka Megat Panji Alam pun baharu hendak basuh kaki melangkah anak tangga satu lagi, maka Hang Jebat pun menghunus keris peduanya, lalu ditikamnya rusuk Megat Panji Alam sebelah kanan terus ke sebelah terbayang-bayang. Setelah Megat Panji Alam merasai kena tikam Hang Jebat itu maka segera ditangkapnya tangan Hang Jebat itu seraya berpaling; dilihatnya muka Hang Jebat. Maka dilihat oleh Hang Kasturi, Hang Jebat dipegang oleh Megat Panji Alam itu, maka Hang Kasturi pun menghunus kerisnya, lalu ditikamnya rusuk Megat Panji Alam terus terbayang-bayang ke sebelah kanan. Maka Megat Panji Alam pun memandang ke kiri, maka dilihatnya muka Hang Kasturi menikam dia itu, maka segera dilepaskan tangan Hang Jebat itu lalu ditangkapnya tangan Hang Kasturi. Maka ditikamnya pula oleh Hang Jebat belikat Megat Panji Alam terus ke sebelah dadanya. Maka Megat Panji Alam pun melepaskan tangan Hang Kasturi lalu berpaling serta ditangkapnya pula tangan Hang Jebat dengan kanan, tangan kiri menghunus kerisnya; baharu sekerat terhunus maka ditikam pula oleh Hang Kasturi dada Megat Panji Alam terus ke belakang. Maka Megat Panji Alam pun terduduk di atas tangga itu dan tangannya pun terlepas daripada tangan Hang Jebat. Maka disentapkan oleh Hang Jebat keris panjangnya dipakai oleh Megat Panji Alam itu; maka oleh Hang Kasturi disentapkannya penduanya Megat Terengganu itu.

Setelah dilihat oleh Megat Kembar Ali hal demikian, Megat Terengganu itu ditikam oleh orang di atas tangga balairong itu, maka Megat Kembar Ali pun berkata, "Bolakkah, kataku tiada didengarnya?" Maka Megat Kembar Ali pun memekis, katanya, "Cih, Megat Kembar Ali tiada menumangkan!" serta dihunus kerisnya, lalu berlari-lari diusirnya akan Hang Jebat. Maka ditikamnya akan Hang

Jebat, maka Hang Jebat pun melompat menyalahkan tikam Megat Kembar Ali itu. Maka oleh Megat Kembar Ali dipertubi-tubinya ditikam akan Hang Jebat itu. Maka Hang Kasturi pun segera melompat, maka ditikamnya belikat Megat Kembar Ali terbayang-bayang ke dada dan Megat Kembar Ali menikam Hang Jebat juga. Apabila Megat Kembar Ali merasai luka, maka Megat Kembar Ali pun berpaling hendak naik mengamuk ke atas balairong itu. Maka segala pegawai petuanan Inderapura pun gemparlah, masing-masing menghunus keris. Maka Laksamana pun tersenyum seraya memegang ulu keris panjangnya. Maka tatkala itu Hang Jebat, Hang Kasturi pun segera melompat naik ke serambi balairong itu, serta diparangnya leher Megat Kembar Ali dengan keris panjangnya dan Hang Kasturi pun memarang belikatnya. Maka leher Megat Kembar Ali putus dan belikatnya pun roboh. Maka Kembar Ali pun matilah dari serambi balairong itu.

Setelah dilihat oleh orang Megat Terengganu, Megat Kembar Ali sudah mati di atas tangga balairong itu, maka orang Megat Terengganu itu pun gemparlah terkejut sama sendirinya: ada yang lari keluar, ada yang lari menyeberang sungai ada yang lari segenap kampung orang.

Setelah raja melihat hal Megat Terengganu ditikam oleh Hang Jebat, Hang Kasturi itu, maka raja dan bendahara pun amarah. Maka titah raja, "Hai segala pegawai dan petuanan, segera tangkap si Jebat dan si Kasturi itu. Sulakan ditepi sungai itu, kerana ia derhaka kepadaku. Benarkah ia membunuh Megat Terengganu itu di hadapanku dan di atas balairongku ini? Segeralah tangkap jika ia melawan, bunuh olehmu, kerana ia tiada mengumpama akan aku."[26]

Tragedi Megat Panji Alam ditikam oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi sebagaimana yang tersebut itu boleh dipersoalkan tentang kesahihan ceritanya berlaku sedemikian atau pun telah ditokok-tambah oleh suatu pihak dalam cerita itu kerana sekiranya peristiwa itu benar berlaku sedemikian, ini boleh menunjukkan bahawa ketokohan dua pahlawan yang terbilang (Hang Jebat & Hang Kasturi) telah terjejas, kerana sebagai seorang pahlawan yang ternama tidaklah munasabah berlaku dua lawan satu dan ditikamnya secara mencuri bahkan sepatutnya berjuang antara satu sama satu di medan yang terbuka.

Di dalam Sejarah Melayu cerita yang ke dua puluh sembilan, didapati ada berlainan,[27] iaitu Tun Teja ini (nama penuhnya Tun Teja Ratna Benggala) adalah

---

26 Hikayat Hang Tuah (Menurut naskah Dewan Bahasa dan Pustaka). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 1968. m.s. 218-222.

27 Sejarah Melayu. Naskah W.G. Shellabear cetakan yang (kesepuluh). Malaya Publishing House Limited Singapore 1961 m.s. 222-232. Menurut kebanyakan pendapat, buku ini dikarang oleh

anak Bendahara Pahang yang bergelar Seri Amar Diraja dan bertunang dengan Raja Pahang (Sultan Abdul Jamil)[28] bukan dengan putera Raja Terengganu, ianya dibawa lari ke Melaka oleh Hang Nadim seorang Pahlawan Melaka. Menurut cerita itu lagi suatu pertempuran hebat telah berlaku di Laut Pahang antara pasukan Hang Nadim dengan orang-orang Pahang termasuk Sultan Abdul Jamil sendiri, tetapi Hang Nadim berjaya melarikan Tun Teja itu dan dipersembahkannya kepada Sultan Mahmud, Melaka[29] untuk dijadikan isterinya.

Di dalam suatu cerita lain pula, ada menyatakan bahawa pada suatu masa Sultan Ahmad Shah atau Muhammad atau Mahmud Shah Pahang telah murka kepada Telanai Terengganu (gelaran seorang pemerintah juga). Telanai itu telah datang mengadap Sultan Alauddin Riayat Shah I Melaka[30] dengan tidak memberitahu kepada pemerintah di Pahang. Oleh yang demikian, raja Pahang pun memerintahkan orang besarnya Seri Amar Diraja anak Seri Bija Diraja pergi ke Terengganu membunuh Telanai, khabarnya Bendahara Pahang (Tun Hamzah) telah menyalahkan perbuatan baginda membunuh Telanai Terengganu itu dengan tidak memberitahu Sultan Melaka.

Siapakah Telanai

Haruslah berguna kiranya dibentang di sini lebih lanjut sedikit berkenaan Telani yang penulis petik daripada buku Ringkasan Sejarah Terengganu.[31]

"Gelaran Telanai ini masih didapati dari cerita-cerita dongeng di Sumatra dan dari tulisan pada patung Buddha yang didirikan di Selatan Siam di tahun 1186 Masehi; dan terdapat tiga kali disebut di dalam buku Sejarah Melayu yang patut pula kita kupas dan ulas. Di dalam buku Sejarah Melayu cerita yang ketiga, seorang keturunan Raja Melayu Palembang yang bernama Demang Lebar Daun, telah digelar Telani Bentan atau Telanai sewaktu beliau dilantik menjadi Raja Bentan selepas berkahwin dengan permaisuri pulau itu, ia juga dikatakan telah melawat Siam.

Tun Sri Lanang-Tun Muhammad anak Tun Ahmad Paduka Raja ibunya Tun Genggang (dalam tahun 1612 Masehi)

28 Sultan Abdul Jamil Shah Putera Sultan Muhammad Shah menjadi Sultan Pahang Yang Ketiga dalam tahun 1494

29 Sultan Melaka ke 8 memerintah 1488-1511M.

30 Menjadi Sultan Melaka tahun 1477M.

31 M.C ff Sheppard. Op. cit. m.s. 3-6.

Gelaran Telanai ini kemudiannya dipusakai pula oleh anak cucu Demang Lebar Daun di Bentan, dan di dalam buku Sejarah Melayu cerita yang ketiga belas disebut nama tubuh Putera Sulung Tun Perak. Bendahara Melaka di waktu itu (1456M) yang menguasai Pulau Bentan. Barangkali sudahlah hendak menepati kenyataan, maka Sultan Mansur Shah telah memilih Tun Telanai untuk menjadi wakil utusannya ke Negeri Siam.

Kenyataan yang ketiga di dalam Sejarah Melayu di dalam cerita yang kedua puluh lima, menerangkan (iaitu di dalam tahun 1478M) ketika Sultan Alauddin Shah menjadi Raja Melaka maka Telanai Terengganu berdatang sembah kepadanya. (Sultan Alauddin menjadi Raja Melaka yang ketujuh tahun 1477-1488M)

Sebelum kita mengkaji lebih lanjut sejarah Telanai eloklah kita mendalami perihalnya dari dua kenyataan lagi.

Dr. F.M. Schnitger di dalam bukunya yang bernama "Forgotten Kingdom of Sumatra" ada menyebut seorang Raja Jambi yang bernama Sultan Telanai, anak beliau yang dianggap menderhakakan kepadanya telah dibuang ke laut di dalam sebuah peti tetapi hanyut ke Siam di mana ia telah diterima oleh Raja Siam yang kemudiannya datang menyerang dan membunuh bapanya dengan sepasukan angkatan tentera.

Maka tidak pula dinyatakan di sini samada gelaran Sultan Telanai itu ialah satu gelaran yang dipusakai turun-temurun. Di dalam pada itu pun haruslah ada perhubungannya dengan Siam, memandangkan perkaitannya kerana kerapkali disebut perkataan Telanai itu. Gelaran ini haruslah ada pengertiannya lagi, kerana ada didapati catatan di patung besi Buddha yang dibangunkan dalam tahun 1183M, di Grahi atau tempat yang dikenali sekarang sebagai kawasan Melayu di Selatan Siam.

Penyandang gelaran ini ialah Gabenor Grahi, maka perintah membangunkan patung itu telah dikeluarkan oleh seorang raja yang memakai nama Melayu yang bersamaan dengan nama Raja Melayu Jambi, demikian menurut pendapat H.G. Ferrand.

Dr. George Coedes ada memberi pendapat berlainan pula iaitu "Grahi" adalah mengandungi hujung utara jajahan takluk Kerajaan Melayu seperti yang disebut di dalam tahun 1225M oleh ahli Sejarah Cina Chao Ju Kua sebagai San-Fo-Tsi (Palembang) yang di masa itu menjadi kawasan Jaiya yang pernah menjadi ibu kota Kerajaan Melayu Seri Vijaya.

Sebelum kita menghalusi buktinya, tidaklah boleh kita mengatakan Terengganu mempunyai perhubungan dengan Siam di kurun yang kedua belas

Masehi atau dengan Kerajaan Jambi di Sumatera, tetapi penyiasatan yang lebih lanjut kelak dapat membuktikan yang Kerajaan Melayu Terengganu (boleh jadi beragama Buddha) telah lahir sebelum Kerajaan Seri Vijaya memindahkan ibu kotanya ke Sumatera di kurun yang kedelapan Masehi dan gelaran Telanai yang diciptakan di Timur Laut Melayu itu telah dibawa ke Sumatera, kemudiannya disandang oleh Demang Lebar Daun sewaktu beliau membuka Temasik.

Seri Paduka dan Raja Mandalika

Batu Bersurat Terengganu[32] dijumpai kali terakhir kira-kira dalam tahun 1902M di kawasan Kampung Buloh, Kuala Berang (40km dari Bandar Kuala Terengganu) oleh seorang ahli perniagaan Arab bernama Saiyed Husin bin Ghulam Al Bukhari. Menurut satu cerita batu ini dijumpai orang di tebing sungai yang dikenali dengan nama Tanah Batu kira-kira tahun 1887M, kemudian dibawa ke sebuah surau di situ dan dalam tahun 1902 baharu dijumpai oleh Saiyed Husin Al Bukhari. Di batu itu ada tercatat di antara lain:

"Di benuaku ini penentu agama Rasulullah ﷺ, Raja Mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulia Raya di dalam bumi, penentu itu fardu pada sekalian Raja Mandalika."

Di dalam baris yang lain pula ada tersebut perkataan: "Maka titah Seri Paduka.

Tuhan[33] menduduki Tamra ini di benua Terengganu adi pertama ada. Jumaat di bulan Rejab tahun Saratan[34] di sasanakala Baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua."

Di dalam tulisan ini ada faktor yang penting mengenai pemerintahan di Negeri Terengganu di kurun yang keempat belas (M). Pertama, dengan terangnya pada tarikh itu menunjukkan ada seorang pemerintah yang menguasai keseluruhan negeri ini yang bergelas Seri Paduka Tuan, walaupun hingga sekarang ahli-ahli sejarah belum dapat menentukan siapakah gerangannya pemerintah itu. Yang keduanya menunjukkan di daerah-daerah di dalam negeri

---

32 Batu itu masih ada tersimpan di Muzium Negara, Kuala Lumpur diberi pinjam oleh Kerajaan Negeri Terengganu dengan kelulusan mesyuarat pada 2/5/1342 (10/2/1923) kepada Muzium Singapura hingga pada masa dikehendaki kelak dan pada 6.7.1991 Batu itu telah diserah balik kepada Kerajaan Terengganu di dalam satu istiadat yang bersejarah dan penuh erti dan sekarang batu pesaka itu ada tersimpan di dalam Muzium Negeri Terengganu.

33 Lihat cerita Batu Bersurat di muka 69, 80-92.

34 Ibid

ini ada pula Pemerintah Daerah atau Ketua Jajahan kerana perkataan Mandalika di dalam Bahasa Sanskrit memberi pengertian "berkaitan dengan sesuatu pemerintahan samada raja-raja tempatan yang merdeka atau pun Ketua Daerah."[35] Maka sekurang-kurangnya Negeri Terengganu pada masa itu ada lima daerah yang diketuai oleh Raja Daerah atau Ketua Jajahan yang di bawah seorang ketua Pemerintahan atau Raja Negeri. Daerah-daerah itu ialah Hulu Terengganu sebagai pusat pemerintahan, Kuala Terengganu, Dungun, Kemaman dan Besut, atau mukim-mukim yang dianggap menjadi daerah bagi pusat pemerintahan Hulu Terengganu seperti mukim Teresat, mukim Hulu Berang, mukim Jenagar, mukim Terangan, (termasuk Kerbat, Belimbing) dan Hulu Telemong. Ini memandangkan adanya pemerintah atau raja sebelum kesultanan Terengganu yang pertama.

Menurut Chau Chu Fei, seorang pengarang Cina yang menyusun catatan Ling Wai Taita kira-kira dalam tahun 1178 ada menyebut bahawa Foloan (Kuala Berang?) membuat perhubungan dagangan dengan Indo- China dan Seri Vijaya. Pemerintah Foloan itu dilantik oleh Raja Seri Vijaya yang dikatakan datang ke Foloan setahun sekali kerana menyembah patung Buddha[36] di sini.

Menerima Islam

Terengganu telah terlebih dahulu memeluk agama Islam daripada Negeri Melaka selama lebih dari sekurun iaitu terdahulu dari tahun 702 Hijrah (1303M)[37] yang mana seorang pemerintah bergelar Seri Paduka Tuan atau Raja Mandalika memerintah sekalian raja-raja daerah, mengisytiharkan bahawa Islam menjadi agama resmi negeri ini dan menganutinya. Tetapi tidaklah diketahui dengan sebenarnya dari manakah datangnya pengembang agama Islam itu, dan siapakah nama tubuh badan raja tersebut. Buat sementara, sebelum memperolehi bukti-bukti yang lebih jelas dan sah bolehlah dianggap Raja Mandalika atau Paduka Tuhan atau Paduka Tuan itu adalah dari keturunan Megat atau Telanai. Maka oleh kerana Negeri Terengganu letaknya di tempat lalu-lalang ahli-ahli pedagang dan pelabuhannya cantik dan menarik, tidak syak lagi negeri

---

35 C.O. Blagden. A Note On The Trengganu Inscription. JMBRAS, Vol II Part III Printed at The Methodist publishing House 1924. m.s. 262.

36 Paul Wheatley op. cit m.s. 68-69.

37 Lihat Batu Bersurat m.s. 43-87. Menurut Seminar "Kedatangan Islam ke Terengganu" 13-14 Rajab, 1401=17-18hb. Mei 1981 di Kuala Terengganu, antara rumusan yang dipersetujui sebulat suara bersetuju mengakui bahawa pengaruh dan semangat Islam bermula abad 14M dan telah teguh kedudukannya menjadi darah daging khususnya di Negeri Terengganu ini.

ini telah didatangi oleh pedagang-pedagang Arab yang mengembang agama Islam di Negeri China pada kurun ketujuh (M) yang pernah tiba di Pantai Timur Sumatera terdahulu daripada Marco Polo dalam tahun 1292M atau pedagang-pedagang India keturunan Arab dan kuat kemungkinan dari Perlak atau Pasai.

Islam telah tiba di Terengganu atau dibawa masuk oleh pengembang-pengembangnya dahulu daripada tahun Hijrah 702 atau 1303 Masehi. Ini boleh diperakui berpandukan rakaman tarikh "Batu Bersurat Terengganu" yang mengisytiharkan Islam menjadi agama rasmi negeri ini dan tafsiran tarikhnya tidaklah boleh diragui sebagaimana yang didapati pada bahan-bahan yang lain di negara kita. "Walau bagaimanapun corak pemerintahan Terengganu di abad ini, Islam terus berkembang perlahan-lahan dengan aman, tidak ada catatan sejarah yang menunjukkan perkembangannya diganggui dan perkembangan ini adalah selari dengan perkembangan Islam di Sumatera, Champa dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu amnya. Mengenai persoalan dari manakah masuknya Islam ke Tanah Melayu dan siapakah pendakwahnya? Dr. Hamka dalam bukunya Sejarah Umat Islam di m.s. 435 penerbitan Pustaka Antara Kuala Lumpur 1965 menyatakan antara lain:

Maka untuk menjelaskan soalnya lebih baik dipisahkan di antara kedua soal itu:

Soal pertama ialah masuk ke negeri-negeri Melayu.

Soal kedua, pembawanya orang Arab atau orang Islam India dan Persia. Menilik bahawasanya alat perhubungan pada masa itu ialah kapal layar, belum lagi kapal-kapal besar sebagai sekarang yang dapat melalui lautan dengan jarak jauh, nescaya tidak ada kemungkinan yang lebih dekat daripada kebenaran bahawa Pantai Malabar memang menjadi tempat persinggahan besar daripada kapal-kapal Arab yang berlayar berniaga ke sebelah timur pada masa itu.

Jalan ditempuh keduanya, pertama menyusur pantai Lautan Merah atau dari pantai sebelah selatan melalui Sungai Sind yang besar itu. Yang menyusur pantai Lautan Merah menyusur pula sampai ke Pantai Malabar. Jika angin baik kerana dapat langsung menuju Pelabuhan Kulam. Yang melalui Selat Persia bertemu lagi di Laut Benggala dan menyamakan haluan menuju Kulam.

Pemusatan pertama ialah Basrah dan Siraf, kemudian itu Oman, dari sana menuju Pulau Ceylon, atau Malabar atau Koromandel. Kemudian itu perhentian yang ramai terletak di Tanah Melayu, iaitu di Kalah. Setengah orang mengatakan Kalah itu ialah tanah Genting Kra. Setengahnya lagi mengatakan Kedah dan pendapat terakhir (dari Prof. Fatemi, Profesor tetamu di Universiti Malaya) ialah Kelang.

Rowlandson berkata, "Orang Islam Arab itu sejak pertama-tama sekali telah menetap di tepi Pantai Malabar, di akhir abad ke tujuh".

Dikuatkan pula pendapat ini oleh Francis Day dan diperteguhkan lagi oleh Sturrock "Sudah dimaklumi bahawasanya pedagang Persia dan Arab telah menetap sejak dari abad ketujuh dan lama sebelumnya di pantai-pantai sebelah barat India itu, berpencar-pencar di berbagai-bagai tempat dan kahwin dengan perempuan bumiputra. Dan Koloni mereka teristimewa di Pantai Malabar adalah besar dan penting".

Yang giat melakukan pelayaran dan perniagaan itu ialah orang Arab, orang Arab dari Oman, Hadramaut, Shamar dan Bahrein.

Oleh sebab kekuatan politik terpegang di tangan mereka, maka dengan sendirinya terpegang pulalah di tangan mereka kendali ekonomi. Perniagaan dan pengembaraan ke Timur itu telah sangat subur di zaman Bani Umaiyah dan lebih subur lagi di zaman Bani Abbas. Mereka telah mendirikan koloni dan perkampungan di Pantai Malabar dan sampai kepada zaman sekarang ini, golongan mereka itu, yang di sana dinamai orang kaum 'Mepalla' diakui sebagai turunan Arab dan mereka teguh memegang Mazhab Syafi'i, sebab Mazhab Syafi'i telah tumbuh dengan suburnya di pantai sebelah Utara Tanah Arab itu sejak abad-abadnya yang pertama.



'Sirih Pulang Ke Gagang' Penyerahan kembali Batu Bersurat Asal oleh Muzium Negara bagi pihak Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman pada hari Sabtu 23 Zulhijjah 1411 bersamaan 6 Julai 1991, jam 10 pagi di Wisma Darul Iman.

Al Mas'udi yang singgah di sana pada abad kesepuluh (916M) mendapati tidak kurang daripada 10,000 orang Arab yang berasal dari Siraf, Oman, Basrah dan Baghdad, lain dari keturunan mereka yang ibunya adalah perempuan bumiputra. Mereka itu terus berhubungan dengan tanah asalnya dan mengembara pula berniaga ke sebelah timur.

'Menurut kajian penulis amat besar kemungkinan masuk Islam ke Terengganu menerusi pendakwah daripada Pasai samada dari keturunan orang Arab atau orang Pasai sendiri kerana perhubungan rapat Terengganu dengan Pasai di zaman lampau. Ini boleh juga diambil kira dengan wujudnya batu nesan Aceh di kubur Tuk Raja Ri di Kuala Por dan makam Syarif Muhammad al Baghdadi di tebing Pantai Sheikh di Kampung Jenagor.

Di samping itu ada pendapat yang menyatakan: "Islam telah bertapak kuat di Negeri Kelantan di abad XIIM; hakikat ini dapat diketahui dari sekeping dinar emas yang dijumpai di Kelantan dalam tahun 1914M; menurut Penulis Sejarah Kelantan dinar emas itu mengandungi tulisan Arab; di muka pertama diukir perkataan (المتوكل) (al Mutawakkil) iaitu gelaran raja yang memerintah dan di muka dua diukir perkataan (الجلوس) yang diertikan menurut istilah bahasa Arab. "Naik singgahsana Kelantan tahun 577H" iaitu bersamaan tahun 1181, maka kemajuan Islam di Kelantan yang berjiran dengan Terengganu ini tentu sekali memberi kesan besar bagi kemajuan dan perkembangan Islam di Terengganu.[38]

---

38 Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi. Kertas Kerja "Perkembangan Islam Dari Zaman Permulaan Hingga Kini" Seminar Kedatangan Islam Ke Terengganu pada 13hb. -14hb. Rejab 1402 bersamaan 17hb.-18hb. Mei 1981 di Kuala Terengganu. (Tarikh 577 dalam angka Arab ada kemungkinan bacaannya 775 begitu juga tarikh di sebuah batu nisan didapati di Kedah yang menyebut Syeikh Abdul Kadir bin Husin Shah Alam dikatakan bertarikh 219H bersamaan 903M dan batu nisan di Permatang Pasir, Pulau Tambon, Pekan, Pahang dikatakan bertarikh 14 Rabie 419 (14.04.1028). Di dalam buku "Hikayat Pada Menyatakan Citra-Citra Tanah Melayu serta Pulau Perca dan Sebagainya" dicetak oleh Government Printing Office Singapore tahun 1885 (tiada disebut nama pengarang) menyatakan pada tahun 1276 Sultan Muhammad Shah di Melaka sudah masuk Islam. (Tarikh dan bahan-bahan tersebut patut dikaji dengan lebih mendalam oleh sejarawan dan pakar bahan-bahan purba bangsa kita sendiri.)
Menurut sejarah Pahang oleh Hj. Buyong Adil ada menyatakan sebelum negeri Pahang ditakluki oleh kerajaan Melayu Melaka, orang Melayu di Pahang ketika itu dipercayai belum beragama Islam. Sungguhpun dalam kurun Masihi ke 14 agama Islam sudah ada di Terengganu, tetapi orang Melayu di Pahang belum dapat dipastikan samada sudah beragama Islam kerana belum didapati bukti sejarah yang dapat dipegami (m.s. 27 & 29).
Dalam sejarah itu juga di muka surat 34 pula ada menerangkan:
' Setelah Pahang ditakluki oleh kerajaan negeri Melaka Sultan Mansur Shah telah menitahkan Seri Bija Diraja (Tun Hamzah, Dato' Bongkok) tinggal di Pahang........'. Beliau dilengkapi dengan gendang nobat, kecuali nagara (gendang tabal yang besar), dan payung iram berapit, dan pergilah Seri Bija Diraja menetap dan memerintah di Pahang. Puteri Pahang yang bernama

Kedudukan Tharha/Terengganu yang dicatat oleh Ptolemy dalam peta sebagai sebuah bandar yang jauh ke darat (Inland town), jauh dari laut menjadikannya selamat dari serangan musuh yang biasanya datang dari laut; maka ini memberi peluang kepada Islam untuk terus menerus berkembang dengan aman sehingga lahir sebuah masyarakat Islam yang besar abad ke XIIIM dan kemudian menjadi sebuah kerajaan Islam di akhir abad ke XIIIM (atau awal abad ke XIVM, tahun 1303M) di waktu kerajaan Buddha Seri Vijaya berkeadaan lemah dari pertengahan kedua abad ke XIIIM dan banyak jajahan takluknya mengambil peluang melepas diri dari kekuasaannya; maka kelemahan Seri Vijaya memberi peluang kepada Tharha/Terengganu menguasai Foloan/Kuala Berang dan lain-lain daerah pada tahun 702H = 1303 yang kemudiannya diberi nama "Benua Terengganu" sebagaimana yang terukir di Batu Bersurat dengan ibarat: (Maka titah Seri Paduka Tuhan menduduki tamra ini di Benua Terengganu."[39]

Mengenai setengah-setengah catatan berhubung dengan masuknya Islam di Kelantan di antara yang anehnya ialah ada yang menyatakan Ibnu Batutah (Abu Abdullah Mohammad bin Abdullah bin Ibrahim) sedemikian. "Salah satu dari bukti-bukti ini lagi ialah keterangan Ibnu Batutah dalam perjalanannya dari India ke negeri China. Ibnu Batutah yang sampai di Negeri Kelantan dalam tahun 1345 dan menggambarkan tentang Puteri Urduga (Dewi Durga). Raja Perempuan yang

---

Puteri Wanang (Onang) Seri itu diislamkan dan ditukar namanya kepada Puteri Lela Wangsa dan dikahwinkan dengan Sultan Mansur Shah ......

Mengenai kedatangan Islam ke Kedah menurut sejarah Kedah oleh Hj. Buyong Adil ada membuat catatan seperti berikut:

"Pada masa Maharaja Derbar II memerintah Kedah pada tahun 1136 (531H) ada seorang alim Islam dari negeri Yaman (di tanah Arab), bernama Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad bin Syeikh Qaumiri dengan sebelas orang kawannya datang ke Kedah lalu berjumpa Maharaja Derbar II di Istana Bukit Meriam. Oleh sebab baik budi bahasa dan kelakuan Syeikh Abdullah itu selalulah ia dibenarkan oleh Maharaja Derbar II datang mengadap baginda ke istana.

Pada suatu masa ketika mengadap Maharaja Derbar II di Istana Bukit Meriam, Syeikh Abdullah menerangkan kepada baginda serta menteri-menteri baginda berkenaan dengan kebaikan dan kemurnian agama Islam. Setelah mendengar keterangan Syeikh Abdullah baginda serta sekelian menteri bagindapun terbuka hati mereka dan cenderung kepada agama Islam, lalu mereka beramai-ramai diislamkan oleh Syeikh Abdullah. Setelah itu, mengikut cadangan Syeikh Abdullah, Maharaja Derbar II pun mengubah nama baginda dengan nama Islam yang diberi oleh Syeikh Abdullah iaitu Sultan Muzaffar Shah dan negeri Kedah diubah namanya menjadi Kedah Darul Aman. Tiada lama kemudian orang besar-besar baginda serta orang Melayu Kedah pun memeluk agama Islam. m.s. 7. Syeikh Abdullah dipercayai meninggal dunia dan makamnya di kaki bukit Gunung Jerai.

Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan itu menambahkan lagi mustahaknya kajian yang mendalam hendaklah dibuat ......

39 Ibid

bersemayam di Kota Kailurki (Kuala Krai) dapat bercakap dalam bahasa Turki dan menulis bismillah dengan huruf Arab adalah membuktikan wujudnya hubungan yang telah begitu lama antara orang-orang Islam di kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Asia Barat. Ibnu Batutah menggambarkan bahawa penduduk negeri Kelantan (disebutnya negeri Tawalsi dari nama rajanya) sebagai penyembah- penyembah berhala."[40]

Ini menunjukkan dengan terangnya kesilapan fahaman dari bacaan buku Rehlah Ibnu Batutah tersebut kerana nama Kailurki yang dianggap Kuala Krai itu, apa yang sebenarnya yang dicatat oleh Ibnu Batutah ialah setelah beliau sampai di satu tempat pelabuhan bernama Qalqalah yang dikatakan berhampiran dengan Kelantan (yang harusnya letak berhampiran dengan Kelantan-Patani-P.). Kemudian beliau belayar di laut China selama 34 hari menuju ke gugusan kepulauan Sulu[41] dan tiba di Talawasi serta berlabuh di pelabuhannya yang bernama Kailurki bukanlah Kuala Krai. Dan berjumpa dengan Raja Perempuan Urduga pandai bercakap dalam bahasa Turki dan pandai menulis bismillah dalam bahasa Arab (ada sebuah peta lama kepulauan Celebes menunjukkan sebuah bandar/pelabuhan bernama CURICURI.P.)

DI Zaman Keagungan Kerajaan Melaka

Ketika Negeri Melaka bertambah kuat dan makmur sepanjang kurun yang kelima belas (M), maka rajanya pun memasyhurkan dirinya sebagai Penaung Negeri-Negeri Melayu yang lain di sekitarnya. Tindakan ini ialah di antara sebab-sebabnya untuk bertanding dengan kebesaran Raja Siam.

Buku Sejarah Melayu cerita yang ke sebelas ada menerangkan bahawa Sultan Muhammad Shah[42] pernah mengagung-agungkan kebesaran kerajaannya sampai ke Beruas di sempadan sebelah Barat dan Terengganu di

---

40 Buku Pameran Hasil Sumbangan Islam Keluaran Jawatankuasa Kecil Pameran dan Sumbangan Islam di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia Sempena Sambutan Abad ke 15 Hijrah.

41 Rehlah Ibnu Batutah keluaran Darul Kutub Al-Ilmiyah Bairut cetakan I 1407=1987 m.s. 625-626. Dr. Othman Mohd Yatim dan Abd. Halim Mohd Nasir dalam buku Epigrafi Islam Terawal di Nusantara ada menyatakan di m.s. 10 sewaktu lawatan saya dan beberapa sarjana tempatan ke Peking pada tahun 1988, kami telah menemui Prof. Zhaou Nanjing, Pengarah Institut Asia Tenggara di Universiti Peking. Beliau memberitahu kami bahawa terdapat dua buah makam Islam di Nangking. Makam yang pertama kepunyaan seorang Sultan dari Brunei dan yang lain seorang raja Islam dari Sulu.

42 Raja Melaka Yang Ketiga 1424-1444

sebelah Timur. Sementara itu Sultan Mansur Shah[43] pula pernah menghantar suatu angkatan ke Pahang dalam tahun 1459M diketuai oleh Tun Perak (Bendahara). Angkatan ini telah menawan dan membawa balik Raja Pahang ke Melaka, dikatakan namanya Maharaja Dewa Sura yang di bawah takluk Siam atau dianggap raja itu sebagai naib Raja Siam dan digantinya dengan seorang ketua pahlawan Melayu yang bernama Tun Hamzah Seri Bija Diraja.

Daripada cerita yang kelapan belas pula kita dapati kisah yang menyatakan Sultan Mansur ada menghantar putera sulungnya bernama Raja Muhammad[44] (putera yang diperolehi daripada isterinya Puteri Dewa Sura?) ke Pahang, dan dianugerahi kepada puteranya itu tanah jajahan dari Sedili Besar hingga ke Terengganu.

Sehingga ke waktu itu, Raja Terengganu yang beragama Islam (Telanai), mungkin pernah memerintah dengan kuat kuasanya sebuah kerajaan sungai yang berpusat di Kuala Terengganu yang mempunyai suatu tempat perkubuan yang kedua di Kuala Berang atau sebelah hulunya yang tidak dapat diganggu oleh Siam, Pahang atau Melaka. Boleh jadi Telanai pernah menghantar ufti ke Melaka di kurun yang ke lima belas, tetapi tidak ada suatu kenyataan pun sebagai bukti yang menunjukkan beliau pernah diperintah oleh kerajaan Siam atau Naib Raja Siam di Pahang sebelum kekalahannya pada tahun 1459M. Sewaktu kemangkatan Sultan Mansur dan pertabalan Sultan Alauddin di akhir tahun 1477M maka bolehlah diambil kesimpulan bahawa beliau (Telanai) memandang Melaka tidak Pahang sebagai penaungnya biar apa jua pendapat yang bertentangan yang harus diambil oleh Raja Muhammad (kekanda Sultan Alauddin) yang merampas takhta Kerajaan Pahang selepas kemangkatan ayahandanya[45] itu.

Menurut cerita yang kedua puluh lima (Sejarah Melayu) ada mengisahkan perihal lawatan Telanai ke Melaka mungkin pada awal tahun 1478M. Beliau melawat untuk menyatakan taat setianya dan menjadi sahabat ikrab, di dalam waktu yang pendek.

Telanai seorang yang gagah perkasa lagi handal dan pernah menunjukkan kekuatannya cara menggunakan lembing dan dapat memecahkan buah kelapa yang tergantung di puncak pokok dengan melontar lembingnya. Kehandalan ini

43 Raja Melaka Yang Keenam 1456-1477.

44 Raja Muhammad Sultan Pahang Yang Pertama keturunan daripada Raja-Raja Melaka, menjadi sultan kira-kira tahun 1470. Mangkat kira-kira dalam tahun 1475. Haji Buyung bin Adil - Sejarah Pahang. m.s. 33-34.

45 M.C. ff Sheppard. m.s. 5.

mengingatkan kita kepada cerita yang ditulis dalam tahun 1600M oleh De Eredia[46] yang menyatakan ada beberapa puak orang Melayu Jakun Laut (orang Laut) pernah menduduki pantai Tanah Melayu sebelum lahirnya Kerajaan Melaka.

Orang-orang ini katanya telah menggunakan lembing yang dinamakan seligi untuk menangkap ikan dan dapat menikam ikan-ikan itu dengan tepatnya di dalam laut dengan menggunakan lain-lain senjata.[47]

Kematian Telanai

Kisah lawatan Telanai ke Melaka dengan mendapat sambutan yang baik itu telah sampai ke pengetahuan Raja Muhammad (dikenali juga dengan nama Sultan Ahmad atau Mahmud) Raja Pahang. Beliau sebenarnya masih menyimpan dendam dan merasa sakit hati kerana adiknya telah dipilih menduduki takhta Kerajaan Melaka, tidak dirinya dan menganggap tindakan Telanai itu sebagai satu penghinaan kepadanya. Setelah Telanai pulang ke Terengganu, lalu beliau mengutuskan Seri Akar Diraja (Ketua Istana Pahang dan putera kepada Tun Hamzah Bendahara Pahang) ke Terengganu. Setelah tiba, beliau pun memanggil Telanai, apabila Telanai enggan menemuinya kerana menyalahi adat, lalu dihantarnya beberapa orang tukang pancung untuk membunuhnya. Tidaklah diketahui berapa ramaikah keluarga Telanai yang mati dibunuh di dalam peristiwa tersebut, tetapi di dalam Sejarah Melayu cerita yang kedua puluh lima ada dinyatakan, tiga orang cucu lelaki Telanai bernama Megat Sulaiman, Megat Hamzah dan Megat Umar telah menyelamatkan diri datang ke Melaka dan memberitahu perihal kekejaman yang berlaku itu kepada Sultan Alauddin [48] yang melindungi keselamatan ketiga-tiga Megat ini dan memberi layanan yang baik.

Clifford ada menulis di tahun 1895M, antara lain katanya:-

"Beberapa orang keturunan Megat itu masih didapati di Terengganu dan adat mereka sebagai keluarga pemerintah di zaman lampau masih lagi dipelihara di negeri ini."

Menurut Hikayat Hang Tuah (hikayat yang dikumpul pada kurun yang keenam belas Masehi) didapati tidak sama tepatnya seperti buku Sejarah Melayu yang menyatakan bahawa Sultan Alauddin telah menumpukan segenap tenaganya untuk memerangi adiknya sebagai membalas bela ke atas kematian

---

46 Godindo De Eredia seorang pengarang dan pegawai di Melaka tahun 1613

47 M.C. ff Sheppard m.s. 5

48 Memerintah dari tahun 1477-1488M

Telanai, tetapi dapat dicegah oleh Bendahara. Hikayat ini menerangkan pula bagaimana Hang Tuah telah dihantar ke Istana Pahang dan merancang pembunuhan seorang waris ikrab Seri Akar Diraja dengan menikamnya di hadapan raja dan tiada dikenakan apa-apa hukuman. Dengan ini beliau dapatlah menunjukkan ketinggian semangat dan taraf orang-orang Melaka.

Samada peristiwa "menutup malu" itu benar berlaku atau tidak, nyatalah yang keluarga Telanai ini terhenti memerintah Terengganu kira-kira dalam tahun 1478M. Buku Sejarah Melayu cerita yang kedua puluh lima ada menyatakan pula bahawa Sultan Mahmud Pahang telah melantik Seri Akar Diraja sebagai naibnya, dan anak cucunya masihlah memerintah Terengganu semasa buku sejarah itu dikarang pada awal kurun yang ketujuh belas Masehi.

Di dalam cerita yang kedua puluh lapan menerangkan bahawa Raja Isap anak Maharaja Tuban Inderagiri di Sumatera telah dihalau oleh Tun Kecil dan Tun Ali orang besar Inderagiri lalu lari ke Lingga. Semasa itu nama Raja Lingga ialah Maharaja Terengganu dan baginda telah menjadikan Maharaja Isap itu menantunya. Setelah mangkat Maharaja Terengganu dilantiklah Maharaja Isap menjadi Raja Lingga.[49]

Keturunan Sultan

Keturunan sebenarnya pemerintah-pemerintah asal bagi Negeri Terenggan tidaklah dapat ditegaskan dengan sahnya. Menyebabkan hilang lenyap cerita bumiputeranya yang asli itu, hanya tinggal bekas-bekasnya sahaja yang didapati digunakan pada perkataan- perkataan yang khas bagi bahasa anak Terengganu jati. Lenyapnya kisah-kisah darihal dahulukala itu, tiba-tiba yang kita ketahui hanya kisah Negeri Terengganu itu diperintah oleh raja yang datang dari Johor iaitu pada tahun Masehi 1699 tatkala Sultan Mahmud Shah[50] keturunan daripada Sultan Melaka itu mangkat "di julang" di Kota Tinggi dalam Negeri Johor. Maka yang naik takhta menggantikan almarhum itu ialah bendaharanya[51] dengan mengambil gelaran Sultan Abdul Jalil Shah (Riayat Shah P.).[52] Daripada

---

49 M C ff Sheppard m.s. 6.

50 Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor Yang Kesepuluh (Marhum Mangkat di julang) dilantik dalam tahun 1685, mangkat kira-kira di dalam bulan Ogos tahun 1699 ketika berumur lebih kurang 24 tahun setelah menjadi sultan selama 14 tahun.

51 Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil anak Tun Abdul Majid Bendahara Padang Saujana.

52 Sultan Johor Yang Kesebelas, memerintah dari tahun 1699 hingga 1718.

ayahanda baginda itulah bermulanya keturunan Sultan Terengganu serta Sultan Johor dan Sultan Pahang pun juga.[53]

Menurut riwayat daripada suatu sejarah yang disalin dalam tahun 1276(H) (1859M) ada menceritakan bahawa Negeri Terengganu asalnya di dalam pemerintahan megat-megat[54] (ada dikatakan keturunan daripada Raja Batak Minangkabau). Datuk Bendahara Padang Saujana Johor (Bendahara Seri Maharaja) Tun Habib Abdul Majid meninggal dunia pada 7 Muharram 1109 (26.7.1697M) telah memerintah tiga orang pembesarnya iaitu Paduka Laksamana,[55] Paduka Seri Rama dan Paduka Raja mengambil Negeri Terengganu secara kekerasan daripada pemerintahan megat-megat. Dengan demikian berundurlah megat-megat Terengganu itu ke Pahang. Setelah itu Paduka Seri Rama pun balik ke Johor mengadap Datuk Bendahara. Kemudian diperintah kepadanya bersama-sama dengan Laksamana supaya pergi semula ke Terengganu untuk memerintah negeri itu, dengan diketuai oleh Seri Rama.

Kedua-dua pembesar ini telah mendiami di Kampung Teluk Menara (lebih kurang 9 km dari Bandar Kuala Terengganu) dan Paduka Seri Rama telah beroleh tiga orang anak bernama Cik Halimah, Ganda Abu dan Ganda Ahmad.

Tidak beberapa lama Paduka Seri Rama memerintah, maka berbangkitlah perselisihan antaranya dengan Laksamana hingga membawa akibat Seri Rama ditikam oleh Laksamana.[56] Menurut cerita itu lagi, Seri Rama ada memberitahu kepada laksamana semasa berlaku perkelahian, dengan berkata "Aku perintah ini bukanlah dengan kehendakku, sekarang hantarlah anakku bertiga itu ke Riau."

Kemudian ia pun meninggal dunia dan ditanam di Bukit Makam (Bukit Keledang yang terkenal di dalam bandar Kuala Terengganu), tetapi pada

---

53 R.O. Winstedt. Ilmu Alam Melayu-Third and Revised Edition. Fraser & Neave Limited Printers. Singapore 1925, m.s. 137.

54 Putera (Puteri Raja P.) yang perempuan, jika ia bersuamikan lain daripada bangsa raja, yang kurang daripadanya, maka beroleh laki-laki dan perempuan, maka anak itulah yang dinamakan Megat. Maka Megat itu, jika ia beristerikan barang bangsapun, jika ia beroleh anak, Megat juga bangsanya. Tawarikh Melayu. An Anthology of Malay History. Longmans, Green & Co Ltd 1958. First published 1958-Printed in Great Britain by Western Printing Services Ltd Bristol-m.s. 12.

55 (Anak Paduka Raja Tun Jalil, meninggal dunia di Terengganu kira-kira tahun 1688M).

56 Cerita ini ada keraguan tentang kebenarannya berkait dengan kematian Paduka Seri Rama ataupun tentang nama sebenarnya itu kerana ada seorang pahlawan Johor bernama Megat Seri Rama yang telah mati ditikambalas kerana membunuh Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Di Julang yang masyhur kisahnya) kira-kira dalam bulan Ogos tahun 1699M. Oleh kerana kematian Megat Seri Rama yang kisahnya mati dibunuh di Terengganu itu terdahulu jarak masa beberapa tahun dan peristiwa dari Megat Seri Rama yang mati membalas bela dalam tragedi Marhum Mangkat Dijulang beberapa tahun lamanya, maka haruslah dua Megat Seri Rama ini berlainan orangnya atau berlainan tubuh badannya masing-masing.



Makam Datuk Bendahara Padang Saujana.

akhirnya kubur Seri Rama itu dibongkar, kononnya didapati alamat supaya mayatnya dihantar ke Riau. Selepas kejadian ini Datuk Padang Saujana telah menghantar Bendahara Hasan atau Tun Husain (anak saudara Zainal Abidin dan putra Sultan Abdul Jalil) ke Terengganu dengan dibawa bersamanya Ganda Abu (Ganda Ahmad tinggal di Riau dan Cik Halimah pergi ke Mekah).

Ganda Abu telah beristerikan Siti Mariam anak Tuk Pit yang membuka tanah kawasan Bukit Puteri hingga ke Kampung Tanjong dengan perintah Bendahara Hasan. Dengannya beroleh lima orang anak di antaranya Cik Hamidah yang menjadi isteri Engku Tanang Wangsa, seorang putera Sultan Zainal Abidin Yang Pertama.

Menurut suatu cerita lain, ada menyatakan selepas Bendahara Hasan memerintah Terengganu maka negeri ini telah diperintah oleh empat orang pembesar, iaitu Tun Zain Indera dan tiga puteranya (Tun Yuan, Tun Sulaiman dan Tun Ismail).

Menurut satu cerita pula, Tun Zain Indera telah memerintah tiga orang puteranya pergi ke Johor mengadap Datuk Padang Saujana kerana memohon tanah Pantai Layang (Balik Bukit)[57] dan Pulau Peria (Pulau Duyong)[58] serta membawa persembahan emas sebanyak dua lengan baju.

---

57 Dalam bandar Kuala Terengganu.

58 Sebuah pulau dalam Sungai Terengganu bertentangan Kampung Balik Bukit, di dalam Bandar Kuala Terengganu.

Permohonan itu dimakbulkannya, serta masing-masing menerima pula gelaran iaitu Tun Yuan menjadi Bendahara di sebelah Hulu, Tun Sulaiman menjadi Sultan di Pantai Layang[59] dan Tun Ismail menjadi Menteri Tersat.

Tun Sulaiman dipanggil orang Tuk Raja Kilat dengan sebab pantasnya pergi mari ke Johor dan khabarnya semasa Sultan Zainal Abidin Yang Pertama tiba di Terengganu beliau sedang memerintah Kuala Terengganu.

Tuk Raja Kilat ada pergi ke Patani dan berkahwin dengan saudara Datu, bernama Wan Mas Kamala, (ianya dikatakan menjadi cucu kepada Tuk Raja Mahametri Patani) kemudian dibawa balik isterinya ke Terengganu. Apabila beliau beroleh anak bernama Wan Sibok, gelaran Orang Kaya Indera Wangsa (kata setengah cerita ianya dikenali juga dengan nama Tuk Kaya Padang) maka datanglah Datu ke Terengganu dengan alasan hendak melihat anak saudaranya, tetapi setelah tiba ke Terengganu, ia beristeri dengan saudara Sultan Zainal Yang Pertama dan mendapat seorang anak dinamakan Raja Mas Adinda di Padang (dikatakan nama Datu itu ialah Wan Ismail, kuburnya di Seberang Bukit Tumboh, Kuala Terengganu).

Maka berkemungkinan Tuk Kaya Padang ini juga dikenali dengan nama Tun Zain atau Tun Indera yang mula-mula membuka Tersat Hulu Terengganu. Menurut cerita-cerita yang penulis dapati semasa melawat ke Hulu Tersat di dalam bulan Oktober tahun 1953M, orang- orang tua di situ ada menceritakan, khabarnya orang yang mula- mula membuka Tersat ialah Tun Zainal, dikenali juga Tun Indera, asal keturunannya dari Johor, ia dipanggil juga Tuk Kaya Padang, kuburnya sekarang dikenali dengan nama "Tuk Kuala Pur" letaknya di tengah jalan antara Kuala Menjing dan Durian Bador (di dalam Tersat). Dari kesan peninggalannya itu masih ada nama "Dusun Tua" dan ianya mempunyai seorang anak bernama Tun Miah. Tun Hamzah (seorang penghulu Tersat, Hulu Terengganu) adalah keturunan dan titisan daripada Tun Miah tersebut. Adalah dikatakan juga, Tun Zainal ini mempunyai beberapa orang pegawainya, dan kubur-kubur mereka masih boleh didapati sekarang iaitu: Tuk Berang, kuburnya di hilir Kampung Tapah sebelah kanan mudik, Tuk Berdiam Mahmud, kuburnya di Kuala Menjing, Tuk Bukit Jerat Jening dan Tuk Setia Jerat Kuala Menjing (kedua-dua kuburnya di dalam Tersat Hulu Terengganu).

Ada juga seorang raja Terengganu yang bernama Raja Muhammad, menurut Sejarah Melayu cerita yang ketiga puluh empat menyatakan ayahanda Raja Muhammad itu ialah Raja Kelantan cucu Raja Iskandar Shah, beliau datang

59 Balik Bukit Kuala Terengganu.

mengadap Sultan Mansur Shah Pahang[60] dan berkahwin dengan dua pupu baginda serta beroleh seorang putera yang baik rupa paras dan sikapnya lalu dijadikan anak angkat, dengan diberi nama Raja Ahmad. Cerita itu menerangkan lagi setelah Raja Ahmad tahu berjalan jatuh, ayahanda bondanya pun mangkat, ini menyebabkan Sultan Mansur bertambah lagi kasih sayang dan belas kasihan terhadapnya. Pada akhirnya, baginda mengahwinkannya dengan putera baginda yang bernama Raja Puspa Dewi dan beroleh seorang putera dinamakan Raja Umar.

Ada juga didapati di dalam sejarah menyatakan, bahawa selepas tahun 1587M baharulah kedengaran Terengganu ada mengambil bahagian di dalam perjuangan di antara Melayu dengan Portugis semasa Portugis menyerang Johor dalam bulan Julai tahun 1587M diketuai oleh Antonio De Noronha, maka Raja Johor (Sultan Mudzaffar Syah II) telah meminta bantuan dari Raja Terengganu, Inderagiri dan Kampar. Meski pun orang-orang Terengganu merupakan benteng pertahanan seramai sepuluh ribu orang, tetapi mereka tidak berdaya melawan serangan panglima Portugis Don Paulo De Lima Pereira yang datang memerangi Johor pada 6 Ogos 1587. Setelah serangan Portugis dalam bulan Julai tidak berjaya, panglima tersebut telah membinasakan pekan Johor Lama. Pada kurun yang berikut pemerintah Terengganu nampaknya tidaklah mengambil apa-apa bahagian dengan Negeri-Negeri di Sumatera dan Portugis. Meskipun Johor telah dikalahkan oleh Aceh dalam tahun 1564M, 1618M dan 1620M dan Pahang dikalahkan pada tahun 1617M, 1620M dan 1635M, namun Terengganu tidaklah diusik oleh orang-orang Aceh dan dengan sendirinya telah menjadi tempat penghijrahan yang digemari oleh mereka yang lari dari peperangan itu. Di dalam buku-buku sejarah ada menyatakan Negeri Terengganu dan lain-lain negeri Melayu seperti Pahang, Perak dan Kedah pernah ditakluki oleh Sultan Iskandar Muda (Mahkota Alam) Raja Aceh, (1607 - 1619M).

Pada kurun Masehi yang ketujuh belas pemerintah Johor yang kehilangan takhta kerajaannya telah acapkali melarikan diri ke Pulau Riau dan selepas Batu Sawar (di Hulu Johor, pusat pemerintahan Kerajaan Johor Lama mulai zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah) dikalahkan oleh Jambi di dalam tahun 1673M, maka kawasan ini telah disediakan oleh Laksamana Hitam Paduka Raja untuk Sultan Ibrahim putera Yamtuan Muda Raja Bajau cucu Sultan Abdullah Raayat Shah (1677 - 1695M).

---

60 Baginda adalah Sultan Pahang Yang Keempat menjadi Sultan kira-kira dalam tahun 1512M, setelah mangkat Sultan Abdul Jamil Sultan Pahang yang ketiga (HBA. Sj. Phg. m.s. 42)

Tamak haloba Laksamana Hitam itu kepada kekuasaan dan pangkat, bolehlah dibuktikan dengan tindak-tanduk mengahwinkan puterinya dengan putera Sultan pada tahun 1685M. Ini menyebabkan beberapa rakannya bermuafakat hendak membunuhnya tetapi beliau sempat melarikan diri ke Terengganu pada tahun 1688M dan tinggal di sana hingga akhir hayatnya. Selepas itu Tun Muhammad putera Bendahara Tun Rantau telah tidak disukai lagi di Riau, yang demikian ia pun datang menetap di Terengganu juga. Dua puluh tahun kemudiannya keturunan yang pertama dari Bendahara Sultan itu pun memilih Terengganu sebagai negeri tempat buangannya.

Di dalam buku "Chanai Bachaan" ada mengandungi suatu cerita yang disalin daripada Hikayat "Bunga Rampai Besar". Cerita ini membayangkan pada suatu masa dahulu kononnya di Negeri Terengganu sangat ramai orang menyabung ayam dan rajanya pun mengambil bahagian sama.

Ada seorang anak raja yang bernama Raja Chulan telah datang ke Terengganu dari Melaka kerana hendak menyabung ayam. Beliau turun di Pulau Sekati Lima (Pulau Sekati),[61] bertentangan dengan Kuala Inderus (Kuala Nerus). Pertaruhan yang pertama telah dilakukan sebanyak tiga ratus empat kati emas. Maka dengan helah tipu daya Raja Chulan, ayam Raja Terengganu telah dapat ditukar kepadanya dan beliau telah mendapat kemenangan di dalam pertaruhan itu, ini menyebabkan Raja Terengganu sangat murka kepada juaranya yang bernama Pak Sembulong hingga diperintah supaya dicungkil matanya.

Kemudian suatu pertaruhan yang lain pula diadakan dan Raja Terengganu telah meminta kepada Pak Sembulong yang sudah buta mata itu berikhtiar untuk mengalahkan ayam Raja Chulan. Pertaruhan kali ini pula pihak Raja Terengganu ialah separuh negeri, dan pihak Raja Chulan ialah bahteranya. Pada akhirnya ketika ayam Raja Terengganu menggelepar hendak mati di dalam sabungan yang hebat itu, maka anak Pak Sembulong telah memberitahu kepada bapanya tentang kejadian itu, lalu Pak Sembulong pun berkata: "Jikalau demikian, terbanglah lawanmu", maka ayam Raja Terengganu pun mati dan ayam Raja Chulan itu terbang ke bahteranya lalu bahteranya itu tenggelam dan orang-orangnya mati. Kemudian Terbang pula ke dalam Istana Raja Terengganu, maka istana itu pun menjadi terbakar serta melarat ke serata pekan hingga tujuh hari tujuh malam baharulah api itu padam dan Raja Terengganu pun menjadi huru-hara."

Samada cerita ini sebagai satu dongeng atau kurang tepat dapatlah diagak dan dijangka bahawa Negeri Terengganu dari dahulu lagi telah ada raja-rajanya.

---

61 Di dalam Sungai Terengganu lebih kurang 4.83 km dari Kuala Terengganu ikut sungai.

Malangnya tidaklah dapat disahkan siapakah namanya yang sebenar, dari manakah datang dan keturunannya. Cerita ini haruslah sebahagiannya boleh dianggap ada berlaku seperti kejadian menyabung ayam dari zaman purbakala di Pulau Sekati yang masih kekal namanya ke hari ini kerana sempena dari pertaruhan sekati emas sehari kononnya dan nama Kampung Teluk Pasu.

Kalau kita melawat ke Hulu Terengganu seperti di dalam Tersat, Hulu Berang, Sungai Besar (Jenagar), Telemong dan lain-lain, kita boleh berjumpa kubur-kubur lama yang dipanggil dengan berbagai-bagai nama. Setengahnya pula dengan nama-nama janggal dan dipercayai mereka itu sekalian adalah daripada mereka yang datang ke negeri ini dari zaman-berzaman tetapi sukar hendak menentukannya satu persatu kalau dibanding nama-nama di dalam buku-buku sejarah melainkan nama-nama yang masyhur yang tidak berubah.

Di dalam tahun 1335H (1916M) orang-orang di Kampung Tasek, di daerah Setiu, Besut, semasa menggali sebuah perigi terjumpa beberapa buah periuk yang diperbuat daripada tanah bakar. Di dalamnya ada beberapa gelang kaca warna biru bersegi tiga, tampangan di sebelah luarnya kelihatan telah haus kerana sudah dipakai, tetapi tidaklah ada sesiapa pun yang dapat menerangkan apakah bangsanya kubur manusia yang ditanam di situ, cuma ada yang menjangka haruslah kubur orang Siam.

Telah sekata di dalam buku-buku sejarah, Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja anak Tun Habib Abdul Majid Datuk Bendahara Padang Saujana Johor ialah Sultan Terengganu pertama setakat yang diketahui dengan jelasnya. Beliau diputerakan di Johor dalam tahun 1089H (1678M), menaiki takhta kerajaan dalam tahun 1726 menurut kebanyakan riwayat dan mangkat pada tahun (1733M). Daripada keturunan bagindalah kesultanan Negeri Terengganu memerintah negeri ini hingga sekarang.

Asal Nama Terengganu

Nama Negeri Terengganu semenjak yang diketahui adalah kekal disebut seperti namanya sekarang tidak berubah sebagaimana yang berlaku kepada Negeri Pahang dari nama "Indera Pura" dan Singapura daripada nama "Temasik" dan lain-lain negeri.

Menurut cerita yang dikatakan dapat didengar daripada Marhum Baginda (Sultan Umar, Sultan Terengganu yang kesembilan memerintah 1839-1876, kononnya pada zaman dahulukala sebelum negeri ini dikenali dengan Terengganu, ada suatu rombongan dari negeri Pahang mengembara di sebelah Hulu Terengganu kerana memburu. Apabila angkatan itu sampai ke Sungai Terengganu Mati, seorang daripadanya berjumpa sebatang taring, kata seorang

di antara mereka; "Taring apakah?, jawab seorang pula "Taring anu..." kerana tidak ingat hendak menyebut namanya. Kisah perbualan mereka habis begitu sahaja.

Selang beberapa hari kemudian, kumpulan itu berjumpa pula dengan seekor rusa dan dapat dibunuhnya. Apabila orang-orang yang berjumpa rusa itu membawa balik perburuannya ke tempat perhentian mereka, maka bertanyalah masing-masing "dimanakah dapat rusa itu? jawab mereka yang berburu "di tempat taring anu". Ada pula di antara kumpulan itu berjumpa kayu gaharu, apabila ditanya; di manakah tempat yang dijumpainya", jawabnya,"Di tepi sungai taring anu", lama kelamaan lekatlah dipanggil nama "Terengganu".

Penulis ada juga mendengar cerita-cerita lain yang menyebabkan dinamakan "Terengganu". Seumpama cerita yang menyatakan asalnya daripada "Terang-nya-ganu" dan "terangnya anu". Ada pula cerita yang menyatakan menurut kata orang tua-tua, pada zaman dahulukala, pada suatu masa, ada kelihatan "cahaya kilat yang memancar, di kaki langit" kejadian itu berlaku pada suatu malam kononnya ramai orang duduk di tepi pantai di Negeri Kelantan, kerana hendak memerhatikan cahaya kilat yang amat terang-benderang di angkasa langit berhadapan dengan mereka disertai dengan bunyi yang terlalu dahsyat sebagai petir membelah bukit, sinar cahayanya terang-benderang itu sampai ke Kuala Terengganu, oleh kerana hendak memperingati had sempadan terangnya cahaya yang ganjil itu maka dinamakan tempat itu "Terang Ganu" kemudian manakala sudah menjadi negeri, dinamakan negeri itu "Negeri Terengganu" (terang hingga nu-" terang hingga ke sana). Sama ada cerita ini benar atau tidak, belumlah dapat penulis mengesahkannya.

Menurut cerita yang dikemukan oleh Dato' Kamal Wangsa Haji Jafar bin Mampak seperti berikut pula: "Ada satu taring yang besar tidak sampai sebesar gading gajah tetapi lebih besar dari taring-taring binatang liar yang lain didapati di sebuah pulau yang berhampiran dengan kuala sungai iaitu Pulau Duyong.

Kerana berlainan sangat rupa taring itu, maka ketua pulau itu pun menyembahkan taring tersebut kepada Raja. Apabila Raja bertanyakan taring apa itu, dengan tergesa-gesa mereka menyembahkan "Taring anu Tuanku".

Oleh kerana pulau itu di seberang Sungai Terengganu yang berhampiran dengan kualanya, maka sungai itu pun dipanggil orang sungai "Taring Anu" hingga orang-orangnya pergi ke hulu sungai pun memanggilnya sungai Taring Anu.

Satu cerita lagi mengatakan pada satu masa dulu, satu rombongan dari Kelantan belayar sampai di Kuala Sungai Taring Anu (Kuala Terengganu). Sesampainya mereka di waktu petang, hari pun sangat redup dan gelap serta

hujan renyai-renyai. Kebetulan di waktu itu ada cahaya terang di awan-awan langit dipanggil orang "Ular Mayang" orang Kelantan kata "Pelangi".

Mereka pun bertanya: Di sini orang panggil apa?

Jawab orang negeri ini: "Kami panggil ganu".

Kata mereka: "Terang sungguh ganu di sini".

Apabila mereka balik ke Kelantan, mereka pun bercerita "Negeri jiran kita bukan main terang ganu di sana serta diterangkannya erti ganu itu.

Suatu kemungkinan mengenai nama Terengganu terbit dari nama Sungai "Terengan" timbulnya pendapat ini, setelah penulis dan rombongan Persatuan Sejarah Cawangan Terengganu, membuat lawatan ke kawasan itu pada 5 hingga 11hb. Julai 1975 serta memerhati keadaan di sekelilingnya dan letak pecahan sungai itu.

Muara Sungai Terengan berpecah dua, sebelah kanan mudik menghala ke Sungai Kerbat dan di sebelah kirinya Kuala Terengan dan Sungai Terengan. Terengan pada masa dahulu telah menjadi sebuah Kampung di Hulu Terengganu, jaraknya dari Kuala Terengganu Mati lebih kurang 24 km atau 40 km dari Kuala Berang mengikut sungai.

Oleh kerana keadaan pecahan anak sungai sedemikian kemungkinan pada zaman dahulu orang ada bertanya dengan soalan ini: Hendak ke mana? ke Terengan...nu (sana) atau ke Terengan...ni (ini) bererti ke Sungai Terengan atau ke Sungai Kerbat.

Ataupun terbit dari sebutan panggilan atau pertanyaan dari penduduk-penduduk asli yang datang atau mengembara dari sebelah jalan Hulu Pahang atau Hulu Kelantan yang sampai ke pecahan Hulu Sungai Terengan itu, lalu mereka pun bertanya: Ke mana hendak pergi atau hendak tuju? ke Terengan ni atau ke Terengan...nu.

Adalah dikatakan menurut pendapat ahli-ahli kajibumi yang melawat ke sebelah Hulu Terengganu, bahawa di bahagian hulu itu asalnya boleh dikatakan laut atau sungai besar dengan berpandukan kepada kesan-kesan dan tanda-tanda yang dijumpai, maka haruslah keadaan itu kembali masanya beribu-ribu tahun dahulu.[62]

Menurut catatan sejarah, ada pelawat-pelawat Cina pada masa dahulu memberi nama Terengganu dengan "TING CHIA HSIA LU" (Teng Ka Ha Lo di

---

62 Menurut catatan Ling-Wai Taita, susunan Chao Chu-Fei tahun 1178, ada menyebut nama Foloan "Kuala Berang, yang dikatakan sebagai sebuah pelabuhan teragung di Tenggara Asia yang membuat perhubungan dengan Indo China dan Serivijaya-Paul Wheatkey.m.s. 69.



Kuala Terengganu Mati. Kini kawasan ini ditenggelami oleh Tasik kenyir.



Kuala Terengan. Kini kawasan ini ditenggelami oleh Tasik Kenyir.

dalam bahasa Hokkien) dan "TING KA HA LOU" dalam bahasa Kantonis. Dalam peta Wu Pei Chih, yang diperbuat di antara tahun 1511M, dan 1601M, berdasarkan kepada kenyataan yang diambil daripada pelayaran Cheng Ho[63] ke Tanah Melayu di kurun Masehi yang kelima belas ada menunjukkan Pulau Tinggol (di hadapan Dungun) dan beberapa buah pulau di Negeri Terengganu dan Kelantan. Di dalam peta yang diperbuat oleh Linschoten tahun 1623M, Negeri Terengganu disebut "Perengenaok" (Harus kepelatan dari perkataan Terengganu. Bertukar T kepada P dan "nu" kepada "naok"). Peta ini ada menunjukkan nama Capas (Pulau Kapas), Pulau Redang dan beberapa pulau yang bernama Fancian yang letaknya di tempat Pulau Perhentian sekarang. Meskipun Linschoten ada menunjukkan Calntao (Kelantan) dan Patani (Petani), Padram (Batu Pahat) Muar, tetapi tidak ada dimasukkannya Pahang atau Johor.[64] Dalam peta sebelum TM 1500 di antara negeri yang tercatat, Terengganu ditulis Pontican, Pahang, Paan dan Kelantan, Calantan.

Di dalam syair Jawa yang bernama "Nagarakertagama" yang dikarang dalam tahun 1365 oleh Prapancha seorang sami agama Buddha di Majapahit ada menyebutkan nama beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang tertakluk kepada Majapahit, di antaranya ialah Terengganu, Dungun dan Paka (kedua-dua yang akhir ini ialah daerah dalam Terengganu). Pengarang sejarah China yang bernama Chao Ju Kua[65] yang menulis di dalam tahun 1225M ada menyebut nama Terengganu dengan Tong Ya Nong dan Kai Lan Tan (Kelantan) sebagai dua buah pelabuhan di Pantai Timur Semenanjung di bawah pemerintahan Seri Vijaya Palembang. Pelliott seorang ahli sejarah yang menulis dalam tahun 1904M ada menyebut beberapa nama di dalam bahasa Cina yang diambil daripada buku Cina iaitu nama Tin Ko Nou, Ting Kia Lou dan Ting Ko Lo, nama-nama bagi Negeri Terengganu.

Kemungkinan boleh berlaku juga, nama Terengganu itu diambil asalnya dari perkataan "Terengganí" dari bahasa Tamil bererti 'Tanah Berbukit', dan nama itu diberi oleh pelawat India yang mungkin sampai di Terengganu pada zaman dahulukala, kerana dilihatnya negeri ini di sepanjang pantainya dari laut banyak berbukit.

Batu bersurat yang dijumpai di Kampong Buloh, Kuala Berang, kira- kira tahun 1887M menyatakan tulisan perkataan Terengganu itu ialah "Terenkanu"

---

63 Laksamana Cheng Ho (semasa kecil bernama Ma Ho), dikatakan beragama Islam. Pernah melawat Alam Melayu dalam tahun 1405M, dan melawat Melaka dalam tahun 1409. Beliau menjadi utusan Maharaja Yung Lo dari keluarga Ming (1405-1433).

64 Ibid. m.s. 7. Prenggenaok kemungkinan, perkataannya Terengenaok, (Terengganu)

65 Pernah pada suatu masa, menjadi Pesuruhjaya Perdagangan Luar di Chuan Chou.

(ترڠکانو) dan di atas duit timah (pitis) yang bertarikh 1310H (1891M) ejaannya "Terqanu (ترقانو)

Maka di antara nama-nama itu didapati Terengganu ditulis TERIANGGANO. Bilakah Terengganu digelar "Darul-Iman" tidaklah dapat penulis menentukan dengan sah, tetapi semasa pemerintahan Sultan Umar (Marhum Baginda 1839-1876) ada dikatakan gelarannya "Darus-Salam".


Batu Bersurat

Jika menulis berkenaan sejarah Negeri Terengganu, maka tidaklah lengkap sekiranya tidak disentuh atau dimasukkan bersama berkenaan "Batu Bersurat" yang dijumpai di daerah Kampung Buloh, Kuala Berang, Hulu Terengganu kerana batu itu boleh dianggap satu "Pusaka Suci" yang sangat berguna bagi kajian dari berbagai-bagai aspek, terutama mengenai tarikh sampainya Agama Islam di tanahair, cara pemerintahan dalam negeri, perintah-perintah hukuman agama yang dititikberat semasa Agama Islam mulai menjalar, dan menunjukkan tulisan itu adalah satu tulisan huruf Jawi/Arab yang tertua pernah dijumpai di Alam Melayu.

Kisah bagaimana batu ini dijumpai dan menjadi masyhur, menurut cerita yang penulis dapati ialah, kira-kira pada tahun 1902, ada seorang ahli perniagaan keturunan Arab bernama Saiyed Husin bin Ghulam Al Bukhari[66] yang semasa itu sedang menyiasat kawasan tanah-tanah yang dijangka ada mengandungi bijih di Hulu Terengganu. Ia telah membuat perkiraan dan rundingan supaya pekerjaan melombong dapat dijalankan di dalam satu kawasan tanah di Bukit Tawang Hulu Terengganu. Seorang bangsa Australia bernama Hendry Gild telah bersetuju menjalankan perusahaan ini dan ia telah membuka pejabatnya di Kedai Binjai dalam bandar Kuala Terengganu.

Saiyed Husin kerapkali mudik ke hulu melawat kawasan Bukit Tawang. Dalam masa persinggahannya di Kampung Buloh, tiba-tiba ia telah tersua dengan sebuah batu bersurat yang dijadikan pengalas membasuh kaki untuk naik ke atas surau, kemudian batu itu dibawa hilir ke Kuala Terengganu dan dipersembahkan kepada Al Marhum Sultan Zainal Abidin Al-Haj Yang Ketiga, dan baginda memerintahkan supaya disimpan di atas Bukit Puteri yang pada mulanya dibawa ke Jabatan Hal Ehwal Agama.


66 Beliau meninggal dunia dalam tahun 1349H (1930), ditanam di tanah perkuburan Syeikh Ibrahim Kuala Terengganu. Bagi mengenangkan jasanya serentang jalan raya di dalam bandar Kuala Terengganu telah diabadikan dengan nama (Jalan Saiyed Husin) iaitu jalan yang melintang Jalan Masjid dan Jalan Tok Lam.




Sebuah Peta lama yang dibuat oleh Wu-Pei-Chih. Nama Terengganu, dirakamkan dengan "Teng-Ka-Ha-Lo".



Peta ini menunjukkan nama-nama negeri menurut Wang Ta-Yuan dalam tahun 1349, antaranya Ting-Chia Lu (Terengganu) dan Foloan.



Peta yang dicatat dari rakaman Ling Wai Tai Ta menunjukkan nama "FO-LO-AN" (Kuala Berang).



Peta tempat berjumpa Batu Bersurat Terengganu.

Kira-kira dalam bulan Julai tahun 1922, Mejar H.S. Peterson Penolong Penasihat British di Terengganu dan juga menjadi Ketua Bandaran[67] telah membawa batu itu ke Pejabat Bandaran Kuala Terengganu serta dikapur sekalian huruf-huruf tulisannya, tetapi dapat dibacanya secara lebih kurang sahaja.

Menurut catatan Peterson,[68] batu itu telah dijumpai lebih kurang 25 tahun dahulu di daerah Kampung Buloh, Kuala Berang, Terengganu.

Oleh kerana daerah ini letaknya di dalam sebuah kawasan yang berhampiran dengan tiga buah anak sungai adalah dijangka menjadi suatu kawasan pusat perniagaan di suatu masa yang lampau dan haruslah juga menjadi kepala negeri, tegas beliau.

Semasa rombongan Professor S.Q. Fatimi, Mahaguru Pelawat Hal Ehwal Pakistan di Universiti Malaya, melawat ke kawasan ini di dalam bulan Ogos 1959M. Bersama-sama penulis, beliau berpendapat memanglah kawasan ini pada masa dahulu munasabah menjadi pusat pemerintahan negeri atau sekurang-kurangnya menjadi kepala daerah atau jajahan.

Haruslah berguna, kiranya penulis petik sedikit lagi apa yang dibayangkan oleh Peterson berkenaan Batu Bersurat itu, di antara lain katanya:

"Menurut cerita mulut orang-orang di tempat itu menyatakan, Batu Bersurat ini terletak beberapa lama di hadapan sebuah surau dengan dijadikan pelapik kaki untuk membasuh kaki mereka yang hendak naik ke atas surau. Cerita ini bolehlah ditahkikkan dengan adanya sebahagian batu itu sudah haus oleh kesan-kesan tapak kaki". Selanjutnya cerita ini menerangkan lagi, seorang imam di surau itu tatkala berjumpa batu tersebut (dianggarkan kira-kira dalam tahun 1887M),[69] maka diperintah supaya dipindahkan daripada tempat yang disangka keramat itu ke sungai yang berhampiran di situ, akhirnya batu itu dijumpai oleh Saiyed Husin.

Maka apa sebabnya batu itu dipindah, Peterson telah menerima maklumat yang menyatakan bahawa orang Melayu di Kuala Berang ada mempunyai suatu kepercayaan kuno iaitu enggan menyimpan batu tersebut.

---

67 Semasa itu Penasihat British Terengganu ialah J.L. Humphreys.

68 JMBRAS Jilid II bahagian III bertarikh (bulan Disember 1924). Peterson mulai datang ke Terengganu dalam bulan Julai 1920.

69 Professor Dr. Syed Naguib Al Attas, Professor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dan Dekan Fakulti Sastera Universiti Kebangsaan Malaysia, telah menegaskan di dalam satu pengumumannya menurut siaran Utusan Melayu bertarikh 20 January 1971, mengatakan bahawa Batu Bersurat Terengganu mula dijumpai pada kali pertama ialah dalam tahun 1887M.


Penulis telah melawat ke kampung ini beberapa kali kerana menyiasat dan mencari berita-berita dan bahan-bahan yang sah yang boleh menunjukkan bagaimana batu itu dijumpai orang, dari sejak tahun 1953. Maka orang-orang tua di kampung itu yang setengahnya telah menyaksikan sendiri batu itu semasa berada di tebing sungai yang sekarang sudah kering airnya, bertentang dengan Kuala Tara menceritakan bahawa di tempat batu itu dijumpai orang (kira-kira tahun 1887M) ialah di tebing (sebelah kanan mudik) Kampung Buloh, jauhnya dari masjid kampung itu sekarang lebih kurang 1/4 batu (.40 km) dan tanah itu masyhur dikenali hingga sekarang dengan nama "Tanah Batu" mengambil sempena dengan batu yang dijumpai. Apabila tebing sungai itu runtuh oleh hakisan air, maka batu itu telah kelihatan timbul, keadaannya terbenam di dalam tanah lebih kurang empat kaki. (Sungai di kawasan itu sudah kering).




Saiyed Husin bin Ghulam al Bukhari yang menjumpai Batu Bersurat di surau lama Kampong Buloh Kuala Berang dalam tahun 1902 dan dibawa ke Kuala Terengganu. (Bergambar dalam tahun 1902-an) – Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.

Dari situ dipindah ke sebuah surau. Sekarang surau itu telah roboh dan tiada lagi, dikenali dengan nama surau Tuk Abdul Rashid yang telah meninggal dunia kira-kira 100 tahun dahulu. Surau itu dikatakan adalah masjid lama Kampung Buloh, dari surau itu kemudian dibawa ke Kuala Terengganu setelah dijumpai oleh Saiyed Husin.

Engku Pengiran Anum, (Engku Abdul Kadir bin Engku Besar Paduka Raja) semasa hayatnya (meninggal dunia pada 14.8.1963) ada mencerita kepada penulis bagaimana batu dijumpai di Kampung Buloh, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Ceritanya itu adalah bersamaan bagaimana yang catatannya ada tersiar di dalam majalah "Tanah Melayu Dari Segi Sejarah" keluaran bulan Oktober 1962, bilangan 2.



Di sebelah kanan gambar yang kelihatan sebahagian pohon kelapa ialah Kampung Buloh bersempadan dengan Tanah Batu, manakala bukit yang nampak jauh di sebelah kanan sekali ialah Bukit Tawang. Pandangan hadapan yang kelihatan pohon-pohon kelapa ialah Tanjung Tara dan dihadapannya pula Padang Tara.



Ini "Tanah Batu" yang bersejarah, tempat terjumpanya Batu Bersurat. Tanah ini sekarang *dipunyai oleh Cik Munah binti Hamid Kampung Buloh, luasnya lebih kurang 0.429h, Lot 827, KRM 245.*



Tapak Surau Lama, di Kampung Buloh, Kuala Berang, di mana Batu Bersurat dijumpai oleh Saiyed Husin Al-Bukhari dalam tahun 1902M. Di sebelah kiri lebih kurang 100 m letaknya Tanah Batu.

Ringkasan kisahnya ialah: Kira-kira dalam tahun 1320H (1902M) semasa itu berumur 15 tahun, pada suatu hari beliau mudik berperahu ke Hulu Sungai Terengganu dan tiba kira-kira jam 1 1/2 petang di Kampung Buloh. Saiyed Husin ini berhajat hendak menyiasat dan ingin mencari di mana ada bijih dan emas.

Kedua-dua telah naik ke darat kerana hendak sembahyang Zohor. Masjid di situ tidak sampai 100m dari tebing sungai. Bila sampai di masjid, Saiyed Husin ternampak setongkol batu bertulis dengan huruf jawi terletak di tangga masjid, digunakan sebagai pelapik tempat orang membasuh kaki sebelum naik ke masjid. Saiyed Husin telah menunjukkan batu itu kepadanya.

Selepas sembahyang, Saiyed Husin meminta Penghulu Mukim (Penghulu Ali bin Sulaiman) dan bilal masjid membawa batu itu ke dalam perahu.

Menurut kenyataan Penghulu Ali, batu itu dijumpai kira-kira 15 tahun dahulu timbul di tebing sungai selepas banjir dan tempat itu dapat dilihat dari masjid.

Setelah selesai urusan mereka di Kuala Berang, lalu hilir ke Kuala Terengganu dengan membawa bersama batu itu kemudian dipersembahkan kepada Marhum Sultan Zainal Abidin III.

Menurut cerita-cerita yang penulis dapati daripada setengah orang tua di kampung ini menyatakan bahawa daerah Kampung Buloh dan juga Padang Tara serta kawasan yang berhampirannya, di masa yang lampau ialah sebuah sungai

yang luas terbentang seperti sebuah laut. Adalah dipercayai di situ menjadi sebuah pelabuhan besar tempat persinggahan kapal atau perahu besar, bahkan "Kampung Buloh" sendiri adalah sebagai sebuah pulau.

Pendapat ini disokong oleh dalil-dalil keterangan yang didapati. Di antaranya, dijumpai sebuah sauh besi besar dan daun nipah usang ketika orang kampung menggali telaga pada satu ketika dahulu. Maka Kampung Tara, Kuala Por, Kampung Ipoh dan Kampung Buruk Padang di daerah itu adalah bertali-tali dan menjadi kampung yang masyhur dan ramai penduduknya pada masa dahulu dan dipercayai Batu Bersurat itu mula-mulanya berada di salah satu kampung tersebut sebelum dijumpai orang di Tanah Batu, atau di kawasan SETAR BATU di tebing Sungai Tara di sebelah kiri mudik.

Maka haruslah dianggap benar apa yang dikata oleh seorang Pengarang Cina, Chao Chu Fei yang menyusun catatan Ling Wai Taita dalam tahun 1178M, bahawa Foloan atau Kuala Berang itu sebagai sebuah pelabuhan teragung (Kerajaan Laut).[70]

Keadaan Batu

Penulis berkesempatan menyaksikan batu itu beberapa kali samada semasa di Muzium Singapura dan Muzium Negara, Kuala Lumpur. Sekarang berada di Muzium Negeri Terengganu.

Menurut keterangan Peterson, batu itu dari jenis batu pejal kasar, keadaannya empat tampang tetapi bahagian atas telah hilang, bahagian yang masih ada tingginya 33 inci (83.82 cm) dan lebar yang sehabis-habis besar di sebelah atas ialah 21 inci (53.34 cm) tirus ke bawah dan yang di bawah sekali ukurannya 10 1/2 inci (26.67 cm) pukul rata tebalnya dari hadapan ke belakang 9 1/2 inci (24.13 cm) manakala beratnya antara 400 hingga 500 paun (186 - 227 kg).

Pada pendapat penulis, menurut apa yang dapat dipandang pada lahirnya, batu itu ialah serupa dengan kebanyakan batu-batu pejal sungai yang banyak dijumpai di hulu-hulu sungai di dalam Negeri Terengganu terutama di 'Sungai Terengganu' seperti di Panchor. Warnanya boleh dikatakan seakan-akan kelabu.

Tulisannya meliputi keempat-empat bahagian muka dengan mengambil bahagian sejarak 18 inci (45.72 cm) daripada sebelah atas ke bawah dan 15 inci

70 Ada cerita lisan yang didapati dari orang-orang tua menyatakan di zaman dahulukala, Bukit Tawang dan bukit-bukit di kawasan ini, adalah pulau dan Kuala Por menjadi kawasan laut, dikenali kawasan "Pulau Belimbing."

(38.10 cm) ditinggal kosong di bahagian bawah yang dapat diagak dengan terangnya ialah untuk ditanam ke dalam tanah.

Menurut ukuran M.S. Shafie dari Maktab Perguruan Bahasa: "Bahagian sebelah atas yang sehabis lebar sekali ialah 22 inci (55.88 cm) lebih satu inci dari ukuran Peterson, bahagian sebelah atas yang terkecil sekali 12 inci (30.48 cm), ukuran kelilingnya sebelah atas 55 3/4 inci (141.6 cm), bahagian sebelah bawah, lebarnya 10 inci (25.4 cm), ukuran kelilingnya 35 inci (88.89 cm), tingginya dari atas ke bawah 33 inci (83.82 cm), tinggi rajah empat persegi yang mengandungi tulisan ialah 17 inci (43.18 cm)".

Menurut ukuran yang dibuat oleh penulis seperti berikut:

Muka Hadapan

1. Tinggi dari atas di tengah-tengah ke bawah 86 cm.
2. Lebar bahagian atas dari kanan ke kiri 53 cm, bawah dari kanan ke kiri 24 cm.
3. Lebar tulisan ruang atas 43.5 cm, ruang bawah 38 cm.
4. Tinggi di tepi kanan atas ke bawah 82 cm, tepi kiri atas ke bawah 81 cm.
5. Tinggi tulisan di tengah-tengah dari atas ke bawah 40 cm.
6. Mengandungi 11 baris ayat.
7. Bahagian tertanam di tengah-tengah kosong 42 cm.

Muka Belakang

1. Tinggi dari atas di tengah-tengah ke bawah 78 cm.
2. Lebar bahagian atas dari kanan ke kiri 40 cm, bahagian bawah dari kanan ke kiri 10 cm.
3. Lebar tulisan ruang atas 41 cm, ruang bawah 31 cm.
4. Tinggi di tepi kanan atas ke bawah 79 cm, tepi kiri atas ke bawah 78 cm.
5. Tinggi tulisan di tengah-tengah dari atas ke bawah 41.5 cm.
6. Mengandungi 12 baris ayat.
7. Baris pertama kosong 14 cm, baris kedua kosong 11 cm, baris ketiga kosong 8 cm, baris keempat kosong 12 cm, baris kelima kosong 5 cm.
8. Bahagian tertanam di tengah-tengah kosong 23 cm.

Mengikut timbang yang dibuat oleh Muzium Negara pada 1981 beratnya ialah 214.8 kg.

Muka Kiri

1. Tinggi dari atas di tengah-tengah ke bawah 83 cm.
2. Lebar bahagian atas dari kanan ke kiri 24 cm, bahagian bawah dari kanan ke kiri 27 cm.
3. Lebar tulisan ruang atas 19 cm, ruang bawah 20 cm.
4. Tinggi di tepi kanan atas ke bawah 78 cm, tepi kiri atas ke bawah 86 cm.

5. Tinggi tulisan di tengah-tengah dari atas ke bawah 40 cm.
6. Mengandungi 6 baris ayat.
7. Bahagian tertanam kosong 29 cm di tengah-tengah.

Muka Kanan (muka akhir)

1. Tinggi dari atas di tengah-tengah ke bawah 82 cm.
2. Lebar bahagian atas dari kanan ke kiri 19 cm, bahagian bawah dari kanan ke kiri 26 cm.
3. Lebar tulisan ruang atas 14 cm, ruang bawah 14 cm.
4. Tinggi di tepi kanan atas ke bawah 81 cm, tepi kiri atas ke bawah 79 cm.
5. Tinggi tulisan di tengah-tengah dari atas ke bawah 50 cm.
6. Mengandungi 5 baris ayat.
7. Bahagian tertanam di tengah-tengah kosong 27 cm.

Dianggarkan yang patah dan tercatat undang-undang lebih kurang 35 cm.

Menurut keterangan Profesor S.Q. Fatimi, ada dua batu peringatan yang dikorek keluar di Pantai Timur Kemboja, sebuahnya seakan-akan potongan tiang batu yang dijumpai di Hulu Terengganu serta ada bertulisan dan satu lagi batu nisan tulisan Bahasa Arab (tarikhnya kira-kira tahun 1036M), ini adalah menunjukkan wujudnya sebuah jajahan orang Islam yang makmur di Kemboja pada kurun yang kesebelas.

Mengikut pendapat Peterson, tulisan itu telah diukir dengan suatu alat yang tajam sedalam lebih kurang 1/16 inci (0.16 cm) dan kebanyakannya daripada tulisan itu senang diikuti cuma sedikit sahaja yang cacat oleh kesan-kesan udara dan cahaya matahari. Dengan keadaannya yang ada sekarang, muka hadapan batu itu telah serpih pada dua tempat dan tempat serpih yang lebih besar itu telah meninggalkan satu lubang yang mengandungi perkataan yang sukar hendak diagakkan.

Pada pandangan penulis, tulisan di muka yang pertama lebih sedikit cantik dari tulisan-tulisan di muka yang lain. Ini haruslah menunjukkan bahawa penulis atau pemahat batu itu bukan seorang sahaja.

Ahli-ahli sejarah telah berlainan pendapat dalam menentukan siapakah pengukir atau pemahat batu itu. Ada yang menyatakan ianya dipahat oleh orang Arab. Ada pula menyatakan dipahat oleh orang Melayu dan ada pula yang menyatakan contoh itu ditulis oleh orang Arab atau orang Melayu tetapi dipahat oleh orang Cina kerana kemahiran dan kebiasaan mereka menjalankan kerja-kerja seperti ini. Maka semuanya itu adalah kemungkinan dan agakan sahaja.

Walaupun belum dapat diketahui siapakah yang menyusun ayat-ayat di pengisytiharan tersebut setelah menerima perintah dari raja yang memerintah di masa itu tetapi haruslah ahli-ahli penyelidik akan mengkaji dari masa ke semasa untuk menentukannya dan anggapan saya yang mengarang dan menyusun tulisan itu ialah orang Melayu yang mempunyai pengetahuan agama dan mengerti bahasa Sanskrit atau seorang keturunan India Muslim yang telah lama menjadi penduduk negeri ini, yang mengerti bahasa Melayu ataupun seorang keturunan Arab.

Isi Kandungan Tulisan

Adalah difahamkan, beberapa percubaan telah dibuat supaya dapat dibaca dan ditafsirkan tulisan di batu itu. Pada mulanya berbagai- bagai kenyataan dan tafsiran telah berbangkit dan menurut Peterson, salinan tulisan itu telah juga dihantar ke Mekah untuk mendapat terjemahan atau pengertiannya tetapi tidaklah diketahui natijahnya. Semasa beliau berada di Kuala Terengganu baharulah batu itu digambarkan oleh seorang Jurugambar Jepun bernama N. Suzuki kira-kira dalam tahun 1922M dan dihantar salinannya ke Universiti Oxford England untuk mendapat tafsiran perkataannya dari pendita bahasa, kemudian dapat jawapan menyatakan yang tulisan itu ialah suatu undang-undang Islam dan kesalahan hukuman zina yang dijalankan di dalam pemerintahan semasa itu menurut hukum Islam dan juga mengandungi hukuman-hukuman lain seperti hutang piutang.

Tulisan itu dapat dibaca di Terengganu dalam tahun 1923M dan kata setengah cerita dalam tahun 1926M.

Peterson telah memberi pendapatnya lagi: *Selain daripada didapati ada beberapa kesilapan, maka hendak membaca tulisan itu telah menjadi lebih sukar dengan sebab tiadanya titik-titik dalam tulisan huruf Arab itu yang menjadi tanda untuk membezakan sesuatu huruf dengan huruf yang lain (pada pandangan penulis ada juga beberapa huruf yang bertitik seperti huruf "ta" dan "nya") tetapi ejaan-ejaanya tidaklah begitu tua sangat jika dibanding dengan ejaan yang digunakan selepas itu.*

Permulaan barisan tulisannya bolehlah ditahkikkan dengan terang dimulakan daripada muka hadapan atau muka yang sehabis-habis luas sekali bagaimana gambar (A) dan sambungannya membawa ke sebelah belakang (muka 2) bagaimana gambar (B), kemudian membelok dengan tidak ada bersenggang menurut ikut sebelah kiri di bahagian bawah membawa terus ke sebelah kiri (muka 3) bagaimana gambar (C), kemudian tulisan itu memanjang

pula dan tamatnya di sebelah kanan (muka 4) gambar (D) yang ditulisnya terus dari atas ke bawah.

Sebagaimana yang telah maklum, bahawa batu itu yang ada hanya di bahagian sebelah bawah sahaja maka bahagian di sebelah atas (A, B) dan barisan yang penghabisan bagi muka (C) dan barisan bagi permulaan muka (D) telah hilang, ini menyebabkan sangat payah hendak mengagak atau menjangka berapa banyakkah tulisan-tulisan yang telah hilang atau tiada. Haruslah boleh diagak separuh daripada jumlah tulisan itu" tegas pendapat Peterson. Tetapi pada jangkaan penulis, hubungan yang hilang itu tidaklah sampai.separuh, sebanyak-banyaknya satu suku sahaja menilik kepada jarak dari undang-undang yang keenam dan ketujuh. Haruslah juga undang-undang yang pertama hingga ketiga itu adalah mengenai undang-undang yang ringkas sahaja. Tambahan pula, melihat kepada permulaan tulisan di muka (A) yang mengandungi doa, dan permulaan titah pengisytiharan diraja itu.

Kerana hendak mendapat sambungan batu yang sebahagian lagi, maka Kerajaan Terengganu telah mengeluarkan suatu pemasyhuran atau isytihar yang bertajuk 'Hadiah $500.00 akan diberi kepada siapa yang mendapat hubungan sebuah batu yang berukir (bersurat), pemasyhuran ini bertarikh 18 Rabiul-Awal 1343 (16.10.1924M), tetapi hingga sekarang belum dijumpai (hadiahnya dipertingkatkan hingga $50,000). Di samping itu berbagai-bagai cerita dongeng berkenaan batu yang sebahagian lagi itu ada kedengaran. Yang anehnya satu kejadian telah berlaku, iaitu sebuah batu nisan bersurat di perkuburan atas sebuah bukit kecil di Kuala Por, Hulu Terengganu telah kehilangan entah bila masanya. Kebetulan pula pada 6hb. Mei, 1953 penulis telah melawat ke kawasan ini dan didapati sebuah nisan, sebuah kubur yang dikenali dengan nama kubur Tuk Raja Ri[71] telah dicabut orang. Perkara ini penulis telah bawa ke pengetahuan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu yang semasa itu disandang oleh Y.B. Tengku Pekerma Wira. Selang beberapa hari penulis telah dipanggil oleh Y.A.B. Menteri Besar yang pada ketika itu Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Idris (Dato' Seri Setia Raja) menyatakan ada sebuah nisan tersimpan di dalam setor Khazanah Kerajaan. Manakala penulis memeriksanya didapati bersamaan dengan batu nisan yang satu lagi yang masih ada di perkuburan Tuk Raja Ri Kuala Por itu. Kemudian penulis diperintah menghantar kembali nisan itu selepas 22 hari dari tarikh lawatan penulis tersebut.

---

71 Belum dapat dikesan siapakah gerangan orangnya, dari mana asal usulnya dan di zaman mana. Cerita lisan, menyatakan ianya seorang Pemerintah di sekitar kawasan itu. Perintahnya tak boleh disangkal, mesti dipatuhi, akhirnya ia dibunuh oleh Panglima Tun Pauh yang menentangnya.



***Batu Bersurat Terengganu, tulisan di muka pertama (A). Gambar dengan ihsar Muzium** Negeri Terengganu.*

Tidak syak lagi, batu nisan tersebut telah diangkat orang dengan jangkaan ada kaitan dengan Batu Bersurat atau dengan harapan untuk mendapat hadiah berhubung dengan pengisytiharan yang telah dikeluarkan itu. Maka siapakah Tuk Raja Ri belumlah dapat dipastikan walaupun ada berbagai-bagai cerita mengenainya dan kajian-kajian kemudian, mungkin akan tersingkap tabirnya. Oleh kerana batu nisan itu dikatakan dari jenis batu nisan kubur Malikus Saleh (Merah Silu atau Merah Selweh) Raja Pasai yang mula beragama Islam mangkat dalam tahun 1297 maka Penulis kuat berpendapat, orang yang ditanam di perkuburan itu ialah berkemungkinan ada kaitan dengan pemerintah yang mengisytiharkan Batu Bersurat Terengganu atau sekurang-kurangnya mempunyai bahagian bersama.

Menurut naskah salinan yang penulis dapat dari Y.A.B. Menteri besar Terengganu bagaimana dalam (3) J.M.B. 316/43 adalah tafsiran bacaan tulisan di Batu Bersurat itu seperti berikut:

Di muka pertama 'A'

1. RasululLah dengan yang arwah santabi[72] mereka.
2. Asa[73] pada Dewata Mulia Raya beri hamba meneguhkan Agama Islam.
3. Dengan benar bicara derma mereka bagi sekalian hamba Dewata Mulia Raya.
4. Di Benuaku ini penentu agama RasululLah sallalLahu a'layhi wa sallama raja.
5. Mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulia Raya di dalam
6. Bumi penentuan[74] itu fardu pada sekalian raja Manda.
7. Lika Islam menurut setitah Dewata Mulia Raya dengan benar.
8. Bicara berbajiki benua penentuan [75] itu maka titah Seri Paduka.
9. Tuhan menduduki tamra[76] ini di Benua Terengganu adi pertama ada.[77]
10. Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala.
11. Baginda RasululLah telah lalu tujuh ratus tua.

Dalam naskah majalah JMBRAS[78] selepas perkataan 'Yang' di baris pertama ialah 'Orang'..... 'bagi'. Peterson lebih cenderung kepada perkataan 'Orang' daripada perkataan 'arwah' dengan tidak menjangka berlaku kesilapan yang dibuat oleh pengukir atau pemahat tulisan itu.

Penulis kuat berpendapat sedemikian juga, kerana menurut apa yang dapat disaksikan dari tulisan yang dipahat di batu itu ialah perkataan 'Orang' walaupun tulisan huruf yang berbentuk (ح) : Terlanjur pahatan huruf (غ) ini dapat dibanding bentukkan dengan huruf (غ) tambahan pula disokong dengan perkataan "mereka sekelian" selepas itu yang ada diperkataan lain tidaklah jauh perbezaannya. Selain dari itu, kalau hendak menurut kaedah tulisan bahasa Arab, maka yang sebetulnya tulisan arwah ialah (ارواح) bermakna "ruh-ruh".

Perkataan "santabi" pula, penulis kuat menjangka "sahabi" (صحابي) atau sahabat walaupun rumah huruf. (حـ) tidak ketara dalam ukiran itu. Ini haruslah kurang mahir pengukirnya menulis atau menggunakan perkataan Arab atau tersalah mengukir menurut contoh tulisan yang diberi tambahan pula selepas perkataan "mereka" penulis ada dapati huruf (س) dan sebahagian

72 Sakti.
73 Sentosa.
74 Fatwa
75 Bicara peribadi bagi mula fatwa itu......
76 Mendudukkan nama.
77 Adi Purba.
78 Dari 72-78, adalah bacaan Parasti ini menurut di dalam buku "Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu" m.s. 142 oleh Dr. Omar Amin Hussin. Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1962. Vol. II. 197 m.s. 255.

huruf (ى) , ini bermakna perkataan itu ialah "sekalian". Dengan dalil-dalil ini, adalah menguatkan hujah penulis yang perkataan "santabi" itu ialah "sahabat" atau sahabi. Maka semua ayat itu bermaksud pendahuluan doa dan pujian kepada RasululLah, diiringi dengan perkataan sahabat, ini boleh difahamkan dari rangkaian susunan ayat yang ada serta pengertiannya.


Maka tulisan di barisan pertama bolehlah ditafsir bacaannya demikian:

"RasullulLah dengan yang orang sahabi (atau sahabat) mereka sekalian asa pada Dewata Mulia Raya."

Tetapi kiranya dianggapkan perkataan itu "Santabi" bolehlah ditafsirkan "ruh-ruh yang suci" atau mengandungi doa, "moga-moga dirahmatkan atau pun diberkati."

Di barisan kedua ditulis "ada", haruslah tersalah cetak atau salinan kerana menurut dari tulisan apa yang dapat dipandang di batu itu ialah perkataan "asa" dan di baris yang kesembilan perkataan "ada" yang pertama, bunyinya "adi".

Kata Peterson, *"Tulisan itu menunjukkan suatu peringatan yang mengandungi sembilan hukum dan harus sepuluh. Di muka hadapan barisan pertama yang menjadi permulaan tulisannya adalah mengandungi pemasyhuran yang memerintahkan raja-raja dan pesuruhjaya-pesuruhjaya atau ketua-ketua daerah memeluk dan memegang kepercayaan Agama Islam dan ajaran Tuhan serta Rasulnya. Di muka ini di baris keempat di luar garisan, ada perkataan seakan* (لانا) *(lam alif nun alif) yang belum dapat difaham akan maksud dan bacaan yang sebenar.*



Batu Bersurat Terengganu muka (B). Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.

Penulis berpendapat, sebelum tulisan yang ada di muka pertama itu, kemungkinan ada di barisan atasnya perkataan-perkataan permulaan atau "muakaddimah" memuji Allah Subhanahu wa Taala bagaimana yang biasa didapati di dalam mana-mana permulaan tulisan yang mengenai perkara-perkara seperti pemasyhuran-pemasyhuran dan seumpamanya.

Maka tulisan di muka pertama, kalau dialih bahasa atau disusun semula di dalam bahasa yang mudah difaham, adalah pengertiannya hampir-hampir seperti berikut:

1. RasululLah berserta dengan sahabat-sahabat atau RasululLah dengan ruh-ruh yang suci (mudahan-mudahan dirahmatkannya).
2. Percaya keesaan Allah Subhanahu wa Taala, Tuhan Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi menyuruh sekalian rakyat berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Agama Islam.
3. Berserta dengan penuh hormat pada undang-undang, memerintah hamba-hamba Tuhan Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi.
4. Di negeriku ini, mereka yang menerangkan ajaran-ajaran RasululLah صل الله عليه وسلم di muka bumi ini ialah sekalian raja Mandalika.
5. Penerangan atau pemasyhuran itu adalah kewajiban yang mesti dijalankan oleh raja Mandalika yang beragama Islam.
6. Mengikut perintah Tuhan Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi dengan mengambil pandangan atau penentuan yang sebenar.
7. Di atas pengajaran-pengajaran itu di negeri ini bagaimana yang dibentang atau diterangkan di dalam pemasyhuran itu dan bila Seri Paduka.
8. Mula memerintah supaya membuat tulisan ini di Negeri Terengganu maka masa itu ialah pada
9. Hari Jumaat yang pertama di dalan bulan Rejab tahun Saratan di zaman
10. RasululLah telah berlalu tujuh ratus dua.

Di dalam tulisan ini ada digunakan beberapa perkataan Sanskrit di antaranya:

'Dewata Mulia Raya' terjemahannya dalam bahasa Arab Allah Subhanahu wa Ta'ala (Tuhan Yang Maha Suci Lagi Maha Tinggi). Haruslah berguna dirakamkan di sini setengah-setengah perkataan yang kesamaran di dalam tulisan itu serta maknanya menurut pendapat C.O. Blagden[79] iaitu.

79 JMBRAS Vol. II. 1924 m.s. 262-263.

'meraksa' (مرقسا)

Perkataan Sanskrit terbitan dari kata kerja 'raksyati' bererti memerintah, menjaga, menaungi atau pun daripada kata nama 'raksya' bererti 'penjagaan'.

Derma. (درما)

Ertinya satu daripada makna undang-undang dari perkataan Sanskrit 'dharma'.

Di benuaku. (دبنواكو)

Harus boleh dibaca dengan "Aku atau Kau" bagi ganti bacaan "Ku" tetapi ejaannya adalah berlawanan dengan kemungkinan bacaan pertama (Aku) dan erti makna perkataannya pula berlawanan dengan kemungkinan bacaan yang kedua (kau).

Penentu.[80] (فنتنو)

Suatu bacaan yang sangat kesamaran dijangka menjadi ganti bagi perkataan "menentukan" dengan erti tujuan "mengadakan" atau harus dengan maksud munculnya suatu perkara serta menjalankan. Ada suatu bacaan yang lain pula, boleh jadi "pebantu" atau "pembantu" bermakna mereka yang menolong atau menyokong. Keduanya adalah salah ejaannya. (Penulis lebih cenderung kepada perkataan 'penentu' yang bermaksud beriman dan percaya kepada agama Islam).

SallalLahu. (صلى الله)

Sangat terang menunjukkan maksud tujuannya, kata Peterson. Tetapi pengukir itu telah mengukir perkataan ini tidak sebagaimana huruf yang dikehendaki. Ini bolehlah dianggap suatu contoh yang menunjukkan kejahilan pengukir mengikut satu ayat yang penuh terdapat dalam tulisan itu. Di dalam ukiran tersebut, agak ketara perkataan seakan-akan "walamma" (ولما) sebenarnya ialah perkataan "salla" (صلى) terjadi demikian kerana kepala huruf "sad" (ص) terjadi "wau" dan "la" (ل) dijadikan "lamma", (لمّا) pada hal huruf "alif" yang bersambung itu ialah huruf "alif" bagi perkataan "Allah" (P).

---

80 Di barisan 4, muka "A" Batu Bersurat

Raja Mandalika. (راج مندليكا)

Menurut perkataan, bermakna raja-raja yang memerintah, di dalam bahasa Sanskrit "Mandalika" berkait dengan suatu pemerintahan, daripada perkataan "mandalam" samada mereka itu raja tempatan yang merdeka yang berlainan dengan cara berkhalifah bagi orang-orang Islam atau ketua-ketua daerah di dalam Negeri Terengganu. Maka hal ini nampaknya tidaklah ditahkikkan, tetapi perkataan "Mandalika" di dalam muka "B" barisan 12 adalah menuju kepada makna "Ketua Daerah".

"Menurut pendapat pengarang buku "His. Tr" ada menyatakan bolehlah diagak bahawa raja Terengganu itu daripada keturunan Telanai, kerana namanya ada berkait benar di dalam sejarah di zaman purbakala. Ini menandakan raja-raja dari keturunan tersebut, ada memerintah sekurang-kurang di kawasan Sungai Terengganu.

Behumi. (بهومي)

Lebih hampir kepada perkataan Sanskrit "bhumi" dari ejaan baharu "bumi".

Penentua (فنتوا)

Bacaan dan maknanya atau kemungkinan pindaan perkataan "pembantua" samada terjatuh hurufnya atau bertambah, samalah juga dengan kesamaran perkataan penentu. Maka bolehlah diagakkan kekurangan huruf "nun" (ن) disebabkan kepelatan orang-orang tempatan seperti ejaan "bujan" bagi bujang.

Satitah. (ستيته)

Ertinya perintah, saya lebih suka kepada sabantah.[81]

Berbajiki. (بربجيكي)

Suatu perkataan yang kesamaran samada bacaan dan maknanya, saya mentafsirkan perkataan ini dengan mengambil fahaman iaitu suatu perbuatan, dengan tambahan "ya" (ي) bagi menguat kata.

Penulis lebih cenderung kepada perkataan berbajikkan iaitu kepelatan perkataan kebajikan.

---

81 H.S. Peterson.



Batu Bersurat Terengganu muka (C). Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.



Batu Bersurat Terengganu muka (D). Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.

Medudukan. (مدودقكن)

Haruslah perkataan ini ditulis menurut pelat orang tempatan atau pun boleh jadi kesalahan pengukir pada kata mengeja perkataan mendudukkan.

Tamra. (تمرا)

Terang menunjukkan kepada rekod tulisan itu sendiri, maka bolehlah dimaknakan sebagai perintah resmi, dan haruslah diringkaskan dari perkataan Sanskrit "tamarasasana" bererti suatu perintah resmi atau tidak resmi yang diukir di atas timah menurut cara yang biasa dibuat oleh orang India, atau pun di atas batu. Saya fikir ditulisnya sedemikian dengan sebab telah lama perkataan ini dicampurkan di dalam perintah resmi, anugerah dan sebagainya yang dikeluarkan oleh raja. Tambahan pula dengan sebab kejahilan menyusun makna yang sebenarnya digunakan untuk menerangkan batu bertulis tersebut.

Terenganu. (ترنکانو)

Dieja dengan "Terenkanu" yang sepatutnya dengan "ng"(ڠ)tetapi menurut kenyataan yang didapati, orang-orang Arab ada menulis Terengganu itu Terkanu (ترکانو) dan pada wang timah Terengganu tahun 1310H (1892M) ada tertera tulisan "Terenqanu" (ترنقانو) .

Adi pertama. (اد فرتام)

Adi - Sanskrit ertinya permulaan, prathama ertinya pertama, (awal sekali) ini satu bacaan yang mengelirukan sekurang-kurang tentang perkataan adi. Penulis berpendapat kehendak bacaan Adi dengan sambungan ayatnya adalah jelas dan tidak mengelirukan.

Susanakala. (سسنکالا)

Sanskrit "sasanam" ertinya perintah agama, kala erti masa.

Demikian pendapat Blagden.

Di muka dua "B" tulisannya:

1.	Keluarga di benua jauh	kan
2.	Datang berikan. Keempat	orang berpiutang
3.	Jangan mengambil ke	mbil hilangkan emas
4.	Kelima derma barang orang	dika
5.	Jangan mengambil tugal buat rt emasnya.	
6.	Jika ia ambil hilangkan emas. Keenam derma barang	

7. Orang berbuat bala cara laki laki perempuan satitah
8. Dewata Mulia Raya jika merdeka bujang palu
9. Seratus ratun jika merdeka beristeri
10. Atawa perempuan bersuami ditanam hinggaka
11. Pinggang di hambalang dengan batu dimatikan
12. Jika inkar ba... hambalang jika anak Mandalika.

Di muka ini banyak perkataan yang kosong, yang sangat susah dan sukar hendak diagakkan, tetapi penulis bersetuju dengan jangkaan-jangkaan yang telah dibuat oleh Peterson pada menambah dan menyambung perkataan-perkataan yang senang diagak seperti di barisan tiga ada ternampak (مل)haruslah jika ambil "atau" kalau ambil", di barisan empat ada perkataan "dika" (ديكا) tentu "merdeka" di barisan dua belas ada tulisan "la" haruslah "balacara". (بلاچارا)

Daripada bahagian tulisan di muka ini ternyatalah tiga fasal undang-undang telah hilang bersekali dengan bahagian sebelah atas batu itu. Menurut pendapat Peterson nampaknya undang-undang yang keempat, ialah mengenai hutang piutang, tetapi sebilangan hurufnya telah hilang kerana serpihannya sebahagian besar di muka yang menyebabkan menjadi samar untuk menyusun dan rangkaikan semula undang-undang itu. Begitu juga undang-undang yang berikutnya iaitu undang-undang yang kelima.

Undang-undang yang keenam, sebahagian daripadanya diagakkan enam baris telah hilang bersama dengan beberapa bahagian lain. Daripada empat barisan lagi di dalam bahagian (C) adalah menerangkan hukum kesalahan zina iaitu hukumnya direjam bagi orang yang telah berkahwin dan dipalu seratus rotan bagi orang yang belum berkahwin. Undang-undang ini adalah menurut dengan tepatnya hukum Syariat Islam.

Di muka ini perkataan-perkataan yang patut dikaji ialah:

Balacara (بلاچارا)

Dijangka dari rangkaian dua perkataan Sanskrit, "bala" maknanya kanak-kanak bodoh. "Cara" maknanya perangai, atau peraturan atau undang-undang.

Perkataan ini, pada hemat penulis dengan jelasnya menunjukkan perbuatan bermukah.

Rautan (رواتن)

Ejaan ini bertambah dengan alif (رواتن). Nampaknya menunjukkan sesuatu bunyi bersamaan dengan rautan iaitu ejaan yang tua daripada ejaan baharu rotan. (روتن)

Atawa (اتاو)

Sanskrit "utava" sepatutnya ditulis atawa (اتاوا) di dalam apa-apa hal pun, adalah lebih tua daripada ejaan baharu "atau" (اتو).

Di hembalang (دهمبالڠ)

Di dalam bahasa Jawa bermakna lontar dengan batu atau sebagainya. Haruslah dengan perkataan ini menunjukkan penulisnya tidak menggunakan perkataan Arab ketika itu, kerana bahasa itu tidak dapat difaham oleh orang ramai (Perkataan Arab, "lontar dengan batu", ialah rejam, (رجم)

Blagden ada memberi pendapatnya berkenaan tulisan di muka ini di barisan 12, katanya, "barisan ini ada sedikit kesamaran tentang bacaan.

Patut diingatkan bahawa hukum syara', adalah berkehendakkan keterangan-keterangan bagi pengesahan di atas kesalahan-kesalahan hukuman zina sebagai ternyata di dalam rakaman itu maka keterangannya dikehendaki saksi seramai empat orang lelaki yang sempurna yang memandang sendiri kejadian itu ada berlaku atau pun pengakuan dirinya sendiri, yang boleh jadi juga pesalah itu menarik balik kemudiannya. Ini haruslah jika pesalah itu teringat pengakuannya menjadi suatu perbuatan yang boleh dihukum rejam, atau hukuman denda. Maka perkara seperti ini, boleh berbangkit, jika tidak ada empat orang saksi bagaimana yang dikehendaki oleh syara' walaupun sebenarnya kesalahan itu telah dilakukan. Meringankan suatu hukuman itu, diganti dengan denda bayaran wang, maka nampaknya ialah suatu kemurahan yang diberi menurut fikiran orang-orang Indonesia, tetapi bukanlah sebenar-benar hukum syara'.

Suratan huruf "jika" yang kedua di dalam muka "B" barisan 12 telah tertinggal garisan "kaf" (ك) dan ternampak huruf seperti "jim, lam" (جل)

Tulisan di bahagian muka tiga "C" seperti berikut:

1. Bujan dandanya sepuluh tengah tiga jika ia..............
2. Menteri bujang dandanya tujuh tahil sepe ....
3. Tengah tiga, jika tetua bujang dandanya lima tah ....
4. Tujuh tahil sepaha masuk bendara, jika o.........

5. Merdeka. Ketujuh derma barang perempuan hendak........
6. Tiada dapat bersuami. jika ia berbuat balabicara ....

Di banagian ini kalimah yang senang diagak tepat, yang telah hilang ialah di baris dua, huruf "sepa" (سفا), tentulah "sepaha",(سفاها), di barisan tiga huruf "tah" (تاه) itu tentulah "tahil" (تاهيل). Di baris empat huruf "O"(او) haruslah "orang" (اورغ). Nampaknya undang-undang yang ketujuh itu adalah mengenai setengah-setengah perkara yang tertentu bagi perempuan yang bermukah manakala undang-undang yang kelapan yang telah hilang di bahagian ini dijangka keterangan palsu (saya berat menyangka ialah undang-undang atau hukuman tuduh-menuduh suami isteri melakukan zina-P.). Perkataan-perkataan yang patut dikaji di muka ini ialah:

Sepuluh tengah tiga. (سفوله تغه تيک)

Kata Peterson "saya, lebih cenderung kepada perkataan ini (menurut apa yang ditulis) kerana perkataan "tahil" dapat difahamkan dengan sendirinya dan lebih baik daripada perkataan sepuluh setengah saga (10 1/2 saga). Sekiranya sebagaimana yang boleh diyakinkan satu saga itu adalah satu per dua puluh bahagian daripada satu tahil, maka dengan yang dikenakan di atas seorang putera yang memerintah adalah sangat ringan berbanding dengan hukuman tujuh suku (7 1/4) atau lima tahil bagi mereka yang berpangkat bawah.

Sepaha. (سفاها)

(Menurut timbangan tambakau dan benang serta lain-lain di dalam Negeri Terengganu, sepaha itu ialah 1/4 tahil = 1.060 g - P). Perkataan ini sangat lumrah digunakan di Terengganu.

Tetua. (تتوا)

Bacaannya adalah mengelirukan saya berfikir kata Blagden, "perkataan ini datangnya daripada tua-tua dari kata asal, 'tua' bermakna ketua (Ketua Kampung).

Bendara. (بندارا)

Dieja dengan cara yang kurang tua dari ejaan Melayu baharu seperti perkataan Merdeka, dan mempunyai makna tujuannya yang asal iaitu tempat simpanan khazanah (Sanskrit bhandara dari asal perkataan bhandagara). Perkataan "Bendahara" ialah sebagai suatu gelaran, jika ada perkataan datuk di pendahuluannya seperti (Lord of Treasury) "Datuk Bendahara" bagi orang-orang

Inggeris. (di zaman keagungan Kerajaan Melayu dahulu, jawatan Bendahara adalah "Perdana Menteri". - P.).

Blagden menjangka selepas perkataan balacara di baris keenam sambungan di belakang itu ialah "kena denda".

Tulisan di muka penghabisan (muka keempat "D") seperti berikut:

1. ....tiada benar dendanya setahil sepaha.
   Kesembilan derma
2. ....Seri Paduka Tuhan siapa tiada harta dendanya
3. ....Ma jika anakku, atawa pamanku, atawa cucuku, atawa keluargaku atawa anak.
4. ....tamra ini segala isi tamra barangsiapa tiada menurut tamra ini laknat Dewata Mulia Raya.
5. ....dijadikan Dewata Mulia Raya bagi yang langgar acara tamra ini.

Di muka ini tambahan yang telah dibuat atau dijangka oleh Peterson ialah di barisan 3 ...."Kesepuluh derma".

Nampaknya undang-undang yang kesembilan adalah berkenaan syarat-syarat am berkaitan dengan hukuman kerana mungkir membayar sesuatu denda atau hukuman. Pasal atau seksyen yang penghabisan bolehlah dijangka dan dipercayai ada undang-undang bilangan yang kesepuluh iaitu memerintah supaya taat kepada undang-undang tersebut di atas, bukan sahaja kepada orang yang dimaksudkan, tetapi ialah juga kepada anak-anak cucu mereka dengan membayangkan secara samar-samar hukuman. Tetapi, pada pendapat penulis, menurut susunan ayat yang kemudian dan hubungannya, berat menyangkakan sembilan bahagian sahaja undang-undang itu termasuk perintah taatkan kepada hukuman dan undang-undang tersebut". Di muka ini di baris dua, selepas perkataan "tiada" saya dengan was-was berpendapat bahawa perkataan yang kemudian ia "terperbaya" dari perkataan Jawa "baya", bermakna perbelanjaan cukai-cukai dan boleh dimakna sebagai kata kerja yang bererti membayar perbelanjaan-perbelanjaan dan dijangka juga perkataan ini datangnya daripada Sanskrit "baya" bererti perbelanjaan, kata Blagden. Menurut bentuk tulisan yang ada, penulis barat berpendapat bacaannya "terdaya" (ترداي) dengan kemungkinan tersalah tulis tidak perkataan harta (هرتا). Perkataan "Paman" ejaannya mengelirukan. Perkataan (tuhan) pula bukanlah digunakan pada masa dahulu untuk dikhaskan maksudnya kepada "Tuhan" sahaja. Di dalam ukiran tulisan yang terdapat di Sumatera tahun Masehi 1347 ada tersebut perkataan "Tuhan" yang menuju kepada gelaran seseorang menteri kerajaan

(Blagden). Tetapi pada pendapat penulis lebih berat menjangka bacaan perkataan ini ialah "tuan" menurut ejaannya yang lebih tua yang pernah didapati.

Menurut kertas kerja: Isi kandungan Batu Bersurat dan Tafsiran Bacaannya ditulis oleh Encik Hamdan Hassan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu dan pengulasnya oleh Penulis sendiri serta dipersetujui sidang seminar, yang diadakan di Kuala Terengganu pada 17-18 hb. Mei, 1981 maka bacaan di batu itu seperti berikut.

Di Muka Pertama:

1. RasululLah dengan orang sahabi mereka (sekalian).
2. Asa pada Dewata Mulia Raya[85] memberi hamba meneguhkan agama Islam.
3. Dengan benar bicara derma[86] meraksa[87] bagi sekalian hamba Dewata Mulia Raya.
4. Di Benuaku ini. Pebantu agama RasululLah sallalLahu a'layhi wa sallama raja.
5. Mandalika[88] yang benar bicara sebelah Dewata Mulia Raya di dalam.
6. Bumi. Pebantu itu fardu pada sekalian raja Manda.
7. Lika Islam menurut setitah Dewata Mulia Raya dengan benar.
8. Bicara berbajikan betul pebantu itu maka titah Seri Paduka.
9. Tuan mendudukkan tamra[89] ini di Benua Terengganu adi[90] pertama ada.
10. Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala[91].
11. Baginda RasululLah telah lalu tujuh ratus dua.

Di Muka Kedua:

1. Keluarga di benua jauh jika (mintakan bahagian).
2. Datang berikan. Keempat (derma) orang berpiutang.
3. Jangan mengambilkan (laba jika ambil) hilangkan emas.
4. Kelima derma barang orang (laki-laki) merdeka.
5. Jangan mengambil tukul (buat pakai) emas.

---

85 Allah Subhanahu Wa Taala.
86 Undang-undang di dalam Bahasa Sanskrit.
87 Memerintah atau menjaga di dalam Bahasa Sanskrit.
88 Raja yang memerintah.
89 Perintah rasmi.
90 Permulaan.
91 Semasa perintah agama.

6. Jika ambil hilangkan emas. Keenam derma barang.
7. Orang berbuat balacara laki-laki perempuan satitah.
8. Dewata Mulia Raya jika merdeka bujang palu.
9. Seratus rotan. Jika merdeka beristeri.
10. Atau perempuan bersuami ditanam hinggakan.
11. Pinggang di hambalang dengan batu matikan.
12. Jika inkar (balacara) hambalang jika anak Mandalika.

Di Muka Ketiga:

1. Bujang dandanya sepuluh tengah tiga jika ....
2. Menteri bujang dandanya tujuh tahil (sepaha).........
3. Tengah tiga, jika tetua (ketua) bujang dandanya lima (tahil) ....
4. Tujuh tahil sepaha masuk bendahara, (jika) orang ....
5. Merdeka. Ketujuh derma barang perempuan hendak (berkahwin) ....
6. Tiada dapat bersuami, jika berbuat balacara jika tiada (Saksi).

Di Muka Keempat

1. .... tiada benar dendanya setahil sepaha kesembilan derma.
2. ....(Titah) Seri Paduka Tuan siapa tiada terpedaya dendanya sepuluh tengah tiga).
3. ....jika anakku atau pamanku atau cucuku, atau keluargaku atau anak (saudaraku).
4. .... tamra ini segala isi tamra barangsiapa tiada menurut tamra ini laknat Dewata Mulia Raya.
5. .... dijadikan Dewata Mulia Raya bagi yang langgaracara tamra ini.

Perkataan di dalam kandungan ( ) ialah andaian pengulas kertas kerja tersebut.

Tarikh

Pada mulanya menjadi suatu teka-teki dan kesamaran yang belum dapat dipastikan dengan sah. Professor Tuan Syed Muhammad Naguib Al Attas dari Universiti Kebangsaan telah memberi pendapat dan alasannya serta menegaskan bahawa tarikhnya hari Jumaat awal Rejab tahun 702 Hijrah di batu itu ialah bersamaan 22hb. Februari 1303.[92] Pada pendapat Peterson tarikh ini, (adi pertama Jumaat

92 Syed Muhammad Naguib Al Attas. The Correct Date Of The Terengganu Inscription. Muzium Negara, Kuala Lumpur, Malaysia. First Edition 1970. m.s. 23.

di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala, Baginda RasululLah telah lalu tujuh ratus dua) lebih kurang terjatuh di dalam bulan Februari atau Mac 1303M.[93] (Awal Rejab tahun 702 terjatuh hari Selasa bersamaan 19hb. Februari 1303 menurut pendapat Dato' Perba DiRaja bekas Kadi Besar Terengganu). Segala-galanya itu menunjukkan seratus tahun lebih awal daripada mana-mana rekod peringatan sebarang negeri di dalam Semenanjung Tanah Melayu berkenaan penganutan Agama Islam. Ini menyebabkan timbul suatu perbahasan yang luas dan terbuka mengenai tarikh tersebut, yang dicatat di akhir tulisan muka hadapan di batu itu dijangka harus ada sambungannya dengan beberapa angka di sebahagian yang hilang. Ada pertelingkahan pendapat dan kajian yang menyatakan terjadi sedikit serpihan berhampiran dengan tulisan "dua" sebaliknya ada pula yang berpendapat "tidak ada pun serpihan". Walaupun begitu tarikh ini masihlah di dalam kurun yang kedelapan Hijrah atau pun dalam tahun 1365M, iaitu beberapa tahun terdahulu daripada tarikh akhir yang boleh dijangka tulisan itu dirakamkan. Ada dikatakan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang ada membayar ufti kepada Kerajaan Jawa Majapahit yang beragama rasminya Hindu atau Buddha, tetapi perkara ini tidaklah mengenepikan kemungkinan negeri ini sudah pun memeluk agama Islam, memandangkan kedudukan yang bersamaan berlaku di "Perlak dan Samudera" yang dengan sahnya pada masa itu telah pun memeluk agama Islam (dan negeri itu pun membayar ufti juga P.). Kerajaan Perlak lebih awal menerima Islam dari Kerajaan Pasai.

C.O. Blagden, tatkala memberi pendapatnya berkenaan tarikh di batu itu, di antara lain katanya[94] "Yang mustahak sekali berhubung dengan buku peringatan yang menarik perhatian ialah tarikh undang-undang hukum syara' itu (hukum Islam, - P) dimasyhurkan, setakat ini tentulah nyata kerana perkataan rekod yang tersebut adalah menunjukkan bahawa pemasyhuran itu menjadi suatu Undang-Undang Kerajaan dan pada ketika itu agama Islam telah pun menjadi agama yang dianuti dan digunakan di dalam Negeri Terengganu.

Tentang apakah tarikhnya yang sebenar dan tepat, maka tarikh yang tertulis itu, di dalam apa-apa hal pun, adalah terlebih dahulu daripada sebarang rekod yang diketahui hingga ke masa ini yang menunjukkan munculnya Agama Islam sebagai suatu agama resmi kerajaan di dalam Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi seseorang itu adalah berkehendakkan suatu kenyataan yang lebih sah lagi. (Ada ahli Sejarah merasa was-was, berkenaan tahun 702 (1303) kerana menurut

---

93 Menurut pendapat Ustaz Haji Muhammad Khair bin Haji Taib seorang ahli falak Melayu yang terkenal, menyatakan bahawa awal Rajab tahun 702 itu jatuh pada hari Selasa bersamaan 19 Februari 1303, ini bermakna hari Jumaat yang pertama bulan Rajab 702 bersamaan 22 Februari 1303.

94 JMBRAS. - Vol. II-part III- 1924 m.s. 258-259.

pendapat mereka, bahawa orang-orang Pantai Timur Tanah Melayu telah menerima Agama Islam daripada orang-orang pantai barat. Ini berertilah terkemudian daripada orang Melaka kerana Melaka memeluk Agama Islam kira-kira tahun 1409 Masehi, (tetapi pendapat ini tidak ada alasan yang kuat dan boleh dipersoalkan serta ditolak dakwaannya-P.).

Menurut SMUIK,[95]"Kira-kira tahun 531H,[96]serombongan seramai 11 orang dari orang Arab Yaman datang ke Negeri Kedah diketuai oleh Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Jaffar Al-Humari (A Humairi?P.). Ketua rombongan inilah yang bekerja kuat mengembangkan agama di Negeri Kedah. Masa itu Raja Kedah bergelar Maharaja Derba Raja. Selepas lima belas tahun kemudian, Islam telah merebak di dalam negeri itu dan rakyatnya pun bertukar-tukar namanya dan rajanya bergelar Sultan Muzaffar Shah.

Menurut pendapat Professor S.Q. Fatimi dengan berdasarkan kenyataan dan kesan-kesan sejarah, maka agama Islam di Pantai Timur itu telah dibawa oleh ahli-ahli perniagaan dan panglima perang bangsa Cina yang beragama Islam, dan bukan sebagaimana yang disangkakan (dari India atau Negeri Arab. -P.). Tetapi pendapat ini ada juga yang menyangkalnya dan tidak syak lagi pengisytiharan Islam di Pantai Timur terlebih dahulu daripada Pantai Barat. Buku SJ. STM menyatakan tidaklah ragu lagi bahawa agama Islam dibawa ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang dari India (bukan oleh orang-orang Arab Arabia). Pendapat umum bahawa saudagar-saudagar dari Gujerat (Barat Laut India yang berpusat di Pelabuhan Combay - P.), itulah yang bertanggungjawab terhadap perhubungan ini.[97]

Setengah ahli Sejarah berpendapat penyebaran agama Islam yang pertama bermula di Terengganu melalui China berdasarkan sebuah batu bertulis yang dijumpai di negeri itu yang membuktikan sekumpulan orang Islam telah mendiami di Terengganu dalam tahun 702 Hijrah (1303M). Ini tidak dapat diterima kerana kedudukan Islam di Terengganu pada masa itu tidak kukuh untuk berkembang ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu.[98] Pendapat ini, boleh dipersoalkan dan boleh juga ditolak dari beberapa segi dan fakta-fakta antaranya:

Pertama, rakaman di Batu Bersurat Terengganu adalah yang paling tua pernah dijumpai di tanahair kita sehingga hari ini tentang pengislaman dan ini sukar atau tidak dapat ditolak.

---

95 Suara Majlis Agama Islam Negeri Kedah Bil. 3 tahun 1966. m.s. akhir

96 1136M.

97 N.J. Ryan. Sejarah Semenanjung Tanah Melayu. Diterjemahkan oleh Daud Baharum, Oxford University Press. Kuala Lumpur. m.s. 21.

98 Haji Dasuki Haji Ahmad. Iktisar Perkembangan Islam. Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1975 m.s. 513-515.

Kedua, samada penyebaran Islam itu datang dari Negeri Arab, India atau dari Negeri Cina, maka sekurang-kurangnya hampir seratus tahun telah terdahulu dari Negeri Melaka yang mempunyai keagungan pada satu masa. Maka pengisytiharan terhadap agama Islam menjadi agama penduduk Negeri Terengganu, tidaklah boleh dikatakan tidak mungkin menjalar ke setengah negeri lain di Tanah Melayu.

Ketiga, pendapat yang menyatakan, Terengganu di masa itu tidak kukuh untuk mengembangkan agama Islam ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu, tidaklah boleh dijadikan alasan kerana perkembangan "Islam" adalah - perkembangan kebenaran dan hidayah. Yang demikian boleh menjalar serta meresap kepada tiap-tiap jiwa menerusi sinaran hidayah dan taufik dari Allah.

Kita akui setakat yang disedari hingga ke hari ini, kurang benar atau hampir tidak ada catatan sejarah yang jelas yang boleh diterima tentang pengislaman di tanahair kita. Tetapi Batu Bersurat itu adalah satu-satunya pusaka suci yang boleh dipertanggungjawabkan mengenai penglibatan tersebut.

Yang demikian sangatlah mustahak ahli-ahli bijak pandai dan para penyelidik kaum bangsa kita menyelidik secara mendalam dan lebih bersungguh-sungguh lagi tentang peristiwa permulaan agama Islam menjalar ke tanahair kita, siapakah pembawa dan pengembangnya dan kesan-kesannya yang berharga kerana hal-hal yang tersebut amatlah penting bagi sejarah negara kita yang telah mengakui agama Islam sebagai agama rasmi menurut perlembagaan.

Di samping itu kita tidak boleh lupa, bahawa perkembangan agama Islam di Nusantara adalah satu sejarah penting. Catatan Marco Polo seorang ahli pelayaran Itali yang terkenal, pernah singgah di Sumatera di abad ketiga belas telah menyatakan, penduduk Perlak-satu daerah di Timur Laut Sumatera-telah memeluk agama Islam sejak tahun 1292M. (Telah dapat dikesan iaitu Malikus Salleh (Merah Silu) Raja Islam Yang Pertama di Sumadra (Pasai) telah meninggal dunia dalam tahun 1297M). Ini membuktikan kemungkinan agama Islam lebih awal berkembang di Sumatera dari Semenanjung Tanah Melayu).

"Satu perkara yang sangat mendukacitakan ialah kerana muka pertama di Batu Bersurat itu berakhir dengan perkataan "di tahun Saratan di sasanakala Baginda RasulullLah telah lalu tujuh ratus dua.....". Pada pendapat saya, kata Blagden, "ayat itu adalah kenyataan yang tidak cukup dan untuk mencukupinya sepatutnyalah ada tertulis di muka yang di sebelahnya perkataan tahun dengan berpandukan perkataan yang telah lalu itu.

Seseorang boleh mentafsirkan dengan makna bahawa bilangan tahun yang dinyatakan itu sebenarnya telah habis pada masa disebutkan itu. Sungguhpun begitu saya tidak mentafsirkan perkataan ini mengikut cara tersebut kerana

tahun-tahun di dalam taqwim Islam serupa jua dengan tahun-tahun di dalam taqwim Masehi, iaitu pada amanya disebutkan sesuatu tahun maknanya ialah tahun yang sedang berlaku atau yang sedang berjalan. Di dalam perkiraan tarikh (Hindu atau Buddha) apabila disebut sesuatu tahun maka kebiasaannya (tetapi tidaklah sentiasa) tahun itu disifatkan sebagai tahun yang telah lalu, iaitu bilangan-bilangan tahun yang sebenarnya tamat dikira daripada mula dijalankan perhitungan tahun kemudian baharulah dinyatakan bulan dan hari, dan menjadi kebiasaan pula disebutkan kenyataan-kenyataan lain seperti buruj dan bintang.

Saya berpendapat, perkataan yang digunakan di sini ialah menjadi suatu kenyataan. Kiranya diterjemahkan sepatah-sepatah adalah menunjukkan sebutan tahun yang lepas itu semata-mata kerana kebiasaan sahaja.

Maka tahun Islam yang dinyatakan sebagaimana tersebut patutlah disifatkan sebagai tahun yang sedang berjalan, dan kenyataan itu pula walaupun apa cara perkiraan yang digunakan, maka ayat itu sebagaimana yang ada tidaklah mencukupi jika tidak ditambah dengan perkataan tahun selepasnya.

Kiranya kenyataan tarikh itu ada bersambung di muka sebelahnya iaitu bahagian yang hilang maka haruslah timbul beberapa kemungkinan.

Yang demikian perkataan "dua", kemungkinan bukan dua sahaja bahkan boleh jadi:

1. "Dua Lapan" iaitu perkataan asal, yang digunakan sekarang delapan atau lapan.
2. Atau dua puluh (boleh jadi dua belas. -P.).

Kemungkinan-kemungkinan ini haruslah dapat mencukupi angka-angka tahun itu dan boleh jadi juga kedua-dua kemungkinan itu bersambung lagi dengan angka-angka lain. Maka haruslah ada lagi kemungkinan kumpulan tahun-tahun lain iaitu dua puluh diikuti dengan mana-mana daripada 1 hingga 9 (712, 720, 721, 722, 723, 724, 725, 726, 727, 728, 729. -P.) atau dua lapan puluh sahaja atau diikuti dengan angka yang lain seperti di atas (708, 718, 780, 781, 782, 783, hingga 789. -P).

Sungguhpun begitu dengan nama bulan Rejab pula, maka kemungkinan-kemungkinan tersebut boleh dikurangkan kepada:

1. 19 Februari 1303(M).
2. 15 Disember 1307(M).
3. Satu daripada bulan Rejab yang terkandung antara masa mulai 7 Ogos 1320M dan berakhir 30 Mei 1329M.

Rekod-rekod ini menerangkan lagi tahun-tahun yang tersebut adalah satu Tahun Saratan.[99] Satu masalah telah pun berbangkit tentang apakah maknanya kenyataan ini, kerana di dalam tiap-tiap Tahun Matahari nampaknya kepada kita berpusing-pusing dan bertukar bergilir-gilir melalui tiap-tiap 12 bintang yang mana Saratan adalah bintang yang keempat. Yang demikian bagaimanakah boleh dapat seperti tersebut dikenali dengan satu tanda bintang itu.

Sangatlah sukar hendak dikatakan matahari berada di dalam Saratan apabila tahun itu mulai dikira, kerana cara yang sebegitu tidak pernah saya dengar. Jika dipakai kepada tahun Islam adalah menyebabkan dua atau lebih tahun yang berturut dipanggil dengan nama bintang yang bersamaan. Tambahan pula tahun Islam itu berganjak permulaan 11 hari ke belakang bagi tiap-tiap tahun. "Jika sekiranya ada cara perkiraan yang sebegitu, tegas Blagden maka tahun 702H tidaklah boleh jadi satu daripada Tahun Saratan, kerana tahun itu bermula pada 26 Ogos 1302M (Menurut perkiraan Dato' Perba Di Raja, mulai pada 1 September 1302.[100] Matahari telah pun keluar dari buruj, lebih kurang sebulan terlebih dahulu".

Di antara lain, kata Blagden lagi, "Dengan menjangkakan penulis peringatan Negeri Terengganu itu telah mengikuti suatu cara adat istiadat yang berketurunan dari zaman Hindu dahulu maka ada pula suatu masalah lagi iaitu samada cara yang sebegitu masih lagi difahamkan pada ketika itu, sebagai suatu cara perkiraan ada hubungan dengan pergerakan dan peredaran bintang Musytari, ataupun cuma menjadi bantuan alat bagi memberi nama tahun-tahun yang berseturut itu dengan nama-nama yang telah terhenti dari mempunyai sebarang kaitan dengan perjalanan bintang-bintang. Kepada saya kemungkinan yang kedua ini nampaknya harus tidak berlaku jika ditilik kepada keganjilan yang terjadi kerana bintang Saratan itu ditulis di dalam Bahasa Arab, bukannya di dalam mana-mana Bahasa India. Nampaknya dalam masalah ini orang yang menggunakan nama itu telah sedia maklum bahawa perkataan tersebut ada kaitan nama dengan perkiraan bintang.

Jika kita terpaksa mengambil kesimpulan bahawa nama itu cuma menjadi satu perkataan yang telah digunakan dengan tidak sengaja, maka tidaklah mustahak kita memikirkan masalah ini lagi, kerana perkataan tersebut tidak akan memberi erti atau keterangan berkenaan dengan tahun yang dikehendakinya itu."

Tatkala menyambung keterangannya yang panjang lebar, di antara lain Blagden menegaskan lagi "jika sekiranya, pada masa itu masih diikuti perjalanan

99 Professor Syed Naguib Al-Attas mentafsirkan bacaannya, 'syartan' tidak Saratan.

100 Perkiraan Ustaz Haji Muhammad Khair Taib, awal Muharram tahun 702H ialah hari Ahad bersamaan 26.8.1302.

Hindu, maka tahun itu dinamakan menurut buruj India yang bersamaan dengan Hamal, yang demikian tempoh itu, tahun Hijrah 702 tidak boleh berlaku tetapi boleh jadi sebetulnya tahun Hijrah 708. Begitu juga, tidaklah tahun-tahun India yang bermula pada 26 Mac 1302M yang di dalamnya tahun-tahun Islam itu mula menjadi suatu tahun Saratan menurut cara perkiraan India. Sebaliknya tahun 1327M dan 1386M itu ialah tahun-tahun Saratan dan bolehlah difahamkan ialah tahun Hijrah 728, (awal Muharram bersamaan 17 November 1327-P.) dan tahun Hijrah 789 (awal Muharram bersamaan 22 Januari 1387-P.) telah dipanggil dengan nama itu. Sungguhpun begitu boleh jadi cara perkiraan India ini telah dipinda lagi untuk disesuaikan dengan taqwim Islam. Harus juga tahun Islam itu dinamakan menurut buruj di mana bintang Musytari berada di dalamnya, bukannya masa akhir yang terdahulu daripada masuknya matahari berburuj "Hamal" tetapi pada ketika tahun Islam itu bermula. Ada suatu pindaan yang mungkin berlaku dan harus juga menurut asal sebagaimana perjalanan perkiraan Hindu mengambil permulaan tahun Islam sebagai mula masa yang ditahkikkan. Oleh itu tahun Hijrah 702 boleh jadi sebagai suatu Tahun Saratan (kalau tepat, tahun Hijrah, 702, maka Khalifah Islam semasa itu ialah Al-Mustakfi bi AmrilLahi Abu Rabia' Sulaiman bin al Hakim yang menjadi Khalifah Islam selama 33 tahun dari tahun 701 Hijrah. -P.) dan tahun 708 bukan tahun Saratan maka di dalam tiap-tiap satu daripada tempoh tahun Hijrah 702-789 harus ada suatu tahun di dalamnya yang boleh dipanggil dengan nama tersebut iaitu tahun Hijrah 727 (awal Muharram bersamaan 27 November 1326) dan tahun 788 (awal Muharram bersamaan 2 Februari 1386). Ada sejarawan yang berpendapat tahun Hijrah 786 (1384M) ialah tahun yang sebetulnya, kerana ada dikatakan menurut catatan Ibnu Batutah (pengembara Arab) yang terkenal semasa beliau sampai di Semenanjung Tanah Melayu kira-kira tahun 1345/46 didapati rajanya masih belum beragama Islam.[101] (Kemungkinan Ibnu Batutah, tidak sampai ke Terengganu atau berjumpa dengan masyarakat Islam di negeri ini).

Kesemua keterangan-keterangan ini tidaklah kemas dan muktamad tetapi nampaknya baik juga diterangkan unsur-unsur masalah itu setakat yang saya faham, kata Blagden.

Nampaknya dengan alasan-alasan ini secara umum sarjana itu lebih cenderung kepada tahun 788 Hijrah.

Menurut perkiraan Dato' Perba Di Raja dari segi perkiraan taqwim Islam, maka bulan-bulan Rejab yang ada buruj Saratan daripada tahun 702 hingga 789 adalah seperti berikut:

101 D.G.E. Hall. Op.cit m.s. 246.

Tahun 722 awal Rejab bersamaan 16 Julai 1322 (Jumaat).

Tahun 723 awal Rejab bersamaan 6 Julai 1323 (Rabu).

Tahun 724 awal Rejab bersamaan 24 Jun 1324 (Ahad).

Tahun 789 awal Rejab bersamaan 18 Julai 1387 (Khamis).

Sekiranya dikehendaki awal Rejab itu terjatuh pada hari Jumaat, adalah: (1) Awal Rejab tahun Hijrah 729 bersamaan 1 Mei 1327 hari Isnin. (2) Awal Rejab tahun 783 bersamaan 21 September 1381 hari Sabtu, tetapi kedua-dua ini tidak jatuh di dalam buruj Saratan.

Ada suatu kemungkinan lagi yang harus berlaku sekiranya perkiraan sehari bulan itu terawal satu hari menurut perkiraan ketika batu itu dirakamkan. Ini bermakna awal Rejab yang terjatuh pada hari Khamis tahun Hijrah 722 itu ialah di dalam buruj Saratan. Perkara ini kerapkali terjadi perselisihan perkiraan dan selalu kedengaran orang-orang kampung mengatakan awal bulan ini jatuh pada hari Jumaat menurut perkiraan kerajaan, tetapi menurut perkiraan kita ialah hari Khamis, ataupun hari Sabtu, dengan yang demikian awal Rejab (pada hari Jumaat atau Khamis) tahun 722 itu ialah di dalam buruj Saratan.

Bertolak dari perkiraan ini, bolehlah dijangka tahun yang tertulis di Batu Bersurat itu ialah tahun 722 Hijrah (bersamaan 16 Julai 1322).[102] Menurut perkiraan Ustaz Hj. Muhammad Khair Haji Taib seorang ahli falak yang terkenal di tanahair tatkala memberi pendapatnya mengenai hal ini beliau berkata, kemungkinan perkataan, "Baginda RasululLah telah lalu tujuh ratus dua" boleh diertikan:

I. Tahun 702 dari Hijrah.
II. Tahun 702, tahun selepas wafat RasullulLah.
III. Tahun 702, tahun sejak lahir RasullulLah.

1. 702 Tahun, sejak Hijrah, tarikh 1 Muharram
   = 26hb. Ogos, 1302 (Sunbulah)
   1 Rejab = 19hb. Feb 1303 (Dalwu)
   (Selasa)
2. 702 Tahun Hijrah
   = 11 Tahun selepas wafat
   713 — 1 Muharram = 28hb. April, 1313
   (Sabtu) (Thur)
   1 Rejab = 22hb. Oktober, 1313
   (Isnin) (Aqrab)

102 Ini bersamaan dengan perkiraan di dalam kitab Attaufiqatul Ilhamiyah Fi Muqaranati Tawarikhil Hijriyah Bis sininil Ifrankiyah wal Qibtiyah karangan Muhammad Mukhtar Basya. Cetakan Pertama Matbaah Al Miriyah bi Bulaq (Masir) Tahun 1311 H. m.s. 360.

3. 702 Tahun Hijrah
63 Tahun Umur RasululLah. Tidak jatuh hari Jumaat awal bulan Rejab.
765 Tahun.
Berkenaan Saratan atau Syartan pula, beliau memberi pendapat:
Sartan = Nama buruj yang keempat dari semua buruj 12 di angkasa. Letaknya di sebelah Utara Khatulistiwa, permulaan garisan Sartan ialah dari kadar 23 1/2 darjah Utara hingga 15 darjah Utara bumi. Saratan itu di dalam bahasa Inggeris 'Cancer'.
Sartan = nama bagi 2 butir bintang besar di dalam kumpulan bintang Hamal (buruj Hamal - Aries) kalimah syartani atau syartin (tathniah) bererti 2 tanduk.
Kesan Sartan = Sartan termasuk di dalam kumpulan 3 buruj pusingan kedua, dan di waktu siang, lebih panjang dari malam di sebelah Utara Khatulistiwa.
Kesan Syartan = Syartan hanya menjadi satu simbul masa waktu musim bunga bila sahaja bintang itu naik di langit sebelah Timur pada waktu yang sama dengan matahari jatuh.

Matahari pada 1 Rejab 702 berada pada akhir buruj Thur, bukan Sartan dan tentangannya 6 bulan kemudian bukan Syartan. Syartan di dalam bulan Hamal. Tentangan Thur ialah Aqrab. Menentukan Syartan di sebelah Timur maka tentangannya ialah Mizan. Sekiranya matahari berada di dalam buruj Mizan bolehlah dikatakan matahari di dalam buruj Mizan tahun Syartan atau Matahari di dalam buruj Hamal yang mengandungi Syartan bolehlah dikatakan matahari di dalam tahun Syartan.

Matahari 1 Rejab 702 berada di dalam bulan Thur bukan Syartan oleh itu berat sangkaan perkataan " Tujuh Ratus Dua" ada sambungannya seperti: 721, 722, 723, 724, 725,726, 727, 728 dan 729 supaya bulan Rejab ketika itu betul-betul jatuh di dalam buruj Hamal yang mengandungi bintang Syartan atau di dalam buruj Syartan yang bertentangan dengan Hamal.

Matahari pada 1 Rejab 721 berada pada akhir buruj Hamal.

Matahari pada 1 Rejab 722 berada pada pertengahan buruj Hamal.

Matahari pada 1 Rejab 723 berada pada awal buruj Hamal.

Matahari pada 1 Rejab 724 berada pada akhir buruj Hut.

Matahari pada 1 Rejab 725 berada pada pertengahan buruj Hut.

Matahari pada 1 Rejab 726 berada pada akhir buruj Dalwu.

Maka seharusnya menjadi perhitungan bahawa matahari 1 Rejab berada pada awal buruj Hamal yang ada Syartan ialah tahun Hijrah 723. Awal Rejab 723 ialah hari Rabu bersamaan 6 Julai tahun 1323M maka hari Jumaat awal Rejab jatuh pada 3 Rejab bersamaan 8 Julai 1323.

Sekiranya hendak ditentukan buruj Hamal itu Mizan di mana matahari berada di dalam buruj Mizan, maka hisab istilahi menunjukkan matahari 1 Rejab tidak jatuh dalam buruj Mizan dalam tahun-tahun dua puluhan itu.

Dengan ini nyatalah kehendak Batu Bersurat itu ialah matahari 1 Rejab 702 berada dalam buruj Hamal yanga mengandungi Syartan iaitu 1 Rejab 723."

Walau bagaimana sekalipun salah satu daripada tahun-tahun ini tidaklah dapat diingkar lagi iaitu 702, 712, 720 atau 721 hingga 729 atau 708, 718, 780 hingga 789.

Penulis berpendapat, amatlah berguna dirakamkan di sini petikan rumusan dibuat oleh yang berusaha Prof. Dr. Syed Muhammad Naguib Al-Attas di dalam risalahnya:[103] di antara lain, maksudnya seperti berikut:

"Sekarang setelah hampir setengah abad sejak pertama kali penjelasan yang mustahak tentang Batu Bersurat Terengganu ditulis, terdapat dua makalah dalam Bahasa Inggeris yang mana tersiar dalam Majalah 'Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society' bertarikh 1924, satunya oleh Major H.S. Peterson, seorang pegawai Perkhidmatan Awam, yang berkhidmat di Terengganu dan seorang lagi ialah Dr. C.O. Blagden, seorang pelajar tentang Hal Ehwal Orang-orang Melayu yang tinggal di London. Kedua-dua makalah ini telah tidak dipinda dan dipersoalkan lagi, di mana pengkaji-pengkaji lain yang menulis tentang Sejarah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia amnya, dan di Semenanjung Tanah Melayu khasnya telah mengasaskan tulisan mereka mengenai perkara itu. Di samping itu terdapat juga tulisan-tulisan lain tetapi boleh dikatakan kesemuanya adalah bersamaan dengan apa yang telah ditulis oleh kedua-dua penulis tersebut atau tidak berjaya mengemukakan pendapat baru tentang tarikh yang tepat Batu Bersurat itu atau pun suatu tarikh yang dapat diterima. Selain dari kedua-dua rencana tersebut, tidaklah ada rencana lain yang betul-betul dapat memecah jalan buntu tentang masalah tarikh yang terdapat di Batu Bersurat. Rencana ini adalah usaha yang ketiga untuk memecahkan persoalan tersebut secara bersungguh-sungguh dan ini adalah merupakan kali pertama percubaan untuk menyelesaikan persengketaan pendapat tentang tarikh tersebut iaitu pada salah satu hari Jumaat bulan Rejab dalam tahun Saratan (Cancer) 702 Hijrah bersamaan dengan salah satu hari Jumaat dalam bulan Februari atau Mac 1303M.

Rencana Peterson, walaupun merupakan yang paling penting, tetapi tidak cuba mentafsirkan batu itu dengan lebih mendalam, kecuali menterjemah perkataan-perkataan di batu itu sahaja. Tetapi Blagden, seorang pelajar yang terkenal, telah cuba menimbulkan persoalan dan cuba membuat penganalisaan

103 Syed Muhammad Naguib Al-Attas. Op.cit. m.s. nota kaki 85.

sendiri terutama tentang tarikh batu tersebut. Hasil daripada analisa ini ia telah memberi 21 tarikh-tarikh yang mungkin menepati tarikh di batu itu, iaitu 702 atau 708, 720-728 dan 780-789. Tetapi oleh kerana bulan itu bulan Rejab ia terpaksa mengurangkan kemungkinan tarikh-tarikh tersebut dan empat puluh empat tahun kemudian (1968) G.W.J. Drewes seorang bangsa Belanda yang terkenal dalam pengajian Hal Ehwal Timur, (tinggal di Noordwijk) terpengaruh dengan kemungkinan-kemungkinan yang dikemukakan oleh Blagden. Ianya bersetuju bahawa tarikh 702H, adalah sebahagian daripada perkataan tarikh itu, tetapi berpendapat ada lagi perkataan selepas daripada dua, sayangnya tiada hujah-hujah yang lojik diberi untuk menyokong pendapatnya. Drewes, berpendapat demikian kerana katanya 'batu itu rosak di tempat selepas perkataan dua'. Ini menunjukkan Drewes tidak melihat sendiri batu yang tersimpan di Muzium Negara semasa ini, malahan mungkin ia hanya melihat gambar-gambar sahaja atau mendengar percakapan orang lain, kerana jika kita melihat batu tersebut, kita akan dapati tidak ada bahagian yang rosak kecuali di bahagian atas yang telah hilang.

Anggapan atau agakan-agakan bukanlah satu pengetahuan yang ilmiah kerana jika ditinjau dengan lebih mendalam dan teliti kita akan mendapat bukti yang nyata tentang tarikh sebenarnya yang tersurat di batu itu.

Di antara lain pula, beliau memberi pendapatnya lagi:

"Setelah diterangkan bentuk batu dan tulisan bagaimana di atas, seperti yang ditunjukkan di dalam gambar-gambar rajah yang disediakan, kita akan menyambung dengan pemerhatian dan penelitian tentang sedikit faktor-faktor. Bermula daripada muka pertama bertanda "A" di mana perkataan yang menjadi masalah, yang menyebutkan tarikh berlakunya pemasyuhuran itu di sebelah kiri barisan yang terakhir: " tujuh ratus dua", maka perkataan 'dua', kita akan nampak, telah diukir dengan jarak ruangan yang luas di antara satu huruf dengan satu huruf terakhir sin (س) dari perkataan ratus.

Pengukir itu boleh mengukir huruf-huruf ini untuk dijadikan perkataan 'dua' lebih dekat lagi kerana di situ ada ruang yang cukup untuknya berbuat sedemikian, tetapi ia tidak berbuat sebegitu, di sini tentu ada sebab mengapa terjadi sedemikian. Kita hendaklah ingat tentang apa yang saya telah katakan berhubung dengan seni tulisan huruf-huruf Arab, pengukir itu dengan terang mahu baris terakhir disesuaikan dengan seluruh muka ruang batu tersebut dan berharap untuk disesuaikan di dalam barisan-barisan di sebelah kanan dan kiri. Muka hadapan adalah terpenting sekali kerana ia menerangkan kenyataan tarikh, tambahan pula dilindungi oleh baris-baris di sebelah kanan, kiri dan bawah, juga dianggarkan di atas di bahagian yang hilang, untuk menjadikan keseluruhan batu itu empat persegi bujur. Adalah menjadi kenyataan bahawa huruf-huruf yang

menjadi perkataan 'dua', dibuat agak panjang-panjang supaya perkataan tersebut sama habis diukir dan kesudahan perkataannya tamat di situ bagaimana dikehendakinya. Kalau perkataan lapan atau puluh hendak ditambah, pengukir ada mempunyai ruang yang cukup untuk memasukkan salah satu daripada perkataan itu selepas daripada 'dua' untuk menjadi penyudah ayat. Kenyataan ini lebih menyakinkan lagi dengan adanya garisan-garisan yang menjadikan batu itu berbentuk empat persegi bujur di sekeliling mukanya, yang menunjukkan penamat perkataan di batu itu telah lengkap. Jika hanya memeriksa gambar muka 'A' menunjukkan ruangan selepas perkataan dua serta di bahagian kiri garisan dan di sebelah bawah tidak bersambung, ini memberikan kenyataan yang salah kepada kita bahawa tempat itu telah rosak. Tetapi sebenarnya tempat itu tidak rosak dan garisan-garisan di sebelah kiri dan di bawah bersambung dengan baiknya. Pandangan seumpama itu timbul hanya di atas gambar yang diambil kerana bentuk bulat tepi batu itu.

Hujah lain yang patut diperhatikan ialah menunjukkan kalau ada perkataan-perkataan lain selepas perkataan 'dua'. Jika ada perkataan lain yang hendak ditulis lagi, mengikut kaedah tulisan Arab, mestilah si pengukir akan terus mengukir hingga ke sebelah muka 'D', membawa kesebelah kanan sudut bawah, seperti ia membuat di sebelah belakang muka 'B' di mana perkataan 'MANDALIKA' diukir terus hingga ke perkataan 'bujang' di muka C dalam perkataan yang terus bersambung-sambung. Tetapi ini tidak berlaku mungkin kerana pada muka 'D', perkataan adalah ditulis dari atas ke bawah. Walaupun sedemikian di situ masih terdapat sedikit ruangan jika pengukir hendak menambah perkataan selepas 'dua'. Oleh itu jelaslah bahawa perkataan 'dua' di muka 'A' adalah penghabisan perkataan di ayat yang berakhir.

Berkenaan tarikh pula, beliau memberi analisanya: Alasan ketiga yang akan diperhatikan jelas menunjukkan bahawa anggapan Blagden berkenaan dengan kemungkinan tarikh-tarikh lain adalah salah. Blagden menyatakan:

"Jika kenyataan tarikh bersambung terus ke muka sebelah bahagian atas yang telah hilang, maka bermacam-macam kemungkinan boleh timbul. Dengan alasan "Jika" di atas itulah menyebabkan telah timbul sebanyak 21 pendapat yang berbeza, di mana ahli-ahli sejarah hingga kini tidak dapat mengelakkan diri daripada pendapat Blagden. Pendapat Drewes, bertentangan dengan mereka yang menerima pengkaji-pengkaji lain yang berpendapat tarikh di batu itu ialah 702H. Maka 'terlampau banyak agakan telah diterima sebagai pendapat seperti pendapatnya, Blagden telah membuat terlalu banyak pendapat yang tidak berketentuan sebagai pendapat yang tepat. Buktinya ia telah berjaya, di dalam menyemai bibit keraguan, hingga sekarang telah dijadikan sebagai kenyataan yang benar, yang menyebabkan selama hampir setengah abad tiada siapa yang

boleh memberi tarikh yang tepat. Walau bagaimanapun sebenarnya, kenyataan tarikh itu berlawanan dengan pendapat Blagden yang hanya berasaskan kepada anggapan semata-mata bahkan tidak boleh diteruskan kepada muka sebelah, di mana bahagian atas telah hilang, supaya berbagai-bagai kemungkinan tidak berbangkit. Sekilas pandang kepada batu tersebut, akan terlihat tentang kehilangan bahagian atasnya, yang mencukupkan muka di sebelah lagi tidak mengandungi perkataan-perkataan yang disambung dari muka 'A', tetapi adalah sebahagian daripada muka 'D' yang disambung daripada bahagian atas (muka E) dan bahagian itu boleh jadi tinggalan muka 'C', dengan lain perkataan apa yang ada di muka 'D' adalah sambungan daripada muka 'C', yang ditulis dari kanan ke kiri di bawah muka 'C' kepada bahagian atas muka bahagian yang hilang (E) ke muka 'D' hingga ke bawah bagaimana rajah di bawah.

Alasan yang lemah telah dikemukakan oleh Blagden untuk menyokong anggapannya, ini bukan sahaja menunjukkan kelemahan dan penyampaian yang kurang makkul, tetapi juga kurang bijak dalam kajian batu tersebut dan kebiasaan dengan kaedah tulisan Arab, dan tradisi Islam, membuat saya mengambil keputusan-hujahnya tidak betul. Apa yang memeningkan kepalanya ialah perkataan 'Saratan' di dalam bahasa Arab yang ada dimaksudkan untuk mencatat tahun penulisan batu itu, bermakna ketam (dalam bahasa Melayu. -P) dan di dalam ilmu perubatan dimaksudkan dengan sejenis penyakit iaitu 'kanser': CANCER (barah - P.), di dalam ilmu 'astronomy', tanda bintang zodiacal keempat 'crab' (ketam).

Mengikut perkiraannya berasaskan perkiraan tahun sistem solar (perjalanan matahari), ia telah menyalahkan dirinya sendiri lebih jauh dengan berpandukan sebagaimana yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat (Orientalist) mengenai sejarah dan kehidupan orang Melayu dan Indonesia apabila bertembung dengan masalah-masalah di dalam sejarah, dengan berpandukan sejarah dan kehidupan Hindu atau tradisi India bagi mencari jalan keluar dengan cara yang paling mudah berhubung dengan masalah tersebut. Tetapi masalah ini hingga sekarang, sejak tanda saratan digunakan untuk menandakan tahun Islam, tidak bersamaan dengan bulan dan tahun yang terdapat di dalam tulisan itu. Di sini terletak kesalahannya yang paling nyata, walaupun pengkaji Islam seperti Fatimi serta lain-lain telah tersalah anggap dalam hal ini dan tidak mencuba menunjukkan bahawa perkiraan berasaskan di atas perkiraan sistem lunar (perjalanan bulan).

Penyelesaian yang mudah telah diberi oleh Blagden berasaskan bahawa orang-orang Melayu Islam masih terpengaruh dengan tradisi- tradisi Hindu dalam membuat Haribulan Islam, alasan ini tidak dapat diterima. Saya mengaku tentang adanya pengaruh-pengaruh Hindu dalam kehidupan orang-orang Melayu Islam

tetapi apabila adanya suruhan atau tegahan pokok yang terdapat dalam Quran dan Hadith maka orang-orang Islam tetap akan patuh, tetapi dalam hal-hal lain yang kecil-kecil mereka masih mengikut adat resam lama. Dalam perkiraan tahun dan bulan, perkara pokok ini dianggap mesti dipatuhi oleh orang-orang Islam seluruh dunia sebagaimana yang diajar dalam Islam. Ini ternyata hingga ke hari ini setiap umat Islam di seluruh dunia masih memakai kelendar mengikut perjalanan bulan (lunar) terutama mengenai peristiwa agama atau urusan-urusan agama. Walaupun penggunaan kelendar Solar daripada Barat masih digunakan dengan berluas-luasan. Pendek kata kelendar Islam adalah kelendar agama, dan hanya berasaskan kepada peredaran dan pertukaran bulan. Nabi Muhammad ada bersabda semasa menunaikan Hajjatul Wida dengan membaca Firman Tuhan Ayat 36 Surah IX.[104]

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُوْرِ عِنْدَ اللهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِيْ كِتَابِ اللهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ .

Pengertiannya: "Sesungguhnya bilangan bulan-bulan pada sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan (yang telah ditetapkan) di dalam kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi".[105] Ayat ini diturunkan untuk membetulkan apa yang dipakai oleh orang Arab Jahiliah dalam perkiraan mereka mengikut tahun Lunar-Solar sebagaimana tahun-tahun Hindu. Selepas memeluk agama Islam, semua orang-orang Arab mengikut kalendar Islam. Di sini nyatalah bahawa orang-orang Melayu tidak akan meneruskan pemakaian tahun-tahun Hindu jika mereka mengetahui bahawa di dalam Al-Quran hanya Allah Taala mengizinkan penggunaan tahun 'lunar'. Oleh itu adalah satu perkara yang tidak munasabah untuk menyelesaikan masalah pentafsiran tahun Saratan 'CANCER' daripada Batu Bersurat itu dengan agak-agakan sahaja, sebagaimana yang dilakukan oleh Blagden. Apa yang aneh ialah sejak Peterson mula mengeluarkan fikiran tentang batu itu hingga sekarang, tidak ada seorang pun membuat kemusykilan terhadap pendapat Peterson atau Blagden tentang tarikh di batu itu, terutamanya tentang pentafsiran tarikh yang telah mereka buat. Penyelesaian kepada masalah tahun yang diberi sebagai tahun Cancer (Saratan) bukan hanya bergantung kepada anggapan-anggapan dan pendapat ahli-ahli falak Hindu, tetapi hendaklah

104 Surah At Taubah, Juzu' ke sepuluh sebahagian dari ayat 36. (P)

105 Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih. Pimpinan Al Rahman, Kepada Pengertian Al Quran. Penerbitan Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Cetakan Pertama 1968. Cetakan Qalam, m.s. 350 Jilid 1

menunjuk dan mentafsirkan perkataan yang sebagai Saratan atau (CANCER) dan menyebutnya dengan betul. Saya mengesyurkan yang bacaan Saratan itu adalah salah.

Saya merujuk kepada pertanyaan 'Blagden, dengan berpandukan kepada tahun 'Cancer' bilakah tarikh Batu Bersurat itu: Saya menjawab, soalan ini tidak berbangkit kerana perkataan pada batu tidak menyebut Saratan (Cancer). Jika kita periksa batu itu semula secara lebih teliti, kita akan nampak di situ huruf Arab 'sin' (س) terukir dengan 'gigi' huruf tersebut. (ســ) . Huruf yang sama boleh diukir jika Saratan atau Cancer hendak dimaksudkan kerana perkataan bermula dengan huruf 'sin (س).

Tetapi ukiran tersebut menunjukkan perkataan bermula dengan huruf seperti 'sin' walaupun ia menunjukkan kepalanya tidak mempunyai gigi tetapi lengkok seperti huruf 'ra' (ر). Ini jelas bahawa huruf itu bermaksud 'syin' (ش) yang letaknya kemudian daripada sin (س) dalam huruf-huruf Arab. Tulisan-tulisan lama titik-titik tidak diadakan dan 'syin' selalunya ditulis seperti 'garis lengkok'. Oleh itu Saratan adalah salah dan sebutan yang betul hendaklah 'Syaratan' (شــرطان)

Antara lain pula pendapat Professor Dr. Syed Muhammad Naguib Al Attas:

"Perkataan Saratan adalah salah dan bacaan yang betulnya ialah Syaratan. Dari asal perkataan 'sharat', yang bermakna tuntut yang mesti dipenuhi atau tanda, perkataan ini tathniah[106] dalam Astronomi 'Falak' Arab, ini menunjukkan kepada dua bintang dalam kumpulan Aries[107] atau Ram[108] yang menandakan Zodiak, yang mana orang-orang Arab bermaksud Al-Hamal (biri-biri). Di Negara Arab, Zodiak dikenal sebagai al-Mintaqatul-Buruj. Orang-orang Latin memanggil tanda-tanda ini sebagai al Mantica Seu Nitac, dengan lebih jelas lagi orang-orang Arab menamakan Al Falak. Di dalam Al-Quran ada menyebutkan mengenai hal ini dengan ayat:

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّاهَا لِلنَّاظِرِينَ. [109]

Pengertiannya: "Dan demi sesungguhnya Kami telah menjadikan di langit bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta Kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya."[110]

---

106 Erti dua tanda atau dua isyarat (P).
107 Buruj Hamal.
108 Biri-biri.
109 Surah al-Hijr juzu' 14, ayat 16.
110 Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih, Op cit. m.s. 122, Jilid II.

Syaratan adalah dua bintang yang merupakan dua tanduk bintang Aries dan bintang Ram, yang lebih cerah dipanggil al-Natih dan yang satu lagi al-Nath. Lane menyatakan Sharatan adalah dua bintang (Alpha' dan Beta') dari bintang Aries, tetapi pendapat yang lebih baharu menyatakan bintang-bintang ini dimaksudkan kepada 'Beta' dan 'Gamma' dari kumpulan bintang Aries yang kemudiannya menjadi bintang ketiga bagi kepala bintang Aries. Alpha bertempat di Magnitude 2, 3 dan warnanya kuning; Beta 2, 9 berwarna keputih-putihan seperti mutiara dan Gamma - bintang kembar - 4.5 dan 5, putih cerah dan kelabu. Pada zaman Hipparchos (Circa 120-160 SM) seorang astronomi Greek, telah diberi kepujian kerana merupakan manusia pertama yang dapat membahagikan secara saintifik bulatan kumpulan bintang-bintang zodical kepada 12 ruang yang sama iaitu 30 darjah tiap-tiap satu dan bintang Syartan (Beta) menandakan Vernal equinoz. Sejak 1730 S.M. Vernal dan Antumnal Equinoctial adalah terletak di dalam kumpulan bintang Aries dan Libra, sebab itulah ianya dipanggil Libra. Kedudukannya berubah perlahan-lahan tetapi yang lama masih tetap tinggal. Sebab itu kira-kira lebih kurang 420M kedudukan bintang Aries telah bertukar kepada kumpulan bintang Pisces. Sejak masa Hipparchos kumpulan bintang-bintang Zodiak telah berundur lebih kurang 33 darjah. Matahari melintasi (lalu) tanda pertama, bintang Aries pada 21 Mac tetapi oleh kerana tahun Solar tidak mencukupi bilangan hari, tarikh-tarikh adalah berubah dari tahun ke tahun. Sekarang boleh juga dikatakan matahari melintasi Aries daripada 16hb. April, hingga 13 Mei.

Perkataan Syaratan kepada orang-orang Latin ialah Sartai atau Scartai. Bintang Alpha Aries yang disebut dulu, al-Nath daripada al-Natih, semasa kita ini diberi kepada 'Beta TAURI', tidak Alpha Aries. Tetapi menurut pendapat Zakariya ibni Muhammad ibni Mahmud al-Qazwini, penulis Astronomi Persia di abad yang ke 13, (1270M) yang telah bekerjasama dengan Nasrul-Din al-Tusi telah mensesuaikan dengan Jadual, Al-khanian, Ulugh Beg, Putera Raja Tartar, ahli Astronomi dan cucu Timurlane, yang mengeluarkan jadual itu di Samarqand dalam tahun 1437. Muhammad ibni Abi-Bakar al-Tizini al-Muwaqqit, ahli Astronomi Arab (Islam) di abad yang ke 16 ada mengeluarkan buku Catalogue di Damsyik dalam 1533M, menyatakan al-Nath diberi kepada Alpha Aries. Penyair Inggeris, Chaucer menulis dalam tahun 1374M menunjukkan al-Nath termasuk dalam Aries.

Sebagaimana disebut dahulu, tarikh Islam adalah merupakan tarikh- tarikh keagamaan, berasaskan peredaran bulan, yang demikian bulan adalah dianggap betul dan tepat untuk mengukur tahun, dalam Al-Quran ada tersebut surah X ayat 5:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُ مَنَازِلَ
لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ. [111]

Pengertiannya: "Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredaran masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa."[112]

Dalam Quran ada menyebut bagaimana bulan itu meredas stesyen (perhentian) atau 'Mansions' (manazil) jamak (banyak) dari perkataan satunya (tunggal) manzil tempat berhenti sebagaimana firman:

وَالْقَمَرَ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّى عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ. [113]

Ertinya: "Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga diakhir peredarannya kelihatan berbalik pula ke peringkat awalnya (berbentuk lelengkong) seperti tandan kering".[114]

Kepada ahli-ahli Astronomi Arab dan Islam 'Mansion bulan adalah dimaksud sebagai Manazilul-Qamar. Bilangan semuanya 28 dan tiap-tiap satu diwakili (diganti) oleh bintang atau bintang-bintang dalam kumpulan Zodiak. Bintang-bintang yang mewakili tiap-tiap satu mansion bulan dipanggil Nujumul Akhdh (bintang-bintang yang menuju ke bulan). Kadangkala bintang-bintang ini dipanggil Al-Ribatat atau (Hotel di tepi jalan atau Rumah Persinggahan). Orang-orang Hindu memanggil Nakshatras dan menggunakan dalam hubungan upacara-upacara persembahan-persembahan dan lain-lain upacara agama Hindu....

Sepertimana yang telah dinyatakan dahulu orang-orang Islam mengasaskan perkiraan haribulan mereka kepada bulan. Bulan mengelilingi dunia dalam masa $29^{1}/_{3}$ hari, tetapi oleh kerana bumi sendiri turut beredar (bergerak), peredaran bulan menjadi $29^{1}/_{2}$ hari. Masa ini di mana bulan beredar bersama-sama dengan peredaran bumi maka dipanggil oleh Ahli-ahli Astronomi

111 Surah Yunus, Juzu' yang ke sebelas, sebahagian dari ayat 5, surah X (P).
112 Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih, Op.cit. m.s 3-4, Jilid II.
113 Surah Yassin, Juzu' 23, ayat 39.
114 Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih, Op.Cit. m.s. 92, Jilid III.

bulan Synodic serupa dengan peredaran bulan atau apabila bulan sekali lagi bercantum dengan matahari, iaitu mempunyai tempat duduk yang sama dengan matahari. Apabila bulan bercantum, ianya dipanggil awal bulan (sehari bulan - P.) dan revolusi itu sempurna dalam masa lebih kurang 27 1/3 hari. Masa ini bilamana revolusi bulan berlaku kepada bintang-bintang dipanggil Bulan Sidereal, oleh sebab bermula dengan munculnya awal bulan, atau lebih tepat lagi manakala lengkok bulan yang ternipis atau kecil (crecent) (sehari bulan) dapat dilihat bila matahari tenggelam (jatuh) di ufuk Barat. Tetapi oleh kerana bulan-bulan dikira sebagai cukup bilangan hari, maka tujuan asalnya ialah untuk menjadikan 29 dan 30 hari, supaya 12 bulan Islam dalam setahun menjadi 354 hari iaitu 11 hari kurang dari kelendar solar orang-orang Kristian.[115]

Prof. Dr. Syed Muhammad Naguib tatkala memberi pendapatnya menentukan tarikh Batu Bersurat itu perkiraannya seperti berikut:

Rejab tahun 702 Hijrah
702 Hijrah (awal Muharram - P.) mulai 26 Ogos 1302.
Hari Isnin[116] = 237 hari
(telah berlalu masanya menurut tahun Masehi)
4 Rejab = 181 hari
(telah berlaku masanya menurut tahun Hijrah) 418

Kesimpulan jumlah hari dalam tahun 1302M = 365
(bukan tahun lompat) 53

53 hari selepas dan termasuk 1 Januari 1303M = (31 + 22)
= 22hb. Februari,
1303M hari Jumaat.
(ialah tarikh Batu Bersurat Terengganu)

Di dalam sepucuk suratnya kepada penulis yang memberi kebenaran untuk dipetik catatan dari risalah tersebut, antara lain kata beliau:

"Penetapan ini bukanlah berdasarkan taksiran akan tetapi berdasarkan satu pendapat baru yang belum pernah diketahui dahulu, iaitu pembaca perkataan "Syaratan" sebagaimana telah dikhilafkan oleh pakar-pakar sejarah kepada Saratan yang telah saya betulkan itu, dan berikut dari ini kepada pengiraan

115 Menurut buku Al Muslimu wa Ilmul Falak oleh Muhammad Mahmud Al-Sawaf menyatakan jumlah hari setahun perkiraan "Tahun Matahari" (Masehi) ialah 365 hari, 5 jam, dan 49 minit. Jumlah hari "Tahun Bulan" pula (tahun Islam) ialah 354 hari, 8 jam, dan 48 minit, perbezaan hari antara dua perkiraan tahun ini ialah 10 hari, 11 jam dan satu minit dengan ini dalam masa 33 tahun, perbezaannya 358 hari lebih sedikit (ada pecahannya).

116 (Ada yang menyatakan "hari Ahad").

mengikut ilmu nujum Islam mengenai tarikh sebenarnya berdasarkan dari itu. Inilah yang merupakan satu pendapat baru dan satu bukti sebenarnya bagi menetapkan tarikh sebenarnya "Batu Bersurat Terengganu."

Sekianlah sebahagian dari ringkasan Prof. Dr. Syed Muhammad Naguib Al Attas di dalam risalahnya yang bertajuk "The Correct Date of The Terengganu Inscription".

Maka tarikh yang diutamakan itu dengan tafsiran bacaannya adalah bertentangan dengan pendapat Ustaz Haji Muhammad Khair bin Haji Taib sebagaimana yang telah diterangkan dahulu, iaitu tarikh yang dikehendaki di Batu Bersurat, matahari satu Rejab dalam buruj Hamal yang mengandungi Syaratan ialah satu Rejab tahun 723 Hijrah, ini bermakna "Jumaat Pertama di bulan Rejab Tahun Syaratan, 723 Hijrah, bersamaan 8 Julai 1323M dan kalau menurut satu perkiraan lagi dengan bacaan "Tahun Saratan" ialah Jumaat Pertama bulan Rejab tahun 722 Hijrah bersamaan 16 Julai tahun 1322M.

Pengarang buku Ilmu Alam Melayu berpendapat sah dan nyatalah batu itu adalah yang tertua sekali daripada segala batu suratan huruf Arab sepanjang yang telah didapati orang di seluruh Alam Melayu tambahan pula oleh sebab batu itu didapati di dalam Negeri Terengganu haruslah pula menunjukkan bahawa Islam telah sampai di Pantai Timur Semenanjung ini pada awal kurun Masehi yang keempat belas lagi iaitu kira-kira seratus tahun terdahulu daripada yang dipercayakan tarikh orang-orang Negeri Melaka menganuti agama Islam.

Peterson, mengakhiri pendapatnya berkenaan batu itu, dengan menyatakan antara lain, "Tulisan Batu Bersurat ini yang dalam kurun keempat belas, adalah dicampur dengan beberapa perkataan yang berasal daripada perkataan Sanskrit, iaitu di dalamnya ada 29 perkataan Sanskrit dan kurang daripada 10 perkataan yang dipinjam daripada Bahasa Arab, yang perkataan-perkataan itu ada ditumpukan kepada nama-nama hari, minggu, bulan dan perkataan-perkataan berkenaan agama seperti RasululLah sallalLahu a'layhi wa sallam."

Keterangan ini adalah sebenarnya menunjukkan suatu kesimpulan yang tidak dapat disangkal lagi bahawa batu itu menjadi suatu perantaraan pemasyhuran agama Islam dengan bahasa yang boleh difahamkan oleh penduduk yang berpelajaran dengan memakai beberapa perkataan agama yang digunakan di dalam bahasa Hindu.

Juga tulisan itu adalah menunjukkan suatu zaman di dalam mana agama Islam dengan perlahan-lahan menjalar, tetapi tetap menggantikan kepercayaan-kepercayaan agama bagi orang-orang Melayu.

Menilik kepada keadaan yang menunjukkan kemajuan agama di dalam masa yang silam itu bolehlah menjadi suatu kepujian kepada ahli-ahli perniagaan



Sebuah batu nisan bertulis yang dikenali dengan nama "Kubur Tuk Raja Ri" letaknya di atas sebuah bukit kecil di Kuala Por, Kuala Berang, Hulu Terengganu.



Batu Belah di Jenagar, Hulu Terengganu. (Tidak jauh dari tebing sungai di sini, ada sebuah kubur yang dikenali dengan nama Kubur Syarif Muhammad, dikatakan datang dari Hadrul Maut, beliau ialah moyang kepada Tuk Pulau Manis [Syeikh Abdul Malik bin Abdullah]).



Kubur Syarif Muhammad al-Baghdadi di tebing pantai Syekh Hulu Terengganu. Moyang kepada Syeikh Abdul Malek, Tuk Pulau Manis.

Arab dan pendakwah-pendakwah agamanya yang bilangan mereka bukanlah banyak,[117] kerana kejayaannya memasukkan kepercayaan itu dengan bijaksana dan berjaya pula menggantikan tulisan Hindu dengan tulisan mereka. Sekali pun agama Islam pada ketika itu belumlah lagi berjaya menghapuskan kepercayaan-kepercayaan dan ajaran yang karut-karut di kalangan penduduk-penduduk negeri yang masih di dalam kejahilan.

Menurut rumusan yang dicapai sebulat suara mengenai kertas-kerja "Ketetapan Tarikh Pada Batu Bersurat" oleh Tuan Haji Muhammad Khair bin Haji Taib, dan pengulasnya Y.B. Dato' Perba DiRaja di Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu pada 13-14 Rejab 1401= 17-18hb. Mei, 1981 yang diadakan di Kuala Terengganu.


Berbunyi sedemikian:

1. Berdasarkan kepada Saratan (سرطان) dalam Batu Bersurat Terengganu adalah nama Buruj (gugusan-gugusan bintang-bintang), maka menurut perkiraan Falak, Taqwim Julian, tarikh yang ada pada

117 Pada abad kelapan bilangan mereka (orang Arab - P.) telah cukup ramai di selatan Cina hingga membolehkan mereka melanggar Kanton (758). Pada abad kesembilan terdapat kumpulan-kumpulan kecil kaum pedagang Islam tinggal di beberapa pelabuhan di sepanjang perjalanan ke Cina, pada abad kesebelas mereka dikatakan sudah berapa lama tinggal di Champa. D.G.E. Hall. Op.cit. m.s. 243

Batu Bersurat itu ialah 702H, kerana pada hari Jumaat 6hb. Rajab, tahun 702H bulan didapati sedang bergerak di dalam Buruj Saratan.

2. Berdasarkan kepada bacaan Syaratan dalam Batu Bersurat adalah Syaratan (شرطان) sebagai nama bintang yang menandakan tahun Qamariah menurut taqwim India, maka tarikh pada Batu Bersurat ialah 702H juga.
3. Perbandingan di antara Batu Bersurat Terengganu dengan Batu-Batu Bersurat yang ditemui di tempat lain, perlulah dibuat, khususnya mengenai perkataan Saratan.
4. Satu kerjasama dengan Ahli-ahli Falak dari India dan dunia Islam lain perlulah dibuat kajian untuk menentukan perkataan saratan dan tarikh Batu Bersurat Terengganu.
5. Batu Bersurat Terengganu ini menunjukkan ketinggian ilmu pengetahuan orang-orang Islam pada masa itu dalam berbagai bidang termasuk Falak.



Makam Malikus-Saleh (Merah Silu atau Merah Selweh) di Pasai. Gambar dengan ihsan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.

Permulaan Kesultanan Sultan Zainal Abidin I (1726-1733M)

Keturunan Sultan Zainal Abidin I

Siasatan-siasatan yang didapati dari buku-buku sejarah dan cerita-cerita mulut, maka setakat yang diperolehi dengan terang dan boleh dianggap benar, menunjukkan Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja ialah Sultan Yang Pertama dilantik bagi Negeri Terengganu Darul Iman. Dari keturunan bagindalah sultan-sultan yang memerintah negeri ini dan jajahan takluknya hingga sekarang. Kalau disusur-galur salasilah baginda hingga kepada Bendahara Melaka yang Pertama Tun Perpateh Besar Bendahara Seri Wak Raja (Bapa saudara Sultan Muhammad Shah) adalah turun-temurun sejak kurun Masehi yang keempat belas.

Baginda adalah seorang Putera Tun Habib Abdul Majid Bendahara Seri Maharaja atau Bendahara Padang Saujana, (Bendahara Johor yang ke-19 anak kepada Sultan Muhammad anak kepada Sultan Abdul Rahman anak kepada Sultan Sulaiman Johor. (Mengikut satu sumber lain Bendahara Tun Habib Abdul Majid ialah anak kepada Tun Mat Ali Bendahara ke V Johor yang berkemungkinan beliau juga dikatakan Sultan Muhammad yang mangkat di Kota Tauhid Johor (dilantik menjadi Bendahara kira-kira tahun 1688M). Meninggal dunia pada hari Khamis malam Jumaat 7 Muharam 1109H bersamaan 5 Ogos, 1697M). Beliau dikatakan keturunan daripada anak cucu Tun Hasan Temenggung anak Bendahara Seri Maharaja Melaka yang kelapan (Tun Mutahir) yang dibunuh oleh Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara dengan perintah Sultan Mahmud Shah Melaka kerana fitnah* yang dilakukan oleh Raja Mendeliar dan Kitol, seorang India, (akhirnya kedua-dua si fitnah itu, telah dihukum bunuh balas).

Di antara saudara-saudara Zainal Abidin ialah Tun Sulong (Tun Abdul Jalil Bendahara Paduka Raja), kemudian menjadi raja Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1720M). Tun Abdul Jamal Temenggung bergelar Bendahara Paduka Raja, Tun Mahmud Indera Bongsu Yang Dipertuan Muda Johor, Tun Mutahir, Tun Abdullah Temenggung (Bendahara Paduka Raja) Tun Abdul Rahim Seri Wak Raja, dan Tun Emas Anum.

Riwayat Hidup

Tidak ada bahan-bahan yang banyak, yang penulis dapati berkenaan riwayat hidup Sultan Zainal Abidin untuk diterangkan dengan sepenuhnya tetapi baginda dikatakan lahir di Johor kira-kira tahun 1677M. Di samping itu cerita perlantikan baginda pula ada berlainan di antara apa yang ditulis di dalam sejarah "Tuhfatun Nafis" dengan cerita-cerita yang didapati di dalam buku-buku peringatan lama yang disimpan oleh orang-orang tua Negeri Terengganu Darul Iman. Hingga setakat ini belumlah dapat dipastikan lagi dengan tepatnya mana satu yang sebenarnya berkenaan dengan peristiwa itu.

Perlantikan Sultan Zainal Abidin I Menurut Tuhfatun Nafis

Selepas peperangan di Riau antara Upu Daeng Merewah, Yang Dipertua Muda Riau Yang Pertama (gelaran Kelana Jaya Putera, meninggal dunia pada tahun 1778M) dengan Raja Kecik[118] kerana mungkir janji persetiaan perdamaian di dalam tahun 1139H (1726M) dan menerima kekalahan maka Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Johor (1718 - 1760) serta Yang Dipertuan Muda memerintah Raja Tua (Daeng Menambun)[119] datang ke Terengganu untuk melantik Tun Zainal Abidin menjadi Raja Terengganu dengan gelaran Sultan Abidin Yang Pertama. Setelah selesai perlantikan tersebut, Raja Tua pun berangkat kembali ke Riau mempersembahkan kepada Sultan menyatakan urusan yang telah dititah itu telah selamat disempurnakan.[120]

Kalau berpandukan kepada cerita ini adalah berlangsung kira-kira dalam tahun 1726, kerana peperangan antara Raja Kecik dengan Upu Daeng Merewah itu berlaku dalam tahun 1139H (1726M). Tetapi semasa Sultan Abdul Jalil (IV) Johor berada di Kuala Terengganu kira-kira selama setahun (1719 - 1720M) baginda telah meninggalkan saudaranya Sultan Zainal Abidin (semasa itu

---

118 Yam Tuan Siak yang mendakwa dirinya berhak di atas takhta Kerajaan Johor dan dikatakan menjadi Putera Sultan Mahmud Shah II Marhum Mangkat Dijulang.

119 Salah seorang Upu lima saudara: 1. Daeng Merewah Yang Dipertuan Muda Johor I, mangkat pada tahun 1728M. 2. Daeng Parani mangkat pada tahun 1723M. 3. Daeng Menambun Raja Tua Raja di Pontianak. 4. Daeng Celak atau Daeng Pali yang Dipertuan Muda Johor II, mangkat 1745M. 5. Daeng Kemasi (anak-anak Raja Bugis di Selibis).

120 Raja Ali bin Raja Ahmad Engku Haji Tua, Tuhfatun Nafis - Journal of The Malayan Branch of Royal Asiatic Society. Vol. X Part II. August 1932 Singapore Printers Limited 1932. m.s. 56-57 (dikarang kira-kira 3hb. Syaban, 1282H, bersamaan 21hb. Disember, 1865) hidup kira-kira dalam tahun 1870.

bergelar Tun Zainal Abidin Paduka Raja) di Terengganu berserta puteranya Tun Husain untuk menjaga negeri ini.[121]

Cerita Lama Terengganu

Menurut cerita yang didapati daripada catatan buku-buku lama mengenai Terengganu dan cerita-cerita mulut, menyatakan bahawa di dalam masa Bendahara Padang Saujana[122], ada seorang pahlawan di Johor yang berjasa bernama Wan Abdul Rahman.[123] Ia banyak membuat kebaktian dan berjasa kepada raja dan negeri. Bagi mengenangkan jasa-jasanya, ia telah diangkat tarafnya dari setingkat demi setingkat. Pada mulanya beliau dilantik menjadi Ketua Juak Raja, kemudian dikurniakan gelaran Panglima Muda, selepas itu pula digelarkan "Megat Seri Rama". Setelah ia berjaya menakluk Pulau Tujuh dan menggalahkan Linggi,[124] ia digelar "Laksamana". Kemudian ia berjaya pula mengalahkan Jambi, lalu digelar "Paduka Raja", iaitu gelaran bagi bakal meningkat ke pangkat Bendahara semasa itu. Oleh yang demikian timbullah hasad dengki dari teman sejawatnya dan berlakulah fitnah yang menyatakan beliau telah bermukah dengan seorang gundik Sultan Abdul Jalil IV.

Akhirnya jarum fitnah, telah berjaya mempengaruhi fikiran Sultan dan baginda sangat murka mendengarkan kejadian itu. Maka dengan nasihat pembesar-pembesar, baginda telah membuat suatu rancangan untuk bertindak ke atas Paduka Raja dengan mengadakan suatu lawatan ke pulau-pulau, diiringi oleh pengiring-pengiringnya yang ramai termasuk Paduka Raja, baginda menitahkan beberapa orang pengiring baginda menembak ke perahu Paduka Raja dan terus mengejarnya supaya dapat ditangkap.

Pada mulanya Paduka Raja cuba juga hendak melawan tetapi meriam di dalam perahunya yang bergelar Seri Jamlor ketika ditembak dari perahu, pelurunya keluar beberapa hasta sahaja, entah kerana tergopoh-gapah atau lain-lain sebab. Sementara itu, ia berpendapat bahawa dirinya tidak boleh mendurhaka kepada raja.

Dengan hal yang demikian, ia pun terus mengundurkan diri dengan perahu kenaikannya yang bernama Kota Beredar menuju ke Pahang, dengan dituruti oleh orang-orang Sultan Abdul Jalil, kemudian mengundur diri ke Terengganu

121 Haji Buyong bin Adil. Sejarah Johor. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. 1971 m.s. 97.

122 Tun Habib Abdul Majid menjadi Bendahara kira-kira dalam tahun 1688, meninggal dunia dalam tahun 1697 Masehi.

123 Asalnya dari Kemboja. Menurut satu sumber, namanya Tun Abdul Jamil.

124 Siak ditakluk oleh Johor dalam tahun 1662 Masehi dan Inderagiri dalam tahun 1669 Masehi.

tetapi tidak sempat hendak masuk ke kuala dikejar oleh perahu dari belakang, lalu ia pun belayar menuju ke Barat.

Apabila didapati mereka yang mengejarnya semakin dekat, iapun menyadaikan perahunya di Pantai Bari Setiu, kata setengah cerita, di "Penarik" (Terbitnya nama Penarik kerana perahu-perahu itu disadai di pantai kemudian ditarik naik ke darat).

Akan hal Zainal Abidin pula telah dibawa ke Patani oleh abang angkatnya yang sangat dikasihinya iaitu Wan Abdullah, (anak Paduka Raja). Semasa itu usia baginda lebih kurang antara 15-20 tahun.

Mengenai Paduka Raja, ia telah melarikan diri ke Barat dengan berjalan kaki hingga sampai ke Padang Permaisuri (nama sebuah kampung lebih kurang 7.2 km dari Penarik).[125] Maka orang-orang yang menurutnya telah mengambil perahu yang bernama Kota Beredar itu dan dibawa balik ke Kuala Terengganu, kemudian dibawa masuk ke dalam Takir (Seberang Takir) serta diambil segala senjata-senjata dan barang-barang yang ada di dalamnya.



Dato' Seri Nara Wangsa (Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim Dato' Mata-mata).

125 Letaknya antara Kampung Banggol dengan Kampung Kubur, jaraknya dari Kampung Buloh Setiu 7.2 km dikatakan nama kampung itu adalah sempena dari nama seorang isteri kepada seorang raja di Kampung Bukit Bintang yang bernama Syamsul A'lam.

Dikatakan semasa itu, ada seorang pembesar Terengganu bernama Tun Lahat, telah mengerah orang-orang pergi mencari Paduka Raja di Setiu dan dapat dibawanya balik bersama-sama dengan batinnya (nakhoda perahu) dan gegelang (anak perahu atau pesukunya). Ketika pasukan ini di dalam perjalanan balik tiba-tiba sampailah perintah dari Sultan Abdul Jalil supaya dibunuh mereka itu semua (Paduka Raja dan orang-orangnya). Apabila sampai di satu tanjung, dibunuh juak Paduka Raja di situ, hingga kekal sekarang tempat ini dengan nama "Tanjong Gegelang" (letaknya tidak berapa jauh daripada Mengabang Telipot, mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu). Apabila sampai pula di kawasan Telaga Batin dibunuhnya Batin (hingga kini tempat itu dikenali dengan nama Telaga Batin) sempena nama Batin tersebut (letaknya tempat ini tidak berapa jauh daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud).

Adapun Datuk Paduka Raja telah dibunuh di tempat yang dikenali dengan nama Teluk Datuk (kuburnya semasa dahulu selalu diziarahi orang, kerana dianggap beliau sebagai seorang keramat, dengan alasan difahamkan, beliau dibunuh dengan tidak berdosa), letaknya tidak berapa rantai sahaja daripada Sekolah Kebangsaan Seberang Takir, Kuala Terengganu. Akan hal anak Paduka Raja pula tatkala diketahui ayahandanya terkena tangkap dan dibunuh oleh orang-orang Sultan Abdul Jalil, iapun membalas dendam dengan membuat berbagai-bagai aniaya kepada Zainal Abidin, saudara Sultan itu.

Menurut cerita yang dicatatkan oleh Dato' Seri Nara Wangsa (Dato' Mata-Mata) Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim di antara lain:

"Maka disuruh Sultan Abdul Jalil seorang pahlawannya bernama Wan Derahman melanggar Negeri Siantan. Maka alah Negeri Siantan itu maka Wan Derahman itu pun baliklah ke Negeri Johor mengadap Sultan Abdul Jalil kemudian digelar oleh Sultan Abdul Jalil akan Wan Abdul Rahman itu Paduka Raja kerana banyak bakti. Maka dengkilah oleh segala Menteri Sultan Abdul Jalil itu akan Paduka Raja maka mencari helah dan membuat fitnahlah oleh segala Menteri akan Paduka Raja itu. Maka ada seorang gundik Sultan Abdul Jalil itu yang sangat dikasih akan dia maka adalah pada gundik Sultan Abdul Jalil itu sehelai saputangan merah. Maka segala menteri pun menyuruhlah membuat bekah seumpama saputangan gundik Sultan Abdul Jalil itu. Setelah sudah lalu diberi kepada seorang hulubalang yang menjaga istana Sultan Abdul Jalil. Maka pada malam hari hulubalang itu pun naik ke penanggahan lalu mencarik ia akan saputangan yang diberi oleh segala menteri itu terbelah dua maka ia pun baliklah ke rumahnya. Maka pada keesokan hari bangunlah Sultan Abdul Jalil daripada beradunya lalu keluar ke balai kemudian datanglah hulubalang itu berdatang sembah katanya: "Tuanku! semalam pada masa patik menjaga istana ini, patik

hendak persembah pun menakuti dan tak mahu sembah pun menakuti pula." Maka titah Sultan Abdul Jalil. "Katalah apa yang mu dengar dan lihat semalam" maka sembah hulubalang itu: " Patik lihat akan Paduka Raja tengah berebut-rebut sehelai saputangan dengan seorang dayang-dayang yang patik tidak kenal maka cariklah saputangan itu terbelah dua sebelah dapat kepada Paduka Raja lalu turun balik dan sebelah lagi yang tinggal kepada dayang-dayang itu dicampak oleh dayang-dayang itu keluar maka inilah patik ambil," serta ditunjuk oleh hulubalang itu akan saputangan itu kepada Sultan Abdul Jalil maka Sultan Abdul Jalil pun kenallah akan saputangan itu ialah saputangan gundiknya. Maka murkalah Sultan Abdul Jalil akan Paduka Raja itu lalu disuruh perintah akan Paduka Raja itu. Maka pada masa itu Paduka Raja ada di dalam perahunya bernama Kota Beredar dan di dalam perahu itu bedil Seri Johor dan Seri Pasir dan Laila Majnun dan ada sebuah perahu lagi ada di dalamnya anak Paduka Raja dan ada bersama anak Paduka Raja itu adik Sultan Abdul Jalil bernama Zainal Abidin kerana Zainal Abidin itu dibuat anak angkat oleh Paduka Raja itu. Apabila Paduka Raja melihat orang ramai datang dari darat menuju ke perahunya maka mengisilah oleh Paduka Raja akan bedil Seri Johor itu lalu ditembak maka tiba-tiba pelurunya keluar sehingga enam hasta sahaja. Maka mulut bedil itu pun putuslah. Maka dalam pada itu berfikir ia kalau begitu aku ini mendurhaka. Lalu diangkat layar maka lalu belayarlah perahu Paduka Raja yang bernama Kota Beredar itu dan perahu anaknya berserta dengan Zainal Abidin itu lari ke Riau diturut orang juga lalu lari ke Pulau Tinggi diturut orang juga lalu lari pula hendak masuk ke Pahang tidak sempat kemudian apabila dekat diturut orang akan perahu Paduka Raja itu maka Paduka Raja pun hampar sebidang kajang di atas air dan dibubuh di atasnya barang rampasan yang telah ia dapat pada masa melanggar Negeri Siantan dahulu itu maka oleh sebab rampasan itu terpandang oleh orang yang menurut Paduka Raja itu lalu berhenti dan berebut jadi jauhlah Paduka Raja itu lalu ke Kuala Terengganu hendak masuk tidak sempat juga lalu ke barat. Maka dikirim surat oleh Sultan Abdul Jalil kepada orang-orang besar Terengganu suruh tangkap Paduka Raja maka segala orang-orang besar Terengganu pun bersiaplah perahu lalu belayar menurut perahu Paduka Raja itu. Setelah berjumpa lalu ditangkap oleh orang-orang Terengganu akan perahu Paduka Raja itu dibawanya balik ke Terengganu."

Mengenai peristiwa Datuk Paduka Raja ada juga catatan yang menerangkan pertentangan dan pergolakannya dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid dan juga Sultan Johor (Sultan Mahmud Shah II menurut surat yang diterima oleh Belanda pada 2 Julai 1688 dari Bendahara tersebut. Ikhtisar dan kandungannya menerangkan:

"Selepas Bendahara meninggalkan Paduka Raja, maka beliau telah mengumpulkan orang-orangnya untuk membincangkan apa-apa yang dipercakapkan oleh Paduka Raja itu, dan bagi pihaknya berpendapat yang Belanda tiada bercita-cita hendak menyerang Riau kerana mereka menganggapnya sebagai sebuah taman sahaja. Sebaliknya Belanda bermaksud hendak mendapat tempat yang lebih penting seperti Bantam dan Makasar tidak Riau, yang demikian Bendahara Paduka Raja sengaja berikhtiar dan mencari helah hendak membunuh orang-orang kaya yang menentangnya, seperti Tuk Pikrama, Seri Amar Wangsa, Seri Akar Diraja, Raja Mahkota dan lain-lain pegawai. Maka mustahaklah ditentang rancangan Paduka Raja itu. Apabila Paduka Raja mendengar keadaan Sultan berada di dalam kawalan dan jagaan penyokong-penyokong Datuk Bendahara, maka beliau beserta pengikut -pengikutnya naik ke perahu dan berlakulah pertempuran. Sementara itu, orang-orang Laut telah diberi isyarat mengatakan bahawa Sultan ada bersama Datuk Bendahara. Yang demikian mereka berserta dengan pasukan itu dan perahu-perahunya pun bergabung dengan pasukan Datuk Bendahara. Setelah itu Paduka Raja bersama saudara-saudaranya dan anak isterinya seramai 30 orang dengan 4 buah perahu yang berisi emas, perak dan permata melarikan diri dan mereka berjumpa dengan anaknya yang bergelar Laksamana di Pulau Bayan.

Bendahara berjaya menawan dua perahu Paduka Raja tetapi tiga buah telah dapat melarikan diri dengan membawa Paduka Raja dan anak-anaknya. Laksamana, Temenggong, Seri Nara Diraja, Seri Perdana Menteri, Seri Bija di Raja dan Seri Amar di Raja, sementara yang mengejarnya itu sebanyak 20 buah perahu besar bertiang dua dan 13 buah perahu besar bertiang satu dan 43 buah perahu-perahu lain. Sebulan kemudian kira-kira 5 Ogos, 1688 ada berita yang menyatakan pasukan Paduka Raja telah menjadi lemah. Perahu-perahu yang dihantar oleh Bendahara telah bersua dengan pasukan Paduka Raja di Pulau Batu Rakit di Lautan Terengganu (harus di hadapan Pulau Redang atau Pulau Pinang). Pertempuran sengit telah berlaku di sana dari petang hingga keesokan harinya. Paduka Raja berjuang berhabis-habisan dengan segala kekuatan yang ada padanya, jika sekiranya saudaranya, dan dua anak laki-lakinya (Laksamana dan Temenggung) tidak melarikan diri ke Pahang tentulah Pasukan Datuk Bendahara menemui kekalahan. Datuk Paduka Raja masih terus-menerus mempertahankan serangan pihak lawannya dan manakala kekurangan peluru lalu digunakan wang rial Spanish untuk dijadikan peluru selama beberapa waktu. Akhirnya ia turun ke darat melindungkan diri.

Dengan mengambil masa selama 10 hari pada akhirnya Bendahara dapat menawan Paduka Raja dan dapat merampas perbendaharaan yang dibawanya lari dari Riau hanya sebanyak 200 kati atau 20 tahil[126] emas sahaja,sebuah peti dua tapak sirih emas, dan perbendaharaan DiRaja yang lain termasuk permata DiRaja, perhiasan-perhiasan, pedang pasukan dan perisai telah dibuangkan ke laut tetapi dapat dijumpai balik. Setelah Paduka Raja ditawan lalu dibunuhnya oleh orang-orang Datuk Bendahara.[127]

Selang tidak berapa lama, setelah Zainal Abidin tiba di Patani, sampailah perkhabaran kepada Nang Chayang Raja Patani mengatakan ada seorang anak Raja Johor (Zainal Abidin) membawa diri di dalam negerinya dan beliau pun mengambilnya menjadi anak angkat serta dipeliharanya menurut adat istiadat anak-anak raja.

Apabila sampai perkhabaran kepada Sultan Abdul Jalil perihal saudaranya Zainal Abidin sedang berada di Patani, dipelihara oleh Nang Chayang, maka dihantar satu utusan untuk meminta dihantar kembali saudaranya itu tetapi permintaan ini tidak dimakbulkan oleh Raja Patani dengan alasan kiranya sebenar sultan mahukan saudaranya itu silalah baginda berangkat sendiri mengambilnya.

Setelah utusan itu kembali dan menyembah hal tersebut kepada Sultan Abdul Jalil, baginda pun bersiap lalu berangkat ke Patani. Akhirnya baginda berkahwin dengan Nang Chayang dan segala perkakas-perkakas dan alatan-alatan kebesaran Sultan Sulaiman yang mangkat di Senggora yang telah digadai kepada Nang Chayang diserah kembali kepada Sultan Abdul Jalil. Manakala tiba masanya baginda hendak berangkat kembali ke Johor dan hendak membawa balik bersama saudaranya Zainal Abidin maka tidaklah dibenar juga oleh Nang Chayang."

Adapun Gelaran "Nang Chayang" asalnya dikatakan daripada perkataan "Pra Nang Chau Yeng" bermakna "Baginda Raja Perempuan" iaitu satu gelaran yang diberi oleh Raja Siam kepada Raja Perempuan Patani kerana memandangkan rapatnya perhubungan dan persahabatan antara kedua pemerintah pada masa itu (kira-kira tahun 1599M) tetapi oleh kerana pelat sebutannya orang-orang Melayu, disebut "Nang Chayang" sahaja. Mula-mula Raja Perempuan Patani yang digelar Nang Chayang Yang Pertama ialah "Raja

126 Sangat jauh perbezaan antara 200 kati dengan 20 tahil emas, harus tersalah salinan atau tersalah tulisan (P).

127 Leonard Y. Andaya: The Kingdom of Johor 1641-1728, Oxford University Press, Kuala Lumpur m.s. 154-155.

Hijau", (Raja Patani yang ketujuh. Puteri Sultan Bahadur Shah, Raja Patani Yang Keenam. 1584 - 1616M).[128]

Mengenai kedatangan Sultan Abdul Jalil ke Patani ada sebuah kisah yang sedikit berlainan. Catatan itu menerangkan:

"Ada utusan seorang anak raja Johor yang memerintah negeri Terengganu, datang ke Patani bergelar Yang Dipertuan Muda Johor kerana meminang Raja Kuning (Puteri Raja Ungu, Nang Chayang Yang Ketiga, Raja Patani yang Kesembilan) tetapi dalam masa orang- orang Patani sedang sibuk menyiapkan istiadat perkahwinan agung itu, tiba-tiba datanglah suatu angkatan laut Siam menyerang Patani bagi kali yang kedua (kira-kira tahun 1632M). Setelah tamat peperangan itu, pihak orang-orang Siam, tidak berjaya mengalahkan Patani dan perkahwinan itu pun dilangsungkan. Yang Dipertuan Muda itu menginap di Patani dan tidak pernah lagi kembali ke Terengganu. Tetapi akhirnya beliau terpaksa balik ke Johor, disebabkan kerap berlaku perselisihan dengan isterinya Raja Kuning, selepas dilantiknya menjadi Nang Chayang Yang Keempat, Raja Patani yang kesepuluh (setelah mangkat bondanya Raja Ungu). Maka Raja Kuning inilah Raja Perempuan Patani yang akhir sekali, meninggal dunia selepas tahun 1686M atau 1688M.[129] Menurut satu keterangan lain, ada pun yang melawat Patani itu ialah Sultan Abdul Jalil III. (1623 - 1677), kira-kira dalam tahun 1638 atau 1639 dan berkahwin dengan Permaisuri Negeri Patani ialah adik bungsu Sultan tersebut kira-kira dalam tahun 1644.[130]

Semasa Zainal Abidin di Johor beliau berkahwin dengan seorang perempuan Muar dan memperolehi dua orang anak, seorang anak laki-laki dan seorang anak perempuan.

Tidak berapa lama Zainal Abidin duduk di Johor, sampailah surat dan utusan dari Nang Chayang mempersilakan beliau kembali ke Patani, lalu beliau pun bermohon daripada kekandanya Sultan Abdul Jalil untuk berangkat ke Patani. Setibanya di Patani, Nang Chayang bertanyakan, apakah yang telah dikurniakan oleh Seri Paduka kekandanya kepada beliau, jawabnya "NEGERI TERENGGANU".

Antara beberapa lama, selepas keberangkatan balik Sultan Abdul Jalil kali kedua dari Patani, maka ayahandanya Datuk Bendahara Padang Saujana pun mangkat (pada hari Khamis 7 Muharram 1109H bersamaan 5 Ogos 1697M).

---

128 Ibrahim Shukri, Sejarah Kerajaan Melayu Patani, Matbaah Majlis Agama Islam Kelantan m.s. 46.

129 Ibrahim Syukri. Ibid m.s. 67/68.

130 Haji Buyung Adil. Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka 1971. m.s. 69-72.

Berita sedih ini diberitahu kepada Nang Chayang. Tatkala sampai utusan itu ke Patani dan didengarnya peristiwa itu, Nang Chayang pun menyuruh Zainal Abidin serta sekalian orang besarnya balik ke Johor.

Adapun pembahagian yang telah dibuat selepas kematian Bendahara Padang Saujana ialah: (1) Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil memerintah Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. (2) Tun Abdul Jamal memerintah Pahang bergelar Bendahara Tun Abdul Jamal dan (3) Tun Mahmud Indera Bongsu memerintah Daik menjadi Yam Tuan Muda.

Kemudian Nang Chayang memerintahkan orang-orangnya supaya berlengkap kerana hendak ditabalnya Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu. Di antara alatan kerajaan yang dihadiahkan oleh Nang Chayang kepada Zainal Abidin serta dibawanya bersama-sama ke Terengganu, ialah sebilah pedang dan sebilah keris panjang dinamakan "Keris Panjang Nang Chayang" yang mana menjadi satu-satunya alatan kebesaran Sultan Terengganu yang digunakan di



Kawasan Tapak Istana Sultan Zainal Abidin I di Kampung Tanjung Baharu, Hulu Terengganu yang dikatakan di kampung inilah Sultan Zainal Abidin I menjadi Sultan Terengganu yang pertama kira-kira dalam tahun 1726.

dalam istiadat-istiadat kebesaran. Keris ini dibawa oleh Bentara hingga sekarang. Sepucuk surat telah dihantar oleh Nang Chayang meminta Raja Kelantan bermuafakat dan bekerjasama dengan Zainal Abidin serta menetapkan sempadan negeri antara Kelantan-Terengganu. Bagi pihak pemerintah Kelantan telah mengadakan mesyuarat dengan sekalian orang-orang besarnya untuk menetapkan sempadan antara kedua buah negeri itu, dengan dimulakan dari laut Pulau Susu Dara, Keluang, Limau Nipis dan daripada Limau Nipis ke Kuala Rasal menuju ke Bukit Batu terus ke Bukit Yong, bengkang-bengkok melalui Sungai Semerak.

Mengenai kelantikan Sultan Zainal Abidin 1, yang dikatakan Nang Chayang ada mengambil peranan semasa hayatnya menurut cerita ini, adalah menimbulkan kesangsian dan keraguan kebenarannya, kerana menurut sejarah, Nang Chayang yang akhir sekali memerintah Patani nama tubuhnya Raja Kuning (memerintah antara tahun 1635 - 1686). Padahal Sultan Zainal Abidin 1 dilantik dalam tahun 1726M dan menurut suatu catatan lain dalam tahun 1114H (1702M) dan 1716. Walau bagaimanapun kedua-dua tarikh itu adalah selepas Nang Chayang meninggal dunia. Kemungkinan benarnya cerita Nang Chayang ini menjadikan Sultan Zainal Abidin 1 anak angkatnya, bolehlah diterima kerana semasa baginda itu dibawa ke Patani, usianya kira-kira lebih kurang antara 9 dan 11 tahun (baginda lahir di Johor kira-kira tahun 1089H (1677M).

Selepas Raja Kuning, Nang Chayang yang keempat (Raja Patani yang ke sepuluh yang akhir sekali dari keturunan Raja Seri Wangsa Raja Patani 1) meninggal dunia maka kerabat-kerabat DiRaja dan pembesar-pembesar Patani telah melantik seorang pembesar Patani yang tua sekali menjadi raja Patani bernama Raja Bakar [131] atau Bakul - P.). Beliau sempat memerintah beberapa tahun (1688 - 1690) sahaja sebelum meninggal dunia, dan diganti pula oleh seorang anak raja dari Kelantan bernama Raja Emas (1690 - 1704 - P.). Raja Emas ini kemudiannya diganti pula oleh Raja Emas Jayam (1704 - 1707) - P.).

Dua kemungkinan boleh dipertimbangkan sebelum bahan-bahan yang lebih sah didapati iaitu:

1. Ada catatan yang menyatakan Zainal Abidin 1 menjadi Sultan Terengganu kira-kira dalam tahun 1114H (1702M). Raja Emas Jayam yang memerintah Patani dari tahun 1704-1707 inilah dikelirukan namanya seakan-akan serupa kedengaran (Nang Cayang-Emas Jayam).
2. Raja Patani yang memerintah antara tahun 1721 - 1728 dikatakan bernama "Baginda" dan boleh jadi beliau dikenali atau dipanggil

131 Ibrahim Syukri Op. Cit. m.s. 78-80.

dengan nama "Nang Cayang", juga maka di dalam masa beliaulah Sultan Zainal Abidin 1 dilantik menjadi Raja Terengganu.

Ke Terengganu

Setelah selesai urusan mengenai sempadan negeri, maka berangkatlah Zainal Abidin ke Terengganu bersama-sama dengan puteranya yang bernama Tuan Raja Senik dan pengiringnya dikatakan seramai lebih kurang 80 kelamin melalui Kelantan.

Ketibaannya itu disambut oleh orang-orang besar Terengganu, di antaranya Tun Zain Indera, Tuk Raja Kilat, bergelar (Sultan Sulaiman), dan Tun Lamat atau Tun Buana yang menjadi Bendahara atau Temenggung Kuala Berang dan Tun Ismail (Raja Tersat).


Pada saat yang baik, Zainal Abidin pun ditabalkan menjadi Raja Negeri Terengganu bertempat di Tanjung Baharu, berkota Batang Mahang (Sebuah kampung letaknya di sebelah kanan mudik Sungai Terengganu. Jauhnya daripada Kuala Berang lebih kurang 8 km.) Di Tanjung Baharu, baginda beristerikan seorang wanita daerah dan memperolehi seorang putera bernama Engku Tanang Wangsa. Tidak berapa lama bersemayam di situ hingga buruk Kota Batang Mahang baginda berpindah hilir ke Langgar.[132] Semasa di Langgar baginda berkebun nyiur pinang dan beristerikan cucu Datu Wan Ismail serta memperolehi seorang putera bernama Tengku Mansur (Ku Tanang Mansur) dan seorang puteri bernama Maha Diwi. Kemudian berpindah ke Pulau Manis. Di Pulau Manis baginda beristerikan anak perempuan Datuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah) seorang alim lagi dianggap keramat.[133] Antara beberapa lama, baginda berpindah ke Chabang Tiga. Akhirnya, baginda memilih tempat persemayamannya di sebelah matahari naik Bukit Keledang yang sekarang dikenali dengan nama "Kota Lama"

Menurut suatu cerita, kononnya ketika baginda tiba di kawasan ini, baginda berangkat naik ke atas Bukit Keledang bersama pengiring-pengiringnya kerana meninjau tapak yang sesuai untuk dijadikan istana, sambil memerhati dari atas bukit itu ke kawasan sekelilingnya, tiba-tiba sekuntum bunga keledang jatuh di atas riba baginda. Sembah pawangnya, inilah tempat yang baik dan sesuai dibuat

---

132 Letaknya di sebelah hilir Kuala Berang, jauhnya lebih kurang 4.83 km.

133 Kuburnya sentiasa diziarahi orang, di Kampung Pulau Manis Serada lebih kurang 17.71 km dari bandar Kuala Terengganu, hidupnya dianggarkan antara tahun 1061-1143H (1650-1730), beliau dikatakan penterjemah kitab 'Hikam Ibni Ata'illah yang terkenal dan dikatakan juga beliau ada menyusun beberapa buah kitab atau risalah, antaranya Kitab Kifayah, (Risalah Kifayah) dan Risalah Nuqil. Beristerikan anak perempuan Tuk Raja Sawa Lila yang datang dari Johor.



Makam Sultan Zainal Abidin I di Bukit Keledang.



Bukit Keledang, di atasnya terletak Makam Sultan Zainal Abidin I.

istana persemayaman tuanku. Kemudian istana pun dibangunkan di kawasan ini serta didirikan kota papan. Maka kekallah baginda bersemayam di situ hingga akhir hayatnya.

Adapun pengikut-pengikut baginda dari Patani yang berjumlah lapan puluh kelamin, mereka sekalian membuat kediaman di kampung yang dikenali sekarang dengan nama "Kampung Patani" sempena dari nama negeri itu. Letaknya kampung ini lebih kurang 400 meter dari Masjid Abidin, Kuala Terengganu.


Kemangkatan Baginda

Sangat sukar hendak mendapat suatu tarikh yang sebenar tentang kemangkatan baginda kerana menurut buku-buku peringatan yang penulis dapati apabila dibandingkan antara satu sama lain, adalah berlainan dan bertentangan. Walaupun demikian penulis rakamkan juga tarikh-tarikh yang bercanggah itu untuk perbandingan.

Menurut Tuhfatun Nafis, tarikh kemangkatan baginda ialah pada subuh malam Ahad 21hb. Ramadhan tahun 1146M, (25.2.1733) ini bersamaan di dalam History of Terengganu yang menyatakan berlakunya dalam tahun 1733M (baginda berusia lebih kurang 57 tahun). Dalam buku-buku peringatan lama ada dikatakan dalam tahun 1138H (1725M). Menurut kajian penulis yang lebih hampir tepat ialah di dalam tahun 1146H (1733M) bagaimana yang diterangkan oleh Tuhfatun Nafis. Harus tarikh 1138H itu ialah tarikh kelantikan menjadi sultan menurut kehendak catatan itu bukan tarikh kemangkatan.

Perselisihan Sejarah Mengenai Perlantikan Sultan

Peristiwa Sultan Zainal Abidin Yang Pertama menaiki takhta Kerajaan Negeri Terengganu ada bertentangan antara cerita-cerita yang ditulis oleh ahli sejarah Bugis (Raja Ali Haji, di dalam bukunya yang bernama Tuhfatun Nafis) dengan riwayat catatan lama dan cerita-cerita mulut yang didapati tetapi pada pendapat penulis, lebih cenderung kepada apa yang ditulis oleh ahli sejarah Bugis, kerana difikirkan lebih tepat dan munasabah Raja Tua Bugis (Daing Menambun) yang melantik Sultan Zainal Abidin menaiki takhta Kerajaan Terengganu menjadi Sultan Yang Pertama atau beliau menjalankan istiadat perlantikan baginda dengan kehendak dan titah Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (anak saudara baginda) kira-kira dalam tahun 1726M kerana difahamkan, pangkat atau taraf Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah tempoh itu ialah Yang Dipertuan Besar Negeri Johor, Pahang, Riau dan jajahannya dengan kedudukannya bersemayam di



Sebahagian nama-nama tempat yang ada kaitan dengan peristiwa dalam buku 'Sejarah Darul Iman'.

Negeri Riau sebagai kepala negeri. Taraf Yang Dipertuan Raja Kechil adalah di Terengganu, manakala taraf Bendahara di Pahang dan Temenggung di Johor. (Dalam sepucuk surat yang dihantar oleh Temenggung Singapura kepada Sultan Mahmud Muzzaffar Shah Lingga dalam tahun 1271 (1855M) di antara lain katanya: "Seperti titah dari bawah Duli Tuanku memeriksa patik akan hal anak patik itu Temenggung Seri Maharaja yang ada kepada masa ini di dalam negeri Singapura itu Temenggung siapa, ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik ke bawah Duli adalah kepada faham patik selama-lamanya apabila sudah patik jadikan Temenggung itu melainkan sah dengan nyatanya menjadi Temenggung itu ke bawah Duli Tuanku, jikalau kiranya yang ada lainnya maka tiada ia mahu bertuan ke bawah Duli Tuanku, janganlah anak saudara kepada patik, jikalau anak yang patik jasadkan dari dalam badan patik sekalian pun jikalau ia tiada mahu bertuan ke bawah Duli Tuanku, melainkan bercerailah anak patik itu dengan patik dunia akhirat....." Dua belas haribulan Zulhijah hari Selasa tarikh sanah 1271."[134]

Sementara itu batin-batin dan panglima-panglima ditugaskan memerintah pulau-pulau termasuk negeri-negeri yang di Pantai Timur Sumatera. Oleh yang demikian Negeri Terengganu semasa itu letaknya di bawah kesultanan Sultan Sulaiman (mangkat tahun 1760M berusia lebih kurang 60 tahun) dan baginda adalah dipandang lebih munasabah membuat perlantikan tersebut.[135]

Menurut sejarah buku-buku karangan lama dan tulisan tangan serta cerita-cerita mulut yang didapati di dalam Negeri Terengganu yang membayangkan perlantikan itu dengan pengaruh Raja Patani serta dihantar pengiring-pengiring yang ramai, ini ialah disebabkan Sultan Zainal Abidin pernah dijadikan anak angkat Raja Patani Nang Chayang, dan kedatangan mereka sebagai memberi sokongan dan sebagai merai bersama di istiadat yang bersejarah itu.

Isteri dan Putera baginda

Menurut yang diketahui, isteri-isteri Sultan Zainal Abidin Pertama seperti berikut:

---

134 Salinan surat dalam simpanan Allah Yarhamuhu Engku Pengiran Anum Terengganu

135 Semasa Sultan Zainal Abidin I dilantik menjadi Sultan Terengganu Yang Pertama, Tun Husain kekanda Sultan Sulaiman, menjadi Bendahara Terengganu. Haji Buyung Adil, Sejarah Pahang Op. Cit m.s. 81

1. Semasa di Johor, baginda beristerikan seorang perempuan Muar (namanya tak dapat dikesan) beroleh seorang putera dan seorang puteri.
2. Semasa di Patani beristerikan dengan sepupu Nang Chayang (Kata setengah riwayat, ialah anak saudaranya bernama Nang Rugayah bergelar Cik Puan Besar). Kuburnya di atas Bukit Keledang tidak berapa jauh daripada makam baginda.
3. Semasa di Kelantan dalam perjalanan ke Terengganu baginda beristeri dengan seorang wanita Kelantan.
4. Semasa di Tanjung Baharu, baginda beristeri seorang wanita di daerah itu.
5. Semasa di Pulau Manis (Kuala Terengganu) beristerikan anak perempuan Datuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah).
6. Ada juga dikatakan baginda beristerikan dengan Cik Puan Besar anak Wan Ismail Datu, setengah cerita dikatakan cucunya.

Ini tidaklah bermakna yang baginda beristerikan lebih dari empat orang dalam satu masa.

Puteranya pula, setakat yang diketahui dengan sah ialah (1) Ku Tana (Tanang) Wangsa, (2) Ku Tana (Tanang) Ali (3) Ku Tana (Tanang) Ismail, (4) Ku Tana (Tanang) Mansur, (5) Ku Embong, (6) Tuan Raja Senik, (7) Tuan Kut (Yaakub), (8) Tengku Maha Diwi, (9) Tuan Abu Shuib (Tuan Abu Said).

Menurut satu catatan kesah mengenai putera baginda Ku (Tengku) Embong menyatakan, beliau ada belajar dengan seorang guru bernama Lebai Derasah, pada suatu hari berlaku pergaduhan antara guru itu dengan isterinya, ini menyebabkan isteri Lebai Derasah melarikan dirinya ke rumah Tengku Embong.

Apabila Lebai Derasah melihat isterinya ada berlindung di rumah muridnya Tengku Embong, berkata dalam hatinya: "Sampai hati Tengku Embong melindungkan diri isterinya".

Pada satu malam Tengku Embong turun dari rumahnya hendak bersiram lalu ditikamnya oleh Lebai Derasah dan mangkatlah Tengku Embong.

Pada keesokan hari Lebai Derasah ditangkap orang bersama isterinya dan dengan perintah Yang Di Pertuan, keduanya ditarik songsang di keliling bandar hingga mati dan ditanam tidak jauh dari Pantai Tanjung. Tempat itu sekarang dikenali namanya "Tanjung Nesan Empat" sempena dari empat nesan suami isteri tersebut.

Keadaan negeri dan Penduduknya Semasa Pemerintahan Baginda

Kedudukan hal ehwal pentadbiran negeri, dan kehidupan rakyat Negeri Terengganu dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Yang Pertama tidaklah begitu terang dan bahan-bahan yang menceritakan peristiwanya sangatlah kurang bahkan boleh dikatakan seolah-olahnya tiada langsung. Menurut catatan buku His. of Tr. ada menyatakan Kapten Alexander Hamilton yang melawat Terengganu tahun 1719 - 1720M telah menceritakan darihal Kuala Terengganu sebagai sebuah pekan yang mempunyai penduduknya lebih kurang seribu buah rumah yang berselerak di sana sini, antara sepuluh atau dua puluh pada setempat. Hasil negerinya lada hitam dan emas.

Darihal orang-orang Cina pula yang menjadi sebahagian daripada penduduk bandar itu, maka mereka mempunyai kedudukan perniagaan yang baik. Mereka datang dengan tiga atau empat buah perahu layar (Wangkang) tiap-tiap tahun selain daripada perahu layar yang berniaga ke Siam. Kemboja, Tongkin dan Sambas. Kedatangan Hamilton ke Terengganu ialah untuk mengambil barang-barang dagangan dari negeri ini dan menjalankan pertukaran barang-barang dagangan baharu yang dibawanya. Menurut catatan itu lagi, baginda sultan pernah berkali-kali bertanya kepadanya kalau-kalau orang-orang Inggeris berhajat membuka sebuah daerah di negeri ini, di samping Negeri Pahang dijadikan tempat perniagaan yang besar dan dibenarkan kapal-kapal datang untuk memuat lada hitam dan bijih besi. Selain dari itu hasrat baginda suka duduk bernaung di bawah kerajaan British, tetapi Hamilton menjawab, ia berpendapat orang-orang Inggeris tidak suka membuka daerah di negeri ini. Kiranya benar catatan Hamilton, ini menandakan dua kemungkinan:

1. Semasa itu (1719 - 1720) Sultan Zainal Abidin sudah berada di Terengganu menjadi sultan atau pemerintah.
2. Ada catatan yang menyatakan Sultan Abdul Jalil IV Johor bersemayam di Kuala Terengganu lebih setahun selepas kekalahan baginda berperang dengan Raja Kecil Siak kira-kira dalam tahun 1718 dan Terengganu berada di bawah kekuasaan Sultan Johor maka bagindalah membuat perkiraan dengan Hamilton.

Mata Pencarian Anak Negeri

Menurut cerita-cerita lisan yang lama, ada dikatakan, mata pencarian penduduk-penduduk Negeri Terengganu semasa itu menangkap ikan bagi penduduk-penduduk di tepi pantai manakala penduduk-penduduk yang di darat

pula mereka bercucuk tanam. Pada amnya keadaan mereka sekalian seperti kata pepatah "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang".

Rupa pakaiannya sukar pula hendak dijelaskan sekadar yang dapat dijangka (menurut cerita semasa orang Patani datang ke negeri ini kerana perlantikan Sultan Zainal Abidin Yang Pertama) kebanyakannya memakai kain lepas atas bawah. Ini menunjukkan memakai baju dan seluar tidaklah terkenal sangat dan haruslah kebanyakannya berkain lepas sahaja manakala setengah perempuan pula memakai kain kelubung sangga bagi menggantikan baju. Ada juga dikatakan pakaian anak raja dan orang-orang besar kebanyakannya menggunakan seluar sapak atau seluar empat karat berselimpang giling ungu dan berdastar dan ada juga mereka yang memakai songkok yang diperbuat daripada urat resang yang dijalin-jalinnya. Bajunya dikenali dengan nama baju ketat, lengannya setakat siku.

Cara Pemerintahan Berkerajaan

Bagaimana corak pemerintahan pada masa itu tidaklah juga dapat dicatatkan dengan jelas kerana tidak terdapat bahan-bahan dan keterangan-keterangan yang bertulis. Tetapi bolehlah dijangka bahawa pucuk pimpinan negeri terserah penuh kuatkuasa di tangan Sultan. Bagindalah berhak memerintah menurut kemahuan, dan pertimbangannya. Titahnya menjadi undang-undang dan baginda menjadi Yang Dipertuan Besar di daerah yang ditaklukinya yang berpusat di Kuala Terengganu.

Manakala hal ehwal di jajahan-jajahan adalah diserah kepada wakilnya yang digelar "Raja Anak Sungai". Ada sebahagian anak-anak sungai pula diserah kepada anak buah sultan, atau waris, atau pembesarnya yang menjadi harapan. Merekalah yang memerintah dan memungut hasil atau cukai bila mengikut kehendaknya. Kemudian pada tiap-tiap tahun mereka membawa persembahan sebagai tanda taat setia di bawah pemerintahannya.

Cerita-cerita lama ada menunjukkan cara pemerintahan Sultan di zaman itu pada biasanya melantik beberapa orang besar atau pegawai-pegawai termasuk para Menteri, Hakim, Mufti, Panglima-panglima dan Pegawai-pegawai Penjaga Aman, yang digelar Budak Raja. Apabila Budak Raja dapat menangkap seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan dan dipersembahkan kepada sultan, maka baginda bertanya kepada Mufti atau Kadi untuk mendapat fatwa hukuman, dan kadang-kadang dihukumnya menurut kemahuannya. Ada hukuman mencuri dikudungkan tangan, kesalahan berkelahi di penjara, kesalahan bunuh dikujut dan kesalahan mal didenda.

Sultan menjalankan kuatkuasa pemerintahan itu sebagai kuasa mutlaknya di samping anak-anak buahnya, dan ada kuasanya diserahkan kepada orang-orang besar manakala budak-budak Raja pula dijadikan sebagai Anggota Pegawai Keamanan Negeri. Pembesar-pembesar yang menjalankan urusan perintah Sultan itu tidaklah menerima apa-apa bayaran (gaji) tetapi mereka dibebaskan untuk memungut cukai sendiri daripada rakyat yang di bawah pemerintahannya. Ada di antara orang-orang besar dan anak-anak raja itu berkuasa melepaskan orang-orang yang di bawahnya daripada terkena apa hukuman atau siksa, umpamanya jika seseorang rakyat yang di bawah pemerintah seorang pembesar, didapati menikam atau memukul seseorang, maka ianya boleh menyelamatkan diri jika lari menyembunyikan dirinya di rumah pembesar yang menjadi tuan penghulunya. Yang demikian menyebabkan penduduk-penduduk negeri berpuak-puak di bawah kuasa orang besar atau anak-anak raja. Rakyat yang tidak termasuk di bawah mana-mana orang besar atau anak raja, selalu teraniaya dan tidak mendapat perlindungan serta dikenakan berbagai-bagai cukai tiap-tiap kali yang dikehendaki oleh Sultan. Kadang-kadang ada juga rakyat yang dirampas hartanya oleh Budak-budak Raja. Boleh dikatakan pemerintahan sultan di masa itu dengan orang-orang besarnya belumlah dapat mentadbirkan hal keadaan negeri dengan sebaik-baiknya untuk memajukan kehidupan rakyat jelata atau memperbaiki kebajikan masyarakat dan kemajuan negeri dengan sepenuhnya. Orang-orang besarnya pula ada yang menunjukkan dirinya gagah berani dan sebahagiannya yang sangat-sangat memulia dan menghormati orang-orang alim.

Pendeknya pemerintahan di masa itu, tiada berundang-undang di dalam buku yang khas. Fatwa-fatwa tidak disusun dan panduan kepada faham pegawai-pegawai atau pembesar-pembesar untuk menyelesaikan perkara -perkara yang kusut diserahkan kepada orang-orang alim menjalankan sendiri dengan berpandukan ajaran-ajaran agama. Wang perolehan dari hasil negeri kurang berketentuan. Belum ada mahkamah dan kakitangan polis menyebabkan segala musuh sukar dikawal.

Dikatakan juga menurut adat pemerintahan Raja-raja Melayu di zaman dahulu, maka urusan pemerintah negeri diketuai oleh Bendahara, seolah-olah beliaulah Perdana Menteri, Temenggung sebagai Menteri Dalam Negeri manakala Laksamana mengetuai peperangan dan menjaga laut serta pulau-pulau jajahan takluk. Setelah sultan melantik jawatan Yang Dipertuan Muda, maka pangkat ini mengambil kuasa Bendahara, sementara itu, Bendahara mengambil tugas jawatan yang terkebawah pula. Ada dikatakan juga ketua yang menjaga

kelengkapan perang laut, dilantik dari seorang yang berkuasa bergelar "Raja Tua".

Menurut cerita, Menteri Besar baginda ialah Tun Buan anak orang kaya Seri Wangsa yang datang bersama baginda ke Terengganu semasa kelantikan itu. Kuburnya terletak di sebelah matahari jatuh makam baginda di Bukit Keledang, dan yang menjadi Kadi Besar ialah Wan Imam Mahmud (seorang murid Datuk Pulau Manis Syeikh Abdul Malik) anak Tuk Fakih Wan Hassan bin Tuk Fakih Wan Ali yang datang dari Patani kira-kira tahun 1635M.

Sultan Mansur I (Marhum Janggut)
Sultan Terengganu II
(1733-1794M)

Kelahiran Baginda


Setakat yang diketahui, Sultan Zainal Abidin Yang Pertama, mempunyai empat orang putera dengan isterinya Cik Puan Besar dari Patani, dan dua putera dari isteri anak Datuk Pulau Manis iaitu Ku Tana (Tanang) Mansur dan Ku Embong tetapi ada cerita menyatakan Ku Tanang Mansur itu dari isteri baginda yang berkahwin di Kampong Langgar (boleh jadi dialah anak Datuk Pulau Manis). Menurut cerita, ketika putera bongsunya yang bernama Ku Tana Mansur, dilahirkan ke dunia, Datuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah seorang alim yang dianggap keramat) mengazan dan qamat bagaimana yang disunatkan oleh agama, serta berdoa memohon diberkati putera itu. Khabarnya beliau telah meramalkan, putera ini akan menjadi pemerintah di antara saudaranya empat beradik, dan akan membasmi perompak dan lanun di laut serta namanya menjadi masyhur. Tarikh keputeraan baginda yang sebenar tidak dapat dipastikan tetapi ada dikatakan dalam tahun 1138H (1725M) ada pula dikatakan kira-kira dalam tahun 1723M.

Menjadi Sultan

Ku Tana Mansur dari kecil lagi telah menunjukkan beberapa sifat yang luar biasa kewibawaan dan keistimewaan kebolehannya, hingga ada cerita yang menyatakan baginda kebal tidak dimakan senjata. Apabila ayahandanya Sultan Zainal Abidin mangkat, ketiga-tiga putera yang sulung telah sepakat menolak takhta Seri Paduka ayahandanya dan bersetuju menyerah takhta kerajaan itu kepada adiknya Ku Tana Mansur yang pada ketika itu baharu berusia kira-kira sepuluh tahun. Dari semenjak itu Ku Tana Mansur dikenali dengan nama Tun Dalam atau Tun Kechik juga dikatakan bergelar Yang Dipertuan Raja Kechik. Oleh kerana beliau masih kecil, maka pemerintahan negeri dijalankan oleh Tun Husain Bendahara, saudara sepupunya. Dan menurut setengah riwayat dikatakan oleh Ku Tana Wangsa kekandanya.



Makam Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Datuk Pulau Manis).



Makam Tuk Pauh Syeikh Abdullah bin Abdul Qahhar ayahanda Datuk Pulau Manis.

Perkahwinan

Kira-kira pada tahun 1739M, semasa Yang Dipertuan Raja Kechik (Sultan Mansur) berada di Riau baginda telah berkahwin dengan Raja Bakul Puteri Yam Tuan Muda Daing Chelak. Tidak beberapa lama kemudian baginda berkahwin pula dengan dengan Raja Bulang[136] puteri Sultan Sulaiman dengan istiadat kebesaran raja-raja.[137] Sebelum dari tarikh itu, kira-kira dalam taun 1735 Sultan Sulaiman berada di Kuala Terengganu, dan dilangsungkan perkahwinan anak saudaranya yang bernama Tun Abdul Majid (anak Bendahara Tun Abas) dengan Tun Enah anak Bendahara Tun Husain Terengganu.

Semasa Sultan Sulaiman berangkat balik ke Riau di akhir tahun 1735, baginda Sultan Mansur berangkat sama. Dalam tahun 1740 baginda berangkat ke Muar kerana mengiringi Sultan Sulaiman. Adalah diceritakan dalam tahun itu juga Sultan Sulaiman berangkat ke Terengganu bersama puteranya Raja Ibrahim, Tun Sulong Muda, Tun Abdul Majid (anak saudaranya), Tun Pasang, Tun Hassan Indera Bungsu dan beberapa orang pembesarnya mengikut serta, kerana pertabaan Sultan Mansur menjadi Sultan Terengganu.[138] Selepas tujuh minggu dari ketibaan Sultan Sulaiman di Kuala Terengganu, maka Long Pandak dari Kelantan dengan diiringi oleh pembesarnya telah tiba mengadap Sultan Sulaiman dan beliau telah dianugerah dengan gelaran Dato' Seri Maharaja.

Lebih kurang lima bulan Sultan Sulaiman berada di Negeri Terengganu lalu berangkat ke Riau dengan diiringi oleh menantunya Sultan Mansur, Bendahara Tun Husain dan beberapa orang pembesar Terengganu. Sultan Mansur telah berangkat pulang ke Terengganu selepas berada di Riau lebih kurang dua tahun, dan berangkat sekali lagi ke sana di dalam tahun 1746M.

Pergolakan Di Riau

Semasa berada di Riau selama lebih kurang dua tahun, baginda memerhati dengan cemas bagaimana kuasa kerajaan Riau banyak dipegang oleh

---

136 M.C. ff Sheppard Op. Cit. m.s. 12 menyatakan Raja Bulang itu anak Yamtuan Muda Daeng Chelak.

137 Pada 1 Muharram petang Jumaat tahun 1152H. (10.4.1739. P.). Raja Ali bin Raja Ahmad. Op. Cit. m.s. 72.

138 Menurut Tunfatun Nafis, baginda diberi gelaran Yang Dipertuan Raja Kechik menjadi Raja Terengganu oleh sepupunya Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada hari Ahad 10 haribulan Zulhijjah, 1153 (26.2.1741) waktu asar dan pada hari itu juga Long Pandak (Kelantan) telah digelar Dato' Seri Maharaja. Raja Ali bin Raja Ahmad. Op. cit. m.s. 76.

orang-orang Bugis. Keadaan ini bermula selepas Sultan Sulaiman meminta bantuan daripada lima Pahlawan Bugis adik-beradik (Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak (Daing Palai) dan Daing Kemasi) untuk menentang Raja Kechik yang mendakwa dirinya putera Marhum Mangkat Dijulang dan berjaya menawan balik Riau dengan bantuan anak-anak Raja Bugis. Sultan Sulaiman memerintah kembali menjadi Sultan Johor - Pahang - Riau - Lingga dan jajahan takluknya pada 4hb. Oktober, 1727 dan bersemayam di Riau. Yang demikian, baginda telah menyempurnakan janji-janjinya dengan melantik Upu Daing Merewah menjadi Yang Dipertuan Muda Pertama dengan gelaran "Kelana Jaya Putra" dan Daing Menampuk digelar Raja Tua. Daripada tarikh itu, ditetapkan gelaran "Yang Dipertuan Muda" hendaklah dipilih daripada anak Raja Bugis.

Sultan Mansur telah banyak menerima pengaduan daripada suku-suku Melayu mengenai persengketaan cara-cara pemerintahan negeri tetapi amatlah sukar baginya untuk menyelesaikan kerumitan itu kerana didapati keadaan pemerintahan seperti ibarat kata orang tua-tua "Terlepas dari taring harimau masuk ke rahang buaya". Sementara itu ayahanda mertuanya Sultan Sulaiman sangat bersetuju dan menyebelahi perbuatan-perbuatan Yang Dipertuan Muda kerana mengenangkan jasa-jasa kebaktian dan ikhtiarnya menghadapi suasana di dalam negeri semasa itu yang kerapkali dilanggar musuh, dan menyediakan kelengkapan perang serta pertambahan bala tentera yang cukup. Maka segala-galanya itu adalah menjadi suatu rintangan yang besar untuk baginda (Sultan Mansur) bertindak dengan cergas.

Menjadi Ketua Orang-Orang Melayu

Sewaktu Sultan Mansur melawat Riau kali kedua (kira-kira pada tahun 1746M), baginda semakin mengkaji dengan seluas-luasnya kedudukan pemerintahan Riau, sambil mencari jalan untuk mempengaruhinya. Sementara itu kebetulan pula Pahlawan Bugis yang bernama Daing Chelak telah meninggal dunia di dalam bulan Mei 1745, yang demikian baginda pun menjadi ketua orang-orang Melayu di Riau dan berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kekuasaan yang dipegang oleh orang-orang Bugis. Keadaan ini telah mendapat sokongan yang penuh daripada Bendahara Pahang dan Temenggung Johor, akan tetapi usaha-usahanya itu tidak mendapat kejayaan, kerana jawatan-jawatan penting di kalangan istana dan perniagaan-perniagaan masih banyak dipegang oleh orang-orang Bugis. Tambahan pula mereka masih menerima bantuan daripada bapa mertuanya Sultan Sulaiman. Tidak berapa lama kemudian, seorang

Pahlawan Bugis yang bernama Daing Kemboja, telah dilantik menjadi Yamtuan Muda III (kira-kira pada 4 Mac 1748) menggantikan bapa saudaranya Daing Chelak (Yamtuan Muda Yang Kedua) yang meninggal dunia. Ada cerita menyatakan perlantikan ini berlaku di Selangor kerana orang Bugis semasa itu ramai di sana, tetapi selepas tiga tahun kemudian baharulah beliau datang ke Riau untuk disahkan.

Ada juga cerita yang menyatakan, Raja Buang (Sultan Mahmud Marhum Mampawa putera Raja Kechik Siak dari bondanya yang bernama Tengku Kamariah isteri Sultan Abdul Jalil pemerintah Siak dalam tahun 1746M meninggal dunia dalam tahun 1760M) diusir oleh adik saudara sepupu yang bernama Raja Alam (meninggal dunia pada tahun 1765M). Bonda Raja Alam ini seorang perempuan Sumatera dikatakan puteri Bupati Batu Kuching). Beliau datang ke Riau meminta pertolongan ayahanda saudaranya Sultan Sulaiman, dan pihak sultan bersetuju memberi bantuan, serta diserahkan kepada Daing Kemboja pahlawan Bugis untuk bertindak melakukan serangan. tetapi sebaliknya Daing Kemboja enggan berbuat demikian.

Kekalahan Raja Alam

Melihat keadaan ini, adalah menjadi suatu peluang yang baik untuk menjauhkan orang-orang Bugis daripada menguasai Riau, yang demikian Sultan Mansur pun memujuk Sultan Sulaiman supaya meminta bantuan daripada orang-orang Belanda di Melaka dengan dijanjikan pemberian pasaran perniagaan kepada mereka.

Pada akhirnya orang-orang Belanda bersetuju memberi bantuan dan sokongan. Setelah dilakukan serangan-serangan, Raja Alam pun lari ke Siantan (Batu Bahara Sumatera) dan Raja Buang dilantik semula menjadi Raja Siak kira-kira dalam tahun 1756M. Tetapi malangnya orang-orang Belanda itu tidak disukai oleh Raja Buang untuk membuka perniagaannya di Siak dan diperintahkan supaya mereka berpindah. Kemudian orang-orang Belanda pun menyerang Raja Buang serta disingkirnya dari Siak. Apabil Raja Alam kembali semula menyerang Siak maka tidaklah ada jalan lain lagi melainkan kedua-dua Sultan itu (Sultan Mansur dan Sultan Sulaiman) meminta bantuan daripada Daing Kemboja. Namun begitu Daing Kemboja masih enggan menolong mereka.

Kemudian kedua-dua Sultan itu melancarkan serangan terhadap Raja Alam dengan tidak dibantu oleh sesiapa. Setelah lebih kurang lima bulan lamanya berperang, tiada berjaya juga mengalahkan Raja Alam, baginda berdua tiba di Siantan dalam bulan Syawal, tahun 1161H (1748M), lalu dimintanya bantuan

daripada Daing Kemboja. Ketika itu baharulah beliau memberi kesanggupan membantunya. Kira-kira 12 haribulan Jamadil Akhir 1162H (30.5.1749M) Daing Kemboja pun tiba dari Riau bersama-sama 500 perajurit Bugis. Di dalam peperangan antara kedua pihak itu dikatakan sebanyak 400 perajurit telah terkorban. Akibatnya Raja Alam kalah dan melarikan diri ke Matan Berunai pada petang Khamis 11 haribulan Rabiul Awal 1164H (9.3.1751M) dan Sultan Sulaiman bersama-sama Sultan Mansur berangkat semula ke Riau.

Suasana Keruh Di Riau

Apabila Sultan Mansur balik ke Riau, didapati musuh-musuhnya semakin kuat bertapak, dan polisinya anti Bugis tidaklah ada harapan boleh mempengaruhi mertuanya Sultan Sulaiman. Suatu rancangan lain yang difikirkan berkesan haruslah disusun walaupun merbahaya. Baginda serta pengikut-pengikutnya mengadakan berbagai-bagai gerak langkah mengancam di waktu malam terhadap orang- orang Bugis dengan tujuan hendak menjadikan Riau itu tempat yang tidak aman bagi Daing Kemboja dan orang-orang Bugis.

Diayah-diayah dan khabar berita mengatakan orang-orang Bugis hendak membakar rumah-rumah, hendak mengamuk dan lain-lainnya kedengaran di sana-sini saban hari. Pendeknya bermacam-macam kegemparan telah terjadi yang menyebabkan suasana negeri dan penduduknya tidak tenteram dan sentiasa di dalam prasangka dan kacau-bilau. Rancangan Sultan Mansur itu akhirnya berjaya.

Daing Kemboja tiada tertahan lagi kesabarannya melihat segala angkara yang menimpanya, lalu ia pun mengemas barang-barangnya dan meninggalkan Pulau Riau menuju ke Linggi, tetapi sepupunya Raja Haji (anak Daing Chelak) masih tinggal di Riau.

Sejarah Di Dalam Tuhfatun Nafis

Cerita pergolakan Sultan Mansur dengan anak-anak Raja Bugis, boleh didapati dengan panjang lebarnya di dalam Tuhfatun Nafis, walaupun setengah cerita itu boleh dianggap berat sebelah (kerana pengarangnya ada kaitan dengan anak-anak Raja Bugis dan buku itu sebagai Pro-Bugis).

Penyusun perturunkan tiga petikan cerita daripada buku tersebut bagi pengetahuan pembaca:

Huru-Hara

"Adalah suku-suku Melayu dan Raja Kechik Terengganu membuat gaduhlah tiap-tiap malam berjaga katanya Bugis-Bugis ini hendak khianat, maka setiap malam berbuatlah gaduh mengatakan Bugis hendak membakar rumah dan hendak mengamuk, maka di dalam sebulan dua tiga kali datang fitnah itu maka diperiksa oleh Yang Dipertuan Muda di tafahus bersama-sama Bendahara serta Raja Indera Bungsu maka tiadalah pula dapat seperti yang difitnahkannya itu. Kemudian selang empat lima hari gaduh pula suku-suku Terengganu mengatakan Bugis hendak membakar kota, dikejarnya lari maka gemparlah pula pada ketika tengah malam dinihari gaduhlah di dalam Riau itu, maka waktu siang hari maka Yang Dipertuan Muda pun segeralah mengumpulkan segala Bugis -Bugis dan Melayu diperhadapkannya keduanya maka diperiksa tengah perkumpulan orang ramai itu oleh Yang Dipertuan Muda siapa yang melihat dan siapa yang pergi mengejar dan siapa yang dikejar dan siapa yang berkhabar semalam dan siapa yang mendengar, maka seorang pun tiada yang mengaku.

Syahadan setelah baginda Sultan Sulaiman melihat akan hal perbuatan orang besar-besarnya suku Melayu serta menantunya Raja Kechik Terengganu, maka baginda pun dukacitalah hatinya mempikirkan apalagi Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh, putera Sultan Sulaiman - P.) makin panaslah hatinya, kemudian renggang dua tiga hari datang pula fitnah mengatakan Bugis hendak jahit memakai baju rantai berterendak Bentan berkeris bercabut berjalan di darat kota maka berkeliaranlah segala (orang P.) Terengganu dengan lembing seberkas mengejar ke darat dan mengepung riuh rendah berjeritan berlari-lari. Maka apabila penat baliklah semula ke dalam kota riuh rendah berkata sedikit seorang ke situ larinya, kami kejar kata seorang demikian juga membesarkan cakapnya sahaja orang-orang Terengganu itu. Syahdan maka dikumpulkan pula oleh baginda serta Yang Dipertuan Muda, Bugis-Bugis hingga Bugis-Bugis berdagang pun dipanggil juga diperhadapkan suruh kenal, maka tidak pula suku-suku Melayu itu tertunjuk, maka titah baginda siapa-siapa mula-mula melihat, maka tiada pula tentukata seorang si anu berkhabar, maka ditanya pula seorang lagi dia berkhabar si anu itu pula melihat hingga begitu halnya. Maka tiadalah dapat ketentuan bagi sahnya orang yang melihat, maka berhentilah pula pergaduhan itu.

Syahadan ada kira-kira sepuluh lima belas hari renggangnya datang pula fitnah yang besar pula mengatakan orang Bugis meradak rumah Engku Tana Wangsa maka gemparlah pula malam itu dan orang-orang Terengganu pun berlarilah dengan lembing beberkas pergi ke rumah, Engku Tana Wangsa itu riuh rendah mengatakan "kepung-kepung itu dia maka berkejar-kejarlah orang

Terengganu itu maka Raja Abdul Jalil pun jaga daripada beradunya lalu ia pergi melihat orang gaduh itu serta ditanya apa digaduhkan itu maka sembah orang itu, orang Bugis meradak istana Paduka bonda Engku Tana Wangsa, tuanku, maka kata Raja Abdul Jalil berapa orang yang sudah luka diradaknya maka jawab mereka tiada yang luka sebab tersangkut kerisnya maka kata Raja Abdul Jalil engkau kenalkah orang yang meradak itu orang Bugiskah atau orang mana, adakah engkau suluh mukanya orang yang meradak itu maka jawab mereka itu tidak tuanku, maka titahnya jikalau tidak engkau suluh mukanya di mana engkau tahukan Bugis dengan sebegini gelap malam ini? Maka jawab mereka itu periksalah tuanku pacal-pacal ramai ini mengatakan Bugis konon maka patik pun mengikutlah maka titah Raja Abdul Jalil itu jikalau begini kelakuan engkau semua ini hendak mengadu tuan engkau bertikam dengan aku atau dengan Bugis-Bugis maka Raja Abdul Jalil pun berangkatlah balik lalu ia menyembahkan kepada paduka ayahandanya segala hal ehwal itu maka baginda pun sangatlah sukacitanya, maka tahulah baginda akan anakanda Tun Dalam itu serta suku-suku Melayu hendak mencari fitnah jua kelakuannya itu di dalam hal itu tiada senang hati baginda itu duduklah ia di dalam percintaan dan di dalam khasmah tiap-tiap hari, maka apabila siang hari maka Yang Dipertuan Muda pun pergilah mengadap baginda ke Balairung Seri, maka baginda pun menyuruh panggil Tun Dalam serta Bendahara serta puteranya Raja Abdul Jalil dan Raja Haji serta anak-anak raja sekalian maka diperhadapkan pula diperiksa sebelah menyebelah maka tidak juga terkata-katakan oleh suku-suku Melayu itu maka berkata pula Raja Abdul Jalil sahaja "dia semua hendak membuat pangkal pergaduhan dan jikalau sungguh terjumpa dengan Bugis yang meradak itu atau Melayu hendak berbuat angkara yang demikian itu tikam sahajalah apa yang terjerit-jerit, terpaku-paku tengah malam dinihari berlari-lari berhambat-hambat ke sana ke mari maka ia pun turun lalu balik ke istananya dan sekalian orang besar-besar pun baliklah masing-masing ke rumahnya adanya.[139]

Raja Haji Bertindak

Di antara cerita lain kata Tuhfatun Nafas[140] Tinggallah Raja Haji di dalam Negeri Riau adik beradik maka di dalam hal itu maka datanglah pula kacau huru-haranya daripada Raja Kechik Tun Dalam serta pihak Datuk Bendahara semuanya akan segala anak raja-raja Bugis yang tinggal itu dan iaitu datang sebuah kapal

139 Raja Ali bin Raja Ahmad Op. Cit. m.s. 88-90.
140 Ibid, m.s. 91-93.

Holanda itu tiba di Kuala Riau entahkan bagaimana bicara hikmat Raja Kechik Terengganu itu dengan Datuk Bendahara berbicara dengan Holanda itu, tiba-tiba dimaklumkannya kepada baginda hendak dipohonkannya Raja Haji tiga beradik iaitu Raja Aminah dan Raja Halimah, boleh diserahkan kepada Holanda itu biar dikeluarkannya dari dalam Riau ini kerana banyak kebajikan di dalamnya kepada baginda konon di belakangnya maka dua tiga hari sekali dipohonkannya kepada baginda Sultan Sulaiman maka di dalam hal itu tahulah Tengku Puteh dan Tengku Hitam maka Allah Allah menghempaskan dirilah menangis maka gemparlah di dalam Riau, serta masyhurlah khabar itu di dalam Riau, maka Holanda pun memerhatikan hal tingkah laku Raja Kechik itu kemudian Holanda pun belayarlah ia. Syahadan sampailah khabar itu kepada Raja Haji maka ia pun sangatlah marahnya maka lalu ia pindah ke Sungai Timun maka Raja Haji pun bersiaplah alat senjatanya serta penjajapnya dengan meriam lelanya adalah kira-kira lebih kurang dua puluh buah. Maka apabila sudah siap lalu dihadapkannya haluannya kepada kelengkapan Raja Kechik Terengganu itu, maka gemparlah orang-orang Terengganu itu mengatakan segala kelengkapan Raja Haji itu sudah menghadapkan haluannya kepada kelengkapan Terengganu, maka Raja Kechik pun menyuruh orang-orangnya turun ke perahunya maka hendak berperang benarlah Raja Haji dengan Yang Dipertuan Terengganu itu, maka Raja Haji pun membelah menghantar saudaranya Raja Aminah dan Raja Halimah itu ke darat serta segala perempuan-perempuan kepada saudaranya Tengku Puteh kemudian menyuruhlah Raja Haji kepada Yang Dipertuan Terengganu itu mengajak keluar berperang di mana-mana tempat yang disukainya supaya lekas habis perkaranya maka gemparlah di dalam Riau mengatakan Raja Haji hendak berperang itu, maka Sultan Sulaiman pun tiada terkata-kata lagi, maka Raja Abdul Jalil pun tersangatlah marahnya akan Yang Dipertuan Terengganu itu maka baginda pun memanggil Raja Kechik itu dan Datuk Bendahara semua mana-mana suku-suku Melayu. Setelah datang mereka itu sekalian, maka baginda pun bertitah kepada Raja Kechik dan Bendahara: adapun saya ini berkhabar benar sekali ini jikalau abang serta Tun Dalam tiada mahu muafakat dengan Raja Muda serta segala Bugis saya hendak keluar dari Riau ini barangsiapa hendak menjadi raja di sini menjadilah yang saya seorang tiada mahu dimakan sumpah kena kutuk laknat Allah dunia akhirat dan jikalau abang saya semua, Tun Dalam hendak mengikut perkataan saya dan ikhtiar saya, ambilkan saya Raja Muda ke Linggi supaya sumpah setia kita baharukan semula kerana apa sudahnya kita di dalam khasmah[141] selama-lamanya jikalau mati di

141 Perseteruan atau permusuhan

dalam hal ini bukankah bahaya besar atas kita pada hari yang kemudian. Syahadan setelah Tun Dalam mendengar titah Baginda itu maka ia pun berdiam diri serta tunduk sejurus kemudian baharulah ia berdatang sembah seraya katanya yang patik ini mana-mana sahaja titah perintah tiada patik berbantah salah kepada Duli Tuanku akan tetapi pada pendapatan patik bila akan paduka anakanda Raja Muda itu percayakan patik melainkan patik pohonkan Raja Haji bersama-sama patik, maka titah baginda baiklah lalulah memanggil Raja Haji maka Raja Haji pun datang dan baginda pun bertitahlah anakku Raja Haji yang keruh aku minta jernihkan, yang kusut aku minta selesaikan, maka muafakatlah Raja Haji dengan Tun Dalam, ini ambilkan aku Raja Muda balik ke Riau, maka sembah Raja Haji yang patik mana-mana titah sahaja maka Yang Dipertuan Raja Kechik pun berkata kepada Raja Haji baiklah kita segera belayar menyegerakan titah maka jawab Raja Haji baiklah maka keduanya pun bermohonlah maka lalu belayar ke Linggi maka Raja Kechik pun mengajak singgah di Melaka dahulu maka kedua pun singgahlah (kira-kira dalam bulan Februari 1756 - P.).

Linggi Dilanggar Oleh Belanda

Satu kisah lagi Tuhfatun Nafis ada mencatatkan demikian: Datanglah orang dari Melaka berdagang membawa khabar menyembahkan kepada baginda mengatakan Linggi telah alah dilanggar oleh Holanda, dengan permintaan baginda dari Riau. Setelah baginda mendengar khabar orang itu baginda pun terkejut serta berhamburan air matanya lalu menyuruh memanggil Raja Kechik Yamtuan Terengganu itu, maka Raja Kechik pun datang maka belum sempat ia duduk maka baginda pun berdiri di hadapannya sambil menghempaskan bulang ulunya serta bertitah, "Ceh, sampainya hati Tun Dalam lain yang aku suruh lain yang diperbuat, inilah orang yang tiada halus diperbuat sanak saudara anak buah terlalu khianatnya atas ibu bapanya". Maka apabila Yang Dipertuan Terengganu itu melihat baginda terlalu sangat murkakan dia itu, maka ia pun segeralah turun ke kenaikan baginda itu hendak didayungkannya kenaikan itu ke hilir gemparlah di dalam istana itu mengatakan baginda murkakan Tun Dalam sebab Linggi sudah alah dilanggar Holanda dan Tun Dalamnya sudah turun ke kenaikannya hendak hilir maka gempar dan khabar itu pun sampailah kepada Raja di Baruh maka Raja di Baruh pun terkejut serta bangkitlah marahnya serta berangnya maka ia pun menghunus kerisnya yang panjangnya lalu berlari ke pengkalan sambil katanya tiada balasnya Tun Dalam itu melainkan tuntung kerisku ini, maka gemparlah di dalam kota mengatakan Raja di Baruh hendak bertikam dengan Yamtuan Terengganu maka khabar itu pun sampailah kepada

Datuk Bendahara maka ia pun berlari-larilah mendapatkan Raja di Baruh itu dan segala juak-juak dan orang tua- tua pun berkeliaranlah menerkam ke kenaikan baginda itu adapun Raja di Baruh apabila sampai ke kenaikan itu titahnya: Hai! Tun Dalam hendak didayungkan ke mana perahu bapa tiri engkau marilah kita bertikam sukat aku buraikan perutnya baharulah puas hatiku maka Datuk Bendahara pun memberi isyarat kepada Yamtuan Terengganu maka ia pun turunlah dari belakang kenaikan itu lalu berkayuh hilir maka tiadalah jadi orang-orang Riau ke Terengganu akan tetapi mana-mana perahu yang telah ke laut itu terbawa oleh Raja Kechik itu ke Terengganu dan banyak juga anak raja yang terbawa olehnya. Syahdan pada hari itu gemparlah benar di dalam Riau seperti huru-hara masyhar dunia juga kerana ada yang bercerai dengan ibu bapanya dan ada yang bercerai dengan sanak saudaranya kerana mana-mana yang telah turun ke perahu, ibu bapanya dan anak isterinya ada yang tinggal lakinya dan saudaranya belum turun tertinggallah ia maka bertangis-tangisanlah setengah atas setengahnya riuh-rendah huru-hara. Syahdan adapun Raja di Baruh apabila Raja Kechik Terengganu itu belayar maka ia pun mengadap ayahanda baginda bermesyuarat hendak mengambil Yang Dipertuan Muda itu di Linggi.

Syahdan kata sahibul hikayat maka tiada berapa antaranya maka datanglah satu orang besar Melaka disuruh oleh Gabenor menyilakan baginda Sultan Sulaiman ke Melaka hendak berbicara pada pekerjaan yang telah lalu perbuatan Yamtuan Terengganu di atas Yang Dipertuan Muda serta kompeni itu maka berangkatlah Sultan Sulaiman ke Melaka maka apabila sampai ke Melaka maka Baginda pun menyuruh menjemput paduka anakanda Baginda Raja Selangor serta Penggawa Miskin dan Datuk Shahbandar dan segala orang tua-tua Selangor. Adapun Yang Dipertuan Muda lagi di dalam masa berkerajaan menikahkan Raja Haji dengan puterinya yang bernama Tengku Raja Perak jadi tiadalah ia berangkat ke Melaka. Syahdan Raja Selangor serta orang tua-tuanya itu pun datang semuanya maka berbicaralah segala orang besar-besar itu maka nyatalah pekerjaan yang telah lalu itu semata-mata khianat dan fitnah dan sesal menyesal pun tiadalah memberi faedah kerana pekerjaan telah lalu. Syahdan kemudian baharulah baginda berjumpa dengan Gabenor Melaka di Bunga Raya nama tempatnya maka berbicaralah di dalam gedung itu maka Gabenor pun mengkhabarkan perkataan Raja Kechik serta menunjukkan daftar wang belanja-belanja melanggar Linggi adapun tersebut di dalam siyarah Selangor banyaknya tujuh laksa tiga ribu empat ratus lima puluh tujuh ringgit maka jawab baginda adapun pekerjaan itu sekali-kali tiada dengan suruhan kita yang kita suruhkan lain yang diperbuatnya lain kita tiada sanggup membayarnya itu maka jawab Gabenor seperti titah Tuan Sultan itu sebenarnya akan tetapi Tuan Sultan

boleh fikir Tuan Sultan satu Raja Johor orang yang membuat pekerjaan yang keji-keji di dalam Negeri Riau, Tuan Sultan tiada tahu maka apa lagi saya, seperkara lagi pula Yang Dipertuan Terengganu itu satu raja lagi jadi menantu Tuan Sultan jikalau kita tidak percaya bukankah Tuan Sultan jadi malu kepada raja-raja yang lain seolah-olah Tuan Sultan mengambil menantu orang jahat lagi pula yang kita sudah bersahabat mana-mana yang kepercayaan Tuan Sultan mesti kita percaya dan mana-mana yang saya telah percaya mesti Tuan Sultan ikut, adapun hukumnya atas Tuan Sultan punya sanak-sanak yang saya tiada boleh campur di situ dan jikalau Tuan Sultan minta tolong mana-mana yang patutnya saya tolong maka inilah saya berkhabar terus.

Syahdan setelah baginda mendengar perkataan Raja Melaka itu (Gabenor - P.) maka baginda pun diam sejurus kemudian titahnya baik nanti barang apa pun biarlah saya mahu berjumpa juga dengan Raja Terengganu itu yang saya tiadalah menolak daripada fikiran Raja Melaka itu maka jawab Raja Melaka itu tidak apa lambat bangat atas kepicikan dan kesenangan Tuan Sultan saya pertimbang juga di situ. Syahdan maka apabila selesailah berbicara itu maka baginda pun berangkatlah balik ke Riau serta bertitah kepada orang besar-besar Selangor yang kita balik ini di belakang kita menyuruh mengambil Raja Muda adanya.[142]

Sultan Mansur Diperintah Belayar Ke Linggi

Berbalik kepada kisah pergolakan di Riau, adalah dikatakan bagi pihak Sultan Mansur belum puas hatinya selagi Raja Haji masih tinggal di Riau, lalu baginda memujuk seorang kapten kapal perang Holanda yang datang melabuhkan kapalnya di pelabuhan Riau supaya membawa lari Raja Haji, tetapi kapten itu enggan melakukan sedemikian.

Akan hal ini diketahui oleh orang-orang Bugis, lalu mereka pun bersiap hendak menyerang orang-orang Terengganu di Riau, tetapi sebelum kedua-dua pihak berperang, Sultan Sulaiman telah mendapat khabar berkenaan kegentingan ini, dengan murkanya baginda memerintah Sultan Mansur berlayar ke Linggi dan membawa balik Daing Kemboja[143] untuk berdamai dengan orang-orang Bugis, diiringi oleh Raja Haji. Maka Sultan Mansur pun berlayarlah

---

142 Raja Ali bin Raja Ahmad, op. cit. m.s. 96-98 (Berlaku peristiwa ini kira-kira dalam bulan Januari, 1756).

143 Anak Daing Perani, nama itu diberi, kerana mengambil sempena pengembaraannya ke negeri Kemboja.

ke Linggi menyempurnakan perintah itu, tetapi beliau singgah di Melaka dengan membiarkan Raja Haji pergi terlebih dahulu. Di Melaka, baginda telah berjaya memujuk orang-orang Belanda untuk membantunya dan menyerang Linggi, pendek cerita, Linggi diserang, dan Raja Haji di dalam pertempuran itu mendapat luka parah, serta dibawa lari ke Rembau.[144] Yang sebenarnya Sultan Sulaiman tidaklah suka dilakukan serangan-serangan terhadap orang-orang Bugis itu. Apabila Sultan Mansur berangkat balik ke Terengganu untuk selama-lamanya, maka pihak Sultan Sulaiman yang pada ketika itu telah berusia enam puluh tahun ada membuat persahabatan baru dengan Daing Kemboja dan orang-orang Bugis. Tetapi malangnya persahabatan dengan orang-orang Bugis itu akhirnya menjadi mala petaka pula.

Pergolakan Selepas Kemangkatan Sultan Sulaiman

Kira-kira dalam bulan Ogos tahun 1760M, Sultan Sulaiman pemerintah Riau, Johor, Pahang dan jajahannya telah mangkat dan diganti oleh puteranya Tengku Abdul Jalil dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Mu'azam Shah Raja di Baruh, baginda telah dibawa oleh Daing Kemboja ke Selangor dan mangkat dengan tiba-tiba kira-kira dalam bulan Januari tahun 1761. Begitu juga puteranya Tengku Ahmad yang berumur sembilan tahun. Mengenai kejadian ini, pihak orang-orang Melayu di Riau menuduh Yamtuan Muda Daing Kemboja dengan meracun Sultan baharu itu dan puteranya. Tetapi Daing Kemboja dengan tidak menghiraukan sesiapa pun, telah melantik putera sultan yang kedua bernama Tengku Mahmud yang semasa itu baharu berumur setahun, menjadi sultan dan beliau sendiri menjadi penguasa atau Pemangku Raja.

Apabila orang-orang Riau mengemukakan nama Tengku Abdul Kadir adik Marhum Sultan Abdul Jalil untuk dilantik menjadi Sultan, Daing Kemboja pun melengkapkan seluruh istana dengan tenteranya yang bersenjata, peristiwa itu telah disampaikan oleh orang-orang Riau kepada Sultan Mansur dan mereka meminta bantuan dan pertolongan daripadanya, hinggakan Raja Ismail Siak sendiri telah datang ke Terengganu dan cuba memujuk Sultan Mansur supaya menyerang Daing Kemboja tetapi baginda yang telah merasai pahit maung di Riau pada masa-masa yang lampau enggan memberi apa-apa bantuan. Yang demikian tinggallah Daing Kemboja di Riau dengan segala kuatkuasanya, di samping baginda (Sultan Mansur) tidaklah lagi bercadang hendak mencampuri

144 Haji Buyung Adil, Sejarah Terengganu, op. cit. m.s. 31. (Peristiwa ini berlaku dalam bulan Julai 1756)

pertikaian di Riau dan nampaknya baginda berhajat hendak merapatkan perhubungan Raja Ismail Siak untuk melancar polisi pemerintahannya ke sebelah utara pula.

Perkahwinan Puteri Baginda

Apabila Raja Ismail[145] menghantarkan utusan meminang puteri baginda, lalu diterimanya pinangan itu dengan tidak bertangguh lagi. Raja Ismail datang ke Kuala Terengganu bersama-sama saudaranya Raja Abdullah, Raja Musa, Raja Daud (Raja Abdul Rahman) beberapa orang saudara perempuan dan angkatan perangnya kerana perkahwinan ini. Suatu peristiwa dikatakan telah berlaku pada hari perarakan pengantin DiRaja. Ceritanya menyatakan, manakala pengantin laki-laki diarak di dalam bandar Kuala Terengganu dan tiba di pintu gerbang istana, maka beberapa orang putera kerabat di raja Terengganu telah menutup pintu gerbang istana sambil berteriak dari dalam meminta orang Siak menebusnya dengan memberi wang yang banyak sebelum perarakan pengantin masuk ke dalam.

Melihat kejadian ini, Raja Ismail pun sangat marah, merah padam mukanya, juga adiknya Raja Abdullah dengan membawa pedang di tangannya telah melompat turun dari pentas perarakan seraya berteriak: "Kamu raja-raja Terengganu, jika tidak membuka pintu gerbang ini nescaya aku hamburkan diri melompat tembok istana seperti harimau dan aku mengamuk".

Apabila diketahui oleh Sultan Mansur hal demikian, dengan segeranya baginda memerintah supaya pintu itu dibuka. Kemudian Raja Ismail pun masuklah dan istiadat perkahwinan pun dilangsungkan dengan selamat sempurnanya. Dijangka peristiwa ini berlaku antara tahun 1762/1763.

Sepeninggalan Baginda Ke Riau

Menurut satu cerita, semasa Sultan Mansur meninggal Terengganu kerana berkahwin di Riau, maka pemerintahan negeri dipangku oleh Bendahara Bukit Puteri (Bendahara Husin) dan Orang Kaya Padang.

Apabila selesai perkahwinan maka saudaranya Ku Tana Wangsa pun balik ke Terengganu dan beliau hendak memegang kuasa seperti dahulu menjalankan pemerintahan negeri, tetapi tidaklah diizinkan oleh Bendahara Husin dan Orang

---

145 Putera Raja (Sultan) Mahmud atau Raja Buang Siak

Kaya Padang. Akan hal ini telah sampai ke pengetahuan Sultan Mansur maka baginda pun berangkat balik ke Terengganu bersama Sultan Sulaiman sebagaimana kisah yang telah diterangkan dahulu iaitu kira-kira di dalam tahun 1740M.

Apabila Ku Tana Wangsa mendapat khabar yang kekandanya Sultan Mansur telah sampai di Laut Dungun, lalu beliau meminta perlindungan daripada Long Yunus semasa itu kebetulan berada di Kuala Terengganu supaya dapat berdamai di antaranya dengan Bendahara. Dengan bijaksana Long Yunus dapatlah kedua-dua itu berdamai dan berbaik-baik serta bermuafakat bersama-sama hendak menyambut ketibaan kedua-dua Sultan itu. Ada diceritakan Sultan Sulaiman bersemayam di Kuala Terengganu lebih dari sebulan kemudian berangkat balik ke Riau. Menurut satu kisah setelah Sultan Sulaiman berangkat balik ke Riau, maka Orang Kaya Padang telah dibunuh, konon ceritanya demikian:

"Pada suatu hari, Sultan Mansur bersama-sama Ku Tana Indera Bungsu menaiki gajah berangkat ke kampung Orang Kaya Padang. Tatkala sampai di kampung itu, baginda pun bertitah memanggil Orang Kaya Padang, setelah datang, dengan muka yang manis baginda bertitah kepadanya, hendak minum air nyiur manis. Maka Orang Kaya pun mengambil sebiji nyiur manis yang paling masyhur sekali terus diparas dan dipersembahkan kepada baginda yang sedang bersemayam di atas gajah, serta Ku Tana Indera Bungsu pun mencapai buah nyiur itu, tiba-tiba baginda Sultan menikam dengan keris panjang dari atas gajah kepada Orang Kaya Padang terus mati. Maka menjadi gemparlah sekalian orang menyatakan Orang Kaya Padang dibunuh oleh baginda Sultan". Motif pembunuhan menurut cerita ini tidaklah dapat dikesan dan kabur.

Angkatan Saiyed Ali

Tersebut juga kisah yang menceritakan semasa pemerintahan Sultan Mansur, maka Saiyed Ali bin Othman (cucu Raja Alam) menantu Yamtuan Muhammad Ali Raja Tua Siak (yang pada suatu masa telah berjaya menyerang Kuala Senggora dan banyak mendapat barang-barang rampasan) belayar menuju ke Kuala Terengganu.

Perkhabaran ini menyebabkan Sultan Mansur merasa gelisah, dan baginda terpaksa menyediakan kelengkapan lebih daripada seratus buah perahu, kalau-kalau angkatan Saiyed Ali itu datang menyerang Terengganu. Apabila angkatan Saiyed Ali berada di Selat Pulau Kapas (lebih kurang 11.26 km daripada

Kuala Terengganu) maka baginda pun berangkat keluar ke Kuala Terengganu serta memerintah supaya angkatan Terengganu mengepung angkatan musuh, tetapi Sultan Mahmud Linggi (semasa itu kebetulan berada di Kuala Terengganu) telah menghantar utusannya memanggil Saiyed Ali mengadap Sultan Mansur di perahu kenaikannya sebelum berlaku apa-apa pertempuran. Suatu peristiwa telah terjadi, hampir-hampir mencetus pertempuran antara angkatan Sultan Terengganu dengan angkatan Saiyed Ali sekiranya baginda Sultan Mansur tidak segera bertindak mendamaikannya. Berlakunya ini ialah semasa Saiyed Ali naik ke atas perahu Sultan Terengganu hendak mengadap baginda dan Sultan Mahmud, tiba-tiba seorang anak Raja Terengganu bernama Raja Musa memegang kaki Saiyed Ali serta menahankannya. Sebaliknya pula pada ketika Saiyed Ali hendak turun balik, ia pun menekan kepala-kepala anak-anak Raja Terengganu, selaku membilang kepala masing-masing sebagai membalas perbuatan Raja Musa itu. Peristiwa ini berlaku kira-kira di dalam tahun 1788M.

Melanggar Kelantan

Tersebut dalam sejarah, semasa Long Pandak[146] Kelantan datang ke Terengganu kira-kira dalam tahun 1740M, beliau dikurniakan gelaran Dato' Seri Maharaja oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan beliau telah menjadi pemerintah yang berkuasa di dalam negeri Kelantan. Selain daripada Long Pandak ada seorang pemerintah lain pula yang berkuasa bernama Long Bahar atau Long Besar beliau dilantik menjadi Sultan di Jembal kira-kira dalam tahun 1720M (1133H) dan meninggal dunia kira-kira tahun 1733M (1164H) dan diganti oleh Long Nik atau Long Sulaiman (ayahanda Long Yunus) tetapi pemerintahannya tidak lama, kerana berbangkit pergaduhan. Beliau dibunuh oleh Long Deraman Raja Legeh yang juga menantunya (Kejadian ini berlaku kira-kira dalam tahun 1733M = 1146H) maka Long Yunus pun melarikan diri ke Terengganu dan mendiami di Bukit Datu kemudian pindah ke Kampung Bukit Losong (6.4 km dari bandar Kuala Terengganu).

Oleh kerana mengenangkan jasa Long Yunus membuat perdamaian antara Ku Tana Wangsa dengan Bendahara Husin Bukit Puteri, maka baginda telah menjadikannya menantu, dikahwin dengan puterinya Tuan Jumat. Kemudian Long Yunus mengadu kepada baginda segala hal ehwal negeri Kelantan seraya meminta pertolongan dan bantuan. Sedang kira-bicara dan perundingan

---

146 Anak Tuan Sulong dan ipar Long Deraman, Raja Legeh. Dilantik menjadi Raja Kubang Labu Kelantan kira-kira pada tahun 1756-1758M.

berjalan, tiba-tiba Ku Tana Wangsa meninggal dunia dengan meninggalkan empat orang puteranya iaitu Tun Tahir Temenggung, Engku Muda, Tun Jamal dan Tun Sulaiman. Kemudian Long Yunus mengulangi semula permintaan mendapatkan bantuan daripada Tun Tahir Temenggung.

Maka bermesyuaratlah empat saudara itu, akhirnya mendapat suatu kesimpulan, dan Temenggung Tun Tahir mengadap Sultan Mansur memohon kebenaran hendak menolong Long Yunus melanggar Kelantan. Permintaan itu dipersetujukan dan berangkatlah satu pasukan bersama Long Yunus dengan 100 buah perahu lebih kurang dan satu pasukan 300 orang mengikut jalan darat..

Menurut cerita, Sultan Mansur sendiri berangkat bersama mengikut jalan laut dengan dibantu oleh Raja Ismail, putera Sultan Mahmud. Angkatan ini berlepas dari Kuala Terengganu kira-kira 18hb. Rabiul Awal 1185H (1-7-1771)[147] dan singgah di Pulau Perhentian (di hadapan Besut) selama empat puluh hari kerana laut hampir gelora dan hampir tiba musim "Tutup Kuala". Kemudian Temenggung pun mengadap Sultan Mansur menyembah supaya baginda berangkat balik ke Terengganu dan mengenai hal ehwal Kelantan terserah di dalam tanggungannya. Baginda dengan gembira bertitah:

"Inilah sebenarnya anakku". Setelah itu baginda berangkat balik dan Temenggung Tun Tahir dengan segala angkatannya berlayarlah menuju ke Kelantan. Tatekala hampir tiba di Kelantan, dilihatnya ada kubu terletak di sepanjang pantai, maka Engku Muda bersama Tuk Limbat pun naik ke darat di waktu malam. Sementara itu Temenggung berjaga-jaga di perahu. Khabarnya, Engku Muda ada memberi hadiah kain baju kepada sekalian ketua kubu di pantai itu serta dinasihati dan dipujuknya supaya jangan melawan angkatan yang sedang berada di laut kerana angkatan itu ialah angkatan Yang Dipertuan Besar yang ampunya Negeri Kelantan, pada hal Long Pandak sekadar menjadi wakil Long Deraman sahaja. Kata-kata dan nasihat itu telah diterima oleh ketua-ketua kubu dengan senang hati. Kemudian angkatan perang Terengganu masuk kuala terus mudik maka berlaku peperangan hebat. Oleh kerana kuatnya serangan angkatan Terengganu maka telah berjaya menawan Kelantan dengan memperolehi banyak rampasan. Long Pandak telah melarikan diri ke Legeh dan tinggallah Long Yunus di Kelantan menjadi pemerintah.

Tidak berapa lama kemudian setelah angkatan Terengganu balik, datanglah Long Deraman bersama-sama kelengkapan perang menyerang Kelantan serta

---

147 Menurut Asad Syukri (Sj. Kln.) berlakunya peperangan Long Yunus di Kelantan yang dibantu oleh pasukan dari Terengganu, ialah dengan Raja Kubang Labu (Long Mahmud) kira-kira dalam tahun 1762M (1176H) m.s. 43

merampas balik. Long Yunus melarikan diri kerana tiada dapat mempertahankan serangan Long Deraman. Menurut cerita, manakala Long Deraman berjaya merampas semula negeri Kelantan, ia ada berkata "Adakah mengambil negeri di belakang mata? Ini bukan laki-laki." Akan percakapan ini sampai ke pengetahuan Sultan Mansur, dan baginda sangatlah murka mendengar kata-kata itu lalu dititah memanggil sekalian panglima, orang-orang besar, anak-anak saudaranya, saudaranya Temenggung Tun Tahir, Engku Muda, Tun Jamal dan Tun Sulaiman serta diperintah supaya berlengkap sebanyak enam puluh buah perahu. Kata setengah cerita delapan puluh buah perahu dan pasukan berjalan kaki tidak kurang daripada tiga ribu orang serta dititah juga kepada Temenggung supaya menghantar surat kepada Long Deraman.

Apabila Long Deraman mendengar perkhabaran itu, ia pun sama-samalah berlengkap dan bersedia hendak datang menyerang Terengganu serta menyuruh orang-orangnya menghantar surat kepada Sultan Terengganu menyatakan jikalau Sultan Terengganu datang mengambil Kelantan, beliau pun akan datang mengambil Terengganu pula.

Maka berlayarlah angkatan Sultan Mansur menuju ke Kelantan. Apabila sampai ke Penarik gemparlah orang-orang Penarik mengatakan ada beribu-ribu orang berjalan kaki datang di sebelah barat. Akan perkhabaran ini sampailah kepada Sultan Mansur lalu dititah bertanyakan siapakah yang boleh naik ke darat meninjau, dan menyiasat betulkah seperti perkhabaran itu, atau sebaliknya.

Maka tiada siapa pun yang berani menyahut titah itu. Kemudian baginda terpandang kepada Wan Muhammad Setiu yang sedang berada di haluan perahu, titah baginda: "Engkau boleh naik ke darat tengok Long Deraman benarkah seperti berita itu atau tidak." Sahut Wan Muhammad, "titah dijunjung." Setelah Wan Muhammad naik ke darat dilihatnya orang-orang ramai itu ialah orang-orang Kelantan, lalu ia bertanya: "Siapakah ketua angkatan ini?" Jawab mereka, "Long Deraman sendiri, tujuannya hendak pergi ke Terengganu," maka Wan Muhammad meminta kepada mereka supaya dibawanya bertemu dengan Long Deraman.

Manakala berjumpa kedua-dua panglima itu, dan bercakap-cakap di dalam suasana muhibah, akhirnya berkata Long Deraman: "Adakah berani dibawa hamba mengadap Sultan?" Jawab Wan Muhammad: "Itu menjadi kebajikan, segala-galanya di atas tanggungan hamba."

Kemudian Long Deraman pun dibawa oleh Wan Muhammad ke perahu kenaikan Sultan Mansur mengadap baginda. Kedatangan Long Deraman diterima dengan penuh gembira oleh baginda seraya baginda menanggalkan baju di tubuhnya sendiri dikurniakan kepada Long Deraman. Beliau menerimanya

dengan amat gembira dan terus memakainya, sembah Long Deraman: "Selagi ada umur patik, patik pohon jadi gembala di Kelantan dan patik sangatlah berbesar hati kiranya Yang Dipertuan dapat berangkat dan beralih angin di sana." Kemudian berangkatlah Sultan Mansur bersama Long Deraman ke Kelantan di dalam kenaikan baginda. Adalah dikatakan selama empat puluh hari Sultan Mansur duduk di Kelantan dan berkahwin dengan Nang Senik anak Long di Pulau Melor, dengannya beroleh putera bernama Tengku Muhammad.

Apabila tiba waktunya hendak berangkat balik ke Terengganu, baginda ada bertitah supaya menaruh tilik pandang bersama ke atas Long Yunus dan dijadikan dia seorang pemerintah sebagai Raja Muda. Permintaan ini dipersetujui oleh Long Deraman.

Maka Sultan Mansur pun berangkat balik ke Terengganu, manakala Long Deraman pula balik ke Legeh serta ditinggalkan Long Pandak dan Long Yunus memerintah negeri Kelantan. Tidak berapa lama, Long Deraman pun meninggal dunia khabarnya kerana bencana terkena taji ayam sabungnya. Menurut satu cerita lain, kematian beliau ialah kerana kesan luka di dalam peperangan dengan Long Yunus yang berlaku kira-kira pada tahun 1762M (1176H). Maka Long Pandak pun pergilah ke Legeh menjadi raja di sana menggantikan Long Deraman dan tinggal Long Yunus seorang sahaja memerintah Kelantan.

Selepas kematian Long Deraman, berlakulah suatu fitnah ke atas Long Yunus dan perkhabaran itu sampai ke Terengganu. Maka Sultan Mansur pun memanggil balik Long Yunus serta dititah duduk di satu kawasan berhampiran Kampung Balik Bukit. Tidak berapa lama beliau tinggal di situ berpindah pula di Beladau, dan Negeri Kelantan berada di bawah pemerintahan Long Pandak.

Tidak beberapa lama kemudian Long Pandak membuat angkara pula tiada hendak menurut perintah dari Terengganu. Oleh yang demikian Sultan Terengganu pun memerintah menyiapkan orang-orangnya melanggar Kelantan sekali lagi dengan sebuah angkatan empat puluh buah perahu dan berjaya mengalahkan Long Pandak.[148] Selepas itu kekallah Long Yunus memerintah Kelantan (Long Yunus ditabal menjadi raja di Kota Kubang Labu kira-kira dalam tahun 1176H (1762M). Selang beberapa lama kemudian, Long Yunus datang

148 Asad Syukri Sj. Kln. Pustaka Aman Press, Kota Baharu Kelantan, 1962 m.s. 38 ada mengesahkan Long Pandak, Raja Kubang Labu mati ditikam oleh iparnya Long Deraman Raja Legeh, dalam satu perkelahian menuntut bela, hutang darah dibayar darah, kerana kematian Engku Tengah (isteri Long Pandak) yang dibunuh oleh suaminya sendiri Long Pandak disebabkan salah anggapan, kira-kira dalam tahun 1171H (1757M, bukan 1754-P.)

mengadap Sultan Mansur memohon putera baginda menjadi raja Kelantan. Maka dengan pilihan Long Yunus sendiri dibawanya Tengku Muhammad ke Kelantan dan dikahwinkan dengan anaknya Che Ku Wan Teh.

Perlantikan Yang Dipertuan Kelantan

Tiada beberapa lama selepas peristiwa ini, maka Sultan Mansur pun memerintah orang-orangnya menyediakan kelengkapan perahu kerana hendak dibawa puteranya Tengku Muhammad, isterinya dan puterinya Tengku Sulong (tujuh tahun) untuk ditabal menjadi Yang Dipertuan Kelantan. Semasa itu Sultan Muhammad Lingga berada di Terengganu.

Setelah angkatan itu tiba di Negeri Kelantan ditabalkanlah Tengku Muhammad dengan istiadat kebesaran raja-raja dan digelarkannya Yang Dipertuan Kelantan manakala isterinya Che Ku Wan Teh digelar Che Puan Kelantan. Menurut cerita, berlakunya pertabalan itu kira-kira dalam tahun 1209H (1794/1795M).

Tidak berapa lama kemudian, Long Yunus pun meninggal dunia kira-kira 27hb. Zulhijah 1209H (15.7.1795M). Maka tetaplah Yang Dipertuan Kelantan memerintah negeri dengan dibantu oleh anak-anak Long Yunus, di antaranya Long Mamat, Long Zainal, Long Tun, Long Ismail, Long Muda dan Long Yusuf.

Di dalam Tuhfatun Nafis ada juga menyebut tentang pertempuran antara Negeri Terengganu dengan Kelantan. Cerita itu menerangkan Yamtuan Terengganu ada melengkapkan seratus buah perahu kerana melanggar negeri Kelantan. Maka berlakulah peperangan serta tewas orang-orang Terengganu, tetapi dengan diketuai oleh Raja Ismail, menantu Sultan Terengganu, bersama-sama Raja Musa dan orang Siak telah menyerang Kelantan dengan hebat dan membabi buta serta tidak menghiraukan mati. Akhirlah pecahlah pertahanan kubu Kelantan serta kalahlah mereka dan banyak orang-orang Kelantan yang mati.

Yang Dipertuan Terengganu sangatlah sukacita dan bergembira di atas kejayaan itu. Kemudian tidak beberapa lama, baginda menjemput Raja Kelantan ke Terengganu serta diserah kembali kerajaannya dengan syarat bersumpah setia, tetapi dua kali orang-orang Kelantan telah memungkiri perjanjian itu maka diserang kembali oleh Raja Ismail hingga terpaksa tunduk dan patuh.

Long Jaafar dan Long Yunus di Terengganu

Di dalam Sejarah[149] ada menerangkan suatu kisah ganjil yang dikatakan berlaku di Terengganu.

Kisah ini membayangkan setelah Long Deraman (Raja Legeh) dan Long Jaafar[150] memerangi Long Pandak dan berjaya membunuhnya kira-kira dalam tahun 1171H (1757M) maka bermuafakat Long Jaafar dan Long Yunus datang ke Terengganu bersama-sama Panglima Muda Terengganu dan empat puluh orang pengiringnya dengan membawa ayam sabungan Long Jaafar bernama 'Bakas Racun' untuk bersabung dengan ayam sabung Panglima Bugis yang semasa itu berada di Terengganu.

Menurut kisah itu lagi, Long Yunus dan Long Jaafar ada mengadap Yang Dipertuan Terengganu bersama-sama rombongannya dan diterima oleh Yang Dipertuan dengan sukacitanya serta diserahkan segala urusan yang berkait dengan menyabung ayam itu kepada kedua-duanya. Kemudian pergilah Long Jaafar berjumpa Panglima Bugis untuk menetapkan hari persabungan itu. Apabila genap tempohnya, sebelah-menyebelah pun membawa ayam masing-masing ke Seberang Takir. Kesudahan sabungan itu dimenangi oleh ayam 'Bagas Racun' dan riuh rendah sorak sorai kemenangan itu hingga kedengaran kepada Yang Dipertuan yang sedang bersemayam di balai penghadapan lalu baginda menitah hulubalangnya pergi melihat, kerana kedengaran suara sorak sorai itu seperti suara orang Kelantan.

Setelah hulubalang suruhan yang Dipertuan sampai di pengkalan, didapati Long Yunus, Long Jaafar dan Panglima Muda sedang menyeberang balik dari Seberang Takir dan disambutnya terus mengadap Yang Dipertuan.

Long Yunus telah menyembah kepada Yang Dipertuan, perihal kemenangan ayamnya dan berjaya dalam pertaruhan yang dijanjikan iaitu kalau kalah ayamnya, akan terserahlah kepada lawan akan sebahagian Negeri Terengganu dari Tanjung ke Kuala Setiu dan peranggannya dari tepi laut ke daratan sejauh dua ribu dada (satu dada bersamaan satu depa) sebaliknya jikalau kalah ayam Bugis hendaklah diserahkan tujuh buah Jong bersekali muatannya sebagai persembahan kepada Yang Dipertuan. Sekarang ayamnya telah menang dan beras bekalan telah diberi kepada Bugis untuk balik ke Pahang kerana kekalahannya.

---

149 Asad Syukri Op. Cit m.s. 39-42.

150 Seorang Putera raja yang memerintah (Reman) di dalam wilayah "Yala" Thailand

Menurut cerita lagi, alangkah besar kesukaan Yang Dipertuan mendengar berita kemenangan itu dan menjadi bertambah kasih mesra baginda kepada keduanya, hingga setiap hari boleh dikatakan sentiasa bersama Long Yunus dan Long Jaafar. Lebih kurang selama lima bulan kedua-duanya berada di Terengganu maka pada suatu hari kedua-duanya memohon hendak balik ke Kelantan bersama dengan tiga orang anaknya, pembesar-pembesar dan panglima-panglima dengan diiringi oleh 100 orang hulubalang.

Sekian petikan dari satu kisah aneh, entah benar, entahkan sebaliknya, ataupun melebihi, tidaklah dapat penulis memastikannya. Tetapi kemungkinan sebahagian dari cerita ini haruslah ada kebenarannya seperti menyabung ayam dan bertaruhan yang tidakkah sebegitu besar dan kurang diterima pada fikiran yang waras.

Mengenai keberangkatan Sultan Mansur ke Kelantan kerana memainkan peranannya di dalam pergolakan di negeri itu, maka catatan yang telah dibuat oleh pelawat Francis Kapten LABE yang datang dengan sebuah kapal ke Kuala Terengganu selama empat hari (28 Julai- hingga 2 Ogos 1769) bolehlah dijadikan satu panduan.

Di antara catatan-catatan itu menyatakan pada tarikh tersebut raja negeri ini (Sultan Mansur) tiada di dalam negeri sudah beberapa bulan berangkat ke sebelah utara yang memakan masa pelayarannya selama enam tujuh hari kerana mengendalikan sendiri urusan dan keadaan yang berbangkit di sana. Angkatan baginda ini mengandungi lebih kurang 2,000 orang dan 300 buah perahu. Pemerintahan negeri ditadbir oleh salah seorang bapa saudara baginda. Usia baginda semasa itu lebih kurang 44 tahun.[151]

Melanggar Pujok

Adalah dikatakan kira-kira dalam tahun 1186H (1772M) Sultan Mansur ada menerima sepucuk surat daripada Tuk Jerang menyatakan kalau baginda berkehendakkan Negeri 'Pujok' silalah datang mengambilnya. Bagi pihak Tuk Jerang sedia menyokong dan memberi bantuan bersama. Semasa itu usia baginda dikatakan lebih kurang 47 tahun. Maka baginda pun berangkatlah. Setelah sampai di Penarik Patani, daerah Ru Sarang Helang, maka baginda pun naik ke darat dan diperintah orang-orangnya mendapatkan Datuk Pujok memberitahunya yang baginda telah datang ke Pujok. Kemudian baginda banyak

---

151 JMBRASS. Vol. XLII. Pt. 1. m.s. 148

menerima persembahan daripada Datuk Pujok yang demikian tiadalah jadi baginda melanggar negeri itu.

Mendiri Istana

Setelah suasana pemerintahan baginda bertambah tenteram dan aman maka Sultan Mansur pun bercadang hendak mendirikan sebuah istana yang besarnya lima ruang. Baginda bertitah supaya Raja Muda Kelantan datang ke Terengganu dan ditugaskan kepadanya untuk mendapatkan kayu-kayan perkakas-perkakas istana. Maka Raja Muda pun berangkat bersama orang-orangnya seramai 1,000 orang dan mereka telah mencari perkakas-perkakas kayu-kayan di dalam sungai Nerus. Setelah semua kayu-kayan itu diperolehi, Raja Muda Kelantan pun bermohon kembali ke Kelantan, kerana bimbangkan pemerintahan negeri dalam masa peninggalannya.

Perdamaian Dengan Belanda

Kira-kira dalam tahun 1790M, Sultan Mansur telah memperkenankan permintaan Sultan Mahmud ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil Lingga supaya menghantar suatu perutusan perdamaian dengan Belanda di Melaka.

Tetapi pihak Belanda telah tidak mengiktiraf Sultan Mansur sebagai orang tengah kerana mereka masih belum lupa yang baginda pernah mengambil bahagian di dalam peperangan Lingga pada tahun 1757M. Surat jawapan daripada pihak Belanda itu khabarnya sangatlah kasar bunyinya. Setelah dibaca di hadapan baginda yang pada ketika itu berada di Kuala Ibai, maka surat itu pun dikoyak-koyak, kerana tersangat murkanya. Semasa itu walaupun baginda telah tua usianya, tetapi masih mampu untuk melakukan sesuatu serangan ke atas Belanda. Oleh kerana amat murkanya, maka baginda meminta bantuan dari Johor, Lingga, Siantan, Indergiri, Suloh dan Rembau, juga daripada Kapten Light di Pulau Pinang bagi menyerang Belanda. Kelengkapan baginda telah dapat disiapkan sebanyak 400 buah perahu dan 20,000 orang tetapi segala-galanya itu tidak sempat dilaksanakan kerana kedatangan keuzuran baginda.

Kemangkatan Baginda

Lebih kurang selepas tiga bulan daripada tarikh perlantikan Yang Dipertuan Kelantan, Sultan Mansur pun gering dan diperintah mempersilakan Yang

Dipertuan Kelantan berangkat ke Terengganu. Maka Yang Dipertuan Kelantan pun berangkatlah, apabila tiba di Batu Rakit[152] kedengaran bunyi tembakan meriam menandakan Sultan telah mangkat iaitu pada malam Jumaat 14 haribulan Jamadil Akhir tahun 1208H (14.7.1794)[153] ketika usianya lebih kurang 69 tahun. Pada keesokan harinya setelah dijalankan bersiram dan sembahyang maka dimakamkan jenazah baginda di dalam kawasan Masjid Abidin, Kuala Terengganu dikenali dengan Marhum Janggut. Makam baginda dibina oleh puteranya dan dapurnya daripada kacapuri[154] dikatakan dipesan daripada Negeri Cina semasa hayat baginda lagi (makam Raja Bulang isteri baginda terletak di sebelahnya). Adapun Menteri Besar baginda setakat yang dapat dikesan ialah Dato' Panglima Seri Nara Wangsa (Encik Ali).



Makam Sultan Mansur I- Sultan Terengganu Yang Kedua, disebelah makam isteri baginda yang bernama Raja Bulang.

Keadaan Iktisad Negeri

Akan hal Negeri Terengganu ketika itu mempunyai kedudukan iktisad yang penting kerana tidak mencampuri kekacauan dan pertelingkahan di Riau. Kapten Light di dalam sepucuk suratnya yang ditulis kepada Lord Cornwallis Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di India di dalam bulan Jun 1781 tatkala menggambarkan keadaan ekonomi Negeri Terengganu di antara lain katanya:

152 Lebih kurang 22.5 km dari Kuala Terengganu.

153 Catatan tarikh ini haruslah tepat, tidak bagaimana di dalam catatan yang terdahulu yang dirakamkan dalam "TERENGGANU DARI BENTUK SEJARAH".

154 Sekarang makam itu diganti dengan batu marmar.


"Terengganu ialah sebuah pelabuhan Melayu dan mempunyai perdagangan yang besar dengan Negeri China, hasilnya cengkih, emas, bijih besi dan tiap-tiap tahun hasil mahsul keluarannya berjumlah lebih kurang 30,000 ringgit Sepanyaol

Kapten Jean Francois de Surville dan Kapten Labe (Orang Perancis) yang tiba dengan sebuah kapal Perancis bernama St. Jean Baptiste, berat 650 tan, di Kuala Terengganu dari 28 Julai hingga 1 Ogos 1769 antara lain catatannya menyatakan:

"Peniaga-peniaga di negeri ini telah memberi layanan dan sambutan yang baik kepada mereka dan dapat mengadakan barang-barang keperluan yang dikehendaki seperti barang-barang makanan, minuman, ternakan dan lain-lain. Mereka telah diberitahu juga yang pemerintahan negeri berjalan dengan baik untuk faedah anak negeri serta melayani orang-orang Eropah yang datang dengan sewajarnya sebagai ahli perdagangan.

Bunga Emas

Menurut cerita yang didapati berhubung dengan hantaran Bunga Emas daripada negeri ini ke Negeri Siam (Thailand) mula berlaku dalam masa pemerintahan Sultan Mansur I, dan kisahnya sedemikian:



Sebuah Bunga Emas yang dikatakan dari Negeri Terengganu yang masih tersimpan di Royal Grand Palace Bangkok. Lihat PESAKA IV. m.s. 65-74, keluaran Muzium Negeri Terengganu.' Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.

"Lebih kurang di dalam tahun 1179H (1765M), baginda Sultan Mansur berangkat ke Kelantan dan bermain-main menyusur pantai di sebelah barat dengan diiringi oleh berpuluh-puluh buah perahu yang cukup alatan perang. Kebetulan pada masa itu angkatan Raja Siam sedang di dalam perjalanan hendak menyerang Legor, Patani. Apabila angkatan Siam berjumpa dengan angkatan Terengganu, angkatan Siam pun meminta bantuan dari angkatan Terengganu untuk menolong bersama menyerang Legor. Permintaan itu diterima oleh Sultan Mansur. Setelah didengar oleh Raja Legor yang angkatan Melayu Terengganu datang bersama-sama membantu Siam tidaklah ada harapannya lagi untuk mempertahankan negerinya. Tidak berapa lama Legor pun tunduk di bawah pemerintah Siam serta banyaklah mendapat harta rampasan daripada negeri itu. Pihak Raja Siam menghadiahkan kepada Sultan Mansur berbagai jenis barang-barang yang dimuat di dalam dua puluh buah perahu."

Setelah Sultan Mansur kembali ke Terengganu bermesyuaratlah baginda dengan orang-orang besar untuk membalas hadiah yang amat berharga daripada Raja Siam itu tetapi tidaklah diketahui apakah jenis balasan yang harus diberi dengan lebih munasabah dan sesuai.

Semasa itu Negeri Terengganu kaya dengan emas dan timah; maka menurut pendapat seorang saudagar India yang bernama Nasruddin, eloklah dibuat sepohon kayu daripada emas dan sepohon daripada perak lebih kurang lima kaki tingginya manakala dahan dan rantingnya lebih kurang satu depan panjang, rupanya seakan gegetar nasi semangat bersanding, kerana jika diberi lain-lain hadiah tentulah tidak menjadi berpanjangan dan berkekalan ingatan tetapi kalau "Bunga Emas" walaupun telah selesai ditempatkan di dalam istana bolehlah dihantar pula ke dalam candi atau wat di mana apabila Raja Siam berangkat ke bangunan itu dapatlah dilihat tanda cenderamata tersebut.

Pendapat saudagar India ini dipersetujui oleh Sultan Mansur, maka diperintah membuatnya serta dihantar ke Siam tiga tahun sekali mulai tahun 1781M. Dengan demikian "Bunga Emas" bukanlah bermakna menandakan Negeri Terengganu atau Sultan Terengganu di bawah perintah Siam, bahkan sebagai menjadi tanda menunjukkan muhibbah persahabatan antara dua buah negeri yang berdaulat.

Adapun tukang yang membuatnya menurut cerita, ialah semuanya dipilih daripada orang-orang Melayu di dalam Negeri Terengganu dengan cara dikerah beramai-ramai bekerja di dalam Kota Sultan. Manakala siap, lalu diarak dengan istiadat mengelilingi bandar untuk dipertunjukkan terlebih dahulu kepada rakyat jelata.

Setelah selesai diarak lalu dimasukkan ke dalam sebuah peti dan dihantar dengan angkatan perahu layar Terengganu. Pada kebiasaannya perahu itu dimuat dengan rotan sega dan kajang. Bersama-samanya dihantar dua pembesar negeri. Kenaikan ini singgah di Senggora. Di sana Ketua Jajahan akan datang memeriksa "Bunga Emas" itu kemudian baharulah berlepas ke Bangkok dan pada kebiasaan dibawa bersamanya seorang jurubahasa.

Apabila sampai di Bangkok, peti Bunga Emas itu diterima oleh pembesar Siam yang ditugas khas dan dibawa mengadap Raja. Sementara itu barang-barang bingkisan lain dihadiahkan kepada orang-orang besarnya.

Setelah selesai istiadat persembahan hadiah "Bunga Emas", Raja Siam pun membalas pula dengan berbagai barang berharga yang dianggarkan bersamaan dengan harga "Bunga Emas perahu kenaikan dipenuhi pula dengan garam dan dihantar bersama-samanya surat muhibbah kepada baginda Sultan.

Apabila angkatan itu balik ke Kuala Terengganu maka warkah itu serta barang-barang persembahan dibawa naik terlebih dahulu ke rumah Datuk Penghulu Balai. Dari sana diarak dengan adat-istiadat dibawa masuk ke dalam istana.

Demikianlah tiap-tiap kali dihantar "Bunga Emas". Kali terakhir Negeri Terengganu menghantar Bunga Emas ke Siam ialah pada tahun 1909M dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga. Selepas itu tiada lagi hantaran dibuat.

Rupanya perbuatan menghantar "Bunga Emas" itu tidak merapatkan perhubungan antara dua buah negeri Terengganu-Siam sebagaimana yang diharapkan kerana dalam tahun 1787M Sultan Mansur telah mengutuskan sepucuk surat kepada Kapten Light di Pulau Pinang membayangkan bahawa Raja Siam meminta baginda datang ke Bangkok sebagai mengiktiraf atau menaungi Terengganu di bawahnya. Apabila baginda enggan memenuhi permintaan itu, Raja Siam cuba mengugut hendak menyerang Terengganu.

Tujuan surat itu ialah baginda meminta Kapten Light, menghantar dua buah kapal perang membantunya. Tetapi Kapten Light enggan memenuhi permintaan itu. Ugutan Raja Siam hendak menyerang itu tidak berlaku dan haruslah ugutan sahaja.

Ahli Diplomatik Yang Bijak

Sultan Mansur bolehlah dianggap sebagai seorang pemerintah yang bijak, dan ahli diplomatik yang sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk memberi kemakmuran dan keamanan rakyat jelata. Ini jelas dapat disaksikan dari peranan-peranan yang dimainkannya terutama dalam tahun tujuhbelas lapan puluhan ketika menerima tekanan dari kerajaan Siam hendak mempengaruhi atau sekurang-kurangnya hendak menjadikan negeri Terengganu naungan Siam sehingga menyebabkan baginda menghubungi Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di India (John Macpherson) membayangkan hasrat orang-orang Belanda terhadap Negeri Terengganu.

Baginda dikatakan pernah meminta supaya seorang pegawai British dihantar ke Terengganu bagi mengurus dan mentadbirkan perniagaan untuk kepentingan bersama antara kedua pihak. Dalam bulan Julai 1787 baginda menghantar wakilnya ke Pulau Pinang berjumpa dengan Kapten Francis Light kerana berunding. Ini menyebabkan Kapten Light menghantar seorang pegawainya (Lt. Blair) menyiasat dan mengkaji terutama mengenai tanaman lada hitam.

Khabarnya Kapten Light bersetuju supaya sebuah loji orang-orang Inggeris yang sederhana besarnya diadakan di Kuala Terengganu. Ada juga cerita mengenai kecekapan Sultan Mansur memainkan peranan supaya negerinya tidak dipengapakan oleh Siam dan Belanda.

Pada akhir tahun 1787 baginda mengutuskan seorang pembesarnya bernama Orang Kaya Sri Wangsa dan seorang saudagar ke Pulau Pinang kerana berunding mengenai cadangan untuk menghantarkan 6,000 pikul lada hitam dan utusan itu telah juga pergi ke Benggala dalam bulan Januari 1788 tetapi pada akhirnya Lord Cornwallis Gabenor Jeneral Kompeni Inggeris di India tidak bersetuju mengadakan perjanjian perdagangan kerana pengaruh dan nasihat yang diterima dari seorang saudagar Inggeris.

Selain daripada itu, dalam bulan Jun tahun 1788 dan dalam bulan Mei tahun 1790, baginda mengutus surat kepada Belanda supaya orang Belanda berdamai dengan Sultan Mahmud (Riau Lingga) tetapi nampaknya pihak Belanda tidak menyahut seruan itu.

Sultan Zainal Abidin II
(Marhum Majid/Marhum Mata Merah)
Sultan Terengganu Yang Ketiga

Sepanjang yang diketahui hingga kini belumlah lagi didapati dengan sahnya bilakah tarikh keputeraan Sultan Zainal Abidin Yang Kedua. Tetapi tarikh kelantikan baginda menjadi Sultan menggantikan Seri Paduka ayahandanya Sultan Mansur, adalah dikatakan pada 14 Jamadil Akhir tahun 1208H (14.7.1794) semasa itu usianya sudah separuh umur (50 tahun-ini bermakna baginda lahir kira-kira dalam tahun 1744M).

Saudara-saudara baginda ialah: Tengku Sulong, Tengku Embong, Tengku Abdullah, Tengku Sulaiman, Tengku Sa'adiah, Tengku Muhammad (Marhum Kelantan), Tengku Ibrahim, Tengku Ahmad, Tengku Mahmud, Tengku Ishak, Tengku Abdul Kadir, Tengku Puteh, Tengku Salmah, Tengku Abdul Rahman, Tengku Lebar, Tengku Othman, Tengku Abbas, Tengku Bungsu, Tengku Tipah (isteri Yam Tuan Raja Siak). Baginda beristerikan Cik Puan Zainab anak Bendahara Indera Bungsu Johor.

Putera-putera dan puteri-puteri baginda, setakat yang diketahui ialah: Tengku Ahmad (Sultan Ahmad-Sultan Terengganu yang keempat), Tengku Abdul Rahman (Sultan Abdul Rahman-Sultan Terengganu yang ke 7), Tengku Abdul Rahim, Tengku Cik Khadijah, Tengku Jusoh, Tengku Cik Busu (Tengku Cik Muda), Tengku Nik, Tengku Su Cik, Tengku Ismail dan Tengku Besar Abbas.

Baginda adalah salah seorang daripada dua orang Sultan negeri ini yang tiga orang puteranya menjadi Sultan.

Angkara Anak-Anak Long Yunus

Di dalam pemerintahan baginda, sekali lagi angkatan Negeri Terengganu melanggar Kelantan disebabkan berbangkit perselisihan antara Long Ahmad (Muhammad) anak Long Yunus.

Punca perselisihan itu dikatakan kerana ada pihak-pihak yang tidak bersetuju di atas perkahwinan antara Tengku Cik Muda, putera baginda dengan puteri Yang Dipertuan Kelantan. Akan tetapi sebab yang sebenarnya ialah kerana anak-anak Long Yunus ada menaruh dendam di atas perlantikan yang telah dibuat kepada Tengku Muhammad (saudara baginda lagi menantu Long Yunus) menjadi yang Dipertuan Kelantan, hanya tidak dilahirkan perasaan itu walaupun ayahanda mereka telah meninggal dunia, melainkan setelah baginda (Sultan Zainal Abidin II) menyatakan minatnya hendak mengahwinkan puteranya dengan puteri Sultan Muhammad yang bernama Tengku Sulong. Pergaduhan itu berlanjutan sehingga lebih kurang dua puluh tujuh hari. Akhirnya Long Muhammad melarikan dirinya ke sebelah hulu. Menurut kisah demikian:

"Selepas mangkat Sultan Mansur lebih kurang lapan tahun, maka Sultan Zainal Abidin II telah meminang Tengku Sulong puteri Yang Dipertuan Kelantan bagi menjadi isteri puteranya Tengku Cik Muda."

Yang Dipertuan Kelantan (Sultan Muhammad adik Sultan Zainal Abidin II) pun bersiap sedia kerana istiadat perkahwinan di raja itu, hanya tinggal rumah dapur sahaja belum didirikan lagi. Yang demikian Yang Dipertuan pun menyuruh anak-anak Long Yunus supaya merombak rumah di dalam kota. Tetapi dari pagi hingga ke tengahari mereka tidaklah datang dan menyempurnakan titah itu. Kemudian titah Yang Dipertuan supaya Long Muhammad sendiri pergi melihat apakah aral gendalanya.

Long Muhammad pun pergilah melihat apakah yang terjadi, tiba-tiba didapatinya mereka masih duduk berteduh di bawah pohon kayu. Kata Long Muhammad "Apahal Yang Dipertuan suruh rombak rumah, mari duduk berdiam-diam." Jawab seorang daripada mereka: "Mari dahulu Ku."

Long Muhammad pun menghampiri mereka, kata Long Zainal, "Bagaimana fikiran abang, orang Terengganu datang ini, pada pendapat abang, gemukkah atau kurus? kerana yang mari itu Tengku Cik Muda, dan dibawanya Long Midin dan Long Daud, perkara bapanya terpulanglah kira bicara kepada abang, yang lain-lain tidaklah bagaimana sangat dikhuatirkan."

Kata Long Muhammad: "Apakah yang ada pada hamba sesuatu?" Sahut mereka "Yang lain pun tiada juga, asalkan kita mahu sahaja."

Long Muhammad: "Jikalau begitu mana-mana bicara ramailah". Setelah itu masing-masing pun berikhtiarlah mengadakan alat senjata ala kadarnya serta ubat-ubat bedil.

Kemudian Long Muhammad pun balik mengadap Yang Dipertuan. Titah Yang Dipertuan: "Apa khabar?" Sembah Long Muhammad: "Masing-masing ada uzur, ada sakit kepala, ada bisa perut, belumlah lagi dapat merombak rumah itu."

Selang tiada berapa hari, tibalah angkatan Terengganu dengan kelengkapan alatan perkahwinan. Maka Yang Dipertuan Kelantan pun memaklumkan kepada Yang Dipertuan Besar Terengganu akan perihal rumah tersebut dan lain-lain perkara juga. Kemudian Yang Dipertuan Terengganu memerintah orang-orangnya iaitu Saiyed Akil, Bendahara Abdul Malik, Dato' Mata-mata dan Encik Saleh, memanggil Long Muhammad tetapi jawab Long Muhammad kepada utusan itu, ia ada berjanji dengan Yang Dipertuan Kelantan hendak dibawanya mengadap bersama-sama, tiba-tiba Yang Dipertuan telah mengadap terlebih dahulu, oleh itu pada hari ini tidaklah hematnya seorang diri hendak mengadap, tambahan pula kebetulan ia sakit kepala.

Maka kembalilah utusan, menyembahkan hal ini kepada Yang Dipertuan Besar, dan baginda pun berfikir lebih baik bekerja di Kuala Terengganu, lalu disuruh orangnya memberitahu kepada Yang Dipertuan Kelantan di atas ketetapannya itu.

Akan hal Long Muhammad, selepas balik Saiyed Akil dan rakan-rakannya, beliau pun mengadap Yang Dipertuan Kelantan memaklumkan datangnya titah tersebut. Titah Yang Dipertuan Kelantan: "Baiklah abang Long Muhammad mengadap" Sembahnya: "Silalah Yang Dipertuan, patik mengiringnya." Titah Yang Dipertuan: " Saya tidak bersama-sama pun tidaklah mengapa."

Kemudian Long Muhammad pun pergilah mengajak kawan-kawannya serta anak-anak raja empat lima orang bersatu kira dengannya, hingga berkumpul sampai empat lima ratus orang. Setelah tiba mengadap, titah Yang Dipertuan Besar:

"Amboi Long Muhammad baharu datang". Khabarnya menurut cerita, air kopi pun tidak diangkat ketika Long Muhammad mengadap Yang Dipertuan Besar itu. Kemudian Long Muhammad pun kembalilah. Tidak beberapa lama, antaranya, kedengaranlah bunyi bedil satu das di sebelah Pulau Sabar di waktu malam.

Maka titah Yang Dipertuan Besar, supaya mudik mengambil sekelian perempuan Terengganu, ketika itu kedengaran suara orang memotong kayu dan api pun kelihatan berkelipan. Pada esok hari didapati ada kubu-kubu di situ, maka hilirlah perahu-perahu untuk memuat orang-orang perempuan.

Pada hari itu kebetulan hari Jumaat, pagi-pagi lagi kedengaran bunyi bedil di perahu Saiyed Akil menuju ke Kampung Laut dan Pulau Sabar.

Maka perahu-perahu lain pun turut membedil bersama hingga ke petang dengan dibalas oleh pihak lawan jarang-jarang sekali sekala. Setelah tiba waktu malam, bunyi bedil pun berhenti tetapi keesokan pagi kedengaran berbunyi pula. Dalam hal demikian, tiba-tiba datang peluru sebelah Tikat dari arah perahu Syed Othman, melintasi di atas kenaikan Tengku Cik Muda, maka menjadi gemparlah orang ketika itu.

Kejadian ini, dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Besar. Titahnya: "Kita datang ini bukanlah hendak berperang, sekarang sudah tiada sesuatu bicara pun, baiklah kita balik kembali dahulu."

Kemudian bedilan pun berhenti. Kemalangan seorang sahaja yang mati di sebuah perahu manakala Wan Muhammad Kebor yang sedang berkemudi terkena peluru di mulutnya.

Setelah itu, semua perahu kenaikan hilirlah ke Kuala dan belayar balik menuju ke Terengganu. Maka Yang Dipertuan Besar pun memutuskan azamnya tidak hendak mengadakan istiadat kerja kahwin puteranya Tengku Cik pada tahun itu sebaliknya baginda bermesyuarat untuk melengkapi alat peperangan dengan menambah dan membaiki alat senjata serta dihantar utusan ke Patani meminta bantuan dari Dato' Long Ismail.

Apabila tiba musim "Buka Kuala" pada tahun berikutnya, (selepas musim hujan) bersiaplah segala kelengkapan perang dan orang-orang Yang Dipertuan Besar Terengganu untuk melanggar Kelantan.

Adapun panglima-panglima yang ditugaskan belayar mengikut jalan laut membawa ubat peluru dan lain-lainnya ialah Engku Muda, Tuan Cik Kepong, Tuan Jamal Maras, Tuan Sulaiman, Tuan Mahmud dan Encik Long manakala Encik Udin Serada, Penghulu Bahar Serada, Penghulu Diman, Pak Sulong Dolah dan Penghulu Sofi Pertang, masing-masing dengan orang-orangnya berjalan kaki ikut darat.

Setelah siap sekeliannya, berangkatlah Yang Dipertuan Besar bersama-sama beberapa orang anak raja dan orang-orang besar dengan menaiki perahu. Di dalam pelayaran, angkatan ini berhenti di Besut serta menanti perahu Encik Yim Losong dan beberapa orangnya, kerana beliau di dalam keuzuran sakit. Sementara itu, baginda bermain-main dan bertemasya daripada suatu perhentian ke suatu perhentian, sambil mencari-cari khabar berita berkenaan Panglima Perang Encik Abdullah yang pergi ke Patani, berjumpa Dato' Long Ismail dengan harapan kalau-kalau dapat berkumpul dan bersatu dengan angkatan baginda.

Di dalam hal yang demikian, sampailah perahu Encik Yim dari Kuala Terengganu. Beliau menyembah kepada Yang Dipertuan: "Adakah hendak melanggar negeri, bergantung kepada pertolongan orang?" Mendengar demikian, baginda pun sangatlah panas hati, terus berangkat naik ke perahu yang bernama "Bujang Seribu" terus belayar ke Kelantan, maka angkatan-angkatan yang lain pun mengiring bersama-sama. Manakala tiba di Kelantan, angkatan ini berhenti di sebuah pulau, bernama Pulau Ketitir di Sungai Pinang.

Ada pun pasukan Terengganu yang mengikuti jalan darat telah melakukan serangan, mula-mulanya, Kubu Semarak selama dua puluh hari serta berjaya menawannya, kemudian Kubu Limau Nipis, Kubu Kenandeh, Keluang Taras, akhirnya tiba di Sungai Kelantan. Di sana berjumpa dengan angkatan Yang Dipertuan Besar yang telah sampai terlebih dahulu. Pendeknya suatu peperangan hebat telah berlaku antara orang-orang Terengganu dengan orang-orang Kelantan. Setelah beberapa hari lamanya berlaku peperangan itu, Long Muhammad pun menghantar sepucuk surat kepada Engku Cik Muda menyatakan ia akan undur ke hulu. Maka haraplah jangan diturut lagi seraya memohon ampun dan berjanji tidak akan menderhaka lagi.

Setelah Long Muhammad mengundurkan diri, pihak Encik Udin Panglima Terengganu kelihatan memerhati anak-anak raja perempuan Kelantan serta suaminya bercempera melarikan diri. Menurut sebuah cerita, kononnya Encik Udin telah mengeluar cakap-cakap kepada orang- orangnya menyatakan baiklah diambil anak-anak raja perempuan itu untuk dipersembahkan kepada Tuan Penghulunya. Cadangan itu, dibantah oleh anaknya tetapi tidak dihiraukan. Akhirnya berlaku perkelahian antara anak-anak raja lelaki Kelantan dengan orang-orang yang mengambil anak-anak raja perempuan itu. Di dalam pertempuran ini, Encik Udin terbunuh bersama-sama dengan orang-orangnya lebih kurang lima enam puluh orang. Akan hal orang-orang Terengganu pula, setelah orang-orang Kelantan dan pengikut-pengikut Long Muhammad melarikan dirinya, mereka pun merampas harta benda apa yang didapatinya seperti kerbau lembu dan lain- lain. Kemudian khabarnya mereka membakar pula rumah-rumah di daerah Kenali, Jak Kecil dan Jak Besar serta Balai Kampung Raja. Adalah diceritakan lamanya angkatan Terengganu pergi balik menyerang Kelantan lebih kurang lima bulan termasuk masa di Kelantan selama sebulan. Setelah itu Yang Dipertuan Besar pun berangkat balik ke Terengganu dengan meninggalkan puteranya Tengku Muhammad, Tengku Andak dan beberapa orang pembesar serta hamba sahaya kerana menanti Long Ismail yang akan datang dengan pasukannya supaya bersama-sama ke hulu untuk menyerang saki-baki orang-orang Long Muhammad.

Selang tiada beberapa lama, Dato' Long Ismail pun tiba di Kelantan terus bersama-sama orang Terengganu menyerang kubu-kubu di Pasir Mas. Beberapa hari selepas serangan itu datanglah orang-orang Long Muhammad serta beberapa ribu orang Cina dari Pulai membantunya bersama-sama, maka tidaklah tertahan orang-orang Patani dan orang-orang Terengganu di dalam pertempuran ini terus undur kembali. Kemudian Yang Dipertuan Kelantan berserta Tengku Andak melarikan diri ke Terengganu lalu tinggal di sana sehingga mangkat. Setahun kemudian, datang semula angkatan Terengganu hendak menyerang orang-orang Long Muhammad tetapi apabila angkatan ini sampai di Besut tiba-tiba terdengar akhbar mengatakan Yang Dipertuan Besar sedang gering. Yang demikian masing-masing balik tidak jadi hendak menyerang.

Pada akhirnya, Long Muhammad berjaya menaiki takhta Kerajaan Kelantan kira-kira pada tahun 1800M dengan gelaran Sultan Muhammad Yang Pertama (mangkat pada malam Rabu 27 Safar 1252) (13.6.1836).

Setelah tamat pergaduhan ini dan suasana pemerintahan Negeri Terengganu bertambah aman makmur, maka Yang Dipertuan Besar pun mulalah meletak kerja kerana istiadat perkahwinan puteranya Tengku Cik Muda dan Tengku Sulong, dengan berbagai temasya perkahwinan itu dapat dijalankan dengan selamat sempurnanya.

Pada tahun 1223H (1808), baginda pun mangkat, (kata setengah cerita pada tahun 1227H iaitu (1812M), Baginda dikenali dengan nama Yang Dipertuan Mata Merah dan gelarannya Marhum Misjid atau Marhum Mata Merah. Makamnya di dalam kawasan Masjid Abidin Kuala Terengganu. Baginda dikatakan berkahwin dengan Cik Puan Zainab anak Bendahara Indera Bongsu Johor. Adalah dikåtakan menteri baginda ialah Dato' Seri Nara Wangsa (Dato' Mata-mata Encik Saleh).

I. Sultan Ahmad Shah I (Marhum Parit)
(Sultan Yang Keempat)
(Memerintah Tahun 1808-1830)

II. Sultan Abdul Rahman (Marhum Surai)
(Sultan Yang Kelima)
(Memerintah Tahun 1830)

Setelah Sultan Zainal Abidin II mangkat, diganti oleh putera baginda bernama Tengku Ahmad dengan gelaran Sultan Ahmad Shah I.

Berbagai pendapat mengenai tarikh perlantikan baginda menjadi Sultan. Ada yang berkata pada tahun 1808 (1223H) dan ada yang berkata pada tahun 1812 (1227H).

Penyusun belum mendapat bahan-bahan sejarah di dalam masa baginda memerintah selama lebih kurang dua puluh dua tahun atau lapan belas tahun itu, walaupun kajian-kajian telah diusahakan, melainkan sedikit sahaja, antaranya:

Satu catatan kisah mengenai Baginda sebelum menjadi Sultan ada menyatakan: "Tatkala mangkat Sultan Mansur, pemerintahan digantikan oleh puteranya yang bergelar Sultan Zainal Abidin II. Maka Sultan Zainal Abidin II berputera tiga orang, pertama Tengku Ahmad kemudiannya jadi Yang DiPertuan Besar Terengganu yang dipanggil Marhum Parit, kedua Tengku Abdul Rahman, ketiga Tengku Mansur.

Pada masa itu datanglah Raja Daik (Sultan Abdul Rahman Mu'azam Shah) ayahanda kepada Sultan Muhammad Keratun ke Terengganu. Setelah sampai di Terengganu maka Raja Daik pun hendak balik ke Daik pula.

Adapun Tengku Ahmad putera kepada Sultan Zainal Abidin II, telah merajuk kepada ayahandanya lalu melarikan diri bersembunyi turun ke kapal Raja Daik itu duduk di bawah dek dengan tiada setahu Raja Daik dan sekalian orang-orang pun tiada mengenalinya.

Setelah itu, kapalpun belayar, kebetulan di dalam kapal itu ada seorang Jawa demam terketar-ketar lalu ditertawa oleh sekalian anak-anak muda. Maka Jawa itu pun merasai malu terus mengamuk dan sekalian orang dalam kapal itupun larilah semuanya menyelamatkan diri. Maka terdengarlah kepada Tengku Ahmad orang-orang bergaduh di atas dek. Pada masa itu ia tengah menghisap candu maka ia pun bangun lalu mencapai kerisnya dan naik ke atas dek. Apabila sampai di atas dek, datanglah Jawa itu menikam kepada Tengku Ahmad tetapi tikaman itu tidak kena serta ditikam balas oleh Tengku Ahmad terkena pada lapuk susunya terus ke belakang maka matilah Jawa itu dengan sekali tikaman sahaja dan Tengku Ahmad pun menyarung kerisnya lalu turun ke tempat duduknya seraya menghisap candu bagaimana biasa.

Apabila orang Jawa itu telah mati masing-masing pun berebut-rebutlah, ada yang mengambil hidung dan lain-lainnya pergi menyembah kepada Raja Daik mengatakan ialah membunuhnya. Maka Raja Daik kurang percaya dan disuruh cari dan siasat lagi orang-orang di dalam kapal, maka Serang kapal pula pergilah mencari di bawah dek tiba-tiba terpandanglah seorang muda duduk menghisap candu, ia pun naik pergi menyembah kepada Raja Daik sembahnya: "Tuanku ada seorang muda duduk di bawah dek kapal ini menghisap candu dan namanya patik tiada kenal. "Maka titah Raja, suruh pergi ambil keris orang menghisap candu itu. Serang pun pergi meminta keris. Maka Tengku Ahmad pun memberinya dan dibawalah keris itu mengadap Raja Daik, dan titah baginda suruh cabut keris itu. Setelah dicabut ternampaklah tanda bekas darah di mata keris maka titah Raja Daik: "Inilah dia orang yang membunuh Jawa itu."

Kemudian dititah supaya Serang bertanya apakah nama orang yang empunya keris itu dan dari mana datangnya. Maka Serang pun pergi bertanya, dijawab oleh Tengku Ahmad: "Ini anak Raja Terengganu hendak mengiring raja ke Daik," maka Serang pun baliklah menyembah kepada Raja Daik seperti kata Tengku Ahmad maka Raja Daik pun tahulah keadaan sebenar dan dititah suruh menyediakan tempat peraduannya sebagaimana raja-raja. Kemudian tidak beberapa lama sampailah pelayaran itu ke Daik. Maka duduklah Tengku Ahmad di Daik. Tidak berapa lama kemudian beliau memohon hendak balik dan diberi kepadanya Negeri Kemaman sebagai basuh tangan kerana membunuh Jawa, kemudian Tengku Ahmad berkahwin dengan anak Raja Siak yang bernama Tengku Bulang serta dihadiahkan Kemaman kepada Raja Siak sebagai ganti mas kahwin dan belanjanya, maka kembalilah Tengku Ahmad ke Terengganu serta dibawa bersamanya Tengku Bulang (yang dikenali dengan nama Tengku Puteri oleh orang-orang Terengganu) dan anak saudaranya Tengku Wook dan Tengku Ngah kemudian diserah oleh Tengku Puteri kepada Tengku Wook Musa cari gali

bijih di Kemaman. (Dari "Cerita Terengganu" oleh Dato' Nara Wangsa tulisan tangan tidak diterbitkan.)

Menurut Tuhfatun Nafis, Sultan Abdul Rahman Lingga telah mengadakan lawatan ke Terengganu dalam tahun 1821M diiringi oleh puteranya Tengku Besar Muhammad dengan disambut penuh istiadat kebesaran dan kehormatan.

Tidak beberapa lama, Sultan Abdul Rahman pun berkahwin dengan adik perempuan baginda manakala puteranya pula yang bernama Tengku Besar Muhammad berkahwin dengan seorang puteri baginda bernama Tengku Teh di dalam suatu istiadat yang besar dan memperolehi seorang putera bernama Tengku Mahmud. Dalam masa pemerintahan baginda, berlaku pergolakan Lebai Saris di kemaman. Menurut cerita lisan yang didapati dari orang-orang tua adalah seperti berikut:

Semasa itu daerah Kemaman[155] boleh dianggap sebagai sebuah kawasan hutan dan jauh dari pusat pemerintahan Kuala Terengganu yang jaraknya lebih kurang 156 km.


Lebai Saris telah datang ke negeri Terengganu dianggarkan di antara tahun 1808-1826M dari Patani, setelah gagal dan kalah dalam pasukan peperangan melawan tentera Siam kira-kira dalam tahun 1808.

Dari Kuala Terengganu beliau bersama isterinya, anak lelakinya yang bernama Encik Bakar (Abu Bakar) dan anak perempuannya yang bernama Nilam berserta beberapa orang pengikutnya telah menyusur ke arah selatan hingga sampai ke Kemaman dan mudik ke hulu hingga ke Kampung Nyior di mana ianya telah meneroka kampong baru di kawasan itu untuk penghidupan baru.

Dengan usaha yang bersungguh dan gigih segala kawasan di sekeliling daerah itu telah berjaya menerbitkan hasil mahsul yang cemerlang terutama padi dan lain-lain tanaman. Ini menyebabkan Lebai Saris dipandang sebagai seorang yang berpengaruh. Sementara itu anaknya Abu Bakar seorang yang terkenal berani, angkuh, keras hati dan berlagak sebagai anak pemerintah. Pendek kata, Lebai Saris di zamannya boleh dianggap sebagai seorang yang paling berada di Kemaman dan banyak mempunyai harta termasuk emas dan permata, selain dari itu ianya dipandang sebagai pemerintah yang berkuasa penuh bukan sahaja di kawasan kampung yang diterokanya bahkan dikatakan menguasai hingga ke Cukai Kemaman, keseluruhannya. Akhirnya beliau enggan mematuhi

---

155 Asal namanya dikatakan dari perkataan "Kera Maman". Maman adalah sejenis tumbuhan yang boleh dijeruk menjadi ulam nasi. Terbitnya nama ini khabarnya semasa Lebai Saris berperahu memasuki Kuala Kemaman, ia terpandang seekor kera besar yang ekornya kembang seperti bunga maman, terloncat-loncat di dahan pokok kayu di tepi Bukit Penjajat.



Peta Daerah Kemaman.

arahan-arahan dari sultan yang bersemayam di Kuala Terengganu. Selain dari itu ia telah mengadakan aturan-aturan dan tata-tertib bagi penduduk kampung di dalam pemerintahannya. Ia juga telah menganggap daerah Kemaman terutama kawasan-kawasan perkampungannya yang baru dibuka itu bebas dari kekuasaan atau perintah Sultan Terengganu.

Yang demikian segala bayaran-bayaran atau cukai kepala yang dikenakan oleh pemerintah, dipandang sepi dan tidak dihiraukan oleh Lebai Saris dan anaknya. Setelah Lebai Saris dengan dibantu oleh anaknya merasa cukup kuat dan pengikut-pengikutnya makin bertambah ramai dan harta kekayaan difikirkan cukup untuk menentang pemerintahan Terengganu maka bertambahlah merebaknya pengaruh beliau dan kegiatan-kegiatan anaknya Encik Abu Bakar dengan berbagai ragam. Ini menyebabkan pihak Sultan Terengganu dan pembesar-pembesarnya berpendapat tidaklah boleh perkara ini dibiarkan berlarutan dan berpanjangan dengan tidak dicegahinya.

Dengan bertambah-tambahnya keganasan anak Lebai Saris, pada akhirnya Sultan Ahmad I telah menghantar sepasukan tentera yang diketuai oleh Panglima Engku Kembal untuk menangkap keduanya yang menentang pemerintahan baginda. Pihak sultan sendiri berpesan kepada panglimanya supaya tidak dibunuh kedua pemberontak itu melainkan di dalam keadaan terpaksa. Pasukan Engku Kembal telah ditentang hebat oleh pasukan Lebai Saris dan anaknya Abu Bakar serta pengikut-pengikutnya. Pada mula-mulanya Engku Kembal tidak berjaya dalam pertempuran itu dan terpaksa berundur, kemudian ia menggunakan tipu muslihat akhirnya Encik Abu Bakar dapat ditangkap begitu juga Lebai Saris dan kedua-duanya mati disula dengan suda nipah yang tajam.

Di dalam pemerintahan baginda, Kapten Burney (wakil Kompeni Inggeris) pernah berunding di Bangkok dengan Kerajaan Siam, termasuk perkara-perkara mengenai Negeri Terengganu dan Kelantan. Burney dikatakan ada pernah memberi pendapat, tidak bersetuju dengan pandangan Kerajaan Siam mengenai "Bunga Emas" yang dihantar oleh dua buah negeri itu menandakan naungan atau penaklukan bahkan sebagai tanda persahabatan sahaja.

Perjanjian Burney yang dibuat di antara Kerajaan Siam dengan Kompeni Inggeris antara lain ada menyebut yang Kerajaan Siam tidak menghalang atau mengganggu orang-orang Inggeris menjalankan perniagaan di Terengganu dan Kelantan.

Burney telah juga memberitahu Sultan Terengganu mengenai perhubungan pemerintahan British dengan Terengganu dan Siam. Ada cerita menyatakan di dalam masa pemerintahan baginda, jawatan Bendahara selepas kematian Bendahara Husin tidak diadakan lagi atau dilantik ganti.



Pandangan Bandar Cukai Kemaman.

Baginda dikatakan mempunyai tiga orang isteri. Isteri yang pertama melahirkan Tengku Daud (Sultan Daud). Dengan isteri yang kedua, baginda memperolehi Tengku Kalsom (Tengku Besar Perempuan) menjadi isteri Tengku Besar Muhammad Lingga, dan dengan isterinya yang ketiga, melahirkan Tengku Umar (Sultan Umar), Tengku Mahmud dan Tengku Cik (Perempuan). Isteri yang ketiga ini, adalah anak dari seorang tuan punya atau penguasa sepasukan menora Patani dari keturunan Cina yang datang bermain di Negeri Terengganu, kemudian memeluk agama Islam dengan nama Cik Hajar, kemudian bergelar Cik Puan Besar. Baginda telah mangkat pada 13 haribulan Muharram tahun 1246H (4.7.1830) gelaran Marhum Parit, kerana baginda dikatakan ada membuat parit di sekeliling kotanya dan di kawasan Paya Bunga, Kuala Terengganu. Setakat yang diketahui menteri baginda ialah Dato' Seri Nara Wangsa (Encik Musa).

Selepas itu pemerintahan Negeri Terengganu diganti pula oleh saudara baginda seibu sebapa iaitu Tengku Abdul Rahman menjadi Sultan Terengganu Yang Kelima pada 4 haribulan Julai, 1830.

Tetapi malangnya baginda ini tidak lama memerintah, lebih kurang 5 bulan 26 hari sahaja. Bagindapun mangkat pada 17 Rejab tahun 1246 (1.1.1831) gelarannya Marhum Surai, dimakamkan di tanah perkuburan Syeikh Ibrahim.

Putera dan puteri baginda setakat yang diketahui ialah Yamtuan Muda Tengku Abdullah, Tengku Lijah, dan Tengku Salmah.

I. Sultan Daud (Marhum Kampung Daik) (Sultan Yang Keenam) (Memerintah Tahun 1830-1831)

II. Sultan Mansur II (Marhum Mansur) (Sultan Yang Ketujuh) (Memerintah Tahun 1831-1837)


Setelah Sultan Abdul Rahman mangkat, bermuafakatlah Pembesar-pembesar negeri untuk melantik pengganti Sultan. Setengah pihak ada yang suka kepada Tengku Daud, Putera Al Marhum Sultan Ahmad I, dan setengah pihak pula ada yang suka kepada Tengku Mansor (saudara Al Marhum Sultan Abdul Rahman) sehingga jenazah Al Marhum Sultan Abdul Rahman tergendala dimakamkan kerana belum ada gantinya. Maka Tengku Puteri (Tengku Bulang isteri Al Marhum Sultan Ahmad I) menjemput Dato' Nara Wangsa (Encik Musa) mengadap dan bertitah kepadanya: apakah ikhtiar! hendak dimakamkan Al Marhum belum boleh dilansungkan.

Sembah Dato' Nara Wangsa: "Pada hemat patik, kebawah Duli eloklah memanggil adinda Tengku Mansor kemari serta dibuka jenazah Al Marhum supaya ditengoknya, apabila dipandang jenazah Al Marhum harus lembut hatinya."

Kemudian kebawah Duli Tengku Puteri pun bertitah dipersilakan Tengku Mansor dan beliau pun datang. Maka titah Tengku Puteri supaya dibuka jenazah Al Marhum seraya bertitah: "Adik Mansor! abang rajakan Tengku Daud kemudian adik Mansorlah yang memerintah Negeri Terengganu ini dan Tengku Umar jadi Raja Muda."

Jawab Tengku Mansor: Ku!

Selepas jawapan itu Tengku Mansor pun balik ke rumahnya dan Tengku Daud pun dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar serta pembesar-pembesar pun menjunjung duli.



Gambar lukisan Istana Sultan Mansur II Sultan Terengganu Yang Ketujuh, dilukis oleh Dato' Seri Nara Wangsa (Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim, meninggal dunia pada 27.5.1359H=27.7.1940) ketika umurnya lebih kurang 107 tahun.

Di dalam satu kisah, ada mengatakan: Apabila Tengku Mansor tiba di rumahnya disuruhnya pergi melihat di Balai adakah Cik Ku Daud dan Cik Ku Umar (dua pembesar) menjunjung duli.

Menurut cerita itu, adapun Cik Ku Umar sesudah menjunjung duli baliklah ke rumahnya di Balik Bukit, Kuala Terengganu.

Sementara itu orang suruhan Bendahara Paduka Raja Tengku Mansur telah balik meninjau keadaan di balai dan menyembah menyatakan Cik Ku Ahmad dan Cik Ku Umar sudah mengunjung Duli, tetapi Cik Ku Daud tidak dapat dipastikan. Kemudiah jenazah Al Marhum selamat dimakamkan berhampiran kekandanya Marhum Parit (Sultan Ahmad I).

Keesokan hari Sultan Daud serta seorang pengiringnya dengan membawa keris panjang berangkat ke rumah Bendahara Paduka Raja Tengku Mansur, semasa itu Tengku Mansur sedang santap nasi, lalu diajak Sultan santap sepinggang bersama dan Sultan Daud pun santaplah. Setelah itu Sultan Daud pun berangkat balik ke istana.

Sultan Daud sempat memerintah lebih kurang sebulan sahaja (mangkat pada 16.8.1246=31.1.1831) gelarannya Marhum Kampung Daik dan dimakamkan di tanah perkuburan Syeikh Ibrahim.

Yang mengganti baginda pula, ialah Tengku Mansur pada 16 Syaaban 1246H (31.1.1831) dengan gelaran Sultan Mansur Yang Kedua, (putera Sultan Zainal Abidin II dan ayahanda saudara kepada Almarhum Sultan Daud, bondanya bergelar Cik Puan Muda). Baginda sempat memerintah Negeri Terengganu lebih kurang tujuh tahun dan mangkat di dalam tahun 1253H (1837). Kata setengah cerita dalam 1252H (1836) gelarannya Marhum Mansur dan dimakamkan di perkuburan Syeikh Ibrahim.

Putera dan puteri baginda ialah Sultan Muhammad (Sultan Terengganu Yang Kelapan), Tengku Ngah, Tengku Musa, Tengku Maimunah dan Tengku Mariam.

Di dalam masa pemerintahan Sultan Mansur II, (Yang Dipertuan Tua), ada orang-orang Terengganu dan panglima-panglimanya pergi ke Patani kerana membantu negeri itu dari serangan Siam.[156] Oleh kerana kekalahan pemberontakan orang-orang Patani dan pembantu-pembantunya, menyebabkan Kerajaan Siam mendesak Negeri Terengganu dan Kelantan supaya menyerah orang pelarian Patani yang berlindung diri di kedua negeri itu.

Kira-kira dalam bulan Ogos tahun 1832, dikatakan ada beberapa buah kapal perang Siam datang ke Terengganu untuk mencari orang-orang pelarian Siam

156 Di antaranya Panglima Tengku Ibrahim, Panglima Wan Kamal dan Panglima Ismail.

tetapi telah belayar balik. Sementara itu pihak berkuasa Inggeris di Singapura menghantar sebuah kapal perang ke Terengganu, yang demikian tidaklah berlaku serangan Siam ke atas negeri ini, tetapi pada akhirnya orang-orang pelarian itu terpaksa dihantar kembali ke Siam.

Perang Saudara

Menurut cerita yang didapati semasa hendak dilantik Sultan Mansur II menjadi Sultan, maka satu perselisihan telah terjadi, "kerana setengah pihak suka melantik Tengku Mansur menjadi raja, dengan alasan memandangkan pangkat tuanya, manakala setengah pihak lagi, suka melantik Tengku Umar, anak saudara baginda (putera yang kedua kepada Sultan Ahmad dan isteri Cik Hajar-Cik Puan Besar).

Maka bermesyuaratlah pembesar-pembesar negeri untuk mengelakkan pemerintahan dari menjadi huru-hara. Kesimpulannya dipersetujukan dilantik Tengku Mansur menjadi Yang Dipertuan Tua, manakala Tengku Umar menjadi Yang Dipertuan Besar. Kedua-duanya telah memerintah Negeri Terengganu kira-kira pada 17 Syaaban 1246H (31.1.1831). Walaupun demikian, kedua-dua pemerintah ini, masing-masing menunjukkan kuasanya, dan melantik pembesar-pembesarnya sendiri serta mengadakan pasukan tentera berasingan.

Di antara pembesar yang dilantik oleh Yang Dipertuan Tua, ialah Cik Ku Umar dan Cik Ku Ahmad (kedua-dua ayahanda saudaranya di sebelah bondanya) manakala Yang Dipertuan Besar pula telah melantik ayahanda mertuanya Tengku Ismail menjadi menterinya.

Retak menanti belah, perselisihan makin mendalam dan merebak setapak demi setapak di antara kedua pemerintah, hingga terjadilah peperangan saudara yang sengit. Pada akhirnya Yang Dipertuan Tua Tengku Mansur, yang berkubu di kawasan Balik Bukit berjaya mengepung Kota Yang Dipertuan Besar Tengku Umar yang berkubu berhampiran Bukit Puteri lalu Yang Dipertuan Besar melarikan diri ke Besut. Kekalahan Yang Dipertuan Besar Tengku Umar ini, dikatakan berpunca kerana membubarkan pasukan bersenjatanya atas nasihat ayahanda mertuanya Tengku Ismail yang telah terpengaruh dengan janji-janji sulit dari Yang Dipertuan Tua Tengku Mansur sebelum berlaku pertempuran itu. Kemudian Yang Dipertuan Besar mengundurkan diri dan berkubu di Kemaman. Di sana beliau telah mengancam dan mengadakan serangan-serangan bagi menyekat ahli- ahli pelayaran di dalam jajahan-jajahan Terengganu. Maka tindak tanduk dan gerak langkahnya itu menjadi suatu kesusahan dan bencana besar

kepada ketenteraman negeri dan kestabilan pemerintahan, kemudian beliau berangkat ke Pahang, mengadap Sultan Muhammad Shah ibni Al Marhum Sultan Abdul Rahman[157] yang semasa itu berada di sana (kira-kira dalam tahun 1832).

Sultan Muhammad Shah telah mengadakan rundingan dengan Dato' Bendahara Tun Ali (Bendahara Seri Wak Raja) serta anak-anak raja kerana memikirkan hal ehwal kejadian pergaduhan di dalam negeri Terengganu di antara kedua pemerintah itu. Keputusannya Sultan Muhammad Shah menghantar suatu perwakilan ke Terengganu mengandungi Saiyed Hashim, Engku Nong, Saiyed Abdullah dan Engku Hitam (anak Engku Muhammad Zain Al Qudsi).

Utusan ini disambut oleh Sultan Mansur Yang Dipertuan Terengganu dengan adat istiadat kebesaran, serta surat perutusan pun dipersembahkan kepada Yang Dipertuan, lalu dibaca.

Bagi pihak Yang Dipertuan Tua telah menangguh jawapannya kerana hendak bermesyuarat terlebih dahulu dengan sekelian menteri-menterinya bagaimana cara sepatutnya surat itu dibalas. Selepas lapan belas hari barulah surat itu dijawab. Kemudian utusan itu pun kembali ke Pahang. Maka maksudnya jawapan surat itu menyatakan, bahawa pihak Sultan Mansur tidaklah bersetuju menerima Yang Dipertuan Besar Tengku Umar balik ke Terengganu, jikalau lain daripada Tengku Umar sekiranya baginda Sultan Muhammad suka, walaupun budak hitam, pihaknya sanggup menerima, tetapi kalau Tengku Umar tidaklah baginda rela menerima sekali-kali.

Oleh yang demikian Sultan Muhammad Shah pun tidaklah ada daya ikhtiar lagi untuk mendamaikan pergaduhan antara bapa saudara dengan anak saudara itu mengenai pertikaian pemerintahan Negeri Terengganu dan baginda pun terpaksalah berdiam diri. Tidak beberapa lama kemudian, Sultan Muhammad berangkat ke Kemaman. Di sana baginda ada menerima aduan daripada Yang Dipertuan Besar Tengku Umar mengatakan seorang anak Raja Siak bernama Tengku Mansur telah melakukan pekerjaan yang memberi malu aib kepadanya mengenai perkara perempuan.

Oleh yang demikian sangatlah murkanya Sultan Muhammad Shah, lalu diperintah bunuh Tengku Umar Siak.

Menurut catatan kisah oleh Dato' Seri Nara Wangsa (Dato' Mata-Mata Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim) mengenai pergolakan antara Sultan Umar Yang Dipertuan Besar dengan Tengku Mahmud Mansur Yang Dipertuan Tua, antara lain menyatakan: Apabila mangkat Sultan Daud, maka digelar Sultan Umar

157 Sultan Riau Lingga II dijangka melakukan lawatan ini dalam tahun 1832M

menjadi Yang Dipertuan Besar Terengganu dan Bendahara Paduka Raja Tengku Mansur Yang Dipertuan Tua sebagai raja. Sembahyang Jumaat telah tergendala beberapa kali disebabkan Khatib takut hendak membaca kutbah, jika disebut Sultan Umar, takut dimurka oleh Yang Dipertuan Tua dan jika disebut Yang Dipertuan Tua, takut pula dimurka oleh Sultan Umar. Kemudian Khatib Mahmud membaca kutbah dengan menyebut Sultan Umar (berdoa kepada baginda P.). Ini menyebabkan berbangkit punca pergaduhan.

Selepas itu datang Tengku Wook Siak (anak saudara Tengku Puteri isteri Sultan Umar P.) dari Dungun dengan 8 buah penjajab. Apabila tiba di Kuala Terengganu penjajab-penjajab itu berlabuh di Kampung Payang (di Pengkalan Kedai Payang bertentangan dengan Duyung Kecil, Kuala Terengganu sekarang P.). Tengku Wook telah bermuafakat dengan Saiyed Ahmad (Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin (Tuk Ku Tuan Besar P.) supaya menasihati Yang Dipertuan Tua dan Sultan Umar tidak bergaduh dan berkelahi antara anak beranak dan sesama Islam. Maka nasihat itu diterima oleh kedua-dua belah pihak dan terhindarlah dari berlakunya pergaduhan (buat sementara P.).

Adapun Sultan Umar telah memerintah pengikut-pengikut dan rakyatnya balik ke rumah masing-masing dan bedil meriam pun diturunkan dari pedati sementara itu pihak Yang Dipertuan Tua pula; apabila siang hari diperintah pengikut-pengikutnya menyembunyikan diri masing-masing di hutan, manakala di waktu malam diperintah balik ke dalam kota serta diletak balik bedil di atas pedati dan diisi ubatnya.

Pada suatu malam berlaku kucing berkarat (berkelahi) di rumah Tengku Wook Dungun dan berlari di atas telkor (kekuda) hingga jatuh telkor itu menyebabkan bedil pun berbunyi dan pelurunya melintas lalu dekat rusuk Yang Dipertuan Tua yang sedang membaca wirid selepas sembahyang Maghrib. Maka terkejutlah Yang Dipertuan Tua seraya bertitah kepada pengikutnya supaya bersiap sedia, serta dilepaskan tembakan bedil yang menghala ke dalam kota Sultan Umar, tetapi tidak memberi apa-apa kesan, maka gemparlah rakyat negeri. Kemudian Tengku Wook pun datang ke dalam kota mengadap Sultan Umar dan menyembah sebab punca berlaku pergaduhan itu adalah kerananya, serta dicerita kepada baginda mengenai kejadian kucing berkarat dan dipohon dari baginda supaya berundur dahulu di Kampung Dato' Mata-Mata dengan dibawa adinda Tengku Selamah dan bonda Tengku Putri. Mengenai pergaduhan dengan Yang Dipertuan Tua adalah tanggungjawabnya melawan.

Yang demikian Sultan Umar pun undurlah ke kampung Dato' Mata-Mata. Pihak Tengku Wook yang telah berjanji untuk menjaga kota itu telah melarikan

diri seolah-olah telah belot dan kota pun jatuhlah ke tangan Yang Dipertuan Tua serta orang-orangnya.

Maka berbangkit pula perselisihan Sultan Umar dengan Tengku Wook. Kemudian Yang Dipertuan Tua pun memerintah Terengganu dan bergelar Sultan Mansur (Kedua P.).

Kemudian pada malam itu juga Lebai Sudin orang Sultan Mansur datang ke Kampung Dato' Mata-Mata membawa titah Sultan tidak dibenarkan Tengku Umar duduk di rumah Dato' Mata-Mata disuruh undur ke seberang (Seberang Takir P.) maka Sultan Umar pun undurlah ke Seberang duduk di rumah Encik Wan Long. Dari rumah Encik Wan Long, baginda berundur pula ke Setiu, kemudian ke Besut, dari Besut, undur ke kemaman. Di Kemaman baginda melakukan rompakan terhadap orang-orang yang belayar dan dapat ditawan seorang dari pihak Sultan Mansur bernama Sudin serta dibunuhnya. Kemudian baginda berkira pula hendak merompak di Senggora dan belayarlah baginda ke sana dengan beberapa buah perahu serta dibawa bersama isterinya Cik Kalsum.

Sebelum Sultan Umar sampai ke Senggora ikan-ikan dalam Sungai Senggora telah menimbulkan diri dalam masa dua tiga hari. Raja Senggora telah melihat keadaan itu. Kemudian sampailah Sultan Umar di Senggora. Pihak Raja Senggora berfikir dan berpendapat bahawa raja yang datang itu bertuah, dan disambutnya seperti adat-adat raja-raja besar. Tambahan pula Cik Kalsum isteri baginda ada kaitan dengan keluarga DiRaja Senggora. Oleh yang demikian tidaklah jadi Sultan Umar melakukan rompakan. Baginda duduk di Senggora dua tiga hari. Kemudian balik ke Kemaman. Tidak berapa lama, datanglah orang suruhan dari Tengku Besar Daik, mempersilakan Sultan Umar ke Daik dan baginda pun berangkat serta dibawa bersamanya, saudaranya Tengku Chik.

Kemangkatan Sultan Mansur II

Tidak berapa lama Sultan Muhammad Shah berada di Kemaman, berangkatlah pula ke Pahang kemudian ke Lingga bersama-sama Bendahara Tun Ali dan Tengku Umar Yang Dipertuan Terengganu. Rombongan angkatan itu telah singgah di Riau dan berjumpa dengan Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman Ibni Almarhum Yamtuan Muda Raja Jaafar serta Resident Riau. Kemudian rombongan tersebut berangkat ke Lingga. Setelah beberapa lamanya Yang Dipertuan Besar Terengganu menetap di Lingga, maka Sultan Mansur pun mangkat kira-kira dalam tahun 1836M (1252H). Kata setengah cerita dalam tahun

1253H. Makamnya disemadikan di perkuburan Syeikh Ibrahim dan gelarannya Marhum Mansur.

Di dalam masa pemerintahan Sultan Mansur II, seorang ahli pelayaran Inggeris bernama George Windsor Earl dan rakannya Robert Hunter, telah singgah di Kuala Terengganu dua kali, yang pertama dalam tahun 1833, dan kali yang kedua dalam tahun 1835. Windsor Earl telah menjual beras kepada Sultan dan menceritakan yang sultan negeri pada masa itu telah mengadakan satu pakatan dengan pembesar-pembesarnya.

Semasa kedatangannya yang kedua pula, Windsor Earl menyatakan, di Tanjung (di muara Kuala Terengganu P.) ada didirikan dua buah kota atau kubu, yang tiangnya daripada kayu, lebih kurang tingginya 40 kaki dan ada meriam-meriam terletak di atas kubu itu berserta pelurunya.

Maka haruslah kubu itu telah diwujudkan sejak tahun 1831M oleh Sultan Terengganu ketika itu bagi pertahanan dan kawalan ibu negeri.

Sebuah meriam besi lama yangtertanam di dalam pasir di Pantai Tanjung telah dipindah oleh Muzium Negeri Terengganu bagi simpanannya, dan haruslah meriam itu ada kaitan dengan kubu tersebut.

I. Sultan Muhammad I (Marhum Telor)
(Sultan Yang Kedelapan)
(Memerintah 1837-1839)

II. Sultan Umar (Marhum Baginda)
(Sultan Yang Kesembilan)
(Memerintah 1839-1875)

Setelah mangkat Sultan Mansur II maka pembesar-pembesar Terengganu telah teragak-agak dan berselisih pendapat tentang penggantinya. Satu pihak sukakan Tengku Umar Yang Dipertuan Besar, tetapi tempoh itu beliau berada di Lingga sudah lebih kurang tujuh tahun dan tidak bersetuju melantik Tengku Muhammad putera Sultan Mansur II menjadi sultan, kerana sifat beliau tidak dapat memenuhi kemuliaan raja-raja disebabkan tutur kata dan suaranya pelat dan telor. Walau bagaimanapun beliau telah dilantik juga menjadi pemerintah dan usianya ketika itu, lebih kurang lima belas tahun.

Manakala Yang Dipertuan Besar Tengku Umar mendengar berita kemangkatan ayahanda saudaranya dan perlantikan pemerintah baharu serta diketahuinya orang-orang kuat di Terengganu telah banyak meninggal dunia, beliau pun datang ke Terengganu bersama-sama saudaranya Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud.

Apabila tiba di Kemaman, beliau telah mengumpulkan pasukannya serta alat senjata, kemudian berlepas ke Kuala Terengganu. Menurut cerita, kira-kira waktu tengahari ketika kebanyakan orang-orang Kuala Terengganu belum pulang lagi dari laut menangkap ikan, maka Yang Dipertuan Tengku Umar pun mendarat di Kuala Terengganu dengan empat puluh orang tenteranya yang bersenjata termasuk tiga sahabatnya yang handal iaitu Wan Umar, Wan Abdul Rahman dan Wan Othman serta berjaya menawan "kota" dalam "Kampung Bata" dengan tidak menumpahkan darah. Selepas itu, diserang Bukit Puteri



Pandangan sebahagian dari Muara Kuala Terengganu dan pengkalan bertentangan Padang Maziah, di mana dijangka berhampiran di sini Munshi Abdullah mendarat dalam tahun 1836M.

tempat perkubuan sepupunya Sultan Muhammad I sebanyak tiga kali dan akhirnya berjaya ditawan. Sultan Muhammad I telah melarikan diri ke Seberang Takir kemudian ke Dungun (71 km dari Kuala Terengganu). Pada tahun 1256H (1840M) beliau datang pula melanggar dari Dungun dengan bantuan antara 200-300 orang di bawah Tengku Wook (Tengku Wook Hitam) kata setengah pihak, beliau anak Engku Busu Dungun, kata setengah punca lain pula ialah anak Tengku Besar Padang Riau.

Pada mula, pasukannya berjaya menawan Bukit Puteri yang berkubukan meriam-meriam besar, tetapi dikepung balik oleh pihak Yang Dipertuan Tengku Umar. Kemudian Sultan Muhammad I pun undur ke Kampung Balik Bukit, selepas itu ke Setiu. Menurut satu cerita, Tengku Hitam ini, adalah penyokong kuat kepada Sultan Mansur Shah II, begitu juga kepada Sultan Muhammad. Beliau datang ke Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin II dan menjadi orang yang berhak memerintah Dungun dengan hasil mahsulnya dalam masa Sultan Ahmad I. Pasukan Tengku Hitam ini telah mendarat di Chendering (8 km dari Bandar Kuala Terengganu).

Ketibaan pasukannya telah disampaikan kepada Sultan Umar, maka baginda pun bersiap sedia dengan segera dan menjalankan tipuhelah peperangan.

Malangnya, ubat-ubat bedil, pasukan Tengku Hitam telah basah terkena air laut ketika mendarat di Chendering, manakala orang-orangnya yang dihantar secara sulit ke Kubu Bukit Puteri untuk mencuri ubat bedil yang disimpan di situ telah tiada berjaya pula di dalam tindakannya.

Akhirnya tewaslah pasukan Tengku Hitam dan Sultan Muhammad I di dalam pertempuran ini.

Maka tetaplah pemerintahan negeri Terengganu di bawah Kerajaan Yang Dipertuan Tengku Umar. Tidak berapa lama kemudian beliau pun ditabalkan menjadi Sultan Terengganu bergelar Baginda Sultan Umar. (Diistilahkan gelaran "Baginda" kerana berjaya menaiki takhta Kerajaan dengan jalan berperang). Saudaranya Tengku Mahmud dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda.

Menurut catatan oleh Dato' Seri Nara Wangsa (Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim) mengenai kedatangan Sultan Umar, antara lain menyatakan "lebih kurang setahun Yang Dipertuan Telor memerintah Terengganu kedengaranlah khabar kepada Sultan Umar yang di Daik mengatakan Sultan Mansur telah mangkat. Lalu berkiralah ia dengan Tengku Andak dan Tengku Idris (kemudiannya jadi Panglima Besar) hendak berangkat ke Terengganu serta pula Saiyed Shikh sudah dua tiga kali suruh Sultan Umar masuk Terengganu.

Dengan berkat Saiyed Shikh maka Sultan Umar pun bersedia sebuah perahu dan Tengku Andak dengan Tengku Idris sebuah perahu serta dibawa Tengku Mah bersamanya. Pada waktu yang baik berlayarlah Sultan Umar ke Terengganu. Kemudian beberapa hari dijalan berhentilah perahu itu di laut Pulau Kapas. Pada tengah malam pukul 12.00 lalu mereka bermesyuarat.

Titah Sultan Umar pada Tengku Andak, "kita masuk Terengganu pada waktu mana yang lebih baik dan molek supaya jangan diketahui orang." Jawab masing-masing ada yang mengatakan tengah malam, ada yang mengatakan subuh. Lalu dijawab pula oleh tukang Jamal, jika tak beri orang tahu masuk Terengganu ialah pukul 11.30 siang kerana pada waktu itu orang dari rumah belum turun ke sungai lagi kerana panas dan orang ke laut belum balik. Maka Sultan Umar pun membenarkan seperti fikiran Jamal itu.

Pada pukul 11.30 siang esoknya Sultan Umar pun masuklah Terengganu iaitu pada tahun hijrah 1255 (1839M). Apabila sampai di darat tidak berjumpa seorang pun. Lalu ia pun mendukung anak saudaranya Engku Mah itu

dan masuk ke dalam kota naik ke istananya. Iaitu istana Tengku Selamah isterinya.

Kemudian Tengku Selamah memanggil Tengku Idris masuk ke dalam kota istana mengadap Sultan Umar. Maka Tengku Idris suruh panggil Dato' Mata-Mata Nara Wangsa Encik Musa (datuk kepada Dato' Seri Nara Wangsa, Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim P.). Maka Dato' Mata-Mata pun masuk mengadap ke dalam istana menyembah.

Maka Tengku Idris pun bertitah, bagaimana ikhtiar Dato', Yang Dipertuan ada sampai. Lalu sembah Dato' Mata-Mata, kita suruh pergi berkhabarlah kepada Yang Dipertuan Telor dengar apa-apa jawabnya boleh kita berkira, maka jawab Tengku Idris, "baiklah sudah siapa pula yang patut kita suruh." Sembah Dato' Mata-mata itu Tengku Andak dan Tengku Idris itu patut pergi ke Balik Bukit, lalu dijawab oleh Tengku Andak apa bahaya hendak pergi berkhabar. Maka jawab Dato' Mata-Mata sembahlah anakanda ada sampai. Maka Tengku Andak dan Tengku Idris pun segeralah turun ke perahu yang dibawa dari Daik itu didayung oleh enam orang dengan kelakuan berani serta bernyanyi-nyanyi. Apabila sampai di Balik Bukit, Tengku Andak dan Tengku Idris pun naiklah mengadap Yang Dipertuan Telor. Maka sembah keduanya baginda ada sampai dari Daik. Jawab Cik Ku Ahmad: kita duduklah cara adik-beradik, maka Yang Dipertuan Telor pun hendak pergi berjumpa dengan Sultan Umar lalu ditegah oleh Cik Ku Umar dan tidaklah jadi hilir hendak berjumpa Sultan Umar itu.

Maka Tengku Andak dan Tengku Idris pun baliklah mengadap serta disembah akan titah Cik Ku Ahmad itu. Kemudian beberapa bulan lamanya berlaku pula perselisihan di antara Sultan Umar dengan Yang Dipertuan Telor. Kemudian berperanglah maka kalah Yang Dipertuan Telor. Ketika hendak lari turun dari istananya baginda bertitah kepada Cik Ku Ahmad dan Cik Ku Umar, "Kita hendak pergi berjumpa abang Ku, dia larang. Ini kenapa pula?" Lalu ia pun undur ke Dungun. Maka Sultan Umarlah yang memerintah Terengganu lalu dipanggil orang Baginda Umar. Kemudian apabila sampai Yang Dipertuan Telor ke Dungun, bermuafakatlah ia dengan Raja Dungun yang bernama Tengku Wook. Selang beberapa lama lalu masuk melanggar Terengganu, maka kalah juga Yang Dipertuan Telor itu. Lalu lari ke hulu Pahang, kemudian ke Kelantan dan mangkat di sana."

Apa Kata Pengarang Melayu Yang Terkenal

Tatkala membayangkan hal ehwal Negeri Terengganu di dalam masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah I putera Sultan Mansur II, Munsyi

Abdullah pengarang Melayu terkenal yang telah melawat Terengganu kira-kira tahun 1836, ada menerangkan di dalam bukunya yang bernama 'Kisah Pelayaran Abdullah'. Di antara lain katanya:

"Maka muafakatlah kedua-dua buah perahu itu hendak singgah sebentar di Terengganu sebab mencari bekal-bekal, maka adalah pukul tujuh pagi masuklah ke Terengganu. Setelah sampai maka turunlah saya sekalian pergi bertemu mata-mata. Maka adalah saya lihat Kuala Terengganu itu bagus, dan sungainya besar lagi airnya tawar, maka adalah kelihatan dari laut pohon kelapa sahaja maka pantainya semua pasir putih.

Sebermula setelah naiklah saya, maka saya lihat ada sebuah pondok atap kecil, maka dindingnya pun atap, ada balai bambu dalamnya. Maka di situlah tempat mata-mata duduk akan memeriksa perahu-perahu yang baharu datang, maka apabila saya sekalian sampai di situ maka berkerumunlah beratus-ratus orang serta dengan senjata dan kelihatan campak buang seperti jajar belat, maka bertanyalah mata-mata itu.

"Dari mana tuan datang dan hendak ke mana pergi," maka jawab saya:

"Saya sekalian datang dari Singapura hendak pergi ke Kelantan membawa surat Tuan Bonham, "maka katanya: "Sekarang terlalu susah masuk ke Kelantan kerana tengah perang besar, kelmarin orang baharu datang dari Kelantan khabarnya dua tiga ratus orang yang mati." Maka kata saya, "Datuk mata-mata bagaimana adat negeri ini dan apa-apa larangannya? Kerana saya sekalian orang baharu datang belum tahu adat hendak berjalan-jalan ke pasar mencari bekal-bekal." Maka jawabnya: "Begini hari belum ada pasar kerana adat di sini petang sahaja ada pasar. Maka seperti larangannya negeri ini apabila melalui Kampung Raja tiada boleh berpayung, dan tidak boleh pakai kasut, dan pakaian kuning dan khasa nipis, sekalian itu dilarang sekali-kali." Maka apabila saya dengar akan larangan yang tersebut itu, maka berfikirlah saya sejurus sambil tersenyum sebab mendengarkan adat bodoh dan sia-sia itu, sebab sekalian itu perkara yang kecil-kecil menjadi salah dan larangan. Mengapa tiada dilarangkan burung terbang di atas istana itu, dan mengapa tiada dilarangkan nyamuk memakan darah dan pijat-pijat di bantal raja itu dan mengapa tiada dilarangkan gajah berteriak dan orang bergelanggang di hadapan istana itu, bukankah sama juga perkara yang tersebut itu dengan perkara yang kecil-kecil ini? Sebab segala perkara yang kecil-kecil ini menjadi besar. Maka seperti perkara yang patut dilarangkan itu dan boleh menjadi kebajikan kepada segala manusia itu diidamkan, seperti memakan madat yang membinasakan manusia dan lagi beberapa jenis-jenis judi yang tiada pernah dilihat, atau adat orang Melayu berubat itu yang dibawa oleh orang Cina. Nyata-nyata ia hendak membinasakan

segala hamba Allah itu, tiada menjadi larangan, dan lagi seperti memakai pakaian yang penuh dengan kotor dan daki, empat lima bulan yang tiada dibasuh kain bajunya, serta dengan busuk baunya, penuh dengan tuma, sambil duduk sambil menindas tuma, mengapa itu tiada menjadi larangan? Dan lagi beberapa banyak kanak-kanak saya lihat sepanjang-panjang jalan bermain-main dan berbuat barang kehendaknya, [(Pelajaran secara bersekolah mula dibuka dalam negeri ini ialah kira-kira di dalam tahun 1912 iaitu Sekolah Melayu Kampung Keling, Kuala Terengganu kemudian Sekolah Melayu Kampung Petani, selepas itu Sekolah Melayu Paya Bunga dan Sekolah Melayu Banggol, kira-kira di antara tahun 1915-1916, manakala sekolah-sekolah Melayu di jajahan-jajahan, dibuka seperti berikut:

Sekolah Melayu Kampung Raja, Besut dan Sekolah Melayu Cukai Kemaman dalam tahun 1916.
Sekolah Melayu Dungun dalam tahun 1920. Sekolah Melayu Marang dalam tahun 1924.
Sekolah Melayu Kijal pada 12.6.1926.
Sekolah Melayu Kuala Berang, Hulu Terengganu dalam tahun 1927.

Suatu undang-undang dinamakan Undang-Undang Kehadiran Kanak - Kanak Islam di Sekolah Kerajaan telah diwujudkan dalam tahun 1923 iaitu undang-undang bil.2/1342. Di antara lain bunyi Undang-undang itu seperti berikut:

1. Pada dan kemudian daripada tarikh Undang-undang ini tidak dapat tiada hendaklah segala ibubapa atau penjaga yang ada memelihara akan kanak-kanak laki-laki Islam yang berumur di antara 7 dengan 14 tahun dan yang ada diam dalam kawasan dua batu dari sekolah melalui ikut jalan raya atau bekas jalan orang supaya menghantar dan menyerahkan kanak-kanak itu di sekolah yang tersebut.
2. Pada dan kemudian daripada tarikh Undang-undang ini tidak dapat tidak hendaklah segala ibubapa atau penjaga yang ada memelihara akan kanak-kanak laki-laki Islam yang berumur 7 dengan 14 tahun dan yangada diam dalam kawasan dua batu dari sekolah melalui ikut jalan raya atau bekas jalan orang supaya menghantar dan menyerahkan kanak-kanak itu di sekolah yang tersebut.
3. Maka terhak bagi kepala-kepala guru atau tuan yang menjaga bagi sebarang sekolah Kerajaan memperbuat dan mengirim pemberitahuan

yang bercop menurut naskah (A) dengan (B) supaya diserahkan kepada ibubapa atau penjaga kanak-kanak itu tidak hadir di sekolah.

4. Apabila ibubapa atau penjaga kanak-kanak itu telah menerima pemberitahu yang tersebut itu hendaklah disifatkan ibubapa itu atau penjaga nya itu berhak tertanggung atasnya bagi menyempurnakan kanak-kanak itu hadir pada tiap-tiap hari di sekolah yang tersebut bagi waktu-waktu selama dibuka sekolah itu bagi kanak-kanak itu hadir.
5. Berkuasalah kepala guru atau tuan yang menjaga bagi sebarang sekolah Kerajaan itu boleh meminta keluarkan saman daripada Mahkamah Magistrate di atas ibubapa atau penjaga kanak-kanak yang ingkar daripada kehendak Undang-undang ini didakwa di hadapan Magistrate jika sabit hendaklah dihukum atasnya denda tidak lebih daripada $10 atau penjara selama tidak lebih daripada lima belas hari.
6. Adalah hak kuasa bagi Duli yang Maha Mulia al-Sultan dalam Mesyuarat boleh menambah, meminda atau membatal akan Undang-undang ini pada bila-bila masa yang difikirkan patut adanya.

Pelajaran Sekolah Arab bermula dalam tahun 1925 dan [(Sekolah Inggeris pada tahun 1920- P.)] , dengan tiada suatu pelajaran dan pekerjaan dengan kelakuan yang malas itu, tiada menjadi larangan dan lagi apabila seorang dagang atau orang putih yang datang ke negeri itu maka beratus-ratus orang dan kanak-kanak berlari pergi mendapatkan berkerumun kepadanya tindih-menindih maka masing- masing meninggalkan pekerjaannya yang patut ia mencari kehidupannya dan kehidupan anak isterinya, datang berhimpun, bukankah itu kelakuan yang tiada hormat dan kasar itu tiada mengapa, dan lagi sepanjang jalan dan lorong penuh dengan sampah dan kotor dan becak dan semak-semak penuh dengan ular, hampir-hampir harimau pun boleh tinggal itu tiada mengapa?

Syahadan, maka jikalau kiranya seorang dagang yang baharu datang dengan memakai pakaian kuning atau payung sebab ia hendak berteduh daripada panas kepalanya adakah menjadi sesuatu kehinaan atau kekurangan kepada raja itu? Maka jikalau demikian adalah seolah-olah hendak mencari kemuliaan dan kebesaran daripada perkara yang keluaran dan kecil, bukannya dari perkara yang di dalam hati raja-raja dan keadilan raja-raja itu. Maka jikalau demikian itu adanya, maka bahawa sesungguhnya nyatalah raja-raja itu takut barangkali tiada orang memberi hormat dan membesarkan dia dalam hatinya sebab lalai dan alpa raja daripada hukum dan perintahnya itu, maka sebab itulah ia menggagahi orang menyuruh memberi hormat dan memuliakan dia juga dengan perkara yang tersebut itu. Maka jikalau kiranya raja-raja yang bijaksana dan yang bangsawan, yang berkehendakkan kemenangan dunia akhirat itu,

bahawa seharusnyalah ia memeliharakan dirinya, daripada kekejian serta memeliharakan pula akan segala rakyatnya, sambil melakukan hukum yang adil, supaya sejahteralah segala mereka itu daripada aniaya dan celaka dan kepapaan, sebab segala mereka itu bernaung di bawah panji-panji keadilannya itu, maka adalah pada ketika itu kelak nescaya lekatlah kasih dan kenangan dalam hati mereka itu, bukanlah segala jenis hormat yang terbit dari hati terutama adanya kepada raja-raja itu daripada larangan atas perkara yang terkecil lagi sia-sia itu. Bahawa bukankah harus segala raja-raja itu menghukumkan atas perkara yang mendatangkan dosa sahaja? Maka sekali-kali tiada harus ia menghukumkan atas perkara yang tidak mendatangkan dosa kepada Allah, dan durhaka kepada raja-raja dan salah kepada manusia seperti larangan yang tersebut itu adanya. Maka kemudian berjalanlah saya naik ke darat, mengikut lorong orang hendak ke pasar, maka adalah lorongnya itu tiada sampai sedepa bengkang-bengkok ada tempat titian, ada tempat becak, ada kotor dan ada tempat semak-semak dengan pohon-pohon, lorongnya seperti ular kena palu adanya.

Maka saya lihat kampung-kampung dan rumah-rumah mereka itu sekalian congkah-mangkih dengan tiada beratur dan tiada sama, masing-masing punya suka dan pagarnya bengkang-bengkok, maka adalah rumah mereka itu atap lagi tinggi, maka penuh dengan kotor di keliling rumahnya sampai ke bawah rumahnya penuh sampah dan lembahan, maka kebanyakan rumah saya lihat bertimbun sabut-sabut di bawah rumahnya sebab malam-malam ia membuat asap nyamuk. Maka adalah pada tiap-tiap rumah dan kampung mereka itu penuh dengan pohon kelapa dan lagi tiap-tiap kampung itu ada madrasah itu pun atap juga dan lagi sekalian rumah mereka itu tiada sama hadapnya ada yang membelakang jalan ada yang mengiring jalan, ada yang berhadapan, ada yang tempat jalannya selulus-lulus orang sahaja, maka ketika saya berjalan itu ada melalui kedai-kedai orang yang jual makanan sedikit-sedikit dan penganan, cucur, rendang pisang dan keladi rebus dan penganan talam dan buah Melaka (ondeh-ondeh P.) dan korea (badak sira P.) dan tepongmanis, tetapi semuanya perempuan sahaja, maka bertemulah saya dengan gajah lima enam ekor ada ditambat dengan rantai di kakinya, raja punya, maka adalah yang saya lihat burung yang terbanyak di dalam negeri itu gagak, maka adalah kelihatan sepanjang jalan dan lorong dan dusun dialah serta dengan jinaknya.

Bermula adalah negeri ini kebanyakan tanah yang rata daripada tanah tinggi maka segala tanah yang dekat di negeri itu bercampur pasir dan yang di darat dan dusunnya semuanya tanah liat, sebermula maka adalah di hadapan Kampung Raja (di dalam kawasan Istana Maziah sekarang P.) ditengah-tengah

negeri sebuah bukit tiada berapa besarnya maka adalah kira-kira tingginya dua tiga puluh depa maka di atasnya itulah ada suatu tiang bendera tetapi bukit itu pun penuh dengan semak-semak juga (Bukit Puteri P.). Maka kampung dan rumah negeri itu seberang menyeberang sungai itu, maka adalah khabarnya Hulu Sungai Terengganu itu bertemu dengan Hulu Sungai Kelantan, kemudian sampailah saya di Kampong Yamtuan, maka saya lihat rumahnya rumah batu ada kira-kira tiga puluh kaki lebarnya maka bangunnya rumah itu seperti rumah Cina. Maka segala temboknya rumah itu penuh kotor ludah sirih dan lumut-lumut dan lagi ada sebuah rumah batu tempat menaruh dagangan dan lagi ada sebuah rumah batu orang Cina namanya Ah Cheng Koh, masuk Islam namanya Encik Saleh maka ialah yang kaya dalam Terengganu ada dua tiga puluh laksa ringgit konon khabarnya. Sebermula adalah pada masa ini Yang Dipertuan Terengganu itu telah mangkat, maka anaknya menjadi Yamtuan, lagi muda, maka adalah kira-kira umurnya lima belas tahun ialah menggantikan kerajaan marhum itu namanya Sultan Muhammad ibni Sultan Mansur Shah. Maka adalah kelakuan raja yang baharu ini terlebih pula daripada raja yang telah lalu itu, kerana tiada ia mempunyai ilmu dan belum sampai akal, dan lagi yang saya dengar khabarnya kebanyakan aniaya raja-raja yang dahulu-dahulu dalam Terengganu itu sebab mengambil anak bini orang istimewa kepada perempuan-perempuan orang Cina adanya, kemudian sampailah saya ke pasar, maka saya lihat sunyilah pasar itu maka ada pondok-pondok atap serta balai-balai kiri kanan lorong itu semuanya kosong belaka maka saya bertanya kepada orang-orang di situ. "Mana pasar?" Maka katanya, "Inilah semuanya pasar, sekarang condong-condong matahari tuan datang, boleh dapat apa-apa suka". Sebermula maka adalah pasar itu pada petang sahaja maka sekalian orang yang berkedai dan berjaja daripada jenis-jenis makanan dan pakaian itu semuanya perempuan belaka.

Maka adalah adat mereka itu apabila condong matahari maka segala perempuan yang dalam negeri dan yang di dusun-dusun dan yang di hulu masing-masing menjunjung bakul di kepalanya. Maka adalah dalam bakul itu barang jenis makanan atau pakaian datanglah di pasar itu, duduk berkedai, maka barangsiapa yang hendak membeli barang sesuatunya waktu itulah hingga sampai masuk matahari, maka masing-masing pun kembalilah ke tempatnya, maka sunyilah pasar itu sampai esok pada waktu yang tersebut itu pula, maka namanya pasar itu pasar "Kampung Laut" (dikatakan pasar itu letaknya tidak berapa jauh dari Kedai Hilir sekarang iaitu berhampiran Nisan Empat - P.).

Bermula segala makanan dan sayur-sayur dan ikan semuanya murah. Maka adalah limau penawar itu pada waktu musimnya dua ratus seringgit. Maka adalah saya lihat terlalu banyak pohon limau manis itu dalam segala dusun dan

kampung. Adalah lima enam jenis bangsa limau itu masing-masing dengan harganya. Syahadan lembu kambing dan biri-biri itik ayam pun murah belaka, harga seekor kambing seringgit tetapi sungguhpun segala perkara itu murah maka tiadalah mereka iaitu gemar memakan daging dan minyak sapi, melainkan ikan dan sayur dan perkara yang busuk-busuk seperti tempoyak dan pekasam dan petai dan jering dan sebagainya, dan ulam-ulam itulah benda yang terlebih banyak kelihatan di dalam pasar itu. Syahadan maka adalah wang belanja negeri Terengganu itu tiga ribu delapan ratus empat puluh pitih timah yang ada termeteri di dalamnya. "Malikul Adil" dipakai satu ringgit. Maka adalah besarnya pitih itu seperti satu duit kita juga adanya.

Syahadan maka adalah dagangan yang keluar dari Negeri Terengganu itu emas dan timah dan kawa. Maka adalah kawa itu keluar pada setahun kira-kira seribu pikul dan lada hitam seribu atau dua ribu pikul setahun dan pinang kotai ada keluar dua ribu atau tiga ribu pikul setahun dan lagi ada keluar kain sutera dan sarung yang halus-halus dan kain sutera bercampur benang, dan seluar sutera baju dan ikat pinggang, dan saputangan sutera dan lagi jenis-jenis senjata seperti keris dan pedang dan lembing tombak dan lagi seperti gula dan nyiur dan minyak sapi dan rotan dan damar dan sebagainya.

Sebermula maka adalah dagangan yang boleh laku di negeri Terengganu itu apiun, dan kain giras dan kain putih panjang delapan puluh dan kain kesumba merah sedikit-sedikit dan cita Eropah dan benang Eropah merah putih biru, hitam, pinang masak sedikit-sedikit adanya. Maka abdi atau hamba tidak banyak dalam negeri itu. Maka adalah pada sangka saya segala rakyat yang dalam negeri itu masing-masing kedudukannya itu seperti abdi juga adanya sebab segala mereka itu menurut adat yang jahat-jahat dan bodoh itu. Maka jikalau sekalipun ia hendak melepaskan adat-adat itu tidak berani ia, kemudian berjalanlah saya masuk Kampung Cina, maka bertemulah saya dengan jambatan papan, ada lebarnya sedepa dan panjangnya lima enam depa. (Sudah dijadikan jambatan batu dan ditambak - P.). Maka di hadapan jembatan itu ada satu tembok terdinding, maka ada satu pintunya lebih-lebih sedepa lebarnya, maka saya masuk, maka ada rumah kedai-kedai kecil daripada batu kiri kanan semuanya Cina belaka. Kemudian masuklah saya berdua Grandpre ke rumah Kapitan Tua, maka saya lihat keliling rumah itu bertembok, maka masuklah saya kedua, maka saya lihat rumahnya itu rumah batu, bangunannya seperti rumah tempat berhala Cina lagi dengan berbilik-bilik banyak kiri dan kanan dan belakang panjang penuh kelapa maka keluarlah bini Kapitan Cina itu terlalu tuanya, ada kira-kira tujuh delapan puluh umurnya dan matanya pun tiada kelihatan lagi. Maka duduklah saya berkhabar-khabar kepadanya dari hal negeri Singapura maka adalah orang tua

itu terlalu baik budi bahasanya lagi dengan manis perkataannya maka sekali-kali tiada telornya seperti Cina, melainkan seperti orang Melayu adanya, maka sebentar duduk, maka dikeluarkan air teh dan limau manis disuruhnya makan maka keluarlah segala anak buahnya perempuan-perempuan maka saya lihat kelakuan mereka itu dan pakaian mereka itu dan perkataan mereka itu dan tabiatnya semuanya seperti Melayu, serta dengan baik budi bahasanya serta katanya, "Duduklah tuan, sebentar, nanti saya suruh ambilkan kelapa muda," maka saya memberi terima kasih serta berkata: "Tiada mengapa kapitan, kerana saya mahu belayar lekas tiada boleh menanti-nanti". Lalu saya memberi tabik dan hormat maka katanya, "Tuan kenal-kenallah, ada cucu saya dua orang ini ia selalu belayar ke Selat, kalau tuan bertemu tuan tolonglah lihat-lihatkan dari hal baik jahatnya". Maka adalah segala Cina yang kelihatan dalam Terengganu itu Hukien dan Kek bercampur-campur, maka kebanyakan bahasa itu bahasa Melayu daripada Cina. Maka anak-anak mereka itu pun kebanyakan berbahasa Cina daripada bahasa Melayu. Maka orang Cina pun terlebih banyak di hulu negeri itu daripada yang dalam negeri. Syahadan maka saya berjalan itu masuk kepada lorong lain maka bertemulah dengan masjid, maka adalah masjid itu daripada batu di di bawahnya dan atapnya papan, (Masjid Abidin sebelum dibaharu - P.). Maka tembok kelilingnya batu adanya, maka tiadalah banyak orang Arab dalam negeri itu melainkan dua tiga orang sahaja entah apakah sebabnya itu tiadalah saya ketahui adanya. Syahadan dalam Negeri Terengganu itu tiadalah tempat orang mengajar bahasa Melayu melainkan ada enam tujuh anak-anak dalam satu-satu rumah mengaji Quran sahaja. Kalkian maka adalah bahasa mereka itu bahasa Melayu tetapi bunyinya bahasa itu berlainan daripada bunyi Melayu dan canggung pada telinga dan pelat mereka itu hampir-hampir seperti pelat Kedah, maka kata kita, "tuan" katanya "tuang" maka kata kita, "Allah" katanya, "Alloh" kata kita, "jangan" katanya "jangang" kata kita, "bulan" katanya "bulang" tetapi pertuturannya sahaja demikian, maka apabila ia menyurat betullah hurufnya seperti kita adanya. Tetapi adalah sedikit orang dalam antara mereka itu yang pandai menulis, lagipun bagus bekas tangannya menulis Arab seperti Quran dan kitab-kitab bahasa Arab, maka jarang yang dalam bahasa melayu. Maka sebab itu kebanyakan terpuji Quran Terengganu itu dalam negeri lain-lain, syahadan di antara mereka itu adalah dua bahagi yang tiada tahu mengaji dan sebagai yang tahu dan empat bahagi yang tiada tahu membaca surat Melayu dan sebahagi yang tahu.

Syahadan suatu hairan kepada saya melihatkan perahu pengail mereka itu boleh muat empat lima koyan, maka orangnya dalam sebuah perahu itu tiga empat puluh, maka dibawanya pukatnya itu di tengah-tengah laut dalam lima

belas dua puluh depa, maka turunlah seorang dalam laut itu melihat tempat ikan banyak dan mendengar bunyinya maka jikalau ada banyak ikan baharulah ia naik ke perahu, maka dibuangnya pukatnya itu adanya. Bermula saya lihat hal orang-orang di dalam negeri itu miskin belaka lagi dengan kelakuan malas dan lalai sepanjang hari, dan lagi kebanyakan pula anak raja-raja dan hamba raja pada tiap-tiap kampung dan jalan, dan pakaian mereka itu tiada bagus, penuh dengan daki dan kotor badannya, tetapi pada tiap-tiap orang ada empat lima batang campak buang[158] dan sebilah keris dan satu cenangkas,[159] itulah kerjanya memikul senjata ke hulu ke hilir, maka perempuan-perempuan mereka itu bekerja dan berkedai dan menjaja dan membuat segala pekerjaan akan mencari kehidupan. Tetapi laki-lakinya semuanya malas dengan makan tidur dan membaiki senjata, itulah kerjanya orang dalam negeri itu, maka saya lihatlah tanahair mereka itu terlalulah eloknya, akan bertanam dan memeliharakan binatang akan mencari kehidupan terlalu bagus, maka jikalau kiranya tanah yang seelok itu dalam negeri lain nescaya menjadi kaya semua orang tiada yang miskin lagi. Syahadan adalah sebab segala perkara ini jadi sebab aniaya rajanya dan tidak betul perintahnya. Maka pecahlah hati segala rakyat maka adalah pada fikiran mereka itu baiklah aku miskin demikian tiada susah,dapat pagi makan pagi, dapat petang makan petang, dan kalau ada berharta atau berumah baik atau berladang dan berkebun besar, nescaya dicarikan raja suatu jalan diambilnya dan dipinjamnya atau dipintanya, maka jikalau tiada diberi, dirampas dan kalau melawan habis sekelian anak buah dibunuhnya, dan didendanya, itulah sebabnya negeri Terengganu itu tiada ramai dan segala orang datang pun takut masuk, dan segala saudagar pun tiada. Maka khabar yang demikian itu pun termasyhurlah kepada negeri-negeri yang lain adanya. Maka adalah apabila saya melihat hal perempuan-perempuan itu berkedai di pasar dan berjaja dan mencari kehidupannya itu terlalu susah hati saya, kerana perkara yang tersebut itu semuanya patut pekerjaan lelaki sebab maka apabila perempuan itu mengerjakan pekerjaan lelaki dan meninggalkan rumahtangganya berhari-harian nescaya tinggallah anak-anaknya dengan sekehendak hatinya menggelumang dengan kotor dan sejuk dan basah kering, maka sebab yang demikian itulah datang berbagai-bagai penyakit dan jatuh dan bengkak-bengkil dan lemah-lemah badannya dan penuh dengan kudis dan puru dan luka-luka dan sebagainya maka bukankah patut setiap hari perempuan-perempuan itu tinggal di rumahnya, serta dengan memeliharakan makan minum suaminya, dan

---

158 Lembing diperbuat daripada kayu.


159 Pedang Lurus.

memeliharakan anak-anak daripada segala bahaya-bahaya tersebut itu, dan daripada berkampung dengan anak-anak yang jahat-jahat itu dan menyucikan kampung halamannya dan rumahtangganya, maka jikalau kiranya lelaki itu pergi mencari kehidupannya dan berbuat segala pekerjaan yang mendatangkan faedah baginya dan bagi isi rumahnya iaitu bukankah beberapa lebih berani daripada orang memikul senjata berhari-harian sepanjang-panjang jalan pada waktu sentosa seperti anak-anak berjalan berbuntut-buntut yang tiada mendatangkan pergunaan dan kebajikan adanya, sebab orang yang boleh melawan akan nafsunya yang malas dan bercerita-cerita dan makan tidur itulah orang yang berani, kerana segala orang yang hina dan penakut itu pun boleh memikul senjata adanya. Maka kemudian berbalik pula fikiran saya jangan pula kalau-kalau orang itu membuangkan adat-adat yang seperti perempuan-perempuan mencari kehidupan itu barangkali pula menjadi harimau ganas dan buaya pun ganas, seperti di Pahang itu datang kelak memakan orang sekalian dalam negeri Terengganu ini pun adanya. Hatta setelah petang hari maka turunlah saya ke perahu hendak belayar, maka datanglah cucu Kapitan Cina ke perahu, namanya Baba Teh Lee dan Baba Cheing Kiat serta membawakan sepuluh buah nyiur muda dan remis asin dalam satu cepu dan minyak sapi satu cepu dan tebu dua berkas kemudian hendak belayar tiada boleh air pasang arus terlalu deras. Maka adalah kira-kira pukul sembilan malam maka keluarlah belayar semalam-malaman itu".

Demikianlah pandangan seorang pengarang Melayu yang termasyhur lebih seratus lima puluh enam tahun dahulu tatkala beliau meninjau sepintas lalu melawat Kuala Terengganu. Tentulah keadaan pada masa itu jauh berbeza dari keadaan pada hari ini. Pandangan sepintas lalunya tentulah tidak sama natijahnya jika dikaji secara mendalam mengenai sesuatu hal atau keadaan. Lebih-lebih lagi lawatan itu terlalu singkat masanya dan larangan yang dikatakan itu adalah dalam kawasan hak perseorangan atau hak kawasan kepunyaan Pemerintah. Selain dari itu pandangan yang diberi oleh Munsyi Abdullah itu masih banyak yang boleh dipersoalkan.

Pemerintahan Baginda Sultan Umar

Setelah tampuk pemerintahan negeri tetap di dalam kekuasaan Sultan Umar, maka baginda pun mulai mengatur pentadbiran pemerintahannya dan melaksanakan kemajuan apa yang dapat diusahakan. Baginda dikatakan seorang yang luarbiasa keadaannya. Badannya tinggi, dan gagah sasa, biasanya memakai tanjak dan beberapa tahun lamanya menggunakan senjata meriam



Istana Marhum Baginda Sultan Umar – Sultan Terengganu Yang Kesembilan – dilukiskan oleh Datuk Seri Nara Wangsa (Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim) Didirikan dalam tahun 1865M.

kecil sepanjang enam kaki dijadikan sebagai tongkatnya ketika berjalan-jalan. Sesudah berjalan-jalan, meriam tongkat itu disandarkan di tangga istananya.

Penulis masih ingat, lebih kurang lima puluh tujuh tahun yang lampau, dapat melihat sebuah potret baginda yang dilukis dengan cantiknya oleh Dato' Seri Nara Wangsa (Dato' Mata-Mata) yang sempat berada di zamannya. Dari lukisan itu, menunjukkan bagaimana hebatnya perwatakan Marhum Baginda. Di dalam masa pemerintahannya, baginda telah membina sebuah istana bernama 'Istana Hijau' (Kira-kira pada 7 Zulhijjah 1281H (3.5.1865M), sebagai menggantikan istana lama, iaitu Istana Sultan Mansur II yang didirikan kira-kira tahun 1882. Baginda telah mendirikan juga Masjid Abidin dengan binaan batu dan dirombak bangunan asal daripada kayu yang menurut ceritanya, didirikan dalam masa pemerintahan Sultan Zainal II. Selain daripada itu, baginda telah membina beberapa jalan raya yang asasnya masih kekal sehingga hari ini. Balai istananya dijadikan tempat menjalankan keadilan, memutuskan guaman-hukuman dan perbicaraan setiap hari.

Baginda boleh dikatakan memberi kebebasan penuh kepada hamba rakyat untuk mengadapnya dan mengadu terus sesuatu hal. Walaupun baginda kurang tahu menulis dan membaca, tetapi sangat menaruh perhatian berat terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan kebajikan. Wakaf-wakafnya masih berjalan hingga ke hari ini dikenali "Wakaf Marhum Baginda"[160] bagi kepentingan pelajaran dan ilmu pengetahuan. Dengan sebab itu banyak penuntut-penuntut ilmu dan tukang-tukang dari lain-lain negeri datang ke Terengganu untuk mengajar penduduk negeri. Baginda telah pernah juga memerintah supaya orang-orang melombong bijih di Kemaman dan melombong emas di Hulu Nerus dan baginda sendiri pula telah melawat segenap ceruk liku negeri yang di dalam takluk pemerintahannya. Di dalam masa pemerintahannya, baginda telah menghapuskan adat menghantar 'Bunga Emas' ke Siam tetapi masih berhubung baik dengan kerajaan negeri itu pada tahun 1857.

Bantuan Peperangan Saudara di Pahang

Peperangan saudara telah berlaku di Pahang bermula dalam tahun 1857 di antara Tun Mutahir (anak Bendahara Tun Ali) dengan saudaranya, Encik Wan Ahmad kerana merebut kekuasaan pemerintahan selepas kematian ayahandanya. Baginda Sultan Umar telah mencampuri pertelingkahan di Pahang

160 Sepucuk surat warkahnya ada diabadikan di dalam buku ini

itu dan memberi bantuan kepada pihak Encik Wan Ahmad yang pada masa itu sedang bertapak di Kemaman[161] hingga orang-orang Kemaman telah sama melanggar Pahang di dalam bulan November tahun 1857. Undur mara, kalah menang dan serang menyerang di antara dua saudara itu telah berlaku beberapa kali. Tujuh hari lamanya orang-orang Kemaman dan pengikut-pengikut Encik Wan Ahmad itu telah menyerang Pekan serta merampas harta benda musuh-musuh mereka orang-orang di situ,[162] tetapi akhirnya serangan-serangan yang dilancarkan oleh Encik Wan Ahmad itu gagal. Oleh kerana baginda telah mengambil bahagian yang cergas membantu Encik Wan Ahmad, maka baginda telah menerima bantahan daripada Temenggung Abu Bakar Johor dan Temenggung ini sendiri datang ke Terengganu serta merayu kepada baginda, namun begitu baginda meneruskan juga bantuannya. Akhirnya di dalam bulan Jun 1863 Encik Wan Ahmad telah melanggar Pahang, dan berjaya mengalahkan saudaranya Tun Mutahir yang ditentangnya dari sejak tahun 1857.

Surat Dari Resident Consular Singapura

Berhubung dengan bantuan Baginda Sultan Umar kepada Wan Ahmad, maka Resident Consular Singapura telah menghantar sepucuk surat kepada baginda. Bunyi surat itu menurut salinan yang ada di dalam simpanan penulis dengan tulisan Jawi seperti berikut:

ALMUSTAHAK

"Surat tulus dan ikhas serta kasih dan sayang yang tiada berkesudahan selagi ada peredaran cakerawala matahari dan bulan daripada kita Tuan Berhormat Henry Somerset Meckenzie Esqueire Resident Consular Singapura, barang diwasalkan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya kepada sahabat kita al Sultan Umar ibni Ahmad al Marhum yang mempunyai takhta Kerajaan Negeri

161 Di dalam pertengahan bulan Mei 1858M, Gabenor Singapura telah datang melawat ke Negeri Pahang berjumpa Tun Mutahir dan ke Terengganu berjumpa Sultan Umar di Kuala Terengganu, pada 7 haribulan Mei (1858) Semasa Gabenor itu di Kuala Terengganu ia telah meminta kepada Sultan Terengganu supaya mengeluarkan Encik Wan Ahmad dari Kemaman. Baginda telah memanggil Encik Wan Ahmad di Kemaman datang ke Kuala Terengganu. Panggilan itu telah dipatuhi oleh Encik Wan Ahmad, dan ia pun datang ke Kuala Terengganu. Tetapi setelah Gabenor itu balik ke Singapura, Encik Wan Ahmad pun balik semula ke Kemaman meneruskan persiapan hendak melancar serangan kedua kali ke Negeri Pahang (Haji Buyung Adil,) Sejarah Pahang. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1972 m s 128

162 Haji Buyung Adil, ibid m s 123

Terengganu Darus Salam dengan tersangat adil dan bijaksana masyhur kepujian, adil budiman murah dermawannya pada segala sahabat handai dan taulannya karib dan baid. Waba'dah dari itu ehwal adalah kita sudah terima surat daripada sahabat kita pasal mengkhabarkan peri yang jadi kemalangan ke atas Encik Wan Ahmad itu. Maka kita memberitahukan sahabat kita kerana memberi pernaungan kepada orang-orang dari Pahang yang membawa tumpang berlindung dirinya di negeri sahabat kita dan beberapa banyak orang yang sudah masuk ke dalam Singapura ini sudah dijaga peliharakan juga kepada mereka itu. Syahadan lagi Temenggung Johor ia sudah beritahu kepada Tuan Corner menyatakan sahabat kita sudah memberi pertolongan kepada Encik Wan Ahmad itu tetapi Government di sini tiada mahu percaya dan kenyataan pun tiada hendak mengatakan sahabat kita boleh perbuat kerja yang demikian itu dengan tiada memberi khabar dahulu. Maka Tuan Corner tiadalah mahu mendengarkan khabar-khabar itu maka Tuan Corner hendak mari sendiri ke Terengganu pada akhir-akhir bulan ini. Sebagai lagi diri sahabat kita nyata raja tiada di bawah perintah siapa-siapa sahabat kita boleh berkuasa buat peperangan atau membuat perdamai-damaian dengan tiada usah lagi kebenaran daripada pemerintah Inggeris tetapi sekadar pada jalan muhibbah yang sebegitu lama sudah ada patutlah juga diberitahu barang yang hendak diperbuat nyatakan kepada Government di sini memanjangkan jalan muhibbah adanya. Seperkara lagi di dalam bulan November lalu sepucuk surat dan bulan April ini sepucuk pula kita sudah hantar mari kedua pucuk surat sama bunyinya tersebut mengatakan Temenggung di sini tiada boleh ia masuk kepada sesuatu bicara ampunya negeri lain-lain dengan tiada kebenaran daripada Tuan Pemerintahan di sini, maka akan surat-surat ini sampai sekarang belum lagi kita dapati jawabnya daripada sahabat kita. Hal inilah dita'rifkan. Diperbuat surat pada sembilan belas haribulan April, sanah 1858=15 Ramadan 1274.

Dalam bulan Julai 1862 Gabenor Singapura (Cavenagh) ada menghantar sepucuk surat bantahan kepada Sultan Umar kerana baginda memberi bantuan dan perlindungan kepada Encik Wan Ahmad tetapi baginda tidaklah mengambil kisah.

Melawat Singapura

Di dalam bulan Mac 1861, baginda telah melawat Singapura dan berjumpa dengan Gabenor Cavenagh. Baginda telah meminta pihak British campurtangan menolong mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negeri Terengganu dari ancaman Siam, sambil menegaskan bahawa Terengganu adalah sebuah

negeri yang merdeka lagi berdaulat. Ini dijangka, bahawa kebimbangan baginda mengenai ancaman Siam ialah berpunca dari penghapusan adat menghantar 'Bunga Emas' ke negara itu.

Sultan Mahmud Lingga Meminta Bantuan

Di dalam tempoh tersebut, Sultan Mahmud Lingga (anak saudara baginda) yang dipecat oleh Belanda[163] telah balik dari Siam, dan mendapat bantuan dari negeri itu, ada datang ke Terengganu. Kedatangannya bertujuan meminta bantuan dan pertolongan dari baginda supaya dapat mengambil balik takhta kerajaannya kerana pihak Belanda telah melantik Raja Haji Abdullah menjadi Yang Dipertuan Muda dan Tengku Sulaiman Putera Almarhum Sultan Abdul Rahman menjadi Yang Dipertuan Besar. Tetapi baginda enggan mencampuri hal ehwal di Pulau Riau itu. Oleh yang demikian, Sultan Mahmud pun pergi semula ke Siam kerana meminta bantuan di sana dan di dalam bulan Julai tahun 1862, datang kembali ke Kuala Terengganu dengan beberapa buah kapal Siam tetapi kapal-kapal itu telah berlepas ke Singapura dengan meninggalkan Sultan Mahmud di darat apabila sebuah kapal perang Inggeris tiba di Terengganu pada waktu itu.

Mengenai perkara ini, Konsol British di Bangkok, Sir. R.H. Schamburgh telah menulis surat kepada Gabenor di Singapura pada 16hb. Julai 1862 menerangkan bahawa baginda Raja Siam menghantar bekas Sultan Lingga ke Terengganu ini bukanlah untuk menjadi bakal pemerintah Terengganu, bahkan pemergiannya ke negeri itu ialah kerana bondanya ada di sana. Beliau tidak dibenarkan campurtangan atau mempengaruhi pemerintahan Terengganu, jika sekiranya baginda Sultan Terengganu mangkat dan rakyat negeri itu hendak melantik Sultan Mahmud menjadi raja, maka baginda Raja Siam tidak akan campurtangan.

Menurut cerita adalah dikatakan apabila Sultan Mahmud telah naik ke darat dengan beberapa orang askar Siam, maka Baginda Sultan Umar ada menawarkan takhta kerajaannya kepada anak saudaranya itu. Kejadian ini, tidaklah dapat diketahui sama ada maksud baginda itu untuk menunjukkan kemurahan hati ataupun untuk mengelak perang saudara sekali lagi, tetapi difahamkan nyatalah pihak British ada menaruh pandangan yang berat di atas peristiwa tersebut. Akhirnya pihak British menulis surat kepada Kerajaan Siam minta menghantarkan kapal untuk membawa balik Sultan Mahmud itu, tetapi permintaan ini tidak diendahkan oleh Raja Siam.

Kuala Terengganu Diserang

Pada 8 November 1862, Kolonel Maxperson tiba di Kuala Terengganu dari Singapura dengan kapal perang H.M.S. Coqutte diiringi oleh kapal perang H.M.S. Scout. Beliau telah meminta Sultan Mahmud Muzaffar menaiki kapal itu untuk belayar ke Siam. Tetapi Sultan Mahmud enggan kerana katanya beliau tiada menerima apa-apa surat atau perintah daripada Raja Siam. Gabenor Singapura telah mengutus surat kepada Sultan Terengganu pada 5hb. November (1862) mengenai perkara ini, mendesak supaya baginda memerintahkan bekas Sultan Lingga itu dihantar ke Siam atau menarik balik orang-orangnya membantu Encik Wan Ahmad, kalau tidak Pantai Terengganu akan dibedil.

Sebelum itu dalam bulan September 1862 Gabenor Singapura telah mengutus sepucuk surat kepada Sultan Terengganu, menyalahkan baginda membenarkan Encik Wan Ahmad dan bekas Sultan Lingga berada di Terengganu, kerana telah sampai perkhabaran kepada beliau menyatakan baginda ada memberi bantuan kepada Encik Wan Ahmad sebanyak 99 pucuk meriam dan empat puluh tong ubat bedil. Menurut cerita, khabarnya Sultan Umar sendiri ada turun ke kapal perang Inggeris sebelum bandar Kuala Terengganu diserang kerana berjumpa dengan pihak yang berkuasa Kerajaan British mengenai pertikaian ini. Kemudian setelah baginda berangkat naik ke darat selepas rundingan itu dan tempoh yang diberi selama 48 jam telah tamat, serta Sultan Mahmud tidak dibawa turun juga, maka Bandar Kuala Terengganu pun diserang dari laut. Sekalian rakyat di dalam bandar melarikan diri ke hulu.[164] Tidaklah dapat dipastikan dengan sebenarnya tentang kemalangan penduduk bandar Kuala Teengganu akibat dari tembakan meriam dari laut itu kerana ada cerita menyatakan tidak ada yang mati seorang pun dan ada cerita lain pula menyatakan ada yang mati seramai 20 orang. Serangan itu berlaku pada 11 dan 12 November (1862). Maka peristiwa ini dinamakan "Peperangan Residen" yang terkenal ceritanya di kalangan orang-orang tua di Kuala Terengganu. Selepas dua hari bandar Kuala Terengganu dibedil, maka Sultan Mahmud yang pada waktu itu menyelamatkan dirinya di darat telah bersetuju menerima nasihat bapa saudaranya Sultan Terengganu,lalu pergi ke Besut dalam bulan Mei 1863, kemudian menaiki sebuah kapal Siam terus belayar ke Siam. Tidak lama

164 Sultan Umar melindungkan diri di Pulau Rusa. Tembakan bermula jam 12 tengahari pada hari pertama dan berhenti selepas dua jam, kemudian bermula semula hingga 5.00 petang. Pada hari kedua, bermula di sebelah pagi sebanyak 12 das. Kemudian kapal perang itu belayar ke Singapura dan angin pun turun serta keadaan laut pun bergelora. (Dari catatan kisah oleh Dato' Seri Nara Wangsa)

kemudian, beliau berangkat ke Pahang dalam tahun 1864 dan mangkat di sana di dalam tahun itu juga ketika usianya lebih kurang 41 tahun.

Berkenaan peristiwa "Peperangan Residen", buku (His. of Tr.[165]) diantara lain ada menyebutkan bahawa kedatangan kapal perang itu ke Terengganu ialah dengan perintah Gabenor Singapura Sir Cavenagh yang menerima rayuan dari Perwakilan Dewan Perniagaan Singapura. Perwakilan itu menyatakan bahawa bekas Sultan Mahmud telah membantu Encik Wan Ahmad ketika menyerang Pahang. Maka dengan sebab bantuannya itu, perniagaan mereka dengan Pahang telah terkandas. Sebenarnya, Perwakilan Dewan Singapura itu telah dipengaruhi oleh Temenggung Abu Bakar Johor yang merasa curiga kepada Sultan Mahmud sebagai sifatnya, wakil Kerajaan Riau-Johor dahulu. Gabenor Singapura itu nampaknya menyebelahi segala prasangka ini.

Mengenai tembakan ini, boleh jadi dimaksudkan untuk menghancur pengkalan-pengkalan perahu yang disediakan oleh Encik Wan Ahmad yang hendak menyerang Pahang dan dihalakan tembakan ke arah Bukit Puteri pula, ialah kerana dijangka tempat itu akan digunakan oleh bekas Sultan Mahmud sebagai kubunya, jika beliau merampas Kerajaan Terengganu kelak.

Bagi pihak ketua angkatan laut Inggeris yang menyerang dan menembak Bandar Kuala Terengganu itu dikatakan tidak menyebelahi mana-mana pihak pun, kerana apabila beliau dipaksa melepaskan tembakan ke atas sebuah pekan yang begitu terdedah, beliau telah mengirim bantahan yang keras ke London, tetapi jawaban yang diterima daripada Setiausaha Tanah Jajahan menyatakan, "Tembakan ini telah dilakukan dalam keadaan yang gopoh".

Mengenai peristiwa ini juga, W.H. Read seorang Inggeri yang terkenal di Singapura telah menulis di akhbar "Singapore Free Press" menyatakan, ada lebih kurang 20 orang mati terbunuh di Kuala Terengganu, tetapi lapan orang daripadanya tidaklah kena tembakan itu. Tujuan Inggeris akan berhasil, kiranya terus menangkap Bekas Sultan Lingga dan, ini boleh menyelamatkan banyak nyawa orang-orang yang tidak berdosa.

Tembakan ke atas bandar Kuala Terengganu itu telah merosakkan harta-harta yang bukan kepunyaan Sultan Terengganu.

Seorang pembesar Inggeris, (Lord John Henry) telah membawa peristiwa tembakan bandar Kuala Terengganu ke dalam Dewan Orang Ramai di London pada 10 Julai 1863. Kecaman-kecaman telah dituju kepada Gabenor Cavenagh

---

165 M C H Sheppard Op Cit m s 33 34

dan beliau dipersalahkan. Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British telah mengutus surat mengenai perbuatan Gabenor Cavenagh sebagai gopoh.[166]

PEPERANGAN BESUT

Sejarah Besut

Besut adalah sebuah daerah dalam Negeri Terengganu yang letaknya di bahagian utara bersempadankan Negeri Kelantan. Daerah ini adalah yang keempat besarnya antara enam daerah dalam Negeri Terengganu, luasnya kira-kira 1978.76 km persegi. Penduduknya dalam tahun 1970 lebih kurang 79,240 orang dan hampir 95% orang-orang Melayu.


Sejarah awal Besut masih kabur dan tiada keterangan-keterangan atau bukti-bukti bertulis dengan jelas menerangkan perihal daerah ini. Menurut cerita lisan dari orang-orang tua yang didengari, maka nama Besut adalah terbitan dari nama ketua seorang pangan atau sakai. Daerah ini dahulunya diperintah oleh seorang ketua lanun yang khabar gelarannya "Raja Sang Nyana". Dengan keadaan kedudukan geography Besut pada zaman dahulu boleh menjadi tempat sarang lanun dengan adanya pulau-pulau yang berhampiran dengan pantainya iaitu Pulau Ru. Manakala Bukit Keluang pula yang terletak sebahagiannya di gigi air di tepi pantai yang jauhnya lebih kurang 6.44 km daripada Kuala Besut mempunyai beberapa buah gua batu adalah dijangka sesuai menjadi tempat perlindungan lanun-lanun di zaman dahulukala.

Tiada beberapa lama kemudian, sekumpulan pedagang dari Patani telah datang ke Besut diketuai oleh Encik Wan. Beliau dikatakan berasal dari Sumatera iaitu datuk yang keenam kepada Haji Yusof bin Ali (bekas imam Kampung Payang Setiu dan tinggal di Palembang, Besut, meninggal dunia pada 12 November 1974) dan Haji Muhammad (bekas imam Masjid Kampung Raja).

Khabarnya dengan pertukaran segantang mata kail, Encik Wan telah dapat memujuk puak-puak pangan yang mendiami di situ di bawah ketuanya Pak Wong, berpindah dari tempat kediamannya ke tempat lain. Berlakunya perjumpaan dan rundingan itu di Kampung Nail (tempat membentuk mata kail) serta dibuat perjanjian supaya tidak berlaku pencerobohan pembunuhan oleh puak-puak pangan ke atas orang-orang Encik Wan semasa mencari isi hutan di dalam Daerah Besut. Kemudian Encik Wan serta orang-orangnya telah membuat

---

166 Haji Buyong Adil. Sejarah Terengganu. Dewan Bahasa dan Pustaka 1974. m.s. 124.



Peta Daerah Besut



Pandangan Muara Sungai Besut.

kampung di tepi Sungai Besut yang diberi namanya Palembang. Haruslah nama ini mengambil sempena nama negeri asalnya Palembang Sumatera. Selepas mati Encik Wan, anaknya yang bernama Encik Namat telah mengambil alih menjadi ketua pula. Dalam masa Encik Namat menjadi ketua, ia pernah menerima tentangan yang hebat daripada lanun yang berkubu di pulau-pulau di sekitar daerah Besut dan pernah ia meminta bantuan dari Sultan Mansur Pertama untuk menghantar angkatan tentera bagi membasmikan lanun-lanun itu. Anak baginda sendiri yang bernama Tengku Abdul Kadir telah datang mengetuai pasukan ini serta mendapat kejayaan dan beliau telah dilantik menjadi pemerintah Besut, dan Encik Namat menjadi seorang pembesar daerah. Ini dijangka berlaku dalam tahun 1780-an. Tengku Abdul Kadir telah berjaya mentadbirkan Besut dan membina benteng-benteng pertahanan sepanjang Sungai Besut yang berhampiran dengan Palembang dan membuat tempat kediamannya di kawasan Kampung Raja. Selepas kematian Tengku Abdul Kadir, puteranya bernama Tengku Ali telah mengambil alih pemerintahan itu dan ianya enggan mematuhi pemerintahan Yang Dipertuan di Kuala Terengganu. Akhirnya suatu peperangan telah meletus antara pasukan dari Terengganu dengan pasukan Tengku Ali kira-kira pada 23 haribulan Syawal 1292H, (22.11.1875).

Adalah diceritakan, punca pemberontakan Tengku Ali, ialah kerana dasar baginda (Sultan Umar) memerintah daerah-daerah secara langsung. Tengku Ali telah memerintah Besut selama 15 tahun dengan tiada mempunyai perhubungan yang rapat dengan pihak istana di Kuala Terengganu. Walaupun beliau anak sepupu baginda dan dilantik menjadi Pemerintah Besut, tetapi beliau secara rahsia berusaha mendapat bantuan dari Kelantan supaya dapat menurunkan baginda dari takhtanya dan diganti dengan Tengku Cik Muda Putra, Yamtuan Muda Tengku Abdullah (saudara Baginda). Segala persiapan telah diatur untuk melantik Tengku Ahmad anak saudara baginda menjadi Yamtuan Muda dan baginda menjemput Tengku Ali supaya menghadiri istiadat itu, tetapi Tengku Ali enggan memperkenankan jemputan tersebut. Apabila baginda menghantar beberapa orang utusannya, di antaranya Tuan Muda, Tengku Ibrahim dan Orang Kaya Megat Seri Mahkota untuk menjemputya pula, didapati Tengku Ali sedang berkumpul di Kampung Raja dengan beberapa pasukan yang bersenjata dari Kelantan.

Pihak baginda telah mengutus surat bantahan kepada pemerintahan Siam di Senggora dan juga bantahan serta amaran kepada pemerintahan Kelantan supaya tidak mencampuri hal ehwal di Besut. Sultan Umar telah juga menghantar mufti Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amim ke Kelantan menyampai hasrat baginda tidak ada niat hendak mengubahkan sempadan antara Kelantan-Terengganu. Kemudian baginda pun menghantar suatu angkatan perang ke Besut. Seramai 8,000 orang mengikut laut dan darat diketuai oleh Panglima Besar Orang Kaya Megat Seri Mahkota Raja (Wan Abdul Rahman bin Idris) saudara sepupu baginda, penolongnya Tengku Yusof Panglima Kedai Payang, Tengku Long bin Mustaffa, (Tengku Long Pendikar), dan Tengku Nik, manakala panglima-panglima perang ialah Encik Musa, Dato' Bandar Jaafar, Tuk Kaya Mahkota Haji Abdul Rahman, Tuk Setia Wan Ismail Kampung Gedung.

Angkatan ini khabarnya diatur dan disusun oleh Engku Saiyed Seri Perdana (Engku Saiyed Zain bin Muhammad) yang dianggap sebagai Perdana Menteri baginda, dan telah membedil Besut dari laut. Setelah mereka mendarat, didapati Tengku Ali sempat melarikan dirinya ke Kelantan dan meninggal dunia di sana pada 11 Zulkaedah 1292H 9.12.1875. Maka tidaklah jadi pertempuran. Kemudian pemerintahan Besut diwakilkan kepada Tengku Ngah, kemudian kepada Tengku Chik Haji anak Tengku Abdul Kadir. Di dalam masa pemerintahan Tengku Chik Haji, daerah Besut telah mulai menghadapi zaman perubahan dan beransur-ansur maju.

Tindakan Baginda

Menurut sejarah, semasa berbangkit perselisihan antara Johor dengan Bendahara Pahang mengenai sempadan negeri, baginda Sultan Umar telah beberapa kali mengutus surat kepada Gabenor Singapura Sir Harry Ord (yang mengganti Gabenor Cavenagh dalam bulan Mac, 1867), tetapi nampaknya Harry Ord tidak suka baginda campurtangan dan menjadi orang tengah. Yang anehnya pula Gabenor ini mempunyai pandangan yang berlainan terhadap negeri Terengganu dan dianggapnya di bawah pengaruh Siam.

Baginda Sultan Umar, nampaknya telah sedar mengenai hal ini. Baginda cuba menunjukkan yang Terengganu adalah sebuah negeri yang merdeka lagi berdaulat. Oleh yang demikian baginda telah membuat perhubungan secara langsung dengan England pada tahun 1869, dengan menghantarkan satu perutusan ke London serta hadiah-hadiah kepada Queen dan Prince of Wales, di samping surat permintaan supaya Terengganu diletak di bawah naungan British. Tindakan ini mengejutkan Gabenor Harry Ord yang sememangnya hendak menghalang cita-cita baginda itu. Surat-surat jawaban-balas dan beberapa hadiah dari London telah dikirim kepda Gabenor Sir Harry Ord supaya dihantar kepada baginda, tetapi malangnya surat dan hadiah-hadiah itu telah dihantar ke Bangkok dan dipercayai tidaklah sampai ke tangan baginda Sultan. Ini adalah satu tipu helah Gabenor itu dan perkara ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati pihak pemerintah di Terengganu.

Pada masa pemerintahan baginda, adalah dikatakan negeri Terengganu telah dibahagikan kepada beberapa daerah. Tiap-tiap satu daerah, dianugerahkan oleh baginda kepada seorang Dato' untuk mentadbirkannya dan daerah-daerah ini dibahagikan pula kepada beberapa bahagian, yang tiap-tiap satunya diketuai oleh seorang Dato' Muda, manakala kampung-kampung di dalam bahagian itu ditadbirkan pula oleh seorang Ketua Kampung yang dilantik oleh Dato' Muda. Adapun kerja-kerja Ketua-ketua Daerah dan Kampung, antaranya ialah untuk mendapatkan orang-orang yang layak berjuang apabila dikehendaki kelak oleh sultan, untuk memungut cukai bia dan untuk mengerah tenaga rakyat. Apabila Ketua-ketua Daerah ini telah mati maka baginda tidak melantik ganti-gantinya lagi sebaliknya baginda melantik beberapa orang penghulu bagi menjaga kampung. Penghulu-penghulu inilah yang bertanggung-jawab secara langsung kepada baginda tentang hal ehwal kampung yang mereka ketuai. Baginda sendiri keluar berjalan-jalan dengan bebas di kalangan rakyat, dan setiap pagi Jumaat baginda kerapkali pergi memeriksa segenap liku sambil mengeluarkan sedekah kepada orang-orang yang melarat dan fakir miskin.



Warkah dari Baginda Sultan Umar kepada Residen Konselor Singapura bertarikh 16 Jamadil Akhir 1270. (16.3.1853).

Beberapa Peristiwa Dalam Masa Pemerintahan Baginda

Ada beberapa cerita lisan yang didengar dan diketahui, telah berlaku dalam masa pemerintahan baginda, (walaupun tarikh sebenarnya tidak dapat dipastikan, tetapi boleh diagak lebih kurang dalam tahun 1850-an). Antaranya ialah:

Sebuah kapal Perancis telah pecah di Laut Cina dan terdampar berhampiran pantai Kuala Terengganu. Maka ada beberapa orang anak kapal itu yang terselamat dan mendarat dengan mendapat pertolongan dari orang-orang Terengganu. Di antara mereka ada dua orang bersaudara yang kemudiannya memeluk agama Islam bernama Encik Saleh[167] (kemudian berkahwin dengan perempuan Terengganu) dan Muhammad Amin Perancis. Anak Encik Saleh masih ada lagi semasa buku ini disusun iaitu Encik Muhammad dan Cik Halimah di Kuala Terengganu.

Encik Saleh dan saudaranya Encik Muhammad Amin dikatakan telah merangka bentuk perahu besar Terengganu yang dikenali dari jenis 'Perahu Pinis' dan mendapat galakan serta sumbangan dari baginda dan dihargai jasa-jasanya.

Satu peristiwa lagi telah berlaku yang boleh dianggap tegang antara baginda dengan pemerintah di Singapura yang berbangkit kira-kira dalam tahun 1851.

Kejadian ini berpunca dari sebuah wangkang Cina Hailam, bernama Kim Eng Seng yang berniaga antara Singapura dengan Terengganu. Perahu-perahu pengawal Terengganu telah menangkap anak-anak wangkang itu, kerana menurut cerita, ada terlibat di dalam suatu kejadian rompakan, kemudian dibicara serta dijatuhkan hukuman bunuh.

Seorang utusan dari Singapura (Thomas Church) datang ke Terengganu untuk menyiasat selanjutnya peristiwa itu. Nampaknya ia kurang puas hati di atas hukuman yang dijatuhkan kerana bukti-bukti kesalahan kurang begitu jelas, pada pandangannya. Ia telah mengemukakan kepada baginda sejumlah wang gantirugi, tetapi pihak baginda tidaklah mengambil endah bahkan berpegang teguh di atas hukuman yang telah diputuskan itu. Pihak pemerintah di Singapura telah mengutus surat bantahan tetapi akhirnya menjadi dingin sahaja.

Surat-surat mengenai hal ini ada dilampirkan di hujung buku, yang disalin oleh penulis dari surat-surat Allah Yarhamuhu Engku Pengeran Anum.

---

167 Terkenal dengan namanya Encik Saleh Perancis. Semasa penulis berumur lapan atau sembilan tahun kerap kali berjumpa dengannya dan khabar nama asalnya Alex.



Warkah dari Gabenor Kolonel Butterworth kepada Baginda Sultan Umar bertarikh 6.9.1851.




Surat wakaf Sultan Umar (Marhum Baginda) bertarikh 2.3.1291H=19.4.1874.



Makam Marhum Baginda Sultan Umar Sultan Terengganu Yang Kesembilan.

Kemangkatan Baginda

Baginda mempunyai beberapa orang isteri, di antaranya Tengku Hitam binti Abdul Kadir, tetapi tidak dikurniakan tuhan seorang putera pun. Pada tahun 1874 baginda melantik anak saudaranya Tengku Ahmad (putera Tengku Mahmud) untuk mentadbirkan Kerajaan Negeri Terengganu. Gabenor Sir William Jervois yang melawat Kuala Terengganu dalam tahun 1875 tatkala menceritakan dari hal baginda ada menyatakan baginda sudah tua, usianya semasa itu 69 tahun dan tidak berkuasa lagi. Pada 17.3.1292 (23.4.1875) Baginda Sultan Umar mangkat, dalam usianya lebih kurang 70 tahun, lamanya memerintah Terengganu 37 tahun. Jenazah baginda dimakamkan di dalam kubah Masjid Abidin dengan penuh istiadat kebesaran Raja-raja Melayu. Gelarannya Marhum Baginda . Menteri baginda ialah Dato' Seri Nara Wangsa (Encik Muhammad).



Wajah Marhum Baginda (Sultan Umar) menurut ilham seorang pelukis (Gambar ihsan Muzium Negeri Terengganu)

Dua Tokoh Agama Meninggal Dunia

Dalam masa pemerintahan baginda dua orang tokoh agama negeri yang terkenal dan berjasa telah meninggal dunia:

i) Tuan Syeikh Abdul Kadir bin Tuk Wan Abdul Rahim. Mufti Terengganu yang pertama – menurut apa yang diketahui - pada kira-kira dalam tahun 1853 dan ada catatan yang menyatakan dalam tahun 1864 dan makamnya di Perkuburan Syeikh Ibrahim Kuala Terengganu.

ii) Tuan Guru Haji Hassan bin Tuan Ishak dikenali Tuan Guru Haji Hassan Gedong kerana banyak ilmu pengetahuannya pada 11 Jamadil Awal 1240 bersamaan 6.7.1873 dan makamnya di Kampung Raja Besut.

SULTAN AHMAD II (Marhum Baharu) (Sultan Yang Kesepuluh) (1875-1881)

Setelah mangkat sultan Umar, (Sultan Yang Kesembilan memerintah Terengganu), maka putera saudaranya, (Putera Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud) telah dilantik menggantikannya, bergelar Sultan Ahmad Yang Kedua,[168] (menjadi Sultan Terengganu Yang Kesepuluh) kerana Almarhum Baginda tiada mempunyai putera. Usianya semasa itu lebih kurang 40 tahun.

Tidak dapat diterangkan dengan lebih lanjut peristiwa-peristiwa di dalam masa pemerintahan baginda, walaupun baginda memerintah lebih kurang 6 tahun kerana bahan-bahannya masih belum didapati sekadarkan ada berita yang menyatakan baginda beristeri dengan Tengku Kalsom, Puteri Sultan Muhamad Daik yang kemudiannya bergelar Tengku Puan Besar Terengganu. Baginda mempunyai seorang putera iaitu Tengku Zainal Abidin (kemudian menjadi sultan), dan beberapa orang puteri iaitu Tengku Cik Putri, Tengku Maimunah, Tengku Khadijah, Tengku Andak dan Tengku Zubaidah.[169] Setakat yang diketahui saudara baginda ialah Tengku Abdul Rahim dan Yang Dipertuan Muda Tengku Abas,[170] saudara perempuannya ialah Tengku Chik Bukit.[171]

Semasa baginda hendak dilantik menjadi Yamtuan Muda maka Tengku Ali pemerintah Besut tidak hendak datang ke Kuala Terengganu walaupun dijemput oleh Marhum baginda Sultan Umar, ini menyebabkan Marhum baginda menghantar pasukan menyerang Besut dan Tengku Ali melarikan diri ke Kelantan serta meninggal dunia di sana.

---

168 Sebelum baginda dilantik menjadi sultan, gelarannya Tengku Besar Paduka Mahkota
169 Bersuamikan Tengku Muhammad bin Tengku Besar Daik.
170 Meninggal dunia pada 7 3 1307=31 10 1889
171 Bersuamikan Saiyed Abdullah Engku Besar Paduka Raja, kemudian bercerai dan bersuami kepada Tengku Chik Melaka (Tengku Mahmud Putera Sultan Ali Singapura)

Baginda pada mulanya digelarkan Tengku Chik Muda. Selepas itu Tengku Chik Besar dan akhirnya Yamtuan Muda sebelum menaiki takhta kerajaan Terengganu.

Semasa hendak meminang Tengku Kalsom puteri Sultan Muhamad Daik dengan baginda, Baginda Sultan Umar telah berangkat ke Daik dengan rombongan sebanyak 40 buah perahu dan selepas balik, tidak berapa lama, Sultan Muhamad Daik (anak saudara Marhum Baginda) berangkat ke Terengganu membawa puterinya Tengku Kalsom dengan diiringi oleh beberapa pembesar serta alat-alat kelengkapan perkahwinan DiRaja.

Adalah dikatakan temasya perkahwinan itu berjalan selama 3 bulan dan mas kahwin baginda dengan Tengku Kalsom ialah sekati emas dan belanjanya $1,000.00 serta diadakan panca persada tujuh tingkat. Inilah panca persada yang pertama sekali diadakan di Terengganu menurut sejarah.



Makam Saiyed Muhammad bin Ahmad Al Idrus. Meninggal dunia pada malam Khamis 22 Rejab 1209H (12.2.1785) terkenal dengan nama Tuk Ku Makam iaitu datuk kepada Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin (Tuk Ku Tuan Besar).

Pada masa permulaan baginda menaiki takhta kerajaan, Menteri Besar Terengganu ialah Saiyed Muhammad Zainal Abidin atau Saiyed Muhammad Zain Al-Idrus (saudara Engku Saiyed Paloh - Saiyed Abdul Rahman). Gelarannya Engku Saiyed Seri Perdana (beliau juga pernah menjadi seorang Menteri besar dalam masa pemerintahan Baginda Sultan Umar). Setelah beliau meninggal dunia dalam tahun 1878, jawatan Menteri Besar itu disandang oleh anaknya Engku Saiyed Abdullah gelarannya Engku Besar Paduka Raja.

Baginda telah mengurniakan gelaran Dato' Sangsura Pahlawan kepada Wan Muhammad Saleh bin Haji Wan Abdul Kadir Bukit Bayas pada 28 Safar 1295 Hijrah, (3.3.1878 Masehi).

Bapa Kesusasteraan Terengganu Meninggal Dunia

Satu berita sedih telah berlaku dalam masa pemerintahan baginda, iaitu kematian Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin yang dikenali dengan nama Tuk Ku Tuan Besar, (gelarannya Sheikhul 'Ulama dan Tuan Besar Paduka Indera di dalam masa pemerintahan Baginda Sultan Umar lagi) pada malam Isnin 17 Muharram tahun 1295H (22.1.1878) dalam usianya lebih kurang 83 tahun. Selain menjadi tokoh agama yang amat terkenal dan sangat-sangat disanjung tinggi, beliau juga dianggap



Makam Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin (Tuk Ku Tuan Besar) gelaran Syikhul 'Ulama dan Tuan Besar Paduka Indera lahir kira-kira 12.2.1975 meninggal dunia pada 22.1.1878.

sebagai "Bapa Kesusasteraan Melayu Terengganu". Beliau telah banyak mengarang buku-buku agama dan Nazam, lebih kurang enam belas buah, di antaranya Kanzul 'Ulu, dikenali "Nabam", Jauharus Saniah (dikenali Puji), dan 'Uqudu Durrataini fi Tarjamati Kalimati Syahadataini (dikenali Syahadat Tuk Ku). Makamnya di Chabang Tiga, Kuala Terengganu.

Sultan Ahmad Shah II memerintah selama lebih kurang lima tahun tujuh bulan dua puluh enam hari dan mangkat pada malam Ahad 27 Muharram 1299, (18.12.1881M), bergelar Marhum Baru. Makamnya di Masjid Abidin. Setengah cerita, menyatakan baginda ada menjalankan pentadbiran pemerintahan sejak tahun 1255 Hijrah (1839M) lagi kerana ditugaskan oleh ayahanda saudaranya Sultan Umar.

SULTAN ZAINAL ABIDIN III (Marhum Haji)
(Sultan Yang Kesebelas)
(1881-1981)

Kelantikan

Setelah Sultan Ahmad Yang Kedua mangkat, puteranya Tengku Zainal Abidin telah dilantik menjadi Sultan Terengganu Yang Kesebelas pada 27 Muharram 1299 (19.12.1881M). Semasa itu baginda berusia lebih kurang 16 tahun 7 bulan 27 hari (menurut perkiraan tahun Masehi). Baginda dilahirkan pada 27.11.1281 (23.4.1864). Catatan ini didapati daripada loket perak kenangan kemangkatan baginda yang dirakam dalam tahun hijrah yang menyatakan tarikh keputeraan, naik takhta dan kemangkatan baginda. Baginda mendapat sokongan kuat daripada Menteri Besarnya lagi kekanda iparnya iaitu Engku Besar Paduka Raja (Saiyed Abdullah bin Muhammad yang bergelar Syaikhul.Ulama). Faktor yang besar mengenai pemilihan ini ialah kerana ilmu pengetahuan dan kebolehan yang ada pada baginda walaupun baginda semasa itu terlalu muda usianya.

Tengku Abas (saudara baginda) yang mencuba untuk menjadi pemerintah, tidaklah berjaya tetapi beliau telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda. Istiadat pertabalan baginda dilangsungkan di dalam bulan Jamadil-Awal tahun itu juga. Menurut satu cerita ada menyatakan pada malam Rabu 19 Jamadil-Awal tahun 1299 Hijrah (7.4.1881) tiba sebuah kapal di pelabuhan Kuala Terengganu membawa Tengku Long[172] (saudara baginda – P.) dari Riau dan pada keesokan hari tiba pula sebuah kapal perang dari Negeri Siam yang membawa wakil utusan daripada King (Rama V) Culalongkorn Raja Siam untuk menghadiri istiadat pertabalan baginda. Ketibaan wakil itu disambut dengan suatu istiadat selepas sembahyang Jumaat 21 Jamadil Awal 1299 (9.4.1881).

Seperti tersebut di atas baginda Sultan Zainal Abidin III telah diputerakan pada 27 Zulkaedah tahun 1281H (23.4.1864) dan bondanya Tengku Kalsum puteri Sultan Muhammad Lingga.

---

172 Saudara perempuan baginda bersuamikan Tengku Muhammad Yusuf (Putra Sultan Mahmud Lingga). Kemudiannya bergelar Tengku Panglima Besar.

Di dalam masa pemerintahan baginda, Negeri Terengganu telah bertambah-tambah maju dan makmur setapak demi setapak dan perubahan-perubahan kebajikan masyarakat, pelajaran dan kehidupan rakyat jelata makin bertambah baik. Di samping itu baginda pula diakui oleh rakyat sebagai seorang raja yang alim di dalam berbagai-bagai cabang pengetahuan agama dan lain-lain juga serta bersifat kasih mesra terhadap sekelian rakyat jelata.

Akhlak Baginda

"Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga" yang dikarang oleh Tengku Dalam Kalthum binti Khazaki (meninggal pada 16.9.1951) tatkala membayangkan se bahagian dari akhlak baginda, antara lain katanya:

Tersangat Kasih Yang Maha Mulia,
Kepada segala hamba dan sahaya,
Hatinya murah lagi bahagia,
Tiada memandang harta dunia.
Istimewa kepada segala fakirnya,
Memohon anugerah atau sebagainya,
Kembali tiada hampa tangannya,
Melainkan peroleh segala hartanya.[173]

Di dalam buku "Syair Tuñ Humphyers"[174] yang dikarang oleh Hajjah Wook Aishah binti Haji Idris (meninggal pada 6.10.1973) demikian pula katanya:

Adapun nama Sultan Paduka,
Zainal Abidin Yang Ketiga,
Di dalam negeri jadi mastika,
Merintah jajahan takluk belaka,
Rajanya alim lagi jauhari,
Kitab Quran sangat pelajari;
Alimnya tidak lagi terperi,
Termasyhurlah khabar ke sana ke mari,
Salih dan wara' lagi pendita,
Bijak laksana jangan dikata;

173 Tengku Dalam Khazaki Syair Zainal Abidin Yang Ketiga-Penggal Pertama-Cetakan Pertama, Ahmad Press-Singapore- m.s. 4

174 Cetakan Matbaah al Ahliah Kuala Terengganu 22 10 1928 m s 3

Masyhurlah khabar di dalam warta,
Di alam Melayu sekelian rata,
Perangainya alim tangannya murah,
Sekelian kasih memandang wajah;
Cukup faham ilmu Aribah,
Baginda nan gemar ilmu Falakiah.

Baginda memang terkenal sebagai seorang raja yang teguh kepada ajaran-ajaran Islam. Baginda bukan sahaja hadir sendiri sembahyang di Masjid Abidin tetapi juga tidak pernah meninggal sembahyang waktu yang lima dan segala perintahnya pula dituruti oleh sekalian rakyatnya. Semasa dalam pemerintahannya jarang-jarang kedapatan di Terengganu seseorang yang sudah sampai umurnya yang belum tamat mengaji Quran, dan oleh kerana tulisan jawi itu adalah bersamaan dengan huruf Arab maka seseorang yang telah tamat mengaji Quran sekurang-kurangnya dengan senang sahaja boleh belajar membaca Melayu (Jawi)

Kecenderungan Baginda

Baginda sangatlah cenderung belajar agama dari sejak kecil lagi dan menunjukkan minat serta kebolehan-kebolehan luar biasa di dalam bidang pelajaran. Boleh dikatakan kebanyakan ilmu pengetahuan di dalam Bahasa Arab telah dipelajarinya dan semasa hayatnya ada mempunyai seorang guru khas Bahasa Arab yang dikenali dengan nama Habib Umar Al-Attas. Guru-guru baginda yang lainnya termasuklah Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin (Tuk Syeikh Duyung), Saiyed Abdul Rahman bin Muhammad (Engku Saiyed Paluh), Haji Wan Muhammad bin Abdullah (anak Tuk Syeikh Duyong), Saiyed Abdullah bin Muhamad, Saiyed Zainal Abidin bin Muhammad, Haji Zainal Kampung Banggul, Haji Wan Muhammad bin Ali Kampung Gedung, Haji Wan Abdul Latif bin Abdullah Losong, Haji Musa Atas Tol, Haji Wan Muhammad Saleh bin Wan Abdul Kadir Bukit Bayas, Saiyed Abdul Rahman Alhaddad dan lain-lain lagi. Di samping itu baginda pernah juga mengajar kitab-kitab agama. Ada banyak kitab-kitab peninggalan baginda, setengah-setengahnya, mana yang sempat disimpan, telah diwakafkan oleh putera-puteri baginda di kutub-khanah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

Minat Kepada Ilmu Pengetahuan

Di samping menjadi pemerintah negeri, Baginda Sultan Zainal Abidin ke III juga seorang yang amat berminat sekali kepada ilmu pengetahuan Agama Islam dan Ilmu Arabiah.



Al Marhum Sultan Zainal Abidin III, kira-kira semasa berusia 22 tahun, Gambar dengan ihsan Muzium Negeri Terengganu.



Al Marhum Sultan Zainal Abidin III, Sultan Terengganu Yang Kesebelas, berpakaian kebesaran kira-kira semasa berusia 48 tahun.

Pengarang Risalah Izalatul Hairan fi Qissoti Syaikhul Islam Darul Ridwan Ustaz Muhammad Saleh tatkala menggambar gurunya As-Syeikh Muhammad Saleh bin Muhammad Taib, Syeikhul Islam Perak Darul Ridwan Perak (11.9.1925-14.3.1933) melawat ke Terengganu 1890an kerana suatu hajat dan mengadap Sultan Zainal Abidin, maka gambaran yang diberinya seperti berikut:

"Apabila kapal itu sampai di Pelabuhan Terengganu turunlah tuan[175] serta sahabatnya menuju ke Pekan kerana hendak mencari rumah tumpangan apabila sudah dapat rumah itu mengambil rehatlah tuan sebentar, kemudian baru ia berjalan-jalan. Waktu tuan berjalan-jalan itu tiba-tiba terpandang kepadanya seorang bangsawan kenalannya masa berulang ke Singapura dahulu ialah seorang saudagar bangsa Saiyed, maka tuan pun bertanya kepada tuan Saiyed itu akan halnya.

Kata tuan Saiyed itu: Tuan! Saya datang kemari hajat hendak mengadap raja dengan hari ini sudah tujuh hari saya di sini belum juga dapat mengadap. Tuan pun menyiasatlah akan kemahuan raja negeri itu kepada tuan Saiyed itu, mengertilah tuan akan bahawasanya raja itu raja yang alim lagi kasih kepada orang alim ialah DYMM Sultan Zainal Abidin, maka terfikirlah dalam hati tuan, jikalau begini bagus betul kedatanganku ini seperti ibarat membelah durian sudah tiba tentang pangsanya, apabila hari sudah petang pergilah tuan ke istana mencuba hendak mengadap. Maka orang-orang istana memberitahulah akan kedatangan tuan itu serta hajatnya hendak mengadap. DYMM pun menyuruhlah mempersilakan tuan masuk ke tempat mengadap. Tuan pun masuk kemudian duduk serta menjunjung duli. Tuan cukup jaga mengeluarkan satu-satu perkataan supaya jangan tahu DYMM itu akan bahawasanya dia setengah daripada saudagar besar dan biarlah hendaknya diketahuinya orang alim besar saja, maka berbual-buallah antara kedua akan bual yang panjang hingga DYMM tahkiq betul dalam hatinya bahawasanya tuan orang alim besar dan begitu juga, tuan pun tahkiq betul dalam hatinya bahawasanya DYMM itu raja yang alim lagi soleh.

Akhirnya DYMM bertitah: Tuan! adalah dalam Negeri Terengganu ini orang-orang alimnya dalam ikhtilaf pada satu masalah semburan ikan sotong yakni itu ikan sotong satu ikan yang sangat daif maka apabila ada musuhnya hendak membuat aniaya kepadanya menyemburkan ia akan sejenis air yang hitam yang menggelapkan sekelilingnya supaya musuhnya itu jangan melihat akan dia.

Jadi air yang disemburkannya itu suci atau najiskah? Sampai sekarang tuan belum juga dapat lagi keterangannya. Maka tuan pun mengangkat tangan seraya berkata: Pada peringatan patik tuanku adalah masalah itu yang cukup terang bahasnya ialah dalam satu kitab yang bernama Hayatul Hayawan

---

175 Tuan di sini ialah (Syeikh Muhammad Saleh bin Syeikh Muhammad Taib) Syeikhul Islam di Negeri Perak

semata-mata isinya perbahasan hukum segala haiwan. DYMM pun terkejut mendengar akan nama kitab itu kemudian menyuruhlah ia akan seorang pencari kitab itu dalam satu bilik yang khas buat tempat kitab saja. Setelah dapat kitab itu memberikanlah orang itu kepada DYMM. Allah Ta'ala hendak memberitahu serta memasyhurkan nama dan ilmu tuan itu di seluruh Negeri Terengganu apabila saja DYMM menyambut kitab itu daripada tangan orang itu langsung diletaknya dengan terbuka (terbentang) maka bukaan (bentangan) itulah tempat masalah yang dimaksudkan. Tiada payah lagi memeriksa faharasat, nisbah angka dan bab dan fasal dan puru'. DYMM pun tiada terderita lagi sukanya, apabila DYMM sudah mengetahui bahawa tuan betullah orang alim yang mursyid tidalah membiarkan lagi ia akan tuan duduk menumpang-menumpang saja di merata-rata kedai. Mensediakanlah ia akan tempat tuan di istana supaya senang apa-apa yang hendak ditanya kepada tuan.

Tuan pun sukalah kerana tempatnya sudah elok dan sekejap sudah datang idang bermacam-macam isinya nisbah halwa. Tuan melihat hal yang demikian berkatalah ia kepada sahabatnya sambil berseloro (bergurauan) Hai Haji Abdul Kadir nampak ilmu akhirat itu juga yang menyenangkan kita. Jikalau Haji Abdul Kadir lalu menghabiskan isi idang itu cubalah, maka tertawa-tawalah mereka kedua-dua. Disebabkàn oleh DYMM sudah tahu akan bahawasanya tuan orang yang alim mursyid menyuruhlan ia akan tuan mengajar dalam istana. Di sinilah mula-mula tuan mengajar dengan tiada mengadap kitab. Itupun satu pula yang menambah lagi akan wangi nama tuan dalam Negeri Terengganu. Ramailah isteri raja-raja dan puteri-puteri dan orang-orang istana yang hadir dan mengerti belaka akan syarah tuan itu serta menerima hati masing-masing. Bermula DYMM amat tinggi hemahnya kepada pengetahuan ilmu Arab sebab itu apabila dia berhimpun dengan tuan tiadalah dia sunyi daripada bertanya. Tuan pun memuaskan hatinya dengan jawapan segala pertanyaan. Pada suatu masa terkenanglah oleh, DYMM akan kesusahan memahamkan Ilmul Maani beberapa kitab sudah dipelajarinya dan beberapa guru sudah dihadapnya belum juga lagi dapat hendak menggunakan ilmu itu.

Apabila tuan mendengar segala titah itu berfikirlah dalam hatinya: Di sinilah aku menahan jerat kerana nampak yang sempit sudah tiada pada tempatnya maka tuan pun pura-pura bertanya: Apa-apa kitab yang sudah tuanku baca? DYMM pun membilangkan akan satu-satu kaitan yang sudah dituntutnya. Kata tuan harap diampun, tuanku adalah semua kitab yang tuanku maklumkan itu susah memahamkannya, ada satu kitab yang sangat kecil karangan seorang pemuda ialah kitab Sullamul Mantiq patik pun dahulu lepas mengaji kitab itu barulah nampak apa-apa maksud dan tujuan Ilmul Maani. DYMM pun naik gembiralah hendak mengaji kitab itu kepada tuan akan tetapi apa boleh buat kitab

itu tiada dalam simpanan dicari pada segenap rumah orang alim pun tiada dalam simpanan . Kemudian disuruhlah dua orang pergi mencari kitab itu dengan perbelanjaan DYMM seorang pergi ke Singapura dan seorang pergi ke Pulau Pinang kerana perjalanan pada masa itu belum sebagaimana yang sekarang. Sepeninggalan orang yang dua inilah tuan menahan jeratnya di tengah jalan yang sangat sempit akan tetapi tuan menahan jerat itu sudah terkena kepada percuma sahaja kerana barang yang akan dijerat sudah terkena ke jerat orang lain dengan tiada diketahui oleh tuan, demikian jalannya.

Setelah dua hari sudah berlepas orang yang mencari kitab itu tuan pergilah mengadap serta bermohon hendak balik ke Kuala Kubu. DYMM mendengar permohonan tuan itu sangatlah putus hatinya sambil bertitah: Tuan! Saya sudah menyuruh dua orang pergi mencari kitab itu, seorang pergi ke Singapura dan seorang ke Pulau Pinang haraplah saya tuan sabar dahulu. Hajat saya apabila dapat kitab itu, saya hendak mengambil berkat kepada tuan. Sahut tuan: Harap diampun beribu-ribu ampun adalah patik ini orang berniaga itupun sudah berapa banyak kerugian patik selama duduk bersama-sama tuanku akan tetapi jikalau ada limpah kurnia tuanku harap patik mendapat barang sebidang tanah galian di dalam jajahan Kemaman. Mudah-mudahan jikalau patik tunggu pun di sini tiadalah bernama dalam kerugian. DYMM pun bangkit langsung masuk ke dalam satu bilik sebentar lagi dia pun keluar membawa sepucuk surat seraya berkata: Tuan! Apa boleh buat sudah jatuh malang saya dan malang tuan. Tanah yang tuan kehendaki itu sudah diambil orang putih baru dua puluh satu hari, inilah surat perjanjian antara saya dengan dia.

Silalah tuan cari tanah yang lain boleh saya berikan kepada tuan, sahut tuan: Tanah yang lain tuanku tiada patik berhajat langsunglah tuan memberi dan mengucapkan selamat tinggal kepada Negeri Terengganu dan rajanya dan bumiputeranya".

Penduduk Negeri

Penduduk-penduduk Negeri Terengganu semasa pemerintahan baginda bertambah ramai dan dagang senteri berulang alik. Pusat perniagaannya bertempat di Kedai Payang, dan di Kampung China di waktu petang dan malam manakala di waktu pagi di Kedai Hilir. Kemasyhuran orang-orang Terengganu semasa itu di dalam berbagai lapangan pertukangan seperti pertukangan besi, tembaga dan bertenun kain. Barang-barang keperluan hidup boleh didapati dengan murahnya.

Menurut catatan di dalam buku "His. of Tr."[176] ada menyatakan, Sir Hugh Clifford (British Residen di Pahang) telah datang ke Terengganu di dalam tahun

176 M.C. ff Sheppard op. cit. m.s. 44-45.

1895 kerana hendak menangkap kumpulan-kumpulan pemberontak yang lari dari Pahang. Beliau telah membuat satu laporan penting mengenai hal ehwal Negeri Terengganu. Di antara lain, beliau menerangkan bahawa orang Melayu Terengganu adalah paling pandai dan rajin sekali di Semenanjung Tanah Melayu[177] jumlah penduduknya dianggarkan 100,000 orang itu 40% lebih daripada penduduk Negeri Pahang pada ketika itu 40,000 di antaranya lelaki. (Menurut banci tahun 1957 jumlah penduduk Negeri Terengganu seramai 278,147 mengandungi 66,323 buah rumah. Jumlah penduduk Kuala Terengganu sahaja 124,388 orang – P.) termasuk 8,000 orang nelayan (Menurut banci tahun 1957 jumlah kaum nelayan ialah 13,509 dan perahunya 5,221 buah. – P.), 5,000 tukang dan 26,000 orang petani, yang lebihnya 1,000 orang ialah ketua-ketua kaum keluarga dan orang yang di bawah tanggungan. Adanya golongan tukang-tukang, pekerja-pekerja yang bijak dan para pengusaha di negeri ini ialah disebabkan galakan yang diberi oleh baginda Sultan Umar di dalam masa pemerintahannya. Jumlah penduduk yang mendiami di lembah Sungai Terengganu dan di sebelah hulunya, ditaksirkan sebanyak 45,000 orang, 12,000 orang tinggal di Daerah Kuala Terengganu dan 32,500 tinggal di kawasan antara Kuala Terengganu dan Jeram Kelemang dan 500 orang di sebelah Hulu Jeram Kelemang.[178]

Barang-barang perusahaan negeri ialah kain tenunan sutera, kain-kain benang, senjata, barang leburan dan perkakas-perkakas kayu. Perusahaan tenunan kain dikerjakan oleh orang-orang perempuan manakala perusahaan tembaga putih, tembaga kuning dan perahu semuanya dikerjakan oleh orang lelaki.

---

177 Keterangan ini bertentangan atau berbeza dengan apa yang dibangkitkan oleh Munshi Abdullah ketika singgah di Kuala Terengganu pada 9.4.1836 di dalam jarak masa 57 tahun.

178 Ini adalah perhitungan Clifford, semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, tetapi menurut kajian penulis angka penduduk semasa itu di bahagian sebelah hulu dari Jeram Kelemang adalah lebih, dan dijangka meningkat 1,000 orang, tidak 500 orang. Ini dapat disaksikan dan keterangan orang-orang tua yang pernah mendiami di kawasan tersebut, kerana ada tiga kampung yang besar dan ramai penduduknya, seperti Kampung Cergul dan Belimbing (di dalam Sungai Karbat) dan Kampung Melaka di Sungai Terengan. Jumlah ini tidak termasuk penduduk Kampung Kalbu, Kuala Terengan, Mentong Jajin, Kerbat, Ilor dan lain-lain.

Sungai Terengganu kira-kira 65 1/4 km daripada muaranya adalah tersekat batang harinya oleh beberapa buah jeram, bernama Jeram Kelemang, yang mana tidak dapat digunakan perahu mengikut jalan sungai. Selepas Jeram Kelemang, bolehlah digunakan perahu jalur "Kolek Hulu" untuk mudik hingga ke anak-anak sungai yang jauh, seperti Cacing, Sungai Perepek (semuanya pecahan dari sungai Terengan). Manakala dari Kuala Terengan pula dapat mudik hingga ke Sungai Kerabat, Sungai Belimbing, Sungai Jajin dan berpuluh-puluh anak sungai yang kecil-kecil lagi. Di tepi sungai ini pada masa dahulu hingga sebelum Perang Dunia Yang Kedua telah menjadi tempat kediaman penduduk-penduduk di Hulu Sungai. Kesan-kesan peninggalannya masih banyak didapati begitu juga tanah-tanah perkuburan. Sekarang semuanya ditenggelami oleh Tasik Kenyir Jadian.

Golongan petani pula perusahaan yang terbesarnya ialah menanam padi, kelapa, tebu, buah-buahan, gambir dan sayur-sayuran tetapi hampir 1/3% beras negeri ini adalah dibawa masuk dari Negeri Siam dan Negeri Selat. Harga beras ketika itu $2.50 sepikul di bandar dan naik harganya hingga $4.00 sepikul jika dijual di darat atau di hulu. Menurut kenyataan yang didapati jumlah tanaman padi di dalam negeri ini bagi musim 1957/1958 seperti berikut:

Padi cedung luasnya 44,624 ekar pendapatannya 11,276,089 gantang. Padi tugal dan huma luasnya 11,302 pendapatannya 1,346,090 gantang. P).


Clifford ada menyatakan bahawa pendapatan kaum nelayan tiap-tiap bulan (ketika laut teduh dari bulan Mac-Septembe() ialah $8.00 dan bagi tukang perahu dua kali ganda pula. Beberapa ribu pikul ikan ada dikeringkan di kampung-kampung yang terletak di tepi-tepi pantai dan 7/8% daripadanya dihantar ke Singapura.

Mata Wang

Berkenaan dengan mata wang negeri, ada terbahagi kepada dua, pertama diadakan oleh kerajaan, dinamakan keping atau pitis. Rupanya bulat dan nipis diperbuat daripada timah. Jenis kedua diadakan oleh Kapitan Cina (ketua orang-orang Cina) rupanya terbesar sedikit daripada wang tembaga Negeri-Negeri Selat dan ada lubang di tengah-tengahnya, wang ini dinamakan "Jukoh" digunakan bagi permainan judi di rumah-rumah orang Cina tetapi dipakai di Kuala Terengganu dan pekan-pekan sekelilingnya. Ada tiga jenis lagi mata wang baharu dikeluarkan iaitu "keping baharu" bersamaan nilainya dengan sepuluh keping pitis dan dua jenis jukoh baharu yang dikeluarkan oleh jurubahasa dan jurutulis Sultan. Seringgit adalah bersamaan 960 keping pitis atau 96 keping baharu atau 40 jukoh. Wang pitis menjadi jatuh nilainya apabila harga barang-barang naik dan tidak dikeluarkan selepas limabelas tahun kemudiannya.

Adapun pembahagian yang diperolehi kerana membuat wang keping baharu ialah 245 peratus, dan hak kuasa membuatnya sebanyak 96,000 keping sebulan telah diberi oleh kerajaan kepada Tengku Puteri, Putri Sultan Daik isteri baginda. Kebenaran yang sama telah juga diberi kepada Cik Kalsum binti Haji Daud (seorang isteri baginda). Ini bermakna masing-masing mendapat hasil sebanyak $700 sebulan.

Clifford menganggarkan, semasa itu Negeri Terengganu ada mempunyai sebanyak $10,000 wang pitis dan 30,000 wang keping, dan bertambah sebanyak $2,000 tiap-tiap sebulan, tiada termasuk wang-wang palsu yang ada dibuat oleh tukang-tukang Terengganu, yang mahir. Duit Yen dan ringgit Mexico ada digunakan juga sebagai mata wang perbelanjaan dan ada tanda-tanda menunjukkan wang emas ada digunakan pada masa dahulu. Apabila orang



Makam Syeikh Abdul Kadir bin Tok Ku Abdul Rahman



Makam Tuan Saiyed Ahmad bin Muhammad Al-Idrus. (Tuan Embong Melaka) meninggal pada 30.7.1897.

WANG TERENGGANU – DIPAKAI PADA ZAMAN ZAINAL ABIDIN III







"Sen Putih" Terengganu, yang baharu bertarikh 1325H. Wang-wang sen putih yang dikeluarkan oleh Kerajaan Terengganu telah dibatalkan laku penggunaannya pada 21.5.1934.

Terengganu menyebut satu amas, bererti 12 keping baru[179] atau 50 sen wang Mexico.

Wang perbelanjaan sen putih atau pitis putih yang dikeluarkan itu telah dibatalkan sah penggunaannya mulai 22hb Mei 1934, menurut pengisytiharan Kerajaan Terengganu bilangan 61/1352 dengan diberi tempoh pertukarannya dua bulan dari tarikh pengisytiharan itu yang dikeluarkan pada 6hb. 12. 1352 bersamaan 21hb. March 1934. Pertukarannya itu ialah dengan perkiraan 100 sen putih bersamaan dengan 75 sen merah.

Cukai Bia

Cukai yang dikenakan pada masa itu ialah "banci dan Serah", dikenali dengan nama "Cukai Kepala" sebanyak $1.00 bagi tiap seorang dibayar 3 tahun sekali, sebagai meringankan beban kerajaan bagi mengirim Bunga Emas ke Negeri Siam.

Pihak Tengku-tengku yang menjadi ketua-ketua jajahan ada juga diberi kuasa mengutip "Cukai Banci" sebanyak 50 sen seorang setiap tahun atau tiga tahun sekali menurut kemahuannya.

179 Perkiraan mata wang semasa itu ialah:
10 keping pitis bersamaan 1 keping baharu.
3 keping baharu bersamaan 1 keneri.
4 keneri bersamaan 1 kupang.
4 kupang bersamaan 1 amas.
2 amas bersamaan 1 ringgit.

Urusan 'serah' dijalankan sama ada dengan cara mengirim barang kepada seseorang atau sebuah kampung dan diminta bayar balik harganya jika didapati ada lebih dari jualan di pasar, ataupun dikirimkan duit diminta balik dari sipenerima (sebagi pertukaran) barang-barang hasil hutan atau getah menurut peraturan yang ditetapkan dan berapa banyak barang-barang ini pula atau harganya tidaklah seimbang dengan wang yang diberi.

Selain daripada dua jenis cukai tersebut, ada pula suatu cara yang dipanggil 'kerah' iaitu memberi kayu-kayu dan hasil-hasil hutan dengan percuma kepada ketua Jajahan, yang akan menjualnya pula di pasar.

Cukai 'Barang-Barang Keluar' yang dikenakan ke atas ikan ialah $1.00 sepikul. Kuasa mengutip cukai ini biasanya diberi kepada orang-orang Cina peranakan. Lebih kurang $5,000 setahun dapat dipungut dari cukai 'Barang Masuk', candu dan sedikit dari cukai tempat judi orang Cina.

Urusan Keadilan

Untuk menjalankan perkara-perkara keadilan, maka baginda telah melantik Tengku Musa menjadi Ketua Jabatan Mahkamah dengan dibantu oleh Tuan Hitam (keluarga diraja) dan Encik Abdul Rahim bin Endut menjadi Penasihat Sulitnya.

Mengenai hasil Jabatan Mahkamah, ada dua jenis, iaitu 'Pembasuh Balai' (duit bayaran kerana mambasuh balai negeri selepas sesuatu perbicaraan) dan duit denda. Clifford berkeyakinan bahawa baginda Sultan ialah seorang pemerintah yang adil tetapi tidak berapa mengetahui segala perbuatan yang dilakukan oleh pegawainya dengan menggunakan nama 'Baginda'.

Biasanya denda-denda ini dijatuhkan kepada seseorang menurut pendapatan atau kekayaannya dan seorang yang dikenali jahat setelah menerima sedikit aduan sahaja boleh didenda dengan tak payah mendapat keterangan yang cukup tentang kesalahannya. Setelah mahkamah memutuskan hukumannya, maka permintaan ulang bicara tidak mungkin diperbuat (sama ada di Kuala Terengganu atau di jajahan) dan kedudukan mahkamah itu jadilah sebagai suatu alat untuk mendapatkan hasil negeri. Apabila denda atau hutang kepada kerajaan tidak dapat dibayar maka pesalah itu akan diletakkan di dalam penjara sehingga keluarganya datang membayar atau sesiapa yang suka menebusnya untuk dijadikan "hamba abdi" mengikut kenyataan Clifford di dalam catatannya itu. Mengenai pentadbiran baginda, ada penulis-penulis Barat seperti W.A. Graham, termasuk Clifford dan penulis-penulis tempatan juga seperti Chan Su Meng telah mengkritik dengan pedasnya. W.A. Graham menyatakan; tidak ada undang-undang yang bertulis, tidak ada mahkamah dan rakyat jelata tidak mendapat belas kasihan dan tertindas, negeri penuh dengan

orang alim. Sebaliknya rayuan belas kasihan dan aniaya mereka hilang tenggelam di dalam suara doa sembahyang.[180]

Chan Su Meng pula telah menulis antara lain maksudnya: "Hampir tidak ada bermakna mengenai perjalanan pentadbiran, dan Sultan telah mengasingkan diri untuk beribadat dan belajar.[181]

Yang aneh pula di dalam "His. of Tr." telah juga mencatat satu kritik yang memberi makna: Ahli-ahli dari peringkat rendah (Junior) di kalangan istana (atau pentadbiran) bermaharajalela tidak menaruh belas kasihan kepada ketua tempatan rakyat jelata.[182]

Pengkritik-pengkritik sejarah itu menulis sedemikian; haruslah berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diterima, yang berat sebelah, tidak berdasarkan kajian yang mendalam dan penelitian yang saksama dan haruslah juga berpandukan kepada laporan-laporan tahunan yang ditulis oleh pucuk pentadbiran penjajah.

Ahli-ahli sejarah yang waras yang tidak berat sebelah seperti D. Vere Allan pula berpendapat sebaliknya dan tidak ada bukti yang sebenar menyatakan berlaku penindasan pemerintahan baginda terhadap rakyat, hinggakan kalau menurut laporan Conlay British Agen Terengganu yang pertama pun ada menegaskan sedemikian. Selain dari itu, 'Majlis Mesyuarat' telah wujud berapa lama sebelum British campurtangan, yang menunjukkan urusan dan pentadbiran pemerintahan kerajaan dijalankan di dalam semangat bermusyawarah.


Di samping itu beberapa undang-undang telah pun wujud seperti undang-undang mahkamah dan lain-lain dan tokoh-tokoh agama serta guru-guru baginda sentiasa mengingatkan baginda pada menjalankan tanggungjawab pemerintahan dengan adil dan saksama. Hakim-hakim mahkamah adalah dari golongan yang berpengetahuan agama, dan luas di dalam bidang feqah, mengenai jenayah, dalilnya dapat dibuktikan dengan orang-orang yang dilantik. Selain dari itu baginda pernah menerima surat dari seorang guru baginda lagi penasihat yang sangat dihormati iaitu Saiyed Abdul Rahman (Tuk Ku Saiyed Paloh). Di antara lain surat itu membayangkan: "Bahawa sesungguhnya tiada terkaya tiap-tiap seseorang itu daripada membetulkan agamanya dengan mengikut dan menerima pertunjukan orang yang diikut akan pertunjukannya pada iktikad dan segala muamalah (kira bicara P.) yang duniawiah atau

---


180 J. De Vere Allen, The Ancient Regime in Trengganu 1909-1918 JMBRAS Vol. 41. Pt. 1 1968 m.s. 25.

181 Chan Su Meng- Kelantan and Terengganu 1909-1939, JMBRAS Vo; 38 Pt. 1 1965 m.s. 861.

182 M.C. ff Sheppard Op. cit. m.s. 38.



Gambar mohor Sultan Zainal Abidin III (di sebelah kiri) di sebelah kanan adalah mohor Sultan Mansur II.



Sepucuk warkah yang ditandatangani oleh Sultan Zainal Abidin III.

ukhrawiah (urusan dunia dan akhirat P.). Maka wajiblah pada syara' mendirikan raja supaya berhimpun segala hati pada bawah pemerintahannya dan aturan yang mahmud (terpuji P.) pada syara dan adat yang memudahkan bagi terdiri agama Islam dan mendatang Imam[183] dan kesenangan pada memberi kehidupan.[184]

Pihak penjajah yang tidak dapat meluluskan jarumnya semasa itu, tidak syak lagi cuba memburuk-buruk dan mendedahkan habis-habisan sesuatu keadaan supaya tujuannya berjaya.

Sepatutnya pengkritik-pengkritik tentu sedar, memandangkan penduduk negeri ini begitu ramai[185] dan masyarakat anak negeri dari golongan pertengahan telah berjaya di dalam bidang perusahaan, pertanian dan pertukangan, jika dibanding dengan penduduk pantai Barat semasa itu.[186] Di samping itu wujudnya perhubungan dagangan dengan Negeri Selat, Johor dan Jawa, tentulah rakyat negeri yang sudah mempunyai pengalaman dan perbandingan tidak rela cara-cara pemerintahan bercorak lama yang tidak membawa kepada kebahagiaan rakyat dijalankan oleh pemerintah. Maka kemajuan dan perubahan serta perkembangan negeri ini setakat itu dengan keupayaan yang tersendiri, bolehlah dibanggakan.

Buku "Nasihat Segala Raja-raja" yang dipakai khas dengan kehendak Baginda menunjukkan bagaimana pandangan berat Baginda terhadap pentadbiran negeri dan kebajikan rakyat dan Undang-undang Jabatan Bagi Segala Pangkat Pegawai Mahkamah Terengganu yang diwujudkan sebelum campurtangan British.

Pembahagian Pentadbiran Daerah-Daerah

Di dalam masa pemerintahan baginda, daerah-daerah di dalam negeri, terletak di bawah jagaan dan kelolaan orang-orang harapan baginda termasuk urusan hasil mahsulnya ialah:-

1. Kemaman & Kijal di bawah jagaan Tengku Muda ayahanda saudara baginda.
2. Kemasik di bawah jagaan Dato' Mata-mata.
3. Kerteh di bawah jagaan Tengku Embung mewakili isterinya seorang daripada anak saudara baginda.
4. Dungun di bawah jagaan Tengku Bukit nenda saudara baginda.

---

183 Harusiah "aman" P.

184 Salinan surat yang disimpan oleh Allah Yarhamuhu Engku Bijaya Sura anak Tuk Ku Saiyed Paloh.

185 Menurut keterangan Wright dan Raid penduduk Terengganu pada tahun 1912 berjumlah 154,000 orang (A. Wright and W.H. Raid The Malay Peninsula - 1912 m.s. 176.

186 Menurut J. de Vere Allen pada tahun 1874 jumlah penduduk Negeri Terengganu lebih tiga kali ganda dari penduduk Negeri Perak dan antara 12-15 kali dari Negeri Selangor. J.de Vere Allen, Sultan Zainal Abidin III dalam Malaysia In History Vol. 1. 12 No. 1. 1968, m.s. 3.

5. Mercang di bawah jagaan Tengku Putera (Singapura) mewakili isterinya Tengku Long Puteri dan isterinya Tengku Safiah.
6. Marang di bawah jagaan Tengku Besar, ipar baginda.
7. Setiu di bawah jagaan Tengku Mahmud bin Tengku Dalam, anak saudara baginda.
8. Besut di bawah jagaan Tengku Cik Tepok datuk saudara baginda.
9. Jeram Kelemang hingga ke hulunya di bawah jagaan Tengku Cik Pengeran kakak baginda.
10. Dari Jeram Kelemang sampai ke Kuala Telemung di bawah jagaan Encik Abdul Rahim bin Endut penasihat sulit baginda.
11. Sungai Telemung di bawah jagaan Tengku Muda datuk saudara baginda.
12. Sungai Nerus di bawah jagaan Engku Saiyed Paloh (Saiyed Abdul Rahman).
13. Dari Kuala Telemung hingga ke Kuala Terengganu, semua cukainya untuk keperluan baginda dan tanggungan-tanggungannya.

Menurut catatan mengenai perniagaan di masa pemerintahan baginda, di dalam tahun 1910 ada menyatakan: Perniagaan eksport 'barang-barang keluar' yang luas telah diadakan dengan Negeri Kelantan, Siam, Indo-Cina dan Berunai tetapi catatan jenis perniagaan tidak dinyatakan. Di dalam tahun itu jumlah harga barang-barang eksport ke Singapura ialah $1,513,914, jumlah sebenarnya tentulah berlipat ganda kerana pada tahun itu sahaja pelabuhan-pelabuhan di sebelah utara telah disinggahi oleh kapal-kapal dari Terengganu sebanyak 439 kali berbanding dengan 161 kali persinggahan di pelabuhan antara Terengganu dan Singapura.

Di antara barang-barang yang dihantar ke Singapura ialah ikan, bijih dan kelapa kering, Jumlah harga ikan yang dihantar ke luar itu sebanyak $464,288.00, bijih besi $313,177.00 (iaitu sebanyak 6,000 pikul) dan kelapa kering $281,813 manakala eksport ke Singapura tahun 1900 sebanyak $971,243.00 dan tahun 1901 berjumlah $1,177,880.00.[187]

Keluarga

Baginda mempunyai beberapa putera dan puteri tetapi kebanyakannya telah mangkat semasa kecil lagi: Dari isteri baginda Cik Kelsum bt. Haji Daud melahirkan: (1) Tengku Ngah Asiah (2) Tengku Nik Maimunah (3) Tengku Muhammad (bekas Sultan Muhammad menjadi Sultan pada 21.2.1337 (26.11.

187 M.C. ff Sheppard - Op. Cit. - m.s. 52.

1918) turun takhta 3.9.1338=26.5.1920 mangkat pada 1 Ramadhan 1375H bersamaan 11hb. April,1956), (4) Tengku Muda Sulaiman (Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah) daripada bondanya Cik Asiah bt. Abdullah menjadi sultan pada 3.9.1338. 26.5.1920 mangkat 15.9.1361 (25.9.1942) (5) Tengku Dalam Halimah (bergelar Tengku Nila Puri mangkat 22.5.1958) (6) Tengku Wook Aminah (bergelar Tengku Kesuma Puri) mangkat pada 19.2.1975 daripada bundanya Cik Aminah (7) Al-Marhum Tuanku Sultan Ismail Nasaruddin Shah. Naik takhta 16.12.1945 (21.1.1363H) dimahkotakan pada 6.6.1949 mangkat pada 30.9.1979 dari bundanya Cik Maimunah binti Abdullah. (8) Tengku Muhammad dari bundanya Cik Zainab bt. Saleh (9) Tengku Besar Mahmud (Tengku Seri Utama Raja) dari bundanya Tengku Mandak Aisah binti Mustafa bergelar Tengku Seri Kemala.

Selain dari itu putera-puteri baginda yang telah meninggal dunia ialah: (1) Tengku Wook dilahirkan dalam tahun 1299H (1881M). (2) Tengku Jebah dilahirkan dalam tahun 1297H (1879M) bundanya Cik Teh yang dikatakan isteri baginda yang tua sekali (3) Tengku Teh dilahirkan dalam tahun 1299H (1881M) dari bundanya Cik Aminah. (4) Tengku Besar Hafsah dilahirkan dalam tahun 1312 (1894M) daripada bundanya Tengku Puteri binti Tengku Muhammad Said Daik.

Baginda memerintah Negeri Terengganu Darul Iman selama lebih kurang 36 tahun 11 bulan 6 hari dan merupakan suatu masa yang lama di antara pemerintah-pemerintah Terengganu. Yang demikian sudah tentu baginda banyak membuat perubahan dan jasa bakti yang cemerlang kepada negeri dan rakyat yang sentiasa menjadi kenang-kenangan dan sanjungan.

Madrasah Al-Sultan Zainal Abidin, Masjid Abidin, Jalan Sultan Zainal Abidin dan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin adalah diantara beberapa kenangan yang diabadikan oleh rakyat dan kerajaan kerana mengenangkan jasa-jasa baginda.

Peristiwa Di Dalam Masa Pemerintahan Baginda

Antara peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di dalam masa pemerintahan baginda hingga akhir hayatnya, ialah:

1. *Api Pecah Gedung*

Di dalam tahun 1300 Hijrah (1882M) lebih kurang setahun selepas baginda dilantik menjadi pemerintah, suatu kejadian kebakaran yang paling ngeri telah berlaku di dalam sejarah Negeri Terengganu. Dikatakan sebanyak 1,600 buah rumah telah ranap dimakan api. Kejadian ini termasyhur dengan nama 'Api Pecah Gedung' kerana banyak gedung-gedung termasuk tempat simpanan ubat bedil dan istana Sultan (Istana Hijau) menjadi mangsanya.

Bantuan sebanyak 2,000 ringgit telah dihantar daripada Singapura untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran ini dan bantuan sejumlah itu juga telah diterima dari Negeri Siam. Pihak baginda sendiri telah memberi bantuan berupa wang dan pakaian kepada pembesar-pembesar dan kerabat-kerabat DiRaja.

2. *Perkahwinan Baginda*

Pada pagi 27 Muharram tahun 1303 Hijrah (4 November 1885M) baginda telah berangkat ke Negeri Pahang dengan sebuah kapal api bernama 'Seri Mangga'[188] kerana berkahwin dengan Tengku Long Puteri Sulong Sultan Ahmad Pahang.

Baginda telah melantik Saiyed Abdullah Menteri Besarnya menjalankan pentadbiran pemerintahan negeri semasa ketiadaan baginda (sebelum daripada perkahwinan ini baginda telah berkahwin dengan Cik Teh Lingga kira-kira dalam tahun 1878).

Keberangkatan Di Raja ini, disertai oleh lebih kurang 430 orang pengiring di dalam kenaikan kapal baginda. 1,000 orang lagi pengiring baginda menaiki perahu-perahu besar, iaitu tiga belas buah perahu besar anak-anak raja dipunyai oleh Yang Dipertuan Muda, Tengku Panglima Besar, Tengku Dalam, Tengku Ibrahim, Tengku Muda, Tengku Ngah Menantu, Engku Muda, Tengku Muda Dungun, Tengku Muda Singapura, Tengku Bukit, Tengku Ngah dan Tuan Muda. Delapan buah dipunyai oleh pembesar-pembesar dan ketua-ketua iaitu Dato' Mata-mata, Dato' Bendahara, Panglima Perang, Panglima Dalam, Dato' Kaya Duyung,(Wan Abdul Kadir bin Abdullah), Dato' Kaya Wan Zainal dan Wan Sulaiman.

Selain dari itu, Kapitan Cina telah membawa tiga buah perahu besarnya bersama-sama rombongannya, begitu juga jurubahasa dengan perahu besarnya.

Tiga buah perahu besar kepunyaan baginda telah dimuat dengan beras bekalan. Pendek kata, sekalian pengiring-pengiring itu membawa kenaikan perahu besar masing-masing.

Angkatan DiRaja ini tiba kira-kira jam 9 malam di muara Kuala Pahang Tua, dan keesokan paginya berangkat ke Pahang Muda. Setibanya di situ, disambut dengan penuh adat istiadat raja-raja dan upacara kebesaran. Adalah dikatakan, untuk menyiapkan kelengkapan dan persediaan perkahwinan ini mengambil masa tiga bulan setengah.

Istiadat hantar belanja dilangsungkan pada 21 Safar (28 November 1885) dan istiadat menerima mahar kahwin (menghantar belanja) dijalankan

---

188 Ada catatan menyatakan keberangkatan itu berlaku dalam bulan Julai 1885 Haji Buyong Adil. Sejarah Pahang Op. Cit. – m.s. 205.

pada hari Jumaat 4 Rabiul Awal/10 Disember pukul empat petang. Akad nikah dilangsungkan pada hari Khamis 10 Rabiul Awal di Istana Besar oleh Tuan Kadi Haji Muhammad bin Yusuf, Terengganu. Istiadat berinai pula pada hari Sabtu 18 Rabiul Akhir (23.1.1886) dan bersanding pada 22 Rabiul Akhir 1303H. (27.1.1886).

Istiadat perkahwinan Diraja ini ditamatkan pada hari Isnin 10 Jamadil Awal (13.2.1886). Baginda bersemayam di Negeri Pahang bersama-sama isterinya itu selama setahun.

3. *Angkara Tengku Abdul Rahim*

Semasa baginda di Negeri Pahang, suatu kejadian telah berlaku di Kuala Terengganu, iaitu ayahanda saudaranya Tengku Abdul Rahim melepaskan orang-orang salah di dalam penjara. Kononnya beliau ingin hendak merampas kuasa tetapi kewibawaannya tidaklah begitu sempurna. Saiyed Abdullah Menteri Besar yang menjalankan pemerintahan negeri semasa itu telah memaklumkan hal kejadian ini kepada baginda di Pahang dan baginda telah memberi kuasa penuh kepada Menteri Besarnya itu mengambil tindakan yang sewajar bagi mencegah dan menghadapi krisis ini. Maka hampir-hampir berlaku pertumpahan darah dan peperangan saudara yang hebat sebelah menyebelah tetapi pertikaian itu dapat dipadamkan dan Tengku Abdul Rahim telah berpindah ke Kampung Cendering, 8 km dari Kuala Terengganu.

4. *Menteri Besar Meletak Jawatan*

Selepas berangkat balik dari Pahang di dalam tahun 1886M, tidak beberapa lama antaranya, maka Saiyed Abdullah Engku Besar Paduka Raja bin Syed Zain Perdana Menteri telah meletak jawatannya dan diganti oleh Tengku Ahmad Yusuf yang dikenali dengan nama Tengku Tengah bergelar Tengku Besar Paduka Indera, putera bekas Sultan Mahmud Lingga. Beliau terus memegang jawatan ini hingga ke akhir hayatnya selama dua belas tahun.

5. *Perkahwinan-Perkahwinan Diraja*

Pada malam Jumaat 21 haribulan Rabiul Awal tahun 1304 Hijrah (17.12.1886) baginda telah menjalankan istiadat perkahwinan di antara saudaranya Tengku Zubaidah dengan Tengku Muhammad bin Tengku Besar Daik menurut istiadat kebesaran raja-raja.

Pada 8 Rabiul Akhir (3.1.1887) malam Isnin, di dalam tahun itu juga baginda telah menjalankan pula istiadat perkahwinan kekandanya Tengku Chik Bukit dengan Tengku Chik Melaka bin Al-Sultan Ali Singapura dan pada 8 Rajab hari Isnin 1310 Hijrah (25.1.1893M) dijalankan perkahwinan Puteri baginda bernama Tengku Jebah dengan putera saudaranya Tengku Chik Besar bin

Tengku Besar Muhammad Yusof. Istiadat ini mengambil masa selama empat puluh hari empat puluh malam. (Tengku Jebah puteri baginda, dilahirkan kira-kira di dalam tahun 1879M dengan isteri baginda bernama Cik Teh binti Abu Bakar).

6. *"To' Kaya Mengamuk"*

Satu daripada peristiwa yang menjadi sebutan dan kenangan di dalam masa pemerintahan baginda, ialah kejadian 'To' Kaya Mengamuk'. To' Kaya ialah seorang pembesar baginda yang sangat dikasihi lagi dihormati. Gelaran penuhnya 'Orang Kaya Bija Diraja' nama tubuhnya Encik Yusuf anak Dato' Bentara Haji (Encik Muhammad bin Othman). Kejadian ini berlaku kira-kira jam 12, malam Ahad, 21hb. Jamadil Awal tahun 1304H (13 Januari, 1887M).

Sebab musabbab berlakunya kejadian itu menurut cerita-cerita yang didapati ialah berpunca kerana kekalahan judi. Orang Kaya itu telah tidak berjaya mendesak isterinya supaya memberi wang kepadanya untuk memuaskan nafsunya di dalam permainan yang terkutuk itu. Akhirnya ia meradang lalu membakar rumahnya serta mengamuk dan membunuh isterinya Cik Aishah, isterinya telah hangus di dalam kebakaran itu dan meninggal dunia, kemudian ia menikam anak kecilnya yang sedang menyusu, dan membunuh beberapa orang lain.

Mula-mulanya ia membakar rumahnya yang terletak lebih kurang 250m sahaja daripada Masjid Abidin, kemudian api melarat dari sebuah rumah ke sebuah rumah di dalam kawasan tersebut.

Penduduk bandar Kuala Terengganu dari segala bangsa telah menjadi ketakutan dan sangat bimbang di atas kejadian huru-hara ini. Akhirnya To' Kaya datang ke Kampung Tengku Mustafa (di kawasan kampung penulis mendiami hingga tahun 1974 yang dikenali dengan nama Kampung Baharu). Orang kampung telah menolong memadamkan api supaya tidak bertambah melarat, tetapi To' Kaya yang sudah mabuk darah menikam kepada siapa sahaja yang dijumpainya kemudian berlaku pertarungan hebat di antaranya dengan gurunya sendiri, Tengku Long Pendekar bin Mustafa. Kebetulan semasa itu Tengku Long sedang demam. Manakala diketahui yang To' Kaya (muridnya) mengamuk, beliau pun mengambil sebilah pedang lembik walaupun ditahan oleh beberapa orang yang ada di dalam rumahnya supaya beliau jangan turun dari rumah kerana keuzuran dirinya, tetapi beliau tidak menghiraukan nasihat itu. Di dalam perlawanan senjata yang berlaku di antara guru dengan murid atau kedua-dua pendekar yang terkenal di dalam Terengganu semasa itu, malangnya ajal Tengku Long telah sampai, beliau mati ditikam oleh muridnya To' Kaya di halaman rumah Tengku Mustafa bin Salim di Kampung Masjid itu.

Selepas itu, To' Kaya menyerang pula masuk ke dalam kawasan di hadapan selasar rumah Tengku Mustafa dan menikam sesiapa sahaja yang dijumpai di situ. Tengku Mustafa sendiri berkesempatan menikam dengan tombak kepada To' Kaya, terkena peha sebelah kirinya. Seorang datuk penulis juga telah ditikam oleh To' Kaya. Kemudian To' Kaya pun undur ke halaman Masjid Abidin.

Berita To' Kaya Mengamuk' telah dipersembahkan kepada baginda Sultan lalu baginda pun bertitah supaya ianya ditembak walaupun ianya orang yang disayanginya. Tugas ini diberi kepada Tengku Hitam bin Tengku Dalam. Akhirnya Orang Kaya itu ditembak dengan senapang terkena alis kening di sebelah kiri dan mati serta merta ketika itu ia sedang duduk bersandar di tepi tambak Masjid Abidin.

Menurut cerita yang didengar, jumlah mereka yang meninggal dunia ditikam oleh To' Kaya, seramai sepuluh orang manakala yang luka sepuluh orang juga. Ada cerita yang mengatakan jumlah yang mati dan yang luka seramai 30 orang dan jumlah rumah terbakar lebih kurang 50 buah.

Inilah suatu kejadian mengamuk di dalam Sejarah Terengganu yang paling dahsyat dan ngeri. Semasa penulis masih kecil lagi, kerap kali mendengar cerita-cerita mengenai peristiwa ini dari orang-orang tua yang sempat menyaksikan sendiri kejadian itu.


7. *Gabenor dan Residen melawat bersama*

Pada 6.6.1866 Gabenor Sir Frederick Weld bersama Residen Perak dan Residen Selangor serta beberapa pegawai lain seramai lapan orang melawat Terengganu dan mengadap Sultan. Tidaklah dapat diketahui butir-butir rasmi lawatan tersebut itu. Tetapi dipercayai adalah langkah permulaan menarik Terengganu ke dalam genggaman jajahan British.

8. *Mendiri Pintu Gerbang dan Gelaran 'Khadimus Syari'*

Kira-kira 12hb. Syaban 1304=5.5.1887 hari Rabu jam lebih kurang 10 pagi diadakan istiadat mendirikan pintu gerbang Kota Istana Maziah dengan titah baginda. Enam belas das tembakan meriam dilepaskan semasa dilangsungkan upacara istiadat itu, manakala istiadat meletakkan batu asas Istana Maziah pula ialah pada hari Jumaat jam 10 pagi, 7 Zulhijjah tahun 1312H (2hb Jun 1895M) iaitu lebih kurang selepas delapan tahun kemudian.

Dalam tahun ini juga (1304H=1887M) baginda telah melantik Haji Wan Abdul Latif bin Abdullah Losong menjadi kadi dan dikurniakan Mohor Kadi kepadanya dengan gelaran 'Khadimus Syari'.



Pintu Gerbang Istana Maziah.

9. *Lawatan Raja Siam*

Dengan tujuan[189] mengeratkan ikatan muhibah dan menyaksikan sendiri keadaan Negeri Terengganu dari dekat dan berjumpa dengan Sultan, maka pada hari Jumaat 1 Muharram 1306H (7 Sept. 1888M) te;ah tiba di Kuala Terengganu, Raja Siam Chulalongkorn King Rama V[190] dengan suatu angkatan mengandungi 6 buah kapal dan berada di Kuala Terengganu selama dua hari.

Lawatan DiRaja ini telah disambut dengan upacara kebesaran dan penuh istiadat. Baginda Sultan sendiri berangkat turun ke kapal menyambutnya dengan sebuah sekuchi bersama-sama dengan Yang Dipertuan Muda, Tengku Panglima Besar, Tengku Muda Menantu, Tengku Long, Tuan Hitam, seorang Laksamana Tentera Laut Siam, dan Raja Muda Senggora.

Setibanya kenaikan Sultan di kapal Raja Siam maka Laksamana Siam terus naik terlebih dahulu, kemudian disusuli oleh baginda dan diikuti oleh Yang Dipertuan Muda, Raja Muda Senggora, Tengku Panglima Besar, Tengku Muda dan Tuan Hitam.

---

189 His. of Tr. tarikh dalam bulan April 1887. M.C. ff Sheppard. op. cit. m.s. 40.

190 Lahir 1853 menjadi raja 1868-1910

Sekaliannya mengadap dan berjumpa Raja Siam, kemudian satu istiadat kurniaan bintang-bintang kebesaran Negeri Siam telah dilangsungkan di atas kapal oleh Raja Siam menurut darjah dan taraf masing-masing kepada baginda Sultan, Yang Dipertuan Muda dan Raja Muda Senggora.

Selepas itu, baginda Sultan berangkat naik ke darat bersama-sama laksamana Siam kerana menanti di Balai Khas yang telah didirikan untuk menyambut lawatan DiRaja itu. Sementara itu Yang Dipertuan Muda tinggal di kapal, dan beberapa banyak perahu kelihatan siap sedia menanti untuk mengiringi keberangkatan Raja Siam berangkat ke darat.

Menurut cerita, ada membayangkan bagaimana meriahnya sambutan yang diberi terhadap lawatan Raja Siam. Apabila Raja Siam berangkat naik ke darat dan setelah beristirehat di bangunan khas, baginda diberi tembakan meriam sebanyak 21 das. Kemudian empat buah kerusi khas diangkat ke situ, sebuah untuk Sultan, sebuah untuk Laksamana, yang digelar Raja Laut, sebuah untuk Yang Dipertuan Muda diletakkan belakang Laksamana dan sebuah untuk Panglima Besar diletakkan di belakang Sultan. Manakala kerusi untuk Raja Siam telah disediakan terlebih dahulu berhadapan dengan Sultan. Raja Siam ada bertitah kepada baginda melalui jurubahasa, tetapi titahnya itu tidaklah didengar oleh mereka yang lain dan tidaklah diketahui kandungannya.

Setelah itu, Raja Siam mengurniakan berbagai-bagai hadiah kepada pembesar-pembesar negeri. Kemudian berangkat dari bangunan itu menuju ke jambatan, dan berjalan hingga ke pintu gerbang menuju pula ke Balai Istana.

Setelah berehat selama tiga jam di balai istana Raja Siam pun masuk ke dalam istana seorang diri.

Persemayaman Raja Siam di dalam istana, tiadalah memakai kerusi hanyalah di atas hamparan sahaja. Di kelilingnya anak-anak, kerabat-kerabat dan isteri-isteri Sultan.

Setelah selesai dari jamuan Raja Siam pun mengurniakan hadiah-hadiah yang berharga kepada isteri-isteri Sultan, kemudian berangkat turun ke kapal.

Di sebelah malamnya (malam Sabtu), Raja Siam telah memerintahkan pegawainya naik ke darat membawa empat biji Cepu Emas hadiah kepada Tengku Long, Tengku Chik, Tengku Maimunah, Tengku Khadijah saudara-saudara baginda, tiap-tiap seorang sebiji.

Pada keesokannya (hari Sabtu) Raja Siam berangkat naik pula ke darat kira-kira jam 2 petang dengan disambut oleh baginda Sultan, Yang Dipertuan Muda, anak-anak raja dan pembesar-pembesar negeri.

Pada kali ini perahu kenaikannya terus mudik ke Kampung Cina dan beginda berangkat naik ke rumah Kapitan Cina dan berjalan kaki melalui kedai-kedai serta membeli belah berbagai jenis barang, kemudian kembali ke istana.

Pada hari itu Raja Siam telah mengurniakan hadiah kepada Tengku Panglima, Tengku Putera, Tengku Chik Melaka, Tengku Hitam, Tengku Umar dan lain-lain pembesar lagi, tiap seorang sehelai kain benang emas dan kepada lain-lain pula kain panas.

Selepas itu, Raja Siam berangkat turun ke kapal dan belayar balik ke Siam pada petang itu juga. Semasa keberangkatan balik, tidaklah diadakan apa-apa tembakan meriam dengan kehendak Raja Siam sendiri.

Menurut cerita yang penulis dapati, terdahulu dari ini tidaklah pernah raja-raja Negeri Siam datang melawat Ke Kuala Terengganu, cuma dihantar utusan-utusan sahaja. Oleh yang demikian, rakyat negeri menaruh kepercayaan bahawa Sultan Zainal Abidin Yang ketiga adalah seorang raja yang bertuah, berdaulat lagi dihormati.

Adalah diceritakan juga, semasa baginda Sultan berangkat menghantar Raja Siam belayar balik maka Raja Siam telah menghadiahkan kepada baginda Sultan sebilah pedang berhulu dan bersarungkan emas, serta sepasang selipar bertekat emas. Hadiah seumpama ini belum pernah diberi kepada mana-mana Sultan yang memerintah Negeri Terengganu Darul Iman.

Lebih kurang setahun sembilan bulan kemudian, Raja Siam Chulalongkorn telah berangkat pula melawat Terengganu. Ringkasan lawatannya bagaimana yang didapati seperti berikut:

Pada 18hb. Syawal tahun 1307H (6.6.1890M) telah tiba di Kuala Terengganu dari Singapura seorang anak raja Siam dikatakan putera kepada Prat Uwan bernama Kumca dengan titah Raja Siam mengadap baginda Sultan kerana mempersembahkan berita bahawa Raja Siam akan tiba di Kemaman dari Singapura dan dipersilakan baginda menyambut di sana. Setelah bermesyuarat dengan para menterinya dan mendapat persetujuan, baginda pun berangkat ke Kemaman dengan kapal yang bernama 'Alwin'. Tiba di sana pada keesokan malamnya kira-kira pukul dua belas.

Raja Siam pula tiba pada tengah hari, 20 Syawal 1307=8.6.1890. Pada keesokan harinya baginda Sultan berangkat ke laut Kemaman dengan sekuci bersama Prat Kumcha dan Raja Senggora, untuk berjumpa dengan Raja Siam di kapal kenaikannya.

Ketibaan Sultan, disambut dengan penuh kehormatan oleh Raja Siam. Selama tiga jam baginda berada di atas kapal, kemudian berangkat turun ke

perahu kenaikannya. Selepas itu Raja Siam berangkat naik pula dengan sebuah kapal kecil, kerana melawat 'Bukit Tengah' untuk memeriksa dan meyaksikan sempadan antara Kemaman dengan Pahang. Bersama-sama Baginda Sultan ialah Tengku Musa, Wan Ngah, dan Encik Umar anak Bentara Haji.

Setelah tiba di Bukit Tengah dan melihat keadaan tempat serta sempadan maka Raja Siam pun berangkat kembali ke kapal. Sementara itu baginda Sultan berangkat ke Kemaman. Pada keesokan harinya, Raja Siam berangkat naik ke darat melawat Kemaman dengan disambut oleh Baginda Sultan. Khabarnya Raja Siam ada memberi hadiah kepada pembesar yang mengetuai jajahan itu sebanyak 200 ringgit Mexico.

Pada hari Rabu, Raja Siam, dan baginda Sultan berangkat belayar ke Kuala Terengganu dan singgah di Kuala Terengganu. Raja Siam telah berangkat belayar ke Siam pada malam jumaat. Jumlah rombongan lawatan DiRaja pada kali ini ialah dua belas buah kapal kecil besar.

Selepas lapan hari dari tarikh itu sampailah sebuah kapal dari Negeri Siam bersamanya Prat Kumcha yang membawa perutusan dari Raja Siam kerana berunding dengan baginda Sultan mengenai perkara anak sungai (jajahan-jajahan) yang telah dikurniakan oleh baginda kepada orang-orang besarnya, Pihak Raja Siam mahukan suatu laporan apakah bukti dan jasa mereka terhadap baginda dan siapakah orang-orangnya.

Cerita selanjutnya mengenai hal ini tidak dapat diketahui dengan tepat tetapi adalah dipercayai laporan-laporan itu telah pun disampaikan kepada Raja Siam.

Selain daripada lawatan di raja ke Negeri Terengganu sebagaimana yang tersebut maka ada lagi lawatan dilakukan oleh Raja Siam kira-kira pada 26 Safar tahun 1314H (5.8.1896M) hari Khamis jam 7 pagi, dengan suatu angkatan mengandungi lima buah kapal. Di dalam kapal kenaikan Raja Siam, adalah dianggarkan lebih kurang 500 orang pengiring-pengiring baginda.

Suatu majlis jamuan secara duduk bersila telah diadakan bagi meraikan lawatan tersebut yang ditempatkan di dalam sebuah bangunan rumah limas di tepi Bukit Puteri, manakala untuk orangramai diadakan di dalam suatu tempat di sebelah belakang Balai Istana.

10. *Tuk Syeikh Duyong Meninggal*

Pada hari Khamis lebih kurang pukul 4 petang 12 haribulan Jamadil Akhir 1306H (13.2.1889M) seorang Ulama Terengganu yang terkenal bernama Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin termasyhur dengan gelaran Tuk Syeikh Duyong

telah meninggal dunia. Baginda Sultan telah berangkat ke Duyong kerana menziarahi kematian itu.

11. *Kelahiran Yang Dipertuan Muda*
Pada 1 Ramadhan 1306H (1.5.1889) malam Khamis, jam 7 malam, isteri baginda yang bernama Cik Kalsum binti Haji Daud telah melahirkan seorang putera, dinamakan Tengku Muhammad (Tengku Chik Muda). Sebanyak 16 das tembakan meriam dilepaskan sebagai menyambut keputeraan itu. Pada 3 haribulan Ramadhan, dijalankan istiadat "Buang Tembuni", disambut dengan 16 das tembakan meriam. Semasa usianya tiga tahun dijalan istiadat "Berandam Surai" (cukur kepala), disambut pula dengan 16 das tembakan meriam dan semasa menjalankan istiadat "Jijak Tanah", dua pucuk meriam telah diusung ke Chabang Tiga. Istiadat itu dilakukan di perkuburan Tuk Ku Tuan Besar (Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin Al Idrus) ayahanda Tuk Ku Paloh dan 16 das meriam telah dilepaskan dan apabila putera baginda berusia 6 tahun, lalu digelar Yang Dipertuan Muda.

12. *Yang Dipertuan Muda Tengku Abas Meninggal Dunia*
Pada hari Khamis lebih kurang jam 11.30 pagi 14 Rabiul Awal 1307H (7 November 1889M) Yang Dipertuan Muda Tengku Abas ayahanda saudara baginda Sultan Zainal Abidin III telah meninggal dunia dan dimakamkan dengan adat istiadat kebesaran raja-raja.

13. *Isteri Baginda Meninggal Dunia*
Pada malam Isnin 17 Rajab 1309H (15.2.1892M) isteri baginda yang pertama Cik Aminah binti Abdullah telah meninggal dunia dengan meninggalkan seorang putera dan seorang puteri iaitu Tengku Teh dan Tengku Abdullah, (Tengku Abdullah mangkat pada hari Rabu 5 petang, 24 Sya'ban tahun [23.3.1892M]).

14. *Permulaan Sukatan dan Timbangan*
Kira-kira pada 17 Muharram 1311H (31.7.1893M) Baginda Sultan telah mengurniakan gantang, cupak, leng, timbangan dacing kecil dan besar kepada Panglima Dalam Wan Ngah. Beliau dilantik sebagai Merinyu Sukatan dan Timbangan. Semasa itu perkiraan yang dipakai, pada gantang, ialah dengan jalan ditimbang dengan padi sekadar lima kati beras, bersamaan satu gantang dan dacing pikul pula dikira ialah duapuluh tiga rial beratnya dan dacing kecil ialah dua rial setengah pada sekati.

Adalah dikatakan yang membuat gantang tembaga dan diterakan ialah seorang pembesar negeri bernama Tengku Abdul Kadir dengan titah baginda sendiri.

15. *Perkahwinan Dengan Tengku Putri Lingga*

Pada malam Jumaat 13 Zulhijjah tahun 1309H. (7 Julai 1892M) baginda telah berkahwin dengan Tengku Puteri binti Tengku Said Riau Lingga. Perkahwinannya ini tidaklah berpanjangan kerana Tengku Puteri itu telah mangkat pada 17 Jamadil Akhir tahun 1313H (15.2.1896M).

16. *Berangkat ke Pahang*

Kira-kira pada pagi hari Rabu 14hb. Rabiul Akhir 1311H (4.10.1893) baginda berangkat ke Pahang dengan tujuan hendak membawa balik isterinya diiringi oleh Tengku Chik Abu Bakar suami isteri, Tengku Chik Melaka suami isteri, Tengku Besar, Tuan Hitam, Tengku Muda, Tengku Musa, Tengku Dalam, Tengku Usman, Tuan Dalam, Encik Abdul Rahim, Panglima Dalam dan lain-lainnya.

Angkatan ini singgah di Pulau Kapas kira-kira pukul 8 pada pagi tersebut, bertolak pada pukul 2 petang, tiba di Kuala Pahang pukul 1 pagi keesokan kemudian masuk ke Kuala Pahang pada pagi itu.

Suatu sambutan yang meriah telah diadakan di Kuala Pahang diketuai oleh Tengku Ali Bendahara dan Temenggung. Kira-kira selama setengah jam baginda beristirehat di rumah British Residen kemudian berangkat ke hulu Pekan. Manakala tiba, lalu disambut dengan adat istiadat kebesaran dan kehormatan raja-raja Melayu, kemudian berangkat ke istana di mana Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang mengalu-ngalu dan menyambut ketibaan baginda.

Angkatan DiRaja ini berada di Pahang hingga 23 Rabiul Akhir (hari Jumaat) kemudian berangkat balik ke Kuala Terengganu. Di dalam pelayaran balik, tatkala hampir tiba di perairan Dungun turunlah angin yang amat kencang selama lebih kurang lima jam. Semua orang di dalam kapal menjadi mabuk melainkan baginda, Tengku Musa dan Tengku Embong dan selamat tiba di Kuala Terengganu pada hari Selasa 27hb. Rabiul Akhir 1311H (17.10.1893).

17. *Lawatan Clifford*

Menurut catatan yang didapati, kira-kira pada 14 Syawal tahun 1312H (11.1.1895M) Hugh Clifford, British Residen Pahang telah datang mengadap baginda Sultan berhubung dengan orang-orang pelarian dari Negeri Pahang yang memberontak menentang kemasukan British ke Pahang. Beliau telah

bercakap panjang dengan baginda dan pada 28hb. April, beliau berlepas dari Kuala Terengganu ke Kuala Berang untuk menemui pasukannya di sana.

Hampir dua bulan setengah, Clifford dan pasukannya merayau-rayau mencari pahlawan Pahang di Kawasan Hulu Terengganu, Hulu Telemong, Hulu Nerus dan Hulu Besut tetapi tidak berjaya. Pada 7 Jun, Clifford dan pasukannya tiba semula di Kuala Terengganu, dan sekali lagi beliau mengadap Sultan serta memohon supaya pemimpin pemberontak dari Pahang yang dipercayai berada dalam kawasan rumah Tuk Ku Paloh[191] diserahkan kepadanya.

Baginda Sultan telah mengutus sepucuk surat kepada Tuk Ku Paloh dan meminta beliau menyerah pemberontak-pemberontak itu. Pada pagi 8 Jun, surat jawaban dari Engku Saiyed Paloh telah diterima dengan dibawa oleh Tengku Dalam di dalamnya menyatakan:

"Beliau tidak tahu sama sekali mengenai orang-orang yang dikatakan pemimpin pemberontak Pahang itu, sekiranya baginda menyatakan ada bersama-samanya, silalah baginda menunjuk di manakah tempatnya."

Clifford sekali-kali tidak percaya di atas jawaban itu yang serupa sahaja tujuan sebagaimana pada masa yang lepas. Pada 8 Jun, Tengku Besar telah memberitahu Clifford, menyatakan ianya dapat perintah membawa sepasukan seramai 400 orang untuk menyiasat di Kampung Paloh mencari pemberontak-pemberontak itu. Clifford telah menghantar 4 orang pembesar Melayu dalam pasukannya untuk pergi bersama.

Pada petang itu juga orang besar yang mewakili Clifford balik dari Kampung Paloh dan memberitahu Clifford tentang tindakan- tindakan yang dijalankan oleh pasukan Terengganu yang menyiasat di Kampung Paloh dan tidak ada berjumpa dengan pemberontak-pemberontak. Manakala pihak pembesar Terengganu yang mengandungi Dato' Mata-mata, Wan Nik dan lain-lain telah juga memberitahu Clifford di atas natijah penyiasatan itu. Nampaknya Clifford tidak puas hati dan masih mempercayai pemberontak-pemberontak itu sebenarnya berada di Kampung Paloh dan nampaknya secara mengugut beliau menyatakan tidak beberapa hari lagi kapal Sea Belle akan sampai di Kuala Terengganu. Sekiranya pemberontak itu tidak diserahkan, ia akan balik ke Singapura dan akan menyerah perkara ini kepada Gabenor.

Pada 10 Jun, Clifford mengadap Sultan lebih kurang selama tiga jam menerangkan segala-galanya kepada baginda Sultan. Pada jam 10 malam itu

191 Saiyed Abdul Rahman bin Muhammad Al Edrus, meninggal dunia pada malam Sabtu 12 Zulhijjah 1336H (6.9.1918M).

Clifford pun belayar dari Kuala Terengganu dengan kapal Sea Belle menuju ke Singapura dengan perasaan hampa dan marah.

Semasa Clifford di Kuala Terengganu ia telah berjaya mendapat sepucuk surat pemasyhuran dari baginda Sultan, mengenai bantuan mencari pemberontak itu dalam Negeri Terengganu. Bunyi surat itu ialah:

Chap mohor
Sultan Terengganu.

Tarikh sanah 1312 pada 3 haribulan Syawal hari Khamis pukul tiga maka dewasa itulah kita Sultan Zainal Abidin bin Almarhum Sultan Ahmad yang empunya pemerintah Negeri Terengganu memperbuatkan surat keterangan yang dimeterikan cap di atasnya ini beri kepada Tuan Hugh Clifford Acting British Resident Pahang bertiga dengan Luang Vidudh dan Luang Swat menyatakan adalah kita telah membenarkan Tuan Hugh Clifford Acting British Resident Pahang bertiga dengan Luang Vidudh Dan Luang Swat boleh kuasa memeriksakan di atas mana-mana daripada rakyat-rakyat yang di dalam jajahan negeri kita pihak hulu Sungai Terengganu dan di dalam daerah segala anak-anak sungai yang takluk kita yang telah disangka oleh Tuan Hugh Clifford Acting British Resident Pahang dan Luang Vidudh Dan Luang Swat bertiga itu akan seseorang daripada rakyat- rakyat kita di dalam daerah yang tersebut itu melindungkan akan mereka yang derhaka kepada Kerajaan Pahang yang termaklum Si Bahaman dan Si Rasu dan Mat Kilau dan yang bersama-sama mereka itu menyorokkan perkhabaran atau rahsia mereka itu supaya melindungkan diri mereka itu sekarang ini di mana-mananya, maka bolehlah Tuan Hugh Clifford resident Pahang dan Luang Vidush dan Luang Swat bertiga periksa dengan sebagai periksa yang patut kepada ketiganya itu dan jika didapatinya akan keterangan yang sah dan nyatakan seseorang itu menolong akan mereka itu dengan memberi makanan atau barang sebagainya daripada segala jenis pertolongan maka boleh Tuan Hugh Clifford Resident Pahang dan Luang Vidudh dan Luang Swat di hadapannya bertiga-tiga melakukan hukum kesiksaan di atas seorang itu dengan sebagaimana yang patut kepada ketiganya pada ketika itu juga dan jika sekiranya berhubunglah daripada segala perkara yang tersebut itu kepada mereka tiada kuasa serta segala anak raja-raja dan segala tuan-tuan Saiyed dan segala orang besar maka keluarlah daripada kuasa surat ini melainkan hendaklah dinyatakan kepada kita dan mengambil mesyuarat daripada kita supaya kita menolong dengan kekuatan kita atas yang demikian supaya jangan menjadi kecederaan dan kesusahan kepada Tuan Hugh Clifford Resident Pahang dan

Luang Vidush dan Luang Swat boleh kita bicarakan dengan bicara yang patut demikianlah adanya.[192]

Terdahulu dari ini, kira-kira dalam tahun 1893 Gabenor Sir Cecil Clementi Smith telah melawat Terengganu dan mengadap Sultan untuk berbincang dengan baginda mengenai pemberontak-pemberontak dari Pahang itu. Sementara itu pihak Kerajaan Siam pula telah diminta memberi pertolongan menangkap pemberontak-pemberontak tersebut yang telah menyerang Kuala Tembeling di Pahang kira-kira pada 14 Jun 1894M yang kononnya dibantu oleh beberapa orang Melayu dari Negeri Terengganu.

Mengenai kedatangan Clifford ke Kuala Terengganu, beliau telah disambut dengan alat kebesaran menggunakan lembing sahaja. Tujuan Clifford di dalam lawatan ini tidaklah berjaya, kerana Orang Kaya Semantan, Tuk Gajah, Mat Kilau serta pengikut-pengikut mereka yang dicari itu tidak dijumpai.

Tuk Gajah tèlah melarikan diri dan berlindung di Pasir Nering (lebih kurang 7km daripada Kuala Berang) setelah berundur dari Kampung Jajin dan Belimbang (dalam Sungai Kerbat). Orang kaya Semantan pula telah bersembunyi di Kampung Cerluk Hulu Basong Telemong (sehingga sekarang di situ ada sebuah lubuk yang dikenali dengan 'Lubuk Tuk Kaya' sempena dari nama Orang Kaya Semantan).

Menurut cerita yang penulis dengar sendiri dari seorang tua penduduk asli Kampung Belimbing yang dikenali dengan nama Tuk Abdul Malik, (berumur lebih kurang 93 tahun sekarang telah meninggal dunia) menyatakan, semasa Tuk Gajah hendak memasak air di Pasir Pengkalan Kampung Jajin tidak jauh dari Kampung Belimbing, ia ada melihat sendiri kayu api itu diletakkan antara dua betisnya dan kedua-dua betisnya itu dijadikan tungku untuk memasak. Tuk Gajah dan isterinya bermalam di Belimbing di rumah Siti Minah isteri Encik Hasyim Minangkabau selama dua malam (keterangan ini dari Cik Khadijah binti Muhammad Zain seorang penduduk asli Belimbing berumur lebih kurang 95 tahun dan anak saudara Siti Minah itu).

Adalah dikatakan pasukan Clifford mengandungi lebih kurang 252 orang, termasuk 105 orang bersenjata senapang, dan dibantu oleh beberapa orang

---

192 Hugh Clifford - Expedition to Terengganu and Kelantan, JMBRAS Vol-XXXIV pt I, May 1961 m.s. 128. Surat ini tidaklah ada erti kalau dikaji secara mendalam dan halus, bahkan semata-mata sebagai muslihat sahaja, kerana dengan adanya sekatan kepada anak-anak raja, tuan-tuan saiyed dan sekalian pembesar yang dikecualikan itu maka sudah tentu pemberontak-pemberontak itu dapat melindungkan diri di bawah payung mereka dan tidak boleh dipengapakan.

Siam termasuk dua orang pegawai yang khabarnya datang mengikuti jalan sempadan Kelantan.

Semasa pasukan Clifford berkumpul di Kuala Reh 25.3.1895 (sebuah cawangan anak Sungai Supia di Hulu Sungai Tembeling Pahang). Jumlahnya seramai 252 orang iaitu mengandungi:

3 Pegawai Inggeris
190 orang Melayu
39 orang Dayak
8 orang Sikh
2 orang Asli
10 orang Siam

Dari jumlah itu 105 orang yang tahu menggunakan senapang.[193]

Clifford dan pasukannya memulakan perjalanannya kira-kira pada 17hb Mac. 1895M, dari Kuala Tembeling dengan melalui jalan yang pernah dilalui orang-orang di Hulu Sungai Tembeling. Bersama-samanya ialah R.W. Duff Pesuruhjaya Polis Pahang, Doktor A.B Jesser Coope (Doktor Belah), dan kedua Pegawai Siam iaitu Luang Vidudh dan Luang Sewasti Borirom (biasa dipanggil dengan Luang Swat). Dari tarikh itu hingga 7hb. Jun, Clifford berjalan merentasi bukit-bukau, sungai paya, hutan-rimba yang tebal kerana mencari puak pemberontak Pahang. Pada akhirnya beliau dan pasukannya sampai di Kampung Paloh Kuala Terengganu di dalam kawasan Kampung Engku Saiyed Paloh.

Engku Saiyed menerangkan kepada Clifford dan Tengku Besar yang dihantar oleh baginda, bahawa pihaknya tidak sedikitpun mengetahui di mana adanya puak-puak pelarian atau pemberontak yang dicari itu.

Oleh hal demikian Clifford telah balik ke Singapura pada 13 Zulhijjah tahun itu juga (10hb. Jun 1895M) dengan kapal Sea Belle, dengan penuh kecewa.[194]

Clifford sendiri percaya, yang pihak berkuasa di Terengganu ada memberi pertolongan kepada puak-puak pemberontak itu ialah semata-mata kerana pengaruh Engku Saiyed (Tok Ku Paloh) yang masyhur keramatnya. Khabarnya pada suatu masa dahulu Engku Saiyed pernah bersumpah akan menolong pemberontak-pemberontak dari Pahang itu. Menurut cerita, selama Clifford berada di Kuala Terengganu, ia telah dapat berjumpa dua kali dengan Tuk Ku Paloh dan bertanya- tanya berkanaan pemberontak-pemberontak Pahang tetapi

---

193 Hugh Clifford Op. Cit. m.s. 11.

194 Kegagalan Clifford ialah dengan sebab peranan yang dimainkan Engku Saiyed Paloh dan sokongan rakyat negeri sekalian walaupun menerima berbagai-bagai ugutan.

Engku Saiyed menerangkan ianya tidaklah tahu menahu.[195] Menurut cerita yang penulis dapati daripada beberapa orang penduduk Pasir Nering. Kuala Berang yang sempat berjumpa dengan Tuk Gajah dan melihat peristiwa pelariannya menyatakan: Pada hari Clifford sampai dan melalui hadapan Pengkalan Pasir Nering.[196] bersama-sama pasukannya mencari pemberontak dari Pahang semasa itu Tuk Gajah berserta isterinya yang bernama Khadijah, seorang anak angkatnya bernama Usup (Yusuf) dan seorang kanak-kanak (haruslah perempuan - P), sedang berada di dalam sebuah perahu jalur di bawah kajang di pengkalan itu. Mereka baharu sampai ke situ dari Hulu Terengganu melarikan diri dikejar oleh pasukan Clifford. Ketika itu ramai penduduk-penduduk kampung berada di pengkalan, kerana masing-masing baharu balik daripada huma.

Clifford telah bertanyakan orangramai yang berada di situ apakah mereka buat beramai-ramai?

Seorang daripadanya bernama Bilal Abdullah menjawab: 'Orang baharu sampai mudik dari Kuala'.

Sebenarnya orangramai di situ telah mengetahui Tuk Gajah sedang bersembunyi di dalam perahu di pengkalan itu dan menurut suatu cerita ada seorang murid Tuk Gajah yang bersama-sama dengan pasukan Clifford telah terpandang kepada Tuk Gajah sedang bersembunyi di dalam perahu, tetapi ianya membeku dan membuat tidak tahu sahaja. Haruslah dengan tujuan untuk menyelamatkannya, kemudian pasukan Clifford terus hilir ke Kuala Terengganu mencari Tuk Gajah.

Sementara itu anak Tuk Gajah yang bernama Mat Kilau dikatakan telah bersembunyi juga ketika itu di suatu tempat di sebelah hilir Pengkalan Pasir Nering, ia tidak bersama-sama dengan ayahnya.

Pada petang itu juga, Tuk Gajah telah disembunyikan oleh Penghulu Abdul Rahman bin Saleh, Pasir Nering bersama-sama Pak Mat Tuk Ya di rumah Pak Mat Tuk Ya (dikampung itu) dan pada keesokannya telah disembunyikan pula di dalam huma di darat kampung tersebut. Selang beberapa lama, berpindah pula ke Gembang dan Jenerong Dalam, akhirnya ke Lata Gemuroh, iaitu suatu tempat lebih kurang 6 km daripada Pasir Nering. Maka kekallah Tuk Gajah mendiami di

195 Menurut cerita yang penulis dengar dari Engku Bijaya Sura semasa hayatnya, berdasarkan cerita ayahndanya Engku Saiyed Paloh kepadanya, iaitu semasa Clifford menemuinya, ia ada membaca beberapa wirid, supaya dirinya tidak dipengapakan dan supaya maksud Clifford tidak berjaya.

196 Clifford tiba ke Kampung Jenagar (lebih kurang 6 km ke Hulu Pasir Nering) pada 5 April 1895, dan berlepas ke Kampung Buloh pada 8 April.

situ. (Hingga sekarang tempat itu dikenali dengan nama 'Lata Tuk Gajah'). Lebih kurang lima enam tahun kemudian beliau pun meninggal dunia kerana mengidap sakit cerah perut di dalam masa sehari semalam sahaja. Perkhabaran kematiannya dengan segera pada pagi itu juga disampaikan kepada Tuk Ku Paloh dan dengan suruhannya, mayat pahlawan ini dipindah ke Pasir Nering dan ditanam di atas sebuah banggol lebih kurang 1km daripada masjid kampung itu di sebelah selatan dan terkenal dengan nama "Kubur Tuk Gajah"

Di dalam masa Tuk Gajah menyembunyikan diri di kawasan ini, tidak seorang pun penduduk di kampung tersebut memecahkan rahsia walaupun mereka telah dikerah oleh pemerintah selama lima belas hari pergi mencari dan menyiasat di mana Tuk Gajah berada hingga ke daerah-daerah Hulu Terengganu.

Anaknya Mat Kilau pula, khabarnya setelah melarikan diri daripada Pasir Nering, terus ke Kampung Paloh dan berjumpa dengan Tuk Ku Paloh serta menyerah senapang kepadanya, kemudian melarikan dirinya ke Kelantan.

Pada 26hb. Disember, 1969, selepas sembahyang Jumaat di masjid Kampung Pulau Tawar, Jerantut Pahang, kampung asal Mat Kilau, satu pengumuman telah dibuat oleh seorang yang bernama Mohamed bin Ibrahim yang memakai kad pengenalan No. 2044778, yang dikenali dengan nama Mat Siam, menyatakan dialah yang sebenarnya Mat Kilau yang telah menyembunyikan diri selama ini. Berita ini menjadi berita hangat di seluruh tanahair.

Pada 8 Januari 1970 Kerajaan Pahang telah melantik satu jawatankuasa "Menyiasat Munculnya Mat Kilau" dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Haji Abdul Aziz bin Ahmad.

Laporan

Suatu laporan telah disusun oleh Jawatankuasa tersebut sebanyak 88 muka. Rumusan dan laporan itu telah membentang segala pendapat dan keterangan serta membuat kesimpulan seperti berikut:

Kesemua keterangan-keterangan ini meyakinkan kami bahawa Mat Kilau tidak mati di lebir, Hulu Kelantan dan tidak dikebumikan di Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan. Oleh yang demikian berdasarkan keterangan-keterangan dan hujah-hujah yang didapati dari penyiasatan yang telah dijalankan, kami berpendapat 'BAHAWA MOHAMED BIN IBRAHIM KAD PENGENALAN NOMBOR 2044778, YANG TINGGAL DI BATU 5, JALAN GAMBANG,

KUANTAN, YANG LEBIH DIKENALI SEBAGAI MAT SIAM ITU DIPERCAYAI MAT KILAU BIN IMAM RASU.[197]

Pada pagi Ahad 16 haribulan Ogos 1970, selepas 10 hari diisytiharkan beliau sebagai Mat Kilau, beliau telah meninggal dunia di rumahnya di Kampung Batu 5, Gambang, Jalan Kuantan dan dikebumikan di Kampung Kedondong tidak berapa jauh daripada Pulau Tawar. Umurnya ketika itu lebih kurang 104 tahun.

Cik Khadijah, isteri Tuk Gajah, selepas suaminya meninggal dunia, telah berkahwin dengan Engku Besar Paduka Raja, tetapi tidak kekal (bercerai). Kemudian ia berkahwin dengan Encik Muda bin Muhammad hingga akhir hayatnya. Ia meninggal dunia kira-kira dalam tahun 1344 Hijrah (1952) kuburnya di Kampung Padang Engku Besar, Batas Baharu, Kuala Terengganu, (Isteri Tuk Gajah yang bernama Teh Mahda binti Tok Kaut dari Burau, Jerantut, ibu kepada Mat Kilau, mati di Kampung Kedondong dekat Kampung Pulau Tawar Jerantut Pahang). Jerantut Pahang).

Rasanya patut juga dirakamkan di sini secara ringkas menurut apa yang dipetik daripada buku Sejarah Alam Melayu, berkenaan pemberontakan di Pahang itu melarat hingga ke Terengganu. Di antara lain katanya:

"Syahadan dalam Majlis Mesyuarat Negeri (Pahang) yang diadakan pada 8 haribulan Oktober 1891, satu daripada perkara yang telah dirundingkan di dalam mesyuarat itu (Pengerusinya Tuan Hugh Clifford) ialah pasal Orang Kaya Semantan, Bahaman (nama batang tubuhnya Abdul Rahman, pada suatu masa bergelar Panglima Kakap, Orang Besar Berlapan. Gelaran penuhnya ialah orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan di Semantan, dikurniakan oleh Sultan Ahmad Pahang, P.) tidak mahu membantu Kerajaan dan melarang pengikut-pengikutnya menurut hukum pegawai-pegawai Sultan. Keputusannya, mengikut cadangan Tuan Clifford, Sultan Ahmad telah bersetuju mengeluarkan kenyataan dengan cop mohor baginda sendiri memecat Orang Kaya Semantan dari jawatannya itu.[198]

Pada masa sebelum orang Inggeris campurtangan memerintah Pahang. "Orang kaya Semantan itu telah pernah mendurhaka tiada mahu menurut titah Sultan Pahang. tetapi oleh sebab mengingatkan jasanya yang tersebut itu, Orang Kaya itu telah dimaafkan sahaja oleh baginda Sultan".

---

197 Laporan Jawatankuasa Menyiasat Munculnya Mat Kilau. Cetakan Syarikat Percetakan Inderapura Sdn Berhad, Kuantan, Pahang m.s. 35

198 Buyong bin Adil, Sejarah Alam Melayu Penggal V cetakan Pertama. Malaya Publishing House Limited, Singapura 1948 m.s. 295

Setelah Orang Inggeris campurtangan di Pahang dalam T.M. 1889, Orang Kaya itu telah didakwa kerana dia masih lagi memungut cukai cara dahulu di Semantan. Ia telah diberi amaran oleh kerajaan tidaklah lagi boleh memungut cukai seperti dahulu itu, tetapi amaran itu tidak dipedulikannya. Orang Kaya itu tidak bersetuju kepada kerajaan kerana tiada mahu menaikkan gajinya sama banyak gaji "Orang Besar Berempat".

Dalam bulan Disember tahun 1890 Orang Kaya itu telah marah dan mengata-ngata Tuan Majistret Temerloh (E.A. Wise) iaitu pasal kerajaan telah memilih suatu tempat di Lubuk Terua hendak membangunkan rumah pasung. Kemudian pada masa itu juga ia telah mengirim surat pula kepada Tuan Residen Selangor (W.E.Maxwell) meminta supaya jajahan Semantan itu dimasukkan menjadi sebahagian daripada Negeri Selangor.

Tuan Clifford telah memberitahu hal-hal itu kepada Sultan Ahmad. Oleh sebab itu baginda telah memanggil Orang Kaya Semantan mengadap baginda di Pekan. Baginda sendiri yang menyatakan hal itu, tetapi titah itu tidak dipatuhi oleh Bahaman dan ia pun lari masuk hutan.

Apabila Bahaman balik ke Semantan, dikatakannya kepada majistret di situ (J.F.Owen) bahawa ia tidak mahu mengikut undang-undang kerajaan dan tiada dibenarkan orang-orangnya memakai undang- undang itu, melainkan jika ia diberi gaji sebanyak $6000.00 setahun. Lain dari itu disuruh pula orang-orangnya mengeluarkan hasil-hasil hutan dengan tidak kebenaran kerajaan.

Oleh sebab telah nyata kelihatan Bahaman mendurhaka melawan kerajaan maka pada 8hb. Oktober 1891 Sultan Ahmad telah memecat Bahaman daripada pangkat dan jawatannya Orang Kaya Semantan itu. Pada masa itu kerajaan telah menambah persediaan rumah pasung di Lubuk Terua. Sarjan di situ diperintah menangkap Bahaman jika ia mengugut hendak merosakkan pasukan polis di situ, demikian juga pasukan polis di Semantan telah diperintah menangkap Bahaman.

Setelah Bahaman mengetahui ada beberapa ramai polis hendak menangkapnya, maka pasukan-pasukan itu telah dilawannya lalu ia membuat kacau dan menawan rumah pasung di Lubuk Terua itu. Barang-barang dan makanan di situ habis dirampasnya. Pada masa itu Bahaman telah terang-terang mendurhaka melawan kerajaan.

Setelah Bahaman dapat menawan rumah pasung di Lubuk Terua, pengikut-pengikutnya yang hendak mendurhaka melawan kerajaan telah bertambah ramai sehingga 600 orang. Ada pula orang-orang liar (Jakun) kira-kira



Di sebelah kanan, gambar Tuk Gajah (Orang Kaya Imam Indera Gajah Pahang) Rasu bin Syarhum bersama dengan Dato' Bahaman (Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan).



Mat Siam (Mat Kilau) bergambar pada 11.1.1970.

seramai 100 orang dijadikannya tukang mengangkat barang-barang. Pada masa ini pasukan pendurhaka itu telah pergi menyerang Temerloh dan menghalau pasukan polis di situ. Lain daripada itu ada beberapa orang pula di antara mereka yang berkedai di situ dibunuh atau disamun harta benda mereka. Di Temerloh mereka telah berjaya merampas 40 pucuk bedil.

Kerajaan Pahang dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai Inggeris telah cuba melawan pendurhaka Bahaman itu. Pada akhir tahun 1891, Tuan J.P. Roger yang pada masa itu jadi Pemangku Residen di Selangor bersama-sama Captain Syers serta 25 orang mata-mata Benggali telah datang ke Pahang lalu berjumpa di Raub dengan Tuan Clifford, Tuan Wise dan Tuan Fleming Ketua Polis Hulu Pahang serta mata-mata Benggali seramai 25 orang. Dari situ Tuan Rodger telah mengadap Sultan Pahang di Pulau Tawar mengaturkan pasukan kerajaan hendak melawan pasukan pendurhaka itu. Pada masa itu jumlah mata-mata di Pahang kurang daripada 300 orang iaitu separuh Melayu dan separuh Benggali.

Selepas itu Gabenor di Singapura telah menghantar bantuan kepada Kerajaan Pahang dua ratus pucuk senapang, sepuluh ribu butir peluru dan tujuh pucuk pemuras. (senapang zaman dahulu bermuncung besar - P.)

Dalam bulan Januari tahun 1892 Sultan Pahang dan Tuan Rodger bersama-sama dengan lebih kurang seribu orang pengikut baginda telah datang ke Samantan menyerang pasukan pendurhaka itu. Pada akhir bulan itu pasukan pendurhaka itu pun larilah masuk hutan dihalau oleh pasukan kerajaan.

Pada bulan Mac tahun itu juga pasukan Bahaman telah datang sekali lagi menyerang dan menawan Lubuk Terua. Tetapi tiada lama lepas itu mereka telah dapat dihalau oleh pasukan Tuan Clifford seramai 300 orang. Pada masa itu Kerajaan Pahang telah menawarkan hadiah sebanyak $1,000 kepada sesiapa juga yang dapat menawan Bahaman ketua pendurhaka itu.

Pada masa ini kononnya Maharaja Purba telah bercadang hendak menyebelahi pihak Bahaman melawan kerajaan. Khabarnya Tuk Raja itu hendak menyerang Kuala Lipis. Kira-kira pada awal bulan April tahun 1892 itu Mat Kilau anak Tuk Gajah hendak masuk pula menyebelahi Tuk Raja dalam satu serangan hendak melanggar pasukan Tuan Clifford di Kuala Lipis. Pada masa itu Sultan Pahang telah mengutus Haji Muhammad Nor pergi berjumpa dengan Tuk Raja supaya membatalkan maksudnya hendak menyerang Kuala Lipis itu.

Haji Muhammad Nor utusan baginda itu telah berjaya memujuk Tuk Raja jangan menyerang Kuala Lipis dan Mat Kilau pun telah balik ke tempat ayahnya di Budu. Tetapi hatinya kuat jua hendak menyebelahi pihak orang-orang yang mendurhaka itu.

Dalam bulan Mei tahun itu, Sultan Ahmad serta dengan seribu orang pengikut baginda telah pergi ke Temerloh. Tuan Rodger juga telah datang ke

Temerloh membawa 30 orang mata-mata Benggali yang datang dari Perak. Pada masa itu Batu Hampar dan Lubuk Terua keduanya merupakan kubu di Semantan telah diduduki oleh orang-orang yang mendurhaka itu. Maka pada 8 haribulan Mei, pihak pasukan kerajaan yang diketuai oleh Tuk Gajah telah dapat menawan Batu Hampar dan telah menghalau Bahaman dari situ. Maka di sini kononnya telah kelihatan alamat yang menunjukkan Tuk Gajah tidak mahu lagi bersekutu dengan pasukan yang mengejar orang-orang yang mendurhaka itu. Tuk Gajah tiada mengejar bersama. Haji Muhammad Nor dan beberapa orang besar Sultan telah mencari dan mengejar Bahaman iaitu di antara jajahan Semantan dengan Lipis. Sebulan lamanya mereka mencari Bahaman di situ tetapi tiada berjumpa.

Dalam bulan Mei juga Colonel Walker dari Perak bersama-sama dengan 35 orang mata-mata Benggali dari Selangor telah datang ke Raub membantu Kerajaan Pahang. Sehari selepas itu datang pula Liettenant Raid dengan membawa lebih kurang 40 orang mata-mata Benggali dari Perak. Pasukan ini telah bergaduh dan berbunuh-bunuhan dengan pasukan pendurhaka yang diketuai oleh Mat Kilau dekat Raub.

Kira-kira dua minggu selepas itu pasukan yang diketuai oleh Tuan Walker telah pergi ke Budu. Oleh sebab Mat Kilau tidak berpihak kepada kerajaan, maka kampung Tuk Gajah yang bernama Budu itu lalu diserang dan dibakar oleh pasukan kerajaan. Mat Kilau serta orang-orangnya telah lari masuk hutan lalu pergi hendak melindungkan diri kepada Tuk Raja tetapi tiada diterima oleh Tuk Raja. Oleh sebab itu ia pun bersatulah dengan pasukan Bahaman di Hulu Cheka.

Dalam bulan Jun tahun 1892 itu Tuan Residen telah mencadangkan kepada Sultan supaya Tuk Gajah ditangkap, kerana anaknya bernama Mat Kilau itu telah mendurhaka melawan kerajaan. Tambahan pula pada masa pasukan kerajaan melanggar Semantan dahulu, perbuatan datuk itu tidak dipercayai oleh kerajaan. Tetapi cadangan Tuan Residen itu tidak diterima oleh Sultan. Baginda berjanji akan membawa Datuk Gajah itu ke Pekan, dan hendak disuruhkan naik Haji ke Mekah. Maka dalam bulan Julai pula pasukan kerajaan telah berperang lagi melawan pasukan-pasukan pendurhaka itu di beberapa tempat iaitu Batu Balai, Kuala Cheka, dan Batu Brapit. Dalam pergaduhan ini pasukan Bahaman dan Mat Kilau telah dapat diundurkan oleh pasukan Kerajaan.

Pada awal bulan Ogos pula, iaitu pada masa Sultan Pahang berangkat ke Pekan, Tuk Gajah dan anak isterinya telah lari ke Tembeling dalam perjalanannya hendak ke Kelantan. Di Tembeling datuk itu telah bersatu dengan anaknya Mat Kilau. Lepas itu pasukan pendurhaka itu telah melanggar Kuala Atok, tetapi mereka telah dapat dihalau oleh pasukan kerajaan dari situ.

Kononnya Tuk Gajah serta anaknya telah melindungkan diri di Hulu Lebir iaitu sempadan Pahang dengan Kelantan.

Dalam bulan Ogos dan September berlaku pula pergaduhan di antara pasukan kerajaan dengan pasukan Bahaman di tempat yang bernama Jeram Changkong (antara Kuala Lipis dengan Kuala Tembeling) tetapi pasukan pendurhaka itu telah dihalau juga oleh pasukan kerajaan lalu lari ke sempadan Kelantan pada masa itu Tuk Gajah sedang berlindung di Kelantan.

Dalam bulan September, Sultan Ahmad telah berangkat ke Singapura kerana hendak berunding dengan Gabenor di sana. Kemudian Maharaja Purba Jalai telah dijemput oleh Kerajaan Inggeris datang ke Singapura.

Dalam suatu mesyuarat di antara Tuan Gabenor, Sultan Pahang dan Sultan Johor di Singapura, mereka telah menetapkan hendak memberi ampun kepada sekalian rakyat Pahang yang mendurhaka itu, kecuali kepada Bahaman dan Datuk Gajah. Tetapi jika mereka itu kedua mahu balik ke Pahang bolehlah jua mereka itu diampunkan. Keputusan rundingan itu Tuk Raja telah dijadikan utusan daripada kerajaan pergi berjumpa dengan ketua pendurhaka menyatakan kerajaan telah berjanji jika mereka mahu menyerah diri mengaku kalah, mereka tiada akan dibunuh.

Pada akhir tahun 1892 iaitu setelah Sultan Ahmad mengurniakan ampun itu kelihatan rakyat Pahang yang mendurhaka itu telah berbaik pula dengan kerajaan. Mereka telah mahu menurut undang-undang negeri dan mengikut perintah orang-orang besar kerajaan serta berbaik-baik dengan orang Inggeris. Pada masa itu ramailah orang-orang yang mendurhaka telah balik ke kampung masing-masing di Negeri Pahang. Tetapi ketua mereka iaitu Imam Rasu (Tok Gajah) dan Tok Bahaman masih syak lagi akan kerajaan mahu membunuh mereka itu. Pada masa itu mereka telah membuat tempat kediaman di Sungai Ampul iaitu suatu cawangan daripada Sungai Lebir di Ulu Kelantan. Pengikut-pengikut mereka pada masa itu telah berkurangan sangat iaitu tidak lebih daripada dua belas orang sahaja.

Pada tahun 1893 Tuk Raja telah balik ke Pahang lalu berikhtiar memujuk kedua pendurhaka itu supaya balik ke Pahang menyerahkan diri mengaku kalah. Dalam bulan Disember tahun itu, Tuk Raja telah dapat berjumpa dengan Imam Rasu, Bahaman dan Mat Kilau di tempat yang bernama Chekuas. Tuk Raja nampaknya telah berjaya memujuk mereka itu mahu balik ke Pahang jika tidak dibunuh. Kerajaan pun telah bersetuju menerima mereka balik ke Pahang kecuali Mat Kilau tidak diterima oleh kerajaan.

Dalam bulan Februari 1894 Imam Rasu telah mengaku hendak balik ke Pahang tetapi pada masa itu ia tengah sakit tenat, Bahaman pun telah mengaku demikian juga tetapi katanya ia akan balik selepas isterinya bersalin kerana pada masa itu isterinya sedang hamil.

Pada bulan Mei tahun itu ketua-ketua pendurhaka itu telah berpindah ke Terengganu. Pada masa itu di Terengganu ada seorang alim keramat, Engku Saiyed namanya (Tuk Ku Paloh Saiyed Abdul Rahman - P.) telah memberi peransang kepada mereka supaya mendurhaka lagi melawan Kerajaan Inggeris di Pahang itu dan jangan mahu mengaku kalah. Dia telah mengatakan kepada mereka itu dalam perlawanan ini tentu mereka menang. Bahaman dan Tuk Gajah telah balik naik gembira mendengar nasihat orang alim itu. Oleh itu mereka telah mengumpulkan orang-orangnya dari jajahan Besut (Terengganu) dan Hulu Lebir (Kelantan) hendak menyerang Pahang. Pada masa itu ada pula seorang Mat Kelubi namanya telah masuk menyebelahi orang-orang pendurhaka itu. Jadi pada masa itu ketua-ketua pendurhaka itu ialah Imam Rasu, Bahaman, Mat Kilau dan Mat Kelubi.

Setelah pasukan itu dapat mengumpulkan orang-orangnya mereka pun datang melanggar dan merampas Kuala Tembeling. Setelah itu mereka hilir lagi hingga ke tempat yang bernama Kedondong. Dari sini mereka mengutus kepada Tuk Raja dan Penglima Garang Yusuf (Ketua di Pulau Tawar yang mengganti Tuk Gajah) yang pada masa itu ada di Pulau Tawar mengajak mereka masuk mendurhaka, tetapi maksud kaum pendurhaka itu tidak berjaya. Mereka telah mudik balik lalu berkubu di Jeram Ampai iaitu kira-kira empat batu dari Kuala Tembeling. Kemudian datanglah pasukan kerajaan yang lebih kuat dengan diketuai oleh beberapa pegawai-pegawai Inggeris menyerang orang-orang yang mendurhaka itu. Akhirnya pasukan pendurhaka itu telah lari lalu ke Kelantan dan terus ke Besut, Terengganu dan diam di suatu tempat yang bernama Kembian. Dalam serangan inilah Mat Kelubi telah mati terbunuh.

Pada akhir tahun 1894 itu baginda Sultan Ahmad telah berpindah balik bersemayam di Pekan. Dalam bulan September tahun itu Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Charles Bullen Mitchell telah berangkat ke Pahang melalui jalan darat dari Kuala Kubu lalu ke Pahang. Maka Tuan Gabenor inilah yang mula-mula sekali di antara Gabenor Negeri-Negeri Selat pergi ke Pahang ikut jalan darat.

Dalam bulan Januari tahun 1895 suatu angkatan kerajaan mengandungi beberapa orang pegawai Inggeris serta orang-orang besar Pahang dengan diketuakan oleh Tuan Clifford telah berlengkap hendak pergi mencari ketua-ketua pendurhaka itu.

Dua orang besar Siam utusan Kerajaan Siam telah datang ke Pahang membantu pasukan kerajaan itu. Maka angkatan kerajaan ini telah berangkat ke Hulu Pahang langsung ke Terengganu. Pada masa di Terengganu itu, Sultan Terengganu dengan perintah Kerajaan Siam telah memberi bantuan kepada pasukan Kerajaan Pahang itu.

Angkatan Tuan Clifford itu telah bersusah-payah mencari pasukan pendurhaka itu hingga ke Kelantan. Akhirnya sungguhpun angkatan Tuan Clifford tidak dapat menangkap ketua-ketua pendurhaka itu tetapi orang-orang yang mendurhaka itu tidaklah berupaya lagi hendak membuat kacau ke dalam negeri Pahang. Imam Rasu dan rakan-rakannya tidak berani lagi datang membuat kacau. Tambahan pula Kerajaan Kelantan dan Terengganu tidak pula membenarkan negeri-negeri itu dijadikan tempat pertapakan orang-orang yang mendurhaka itu.

Pada akhir tahun 1895 dalam bulan November enam orang daripada ketua-ketua orang yang mendurhaka itu iaitu Bahaman, Awang Nong, Teh Ibrahim, Haji Mat Wahid dan Mat Lela, telah menyerah diri kepada orang-orang besar Siam lalu dibawanya ke Negeri Siam. Adapun Imam Rasu dan Mat Kilau khabarnya telah meninggal di Terengganu.

Dari semenjak ini tamatlah pendurhakaan (pemberontak - P.) Bahaman dan rakan-rakannya di Negeri Pahang itu adanya.[199]



Kubur Tuk Gajah (Orang Kaya Iman Indera Gajah Pahang) Rasu bin Syarhum, di Pasir Nering Hulu Terengganu meninggal dunia kira-kira dalam tahun 1901M berumur kira-kira 56 tahun, di sebelahnya Kubur Pak Mat Tuk Ya.

Penjara Lama

Clifford telah juga membuat laporan berkenaan penjara di Kuala Terengganu berikutan lawatannya pada 22hb. April, 1895. Antara catatannya itu menyatakan maksudnya:

---

199 Haji Buyong Adil SJ. AM. Op. cit. m.s. 296-304.

"Letaknya penjara ini ialah di kawasan di tengah Kedai Tanjong suatu tempat yang paling sibuk di bandar ini, diperbuat daripada kayu setebal 3 inci, lebarnya 2 kaki dan tingginya 10 kaki dipasang rapat untuk menjadi sebuah tembok yang kukuh. Di dalam pagar tembok ini sejarak 30 inci ada terletak dua penjara yang diperbuat dari batang-batang kayu yang berat. Tiap-tiap lapan batang kayu itu diberi renggang sejarak dua inci untuk lubang udara dan cahaya. Penjara ini, adalah enam inci tingginya daripada tanah dan ukurannya 6 kaki panjang, 2 kaki lebar dan 5 kaki tinggi. Ada 20 petak semuanya, iaitu 10 petak pada tiap-tiap satu baris. Ketika saya melawat penjara ini petak-petaknya hampir penuh (dengan orang salah - P.) dan ada satu petak pula yang diduduki oleh dua orang. Orang-orang salah itu apabila dimasukkan ke dalamnya tidak dibebas lagi melainkan apabila denda-dendanya telah dibayar oleh keluarganya, atau apabila mereka itu dibebaskan oleh panggilan maut. Apabila saya berkata tidak dibebaskan bererti tidak dibenarkan sedikit pun keluar dari petak-petak penjara itu. Mereka tidak disiapkan apa-apa alatan kebersihan atau kesihatan, tidak pula sesiapa yang membersihkan kekotoran petak penjara manakala ruang di antara lantai dan tanah dan di antara penjara dengan pagar tembok penuh dengan tahi-tahi, dan ulat. Oleh kerana adanya batang-batang kayu besar yang melingkungi petak-petak penjara, kedudukan orang salah yang terlalu dekat di antara satu denga lain, dan juga pagar-pagar kayu yang rapat yang menyekat udara dari luar maka hawa di dalam penjara itu sangatlah busuk dan memuntahkan serta menambahkan penderitaan orang-orang salah. Air mandi tidak pernah disiapkan dan keadaan bagi tiap-tiap penghuni itu tak dapatlah disifatkan bagaimana buruknya. Khabarnya penjara-penjara yang seumpama itu ada juga di Kemaman, di Dungun, di Setiu dan di Besut."[200]

(Penjara ini letaknya di kawasan, di antara Kampung Dalam Bata dengan Kampung Aur, dikenali dahulunya dengan nama Kampung Penjara Lama - P.)

Pandangan Clifford mengenai penjara di Kuala Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, adalah sebagai selayang pandang dan tidak mengkaji secara mendalam. Menurut keterangan yang didapati semasa itu jumlah orang-orang salah yang dipenjara tidak melebihi 50 orang. Ini kalau dibanding degan jumlah penduduk negeri, menunjukkan orang yang melakukan kesalahan jenayah amat kecil sekali. Tambahan pula mereka berada di situ tidak lebih dari setahun. Kedudukan penjara ini adalah di bawah jagaan seorang ketua dinamakan Tuk Pertanda dan enam orang pengawalnya. Tuk Pertanda bertanggungjawab kepada Dato' Panglima Dalam, yang bertanggungjawab pula kepada Majlis Mesyuarat Negeri dan Sultan.

200 Hugh Clifford - Op. cit. m.s. 83-84

Orang-orang salah dibenarkan menukar pakaian dan mandi manda dan untuk menjaga kesihatan mereka. Seorang tabib Melayu telah disediakan, tetapi Clifford haruslah menggambarkan yang buruk-buruk sahaja dengan tujuan dan muslihat yang halus, untuk menarik masuk ke dalam perangkap penjajahan yang sangat dikehendakinya.

18. Istana Maziah Didirikan

Pada 7 Zulhijjah hari Jumaat tahun 1312 (31.5.1895) di waktu pagi, baginda telah menjalankan istiadat mendirikan Istana Maziah. Istana ini masih kelihatan tersergam dengan cantiknya hingga ke hari ini yang letaknya berhampiran kaki Bukit Puteri di sebelah matahari naik di dalam bandar Kuala Terengganu.



Istana Maziah

Di istana inilah tempat yang menjadi tumpuan rasmi, sambutan harijadi, pertabalan Sultan, pengurniaan gelaran-gelaran dan menyambut tetamu-tetamu agung negeri. Istana ini didirikan untuk menggantikan Istana Hijau yang terbakar, yang dibangunkan oleh Marhum Baginda Sultan Umar.

Yang mengetuai pekerjaan binaan ini ialah Tengku Cik Abu Bakar seorang ahli arkitek (beliau menjadi ipar kepada baginda Sultan) dibantu oleh Engku Besar Paduka Raja dan Encik Muhammad bin Abdul Rahim.

Selain daripada mereka bertiga, ada pula mereka yang ditugaskan dengan berbagai-bagai urusan yang lain seperti urusan batu dan kapur yang diserahkan

kepada Tengku Besar Paduka Indera dan urusan kayu-kayan diserahkan kepada Tengku Panglima Besar (Tengku Muda Kecil). Kebanyakan kayu-kayan itu dibawa dari Daerah Dungun.

Tukang-tukang yang bekerja, adalah dikatakan seramai 20 orang (Melayu dan Cina). Binaan ini telah terbengkalai beberapa tahun kerana kekurangan kewangan. Akhirnya pada malam Jumaat 14 Jamadil Awal 1321 (7.8.1903M) baharulah dilangsungkan istiadat 'Naik Istana'.

19. Lawatan Diraja Ke Siam (Thailand)

Buat kali pertama, sebagai membalas lawatan Raja Siam ke Negeri Terengganu, dan juga untuk meninjau negeri itu dari dekat di samping menambahkan erat lagi perhubungan persahabatan dan muhibbah antara kedua buah negeri, maka pada hari Isnin 7 haribulan Rabiul-Awal tahun 1314 Hijrah jam 10 pagi (15.8.1896M) Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga telah berangkat ke Negeri Siam dengan menaiki sebuah kapal Perang Siam dari Kuala Terengganu.

Di antara pengiring-pengiring baginda ialah Tengku Besar Muhammad Yusof, Tengku Chik Melaka, Tengku Chik Abu Bakar, Tengku Putera, Tengku Embong Musa, Tengku Ngah, Tengku Othman bin Tengku Salim, Tengku Musa bin Tengku Panglima Besar, Tengku Muda bin Tengku Long Losong, Tengku Mustaffa bin Abu Bakar, Tengku Ngah bin Tengku Wook Bukit, Tengku Mansur bin Tengku Dalam, Tengku Chik Ahmad bin Tengku Long Masjid, Tengku Embong bin Tengku Mustaffa, Tengku Abdul Rahman bin Tengku Endut, Tengku Yusof Othman, Encik Engku Yusof bin Ismail, Saiyed Alwi bin Idrus, Encik Abdul Rahim bin Endut, Wan Nik, Encik Musa Khatib Umar Muda, Encik Othman Wan Muda, Encik Muhammad Taib bin Isa, Haji Wan Sulaiman Duyong, Encik Embong Tuk Bandar, Penghulu Balai dan lain-lain berjumlah semuanya tujuh puluh tujuh orang, iaitu dua puluh orang pembesar-pembesar dan 57 orang pengiring-pengiring yang lain.

Pemerintahan negeri semasa lawatan itu, diwakilkan oleh baginda kepada empat orang pembesarnya yang diharap iaitu Tengku Chik Besar, Tengku Dalam, Tengku Chik Besut dan Tuan Saiyed Mustaffa bin Muhammad al Idrus. Lawatan DiRaja itu mengambil masa selama 23 hari. Semasa berada di Negeri Siam, baginda menjadi tetamu kepada Raja Siam.

Baginda telah menerima sepenuh-penuh keraian dan kehormatan, dan juga menerima hadiah-hadiah yang berharga termasuk sebilah pedang emas berserta sarungnya, sebuah perahu sekuci, dan juga wang. Pengiring-pengiring baginda pula menerima juga hadiah-hadiah menurut taraf masing-masing.

20. Sumpah Setia Anak-Anak Raja
Di dalam tahun ini juga, pada 12hb. Jamadil Akhir 1314H (17.11.1896M), hari Selasa lebih kurang pukul 3.30 petang, telah diadakan istiadat sumpah setia terhadap Duli yang Maha Mulia Sultan, yang berlangsung di persiban istana dengan dihadiri oleh sekalian kerabat-kerabat DiRaja, anak-anak raja dan pembesar-pembesar negeri.

Setelah mereka hadir sekalian, Tengku Besar pun mengadap baginda Sultan, mempersembahkan iaitu Yang Dipertuan Muda Tengku Abas telah berangkat hadir di Majlis Pengadapan. Baginda pun berangkat keluar dan bersemayam di atas hamparan Tikar Jawa, dan surat sumpah taat setia pun dipersembahkan kepada baginda oleh Tengku Besar.



Rombongan Lawatan Diraja Sultan Zainal Abidin III ke Siam (Thailand) pada 7.3.1314H (15.8.1896).
Yang berdiri dari kanan ke kiri: Tengku Ngah Mansur, Tengku Ngah bin Tengku Chik Bukit, Tengku Embong bin Sulaiman, Kun Charun, Prat Kuchai, Tengku Chik Melaka, Tengku Besar Muhammad Yusuf, Tengku Musa, Tengku Jusoh bin Othman.
Yang duduk di kerusi dari kanan ke kiri: Tengku Panglima Tengku Muda, Tengku Chik Abu Bakar, Sultan Zainal Abidin, Menteri kepada Raja Siam.
Yang duduk di bawah dari kanan ke kiri: Tengku Embong bin Mustaffa, Tengku Othman bin Tengku Salim, Tengku Abdul Rahman bin Tengku Endut, Mohd Arif, Tengku Putra, Tengku Chik Tengku Bijaya, Tengku Mustaffa bin Abu Bakar.

Selepas itu baginda bertitah menjemput Yang Di Pertuan Muda dan dititah membaca surat itu, kemudian menjunjung duli, dituruti selepasnya oleh Tengku Besar dan anak-anak raja yang lain.

Adapun lafaz surat 'Sumpah Setia' itu dikatakan berbunyi demikian: *"WalLahi WabilLahi WatalLahi, bahawa sesungguhnya Sultan Zainal Abidin ialah Raja patik dan tempat ikutan patik tiadalah sekali-kali patik durhaka dan khianat akan dia selama-lamanya, dan seterusnya seteru kepada patik dan jika patik mengerjakan seperti demikian itu dibinasakan oleh Allah Taala dunia akhirat."*

Sumpah taat setia ini diadakan haruslah dengan tujuan supaya taat setia kepada baginda Sultan yang memerintah itu tiada berbelah bagi di antara keluarga DiRaja, kerana ada juga pihak-pihak yang cuba hendak merampas kuasa untuk melantik Yang Dipertuan Muda Tengku Abas menjadi Sultan selepas Al Marhum Sultan Ahmad. Tetapi dengan pengaruh dan sokongan Saiyed Abdullah dan dibantu oleh Saiyed Abdul Rahman (Tuk Ku Paloh) yang terkenal itu maka Sultan Zainal Abidin berjaya menaiki takhta Kerajaan Negeri Terengganu.

21. Menteri Kanan Meninggal

Pada jam 3 pagi hari Selasa 26 Jamadil Akhir tahun 1314 Hijrah bersamaan 1.12.1896, Yang Dimuliakan Tuan Hitam bin Tuan Muda Menteri Kanan baginda Sultan Zainal Abidin dan orang harapannya telah meninggal dunia.

22. Tokoh Agama Meninggal

Seorang ulama Negeri yang terkenal dan Pengarang beberapa buah kitab Melayu dan Arab iaitu Saiyed Ahmad bin Muhammad Al Edrus yang terkenal dengan nama Tuk Ku Tuan Embong Melaka telah meninggal dunia pada hari Jumaat 30 Safar tahun 1315 Hijrah bersamaan 30.7.1897. Antara kitabnya: Tanbihul Ghafilin (bahasa Arab), Mujararbatul Fawaid, Taghribul Khullan fi Tajwidil Quran dan Hidayatul Ikhwan fi Azkaris Solah.

23. Lawatan Ke Singapura

Kira-kira di dalam bulan November 1898 baginda Sultan telah berangkat ke Singapura dengan menaiki sebuah kapal perang Kerajaan Siam kerana urusan negeri.

24. Lawatan Sultan Kelantan

Pada hari Ahad 19hb. Safar, 1318 (18.6.1900) Sultan Muhammad IV Kelantan bersama-sama dengan Raja Muda Kelantan, ayahanda saudaranya Engku Besar, Long Yusof serta lain-lain pengiring telah tiba melawat Terengganu mengikut jalan laut dan disambut dengan adat-istiadat raja-raja.

Rombongan ini berlepas dari Kelantan pada hari Sabtu 18 Safar. Satu majlis jamuan diraja telah diadakan oleh baginda Sultan pada malam ketibaannya.

Sultan Kelantan serta pengiring-pengiringnya bersemayam di Kuala Terengganu beberapa hari sahaja kemudian berangkat ke Singapura. Di dalam tahun 1332 Hijrah (1913) sekali lagi baginda singgah di Kuala Terengganu di dalam perjalanan berangkat balik dari Singapura.

25. Lawatan Gabenor

Semasa pemerintahan Baginda Sultan Zainal Yang Ketiga. Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir Frank Swettenham telah melawat negeri ini, pada 5 haribulan Jamadil-Akhir tahun 1320 Hijrah (8 Sept. 1902M) dengan menggunakan kapal "Sea Belle". Menurut cerita, setelah kapal kenaikan itu berlabuh di muara Kuala Terengganu, pihak Gabenor telah menghantar orang harapannya bernama Encik Muhammad Sidek naik ke darat mengadap baginda menyembah kan kedatangan dan lawatannya.

Sementara itu, Baginda Sultan menghantar dua orang pembesar iaitu Engku Ngah dan Panglima Perang Encik Muhammad turun ke kapal menyambutnya.

Semasa gabenor mendarat, Sultan telah menghantar pula dua orang pembesarnya iaitu Tengku Long dan Tengku Mahmud menyambut mengalu-alukan kedatangan beliau.

Adalah diceritakan di antara pembesar-pembesar negeri yang menyambut ketibaan Gabenor itu ialah Tengku Wok menantu Sultan, Tengku Tengah menantu Sultan, Tengku Othman, Tengku Besar dan Tengku Chik Melaka. Tembakan meriam 21 das telah dilepaskan semasa menyambut ketibaan beliau dan juga semasa balik.

Swettenham telah mengadap Sultan di Istana Maziah. Khabarnya beliau menghadiahkan kepada baginda sebuah jam dan sebuah peti peralatan jamuan. Baginda pula telah menghadiahkan kepada beliau, kain benang emas dan lain-lain kain buatan Terengganu dan kepada pengiringnya tidaklah ketinggalan juga. Baginda juga menghadiahkan ayam, itik dan buah-buahan.

Di dalam tahun ini juga pada 15 Rejab hari Jumaat, Swettenham telah membuat lawatan kali kedua dan suatu peristiwa telah berlaku di dalam lawatan ini, ceritanya demikian:

"Pihak Gabenor, hendak mengadap Sultan pada jam 10 pagi Jumaat, tetapi Tengku Ngah pembesar negeri yang dititah turun mengalu-alukan ketibaan Gabenor, telah menyatakan kepada Tuan Yang Terutama, pihak baginda Sultan tidak ada kelapangan di waktu tersebut melainkan pada jam 2 petang (waktu sembahyang) kerana hari itu hari Jumaat dan baginda sibuk dengan urusan menunaikan fardu Jumaat, begitu juga pembesar-pembesarnya.

Gabenor terpaksa naik ke darat pada jam yang ditetapkan oleh baginda Sultan dan mengadap kira-kira jam 4 petang, kemudian belayar balik ke Singapura pada petang itu juga, dengan meninggalkan sepucuk surat kepada baginda.

Adalah difahamkan tujuan lawatan ini, kerana berbincang dengan baginda berhubung dengan syarat-syarat perjanjian yang telah disiapkan di London oleh Lord Landsdowne dan Pesuruhjaya istimewa Siam di England bernama Phya Sri Sahadab, serta memohon tandatangan baginda di atas surat rangka perjanjian itu. Dikatakan juga pihak gabenor telah meminta penjelasan daripada baginda sama ada sebenarnya atau tidak bahawa sesuatu keputusan yang diambilnya itu telah diedar terlebih dahulu kepada Raja Siam. Pihak baginda telah menjawab dengan tegasnya menyatakan baginda sendiri yang membuat sesuatu keputusan itu, tetapi perkara yang berhubung dengan kepentingan negeri selalunya diedarkan juga kepada Raja Siam bagi maklumannya sahaja.

Mengenai lawatan Gabenor Sir Frank Swettenham, maka catatan yang ditulis oleh Gabenor itu di antara lainnya menerangkan:

"Saya telah menghantar utusan ke darat untuk memberitahu Sultan di atas ketibaan saya dan baginda telah mengutus pula seorang pegawai menjemput saya naik ke darat. Saya turun ke darat pada jam 2 petang disambut oleh pasukan orang-orang yang bersenjata lembing, dan pulang ke kapal jam 5 petang disertai dengan tembakan kehormatan.

Sultan ini, seorang yang amat pendiam dan sangat taatkan agamanya. Baginda tidak suka mengikatkan dirinya kepada siapa, yang demikian orang-orang Siam dan Eropah, hampir-hampir tak dapat bertapak langsung di negeri ini. Setahu saya hanya seorang Eropah sahaja yang telah diberi kebenaran bekerja di dalam suatu kawasan di Negeri Terengganu iaitu John Anderson, seorang tuanpunya Syarikat Guthrie & Company, Singapura.

Baginda juga bukannya seorang kaya, dan tidak banyak mengetahui hal ehwal negerinya. Berkenaan Negeri Terengganu, saya percaya tidak mewah dan tidak ramai penduduknya tetapi haruslah ada orang melombong bijih besi berhampiran sempadan Negeri Pahang. Sewaktu bercakap-cakap dengan baginda, saya berpeluang bertanya tentang perhubungan dengan Negeri Siam. Baginda menjawab, bahawa pada pendapatnya orang Siam itu boleh disifatkan sebagai kawan sahaja dan tidaklah baginda berhajat hendak membuat perhubungan yang lebih rapat dengan mereka atau dengan mana-mana kuasa luar pun.

Ketika saya berada di Terengganu, saya mendengar khabar tetapi bukan dari Sultan sendiri mengatakan, ketika baginda melawat Bangkok tempoh hari, pihak Kerajaan Siam ada menawarkan pinjaman wang kepadanya sebanyak

$2.000.000 dan sebagai permulaannya akan diberi sebanyak $500,000 tetapi tawaran itu ditolak oleh baginda:

Maka, tidaklah menjadi berlebih-lebihan kalau saya katakan bahawa Kerajaan Siam sudah tidak mempunyai hubungan lagi dengan pentadbiran Negeri Terengganu samalah juga halnya dengan pentadbiran Pulau Singapura. Di dalam pada itu pun Sultan Terengganu masih menghantar Bunga Emas ke Bangkok setiap tiga tahun sekali dan menerima balik hadiah balasan yang sewajarnya. Demikian kata baginda kepada saya kelmarin. Adat ini telah dijalankan semenjak 100 tahun yang lalu".

Sultan Terengganu ini telah memerintah selama 20 tahun dan telah melawat ke Bangkok selama 2 kali. Menurut katanya kepada saya kelmarin bahawa dia dan sultan-sultan yang terdahulu pernah juga melawat ke Singapura dan lebih kurang tiga tahun dahulu baginda ada melawat ke sana menjadi dhif Kerajaan Negeri Selat.

Pada masa dahulu dan sekarang belum pernah seorang pun pegawai Siam ditempatkan di Terengganu dan pentadbiran Negeri Terengganu juga belum pernah dikuasai oleh orang-orang Siam. Menurut kata Sultan dan orang-orang besar Terengganu, belumlah pernah ada apa-apa perjanjian atau perikatan baik dengan surat atau pengakuan mulut yang dibuat di antara Terengganu dengan Siam.

Ada dinyatakan kepada saya bahawa tuntutan Kerajaan Siam untuk menaungi itu ialah berpunca dari tindakan Kerajaan British yang pertamanya meminta Siam bersama-sama menangkap pemberontak-pemberontak Pahang, yang melarikan diri ke Kelantan – Terengganu dan ketika membuat perjanjian sempadan di dalam bulan November 1899, yang mana tidak ada tanda-tanda menunjukkan Negeri Terengganu diminta berunding untuk menyelesaikan masalah sempadan Pahang-Terengganu.[201]

26. *"Rombongan Muhibah Melawat Negeri Siam".*

Kira-kira pada 17 Sya'aban 1320 (18-11-1903), baginda Sultan telah mengutus Tengku Besar Muhammad Yusof melawat ke Negeri Siam dengan sebuah kapal mel Siam, bersama-sama rombongan lima belas orang, di antaranya Tengku Long dan Haji Ngah Muhammad Yusof. Kemudian di dalam tahun itu juga baginda menghantar suatu rombongan lagi yang mengandungi Tengku Long, Encik Mun, Encik Muhammad Taib bin Isa (Dato' Pahlawan).

Tujuan lawatan rombongan ini ialah kerana berunding bagi mencari jalan-jalan supaya Negeri Terengganu semakin bertambah-tambah makmur serta mendapat bantuan dan pertolongan dari Negeri Siam.

201 M.C. ff Sheppard – Op. Cit. m.s. 50-51.

27. *"Perayaan Jubli Perak"*

Bagi menandakan kesyukuran genap baginda memerintah selama 25 tahun di atas takhta kerajaan Negeri Terengganu maka suatu perayaan secara besar-besaran telah diadakan pada 27 haribulan Muharram 1325 (13 Mac, 1907) selama tiga hari.

Pasangan api-api, perhiasan-perhiasan dan temasya perayaan telah diadakan selama masa tersebut.

Jamuan kenduri-kendara telah diadakan pada 28 Muharram (14 Mac) dan pada masa itu juga dijalankan istiadat kurniaan gelaran kepada empat orang pembesar negeri iaitu:

1. Encik Embong bin Shahbandar Jaffar gelaran Dato' Shahbandar.
2. Encik Yusof bin Penglima Perang Musa gelaran Penglima Perang Kiri.
3. Wan Abdul Hamid bin Said gelarannya Dato' Sangsura Pahlawan.
4. Encik Othman bin Idris gelarannya Panglima Muda.

Pegawai yang menyerukan nama gelaran ialah Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim. Di hari tamat istiadat suatu majlis penghadapan telah diadakan di Istana Maziah dan ucapan-ucapan tahniah kepada baginda telah dipersembahkan oleh pegawai-pegawai dan hamba rakyat, dengan dibalas oleh Tengku Mahmud bagi pihak baginda Sultan.

28. *Perjanjian Dengan Kerajaan British*

Di dalam surat pemasyhuran yang dikembarkan bersama Rang Undang-Undang Perjanjian yang dibawa oleh Gabenor Sir Frank Swettenham yang datang ke Terengganu kerana berunding dengan Sultan di dalam tahun 1902 ada tertulis bahawa Negeri Terengganu dan Kelantan telah diiktiraf oleh Kerajaan British sebagai sebuah negeri yang bernaung di bawah Kerajaan Siam. Malangnya surat perjanjian itu khabarnya telah ditandatangani oleh Sultan Kelantan, tetapi baginda Sultan Terengganu enggan menerimanya sama ada dalam naskhah Inggeris atau Siam yang dihantarkan kepada baginda dari Bangkok.

Rang Perjanjian itu menyebut juga, yang Sultan Terengganu tidak dibenarkan membuat sebarang perhubungan dengan kuasa-kuasa asing melainkan menerusi Kerajaan Siam. Sultan hendaklah membayar gaji seorang penasihat yang akan dilantik oleh Kerajaan Siam bertempat di Terengganu. Apa-apa nasihat dari pegawai itu mengenai pentadbiran negeri yang tidak menyentuh agama dan adat istiadat orang Melayu, hendaklah dipatuhi oleh Sultan. Pihak Kerajaan Siam pula tidak dibolehkan mengganggu hal-hal pentadbiran di dalam Negeri Terengganu selagi keamanan negeri tidak tergugat dan selagi pemerintahan dilaksanakan untuk kebajikan penduduk dan rakyat jelata sekalian.

Pihak Sultan dan pembesar-pembesar Terengganu telah menyedari pakatan dan tipu helah dua kuasa besar itu dan bersedia dengan langkah-langkah yang patut diambil untuk menghadapinya.

Oleh kerana Sultan Zainal Abidin telah enggan menandatangan perjanjian 1902 maka Negeri Terengganu tinggallah sebagai negeri yang merdeka dan berdaulat, tetapi Negeri Kelantan telah menerima dua orang pegawai Inggeris iaitu Graham dan Thomas yang dilantik oleh Kerajaan Siam sebagai menjadi Penasihat British dan penolongnya di dalam tahun 1903.

Negeri Terengganu telah menghadapi satu cabaran yang lebih hebat dan tekanan yang lebih merbahaya lagi di dalam tahun 1909, kerana pada 10 Mac 1909 suatu perjanjian di antara Kerajaan British dan Siam telah ditandatangani di Bangkok oleh Ralph Paget (seorang Menteri British), dan Devawongse Varoprakar bagi pihak Kerajaan Siam. Isi surat perjanjian itu tidak diedarkan ke Terengganu melainkan sesudah ditandatangani.

Di dalam perjanjian ini telah dinyatakan hal-hal, penyerahan Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan pulau-pulau yang berdekatan termasuk semua hal kuasa, naungan pentadbiran atau jagaan atas mana-mana milik keempat buah negeri itu kepada British. Di dalam perjanjian itu telah disebutkan juga berkenaan perenggan sempadan negeri-negeri tersebut dengan Siam, hutang kerajaan dan penghapusan kuasa wakil Terengganu di Negeri Siam, dan perjanjian di antara Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu dengan Pejabat Kerajaan Siam, manakala Negeri-Negeri Yang Bersekutu (Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan) memberi pinjaman wang sebanyak empat million pound kepada Siam untuk membuat jalan-jalan keretapi Negeri Siam.

Baginda Sultan terpaksa berangkat ke Singapura kerana berunding dengan pihak British dan membantah pakatan perjanjian yang dibuat itu.

Mengenai hal itu, ada baiknya penulis merakamkan di sini suatu catatan yang ditulis oleh Allah Yarhamuhu Dato' Seri Amar Diraja bekas Menteri Besar Terengganu (21.4.1925-28.6.1940) yang dipetik dari buku peringatannya dengan tidak dipinda susunan ayatnya, berbunyi demikian:

Peringatan: Pada 5 Jamdil Awal 1327 (24 Mei 1909 – P.) hari Isnin pukul 2 ke bawah Duli Al-Sultan Zainal Abidin bin Al Marhum Al-Sultan Ahmad berangkat pergi ke rumah Gabenor di Singapura berjumpa dan bercakap-cakap.

Kemudian datang Muhammad Sidek maka Gabenor pun bercakap kepada Muhammad Sidek suruh maklum Kebawah Duli.

Kata Muhammad Sidek dengan cakap Gabenor itu pasal Negeri Terengganu Yang Maha Mulia Siam serah kepada Yang Maha Mulia England, serah kuasanya di atas Negeri Terengganu tetapi sebelum putus sempurna lagi, Tuan Yang Terutama kasi tahu kepada Tuan Sultan.



Allahyarhamuhu Dato' Seri Amar DiRaja (Haji Ngah Muhammad bin Yusof).

Jawab ke bawah Duli, baik saya boleh dengar,

Soal – 'Maka seperti kata Siam ada serah kuasanya di atas Terengganu itu apa kuasa Siam di atas Terengganu?'

Jawab gabenor, 'Bunga Emas Sultan Terengganu hantar ke Siam itu'.

Maka disoal pula, "Apa kuasa Bunga Emas itu dan apa orang Siam kata itu Bunga Emas, dan pula pengetahuan yang tuan tahu di antara Siam dan Terengganu kerana Sultan Terengganu ada baik dengan sahabat tuan gabenor dahulu hingga kepada saya ini, begitu juga berbaik-baik dan bersahabat-sahabat".

Maka gabenor diam tiada jawab.

Kemudian kata Muhammad Sidek, 'Tuan Yang Terutama kata Negeri Terengganu sekarang di bawah perintah Inggeris, maka tanah-tanah di dalam Terengganu itu jika tuan Sultan mahu beri kepada orang hendaklah beritahu kepada Tuan Yang Terutama dahulu'.

Jawab ke bawah Duli, iaitu Siam tiada kuasa di atas Negeri Terengganu. Dan disoal pula oleh ke bawah Duli, 'Raja Siam sudah sain?'

Jawab gabenor-Raja Siam sendiri belum sain lagi, yang sainnya Menteri No. 1, tetapi sedikit hari Raja Siam boleh berhimpun dengan Raja Inggeris menurunkan sain, di belakang Raja Siam beritahu sama Sultan'.

Kata Muhammad Sidek: 'Tuan Yang Terutama hendak hantar orang pergi ke Terengganu menjadi penasihat boleh Tuan Sultan sediakan rumah dan Tuan Yang Terutama harap Tuan Sultan boleh beri sekeping tanah dan katanya bukan Tuan Penasihat itu memerintah negeri, hanya ia menjagakan perselisihan di antara Terengganu dan Pahang, Kelantan jua.

Jawab ke bawah Duli: 'Itu pasal kemudian tuan, saya belum bicarakan lagi'.

Kata Gabenor: Sudah selesai, dan katanya, 'Siam serah haknya di atas Terengganu itu. Terengganu menaung di bawah Siam,' dan kata Gabenor pula, 'Pasal perintahan Terengganu, Sultan Terengganu perintah sebagaimana biasa selamanya".

Maka apa yang dinyatakan itu nyatalah rundingan ini telah dibuat dengan helah dan tipu daya yang licin oleh kedua-dua buah kerajaan itu (British – Siam) berhubung dengan Negeri Terengganu. Sementara itu wakil pihak Kerajaan Siam dan British telah datang ke Negeri Terengganu sebagai mendesak supaya tujuan-tujuannya berhasil dan tunduk kepada kemahuannya.

Kalau dikaji dari Buku Peringatan yang dirakamkan oleh Dato' Seri Amar DiRaja Hj. Ngah Mohd Yusof itu yang penulis turunkan di bawah ini, maka bolehlah pembaca-pembaca meneka kedudukan masalah serahan dan perjanjian negeri ini dengan lebih jelas lagi. Demikian bunyi peringatan tersebut:

8 Jamadil Akhir 1327 (26.6.1909 – P.)
Jikalau datang Gabenor bagaimana kehendaknya yang termaklum itu, patut juga kita bertanya, bagaimana jalan perserahan Siam kepada Inggeris itu dan apa-apa hak Siam di atas Terengganu.

Takdir jawabnya, 'Hak Siam di atas Terengganu itu Bunga Emas dan bernaung', maka jika itulah yang diserah oleh Raja Siam kepada Inggeris maka oleh kerana itu Kerajaan Inggeris mesti menaruhkan pegawai yang memberi nasihat dalam Terengganu akan menjaga dan memelihara daripada bangsa asing maka kita boleh kata, itu perkara belum ada bicara sama kita. Kita fikir satu, orang lain punya barang kita tidak boleh memberi atau menyerah melainkan dengan sukanya, maka sekarang kita banyak hairan bagaimana Siam menyerahkan kita punya hak kerana Siam tiada apa-apa hak dan kuasa ke atas Terengganu, hanyalah Bunga Emas itu sahaja dengan suka Kerajaan Terengganu memberi kepada Siam pada tiap-tiap tiga tahun sekali bagaimana yang maklum dengan sebab bernaung Kerajaan Terengganu ke Siam. Maka oleh kerana itu fikir kita patutlah Kerajaan Terengganu boleh bicara dengan Siam dahulu jikalau Siam tidak suka menaungkan lagi serta sudah dilepaskan

pernaungannya maka ketika itu apa suka Kerajaan Terengganu boleh difikir pula.

Jikalau dikatakan yang pernaungannya Siam itu tidak dilepaskan tetapi kuasa memelihara dan menjaga itu sahaja diserahkan kepada Inggeris menjadi wakilnya, kita jawab, 'Ini perkara pun belum bicara dengan kita patut juga Kerajaan Terengganu boleh bicara dahulu dengan Siam kerana ini perkara akan jadi berlainan dengan keadaan yang telah sedia ada dari selama-lamanya'.

Suatu lagi peringatan yang bertarikh 21 Jamadil Awal 1327 (9.7.1909-P.) ada tertulis demikian pula: 'Jikalau datang kedua-dua pihak Inggeris dan Siam menyatakan ketetapan pekerjaannya seperti khabar yang termaklum itu serta dibawakan orang yang hendak tinggal di Terengganu itu maka hendaklah ingat dan jaga apabila kita terima jadilah hak Siam bagaimana akuannya itu serta sah dan luluslah tasarufnya (hakmilik dan kepunyaan – P.). Kemudian kelak apa-apa yang akan datang tiadalah dapat kita hendak berpaling atau mengengkarkan daripadanya, maka apa jalan pun boleh melepaskan daripada demikian kehendak kedua pihak itu hendak ditolakkan dengan semata-mata tidak suka terlalu berat ataupun hilang masa rundingan bicara yang patut yang boleh kita bicarakan pada masa ini. Maka sepatutnya kita minta ketahuikan hakikat pekerjaan yang dikehendaki itu dan bagaimana peraturan dan segala syarat supaya boleh kita bicara dengan Siam dan jikalau tidak ada jalan yang boleh melepaskan daripada kehendaknya itu, maka patutlah kita minta mengadakan suatu perjanjian di antara kita dan Inggeris di atas pekerjaan yang termaklum itu'.

Beliau telah juga merakamkan pandangannya berbentuk syair seperti berikut:

Adapun ibarat Negeri Terengganu
Fahamkan tuan perkataan si anu
Umpama kain sudah ditenun
Dipakai tuannya Encik Sultanu.

Kainnya elok terlalu bersih
Baik-baiklah memakainya jangan berselisih.
Gemar memandang segala kekasih
Baunya harum bagai selasih.

Kerajaan Siam ibarat air
Pembasuh cemar pekat dan cair
Cucilah kain dengan mengalir
Seperti sedia tiadalah mungkir.

Jika selalu pula dibasuhkan
Itu pun pula meluloh letakkan
Kain yang mahal patut dihormatkan
Janganlah encik buat basahan.

Janganlah pakai tidak kelulu
Kainnya sehelai tiada berpalu
Biarlah dengan sopan dan malu
Tempat yang bersih duduk selalu.

Cemar dan najis encik peliharakan
Jangan terkena di kain pakaian
Jika tiada seperti demikian
Berhajatlah akan air pembasuhan.

Mula dibasuh basahlah kain
Tiada pula dapat persalin
Basah pun dipakai tiada lain
Memberi kecemasan zahir dan batin.

Tetekala itu ternantilah tuan
Keluar matahari cahaya kilauan
Mengeringkan basahan kain di badan
Kepala pun pening oleh kepanasan.

Kerajaan Inggeris ibaratnya api
Cahayanya terang terlalu sufi
Hangatnya tiada boleh didekati
Menghanguskan sekali kulit dan isi.

Sungguhpun demikian fikirlah tuan
Adakah dapat kita mengasingkan
Khasiatnya banyak yang dihajatkan
Kerana tak sunyi minum dan makan.

Tetakala demikian Encik Sultani
Duduk di antara air dan api
Hematlah tuan dengan insafi
Siratul Mustaqim selalu menanti.

Gemar dan kasih terlalu rahmat
Sedikit dimamah banyak yang lumat
Bekerja dengan halus dan cermat
·Ampunnya negeri mendapat nikmat.

Ampunya negeri mendapat sehat
Sekalian kamu kokoh dan sekejap
Sekalian maksud mudah didapat
Kesejahteraan dunia dan akhirat.

Firman dan hadith wajid didengar
Engkau amanah yang amat benar
Kepercayaan raja janganlah songor
Supaya tidak menjadi nanar.

Jikalau sudah amanah khianat
Bertukar fardu menjadi sunat.
Sekalian badan mendapat laknat
Laksana orang hilang semangat.

Tegang dikatakan menjela-jela
Kendur melinting disifatkan pula
Itu didengar semua segala
Ialah permulaan kedatangan cela.

Penghulu pintu hendaklah jaga
Racun yang bisa jangan diharga
Jika termasuk membawa dahaga
Di mana dicari penawar geliga.

Jikalau sungguh anak pahlawan
Meniti titian tidak ketewasan
Menimbang beratnya kiri dan kanan
Sampailah maksudnya alal ihsan.

Jangan tercepat jangan terlambat
Membuang langkah sambil menyimbat
Jika tersempat segera melompat
Apa yang dekat segera dijabat.

Jangan ke kanan jangan ke kiri
Berjalan perlahan sambil menari
Faham Nubuah (Kenabian) jangan ingkari
Sebaik-baik pekerjaan itu ugahari.

Jangan ke atas jangan ke bawah
Berjalan dengan membuang maruah
Bila kekeringan tambahlah kuah
Supaya subur segera berbuah.

Buah dibawa bekal perjalanan
Himpunkan tuan hamba yang berkenan
Ialah yang terbesar syarat rukunan
Jika tertinggal jadi kekapunan.

Dalam satu catatan yang lain pula Dato' Seri Amar DiRaja, merakamkan apa yang terlintas pada fikiran Yang Maha Mulia tatkala berangkat turun dari ziarah di Makam Datuk Pulau Manis berhenti di Pengkalan pukul 9 demikian: demikian:

"Barang yang antara kita dan Benua Inggeris sudah diperbuat, adapun barang yang di antara kita dan Gabenor kalau difikirkan lagi maka hendaklah dibukukan bersama di antara kita dan kerajaan besar itu berjauhan tak dapat tiada ada wasitahnya maka teriti kita tidak menyabitkan wasitah."

Ancaman yang sedang dihadapi oleh pemerintah Terengganu, menyebabkan Engku Saiyed Paloh telah mengingatkan baginda Sultan dengan pandangan-pandangan yang difikirkan berfaedah, dan telah menghantar sepucuk surat kepada baginda, di antara lain, bunyi surat itu:

"..... Perkara ehwal teriti yang dikehendaki oleh Inggeris dengan kebenaran Siam itu sangat besarlah pada faham paduka ayahanda waqiah[202] dan sangat sukarlah pada fuad [203] Seri Paduka anakannda aa'anahulLahu a'la da'fihi [204] kerana sudah bersuatu kira antara Siam dan Inggeris tetapi nyata Insya Allah tiada sekali-kali Allah Subhanahu wa Taala tasalitkan.[205]

202 Yang terjadi
203 Hati.
204 Moga-moga Allah memberi pertolongan untuk menolaknya
205 Memberi kekuasaan

Kuffar[206] atas Muslim melainkan sebab tadyik[207] mereka akan huquk syariat[208] dan tiada bersungguh-sungguh mereka itu dengan berpegang atas syara' yang mu'ta barah[209] dan mempermasukkan ke dalam Agama Islam akan barang yang dibenci oleh RasululLah SallalLahu ' alaihi wasallam maka wajiblah pada sekarang ini Seri Paduka anakanda berkuat pada menzahirkan agama dan membatalkan segala munkarat[210] jangan sekali-kali diam atau tidak hiraukan. Adapun pada jawapan kepada Perat Kucai itu maka iaitu dengan bahawa diperiksakan surat teriti yang hendak diperbuat ini dengan permintakan siapa maka jika dijawab dengan pemerintakan kita serta dengan kebenaran Siam maka sebaik-baiklah diqabulkan dan jika dengan permintaan Siam serta kita punya tertanggung pada ugama dan istiadat negeri kita maka itu pun boleh diqabulkan kerana kita di dalam beberapa lapis sudah di bawah peliharaan Siam tiada suatu perkara yang ada kita menyalahi.

Jika dikuati akan kita dengan berbuat teriti antara Inggeris maka itu pada mana setia dan perjanjian yang antara kita dan Siam kerana Inggeris itu satu kerajaan yang lain dan tiada patut bagi budi bercara kita bahawa kita berpaling kepada kerajaan yang lain daripada Kerajaan Siam maka haraplah kita akui bahawa Kerajaan Siam itu timbang dengan neraca keadilan[211].

Sementara itu baginda Sultan telah juga meminta alim ulama yang difikirkan patut, bersembahyang hajat memohon kepada Allah Subhanahu wa Taa'la supaya ancaman dan fitnah itu terhindar hendaknya.

Seorang ulama yang telah menerima permintaan ini ialah Tuan Haji Abdullah bin Abdul Latif Losong di antara lain, demikian bunyinya surat yang dihantar kepadanya:

"..... Daripada kita Seri Paduka Yang Dipertuan Besar kepada Al-Haji Abdullah bin Haji Abdul Latif. Maka kita nyatakan barang taarif jua kiranya hendaklah Haji Abdullah bersungguh-sungguh mengerjakan sembahyang hajat serta dengan doa minta dilemahkan dan dibatalkan Allah Subhanahu wa Taa'la akan kekerasan dan kejahatan seterus yang kuffar dan tipu daya mereka itu yang mencita-cita mereka itu hendak masuk memerintahkan di dalam negeri kita maa'syirul Muslimin dan minta dimudahkan oleh Allah Subhanahu wa Taa'la akan Kerajaan Siam menerima dan menurutkan seperti bagaimana maksud dan kehendak kita demikian lagi hendaklah minta dikekalkan oleh Allah Subhanahu

206 Orang-orang kafir.
207 Menghilangkan.
208 Hak-hak hukum Islam.
209 Yang diakui.
210 Perkara-perkara yang ditegah oleh agama.
211 Salinan surat Engku Saiyed Paloh di dalam simpanan Engku Bijaya Sura.

wa Taa'la akan kerajaan kita dan yang kemudian daripada kita kerajaan yang Islam jua yang memerintahkan di Negeri Terengganu ini dengan keadilannya menjalankan segala hukum syariat Saydina Muhammad SallalLahu a'laihi wa sallam maka hendaklah Haji Abdullah mengerjakan sembahyang hajat serta minta doa daripada Allah Subhanahu wa Taa'la seperti yang tersebut itu pada tiap-tiap lepas sembahyang tiap-tiap hari dalam bulan Ramadan ini hingga habisnya wasallam fil badi wal khitam, 19 fi Ramadhan Sanah 1320.

(Surat di dalam simpanan Haji Wan Ibrahim bin Nik, seorang dari cucu Tuan Haji Abdullah bin Abdul Latif itu).

Akhrinya suatu sejarah dan perubahan pentadbiran negeri telah tercatat kerana keadaan mendesak dan terpaksa. Pada 14 Julai 1909 penyerahan kuasa pun dijalankan dihadiri oleh baginda Sultan dan orang-orang besarnya.

W.L. Conlay bagi pihak British telah menerima penyerahan itu daripada seorang Pesuruhjaya Siam mewakili kerajaannya dan beliau telah menegaskan bahawa Kerajaan British tidak bertanggungjawab di atas perbuatan Kerajaan Siam, kerana tidak memaklumkan kepada Negeri Terengganu berkenaan isi kandungan penyerahan kuasa itu terlebih dahulu.

Pada 22 April tahun 1910 suatu perjanjian telah diadakan antara Kerajaan British dengan Terengganu. Perjanjian ini dibuat dengan maksud tolong-menqlong di antara kedua buah negeri, menghapuskan orang yang melakukan kesalahan, dan pihak Kerajaan British akan menolong Negeri Terengganu sekiranya terkena serang. Negeri Terengganu pula tidak dibolehkan membuat perhubungan dengan mana-mana kuasa luar tanpa persetujuan Kerajaan British dan seorang pegawai British akan ditempatkan di Terengganu bagi menjalankan tugas-tugas kewajiban sebagai wakil Kerajaan British (British Agent).

Buku "Taraf Negeri Melayu Pada Sisi Undang-Undang"[212] ada memberi pandangan berkenaan dengan perjanjian itu, di antara lain katanya:

Adapun taraf negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis itu nampaknya seakan-akan tidak berketentuan di dalam perjanjian-perjanjian yang telah diperbuat dengan negeri-negeri itu kemudian daripada termasuk ke bawah pemerintahan Great Britain.

Bahawa pada tarikh diperbuat teriti dengan Siam di dalam tahun 1909 itu terang-terang yang keempat buah negeri yang tersebut itu tertakluk atau tertunduk di bawah perintah Kerajaan Siam dan memang diakui benar yang demikian itu adalah undang-undang segala bangsa (tetapi Negeri Terengganu tidaklah mengiktiraf sedemikian – P.). Jika sekiranya tidak begitu sekali tiada

212 Roland Braddell-alehbahasa oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub, Penerbitan Yahya & Co. Ipoh Perak. Cetakan Ahmadiah Press Singapura. Cetakan kedua 1938 m.s. 55.

boleh ada pasal yang pertama di dalam teriti itu. Maka mengikut pasal yang pertama di dalam teriti yang tersebut, itu Kerajaan Siam menyerahkan kepada Kerajaan British kesemua hak milik Kerajaan Siam bagi memerintah, menaung, mentadbir dan mengelola segala perkara di atas keempat-empat buah negeri itu.

Tetapi kemudian daripada teriti dengan Siam dalam 1909 itu telah diperbuat pula beberapa perjanjian berturut-turut iaitu di antara Great Britain dengan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis maka perjanjian-perjanjian itu hendaklah kita hurai pula satu persatu.

Maka yang pertama-tama sekali perjanjian itu ialah dengan Negeri Terengganu iaitu bertarikh 22 April 1910 maka bunyi surat perjanjian itu tersangatlah pelik. Pertama-tamanya dalam pendahuluannya itu ada tersebut Terengganu itu sebuah negeri Melayu yang berkerajaan sendiri (Self Government) itu telah termaklum iaitu dipakai hanya pada kerajaan yang diperintah oleh orangramai (Demokrasi) yakni rakyat negeri memerintah sendiri dengan memilih dan mengangkat ketuanya dengan membuang undi misalnya di dalam British Empayar, Australia ialah negeri yang berkerajaan sendiri, pada hal seperti Straits Settlements (Negeri-Negeri Selat) itu bukannya berkerajaan sendiri dan tiada suatu negeri Melayu yang berkerajaan (Self Government) yakni orangramai perintah sendiri, dan apakala kita fikirkan tentang sebutan kepada Negeri Terengganu di dalam perjanjian tahun 1910 itu, bertambah-tambah lagi geli hati kita melihat British Adviser negeri itu menulis di dalam berita (report) tahun 1919 itu mengatakan:

"Perintah Melayu pada hakikatnya, perintah seorang raja yang tiada berhad kuasanya dan lazimnya perintah yang demikian itu tiada sempurna,

Kemudian kita dapati pula bahawa surat perjanjian dengan Terengganu tahun 1910 itu ditiru daripada perjanjian dengan Negeri Johor tahun 1885 tentang memakai perkataan yang serupa pada tempat-tempat yang serupa maksudnya.

Pada fikiran kita sebab yang telah menyebabkan perjanjian dengan Terengganu itu menjadi begitu pelik ialah barangkali kerana setengah gabenor Negeri-Negeri Selat itu terutama Kolonel Cavanagh dan Sir Frank Swettenham telah bersungguh-sungguh menyatakan Negeri Terengganu ini berkerajaan sendiri (Independent = Merdeka) sila lihat muka 321 dan 323 Buku British Malaya karangan Swettenham. Agaknya perkataan berkerajaan sendiri (Self Government) di dalam pendahuluan perjanjian itu dipakai bermaksud 'Bersendiri'

(Independent = Merdeka - P.) tetapi di sisi undang-undang kedua perkataan itu berlainan maknanya.[213]

Nampaknya pengarang buku "Taraf negeri-Negeri Melayu Pada Sisi Undang-Undang," Sir Roland Bradell, tidak mahu mengiktiraf Negeri Terengganu sebagai sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat pada masa itu kerana haruslah ia memahami dari segi teriti perjanjian yang dibuat antara Great Britain dengan Siam dalam tahun 1909. Tetapi hendaklah difahamkan dan dikaji bahawa Negeri Terengganu bukanlah sebuah negeri takluk Siam dan bukanlah menjadi alasan dengan menghantar ufti Bunga Emas tiga tahun sekali bagaimana yang dimegah-megah dan disebut-sebut oleh Kerajaan Siam. Peristiwa-peristiwa ini akan menjadi suatu kenangan pahit di dalam sejarah tanahair dan mestilah diinsafi oleh anak bangsa kita.

Di dalam perjanjian Terengganu tahun 1919 ada menyebutkan, bahawa Yang Maha Mulia Sultan Terengganu akan menerima seorang pegawai British yang akan dipanggil British Adviser dan akan disediakan kepadanya tempat duduk yang berpatutan di dalam negeri Terengganu dan hendaklah diminta dan dituruti nasihatnya di dalam semua perkara yang berkenaan dengan hal-hal am pemerintahan negeri dan semua perkara selain daripada perkara yang menyentuh Agama Islam dan adat resam Melayu.

Kerajaan British menerusi wakilnya Sir John Anderson, Gabenor Negeri Selat, telah berjaya membuat perjanjian dengan baginda Sultan Terengganu. Dengan perjanjian ini pihak Sultan Terengganu bersetuju menerima seorang pegawai British yang akan dipanggil British Adviser dan menyediakan tempat duduknya di dalam Negeri Terengganu, serta meminta nasihatnya pada semua perkara selain daripada perkara Agama Islam dan Adat Melayu. Pihak British berjanji akan menjaga dan menaungi negeri ini. Di samping itu pihak Sultan Terengganu tidak dibolehkan membuat apa-apa perjanjian atau perhubungan dengan lain-lain negeri tanpa kebenaran Kerajaan British. (Syukurlah kita, oleh kerana negara kita telah mencapai kemerdekaannya, pada 31hb. Ogos 1957, yang demikian perjanjian itu telah dibatalkan pada 18.12.1956 dan Penasihat British yang akhir sekali bagi Negeri Terengganu ialah J.F. Hanayington yang meninggalkan Negeri Terengganu pada 15.12.1956).

Kejayaan British mencengkam pemerintahan Negeri Terengganu ialah kerana bijak dan licin dasar-dasar penjajahannya dan lagi Kerajaan itu telah pun berjaya menaungi Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang pada akhir kurun yang kesembilan. Sementara itu pula Kerajaan Siam telah bercita-cita

---

213 Roland Bradell Ibid m s 56 57

hendak meletakkan Negeri Kelantan dan Terengganu di bawah naungannya, tetapi tidak berjaya. Walaupun pihak Kerajaan Siam telah berbincang dengan lamanya bersama Kerajaan Inggeris dan menyatakan ada tanda-tanda menunjukkan bahawa Terengganu dan Kelantan telah pun dinaunginya, entah untuk tujuan diplomatik atau kerana dasar penjajahan British yang licin lagi halus itu. Clifford (Sir Hugh Charles) telah menarik perhatian di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan (Federal Council) yang bersidang di dalam bulan November 1927 antara lain katanya:

"Sungguhpun begitu besar dan pantas serta ajaib segala perubahan di dalam negeri ini tetapi tidaklah ia mengubahkan atau mengurangkan mertabat atau taraf Negeri-Negeri Melayu itu walau sebesar zarah sekalipun. Dari dahulu lagi negeri-negeri Melayu juga, bahkan hingga selama-lamanya pun yang negeri ini mesti tinggal negeri Melayu juga, yakni Melayu ampunya dia, melainkan jikalau kita telah lupa atau nafikan langsung segala kewajipan kita dan tanggungan kita dan segala perjanian atau ikrar kita dengan Sultan-sultan Melayu dan pembesa-pembesarnya serta segala rakyatnya. Adapun negeri-negeri ini bukan sekali-kali termasuk ke dalam jajahan kepunyaan Duli Yang Mulia Baginda King sungguh pun negeri ini telah merasai nikmat dan keuntungan besar daripada naungan dan pimpinan kerajaan Inggeris yang dari mulanya naungan itu telah dilempahkan oleh kerajaan yang Maha besar itu tatkala zaman kerajaan Duli Yang Maha Mulia permaisuri Inggeris Queen Victoria dan sungguhpun bila dibanci bilangan isi negeri ini di dalam tahun 1921 jumlah bilangan orang-orang Melayu termasuk orang Melayu luar hanya 510,821 orang sahaja daripada jumlah isi negeri kesemuanya 1,324,890 tetapi kita mesti akui bahawa tujuan pekerjaan kita (orang-orang Inggeris) dalam negeri ini dari asal dahulu hingga selama-lamanya pun ialah hendak membaiki keadaan orang-orang Melayu yang menduduki Semenanjung ini, kerana dengan jemputan datuk nenek mereka itu dahululah yang kita orang-orang Inggeris ini telah mengaku tertanggung di atas kita pekerjaan memelihara negeri ini supaya kerajaannya adil dan peraturan mentadbirnya cukup sempurna adanya.

Dan lagi katanya, (Sir Hugh Clifford):

"Saya telah berkata yang negeri ini negeri Melayu sangat-sangat dari asalnya, dan mesti tertinggal negeri Melayu juga selama-lamanya pada hakikat dan pada maknanya, dan segala pegawai- pegawai (Inggeris) yang diamanahkan membuat pekerjaan kerajaan di dalam negeri ini serta segala rakyat isi negeri daripada berbagai-bagai bangsa yang telah bertanahair di sini sama ada sementara atau kekal hendaklah kesemuanya mereka itu senantiasa menaruh ingatan di dalam hatinya masing-masing tentang perkataan saya ini. Dan

pekerjaan yang terlebih utama sekali di atas Kerajaan Negeri-Negeri Persekutuan dan kerajaan satu-satu negeri Melayu itu hendaklah selama-lamanya menuju kepada keselamatan dan faedah bagi anak-anak negeri yang jati.

Dan lagi katanya:

Tiada sesuatu hukum atau kuasa memerintah yang telah dikurniakan kepada kita (Kerajaan Inggeris) oleh raja-raja Melayu atau pembesar-pembesarnya atau rakyatnya suruh kita mengubahkan perintah yang telah sedia ada di dalam negeri-negeri ini dari zaman purbakala.[214]

Perjanjian tahun 1910 antara Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Negeri Terengganu adalah dilampirkan di dalam buku ini untuk rakaman sejarah. Suatu kesilapan telah berlaku dalam buku "Sejarah Terengganu" yang disusun oleh Tuan Haji Buyung Adil terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 1974 yang menyatakan:

"Dalam bulan Mei tahun 1919 Sultan Zainal Abidin III telah berangkat melawat ke Singapura dan telah berunding panjang dengan Gabenor Sir Arthur Young. Pada 24 haribulan Mei 1919 (24 Syaaban 1336), baginda dan gabenor itu telah sama bersetuju membatalkan suatu syarat dalam perjanjian yang telah dibuat oleh baginda dengan Sir John Anderson pada 22hb. April 1910 dahulu, dan menggantikannya dengan suatu syarat baharu yang bermaksud:

Yang Maha Mulia Sultan Terengganu akan menerima dan menyediakan sebuah rumah yang menasabah bagi tempat kediaman seorang pegawai British yang akan disebut Penasihat British (British Adviser) yang akan tinggal di Negeri Terengganu dan segala nasihatnya mestilah diminta dan dijalankan dalam serba perkara am mengenai pentadbiran negeri itu dan dalam segala persoalan di negeri itu yang tidak menyentuh Agama Islam.

Segala perbelanjaan yang bersangkutan dengan Penasihat British itu dan jabatannya akan ditetapkan oleh Tuan Yang terutama Pesuruhjaya Tinggi (Negeri-negeri Melayu) dan dicabut daripada hasil pendapatan Negeri Terengganu. Segala kutipan dan perbelanjaan hasil Negeri Terengganu itu hendaklah dijalankan mengikut nasihat Penasihat British itu. m.s. 171 - 172.

Perjanjian ini sebenarnya bukan dibuat dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III kerana baginda telah pun mangkat pada 21 Safar 1337 bersamaan 25hb. November 1918 hal yang sebenarnya ialah bahawa perjanjian itu dibuat dan ditandatangani oleh anakanda baginda Sultan Muhammad II.


---

214 Roland Bradedel Ibid m.s. 39-40

29. Bancian Penduduk Negeri

Buat pertama kalinya banci penduduk Negeri Terengganu dijalankan pada 10hb. Mac, 1911. Jumlah penduduknya seramai 154,073 orang, daripadanya 149,379 Melayu, bakinya ialah lain-lain bangsa termasuk 10 orang Eropah berbanding dengan 'Penyata Banci Tahun 1957' seperti berikut:

	Jumlah Rumah	*Jumlah Orang*
1. Bandar Kuala Terengganu		
Jalan Kampung Cina	959 buah	5,165 orang
Kampung Tanjung Pantai	678 "	3,166 "
Ladang Dan Paya Bunga	1,456 "	7,929 "
Batu Buruk dan Bukit Besar	1,318 "	6,579 "
Hiliran dan Cabang Tiga	1,306 "	6,602 "
Jumlah	5,717 buah	29,441 orang
2. Daerah Kuala Terengganu		
Merang	272 buah	1,051 orang
Batu Rakit	2,891 "	11,448 "
Kuala Nerus	3,259 "	14,518 "
Manir	2,128 "	9,443 "
Belara	1,466 "	5,936 "
Pulau Pulau	734 "	3,070 "
Hulu Nerus	576 "	2,093 "
Serada	1,621 "	2,831 "
Kepong	326 "	1,385 "
Sungai Rengas	296 "	1,372 "
Paloh dan Pulau Rusa	692 "	3,257 "
Gelugor Raja	143 "	610 "
Kubang Parit	265 "	1,153 "
Tok Jemal	331 "	1,301 "
Gelugor Kedai	351 "	472 "
Losong	625 "	2,882 "
Cabang Tiga	329 "	1,705 "
Bukit Besar	1,069 "	4,693 "
Batu Buruk	489 "	2,261 "
Kuala Ibai	606 "	2,498 "
Cendering	691 "	2,739 "
Pengadang Buloh	1,108 buah	4,261 orang



Peta Bandar Kuala Terengganu

Atas Tol	224 "	870 "
Bukit Payong	1,970 "	7,295 "
Alor Limbat	1,138 "	4,333 "
Pulau Redang	119 "	470 "
Jumlah	22,746 buah	94,947 orang

3. Daerah Hulu Terengganu

Kuala Berang	1,483 buah	6,090 orang
Hulu Berang	491 "	1,526 "
Kuala Telemong	788 "	3,075 "
Hulu Telemong	833 "	3,368 "
Tanggol	644 "	2,386 "
Penghulu Diman	601 "	2,236 "
Tersat	388 "	1,566 "
Jenagar	651 "	2,488 "
Hulu Terengganu	65 "	211 "
Jumlah	5,863 buah	22,649 orang

4. Besut

Kuala Besut	1,343 buah	5,683 orang
Kampung Raja	790 "	3,670 "
Lubok Kawah	948 "	4,054 "
Pengkalan Nangka	380 "	1,821 "
Bukit Puteri	491 "	2,042 "
Pelagat	481 "	2,061 "
Keluang	296 "	1,247 "
Tembila	683 "	2,852 "
Kerandang	949 "	3,851 "
Pasir Akar	655 "	2,775 "
Bukit Kenak	864 "	3,696 "
Tenang	182 "	732 "
Jabi	819 "	3,236 "
Gungtung	203 buah	1,133 orang
Hulu Setiu	308 "	1,128 "
Tasek	603 "	2,247 "
Calak	706 "	2,687 "
Pantai	822 "	3,427 "

Pulau Perhentian	124 "	447 "
Jumlah	12,768 buah	53,273 orang
5.Marang		
Rusila	1,023 buah	4,169 orang
Jerong	625 "	2,341 "
Pulau Kerengga	1,149 "	4,834 "
Mercang	801 "	3,205 "
Jumlah	3,598 buah	14,549 orang
6.Dungun		
Kuala Dungun	3,644 buah	15,549 orang
Kuala Abang	176 "	719 "
Sura	413 "	1,784 "
Kumpal	310 "	1,134 "
Jerangau	1,635 "	5,853 "
Jengal (Jingai)	192 "	731 "
Pasir Raja	813 "	3,588 "
Rasau	230 "	702 "
Besol	13 "	27 "
Hulu Paka	1 "	29 "
Jumlah	7,537 buah	30,683 orang
7.Kemaman		
Kerteh	901 buah	3,260 orang
Kemasek	838 "	3,211 "
Kijal	966 "	4,018 "
Teluk Kalung	256 "	958 "
Cukai	3,163 "	14,328
Binjai	562 "	2,001 "
Pasir Semut	303 "	1,041 "
Tebak	402 "	1,491 "
Hulu Cukai	236 "	801 "
Hulu Jabor	467 "	1,496 "
Banggul	-	-
Bandi	-	-
Jumlah	8,094 buah	32,605 orang

Jumlah tiap-tiap daerah
Kuala Terengganu termasuk

Bandar Kuala Terengganu:	rumah	28,463 buah	124,388 orang
Besut		12,768 "	53,273 "
Hulu Terengganu		5,863 "	22,649 "
Marang		3,598 "	14,549 "
Dungun		7,537 "	30,683 "
Kemaman		8.094 "	32,605 "
Jumlah Besar		66,323 buah	278,147 orang



Gambar ini diabadikan semasa lawatan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Sir Arthur Handerson Young ke Negeri Terengganu pada 9.10.1911 kerana menyampaikan bintang KCMG kepada Baginda Sultan.

30. Menerima Bintang K.C.M.G.

Pada 9hb. Oktober 1911 (15 Syawl 1319) dengan dua buah kapal perang, Pesuruhjaya Tinggi Sir Arthur Henderson Young tiba melawat Kuala terengganu dan menyampaikan bintang K.C.M.G. (Knight Commander of the Most Distinguished Order of St. Michael and St. George) kepada baginda sultan. Suatu istiadat kebesaran dan kehormatan telah diadakan.

31. Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan

Di dalam masa pemerintahan baginda, telah disusun dan diwujudkan Undang-undang Bagi Diri (Undang-undang Tubuh) Kerajaan Terengganu pada 11 Zulkaedah tahun 1329 (2 November 1911M), dinamakan "Itqanul Muluk Bi Takdillis Suluk".



Pandangan sebahagian dari Bandar Kuala Terengganu.



Pandangan sebahagian dari 'Bandar Kuala Dungun.



Pandangan sebahagian dari Bandar Kuala Paka.

Undang-Undang ini mengandungi 53 fasal, satu pendahuluan (Muqaddimah) dan satu khatimah (Penyudahan).

Di dalam undang-undang ini, menerangkan peraturan-peraturan atau syarat-syarat yang berkenaan Duli Yang Maha Mulia Sultan, Waris- waris Ganti, menteri-Menteri dan lain-lain. Baginda Sultan Zainal Abidin berharap dengan undang-undang itu menjadi kebajikan yang berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya.

Yang menyaksikan kelulusan serta persetujuan sebagaimana terkandung di dalam undang-undang itu, dengan dimeterikan di atasnya Mohor baginda Sultan dan menurunkan tandatangannya bersama-sama dengan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan ialah; Yang Dipertuan Muda (Muhammad) bin Zainal Abidin, Waris Ganti, Tengku Muda Sulaiman bin Zainal Abidin waris yang pertama. Tengku Ngah (Umar) bin Abdul Rahim kerabat yang ikrab Wazir dan Menteri, Tengku Embong (Musa) bin Sulaiman kerabat yang ikrab Wazir dan Menteri, Engku Saiyed (Al Saiyed Abdul Rahman bin Muhammad Al Idrus), Syaikhul Ulama dan Ahli mesyuarat, Tuan Dalam (Al Saiyed Mustaffa bin Muhammad Al Idrus) Ulama dan Ahli Mesyuarat, Tengku Khajaki bin Abu Bakar, Kerabat Yang Am Wazir dan Menteri, Tengku Chik bin Hitam Kerabat Yang Am, Pesuruhjaya Besar Besut, Tengku Long Abdullah bin Othman Kerabat Yang Am Wazir dan Menteri, Tengku Chik Abdul Rahman bin Ishak, Kerabat Yang Am Wazir dan Menteri, Tengku Chik Ahmad bin Abdul Rahman, Kerabat Yang Am Wazir dan Menteri, Dato' Panglima Dalam (Wan Muhammad) bin Ibrahim Wazir dan Menteri, Dato' Nara Wangsa (Encik Muhammad Ali bin Abdul Rahim), Wazir dan Menteri: Al Haji Wan Muhammad Salleh bin Muhammad, Mufti dan Ahli Mesyuarat, Al Haji Wan Mohd Salleh bin Ismail, Hakim & Ahli Mesyuarat. Al Haji Wan Sulaiman bin Daud, Hakim dan Ahli Mesyuarat, Dato' Panglima Perang (Encik Yusuf bin Musa), Pegawai dan Ahli Mesyuarat, Dato' Penglima Muda (Encik Othman bin Idris), Pegawai dan Ahli Mesyuarat, Dato' Sangsura Pahlawan (Wan Hamid bin Said), Pegawai dan Ahli Mesyuarat, Al Haji Ngah bin Muhammad Yusof, Ahli Mesyuarat Wazir dan Menteri, Encik Nik Muhammad bin Hitam), Naib Hakim dan Ahli Mesyuarat, Dato' Syahbandar (Encik Embong bin Jaafar), Pegawai dan Ahli Mesyuarat, Encik Mat (Muhammad) bin Abdul Rahim, Pegawai dan Ahli Mesyuarat.

Undang-undang Tubuh atau Perlembagaan Negeri Terengganu yang diwujudkan itu, telah memberi makna dan menunjukkan kepada kita bagaimana baginda Sultan, kerabat-kerabat diraja dan pembesar negeri telah mengambil sikap tegas untuk mengawal dan menjaga keutuhan, kedaulatan negeri dan pemerintahannya supaya tidak diceroboh oleh kuasa luar.

Ini jelas kalau diperhatikan peruntukan perbekalan undang-undang itu menurut pasal 14 yang berbunyi:

Tegahan Di Atas Raja

Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali raja membuat perjanjian atau akhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau hukuknya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya.

Maka jikalau raja cuba lalai larangan dan tegahan ini nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan umanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu".

Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas Ahli-ahli Kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaannya dan diangkatlah gantinya pula.

32. Mulai memasang telefon

Di dalam bulan Disember 1911, bagi kali pertamanya, kawat telefon telah dipasang di dalam negeri yang menghubungi pejabat Pos dengan Istana Sultan dan tempat tinggal wakil Kerajaan British.

33. Melawat Besut

Pada 14 Jun 1912 baginda telah berangkat melawat jajahan Besut bagi kali pertama dengan diiringi oleh pembesar-pembesarnya dan singgah di Pulau Perhentian dan Pulau Redang. Semasa itu Besut adalah terkenal sebagai suatu tempat pelarian orang-orang jahat dari Kelantan dan Kuala Terengganu yang mencuri kerbau lembu dan rompak samun yang kerapkali terjadi.

34. Candu Hilang

Pada 26 Sya'ban hari Selasa 1331 (30.7.1912) telah dijalankan tangkapan ke atas seorang tawkeh Cina yang terkenal di Kuala Terengganu bernama Tan Swee Hall kerana kehilangan candu di dalam simpanannya sebanyak 8 peti.

35. Sempadan Terengganu - Kelantan.

Dalam bulan Ogos tahun 1912, beberapa orang wakil Kerajaan Kelantan telah tiba di Kuala Terengganu kerana menyelesaikan masalah sempadan Terengganu Kelantan. Perundingan ini telah dapat diselesaikan dengan baik dan sempurna di dalam bulan November 1913. (Memorandum persefahaman bagi penetapan dan pengukuran sempadan Negeri Terengganu dan Pahang di sempurnakan di Wisma Darul Iman pada 20.1.1992).

36. Jalan Raya ke Kuala Ibai.

Di dalam tahun 1912 jalan raya yang baharu sepanjang 8km di dalam Bandar Kuala Terengganu telah diadakan, begitu juga mulai dibina jalan raya ke Kuala Ibai.

Selain daripada itu peraturan dan urusan menetapkan perkara-perkara tanah di Kuala Terengganu mulai disusun dan dilaksanakan.

37. Cukai Labuh Batu

Di dalam tahun 1912 baginda Sultan telah membatalkan pungutan cukai yang dinamakan 'Labuh Batu'.

Cukai ini dikenakan ke atas tiap-tiap wangkang atau tongkang Cina yang berlabuh di dalam sungai Kuala Terengganu, Ianya telah wujud beberapa lama iaitu dibayar dengan barang-barang yang biasanya seperti beras atau garam. Apabila wangkang-wangkang itu meninggalkan pelabuhan dikenakan pula bayaran wang tunai antara $15.00 hingga $35.00 pada sebuah wangkang. bayaran ini dibahagi kepada 20 bahagian. Dato' Bandar (Shahbandar) Kapitan Cina, dan Jurubahasa sebanyak dua bahagian tiap-tiap seorang. Encik Mat, anak Jurubahasa, Dato' Mata-Mata dan Haji Ngah Muhammad bin Yusuf mendapat satu bahagian tiap-tiap seorang.

38. Tukar Menukar Orang Salah

Di dalam tahun 1912, suatu perjanjian telah ditandatangani oleh Sultan bagi menukarkan orang-orang yang dibuang negeri antara negeri Terengganu, Negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu yang bernaung dengan Negeri Siam. Naskah perjanjian itu ada dilampirkan di dalam buku ini.

39. Kelantikan Pesuruhjaya Polis

Pada 1 Muharram (11hb. Disember, 1912) baginda Sultan telah melantik Penglima Perang Encik Yusuf bin Penglima Perang Encik Musa menjadi pesuruhjaya Polis Besar Terengganu.

Surat tauliah kelantikan itu berbunyi seperti berikut:

Pada 1 Muharram 1331 bahawa kita al Sultan Zainal Abidin bin Al Marhum Sultan Ahmad Kerajaan Terengganu telah menjadikan Datuk Penglima Perang Encik Yusuf bin Penglima Perang Muda Pesuruhjaya Polis Kerajaan Terengganu. Maka berkuasa penglima Perang itu menjalankan sekalian pekerjaan polis mengikut sebagaimana peraturan dan undang-undang yang ditetapkan di dalam mesyuarat kerajaan kita boleh memberi perintah di atas segala pegawai polis dan sekalian mata-mata di dalam pekerjaan itu.

Maka wajiblah sekalian mereka itu mengikut dan taat kepadanya demikian adanya".

Sementara itu istiadat membuka Pejabat Polis yang bertempat di Padang Maziah (bertentangan dengan Kota Pintu Istana Maziah dilangsungkan pada 27 Muharram tahun 1331 (7hb. 1. 1913) jam 11 pagi.

40. Tertib Jawatan

Tertib jawatan telah diwujudkan pada 20 haribulan Muharram tahun 1331H (13hb. 12. 1912M), sebagai Tertib Jawatan Negeri dan Pejabat-pejabat yang dirasmikan pada tarikh tersebut:

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan.
2. Pejabat Perbendaharaan.
3. Pejabat Pesuruhjaya Keadilan.
4. Pejabat Agama dan Pelajaran.
5. Pejabat Kerjaraya, Ukur Tanah Kampung dan Pesuruhjaya Bandaran.
6. Pejabat Tanaman, Ukur dan Pejabat Pesuruhjaya Hutan.

41. Haji Wan Sulaiman Dihukum Penjara

Seorang ulama dan ahli ugama yang terkenal lagi Hakim Mahkamah iaitu al Haji Wan Sulaiman bin Daud (gelaran Dato' Kamal di dalam masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan menjadi Mufti Terengganu) telah dijatuhkan hukuman jel oleh Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad (bekas Sultan atau lebih terkenal lagi dengan nama Raja Darat) selama setahun penjara pada 7 Jamadil Akhir 1331 (13.5.1913) kerana dituduh terlibat di dalam suatu perbicaraan, walaupun apa yang dijalankan oleh beliau itu adalah menurut peraturan dan kaedah perjalanan mahkamah.

Semasa itu Yang Dipertuan Muda telah mendapat kuasa pemerintahan negeri daripada ayahandanya Sultan Zainal Abidin sebagai Wakil Mutlak. Tetapi pada hari Sabtu, 1 Syaaban tahun itu juga beliau telah dibebaskan (selepas sebulan 24 hari).

42. Berangkat Ke Tanah Suci

Sebagai seorang raja yang sangat mengambil berat dalam hal ehwal agama dan berpegang teguh dengan ajaran-ajarannya lagi alim, maka di dalam tahun 1332H (1913) baginda telah berangkat belayar ke Tanah Suci Mekah dengan diiringi oleh seramai lima belas orang pengiring termasuk Dato' Seri Amar Diraja, Tengku Abdullah (Tengku Seri Wak Raja), Tengku Hassan (Tengku Pekerma), Tengku Embong, Tengku Putra, Tengku Ibrahim dan Encik Abdul Rahim bin

Endut. Keberangkatan baginda, adalah dirahsiakan kerana baginda tidak suka yang cita-citanya hendak ke Tanah Suci diketahui orang, bahkan pada mulanya, setengah pengiringnya pun tidak mengetahui tujuan pelayaran mereka. Apa yang diketahui umum, ialah baginda hendak berangkat ke Singapura.

Menurut cerita yang didapati, keberangkatan ke Tanah Suci itu mengandungi berbagai peristiwa di antaranya: pelayaran baginda dari Singapura terpaksa terhenti di Aden lebih kurang sebulan, kerana tergendalanya urusan-urusan kapal yang hendak membawa baginda dari Aden ke Jeddah, ini menyebabkan pengiring-pengiring baginda berpendapat tidaklah sempat menunaikan fardu haji pada tahun itu kerana masa telah lewat benar, dekat waktu musim haji, (Wukuf di Arafah) tetapi baginda masih berkeadaan tenang dan kuat berpegang dengan kekuasaan Allah yang boleh melaksanakan sesuatu. Ada pembesar-pembesar baginda yang memohon kebenaran untuk mendakwa syarikat kapal yang mungkir janji itu, tetapi baginda tidaklah bersetuju bertindak demikian, walaupun baginda serta pengiring-pengiringnya terpaksa menunggu di Aden beberapa lama.

Pada akhirnya, baginda memajak sebuah kapal kecil untuk membawanya dari Aden ke Jeddah. Walaupun menurut perkiraan biasa tidak sempat sampai untuk menunaikan fardu haji pada tahun itu tetapi dengan pertolongan Tuhan Rabbul Alamin, kapal itu telah samapi di Jeddah terlebih awal daripada waktu yang dijangka dengan pertolongan angin laut memukul dari buritan kapal. Sementara itu beberapa orang bakal-bakal haji dari Aden telah dapat menumpang percuma di dalam kapal itu dengan kemurahan hati baginda. Kira-kira7 Zulhijjah (28.12.1913), baginda telah tiba dii Jeddah dan terus berangkat ke Mekah pada jam 7 malam itu, dengan menggunakan baghal dan tiba di Mekah jam 9 pagi keesokannya (8 Zulhijjah). Pada mulanya apabila keluarga Syeikh Nik Mat Kecil al Fatani mengetahui yang baginda dan rombongannya tiba di Jeddah, lalu diikhtiar sebuah kenaikan kereta kuda kepunyaan Syarif Mekah untuk membawa baginda ke Mekah supaya dapat samapi dengan segera (semasa itu belum ada motokar dan hari wukuf cuma tinggal dua hari sahaja. Jaraknya dari Jeddah ke Mekah lebih kurang 75 km, tetapi jalannya tidaklah seelok seperti keadaan pada hari ini, kalau dengan menaiki unta secepatnya memakan masa dua hari baharu dapat sampai). Kereta kuda yang dihantar secara serta merta itu telah sempat tiba di Bahra (sebuah perhentian di pertengahan jalan antara Jeddah-Mekah) tetapi baginda lebih suka meneruskan perjalanannya dengan menaiki baghal bersama rombongan baginda.

Pada hari yang kesembilan Zulhijjah, baginda berangkat naik ke Arafah dari Mekah.[215] Semasa di Tanah Suci baginda serta rombongannya di bawah urusan Tuan Sheikh Nik Mat Kecik Patani (Muhammad bin Ismail , pengarang kitab feqah "Matlaul Badrin wa Majmaul Bahrain" yang terkenal) dan anaknya Syeikh Abdullah. Setelah menunaikan fardu haji, baginda melawat Mesir selama lebih kurang dua minggu tetapi malangnya selama di sana, baginda telah gering dan cita-citanya hendak berangkat menziarahi Baitul Maqdis terbantut. Baginda terpaksa kembali segera ke tanahair mengikut nasihat doktor dan seorang doktor Mesir bernama Tayyar dari keturunan (Qibti) telah bersama-sama mengiring baginda hingga ke Singapura.

Pemerintahan negeri semasa peninggalan baginda dipangku oleh puteranya Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad dengan dibantu oleh Majlis Mesyuarat negeri dalam mana wakil Kerajaan British telah menjadi seorang ahli buat pertama kalinya di dalam sejarah negeri Terengganu.

43. Melawat Kelantan

Di dalam tahun 1915M, baginda telah berangkat melawat Negeri Kelantan dengan diiringi oleh suatu rombongan yang di antaranya Dato' Seri Amar Diraja, Tengku Chik, Tengku Muda Putera dan lain- lain sebagai membalas lawatan Sultan Kelantan.

Lawatan itu telah disambut dengan penuh kehormatan oleh Sultan Kelantan dan rakyat negeri, walaupun semasa itu Kelantan sedang menghadapi suatu pemberontakan yang dicetuskan oleh seorang yang bergelar 'Tuk Janggut' (Haji Mat Hassan bin Panglima Munas) dengan dibantu oleh Tengku Besar Raja Jeram.[216] Menurut cerita, peperangan Tuk Jangut Kelantan itu khabarnya mengorbankan beratus-ratus orang di antara kedua belah pihak. Kerajaan Kelantan telah menanggung kerugian wang sejumlah $87,000.00.

44. Lawatan-Lawatan

Baginda boleh dikatakan seorang raja yang suka dan gemar melawat keluar negeri untuk meninjau kemajuan dan menambahkan pengalaman.

---

215 Seorang bakal haji dikehendaki berada di bumi Arafah walaupun satu saat antara masa gelincir matahari pada hari ke sembilan Zulhijjah hingga terbit fajar pagi hari ke sepuluh Zulhijjah dalam keadaan ahli ibadat. Kalau tidak, tidaklah sah hajinya pada tahun itu.

216 Berlaku pada 29 April 1915, Asad Syukri Haji Muda, Sejarah Kelantan, penerbit Pustaka Aman Press. Kelantan, m.s. 101.



Al Marhum Sultan Zainal Abidin III berpakaian haji.



Sultan Zainal Abidin III berpakaian kebesaran DiRaja.

Baginda kerapkali melawat Singapura dan sebelum berangkat ke Tanah Suci, pernah melawat Kuala Kangsar, Kuala Lumpur dan lombong besi di Bandi, Hulu Kemaman yang terkenal dan bersejarah.

Pada kebiasaannya, semasa baginda melawat itu, diiringi oleh seorang pengawal peribadinya, bangsa Australia bernama H. Gild yang telah dikurniakan gelaran Dato' di dalam tahun 1914. Dialah orang yang mula-mula sekali membawa masuk motokar ke dalam negeri ini, dan membuka sebuah dispensary di dalam Bandar Kuala Terengganu ketika mana perkhidmatan perubatan kerajaan belum diadakan lagi.

45. Kedatangan J.L. Humphreys

Dalam tahun 1915, seorang Penolong Penasihat British di Muar, Johor telah ditukarkan ke Terengganu bernama J.L. Humphreys sebagai British Agents. pegawai ini telah berkhidmat di Negeri Terengganu selama sepuluh tahun, dan banyak juga jasa-jasanya telah dicurahkan bagi faedah kemajuan negeri.

Sebuah batu peringatan bagi mengingatkan jasanya telah dibina di hadapan simpang Jalan Paya Bunga Kuala terengganu bertentangan bangunan lama Pejabat Besar Kerajaan dan Balai Polis Bandar Kuala Terengganu dari pakatan derma rakan-rakannya tetapi sekarang batu peringatan itu sudah tiada lagi disebabkan tempat tersebut telah diperluaskan untuk jalanraya.

46. Majlis Mesyuarat Negeri

Mula-mula Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu diwujudkan menurut sistem moden ialah pada tahun 1917, mengandungi ahlinya seramai 24 orang yang dilantik termasuk lapan orang Jumaah Menteri. Ini menunjukkan pentadbiran Negeri Terengganu telah berjalan dengan baik, dan telah diakui oleh Fank Swettenham Gabenor Negeri-Negeri Selat yang pernah datang ke sini dan berbincang dengan pembesar-pembesar Terengganu. Beliau pernah berkata bahawa pentadbiran Negeri Terengganu adalah yang paling baik antara negeri-negeri Melayu. Dengan adanya Majlis Mesyuarat itu yang sentiasa mengutamakan suara terbanyak mengenai sesuatu keputusan atau tindakan, menandakan badan itu menjadi kuasa yang tertinggi di dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan. Sementara itu wakil Inggeris tidak dapat mempengaruhinya. Maka tidaklah benar tuduhan-tuduhan yang mengatakan baginda Sultan tidak menghiraukan pentadbiran negeri dan ehwal rakyat hanya asyik beribadat dan mempelajari ilmu agama sahaja. Di dalam tahun ini juga al Haji Ngah (Dato' Seri Amar Diraja) dilantik menjadi Naib Menteri Besar. Beliau adalah seorang pembesar Terengganu yang berjasa, dikasihi rakyat jelata. Di samping itu Haji Ngah

dikenali sebagai ahli agama yang ternama dan fasih di dalam peraturan bahasa Arab.[217]

47. Hasil Mahsul Bertambah

Di dalam tahun 1917, hasil negeri telah bertambah menjadi $180,000. Di samping itu Undang-Undang Pemberian Pajak Candu[218] dan cukai barang keluar masuk telah dibatalkan. Suatu Jawatankuasa Kewangan telah dilantik untuk melawat seluruh daerah dan bagi kali pertamanya Anggaran Belanjawan negeri telah dirangka dan diluluskan.

48. Suruhanjaya Menyiasat

Di dalam bulan September 1918 Pesuruhjaya Tinggi British telah melantik satu suruhanjaya untuk melawat Negeri Terengganu. Ini adalah hasil dari syor-syor yang dibuat oleh wakil Kerajaan British di Terengganu di dalam "Penyata Tahunannya". Suruhanjaya ini terdiri dari Sir John Buncknill K.C., Heyes Marriot, dan F.M. Elliot manakala J.W. Simmons sebagai setiausaha. Tugas-tugas suruhanjaya ini ialah untuk menyiasat hal ehwal pentadbiran Jajahan Kemaman, pentadbiran Penjara Terengganu, tindakan Polis dan Mahkamah Terengganu terhadap perkara rogol yang dilakukan oleh Saiyed Muhammad (anak saudara Tuk Ku Paloh) ke atas Tengku Selamah hamba Tengku Embong Musa (anak saudara Sultan). Rombongan ini diiringi oleh Doktor J. Argyll Campbell, Professor Perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII Singapura, Encik H.M. Hashim (Jurubahasa Kanan Melayu di Mahkamah Tinggi Singapura) dan J.T.Handy Setiausaha Sulit kepada Hakim Mahkamah Tinggi Singapura.

Kesimpulan yang diambil oleh suruhanjaya itu, menyatakan Negeri Terengganu tidak akan mencapai kemajuan kalau Kerajaan British tidak campurtangan dalam pemerintahannya, sebagaimana yang dilakukan di dalam lain-lain negeri.

Pada mulanya baginda Sultan enggan menerima suruhanjaya itu sebelum berunding dan mendapat nasihat dari pembesar-pembesar baginda.

Pendirian dan pendapat baginda ini, telah dipersetujui oleh gabenor.

---

217 Beliau lahir pada 19/11/1295 (15.12.1878) dilantik menjadi Menteri Besar Terengganu pada 28/9/1343 (21.4.1295) hingga akhir hayatnya. Beliau meninggal dunia pada 23/5/1359 (28.6.1940).

218 Tujuan diadakan undang-undang itu pada mulanya, ialah untuk mengawal supaya candu tidak merebak dalam negeri dan kemasukannya dari satu punca sahaja.

Pembesar-pembesar negeri dan ahli-ahli mesyuarat, setelah mengkaji dari segala aspek, sama ada baik buruk suruhanjaya yang dikehendaki itu dan berpandukan mencari kebenaran, maka dengan penuh kejujuran dan tanggungjawab telah menerima suruhanjaya tersebut.

Suruhanjaya ini tiba di Kuala Terengganu pada 6.9.1918 dan anehnya kembali ke Singapura selepas sebelas hari kemudian (iaitu pada 17.9.1918). Maka nampaknya penyiasatan itu tertumpu di Kemaman sahaja. Ini menunjukkan penjajah British mempunyai muslihat khas dan ada udang di sebalik batu, kerana jajahan Kemaman banyak mempunyai bahan galian penting. Tambahan pula pihak Kerajaan Terengganu telah pun memberi kuasa melombong bijih kepada orang Denmark dan Jepun di sana. Sebaliknya pula, suruhanjaya itu kurang membuat teguran di atas perjalanan pentadbiran di Jajahan Kemaman bahkan segala teguran itu telah dijawab dengan jelas. Kalau hendak dikecam berkenaan perjalanan polis dan mahkamah mengenai kes rogol itu, ini pun telah dibicarakan di Mahkamah Join Court yang mana Humpreys sebagai wakil British di Terengganu telah hadir bersama dan yang dituduh telah pun dijatuhkan hukuman.[219]

49. Tuk Ku Paluh meninggal Dunia

Seorang tokoh negeri yang disanjung tinggi kerana alimnya, lagi dianggap keramat dan pendiriannya yang tegas dalam soal agama dan pemerintahan negeri dan banyak mengecewakan pihak British yang cuba hendak campurtangan sebelum Terengganu membuat teriti perjanjian dengan British, iaitu Saiyed Abdul Rahman[220] (Tuk Ku Paloh) bin Saiyed Muhammad (Tuk Ku Tuan Besar Al Idrus) telah meninggal dunia pada 1 Zul Hijjah 1336 (7.9.1918) dalam usianya lebih kurang lapan pulah tahun, dan dimakamkan di tanah perkuburan di Kampung Paluh yang bersejarah.

Dengan meninggalnya Tuk Ku Paloh yang banyak memainkan peranan penting di dalam pemerintahan Negeri Terengganu, dan terlibat dalam pergerakan memberi perlindungan dan sokongan kepada pemberontak-pemberontak Pahang (Tuk Gajah, Bahaman dan Mat Kilau) maka tidak syak lagi Negeri Terengganu telah kehilangan seorang tokoh dan tonggak negeri yang sukar diganti.

---

219 Laporan suruhanjaya ini tidak sempat dikeluarkan dalam masa hayat baginda Sultan Zainal Abidin. Laporan ini siap pada 28.11.1919.

220 Bondanya bernama Hajjah Aminah, isteri yang tertua Tuk Ku Tuan Besar, Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin Al Idrus.

50. Peristiwa Di Jajahan Kemaman

Daerah Kemaman adalah jajahan atau daerah yang kedua besarnya di dalam Negeri Terengganu letaknya di sebelah Timur. Jauhnya daripada Kuala Terengganu ke Cukai mengikut jalan darat 156km.

Di dalam bulan September dan Oktober 1918, Humphreys (J.L.)[221] bersama-sama dengan Haji Ngah (Dato' Seri Amar Di Raja) Tengku Embong, Encik Da Umar bin Mahmud (Dato' Jaya Perkasa) Ketua Pajakan Candu dan Haji Wan Sulaiman (Dato' Kamal Wangsa) telah melawat seluruh jajahan di Terengganu termasuk Kemaman yang dikatakan telah berlaku keadaan yang tidak menyenangkan.

Selepas kemaitan Lebai Saris dan anaknya Encik Abu Bakar (yang berlagak sebagai pemerintah yang tidak mahu tunduk kepada Sultan Ahmad Shah I, Sultan Terengganu Yang Keempat memerintah dari tahun 1808-1830). Pemerintahan di Kemaman saling bergilir ganti oleh beberapa orang ketua sehingga ke masa pemerintahan Dato' Kaya Penglima Hassan, yang telah membuka Kampung Cukai, Selepas itu Kemaman diperintah pula oleh Tengku Wook yang dihantar oleh Tengku Puteri isteri Sultan Ahmad Shah (Marhum Parit) kerana jajahan itu telah dikurniakan oleh baginda kepada isterinya sebagai hadiah perkahwinan.

Semasa itu ada seorang saudagar Cina yang terkenal di Kemaman bernama Ceong Teng, dikenali dengan nama Ce Teng. Setelah ia mati, dikebumikannya di atas sebuah bukit yang dikenali sekarang 'Bukit Chik Teng'.

Selepas Tengku Wook meninggal dunia, Kemaman telah diperintah pula oleh Encik Muhammad (Dato' Bentara Haji) selama 4 bulan dan kemudiannya oleh Tengku Yusof yang telah membina sebuah kubu kayu di Tanjong Cukai.

Selepas itu, baginda Sultan telah memberi kuasa pula kepada dua orang pegawainya untuk memerintah iaitu Encik Abdul Rahman bin Musa, memerintah di sebelah Kuala Kemaman, dan Encik Buruk bin Khatib Ismail memerintah

---

221 Humphreys telah dilantik menjadi Penasihat British yang pertama bagi Negeri Terengganu pada 24 Mei 1919 hingga tahun 1925.
Terdahulu daripada ini ialah British Agent, iaitu:
Tahun 1910- W.L. Conlay.
Tahun 1911- Mac 1913- W.D/ Scott.
Tahun 1913 hingga Julai 1914- E.A. Dickson M.C.S.
Tahun 1914 hingga 1915- C.N. Maxwell M.C.S.
Tahun 1915- J.L. Humphyers M.C.S.

kawasan di tepi sungai kerana ianya mempunyai pengalaman di dalam hal ehwal melombong bijih.

Dengan usaha Encik Buruk dan dengan bantuan seorang wanita dikatakan namanya Saiyah, maka bijih besi telah dijumpai di Bandi dan Sungai Ayam. Lombong-lombong di tempat itu dikerjakan oleh Encik Buruk dengan dibantu oleh ketua Cina bernama Tan A Pak dari bangsa Hokkien. Modal untuk membayar gaji kuli-kuli telah dikurniakan oleh baginda Sultan dan keuntungan semuanya terpulang kepadanya.

Tidak berapa lama, datang pula Tengku Hitam bin Tengku Abdul Rahim untuk berniaga dan telah berkenalan baik dengan Encik Buruk. Ketika itu Encik Buruk telah uzur, maka Sultan Ahmad pun melantik Tengku Hitam memerintah Kemaman dengan permintaan Encik Buruk dan Encik Abdul Rahman pula telah mengundurkan diri daripada Kemaman dan berpindah ke Gebeng di dalam kawasan Pahang.

Setelah Sultan Ahmad mangkat, Tengku Hitam pun dipanggil balik ke Terengganu dan Encik Abdul Rahman pun kembalilah ke Kemaman serta memerintah bersama-sama dengan Tuan Merat dari Baserah Kuantan (dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Rahman 4.7.1830-31.12.1830).

Kemudian, Kemaman telah diperintah oleh Tengku Muda Tengku Panglima (dalam masa pemerintahan Sultan Mansur II 31.1.1831-9.3.1837). Dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Ketiga telah diutuskan Encik Abdul Rahman bin Ishak (Dato' Seri Lela Diraja) supaya mentadbirkan hal ehwal Kemaman dan Kijal. Pada tahun 1332H (1913M) beliau telah menerima surat tauliah kelantikannya sebagai Pesuruhjaya Kemaman yang pertama dan pada tahun itu juga pejabat-pejabat Kerajaan termasuk sebuah mahkamah mula diwujudkan di jajahan itu.

Berhubung dengan kejayaan Encik Abdul Rahman (Dato' Lela dapat menjadi pemerintah Kemaman, adalah dikatakan berpunca dari satu peristiwa iaitu kira-kira di dalam tahun 1885. Tengku Long anak Tengku Abdul Kadir yang terkenal dengan nama al Marhum Tengku Din cucunda Sultan Daud dan sepupu Sultan Zainal Abidin III, telah melakukan suatu perkara yang luar batasan agama dan adat iaitu berulang alik ke rumah Tengku Chik, saudara baginda Sultan (Sultan Zainal Abidin III) yang telah pun berkahwin. Tengku Long adalah seorang yang terkenal kerana sajak memakai keris lembing. Selain dari itu ada berita-berita yang tersebar dengan sulit menyatakan beliau berhasrat hendak menjadi seorang yang berpengaruh di dalam pemerintahan negeri walaupun tidak dapat menjadi bakal Sultan. Baginda Sultan telah menitah kepada empat orang Budak Raja yang masih muda supaya menghadang Tengku Long. Di

antara pemuda itu ialah Encik Abdul Rahman tersebut.[222] Mereka menanti Tengku Long balik daripada rumah Tengku Cik, kemudian ditikamnya di kawasan Padang Maziah pada suatu pagi. Encik Abdul Rahman dikurniakan gelaran dengan nama Seri Lela Diraja dan diberi kuasa memerintah jajahan Kemaman selama lebih kurang 30 tahun. Beliau adalah dianggap sebagai seorang panglima dan memain peranan yang penting di dalam masa akhir hayatnya untuk menentang pemberontakan orang-orang Hulu Terengganu dalam tahun 1928 semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.

Beliau meninggal dunia pada hari Khamis waktu 1.30 petang 13 haribulan Rabiul Akhir tahun 1358 bersamaan 1hb. Jun 1939. Kerajaan Terengganu telah menghadiahkan lima ratus ringgit kerana mengenangkan jasanya.

Menurut Penyata Sir John Buncknill 1918 berkenaan pentadbiran Jajahan Kemaman di antara lain katanya:

Ada pun Ketua Jajahan Kemaman ini ialah Encik Abdul Rahman bin Ishak, umurnya sekarang 55 tahun. Dan telah memegang jawatannya ini selama 30 tahun, dari keterangannya dan juga dengan keadaan kedudukan Kemaman yang jauh terpencil dari Kuala Terengganu bolehlah dianggap bahawa beliaulah yang memerintah jajahan ini. Gajinya sehingga tahun 1918 tidak pun sampai $70.00 sebulan, tetapi di tahun ini telah dinaikkan kepada $150.00 menurut kenyataan yang diterima ada menyatakan pula bahawa beliau menokok (menambah) pendapatannya dengan jalan "meminjam" dari taukeh-taukeh Cina dari wang denda atau kemenangan bertaruh menyabung ayam dan lain-lain. Perkara ini tidaklah berapa menghairankan tetapi perkara yang agak lebih memberi kesan sedikit ialah tauladan yang diikuti oleh rakyat jelata. Encik Abdul Rahman telah menerangkan kepada suruhanjaya ini, bahawa beliau pernah menjadi Hakim Mahkamah untuk beberapa waktu, dan semenjak hakim yang dahulu (Tengku Ismail) dalam tahun 1917, belumlah ada di dalam jajahan Kemaman itu seorang pun yang mempunyai kuasa kehakiman. Maka hal yang sebenarnya ialah Pendaftar Mahkamah yang menjalankan pekerjaan hakim dengan kehendak Encik Abdul Rahman yang selalu memberi nasihat atau fikiran ketika menjatuhkan hukuman.

---

222 Dua dan pemuda itu ialah Muhammad bin Ahmad Pebian, meninggal dunia pada 30hb. Mei 1944 di Kampung Surau Pasir, Kuala Terengganu semasa berumur lebih kurang 110 tahun, Haji Ibrahim dan Wan Abdullah bin Muhammad (Dato' Panglima Dalam meninggal dunia kira-kira dalam bulan Disember tahun 1960). Ketika berumur lebih kurang 77 tahun.



Encik Abdul Rahman bin Ishak (Dato' Seri Lila Di Raja). Bekas Pesuruhjaya jajahan Kemaman meninggal dunia pada 1.6.1939.

Suatu sistem yang tidak menyenangkan seperti hukuman-hukuman yang selalu berubah yang dijatuhkan pula oleh seseorang pegawai yang tidak pun hadir ketika perbicaraan dijalankan itu adalah sepekara yang perlu mendapat ulasan selanjutnya.

Keterangan dari pengakuan Budak raja[223] berkenaan peristiwa di lombong Bandi, dan keterangan-keterangan yang diberi oleh Encik Nik Hakim Muhamad bin Hitam (Dato' Bija Sura) ketika menjalankan penyiasatan perkara rogol di Terengganu adalah menunjukkan bahawa pentadbiran seumpama ini tidaklah lagi dipandang sebagai suatu keganjilan di sana dan pegawai-pegawai keadilannya bertindak lebih bebas dari tata tertib negeri.

Encik Abdul Rahman menganggap pasukan 'Budak Raja' sebagai anggota rumah atau pengiring-pengiringnya sahaja. Yang demikian Budak Raja boleh berleluasa atau bertindak dengan sewenang-wenangnya di Bandi dan di tempat yang lain juga.

Ada pun rayuan-rayuan yang banyak kita terima tentang keganasan 'Budak Raja' itu datangnya dari Bandi. Pihak Suruhanjaya ini sendiri telah banyak menghabiskan masanya kerana menyelidik rayuan-rayuan ini dan keterangan-keterangan yang telah dicatat sangatlah panjang. Sebagai contoh

223 Mata-mata yang dilantik oleh Sultan atau sesiapa yang diberi kuasa tiada mempunyai pakaian rasmi dan tidak bergaji tetap.

memadailah dimuatkan satu kisah yang menggambarkan kelakuan Budak Raja itu di bawah ini:

"Di dalam bulan Mei 1917, dua orang 'Budak Raja' bernama Wan Awang dan Awang Rompin telah pergi ke Bandi dengan perintah Encik Abdul Rahman. Pada suatu malam (kira-kira jam 2 dinihari) mereka berdua dengan bersenjatakan keris dan pistol telah pergi ke rumah seorang bernama Merah di Kampung Tasik kebetulan Merah tiada di rumah kerana mencari kerbau hilang. Sadiah (isteri Merah) sedang tidur di dalam biliknya. Karim (ipar Merah) tidur di beranda luar bersama-sama sepupunya Ishak. Kedua-dua 'Budak Raja' itu telah menggerakkan isi rumah tersebut. Wan Awang naik ke atas rumah dan masuk ke bilik Sadiah dengan tujuan hendak menangkap kerana katanya Sadiah telah berlaku serong dengan Karim, dan memerintah Sadiah mengikutnya ke Bandi tetapi ia tidak larat berjalan kerana sedang uzur (hamil). Oleh yang demikian mereka pun menangkap Karim. Dua hari kemudian Awang Rompin selaku seorang hakim menjalankan perbicaraan di rumah seorang Cina di Bandi bernama Luang Teng dan mendenda Sadiah dan Karim sebanyak $60.00 seorang kerana kesalahan berzina. Perbicaraan ini nyatalah palsu, tidak ada saksinya dan kedua-dua yang dituduh bermati-matian pula mengaku tidak bersalah. Merah, suami Sadiah telah mengatakan bahawa Karim telah tinggal bersama-samanya sudah bertahun-tahun, dan tidaklah terlintas atau percaya sedikit pun di hatinya di atas dakwaan itu. Walau bagaimanapun kedua mereka itu tidaklah dapat mengelakkan diri daripada tindakan yang dilakukan oleh Budak Raja. Maka kisah ini diketahui hanyalah sesudah yang dituduh itu datang kerana meminjam wang pendahuluan gajinya dari Penguasa Lombong Bandi itu untuk membayar denda yang tersebut.[224]

Mengenai teguran Kerajaan British terhadap pentadbiran Jajahan Kemaman, rasanya lebih baik jika penulis petik jawapan yang dihantar oleh Encik Abdul Rahman bin Ishak (Dato' Seri Lela Diraja) kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu, bertarikh 6 haribulan mei 1918.

Antara lain katanya:

Maka bagaimana di dalam surat Tuan Gabenor katanya telah terima pengaduan yang berat tentang pemerintahan di Kemaman. Maka pada ingatan patik tiadalah patik jalankan perintah-perintah yang berat melalui (menyalahi) daripada undang-undang kerajaan di atas rakyat di dalam Kemaman istimewa pula rakyat luar.

---

224 M.C. ff Sheppard Op. Cit. m.s. 59-60.

Maka ada yang sampai kepada patik di dalam tahun 1335 (1917) Manager Bandi (Kawasan bijih) ada membuat report kepada patik mengatakan mata-mata yang bernama Awang[225] dan seorang kawannya[226] yang duduk di........... (tidak dapat dibaca) di Polis Bandi ada buat kacau di dalam Bandi fasal tangkap dan denda orang. Maka apabila patik telah dapat kenyataan dari Manager Bandi itu lalu patik sendiri telah mudik ke Bandi memeriksakan hal- hal itu. Maka didapati tiada hal yang demikian melainkan ada juga mata-mata di Bandi itu tangkap orang kerana kesalahan berkhalwat bini orang. Maka apabila telah ditangkap kata orang salah itu jikalau di polis Kemaman berapa kesalahannya (dendanya). Jawab mata-mata itu yang lazim dalam tiga empat puluh ringgit. Kemudian mata-mata itu hendak bawa hilir ke polis Kemaman. Orang salah itu minta hendak bayar denda itu lalu pergi hendak pinjam wang kepada manager dengan katanya hendak membayar denda, tetapi mata-mata itu tiada terima wang itu. Maka yang lain tiadalah patik dapati. Maka kemudian telah patik siasat dengan meminta manager itu berhentikan mata-mata lalu patik bawa hilir ke Kuala (Kemaman) mata-mata itu.

Dan lagi pada awal tahun 1336 (1918), adalah pula Manager Sungai Ayam (satu lagi kawasan lombong di Kemaman) report kepada patik mengatakan ada orang Melayu bernama Ismail bin Haji Abu Bakar duduk di Ayer Putih, Kemaman ada keluarkan pass palsu mengambil buluh di dalam kawasan tanah Concession Sungai Ayam. Maka apabila patik telah mendapat kenyataan lalu patik perintahkan mata-mata polis mudik untuk menangkap.

Kemudian apabila sampai di tempat Ismail itu didapati Ismail di dalam sakit yang berat kemudian langsung mati Ismail itu. maka sudahlah patik memberitahu kepada manager Sungai Ayam.

Dan lagi di dalam tahun 1336 (1918) ini juga Manager Bandi ada memberi surat kepada patik suruh tangkap seorang yang bernama Tuan Muda dengan katanya lari dari tahanan polis. Kemudian lalu patik jawab kepadanya minta tahu apa kesalahan Tuan Muda itu. Maka dijawab oleh Manager Bandi kepada patik kesalahan lari dari kerja di lombong dan dinyatakan hukuman yang dijatuhkan di atas Tuan Muda itu 3 bulan jel. Bagaimana yang dahulu hal ini patik serahkan kepada Tengku maka kemudian apabila patik dapat jawab dari Tengku, patik memberi surat kepadanya minta supaya didakwa di dalam Polis Kemaman. Lalu dijawab kepada patik ia telah diampunkan kesalahan Tuan Muda.

---

225 Awang Rompin.
226 Wan Awang.

Dan lagi di dalam bulan Safar, 1336 (1918) adalah Tuan Humpreys (wakil Inggeris)British Agent pergi melawat ke Kemaman serta mudik ke sebelah hulu Sungai Ayam dan Bandi kemudian, apabila ia hilir lalu ia datang kepada patik bertanya patik adakah di dalam daerah Kajang Kompeni orang-orang Cina berkelahi jadi mati-matian. Maka patik jawab kepadanya tiada pernah ada demikian itu. Kemudian ia suruh patik siasat periksa hal itu. Maka patik pun telah periksa maka tiada patik keterangan suatu pun di dalam hal itu. Kemudian patik pun telah panggil Manager Kajang nama Sudin periksa hal itu. Maka jawabnya tiada sekali-kali pernah berlaku pergaduhan di dalam Kajang istimewa pula yang jadi mati-matian dari selama-lama pun kerana dari kenyataan Manager Kajang yang patik periksa itu adalah semuanya patik tuliskan serta sudahlah patik memberitahu kepada Tuan Humpreys hal itu.[227]

Untuk kajian sejarah, penulis catatkan di sini satu peristiwa berdailog antara Encik Abdul Rahman bin Ishak (Dato' Seri Lela Diraja) dengan Sir John Bucknill ketua rombongan menyiasat hal ehwal Terengganu dalam tahun 1918. Dialog tersebut berlansung dalam sebuah kapal kenaikan berlabuh di Kuala Kemaman. Menurut apa yang telah diceritakan oleh Saiyed Muhsen bin Abdul Rahman al Hamidi (lahir di Makalla tahun 1891 dan datang ke Terengganu dalam tahun 1910. Beliau masih tinggal di Kuala Kemaman semasa buku edisi lama ini disusun sekarang telah meninggal dunia). Beliau sempat mendengar dailong tersebut menerusi jurubahasa Encik Muhammad Hashim Singapura (Kaptan), antara lain katanya:

Sir John Bucknill - Saya dengar sangat zalim kejadian dalam negeri ini ke atas rakyat British seperti pukul memukul dan rampas harta.
Encik Abdul Rahman - Saya tidak hendak bercakap banyak, saya cuma mahu bertanya satu sahaja, di Singapura adakah tidak polis?
Sir John - ada.
Encik Abdul Rahman - Tidakkah berlaku pukul memukul dan saman?
Sir John - Ada, tapi ada mahkamah.
Encik Abdul Rahman - Apa sebab?
Sir John - Untuk berbicara dan membuat keputusan.

Encik Abdul Rahman - di sini pun ada juga. Sebuah negeri kalu sudah ramai penduduknya berbagai ragam ada berlaku kalau ada yang salah kita hukumkan, kita tidak membiarkan orang jahat bermaharaja lela.

---

227 Salinan (5) dil SUK. Tr.259/1336.e

Kemangkatan Baginda

Pada 21 Safar tahun 1337H (25 November 1918M), jam 2.25 pagi Isnin baginda telah mangkat, menyahut seruan Tuhan Rabbul Alamin. Sebelum itu, pada awal malam Isnin, baginda masih boleh bangun dan bersiar-siar di istana memerhatikan orang ramai beratib masuk ke dalam kota, sepasukan demi sepasukan dan baginda sendiri turun ke bawah istana mengurniakan sedekah kepada mereka itu.

Kira-kira jam 11 malam, baginda merasa sesak nafas dan makin bertambah kuat. Sekalian ahli-ahli istana bangkit terkejut pada pertengahan malam kerana diketahui baginda bertambah kuat gering. Perkhabaran ini telah disampaikan kepada putera-puteri dan kerabat-kerabat serta pembesar-pembesar negeri.

Lebih kurang jam 5 pagi, tembakan meriam pun berbunyilah alamat memberitahu kemangkatan baginda. Berita ini menjadi begitu gempar dengan segeranya dan disambut oleh rakyat jelata dengan perasaan amat sedih dan duka nestapa.

Pada pukul 5 petang hari Selasa keesokannya jenazah baginda selamat dimakamkan di dalam kubah Masjid Abidin dengan adat istiadat kebesaran raja-raja. Penduduk-penduduk negeri berkabung selama empat puluh hari.

Adalah diceritakan seminggu sebelum baginda mangkat, kebanyakan penduduk bandar Kuala Terengganu ada melihat suatu pandangan luar biasa di langit, iaitu pelangi beratur bercoreng-coreng dan berbelang-belang, dan satu jalur melintang jalan. Pandangan ini dikatakan dapat dilihat selama tujuh hari dan kadang-kadang hujan turun dengan lebatnya ketika mata hari masih cerah.

Dengan kemangkatan Sultan Zainal Abidin III, maka hilanglah seorang pemerintah yang sukar ditandingi dan dapat diganti. Di samping itu pula Tuk Ku Paloh (Saiyed Abdul Rahman) telah juga menyambut seruan Tuhannya sebelum itu. Dengan ini pihak British telah memperolehi peluang dan kesempatan untuk mencengkam dengan lebih kuat kuku penjajahannya terhadap pemerintahan negeri ini.

Almarhum baginda Sultan adalah sebagai seorang pemerintah yang mempunyai ketokohan luar biasa sama ada di segi budi pekerti, kebijaksanaan pentadbiran, sokongan dan kerjasama dari kerabat-kerabat DiRaja dan pembesar-pembesar negeri dan keutuhan rakyat baginda. Faktor-faktor inilah yang menjadikan baginda mendapat sanjungan istimewa. Pihak British nampaknya semasa hayat baginda tidaklah dapat mendesak atau menekan dengan lebih kuatnya pengaruh dan polisi penjajahannya. Ini dapat ditilik dari peristiwa penting berkenaan wujudnya perjanjian baharu dalam masa

pemerintahan Sultan Muhammad II, putera baginda yang menandatangani pada 24 Mei 1919 bersama gabenor Sir Arthur Young untuk membatalkan pasal II perjanjian tahun 1910.[228]

Di dalam tahun ini boleh dikatakan hampir keseluruhan penduduk Kuala Terengganu terkena penyakit demam (hawar) sehinggakan pejabat-pejabat kerajaan terpaksa ditutup beberapa hari kerana kebanyakan pegawai-pegawai dan kakitangannya mengidapi demam.

Baginda meninggalkan putera-puteri serta isteri seperti berikut:

Putera/puteri:

1. Tengku Ngah Aishah (Hajjah)
2. Tengku Nik Maimunah (Hajjah)
3. Yang Dipertuan Muda Tengku Cik Muda Tengku Muhammad al Haj.
   (al Marhum Sultan Muhamad II)

s	25.11.1918
tt	21.5.1920
m	11.4.1956

4. Tengku Muda Sulaiman (al Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah)

s	(3.3.1921) 21.5.1920
m	25.9.1942

5. Tengku Dalam Halimah (Tengku Nila Puri)

---

228 Maksud fasal kedua baharu itu ialah:
Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu akan menerima seseorang peagawai British yang dinamakan Penasihat British, yang akan mendiami di dalam Negeri Terengganu dan menyediakan sebuah rumah yang menasabah bagi kediamannya dan segala nasihatnya mestilah diminta dan dituruti di dalam serba perkara dan masalah yang mengenai pemerintahan negeri dengan tidak menyentuh perkara agama Islam.
Segala perbelanjaan yang berkait dengan Penasihat British dan jabatannya hendaklah ditetapkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dengan dibiayai daripada wang hasil Negeri Terengganu. Segala pendapat dan perbelanjaan hasil ini hendaklah dijalankan menurut menurut nasihat 'Penasihat British'.
Pasal kedua perjanjian tahun 1910 pula menyebut demikian:
Maka Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris itu menyatakan hanyalah sahaja ia berkehendak meletakkan seorang pegawai bangsa Inggeris diam di dalam Negeri Terengganu menjadi wakil membuat pekerjaan seperti pegawai yang bernama Konseler Officer. Maka Yang Maha Mulia Sultan Terengganu itu mengaku dengan menerima dan menyediakan sekeping tanah di dalam negerinya dengan tiada kena bayaran kerana hendak mendirikan sebuah rumah bagi tempat kediaman Pegawai tersebut itu.

6. Tengku Ismail (al Marhum Tuanku Sultan Ismail Nasiruddin Shah)

s	16.12.1945
t	6.6.1949
SPBYA vi	21.9.1965-20.9.1970
JP	16.12.1970
m	20.9.1979

7. Tengku Wook Aminah (Tengku Kesuma Puri)
8. Tengku Ahmad
9. Tengku Besar Mahmud (Tengku Seri Utama Raja)

Isteri:

1. Tengku Mandak binti Mustafa. (Tengku Seri Kemala Raja)
2. Cik Kalthom binti Haji Daud.
3. Cik Zainab binti Saleh.
4. Cik Asiah binti Abdullah.

Catatan:


s	-	Dilantik menjadi Sultan
m	-	mangkat
t	-	pertabalan
tt	-	turun takhta
JP	-	Jubli Perak
SPBYA	-	Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong

Perkabungan

Berhubung dengan kemangkatan al Marhum maka pihak pentadbiran Negeri Terengganu melalui Setiausaha Kerajaan negeri dengan surat bertarikh 23.2.1337 (27.11.1918) telah memaklumkan kepada Pesuruhjaya Jajahan Kemaman, Kemasek, Kerteh, Paka, Dungun, Marang, Setiu dan Besut di antara lain bunyinya seperti berikut:


Kita menyatakan iaitu dengan beberapa dukacita darihal Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Kerajaan Terengganu telah mangkat pada malam Isnin 21 haribulan Safar, 1337 ini waktu jam pukul $2^{1/4}$ pagi (pagi Isnin 25.11.1918 P.) disebabkan geringnya sedikit di dalam beberapa hari sahaja. Kemudian kedatangan sebak dada pada malam itu dengan tidak dapat diubati lagi. Innalil Lahi wa Inna ilaiHi rajiun. Maka telah dijadikan Yang Amat Mulia Yamtuan Muda, Yang Dipertuan Besar Al Sultan Kerajaan Terengganu ganti Al Marhum yang

mangkat itu pada ketika hendak diangkat jenazahnya pada petang itu juga. Dimakamkan Al Marhum itu di Makam Masjid. Maka telah dilahirkan kedukaan kerajaan oleh kemangkatan Al Marhum itu dengan diturunkan bendera setengah tiang di dalam masa tujuh hari. Semua pejabat tutup. Pada hari mangkat itu sekian yang hadirin daripada pegawai-pegawai kerajaan dan lainnya bergondol kepala, dan kemudian daripada hari itu perkabungan sekalian isi negeri hingga sampai 100 hari dengan memakai tanda dilekatkan kain putih pada sekeliling songkok. (Perkabungan ini selama 40 hari sahaja dengan pindaan perintah pada 19 Rabiulawal 1337 = 22.12.1918.P.) maka hendaklah Pesuruhjaya menzahirkan bagaimana yang disebut itu di dalam............ (jajahan masing-masing P.) Dan hendaklah diberitahu pada tiap-tiap masjid diubahkan doa sultan itu dengan disebut sekarang Saiyiduna wa Maulana Al Sultan Muhamad Ibni Sultan Zainal Abidin Al Marhum dan hendaklah sekarang juga Pesuruhjaya masuk ke Terengganu menjunjung Duli Yang Maha Mulia bila sampai surat itu. Demikianlah adanya."



Loket kenangan sempena kemangkatan al Marhum Sultan Zainal Abidin III.

Di kanan termaktub:	*Diperanakkan*	*27.11.1281. (23.4.1864 P.)*
	Naik Kerajaan	*27.1.1299. (19.12.1881 P.)*
	Mangkat	*21.2.1337. (25.11.1918 P.)*
Di kiri termaktub:	*Al Marhum al Haji al Sultan Zainal Abidin al Thalith Terengganu.*	



Warkah itifaq Ahlul Halli Wal Aq'di Negeri Terengganu bagi memilih dan melantik Yang DiPertuan Muda Terengganu menjadi Raja dan Yang Dipertuan Besar Negeri Terengganu dan tanah jajahan takluknya mengganti al Marhum Sultan Zainal Abidin III. Bertarikh 21 Safar 1337 (25.11.1918)




بسم الله الرحمن الرحيم


الحمد لله الحي الدائم الباقي وكل ما سواه فان ، العليم الخبير بجميع ما سيكون
وما قد كان ، والصلاة والسلام على سيدنا محمد روح جسد الكونين
وعلى آله وأصحابه هم سادات أهل الدارين ، قل اللهم مالك
الملك تؤتي الملك من تشاء وتنزع الملك ممن تشاء وتعز من
تشاء وتذل من تشاء بيدك الخير إنك على كل شيء قدير ،
[illegible] اهل الحل والعقد [illegible]
[illegible] بن السلطان [illegible]
[illegible]
السلطان زين العابدين [illegible] ٣٠
وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

لفظ [illegible] بن المرحوم السلطان
زين العابدين [illegible] نائب منتري بسر (الحاج محمد بن يوسف)
[illegible] المرحوم [illegible] مجلس الحاضرين [illegible]
[illegible] ٢١ [illegible] صفر تاهون ١٣٣٧
هاري اثنين [illegible] ٥ [illegible] بالعدل
والاحسان مدة الايام والازمان بجاه سيدنا محمد [illegible] امين يا رب العالمين


Warkah Pengisytiiharan yang bersejarah mengenai kelantikan Yang Maha Mulia DiPertuan Besar al Sultan Muhammad Ibni al Marhum Sultan Zainal Abidin yang dibaca oleh Naib Menteri Besar Haji Ngah Muhammad bin Yusuf di hadapan jenazah al Marhum Sultan Zainal Abidin III di Istana Maziah di majlis yang penuh dengan adat istiadat pada 21 Safar 1337 (25.11.1918. P.) hari Isnin jam 5.30 petang.




Surat perintah perkabungan kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya jajahan-jajahan Terengganu bertarikh 23 Safar 1337 (27.11.1918. P.)




Surat dari Pesuruhjaya Kemaman bertarikh 27.2.1337 (1.12.1918. P.) mengenai kemangkatan al Marhum Sultan Zainal Abidin III.



Surat dari Pemangku Pesuruhjaya Besut bertarikh 26.2.1337 (30.11.1918 - P.) mengenai kemangkatan al Marhum Sultan Zainal Abidin III.



Surat dari Pesuruhjaya Dungun bertarikh 8.3.1337 (11.11.1918. P.) mengenai kemangkatan al Marhum Sultan Zainal Abidin III.



Lawatan rasmi Sultan Zainal III (Terengganu) ke Kota Baharu Kelantan dalam bulan Mac 1911. Berkerusi dari kanan ke kiri: Yang Dipertuan Muda Terengganu (Tengku Muhammad Ibni Sultan Zainal Abidin III), Sultan Muhamad ke-IV Sultan Kelantan, Sultan Zainal Abidin III, Raja Kelantan (Tengku Ismail Ibni Sultan Muhamad ke-IV)



Al-Marhum Sultan Muhammad II ibni al Marhum Sultan Zainal Abidin III. Diputerakan pada 1.5.1889. Naik takhta 21.5.1920 turun takhta pada 21.5.1920. Mangkat 11.4.1956.

Sultan Muhammad II
(Sultan Terengganu Ke-12)

Keputeraan:

Baginda telah diputerakan pada pukul 7.00 malam Khamis 1 Ramadan 1306 bersamaan 1.5.1889, di Kuala Terengganu sebagai putera sulong Sultan Zainal Abidin Ketiga dari bondanya Cik Kalsum binti Haji Daud. Saudara-saudara seayahanda bonda baginda ialah Hajah Tengku Ngah Aisyah dan Hajah Tengku Nik Maimunah.

Saudara-saudara baginda seayahanda ialah Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (naik takhta 25.2.1920 mangkat 25.9.1942), Sultan Ismail Nasiruddin Shah, (naik takhta 16.12.1945 mangkat 29.9.1979), Tengku Jebah, Tengku Wook Fatimah Tengku Teh, Tengku Abdullah, Tengku Besar Habsah, Tengku Dalam Halimah (Tengku Nila Puri) Tengku Wook Aminah (Tengku Kesuma Puri) Tengku Ahmad dan Tengku Besar Mahmud (Tengku Seri Utama Raja).

Semasa baginda dilahirkan sambutan 16 das tembakan meriam telah diadakan. Pada 3 Ramadan 1306 (3.5.1889M) dijalankan istiadat membuang tembuni disambut juga dengan 16 das tembakan meriam. Ketika berusia 3 tahun dijalankan istiadat berandam surai dengan disambut 16 das tembakan meriam. Ketika dijalankan istiadat "Pijak Tanah", dua pucuk meriam telah diusung ke perkuburan Tuk Ku Tuan Besar (Saiyed Muhammad Zainal Abidin Al Idrus) ayahanda Engku Saiyed Paloh (Saiyed Abdul Rahman) di Cabang Tiga Kuala Terengganu.

Menjadi Yang Dipertuan Muda

Baginda amatlah disayangi oleh ayahandanya Seri Paduka Sultan Zainal Abidin ke III dan sentiasa dipanggilnya dengan nama "Awang" panggilan manja. Ketika usianya 6 tahun dilantik oleh ayahandanya menjadi Yang Dipertuan Muda dan terdahulunya dikurnia gelaran Tengku Kecik Muda. Sebelumnya, Yang Dipertuan Muda ialah Tengku Abbas ibni Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud ayahanda saudara Sultan Zainal Abidin ke-III (Meninggal dunia pada 7.11.1889). Ada setengah catatan mengatakan kelantikan itu dijalankan ketika usia baginda 14 tahun.

Menjalankan Tugas Yang Dipertuan Muda

Baginda pernah dikurniakan 'Kuasa Mutlak' oleh Seri Paduka ayahandanya dalam pemerintahan negeri sebelum baginda dilantik menjadi Sultan. Rakyat jelata Negeri Terengganu banyak membuat surat rayuan kepada baginda, terutama kaum Cina.

Di bawah ini diperturunkan beberapa pucuk surat rayuan itu, antaranya dari Lim Chu Tong berbunyi demikian:

Mengadap Kebawah Duli yang Amat Mulia Yang Dipertuan Muda yang bersemayam di dalam office Jabatan Maha Tinggi Kerajaan dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraannya.

Patik yang hina Lim Chu Tong persembah maklum Kebawah Duli Tuanku, diharap ampun beribu-ribu ampun adalah seorang nama Bee Seem anak Kapten mendakwa atas patik di dalam Mahkamah Balai akan patik, berhutang daripadanya $100.00 maka jawab patik tiada berhutang daripadanya seratus ringgit itu.

Kemudian hakim pun minta keterangan daripadanya maka tiada terbit suatu surat keterangan daripadanya kemudian hakim pun hendak periksa segala buku patik berdagang itu maka patik pun beri kepada hakim dan hakim pun periksa sampai habis semua buku' tiada dapat kenyataan satu kemudian tatkala tiada satu keterangan sebelah Bee Seem itu dihukumkan oleh hakim balai kena bersumpah patik juga oleh kerana itulah muskil patik kerana sekalian orang-orang yang di Kampung China itu apabila berhutang atau ambil rial sebarang perkara tak dapat tiada ada dengan surat ikatan atau tuang maka perkara ini tiada suatu apa-apa dan kerajaan pun sudah keluar undang-undang setem sekalian orang di Kampung China pun ada tahu belaka jikalau dibenarkan kena sumpah juga tentulah sekalian orang miskin dakwa atas orang yang lebih bila tidak mengaku dihukumkan sumpah atasnya, inilah patik pohonkan timbangan Kebawah Duli Tuanku dengan keadilan atas patik yang kena zalim ini apa kilaf harapkan mengampuni jua beribu-ribu ampun adanya.

Termaktub Lim Chu Tong pada 10 R'Akhir 1331 = (18.3.1913M).

Surat dari Bee Seem:

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun:

Patik Bee Seem mengangkat sembah Kebawah Duli Tuanku dari hal pendakwaan patik atas Encik Beng anak beranak dengan Boon Tek dan Toong bagaimana yang telah sampai aduan kepada Hakim Balai. Pendakwaan patik atas mereka itu menipu patik ambil anak kunci dari tangan patik kemudian dicuri buka peti simpanan lagi patik Boon Huwee diambil rial dan harta seperti

surat Eng Jook maka pendakwaan patik yang tersebut sudah lebih sebulan dikeluarkan saman, dari Hakim Balai tetapi anak-beranak Encik Beeng itu tidak hendak datang mendengar atau menjawab dakwa itu. Maka adapun harta dan wang yang dalam dakwa patik tidak kurang dari $50,000.00 banyaknya, peninggalan pacar laki bapa patik Boon Huwee yang belum berbahagi sedikit modal patik di dalamnya sebagaimana yang telah patik sembah maklum dahulu. Patik terak Tuk Hakim beberapa kali tidak juga dapat mendatangkan anak-beranak: Encik Beeng itu maka pada akhirnya 11hb. ini Hakim Balai berkhabar pada patik akan hal perkara patik dengan anak beranak Encik Beeng itu besar perkaranya jika tidak dengan titah Tuanku, hakim tidak dapat hendak menjalankan kuasanya. Maka sebab itu hakim suruh patik angkatkan sembah maklum akan hal ini serta patik pun haraplah dengan titah Tuanku supaya menguatkan kuasa hakim itu pada menjalankan perkara dakwa patik yang terkena aniaya yang telah maklum kerana sangatlah lemahnya patik hendak mendiri dakwa patik yang betul benar itu oleh sebab patik telah jatuh pada kepapaan keluar dari rumah dengan sehelai sepinggang tidak ada berbelanja hendak ayapan pun kepayahan kerana sudah terpedaya oleh anak beranak Encik Beeng itulah patik harap dengan keadilan Kebawah Duli Tuankulah yang terlebih tahu akan hal patik lain tidak apa harap patik akan mengampuni Tuanku jua adanya.

Tanda patik yang hina Bee Seng

Termaktub pada 12 R'Awal 1331 (18.2.1913)

Selain dari dua pucuk surat rayuan tersebut baginda juga menerima daripada rakyat berbagai rayuan antaranya surat dari:

1. Othman bin Idris mengenai pajakan telur di Pulau Redang dengan Batin dalam perkara pertelingkahan harga telur 5½ hingga 6 rial seribu biji telur.
2. Perkara pajak cukai pinang Mek Kim Hwa dan Cik Tong anak-beranak.
3. Perkara jual beli dusun nyiur di Pulau Ketam oleh Cik Abdullah bin Daud.
4. Perkara bayar hutang piutang Haji Ali bin Ahmad dengan Tuan Saiyed Abu Bakar bin Saiyed Zin di Kampung Beladau yang dijatuh hukuman pada 25 Safar 1331 oleh Tuan Hakim Haji Wan Sulaiman dan W.D. Scott.
5. Rayuan daripada Encik Salim bin Jumat untuk membuat dan menjual batu tanda sempadan 3-4 batang $1.00.
6. Perkara pajak Kuala Paka, dan pergaduhan pukul-memukul.
7. Pertikaian tanah wakaf dengan penduduk bangsa Hailam dan Hokien.

8. Perkara pajak menjual minyak tanah dalam kawasan Sungai Dungun antara Tengku Ngah bin Tengku Abdul Rahman dengan Kim Seng anak Cek Been.
9. Pembahagian harta sedekah anak Megat Mamat Losong kepada anak-anak perempuan.
10. Surat daripada Saiyed Abu Bakar Al Idrus mengenai bantahan hartanya di mahkamah.
11. Dan lain-lain[229].

Kelantikan Menjadi Sultan

Apabila ayahanda baginda Sultan Zainal Abidin ke III mangkat pada jam 2.15 pagi Isnin 21 Safar 1337H = 25.11.1918 maka baginda telah dilantik menjadi Sultan Terengganu yang ke-12 dalam satu istiadat dan perisytiharan di Istana Maziah pukul 5.30 petang. Watikah Perlantikan dibaca oleh Naib Menteri Besar Haji Ngah Muhammad bin Yusuf (Dato' Seri Amar Diraja) di hadapan jenazah al marhum ayahanda baginda. Walaupun pada mulanya baginda enggan menjadi Sultan dan menolaknya beberapa kali.

Bunyi Watikah Perlantikan itu:

"Bahawa sesungguhnya kita sekalian ahli Al Halli Wal Aqdi dengan lidah dan hati yang ikhlas menjadikan Yang Dipertuan Muda ini Raja Yang Dipertuan Besar Al Sultan pada memerintah Negeri Terengganu dan sekalian daerah takluknya ganti tempat pemerintahan Seri Paduka ayahandanya Yang Dipertuan Besar Al Sultan Zainal Abidin yang mangkat ini".

Ini, menurut keputusan Mesyuarat Jumaah Pangkuan Negeri mengikut Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dinamakan Itqanul Muluk Bita'dilus Suluk di bawah fasal yang pertama perkara 8 iaitu terdiri daripada Menteri-menteri dan ketua-ketua yang dinamakan pada syara' Al Halli Wal Aqdi yakni orang yang boleh bersuara di dalam perkara memilih perlantikan menjadi raja dan dalam perkara-perkara yang besar. Bunyi wathikah itu seperti berikut:

"Di dalam Negeri Terengganu pada hari Isnin 21 Safar 1337. Bahawa sesungguhnya kita sekalian yang menandatangai di bawah ini Al Halli Wal Aqdi iaitu:

"Tengku Muda Sulaiman, Tengku Ngah Umar, Tengku Embong bin Musa, Tengku Mahmud Bentara, Tengku Panglima Besar, Tengku Abu Bakar, Tengku Chik Ahmad, Dato' Nara Wangsa Muhammad Ali, Al Haji Ngah

229 Lihat surat-surat salinan kepada Duli Yang Dipertuan Muda Terengganu dalam simpanan Misbaha.

Muhammad, Al Haji Wan Muhammad Saleh al Mufti, Tuan Kecik Saiyed Abd. Kadir, Al Idrus, Tengku Embong Al Saiyed Al Idrus, Al Haji Wan Sulaiman, Cik Nik Al Hakim, Cik Mat bin Abdul Rahim, Panglima Perang Yusof, Tengku Ali Haji Abdullah, Tengku Ali Mustaffa, Tengku Hitam Omar, Cik Da Umar, Cik Engku Abu Bakar bin Long muafakat dan setuju mengikut Undang-Undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu yang diperbuat dalam tahun 1329 itu tetapkan dan pilihkan Yang Dipertuan Muda menjadikan Raja Yang Dipertuan Besar pada memerintah Negeri Terengganu dan sekalian daerah ganti tempat pemerintahan Seri Paduka ayahanda Yang Dipertuan Besar al Sultan Zainal Abidin yang mangkat ini."

TIDAK MAHU MENJADI SULTAN

Semasa dipersembahkan kepada baginda untuk dilantik menjadi Sultan menggantikan Seri Paduka ayahandanya maka baginda menolaknya. Tengku Dalam pengarang Syair Tawarikh Zainal Abidin III ketika membayangkan peristiwa itu beliau ada menulis di antaranya:

Hingga petang sudahlah hari
Hendak dimakam Sultan bistari
Datanglah susah segala wazari
Putera tak mahu memerintah negeri
Berkelibaran pula segala perdana
Keluar masuk ke dalam istana
Susah kepada putera Sultana
Memujuk kepada muda teruna
Istimewa Tengku Embong Muda bistari
Melebihi susah tiada terperi
Rambut di hulu hingga berdiri
Keluar masuk berlari-lari
Pucatlah mulut pada itu masa
Sekapur sirih tiada dirasa
Oleh susahkan muda perkasa
Berkeras tak mahu memerintah desa
Dengan gementar seluruh anggota
Serta berhemburan airnya mata
Demikianlah tabiat muda yang pu'ta
Apabila datang susah dukacita

Wazir yang lain bingunlah sudah
Takut kepada putera Sa'adah
Melainkan dialah berani bermadah
Mendatangkan nasihat tiada bersudah
Mesyuaratlah ia itu segala
Kemudian masuk mengadap tersila.
Serta dengan tagisnya pula
Taluk menjadi aral gendala
Putus fikiran muda perwira
Dengan tangisnya tiada terkira
Seraya menjawab perlahan suara
Menurutlah bila apa perkara
Baharulah suka sekalian waziri
Kerana menurut muda bistari
Mahu menjadi mahkota Negeri
Peralatan pun sudah sedia diaturi

Temasya Perkahwinan Diraja Yang Paling Meriah

Selepas kemangkatan Al Marhum ayahanda baginda lebih kurang 1½ bulan maka satu temasa perkahwinan DiRaja berlangsung di Kuala Terengganu dengan amat meriahnya..

Menurut cerita daripada orang-orang tua yang pernah menyaksikan temasya-temasya di Terengganu yang begitu besar dan meriah ialah temasya perkahwinan DiRaja antara Tengku Nong Puteri anakanda baginda dari bondanya Tengku Muzhab binti Tengku Chik Besar, cucu Sultan. Abdul Rahman Riau dengan Tengku Hitam Abdul Majid bin Tengku Chik Melaka yang telah diadakan selama 40 hari 40 malam dengan diadakan berbagai temasya keramaian serta berbagai persembahan dari sekalian rakyat jelata. Temasya itu berlangsung pada 2 J'Awal 1337 = 2.2.1919 selepas baginda menjadi Sultan sebulan setengah.

Berhubung dengan istiadat perkahwinanDiRaja itu, Baginda Sultan ada mengutus surat memberitahu kepada Gabenor Sir Arthur Young bertarikh 16 R'Awal 1337 (19hb Disember 1918) dan telah dijawab oleh Gabenor itu bertarikh suratnya 8 Januari 1918. Antara lain katanya... Warkah Seri Paduka sahabat beta yang bertarikh 15hb R'Awal 1337 memaklumkan yang Seri Paduka sahabat beta hendak mengahwinkan puteri Seri Paduka sahabat beta

Yang Mulia Tengku Nong dengan Yang Mulia Tengku Abdul Majid Ibni Al Marhum Tengku Mahmud cucu kepada Al Marhum Sultan Ali Singapura telah sudahlah beta sambut dengan selamatnya dan sangatlah sukacita beta mendengarnya mudah-mudahan barang dilanjutkan Tuhan jodoh pertemuan paduka anakanda itu di dalam sihat walafiat selamanya.

Undang-Undang Membersih Hutang Kepala

Walaupun baginda memerintah dalam masa yang singkat, baginda sempat juga mengadakan undang-undang membersihkan Hutang Kepala Hamba Tanggung Kerja, Undang-undang itu Bil. I tahun 1337 dijalankan pada 1 J'Awal 1337 = 2 Februari 1919. Di antaranya berbunyi seperti berikut:

1. Mana-mana hutang yang tidak diterangkan kepada Committee dalam Terengganu atau Pesuruhjaya dalam mana-mana daerah jajahan itu hingga habis tempoh yang (tersebut 6 bulan) itu disifatkan tiada hutang lagi maka tiadalah boleh dituntut atau dipaksa akan dia membayar atau menanggung hutang itu.
2. Kemudian daripada (6 bulan) yang tersebut itu kelak tertegahlah tidak dibenarkan siapa-siapa pun membuat atau menerima Perjanjian Hutang Kepala Hamba Tanggung Kerja.
3. Mana-mana hutang yang telah diperiksa dan diambil pengakuan bagaimana yang tersebut dalam fasal yang kedua itu hendaklah diperbuatkan surat perjanjian di antara tuan empunya hutang dengan orang yang berhutang itu serta ditentukan kadar susutan (ansuran) hutang itu mengikut timbangan Committee atau Pesuruhjaya pada tiap-tiap bulan tidak lebih daripada $3 bunga tiap-tiap seorang yang berhutang yang ada bekerja dengan tuannya, maka makan dan pakai hamba yang berhutang itu tertanggunglah di atas tuan yang empunya hutang itu, perjanjian itu hingga selesai hutangnya.
4. Jikalau tidak sempurna pekerjaan orang yang berhutang itu bolehlah pihak tuan hutang mengadu ke dalam mana-mana mahkamah yang boleh diterima bicara itu mengikut Undang-undang Tertib Mahkamah Kerajaan Terengganu, maka jika didapati benar bagaimana buku pengaduan tuan hutang itu bolehlah dihukumkan atas orang yang berhutang itu dengan denda tidak lebih daripada $10.00 ataupun dengan penjara (jel) tidak lebih daripada empatbelas hari dan tentang susutan hutangnya itu bolehlah ditimbang oleh Hakim dan memberi apa-apa keputusan yang patut.

Turun Takhta

Baginda Sultan Muhammad II memerintah Negeri Terengganu selama satu tahun lima bulan dua puluh tujuh hari. Baginda menarik diri daripada menjadi sultan pada 21.5.1920 disebabkan tidak bersetuju dengan cara pemerintahan dan pentadbiran British.

Baginda terperangkap dengan pujuk rayu dan janji manis British dengan menandatangani Perjanjian British dengan Terengganu dalam tahun 1919 yang memberi kuasa penuh kepada pemerintah British melainkan mengenai adat istiadat negeri dan agama. Akhirnya musyaharah baginda dikurangkan.

Tidaklah tepat apa yang dinyatakan di dalam buku 'Sejarah Terengganu' oleh Haji Buyong Adil (Allahyarham) di muka 171 berbunyi "Dalam bulan Mei tahun 1919, Sultan Zainal Abidin (III) telah berangkat melawat ke Singapura dan telah berunding panjang dengan Gabenor Sir Arthur Young. Pada 24 hari-bulan Mei 1919 (24 Syaaban 1336), baginda dan Gabenor itu telah sama bersetuju membatalkan satu syarat dalam perjanjian yang telah dibuat oleh baginda dengan Sir John Anderson pada 22 April 1910 dahulu dan menggantikannya dengan satu syarat baharu sebagaimana yang dikehendaki oleh British kerana pada tarikh itu baginda telah mangkat. Apa yang sebenarnya yang berlaku ialah dengan anakanda baginda Sultan Muhammad II".

Suasana tegang ketika Sultan Muhammad didesak oleh Gabenor British mempersilakannya ke Singapura bagi menandatangani perjanjian baharu 1919 bolehlah digambarkan dari catatan Syair Tawarikh Zainal Abidin III oleh Tengku Dalam antaranya:

Setelah habis Gabenor cerita
Diam tafakur Duli Mahkota
Sepatah tidak menjawab kata
Tunduk memikir di dalam cinta
Perkataan didengar oleh baginda
Susah bercampur suka pun ada
Fikirannya benar di dalam dada
Setengah tak masuk di akal ada
Sungguh demikian tak dapat diaku
Hanya diam sahaja tuanku
Kepada meja tangan berteleku
Masyghul rupanya dipandang laku
Segala Wazir Jemaah Menteri

Diam tidak menjawab peri
Hanya berpandangan sama sendiri
Tunduk berfikir muslihat dicari
Apalah yang bersama Duli Mahkota
Jemaah Menteri kuberi nyata
Tengku Ngah Umar, Dato' Mata-mata
Ayahanda sepupu kepada sang nata
Lagi pun ipar mahkota negeri
Iaitu suami Tengku Nik Puteri
Kelakuan hebat tegap terdiri
Sangat dikasihi Sultan bistari
Tengku Chik Ahmad Muda mendera
Tuan al Haji Ngah Menteri Negara
Tuan Embong ipar sepupu saudara
Ketua Khazanah nama Tengku Nara
Tidak panjangkan madah cerita
Seketika duduk berkata-kata
Tersenyum bertitah Duli Mahkota
Kepada Gabenor memandang mata
Sungguhnya seperti nasihat ajari
Sekaliannya benar beta fikiri
Tetapi nanti sedikit hari
Sempurna saya pulang ke negeri
Bila sampai saya ke sana
Berunding dengan Menteri Perdana
Sekiranya tetap dengan sempurna
Datang memaklumkan tiadalah lena
Apabila Gabenor mendengar kata
Sukalah rasa di dalam cinta
Disamarkan juga dengan cerita
Maksud di sini juga dipinta
Kemudian tersenyum menjawab sabda
Benarlah kata Duli Seri Paduka
Apakah guna begitu ada

Di sini pun sudah cukup memanda
Jemaah Menteri ada berserta
Sekaliannya bijak berkata-kata
Silalah mesyuarat Duli Mahkota
Jalan yang baik supaya nyata
Tak payah balik kepada negeri
Di sini pun boleh fikir dicari
Mesyuarat antara segala waziri
Putus Tuanku datang ke mari
Janganlah diam begitu lama
Sehabis lambat satu purnama
Mesyuarat wazir Tuanku bersama
Supaya segera kembali utama
Sultan bersemayam di dalam istana
Hadir mengadap segala perdana
Mesyuaratkan hal tidaklah lena
Padahal hati gundah-gulana
Berbagai-bagai madah direka
Setengah bersetuju setengah tak suka
Berbahas-bahas berbagai nika
Belumlah tetap suatu juga
Engku Tuan Embong terlalu marah
Wajah yang terang gemilang merah
Berbagai-bagai ia bermesyuarah
Keluar perkataan tak tentu arah
Tengku Chik Ahmad menjawab madah
Kiranya jangan dibuat permudah
Hendak halusi jalan yang indah
Jangan dibawa berhati gundah
Cakap Gabenor tersangat benar
Bukannya hendak berbuat honar
Bercakap baik jangan dihingar
Fikiran seseorang boleh didengar
Haji Ngah tersenyum menjawab peri

Kita bercara hal negeri
Fikir yang benar hendaklah dicari
Supaya selamat di belakang hari
Kerajaan Inggeris sangat kuasa
Kepada kita ia memaksa
Lagipun hendak membuat jasa
Atas kita sentiasa
Tuan Embong jawab dengan murka
Mulut yang merah luas terbuka
Negeri kita, kitalah juga
Betapakah dia pula membuka
Baharunya jangan diikut sangat
Hari belakang kita nan ingat
Dianya sahaja hendak menyengat
Kita juga panas dan hangat
Jangan diturut daripada mula
Akan perkataan itu segala
Jalan yang lain boleh mentala
Kelak kita pening kepala
Tengku Ngah Umar menjawab peri
Benar juga Beta fikir
Ini bicara pasal negeri
Patut diingat belakang hari
Dato' Narawangsa seorang yang tua
Orang bercakap didengar jua
Asyik bergobek berlewa-lewa
Terkadang masam terkadang tertawa
Jarang-jarang menjawab peri
Seraya membetul cermin sendiri
Jika demikian pada fikiri
Atas Tuanku punya tadbiri
Tengku Chik tersenyum menjawab kata
Demikian jua fikiran Beta
Tetapi apa hendak dikata

Kehendaknya betul kepada cinta
Hendak dilawan mengeras diri
Tiada menurut sebarang peri
Hendak segera pulang ke negeri
Oleh dia tiada memberi
Negeri Melayu yang ada beraja
Semuanya dia menanggung kerja
Hanya Terengganu ketinggalan sahaja
Silalah fikir Seri Maharaja
Boleh juga kita meminta
Supaya merdeka negeri kita
Hendak membuat bagaimana kata
Jangan di belakang orang mengata
Haji Ngah tersenyum menjawab serta
Betul seperti fikiran beta
Hendak tak mahu beta menyerta
Kehendaknya benar semata-mata
Silalah cari fikiran sempurna
Supaya bertahan Duli Yang namanya
Jika molek pada rencana
Menyain perjanjian janganlah lena
Tuan Embong menjawab berubah muka
Padahal dengan sangat murka
Hamba tak dapat hendak mereka
Pada menahan Seri Paduka
Demikianlah tuan madah cerita
Diringkas sahaja hamba berkata
Tiada jalan Duli Mahkota
Hendak membuat keras semata
Kerana kehendak permintaan Gabenor
Fikirnya bukan berbuat honar
Dengan jalan tersangat benar
Masakan dia membuat nanor
Fikiran dicari jalan sempurna

Keadaan semua rasa tak kena
Putus mesyuarat sekalian perdana
Hanya menanti jawab sultana
Syahdan adapun Duli Baginda
Tiada suatu menjawab sabda
Sesak belah di dalam dada
Fikir dicari belumlah ada
Beberapa lama mendiamkan diri
Kemudian bertitah mahkota negeri
Apa fikiran sekalian diri
Putuslah sudah ikhtiar dicari
Sekalian menyembah menjawab madah
Fikiran patik putuslah sudah
Tinggal fikiran Duli Sa'adah
Silalah cari muslihat yang indah
Patik sekalian menurut juga
Apa titah Seri Paduka
Silalah fikir ini ketika
Hari perjanjian sampailah hingga
Hanya Tuan Embong menunduk muka
Matanya merah seperti saga
Masam berkedut menahan muka
Sekalian melihat tersenyum suka
Melihat wajah sangat berubah
Oleh menahan hati ghalabah
Mengemaskan badan membetulkan jubah
Adat yang lama tak suka diubah
Tersenyum bertitah Muhammad sultana
Jikalau benar fikiran perdana
Beta nan sahaja menurut rencana
Janganlah jadi gundah-gulana

Akibat daripada perjanjian ini akhirnya Baginda mengambil keputusan turun dari takhta Kerajaan pada 3 hari bulan Ramadhan 1338 bersamaan bersamaan 21.5.1920M. Baginda diganti oleh saudaranya Tengku Muda

Sulaiman yang bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Sultan Terengganu yang ke-13). Di antara sebab yang besar baginda turun takhta ialah tindakan Penasihat British mengurangkan musharah (saraan hidup dari $10,000.00 kepada $4,000.00). Tengku Dalam dalam syairnya mengenai hal ini ada mencatat seperti berikut:

Jika gaji telah diturunkan
Adik kakak segala rakan
Pengaduan tak dapat aku tolongkan
Gaji hanya mencukupkan makan
Istimewa pula hamba dan sahaya
Sekalian itu jauhlah ia
Di mana raja dapat mulia
Hilanglah adat Melayu bahagia
Jika menuntut datang ke mari
Tiada patut aku tak beri
Istimewa pula segala fakiri
Harap padaku sehari-hari
Tiadalah sampai hemat di hati
Memutuskan harap datang menuntuti
Dia tidak tahukan hati
Kita kesempitan bagaikan mati
Tiadalah terhemat hatiku rasa
Kasihan melihat fakir di desa
Menuntut padaku menimbang rasa
Sekarangku sudah tiada terkuasa
Demikianlah fikiran Baginda di hati
Murka dan susah berganti-ganti
Menjadi raja tiada berbakti
Jika demikian baik berhenti
Ganti saudaraku menjadi raja
Patutlah ia menanggung kerja
Aku boleh bersenang sahaja
Amalan yang soleh aku nan puja
Terlebih baik berbuat bakti

Memohonkan rahmat Rabu i'zaati
Duduk di dunia bukan tak mati
Tiada berfaedah menyusahkan hati
Menjadi raja bukannya senang
Limpah adil hukuman dikenang
Negeri hendak aman dan tenang
Jika tidak nerakalah tunang

Watikah Meletak Jawatan Sultan

Watikah surat baginda meletakkan jawatan Sultan berbunyi demikian:

Di dalam Terengganu pada 2 Ramadan 1338 bahawa sesungguhnya kita Sultan Muhammad ibni almarhum Sultan Zainal Abidin Kerajaan Terengganu mengaku dengan sebenarnya oleh kerana keuzuran diri kita sendiri tidak boleh mendiri atau menanggung pekerjaan hak kerajaan yang lazim di atas kita maka pada tarikh hari surat ini kita telah menarik diri dan lepas serta berhenti daripada menjadi raja dalam Kerajaan Terengganu Jajahan takluknya. Kita persaksikan yang demikian itu kepada Jumaah Menteri Kerajaan Terengganu yang bertandatangan di bawah ini menurut sebagai mana syarat Undang-Undang Tubuh Kerajaan di bawah fasal ke-15.

Maka oleh kerana sah dan nyata sekalian itu adalah dimeterikan mohor cap dan sain tandatangan kita sendiri di atas surat ini wa Allahu Khairu Syahidin.

Umur bin Abdul Rahman
Ahmad bin Abdul Rahman
Musa bin Sulaiman
Muhammad bin Yusuf

Menurut fasal 15 Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu berbunyi seperti berikut:

Harus Raja Berhenti Daripada Kerajaannya

Maka jikalau raja yang diatas kerajaannya tidak suka menjadi raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya kerana sebarang jenis keuzuran sama ada uzurnya itu reda ia menzahirkannya atau tidak maka bolehlah ia lepas dan berhenti daripada menjadi raja serta diluluskan baginya duduk di mana-mana tempat yang dikehendakinya sama ada di dalam jajahan Terengganu atau di mana-mana negeri yang tiada berseteruan dengan Kerajaan Terengganu tetapi pada masa raja hendak berhenti itu hendaklah dengan titah dan persaksikan yang demikian itu

sekurang-kurangnya tiga orang menteri-menteri kerajaan hadir menyaksikan dengan bertandatangan sekalian itu pada surat yang dimeterikan Cap Besar Kerajaan serta dengan sain tandatangan raja itu sendiri. Kemudian hendaklah memberitahu oleh Jumaah Menteri kepada isi negeri dengan segeranya serta dinyatakan pula akan siapa-siapa yang jadi ganti raja itu dengan mengikut aturan Undang-undang ini pada sekalian halnya.

Peraturan Mesyuarat Negeri

Semasa baginda juga peraturan mesyuarat negeri telah diadakan iaitu peraturan bagi Jumaah Mesyuarat Kerajaan bil I bagi tahun 1337. Dalam peraturan itu yang berkuatkuasa pada 1 Zulkaedah 1337 bersamaan 28.7.1919 di antaranya menyebut:

1. Hendaklah diadakan sidang mesyuarat am tetap pada tiap-tiap hari Isnin sebelah pagi.
2. Hendaklah Setiausaha menyediakan satu daftar dan minit-minit yang berkenaan dengan perkara yang hendak dimesyuaratkan itu dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan terlebih dahulu daripada pukul 10 pagi Sabtu supaya boleh ahli-ahli mesyuarat datang membaca dan mengambil faham di atas perkara yang hendak dimesyuaratkan itu.
3. Sesiapa ahli-ahli mesyuarat jawatankuasa yang hendak membawa syor pada timbangan mesyuarat hendaklah menyatakan buku-buku syornya dengan surat hantaran kepada Setiausaha masukkan ke dalam daftar perkara-perkara yang hendak dimesyuarat.

Peraturan ini ada membawa tujuh fasal:

Ke Tanah Suci Mekah Dan Mesir

Baginda berangkat ke Tanah Suci Mekah dan Mesir pada 1 haribulan J'Awal 1336 bersamaan 23.3.1947, bersama 28 orang termasuk saudaranya Tengku Ngah Aishah dan Tengku Nik Maimunah. Semasa hayat baginda selepas turun takhta baginda telah berangkat dengan keluarganya ke Tanah Suci dan menetap di sana beberapa lama dan juga beristirehat di Mesir. Pemergiannya kali pertama ke Tanah Suci Mekah ialah pada 30.10.1941.

Semasa hayat, baginda adalah seorang yang serius dan salah satu kegemarannya adalah mendengar suara yang merdu.

Kemangkatan Baginda

Baginda telah meninggal dunia pada 11.00 pagi hari Rabu 1hb. Ramadan 1375 bersamaan 11.4.1956 di istananya di Gong Kapas, Kuala Terengganu dan di-

makamkan di dalam kubah Masjid Abidin Kuala Terengganu, al marhum meninggalkan tiga orang isteri iaitu:

i. Hajah Tengku Ngah Aishah binti Al Marhum Sultan Abdul Rahman Riau. (Diakad nikah di Riau dalam masjid pada malam Khamis jam 9.00 29 R'Akhir 1327 bersamaan 17.5.1909).

ii. Hajah Maimunah binti Embong.

iii. Hajah Kalsum binti Mohd Amin, seorang putera, dua orang puteri dan dua orang saudaranya iaitu; Tengku Ngah Aishah dan Tengku Nik Maimunah. Al Marhum terkenal dengan panggilan Raja Darat.



Gambar menunjukkan semasa Sultan Muhammad II menjadi Yang Dipertuan Muda. Baginda berkerusi 3 dari kanan.



Al-Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin III diputerakan 1.12.1895. Naik takhta 21.5.1920, pertabalan pada 3.3.1921. Mangkat 25.9.1942.



Al-Marhamah Tengku Ampuan Maryam binti Sultan Ahmad Pahang.

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah
Sultan Terengganu Yang Ke-13
Memerintah 21.5.1920 Mangkat 25.9.1942

Keputeraan:

Baginda diputerakan pada malam Isnin 14 J'Akhir 1313H bersamaan 1.12.1895, bondanya Cik Asiah binti Ismail di dalam sebuah bangunan di kawasan Istana Maziah Kuala Terengganu.

Menurut catatan, ketika hendak melahirkan baginda, bondanya sangatlah menderita kesakitan hingga dikatakan hampir-hampir menghembuskan nafas terakhir[230]. Semasa ayahandanya Sultan Zainal Abidin III mangkat, baginda berusia 22 tahun 11 bulan 24 hari.

Tengku Muda Sulaiman

Semasa kecilnya baginda dikenali dengan nama 'Tengku Muda Sulaiman'. Perwatakan baginda, amat menarik dan kacak. Menurut perlembagaan Negeri, semasa itu baginda adalah Waris Pertama dan adalah salah seorang daripada yang menurun tandatangan semasa 'Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu' yang dinamakan 'Itqanul Muluk Bi Ta'dilis Suluk' diwujudkan dalam tahun 1329 H (1911M).

Sejak kecil lagi baginda dididik oleh ayahanda baginda sendiri dan oleh guru-guru yang khas untuk menjadi seorang dari bakal pemerintah negeri di kemudian hari kelak.

Perkahwinan:

Baginda telah berkahwin dengan Puteri Sultan Ahmad Pahang yang bernama Tengku Mariam pada 17 Syaaban tahun 1331 Hijrah (21.7.1913) dalam satu istiadat yang bersejarah.

---

230 Cik Asiah binti Ismail kembali ke RahmatulLah pada hari Khamis 11 J'Awal 1352 = 31.8.1933 di Istana Kolam Kuala Terengganu dan dimakamkan di perkuburan Masjid Abidin Kuala Terengganu dengan satu istiadat kebesaran negeri.

Tengku Ampuan sendiri dalam syair yang dikarangnya (tidak diterbitkan) ada mencatat peristiwa tersebut:

Pada malam akad nikah
Al Sultan Ahmad wali yang sah
Dititahkan puteranya Tengku Abdullah
Meminta izin dengan adik mu segeralah

Tengku Abdullah bangun cepat
Naik ke pentas tujuh tingkat
Bertemu adinda bersalam rapat
Ia pun duduk hampir dekat

Abang dititahkan ayahanda tuanku
Kepada awak memberitahu
Menikahkan awak dengan Tengku Muda itu
Diulangi dua tiga kali begitu

Sudah itu bangunlah Tengku
Turun di pentas mendapat tuanku
Sultan Ahmad di dalam tandu
Sembahnya sudah diberitahu

Tidak kupanjangkan madah cerita
Mufti Haji Mutawi' khutbah dibaca
Mengelilingi ramai Tengku Muda
Dengan segala kerabat raja

Kemudian doa dibacakan
Segala yang ada menadah tangan
Pohon kepada Allah Ar Rahman
Selamat sempurna dalam aman

Selesai akad pada malam itu
Kerja persandingan pula ditentu
Usungan laki-laki putera ratu
Dihias dengan ombak-ombak bermutu

Tatkala persandingan putera baginda
Yamtuan Sultan Tengku Besar juga
Ramai berdiri segala raja-raja
Pegawai puteh bersama ada

Sekalian orang ramai datang
Istana penuh tiada lapang
Berimpit-impit tiada rengang
Di Rumah Tele memanjat tiang

Adapun adat raja-raja
Selepas bersanding Puteri putera
Zainal Abidin bangkit segera
Menyelit di kepala panca becara

Selesai santapan nasi semangat
Bangun berkait jari berdekat
Naik ke pentas tujuh tingkat
Demikian itu kudengar riwayat.

Naik ke pentas bersalin pakaian
Nasi semangat pula disediakan
Manakala santap pengantin jantan
Pengantin perempuan disuruh hadapkan.

Persandingan pengantin sudah selamat
Tiga hari selang tidak larat
Bersiap pula segala alat
Kerana hendak bersiram sampat.

Bersiram sampat malam hari
Di tengah perseban berdekatan balairong seri
Peterakna diulasi
Kedua pengantin menduduki.

Disiramkan keduanya itu
Dengan pakaian secara dahulu
Baju dimasukkan kepada hulu
Tidak dimasuk lengan baju.

Lelangit-langit dibuat kain direntang
Kain muga dipanggil orang
Empat anak raja-raja memegang
Kepada bucunya supaya tegang.

Mereka yang lain beramai-ramaian
Membawa air berkejar-kejaran
Ada setengah memegang sumpitan
Basah habis segala pakaian.

Mana-mana yang memakai kain berharga
Di situlah air sumpitan tiba
Habis basah sampai ke muka
Di situlah temasya bersuka-suka.

Selain dari itu dalam syairnya yang panjang menceritakan adat istiadat perkahwinan tersebut termasuk semasa pengantin DiRaja tiba di Pekan dan sambutan yang diberi serta istiadat hantar belanja, jamuan dan temasya yang diadakan, ada dicatat sedemikian:

Segala permainan tidak ku nyata
Maklumlah tuan pekerjaan raja
Silat pancak makyong menora
Wayang kulit joget Pahang juga.

Setiap malam zikir rebana
Suaranya merdu kedengaran bahana
Zikir Pahang disebut nama
Laki-laki perempuan keduanya bersama.

Keesokan hari Maulud Nabi
Dimulakan dari pagi-pagi
Sehingga Zohor baru berhenti
Jamuan nasi minyak diberi.

Menerima Kuasa Wakil Sultan:

Dalam tahun 1919 baginda telah menrima surat kuasa sebagai wakil kekandanya Sultan Muhammad II.

Dilantik Menjadi Sultan:

Apabila kekandanya Sultan Muhammad II, turun takhta pada 21.5.1920, maka baginda telah dilantik menjadi Sultan Terengganu yang ke 13 menggantikan kekandanya pada tarikh tersebut walaupun pada mulanya baginda menolak. Mengenai peristiwa ini, Syair Zainal Abidin III oleh Tengku Dalam ada membuat catatan di muka 111 – 113 berikut:

Tengku Embong segera mendatang sembah
Janganlah banyak fikir ditambah
Silalah segera menjadi khalifah
Sekalian rakyat menurut perintah.

Jikalau tuan engkar semata
Tiadalah raja di atas takhta
Dua hari sudah mencabut sangnata
Tinggal Kerajaan semata-mata.

Negeri Terengganu Darul Iman
Tiadalah tetap haluan pedoman
Jika tiada raja berazam
Masakan negeri boleh diaman.

Silalah fikiri muda mengindera
Tidakkah sayang Terengganu negara
Tuan yang punya beberapa saudara
Kekanda sekalian rakyat tentera.

Apakah segan menjadi raja
Kekanda ada menanggung kerja
Tak payah tuan duduk di meja
Cukup sedia sebarang belanja.

Tidak sudah melarikan diri
Walaupun ke mana kekanda mencari
Sekarang silalah muda bistari
Hadir menanti segala waziri.

Silalah fikir usul mengindera
Bukankah tuan ramai bersaudara
Semuanya kecil itu putera
Kepada siapa minta pelihara.

Kekanda Sultan sudah begitu
Berkeras tak mahu menjadi ratu
Sekarang tuan engkar begitu,
Adinda yang kecil siapa membantu.

Manakala mendengar muda bistari
Akan nasihat kekanda waziri
Tunduk tidak menjawab peri
Terkenangkan ayahanda mahkota negeri.

Tafakur memikir putera mahkota
Apakah sebab kekanda mahkota
Tak hendak duduk di atas takhta
Sangat berkehendak ketahui yang nyata.
Sudah teradat kekanda pilihan
Kehendak tak boleh siapa menahan
Terlalu keras sekarang ulahan
Rasaku takut bercampur kasihan.

Sampainya hati kekanda maulana
Membuang takhta tiada semena
Saudaraku ramai jantan betina
Berharapkan dia sekalian teruna.

Tiadakah belas di hati kekanda
Saudara yang kecil ditinggal ayahanda
Jika mahkota sudah tiada
Di mana bergantung sekalian adinda.

Baharupun mangkat ayahanda maulana
Dua tahun belum sempurna
Sudah datang ini bencana
Membuang takhta sangat tak kena.

Jika demikian hal pekerti
Sangatlah susah rasanya di hati
Jikalau engkar aku mengganti
Belakang tentu susah didapati.

Baiklah segera aku kembali
Mengadap kekanda Kebawah Duli
Titah kujunjung semua sekali
Kuingat kasihan saudara dan ahli.

Putus fikiran di dalam cinta
Disamar tersenyum lalu berkata
Baiklah segera kembali beta
Menjunjung titah Duli Mahkota.

Sambutan Harijadi Baginda Yang Pertama Dan Pertabalan

Istiadat dan keramaian bagi menyambut harijadi yang pertama dan pertabalan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah bermula hari Selasa 14 Jamadil Akhir 1339H bersamaan 22 Februari 1921 Masehi selama 10 hari. Istiadat itu dimulakan dengan menaikkan bendera diraja di atas Bukit Puteri dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang sehingga ke hari Khamis 23 Jamadil Akhir 1339 Hijrah bersamaan 3 Mac 1921 Masehi.

Pada hari tersebut di Majlis Singgahsana telah berlangsung ucapan tahniah dan taat setia dipersembahkan oleh Menteri Besar bagi pihak Jemaah Menteri dan Pegawai-Pegawai Kerajaan. Istiadat ini berlangsung kira-kira jam 3.00 petang dengan mengambil masa lebih kurang 1 jam.

Pada hari itu juga mulai pukul 4.30 petang dijalankan istiadat (meletak kerja) bagi istiadat pertabalan Sultan, dengan tembakan meriam sebanyak 17

das dan disambut dengan paluan Gamelang dan bunyi-bunyian hingga jam 5.15 petang disertai dengan paluan Nobat kemudian disertakan tembakan meriam 17 das sekali lagi.

Di sebelah malam diadakan berbagai permainan. Pada malam Khamis diadakan jamuan pesta di Balai Rong Seri dan keesokannya diadakan Maulidun Nabi bermula jam 9.00 pagi.

Pada malam Ahad diadakan jamuan bagi orang-orang Cina dan lain-lain di Balai Rong Seri. Manakala pada hari Ahad (19 Jamadil Akhir 1339 Hijrah bersamaan 27 Februari 1921) diadakan jamuan bagi anak-anak raja perempuan dan lain-lain di majlis istana.

Pada hari Khamis 23 Jamadil Akhir 1339 Hijrah bersamaan 3 Mac 1921 Masehi pukul 3.30 petang diadakan siram tabal dengan segala adat istiadat kebesaran, termasuk perarakan "Air Persiraman", paluan Nobat dan tembakan meriam 17 das pada permulaan aturcara itu dan pada penamatnya disertai bacaan doa selamat oleh al Mufti.

Kira-kira pukul 5.00 petang, di majlis Singgahsana, berlangsung istiadat pertabalan dengan dimulakan oleh Tengku Seri Utama Raja (Tengku Ngah Omar bin Abdul Rahim, (ayahanda sepupu kepada sultan dan kerabat yang akrab, Wazir dan Menteri) mendatang sembah memohon keizinan dilafazkan watikah pertabalan dan kemahkotaan.

Kemudian Syaikhul Islam membaca "Peristiharan Tabal" seperti berikut:

"Ketahui oleh sekalian kamu yang hadirin! Bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar ini ditabalkan dengan dilaqabkan Yang Dipertuan Besar Al Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Yang Pertama di atas takhta Kerajaan Negeri Terengganu." Kemudian Baginda bertitah pula kepada Syaikhul Islam untuk melafazkan tabal kepada Tengku Ampuan. Syaikhul Islam melafazkan demikian pula:

"Ketahui oleh sekalian yang hadirin! Titah perintah Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran Tengku Mariam isterinya ini dengan nama Tengku Ampuan." Yang Berhormat Dato' Sri Nara Wangsa (Encik Mohd Ali bin Abdul Rahim, Wazir dan Menteri) menyerahkan mahkota kepada Yang Mulia Syed Syaikhul Sa'dah lalu disempurnakan oleh beliau meletaknya di atas hulu Duli Yang Maha Mulia al Sultan dan Tengku Ampuan.

Manakala sempurna dipakaikan mahkota itu, Duli Yang Maha Mulia mengucap syukur. Kemudian Syaikhul Islam melafaz selawat tiga kali dengan disahuti oleh sekalian hadirin. Setelah itu al Mufti membaca doa selamat dan hadirin mengucap amin. Kemudian nobat dipalu, lagu Ibrahim Khalil serta tembakan meriam 21 das dan menteri-menteri serta orang-orang besar berpangkat menjunjung duli. Selepas itu ucapan selamat dipersembahkan oleh berbagai pihak.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia berangkat masuk, bersemayam di dalam istana, kerana santap nasi di majlis penghadapan, diiringi dengan Nobat, "Lagu Palu-palu Perak". Setelah selesai santap, majlis pun bersurai.

Sempena hari pertabalan ini, dua jenis loket emas telah dikeluarkan. Yang pertama berbentuk bulat dan yang kedua lebih kecil sedikit berbentuk seakan-akan enam persegi. Pada kedua-duanya sebelah-menyebelah termaktub dengan huruf jawi iaitu. "Yang Maha Mulia al Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Yang Pertama dan di muka sebelah lagi, "Selamat Tabal dan Kemahkotaan Kerajaan Terengganu 23.6.39".

Peristiwa-Peristiwa Dalam Masa Pemerintahan Baginda

Sebagai seorang Sultan yang memerintah lebih daripada dua dekad iaitu selama 22 tahun 4 bulan 4 hari, tidak syak lagi banyak peristiwa bersejarah yang berlaku dalam masa pemerintahan baginda.

Di antara peristiwa yang difikirkan patut dicatatkan ialah:

Banjir Besar:

Banjir besar yang dikenali dengan (Bah Merah) melanda negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dalam tahun 1926 boleh dikatakan belum pernah berlaku seumpamanya sehingga kini. Di Negeri Terengganu tidak terkecuali menerima bencana tersebut. Banjir Besar yang dikatakan itu telah berlaku dua kali iaitu pada 30.11.1926 di mana daerah Bukit Payong telah dinaiki air melebihi 0.615m, (ukuran hujan bulan November - Disember di Kuala Terengganu 84.71 inci (November 42.07 dan Disember 42.64). Dua orang lelaki dan tiga orang perempuan telah terperangkap di air deras. Seorang lelaki dan seorang perempuan telah mati dtimpa pokok tetapi banjir ini tidak begitu lama.

Bermula pada 22.12.1926 angin bertiup dengan kencangnya hingga 27.12.1926 dan berpanjangan hingga 29.12.1926 disertai hujan lebat serta air mulai naik di kawasan Bukit Payong dan 28.12.1926 air mulai naik di Cabang Tiga pula.

Bantuan-bantuan kecemasan telah diikhtiarkan oleh kerajaan. Sementara itu banjir telah menyerang dengan hebat pada 29.12.1926 di hadapan Pejabat Kastam Kuala Terengganu. Kawasan Kedai Binjai telah dinaiki air 1 meter tetapi mulai 30.12.1926 angin dan hujan telah berkurangan.

Pada 1.1.1927 air sungai telah surut hingga ke paras hampir 2m. Pada 3.1.1927 air sungai berkeadaan seperti biasa dan jalan-jalan mulai pulih seperti sediakala.

Daerah Hulu Terengganu paling buruk menerima bencana tersebut, manakala di Kemaman dua jambatan yang baru dibina menyeberangi Kam-

pung Limbong telah musnah dan Syarikat Bijih di Hulu Kemaman menerima kerosakan paling teruk. Begitu juga di daerah Dungun banyak rumah-rumah yang roboh dipukul ribut. Tetapi di daerah Besut menerima kemalangan yang paling sedikit.

Tengku Dalam pengarang Syair Tawarikh Zainal Abidin III tatkala menceritakan keadaan bencana bah itu antara lain:

Rumahpun banyak tercabut rabung
Air sudah naik mengepong
Habis segala halaman kampung
Rakyat sudah banyak terkepong

Tiadalah banyak fikir dan kira
Dikerah rakyat bersiap bahtera
Setelah siap turun serta
Pergi menolong rakyat tentera.

Di Kampung Buluh dahulu dituju
Arus menyusun perahu tak laju
Melompat seperti kuda dipalu
Basah dipakai sekalian baju

Seketika berkayuh sampailah tuan[231]
Di Kampung Buluh tuju haluan.

Banyak makhluk di situ berkawan
Suara berbunyi berseru-seruan
Setelah sampai ia ke sana
Terlalu gemuruh bunyinya bahana.

Bertangis-tangisan jantan betina
Suara menyeru ke mana-mana
Segeralah ia pergi dekat
Kepada rumah perahu diikat.

Segala rakyat ke bahtera diangkat
Airnya deras keruh dan pekat
Dibawa pergi ke rumah yang tinggi
Di sana dihimpun perempuan laki-laki

Kemudian berkayuh pula pergi
Sekalian rakyat diambil lagi
Demikianlah bahana berulang-ulang
Tiadalah ia kembali pulang

231 Pegawai Daerah, Wan Mahmud bin Muhammad (Dato' Purba Wangsa)

Harta benda banyak yang hilang
Rumah roboh tiada terbilang.

Habis ke tanah sekalian berkapar
Dibawa arus seperti dilontar
Banyak rakyat sakit dan lapar
Beras tiada sebutir di takar.

Pohon kayu jangan dikata
Tumbang habis sekalian rata
Dipukul angin kayu Setiu
Banyak orang rugi harta.



Pandangan Banjir Besar di Bandar Kuala Terengganu tahun 1926.

Pemberontakan Hulu Terengganu:

Hulu Terengganu adalah salah sebuah daripada tujuh daerah Negeri Terengganu yang dahulunya dikenali dengan nama 'Jajahan Kuala Berang'. Daerah ini mempunyai kawasan yang terluas sekali, kira-kira 387,462.6 hektar itu lebih daripada ¼ keluasan negeri. (Luas Negeri Terengganu 5030.9 batu persegi atau 12,959km).

Penduduknya menurut banci tahun 1957 berjumlah 22,649 orang. Boleh dikatakan 99% daripadanya ialah orang-orang Melayu beragama Islam. Jajahan ini mengandungi 8 mukim dan 97 buah kampung. Mukim-mukim itu ialah:

1. Kuala Berang jumlah rumah 1,483 penduduk 6.093, kampung 10.
2. Hulu Berang jumlah rumah 419 penduduk 1, 526, kampung 12.
3. Kuala Telemong jumlah rumah 788 penduduk 3,075, kampung 13.

4. Hulu Telemong jumlah rumah 833 penduduk 3068, kampung 16.
5. Tanggol jumlah rumah 644 penduduk 2,386, kampung 9.
6. Penghulu Diman jumlah 601 penduduk 2,236, kampung 19.
7. Tersat jumlah rumah 388 penduduk 1,566, kampung 8.
8. Jenagor jumlah rumah 651 penduduk 2,488, kampung 10.

Manakala di bahagian Hulu Terengganu, jumlah rumah 56, penduduk 211 kemudiannya dimasuk dalam Mukim Jenagor.

Menurut banci tahun 1931, jumlah penduduk daerah ini ialah 15,788 orang (7,914 lelaki, 7,874 perempuan) jumlah ini melebihi 16.00% dari banci tahun 1921.

Menurut Penyata Pilihanraya Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan Negeri tahun 1964 menunjukkan jumlah nama dalam daftar pemilih yang telah di- gunakan pada masa mengundi bagi daerah ini seperti berikut: Hulu Terengganu Timur 5,675 dan Hulu Terengganu Barat 6,210 dari jumlah pengundi-pengundi bagi pilihanraya tahun 1969 pula ialah; Hulu Terengganu Timur 7,012 dan Hulu Terengganu Barat 7,042. Manakala mukim-mukim dalam tahun 1928 ialah:

1. Mukim Kuala Telemong
2. Mukim Tanggol
3. Mukim Tersat
4. Mukim Jenagor
5. Mukin Kuala Berang
6. Mukim Hulu Berang
7. Mukim Hulu Telemong

Di daerah ini ada mempunyai sejarah-sejarah yang penting di antaranya:

i. Dijumpai Batu Bersurat yang bersejarah kira-kira dalam tahun 1877 di 'Tanah batu', di Padang Tara, Kampung Buloh, Kuala Berang.
ii. Tun Zainal Abidin, Putera Bendahara Paduka Raja Abdul Majid Bendahara Padang Saujana Johor dilantik menjadi Sultan Terengganu dengan gelaran Sultan Zainal Abidin yang pertama, kira-kira dalam tahun 1726M di Tanjung Baharu dalam Mukim Jenagor (lebih kurang 8km dari Kuala Berang).
iii. Banyak didapati tempat bersejarah seperti perkuburan pembesar-pembesar dahulu, di Tersat, di Kuala Por, di Jenagor dan lain-lain seperti Kubur Tok Raja Ri. Sharif Muhammad Al Baghdadi, Kubur Tuk

Kaya Padang (Tun Indera) di Bukit Tuk Bidang (Gunung Bewah), Kubur Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah (Tuk Gajah).

iv. Selain daripada itu, dijajahan ini ada mempunyai beberapa tempat pemandangan yang cantik dan indah semulajadi, ada tempat air panas dan air terjun. Kini pula terbina Empangan Kenyir yang terbilang luas dapat menakung 13,600,000,000 meter padu air pada paras bekalan penuh dengan mengandungi 340 buah pulau jadian.

Sejarah Baharu

Sejarah baharu Hulu Terengganu boleh dianggap bermula dari tahun 1341 (1922M) kerana dalam tahun ini (2.1.1341 = 24.8.1922) Pentadbiran Pejabat Pegawai Daerah diwujudkan. Pegawai Daerah yang pertama dengan memakai gelaran Pesuruhjaya ialah Tengku Lela Wangsa (Tengku Muda Yusuf bin Mustafa).

Oleh kerana daerah ini luas dan belum terbuka, kemudahan-kemudahan asas perhubungan dan sukar didapati. Kehidupan rakyat dari segi sosial, ilmu pengetahuan dan iktisad, masih tertinggal jauh terbelakang. Maka bolehlah dianggap di daerah ini sebelum berlaku peristiwa pemberontakan tahun 1928 dan selepasnya beberapa tahun kemudian adalah masih di dalam terkebelakang, ketinggalan dalam segala lapangan.

Pelajaran:

Pelajaran formal menerusi cara persekolahan mula diadakan dalam tahun 1925 dengan didirikan sebuah bangsal secara bergotong-royong oleh orang-orang kampung di atas sebidang tanah yang berkeadaan berpaya seluas dua ekar yang terletak di hujung bandar daerah semasa itu. Manakala pada tahun 1926 baharulah sebuah bangunan kayu dibina oleh kerajaan, berukurannya kira-kira 50 x 22 kaki. Oleh kerana keadaan tempat itu tidak ramai penduduknya, maka jumlah murid yang datang belajar tidak sampai 20 orang. Mereka itu ialah dari Kampung Buloh, Gaung, Langgar dan Butut. Orang-orang kampung selalu berbahasakan dirinya orang hulu tiada tahu bahasa, anak tak datang belajar. Tak arah hamba rakyat miskin ampun maaf sahajalah, rintihan jiwa mereka.

Bibit Penentangan Terhadap British:

Sebagai sebuah daerah yang baharu terbuka dan masyarakatnya masih di dalam keadaan gelap, suasana daerah dan mukim-mukim yang jauh pendalaman, maka untuk melaksanakan sesuatu undang-undang pentadbiran negeri terutama seperti Undang-Undang Tanah (yang mula berjalan pada 1 Muharram, 1345 (11 Julai 1928)

yang dikenali dengan Undang-Undang Tanah (Undang- undang bilangan 5 tahun 1921 bagi Negeri Terengganu) sudah tentu berhajatkan kebijaksanaan dan kewaspadaan.

Boleh dikatakan kerana wujudnya undang-undang tersebut yang mewajibkan bayaran hasil tanah walaupun sebanyak 40 sen setahun bagi seekar, menyebabkan timbul atau terjadinya peristiwa yang tidak diingini itu.

Undang-undang ini telah dianggap bertentangan dengan agama oleh setengah penduduk-penduduk Hulu Terengganu yang berfahaman melulu menerusi pengajaran dari orang-orang yang dianggap Tuk Guru Agama yang menjadi tempat mereka berpegang. Ini haruslah disebabkan tersalah tafsiran atau penerangan dalam masalah-masalah mengimarahkan bumi Allah. Mereka berpendapat bumi adalah hak Allah dan boleh dimiliki oleh sesiapa pun untuk mengimarahkannya.

Pada pertengahan tahun 1925, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan perintah sesiapa yang mahu menanam padi hendaklah mendapat kebenaran dari Pejabat Tanah. Nampaknya buat sementara larangan itu berkesan kerana mereka tidak menanam padi huma dengan tidak mendapat kebenaran dari Pejabat Tanah hingga tahun 1927.

Sokongan Daripada Haji Abdul Rahman Limbong

Sebagai seorang yang dianggap alim, wara' lagi dipercayai oleh penduduk-penduduk di daerah Hulu Terengganu, maka Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid bin Abdul Kadir telah memberi sokongan pengajaran menentang perintah Undang-Undang Cukai Tanah dan larangan menebas tebang hutan. (Beliau menetap di Kampung Beladau, lebih kurang 10km, daripada bandar Kuala Terengganu). Istimewa pula rakyat di hulu-hulu telah menjadi adat kebiasaan suka membuat padi huma dengan menebas tebang hutan dan membakarnya kemudian berpindah dari setempat ke setempat dan seterusnya, kerana mereka kurang gemar hendak mengerjakan Padi Cedongan.

Berita-berita telah menjalar dari semulut ke semulut dan dari semukim ke semukim daripada mereka yang dianggap rapat dengan Haji Abdul Rahman atau murid-muridnya yang menyebarkan berita dan larangan supaya tidak mengikut perintah Undang-Undang Tanah tersebut dan janganlah membayar apa-apa bayaran kerana bumi itu adalah hak Allah; Segala tumbuhan-tumbuhan menjadi rezeki untuk mereka, bolehlah ditebas tebang kayu-kayan di hutan dan membuat huma dan janganlah menaruh kebimbangan walaupun sampai ke tengah.

Yang demikian pengajaran ini telah menambahkan keberanian dan keazaman mereka untuk menentang undang-undang itu.

Tambahan pula pada masa itu jentera-jentera penerangan Kerajaan untuk menyebar kehendak-kehendak Kerajaan dan fahaman yang sebenar boleh dikatakan belum ada, bahkan perintah larangan sahaja disampaikan kepada mereka supaya tidak membuat angkara dan hendaklah patuh kepada undang-undang dan pemerintah. Tetapi larangan itu tidaklah berkesan kerana mereka menganggapkan bahawa undang-undang itu tidak patut dipatuhi dan menyalahi syara'. Perkataan Cukai Bia adalah dipandang suatu perkara yang amat bertentangan dengan pengajaran agama Islam.

Faktor yang lain pula kerana rakyat pada masa itu belum nampak atau ada tanda-tanda yang menunjukkan faedah atau natijahnya daripada pembayaran hasil atau Cukai Bia itu seperti projek-projek pembangunan atau seumpamanya.

Seperkara lagi yang menyebabkan timbul pertentangan itu ialah kerana rakyat tidak diberi sepenuh-penuh penerangan atau sivik mengenai sesuatu dasar perjalanan atau pentadbiran Kerajaan. Di samping itu mereka menerima ajaran-ajaran atau petua-petua yang dikelirukan oleh setengah-setengah golongan. Padahal apa yang diketahui dan menurut kenyataan yang didapati, Tuan Haji Abdul Rahman Limbong bersetuju membayar hasil-hasil itu tetapi cara-caranya patut disesuaikan. Dan haruslah pula menjadi suatu sebab juga kerana Negeri Terengganu telah mengalami dua kali kejadian banjir dikenali dengan nama 'Bah Besar' atau 'Bah Air Merah'. Peristiwa yang pertama, berlaku pada akhir bulan November 1926, manakala yang kedua lebih dahsyat berlakunya di akhir bulan Disember 1926. Pada 3 Januari 1927 barulah keadaan air sungai pulih seperti sediakala. Sebelum itu harga-harga barang di Hulu Terengganu adalah seperti berikut:

Beras	10 gantang seringgit.
Ayam	10 ekor seringgit.
Kerbau/lembu	antara 5–10 ringgit seekor.
Kambing	antara $1.50–$2.50 seekor.

Kerajaan Menghantar Penyiasat

Di dalam bulan Ramadan 1346H (Mac 1928M) telah sampai perkhabaran kepada pengetahuan Kerajaan menyatakan penduduk-penduduk di Sungai Hulu Terengganu, Nerus dan Dungun tidak puas hati di atas tindakan Kerajaan mengenakan cukai tanah dan hasil hutan ke atas mereka. Kerajaan telah mengadakan perbincangan dan mesyuarat untuk mengkaji di sekitar peristiwa itu dan tindakan-tindakan yang patut diambil. Pada 22 April 1928, Yang Maha Mulia Sultan telah menghantar dua orang pengawainya yang diharap iaitu Tengku Seri Nara Raja (Tengku Ali bin Mustafa) dan Dato' Seri Lela Diraja

(Encik Abdul Rahman bin Ishak) dan beberapa orang lain untuk meninjau dan menyiasat suasana di daerah tersebut dan mententeramkan keadaan.

Apakah laporan penyiasat yang telah dibuat oleh kedua pembesar itu tidaklah diketahui kerana difahamkan laporan itu dibuat secara lisan. Pada 7 Zulkaedah 1436 (26 April 1928) Tengku Ja'afar bin Long (J.P) seorang yang terkenal handal di dalam pemburuan dan disegani oleh penduduk-penduduk Hulu terutama di Hulu Terengganu dan Dungun (juga terkenal di kalangan keluarga DiRaja) telah dihantar menyiasat di Kuala Berang, terutama mengenai Haji Abdul Rahman Limbong dan Tuan Saiyed Sagaff anakanda Tuk Ku Paloh (Saiyed Abdul Rahman al Idrus) dan berjaya berjumpa dengan sebahagian daripada kumpulan penduduk-penduduk di sana serta bertanyakan hal-ehwal mereka.

Mereka memberitahu kepada beliau bahawa punca yang menyebabkan timbulnya suasana keruh itu ialah kerana kesusahan rakyat yang di hulu mengenai membayar pas tebas hutan. Membuat huma tidak lagi bebas seperti biasa dan kesukaran hendak mendapatkan pas pula atau surat kebenaran itu kadang-kadang terpaksa memakan masa empat lima hari hilir mudik ke pejabat berkenaan. Jika mereka melanggar tegahan atau larangan Kerajaan itu akan ditangkap dan didakwa. Oleh yang demikian mereka sekalian bermuafakat hendak turun ke Kuala Terengganu mengadap Sultan bagi membuat rayuan.

Tengku Jaafar telah berjaya buat sementara waktu menasihat mereka supaya bersabar, bertenang dan berjanji hendak menolong dan membuka kira-bicara dengan tidak payah mereka hilir untuk menyampaikan segala rayuan.

Satu perutusan telah dihantar oleh Tengku Jaafar kepada sepupunya Tengku Seri Setia Raja (Tengku Omar bin Othman) Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu pada masa itu. Beliaulah yang memberi tugas kepadanya untuk menyiasat dengan sulit dan memberitahu keadaan yang sebenar serta sungutan-sungutan daripada penduduk-penduduk hulu dan maksud-maksud mereka.

Keberangkatan Sultan

Pada 15 Zulkaedah 1346 (7 Mei 1928) Duli Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah telah berangkat ke Kuala Berang dengan motor sungai, diiringi oleh pembesar-pembesar dan pengiring-pengiring baginda untuk menemui rakyat dengan lebih dekat dan mendengar kesulitan-kesulitan mereka.

Perjumpaan telah diadakan di kawasan tepi sungai di sebelah kiri mudik bertentangan dengan Pengkalan Gaung, di sebelah Hulu Kuala Berang tempat itu dikenali dengan "Pasir Pulau Encik Mohamad Amin". Lebih kurang antara 2.500–3,000 orang rakyat jelata telah hadir dari daerah Kuala Berang, dan juga

penduduk dari Hulu Dungun. Di dalam perjumpaan itu, Sultan telah bertitah menasihati mereka supaya bertenang, bersabar dan berbaik-baik di antara satu sama lain dan patuh kepada perintah Kerajaan.

Berbagai-bagai rayuan dan pengaduan telah dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Di antara perkara-perkara yang dipohon pertimbangan dan pelepasan daripada menggunakan pas atau lesen:

1. Mengambil daun untuk membuat lemang dan ketupat.
2. Kayu untuk membuat rumah dan perahu.
3. Mengambil daun mengkuang untuk membuat kajang.
4. Menebang batang sagu.
5. Dipohonkan pertandaan antara tanah milik penduduk-penduduk dengan tanah Kerajaan.
6. Memohon kebenaran memakai senjata untuk membasmi musuh-musuh tanaman.
7. Melepaskan kerbau lembu dan penggunaan kerbau untuk menarik balak.

Selain dari itu mereka juga membuat aduan ada penghulu mengambil buah kelapa dengan tidak mendapat kebenaran tuan empunya dan perangai kasar setengah-setengah orang polis. Mereka yang mula menyembahkan pengaduan ialah Haji Tahir Imam Kampung Gunung, kemudian Engku Mat Kuala Pueh, Khatib Hassan Kuala Menjing, Bilal Taib Pasir Nering, Penghulu Saleh bin Yusuf Pasir Nyior, Cik Wan Ahmad Dungun dan lain-lain. Mereka semua yang telah mengadu tentang kesusahan dan kerumitan untuk mendapatkan pas dan kadangkala memakan masa satu hingga dua tiga hari kerana kesukaran per- jalanan dan tempatnya jauh, di samping itu masalah pembayaran nikah cerai yang dikenakan itu dianggap mahal.

Natijah dari perjumpaan ini pihak pentadbiran telah meluluskan beberapa perkara antaranya memakai senjata untuk menjaga musuh tanaman dan melindungi diri dari binatang buas dan melepaskan kerbau lembu dengan syarat tidak merosakkan tanaman orang lain. Segala perbuatan mereka yang melanggar peraturan yang terdahulu dari tarikh itu, tidak dijalankan pendakwaan.

Penglibatan Haji Abdul Rahman Limbong

Haji Abdul Rahman Limbong bin Abdul Hamid bin Abdul Kadir adalah seorang tokoh agama yang mempunyai sifat-sifat keistimewaannya yang tersendiri, dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat di Negeri Terengganu terutama di kawasan pedalaman. Namanya masih dikenang dan disebut-sebut hingga ke hari ini.

Tambahan pula ibunya daripada penduduk kawasan pedalaman (Hulu Telemong) dan Haji Abdul Rahman Limbong kerap berulang-alik ke pedalaman kerana membuka kebun dan mengajar. beliau semakin dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat kampung. Oleh hal yang demikian, dalam kes pemberontakan (atau dikenali dengan 'Pergaduhan Orang-orang Hulu Terengganu') di Hulu Terengganu sama ada secara langsung atau tidak langsung ada dikait dengan nama beliau.

Selain daripada seorang tokoh agama yang berpengaruh, beliau adalah seorang ahli perniagaan dan perusahaan. Beliau pernah menjelajah membawa barang perniagaan ke Jajahan Thailand dan beberapa tempat di Kepulauan Indonesia selain daripada daerah-daerah di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia). Beliau banyak mengusahakan membuka kebun-kebun dan tanah di kawasan Hulu Telemong. Beliau menaruh penuh keyakinan dalam perniagaan memberi harta yang lumayan dan halal. Manakala perkebunan pula tidak kurang faedah-faedah berkat, mendapat pahala dan satu amalan yang soleh. Semuanya ini boleh diselidiki dalam sejarah hidupnya.

Sebagai seorang tokoh yang berpengaruh di kalangan masyarakat terutama di kampung-kampung pedalaman maka adalah dipercayai, sedikit sebanyak beliau ada memberi semangat penentangan dalam masalah mendapatkan pas dan perlaksanaan peraturannya kepada penduduk-penduduk kaum tani di Hulu Terengganu di samping semangat menentang penjajahan.

Menurut penyelidikan yang dibuat, didapati beberapa faktor penting yang menyebabkan penduduk di Hulu Terengganu menentang dasar pemerintahan negeri dalam tahun 1920-an. Akibat mencetuskan kekacauan itu ialah kerana:

1. Wujud Undang-undang Tanah tahun 1921.
2. Keadaan kemiskinan dan kesusahan selepas banjir tahun 1926 dan awal tahun 1927.
3. Ada pihak yang berura-ura mencadangkan supaya dilantik seorang raja yang bersemayam di sebelah hulu, selain daripada seorang raja yang bersemayam di Kuala Terengganu.
4. Ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugasnya kurang bijak, tidak dapat menarik hati rakyat dan menyusahkan.
5. Semangat menentang penjajah.

Selain daripada Haji Abdul Rahman Limbong, ada juga dikait dua tokoh agama di Terengganu yang dikatakan memberi semangat penentangan kepada kerajaan negeri pada anggapan mereka kerajaan adalah di bawah telunjuk British kerana Penasihat British adalah memutuskan segalanya. Antaranya Tuan Saiyed Sagaff bin Saiyed Abdul Rahman (anak Tuk Ku Paloh) dan Haji Musa bin Abdul Rani Minangkabau, yang dianggap sebagai ketua masyarakat Islam di Hulu Terengganu.

Satu peristiwa telah berlaku dalam bulan April, 1928 ke atas 30 orang kaum tani yang dihukum penjara disebabkan tidak dapat membayar denda sebanyak $5.00 seorang kerana kesalahan menebas tebang tanah kerajaan tanpa lesen. Kemudian dibebaskan setelah pertimbangan dibuat dengan pertolongan Haji Abdul Rahman Limbong. Satu perhimpunan penduduk-penduduk hulu lebih kurang 500 orang di kawasan rumah Penghulu Pasir Nyiur telah diadakan dan pada satu ketika yang lain pula lebih kurang 1,000 orang ada berkumpul, begitu juga apa yang berlaku di Kuala Menjing terhadap kepada orang-orang polis adalah menambahkan lagi suasana genting antara penduduk-penduduk hulu dengan pihak pemerintah.

Balai Polis Diserang

Oleh kerana semangat kumpulan penduduk di Hulu Terengganu makin berkobar-kobar dan tuntutan mereka kurang berjaya, maka pada tengah malam 22 Mei 1928, mereka telah menyerang Balai Polis Kuala Berang dan rumah Pegawai Daerah (kumpulan ini lebih kurang antara 300 -500 orang). Kemudian mereka bercadang hendak hilir ke Kuala Terengganu. Sementara itu Pegawai Daerah (Wan Mahmud bin Muhammad) dan orang-orangnya, serta pasukan polis Kuala Berang sempat berundur ke Kuala Terengganu sebelum mereka diserang dan diapa-apakan. Penyerang-penyerang itu diketuai oleh Encik Ismail Kuala Poh, Engku Mat Kuala Pueh, Haji Tahir Gunung, Abdullah Jurukaka dan Muhammad Pitas Tersat. Satu kumpulan lain pula lebih kurang 300 orang ada berkumpul di Kampung Pelam Telemong untuk hilir bersama ke Kuala Terengganu.

Kerajaan Bertindak

Duli Yang Maha Mulia Sultan di Kuala Terengganu, telah diberitahu segera mengenai perkara yang sedang berlaku dengan tegang di Hulu Terengganu dan langkah-langkah keselamatan telah diambil serta-merta. Sepasukan polis seramai 25 orang dengan seorang Inspektor (Tengku Abdullah bin Abdul Rahman bergelar Tengku Lela Bakti) diketuai oleh Dato' Lela Diraja (Encik Abdul Rahman bin Ishak) Dato' Panglima Dalam (Wan Abdullah bin Wan Ngah) dan Dato' Pahlawan (Encik Muhammad Taib bin Isa) mudik menuju ke Kuala Berang dengan tiga buah motor pada 1 Zulhijah (20 Mei 1928). Ini sebelum berlaku serangan ke atas balai polis Kuala Berang. Pasukan ini telah diberitahu bahawa kumpulan penentang-penentang itu, setelah menyerang Balai Polis Kuala Berang mereka akan hilir ke Kuala Telemong lebih kurang seramai 500 orang melalu jalan darat mengikuti kanan mudik Sungai Terengganu untuk bergabung dengan pasukan yang sedang berkumpul di rumah Haji Mat Zain di Kampung Pelam. Pada pagi 23 Mei 1928 pasukan keselamatan yang telah berkubu di belakang satu batasan bendang padi di Padang Kachong di pinggir

kampung di mana dijangka kumpulan penentang-penentang akan melaluinya. Apa yang dijangka adalah tepat dan kumpulan orang-orang hulu kelihatan keluar menuju ke padang itu dengan beratib tahlil dan dikatakan kelihatan mereka ada membawa senjata keris, lembing dan parang.

Apabila jaraknya lebih kurang 80 meter dengan pasukan keselamatan, Dato' Pahlawan memberi amaran supaya mereka tidak mara ke hadapan dan hendaklah berundur, kalau tidak mereka akan ditembak. Amaran itu tidak dihirau oleh kumpulan penentang, bahkan mereka makin mara ke hadapan hingga berada dalam jarak 16 meter dengan pasukan keselamatan. Pada akhirnya kira-kira jam 11.30 pagi (23 Mei 1928). Pasukan polis pun melepaskan tembakan terhadap kumpulan penentang itu dengan serta-merta mereka berpecah melarikan diri, dan ada yang gugur mati di situ seramai 12 orang.

Keputusan Perbicaraan

Ketua-ketua yang menyebabkan pemberontakan itu berlaku, telah dapat ditangkap dan dibicarakan pada 11 Jun 1928 di Istana Maziah dihakimi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, W.M. Millington (Penasihat British), Dato' Seri Amar Diraja (Haji Ngah Muhammad bin Yusof) Menteri Besar, Dato' Indera Guru (Haji Wan Muhamad Saleh bin Muhamad al Mufti, dan Dato' Kamal Wangsa (Haji Wan Sulaiman bin Daud) kedua-dua ini adalah Hakim Mahkamah Appeal dan Dato' Biji Sura (Encik Nik Muhamad bin Hitam) Hakim Mahkamah Besar.

Keputusannya

1. Muhamad Zain bin Muhamad Amir Pelan Telemong dihukum 15 tahun penjara kerja berat.
2. Encik Ismail bin Saleh, Kuala Por 10 tahun penjara kerja berat.
3. Abu Bakar bin Abdul Rahman, Cheting 10 tahun penjara kerja berat.
4. Abdullah Jurukaka 10 tahun penjara kerja berat.
5. Haji Zakaria bin Mari Hasan 7 tahun penjara kerja berat.
6. Penghulu Omar 6 tahun penjara kerja berat.
7. Engku Mat Pueh 5 tahun penjara kerja berat.
8. Haji Tahir Gunung 5 tahun penjara kerja berat.
9. Muhammad Pitas 5 tahun penjara kerja berat.
10. Lebai Hassan 5 tahun penjara kerja berat.

Penghulu Salleh bin Yusuf Pasir Nyiur dan Encik Saleh anak Haji Abdul Rahman Limbong dibebaskan dengan tidak dikenakan apa-apa hukuman ke

atas kedua-duanya. Mengenai Haji Abdul Rahman Limbong, Kerajaan telah bersetuju menghantarnya ke Mekah dengan diberi sara hidup sebanyak $50.00 sebulan. Beliau telah meninggal dunia dalam bulan November tahun 1929. Mengenai peristiwa ini, Penasihat British pada masa itu A.J. Sturrock telah membuat catatan (alihbahasa) seperti berikut:

Pada bulan Ramadan 1346 (March 1928) telah ada khabar-khabar angin menyatakan yang penduduk-penduduk di Sungai Hulu Nerus Terengganu dan Dungun, merasa tidak puas hati di atas tindakan Kerajaan mengenakan cukai tanah dan cukai hasil-hasil hutan. Perhimpunan ramai, lengkap dengan senjata telah diadakan di Tersat.

Duli yang Maha Mulia Sultan, Menteri dan Pegawai-pegawainya telah berjumpa dengan kira-kira 3,000 orang yang merasa tidak puas hati itu di Kuala Berang. Hasil dari perjumpaan itu satu perwakilan mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan di Terengganu untuk menjelaskan kesedihan yang dialami oleh rakyat. Di kala itu sudah barang mestilah rakyat telah dipersatu padukan dan dipandu oleh mereka yang berpengaruh di tempat-tempat tersebut serentak dengan itu satu pertubuhan bernama Syarikat – Al Islam telah terbentuk.

Pada 6 Zulhijjah 1346 (20 May 1928) Pegawai Daerah Kuala Berang dan polis (seorang Sarjan dan 4 orang mata-mata) menganggap adalah lebih bijak kepada mereka untuk berundur dari tempat itu daripada menghadapi kekuatan 2,000 orang rakyat yang sedikit sebanyak telah diperlengkapkan dengan senjata dan sepasukan polis seramai 25 orang dihantar ke Kuala Berang. Mereka berjumpa dengan rakyat di Kuala Telemong dan menasihati mereka supaya bersurai. Walaupun berkali-kali diberi peringatan namun mereka tidak ambil peduli. Semasa mereka mara untuk melawan, polis menembak mereka dengan satu das tembakan untuk menakutkan mereka, tetapi kian mara. Polis tidak ada jalan lain melainkan menembak dengan serentak, 11 orang (yang diketahui mati dan ditawan 12 orang, dan dipercayai jumlah yang mati sebenar lebih dari itu – P) telah terbunuh termasuklah Tuk Janggut yang dianggap kebal namun dia telah mati dengan satu butir peluru sahaja. Sehari selepas peristiwa itu maka bantuan pun tiba dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan rakyat pun berselerak lari ke rumah masing-masing.

12 daripada pemimpin-pemimpin pemberontak itu telah ditangkap dan dibicarakan di sebuah Mahkamah Khas dan dijatuhkan hukuman penjara mengikut kadar kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Pemimpin di sebalik pergerakan ini, walaupun dia tidak mengambil bahagian yang cergas di dalam pergaduhan itu ialah seorang fanatik ta'asub kepada agama bernama Haji Abdul Rahman sekarang berada di Mekah. Rakyat tidak tahu mengapa mereka marah kepada Kerajaan dengan keadaan hati-hati kerana mendengar hasutan-hasutan daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Rakyat walaupun sedemikian adalah miskin, malas (mereka tidaklah malas seperti yang dikatakan itu tetapi tidak ada pimpinan dan tunjuk ajar yang berkesan - P) dan kadang-kadang kekurangan makanan. Satu cara yang berkesan untuk mengatasi kesulitan-kesulitan hidup ini kerja-kerja telah diadakan untuk mereka seperti membuat jalan dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu. Kerja ini telah diuruskan dengan jayanya oleh Jurutera Negeri dan Pegawai Daerah sehingga jumlah orang-orang Melayu lelaki perempuan yang bekerja membuat jalan tersebut meningkat angka 1,200 dan apabila D.Y.M.M. Sultan berangkat melawat ke Kuala Berang bersama-sama dengan seorang Penasihat British, baginda disambut dengan satu perarakan oleh kira-kira 800 orang buruh. Kerja penting ini telah berjaya untuk melaksanakan cita-cita yang utama dan adalah diharapkan dapat menanam semangt bekerja di antara penduduk-penduduk yang kebanyakkannya malas itu.

Tanah dan kerja-kerja ukur telah meningkat maju. Tanaman percubaan juga sudah dimulakan dan adalah diharap dapat menghantar sekumpulan orang-orang Melayu tempatan ke Kerian untuk menyaksikan kerja-kerja menuai (mengetam) di sana pada masa yang tidak berapa lama lagi.

Hasil daripada kemajuan yang telah dicapai ini bermakna semua tanda-tanda tidak puas hati telah luput dan apa yang dikehendaki sekarang ialah tanda keikhlasan oleh segolongan besar penghulu-penghulu Melayu terhadap kebajikan rakyat. D.Y.M.M. Sultan bersama-sama dengan Penasihat British telah membuat lawatan ke tempat-tempat yang dapat dikunjunginya di dalam negeri dan telah mendapat sambutan yang meriah dari rakyat jelata. Baginda berhajat untuk membuat lawatan tiap-tiap tahun sekali dan hasilnya sangat berfaedah dan akan melahirkan perasaan saling mengerti dan kepercayaan yang tidak berbelah bagi terhadap kerajaan.



Pandangan Sekolah Melayu Kuala Berang tahun 1927, (5 dari kanan ialah Tuan Haji Abdullah, Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Terengganu.



Pandangan rumah Pegawai Daerah Hulu Terengganu tahun 1920-an.

Kematian:

Mengikut kajiselidik yang dibuat jumlah kematian pihak penentang atau pemberontak adalah seramai 13 orang dan 12 daripadanya telah ditanam seperkuburan berhampiran dengan tempat berlakunya peristiwa tersebut. Nama-nama mereka yang diketahui seperti berikut:

1. Mahmud bin Mat Diah
2. Lebai Abdul Rahman (Tuk Janggut)
3. Idris bin Muhammad
4. Mamat bin Musa
5. Muhammad bin Yunus (Nibung)
6. Abdullah bin Muhammad (Nibung)
7. Ismail bin Ali
8. Muhammad bin Jusuh (Hulu Nerus)
9. Muhammad bin Idris
10. Muhammad bin Abdullah (Nibung)
11. Abdul Hamid bin Ismail
12. Sulaiman bin Saleh




Pandangan keadaan Padang Kachung, Kuala Telemong sekarang di mana berlaku tembakan pasukan polis terhadap pemberontak Hulu Terengganu tahun 1928 dan 12 orang pemberontak terbunuh.



Di bawah Pokok Buluh inilah disemadikan kubur 12 pemberontak itu. Sebuah kandang baharu telah siap diadakan.

PELAN LOKASI PERISTIWA PADANG KACHUNG



PETUNJUK PETA:

P.K.K.(☾) – PUSAT KESIHATAN KECIL
B.P.(S) – BALAI POLIS (SEKARANG)
B.P.(TL) – BALAI POLIS (TAPAK LAMA)
– JALAN RAYA
– PARIT TALIAIR
– JALAN TANAH MERAH
– MASJID
– KAWASAN PERTEMPURAN (T.M. 1928)
– KUBUR DUA BELAS

Temasya-Temasya DiRaja

Dalam masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah beberapa temasya DiRaja telah diadakan seperti:

Berkhatan
Bertindik
Perkahwinan

Antara yang sempat penulis menyaksikan dengan begitu meriah dan tinggal menjadi kenangan dalam lipatan sejarah ialah, "Kerja Empat Puluh Hari Empat Puluh Malam" iaitu berkhatan anakanda baginda Tengku Ali Putera dan saudara baginda Tengku Ahmad disertai dengan perkahwinan saudara baginda Tengku Dalam Halimah (Tengku Nila Puri) dengan Engku Puteh bin Engku Saiyed Tuan Kecik dan Tengku Wook Aminah (Tengku Kesuma Puri dengan Tengku Muhammad bin Tengku Muhammad bin Tengku Seri Indera Segara Besut.


Temasya DiRaja ini memakan masa selama 40 hari 40 malam dengan berbagai acara seperti:

1. Istiadat 'Bergantung' tabir, berulas dan berhias di dalam istana Maziah. Dimulakan pada hari Ahad 18.6.1928 pukul 7.00 pagi.
2. Istiadat 'Letak kerja'. Dimulakan pada 16.9.1928.
3. Istiadat Aqah Nikah pada 12.10.1928.
4. Istiadat Berkhatam al Quranul Karim pada 15.10.1928.
5. Istiadat Bersanding pada 16.10.1928.
6. Istiadat Bersiram Sampat pada 17.10.1928.
7. Istiadat Tamat Kerja pada 22.10.1928.

Selain dari itu satu istiadat dan temasya yang tidak kurang meriahnya serta bersejarah ialah "Perkahwinan DiRaja antara Puteri baginda Tengku Asma (Sultan Kedah) dengan Yang Teramat Mulia Tengku Badli Shah Raja Muda Kedah yang berlangsung aqad nikahnya pada malam Khamis 31.10.1933 di Istana Maziah.

Istiadat Perkahwinan DiRaja ini dimulakan dengan doa selamat pada 17.10.1935. Beberapa acara juga telah diadakan seperti:

1. Istiadat Meletak Kerja pada 28.10.1935.
2. Istiadat Menghantar Riyal Belanja pada 29.10.1935.
3. Istiadat Mauludun Nabi hari Khamis 31.10.1935.
4. Istiadat Berinai Besar pada 2.11.1935.
5. Istiadat Bersanding pada 3.11.1935.
6. Istiadat Bersiram Sampat di Pancar Persada pada 7.11.1935
7. Istiadat Tamat Kerja dan istiadat Mauludun Nabi pada 9.11.1935



Pemandangan perarakan Perkahiwnan DiRaja menuju masuk ke Istana Maziah – 1924

Pembukaan Jalan Antara Kuala Terengganu – Kota Baharu Kelantan

Di antara pembangunan dan kemajuan dalam masa pemerintahan baginda Sultan, ialah wujudnya perhubungan jalan raya antara Kuala Terengganu ke Kota Baharu Kelantan. Jaraknya dari Bukit Datu ke sempadan Bukit Yung lebih kurang 113 km dengan pembelanjaan $1,590,000.00. Satu istiadat perasmian yang bersejarah diadakan pada 19.4.1932, turut berangkat hadir sama ialah Sultan Kelantan dan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Dalam titah baginda Sultan di majlis itu antara lain:

"Syukur kita kepada Tuhan Rabul Alamin yang mengurniakan segala nikmatnya atas kita yang tiada dapat dihinggakan selama-lamanya.

Saya serta ahli-ahli mesyuarat dan pegawai-pegawai Kerajaan Terengganu dengan penuh kesukaan dan kesyukuran atas kesempurnaan cinta anugerah Tuhan Al-Fattah Al Muin bagi penghimpunan ini dengan kehadiran Tuan Yang Terutama High Commissioner sendiri serta Lady Clementi dan Yang Maha Mulia Sultan Kelantan serta pengiringnya kerana pembukaan jalan yang muttasil di antara Terengganu dan Kelantan.

Maka masa ini jadilah suatu temasya yang megah kemuliaannya kepada Negeri Terengganu yang boleh diingatkan pembukaan jalan ini mentahkikkan ittisolul muhibbah di antara Negeri Terengganu dengan Negeri Kelantan yang berkekalan selama-lamanya bersatu maksud yang berkebajikan jua".

Adalah jalan ini panjangnya dari Bukit Datu Kanan Mudik Sungai Terengganu ke sempadan Kelantan 65 batu dan tiga suku batu. Mula membuatnya pada tahun 1345 dan sempurnanya ada ini sebanyak $1,590,000 lebih, ialah dengan pertolongan Kerajaan Selat dan persetujuan Tuan Yang Terutama High Commissioner memberi pinjam modal serta engineer-engineer yang menjalankan pekerjaaannya maka engineer yang terakhir menyempurnakan ini Tuan P. Triumph.

Oleh yang demikian Kerajaan Terengganu telah puas hati serta terima kasih dengan ingatan yang tidak dilupakan selama-lamanya.

Mana ini suatu pintu sambungan al maftuh di antara Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan.

Kita pohonkan kepada Tuhan Al Latiful Kabir bahawa dijadikan jalan ini, kesenangan am dan memberi faedah kepada dua buah negeri. Demikianlah kita harapkan seberapa sukacita saya membuka jalan ini.

BismilLah Fatahanat tariq.

Pembukaan Sekolah Arab

Perletakan batu asas Madrasah Sultan Zainal Abidin Al Arabiah telah disempurnakan oleh baginda Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada pagi hari Ahad 15 Rejab 1357 bersamaan 13.11.1932 di dalam suatu istiadat yang bersejarah.

Bangunan ini yang terletak di Kampung Ladang, Kuala Terengganu diasaskan dengan bantuan khairat orang ramai dibuka dengan rasminya oleh baginda Sultan dalam satu istiadat yang meriah pada jam 4.00 petang hari Khamis 20 Jamadil Awal 1353 bersamaan 30.8.1934.

Sebelumnya penuntut-penuntut di sekolah tersebut menumpang belajar di waktu petang di Sekolah Melayu Bukit Jambul. Pelajaran di Sekolah Arab (Agama di Negeri Terengganu) bermula dalam tahun 1925 di bangunan Sekolah Melayu Paya Bunga kemudian berpindah ke Sekolah Melayu Bukit Jambul. Sementara Pelajaran Bahasa Inggeris dimulakan dalam tahun 1923 di sebuah bangunan dalam kawasan Istana Maziah.



Bergambar selepas pembinaan sekolah Sultan Zainal Abidin pada 30.8.1934.

Pembukaan Sekolah Perempuan Pertama di Terengganu

Sekolah khas untuk kanak-kanak perempuan di Negeri Terengganu telah mula diwujudkan pada bulan Julai 1933 bertempat tidak jauh dari Pejabat Besar Kerajaan Terengganu dalam kawasan Padang Paya Bunga. Pembiayaan awal sekolah ini didermakan oleh Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Maryam sejumlah $6,000.00. Bangunan itu dirasmikan pembukaannya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan pada 4.30 petang Khamis 22 Zulhijjah 1355 Hijrah bersamaan 4 Mac 1937.

Sebelumnya murid-murid perempuan adalah menumpang belajar di sekolah-sekolah yang berhampiran tempat tinggal masing-masing.



Sekolah Tengku Ampuan Meriam.

Berangkat Ke England

Pada hari Khamis 25.3.1937, baginda Sultan telah berangkat ke England dengan diiringi oleh Menteri Besar Dato' Seri Amar Di Raja, Tengku Seri Paduka Raja, Tengku Biji Wangsa, Wan Abdullah bin Dato' Kamal dan Saiyed Sheith untuk menghadiri istiadat pertabalan King Geoge ke-IV.

Baginda dan rombongannya berlepas dari Kuala Terengganu melalui Kuala Kerai Kelantan dengan menaiki keretapi menuju ke Singapura. Kemudian menaiki kapal Carthage jam 9.30 pagi 29.3.1337. Rombongan ini tiba di England pada 17.4.1337 dan bersemayam di Kensington Palace Mansions, London.



Pejabat Besar Kerajaan Negeri Terengganu yang siap dibina dalam tahun 1924 dan musnah oleh kebakaran.

Peperangan Asia Timur Raya

Tentera Jepun telah menyerang Tanah Melayu pada 8.12.1941 melalui Pantai Kelantan dan telah menawan Tanah Melayu keseluruhannya pada 31.1.1942 dengan terjatuhnya Johor Baharu pada 31.1.1942. Singapura jatuh pada 15.2.1942 (ditukar namanya dengan Shunan To). Tentera Jepun telah sampai di Kuala Terengganu pada 18.12.1942 melalui jalan darat Kota Baharu – Kuala Terengganu.

Sebelum pentadbiran British meninggalkan Terengganu, Penasihat[232]nya G.A.C. de Moubray telah memberi maklumat kepada Sultan pada pukul 4.00 pagi 9.12.1941 mengenai peristiwa tentera Jepun melanggar Kota Baharu Kelantan.

Pada jam 3.00 petang 10.12.1941 baginda bersama Tengku Ampuan dan keluarga berangkat daripada Istana Kolam ke Residensi Batu Buruk. Baginda kemudiannya berlepas ke Kuala Berang dengan kereta dan dari sana berangkat menuju ke Kampung Dusun, lebih kurang 9 kilometer jauhnya dengan menggunakan motor sungai. Baginda kemudiannya bersemayam di masjid kampung tersebut selama berada di sana.

Pada 16.12.1041 pukul 12.30 Baginda dan rombongan berangkat hilir dari Kampung Dusun ke Kampung Buluh dan berada semalaman di sana. Di Kampung Buluh, Penolong Penasihat British di Kemaman Tuan Cole telah datang mengadap Baginda Sultan meminta kuasa untuk menangkap orang-orang Jepun di dalam Negeri Terengganu tetapi tidak diperkenankan oleh Baginda

Pada 17.12.1941 Baginda berlepas dari Kampung Buluh ke Kuala Berang kemudian ke Kuala Terengganu dan berhenti di Padang Midin di Istana Hinggap Baginda.

232 Penasihat British bagi Negeri Terengganu ialah:
1. J.L. Humphreys, C.B.E., M.C.S.24 May 1919 – May 1925.
2. W.E. Pepys (Pemangku) M.C.S. Nov. 1919 – Jan 1920.
3. H.C. Eckhardt (Pemangku) M.C.S. Feb. 1919 – May 1920.
4. J.W. Simmons M.C.S. 1925 – 1926
5. W.M. Millington M.C.S. 1926 – 1928
6. A.J. Sturrock, M.C.S. 1928 – 1930
7. G.L. Ham, M.C.S. 1930 – 1932
8. C.C. Brown, M.C.S. 1932 – 1933
9. N.R. Jarrett, M.C.S. (Pemangku) Jun 1933 – Feb., 1934
10. J.E. Kempe, M.C.S. 1935 – 1936
11. N.R. Karrett M.C.S. 1936 – 1937
12. P.A.B. McKerron, M.C.S. (Pemangku) Sept 1937 – 1937
13. A.E. Coop, M.C.S. 1937 – 1940
14. G.A.C. de Moubray, M.C.S. 1940 – Dec 1941

Adalah menjadi satu kenangan pahit betapa terkejutnya dan gemparnya penduduk Bandar Kuala Terengganu terutama di kawasan Pulau Kambing, Hiliran dan Losong dan sekitarnya kerana gugurnya bom pada kira-kira jam 2.30 petang 15.12.1942. Akibatnya banyak yang terkorban dan luka.

Sebagaimana di negeri-negeri lain di Tanah Melayu yang menerima padah dan bencana dalam masa pemerintahan Jepun, begitulah juga dengan nasib Negeri Terengganu, tetapi tidaklah sebegitu buruk dan keamanan dapat terkawal dengan kerjasama segenap pihak.

Pada 18.12.1941 askar Jepun di padang Polis Terengganu mulai mengibarkan bendera Negeri Jepun (Hinomaru) di Negeri Terengganu dan mengistiharkan wang Jepun dan wang British boleh dipakai pada masa itu.

Menerima Kunjungan Panglima Tentera Jepun

Pada 19hb Disember, 1941 Baginda Sultan telah dikunjungi oleh General Takami di Istana Maziah. Turut hadir bersama ialah Dato' Jaya Perkasa (Setiausaha Kerajaan Merangkap Pemangku Menteri Besar). Pada 25hb Disember, 1941 pula Panglima Tentera Jepun telah mengadakan perjumpaan dengan Sultan dan pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan di Bangunan Sekolah Rendah Sultan Sulaiman untuk menerangkan tujuan Peperangan Asia Timur Raya.



Bergambar di hadapan Istana Kolam Kuala Terengganu di akhir tahun 1941. Dari kanan ke kiri, Dato' Jaya Perkasa (Setiausaha Kerajaan merangkap Pemangku Menteri Besar), Pegawai Tinggi Tentera Jepun, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Brigedier Tokugawa, Obata Penasihat Tentera Jepun di Terengganu.

Suasana Di Zaman Pemerintahan Jepun

Pada 29.4.2602 (29.4.1942) Shu Chiji Kakka (Gabenor bagi Negeri Terengganu)

telah mengeluarkan satu Permasyhuran Am terhadap penduduk Negeri Terengganu dan jajahan takluknya berbunyi demikian:

"Diberi ketahui kepada sekalian mereka isi penduduk negeri dan takluk jajahan Terengganu.

Bahawa pada masa sekarang Negeri-negeri Melayu telah menjadi tanah jajahan takluk Dai Nippon kerajaan Dai Nippon Tei Koku dengan sepenuhnya serta kekal selamanya.

2. Maka segala pentadbiran negeri adalah menurut dari perintah Kerajaan Dai Nippon Tei Koku yang dijalankan oleh ketua-ketua pentadbir yang telah dilantik oleh Kerajaan Seri Maharaja Dai Nippon Tei Koku itu.

3. Oleh yang demikian penduduk-penduduk di dalam seluruh Negeri Terengganu hendaklah faham dan mengerti dengan secukup-cukupnya tentang keadaan salsilah keturunan negeri Dai Nippon itu yang tidak ada tolak bandingnya dengan mana-mana negeri dalam dunia dan hendaklah faham berkenaan tujuan yang sebenar Peperangan Timur Asia Raya serta janganlah tersilap faham lagi bahawa kita sekalian ini adalah menjadi rakyat yang taat kepada pemerintahan Kerajaan Dai Nippon Tei Koku itu demikianlah adanya.

Sementara itu gelaran Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dimansuhkan menurut pemberitahu bertarikh 7 Mei 2602 (1942 – P) seperti berikut:

1. Bahawa Tengku Seri Seti Raja, Menteri Besar Terengganu telah diberhentikan daripada jawatan Menteri Besar Terengganu dan dilantik menjadi Ahli Pejabat Shingishitsu di bawah Pejabat Chiji Kambo.
2. Bahawa Dato' Jaya Perkasa, Setiausaha Kerajaan Terengganu telah diberhentikan daripada jawatan Setiausaha Kerajaan Terengganu dan dilantik menjadi Ahli Pejabat Shingishitsu di bawah Pejabat Chiji Kambo.

Hari-Hari Kelepasan Kebesaran Islam

Daripada 26 jenis hari Kelepasan Am dalam tahun 1942 (2602) pihak Pemerintah Tentera Jepun telah memberi kelepasan 12 jenis yang ada kaitan dengan agama atau dianggap ada kaitan dengan orang Islam iaitu:

1. Awal Tahun Hijrah
2. Hari A'syura
3. Rabu akhir bulan Safar

4. Mauludul Nabi
5. Malam Mi'raj
6. Petang Nisfu Syaaban
7. Petang Memegang Puasa
8. Awal Puasa
9. Akhir Puasa
10. Hari Raya Puasa (3 hari)
12. Hari Raya Haji (3 hari)

Dalam tahun itu juga ada hari kelepasan bagi Hari Jadi Sultan dan Hari Kemahkotaan baginda.

Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tidak banyak perubahan pentadbiran jabatan-jabatan dalam masa zaman pemerintahan Jepun jika dibandingkan sebelum kedatangannya.

Di bawah ini dicatatkan penubuhan nama pejabat-pejabat itu dan fungsinya menurut arahan yang dikeluarkan:

Pejabat Shumubu

Melantik pegawai-pegawai, memberhentikan mana-mana perkara dalam segala urusan pejabat, menanggung, membantu menunjukkan pekerjaan pentadbiran jajahan, menjaga pentadbiran jajahan yang berkait dengan tiap-tiap bangsa, menasihat dan mengajar orang ramai. Di bawahnya juga termasuk Pejabat Pelajaran dan Pejabat Audit.

Pejabat Zaimubu

Tanggungannya membuat anggaran perbelanjaan, kira-kira dan pertukuran wang, gaji-gaji pegawai, menjaga harta kerajaan dan pajak memajak.

Pejabat Pelajaran

Berhubung dengan ilmu pengetahuan, didikan akal fikiran, hal ehwal pelajaran yang membicarakan hal ehwal dunia dan mana-mana pekerjaan yang tidak termasuk di dalam bahagian lain-lain pejabat.

Ketua pejabat Shumubu adalah menjadi Naib Tuan Yang Terutama Shuju Chu Kan. Dahulunya digelar Shuji Kakka Ketua Pentadbir dan Gabenor.

Pejabat Kimubu

Menanggung pekerjaan polis, pejabat ubatan (hospital) penyiasatan pergerakan orang ramai, menjaga keamanan, urusan pendakwaan dalam mana-mana Mahkamah Mal atau jenayah dan urusan jel (penjara – P) juga kebersihan kawalan penyakit dan hal ehwal kuli.

Pejabat Shanyubu

- Menjaga hal ehwal isi hutan dan tanaman.
- Menjaga perikanan, pertukangan dan isi laut.
- Menjaga tanaman, galian dan ukur.
- Menjaga pekerjaan raya (kerja raya) seperti membuat bangunan dan kapal-kapal.
- Menjaga tambang menambang, taligram, mel dan elektrik.

Pejabat Kemubu

- Menjaga seal-seal (mohor) kerajaan mohor pegawai-pegawai
- Menerima dan menghantar surat-surat, mengarang surat-surat kerajaan dan menyimpan segala surat-surat.
- Mengeluarkan Warta Kerajaan, pemberitahu, membuat peringatan dan pekerjaan mencetak.
- Menjaga rumah-rumah kerajaan, motokar-motokar kerajaan dan menjemput orang-orang.
- Menjaga pekerjaan Setiausaha Sulit kepada Shuji Kakka.

Dalam masa pemerintahan Jepun jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dihapuskan bermula pada 7.5.1942 dan menjadi ahli pejabat Shin Ngit Shu di bawah pejabat Chi Chi Kambu (Pejabat Gabenor).

Terdahulu daripada itu jabatan-jabatan bagi pentadbiran Negeri Terengganu seperti berikut:

1. Shiji Kambu – Pejabat Khas untuk Tuan Shujiji.
2. Semubu – Pejabat Am.
3. Zaimubu – Pejabat Khazanah
4. Shanyubu – Pejabat perniagaan dan pertukangan
5. Khutubu – Pejabat Perjalanan (Transport)

Di bawah pejabat Shujiji Kambu diadakan pejabat.

A. Shin Ngit Shu – Bilik Siasat dan Mesyuarat.

B. Shumuka – Pejabat Am.

Pejabat Shumuka menjalankan tugas-tugas berkenaan Setiausaha Kerajaan, pegawai-pegawai dan surat-surat kerajaan, urusan pekerjaan dan lain-lain pejabat.

Pejabat Shumubu (Pejabat Am)

Di dalam pejabat Shumubu terdapat pejabat-pejabat seperti di bawah ini:

- Pejabat Polis.
- Pejabat Mahkamah termasuk sekalian Mahkamah Kerajaan
- Pejabat Jel
- Pejabat Agama
- Pejabat Pelajaran
- Pejabat Ubatan
- Pejabat menjaga harta benda musuh
- Pejabat Bandaran
- Pejabat Cetak
- Pejabat Audit.

Pejabat Zaimubu (Pejabat Khazanah)

- Di dalam pejabat Zaimubu terdapat pejabat-pejabat seperti di bawah ini
- Pejabat Khazanah
- Pejabat Kastam, Syahbandar candu dan minuman

Pejabat Shanyubu (Pejabat Perniagaan dan Pertukangan)

Di dalam pejabat Shanyubu terdapat pejabat-pejabat seperti di bawah ini:

- Pejabat Tanah dan Galian
- Pejabat Ukur
- Pejabat Tanaman dan Isi Laut
- Pejabat Hutan
- Pejabat Kawalan Makanan (Perisik).

Selain dari itu di antara tindakan pemerintah Kerajaan Tentera Jepun di Terengganu ialah menubuhkan Jabatan Maklumat dan mengeluarkan akhbar mingguan bernama "Cahaya Timur" di bawah dasar kemakmuran, keselamatan dan keamanan dengan percuma. Bilangan pertama dikeluarkan pada hari Isnin 25 Zulhijjah 1360 bersamaan 12.1.1942. Berita ini terus dikeluarkan hingga ke saat penyerahan 4 buah negeri di Utara Semenanjung

Tanah Melayu (Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis) kepada Kerajaan Siam pada 7 Julai, 1943.

Mengenai Perubahan Tahun

Mulai 27.4.1942 tarikh Masihi tahun 1942 tidak digunakan dan tidak diiktirafkan. Ianya ditukarkan dengan tahun permulaan Maharaja Jemo I menaiki takhta Kerajaan Jepun iaitu hingga sekarang 2602.
(Kerajaan Terengganu mulai menggunakan tarikh Masihi untuk membayar gaji-gaji ialah pada 1.1.1932).

Kewangan (Mata Wang)

Mulai 9 Muharram 1361 (21.1.1942) Setiausaha Kerajaan mengeluarkan pemberitahu kerajaan iaitu wang perbelanjaan tentera Jepun adalah sebagaimana yang diisytiharkan menurut bil. 2/60. Pihak Kerajaan telah menerima kenyataan kenyataan perbelanjaan dan jenis-jenis wang-wang dan harganya seperti di bawah ini:

YEN	1.00	SEN	1
YEN	5.00	SEN	5
YEN	10.00	SEN	10
		SEN	25
		SEN	50

Orang ramai yang telah menerima bayaran daripada am bolehlah datang menyerahkan wang (Mata Wang Tanah Melayu - P) itu kepada khazanah untuk mendapatkan wang pertukaran dengan wang Jepun.

Pemerintahan Baginda

Pada hemat penulis patut juga dirakamkan di sini mengenai cara pemerintahan Kerajaan Baginda sebelum Perang Dunia Kedua dengan diturunkan catatan IBHI (Ibrahim Haji Yacub) seorang pejuang tanah air yang terkenal dan wartawan bagaimana tercatat dalam bukunya "Melihat Tanah Air". Penggal Pertama citakan Matbaah Al Ismailiah Kota Baharu Kelantan. (Catatan pendahuluan buku ini oleh IBHI bertarikh 1 Mei 1941) demikian:

Mesyuarat Kerajaan Terengganu

"Untuk memperkatakan perihal Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu barangkali susah sedikit hendak menerangkannya akan tetapi yang sebenar-benarnya Kerajaan Terengganu ada dua Majlis Mesyuaratnya satu Mesyuarat Negeri selalu diadakan di Balai Istana Maziah Kuala Terengganu Yang dipertuanya Menteri Besar sendiri dengan beberapa orang ahli daripada pegawai kerajaan termasuk tiga orang pegawai British. Mesyuarat ini ialah mengadakan undang-undang negeri dengan mengikut

nasihat Tuan Penasihat British. Apabila sudah diputuskan baharulah dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan memohon ampun boleh atau tidak dijalankan. Yang Maha Mulia Sultan tidak ada hadir di dalam mesyuarat itu dan dia berhak menolak sebarang keputusan mesyuarat jika dikehendakkinya kerana hanya memberi keputusan yang akhir.

Yang Maha Mulia Sultan ada pula ahli mesyuaratnya sendiri terdiri daripada tiga orang ahli Melayu sahaja iaitu termasuk Menteri Besarnya. Mesyuarat ini dijalankan mengikut adat tua iaitu duduk bersila Menjunjung Duli. Jumaah ini semata-mata memberi nasihat kepada raja untuk menimbangkan sesuatu keputusan yang dipohonkan oleh Mesyuarat Negeri.

Dengan memandang keadaan ini kuasa Sultan Terengganu lebih besar daripada kuasa semua raja-raja Melayu berkenaan dan pentadbiran negerinya masing-masing.*

Kemangkatan Sultan

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah telah mangkat kira-kira pukul 5.30 petang hari Jumaat 24.9.1942 bersamaan 14 Ramadan 1341 di Istana Timur Padang Negara. Baginda kegeringan demam dan bisul beberapa hari sahaja. Berita kemangkatan baginda yang tiba-tiba itu disambut oleh rakyat negeri dengan penuh perasaan kedukaan.

Jabatan Maklumat Terengganu telah diperintah mengisytiharkan kepada penduduk kawasan bandar Kuala Terengganu kira-kira jam 11.00 malam menerusi alat pembesar suara. Baginda dimakamkan dalam kubah Masjid Abidin pada keesokan harinya dengan penuh adat istiadat DiRaja.

Sebelumnya pada 18.9.1941 hari Jumaat baginda telah bertitah supaya disampaikan titah ucapannya di Masjid Abidin menerusi Engku Bijaya Sura (Setiausaha Sulit Baginda) dan masjid-masjid yang lain kemudiannya melalui Jabatan Maklumat.

Di antara titah ucapan Baginda yang akhir seperti berikut:

Ketahuilah wahai umatku yang dikasihi, bahawasanya Allah Subhanahu wa Taala tidak menghilangkan satu-satu nikmat daripada satu-satu kaum melainkan ialah dengan sebab mereka itu sendiri melanggar dan menyalahi perintah Tuhan, maka barang siapa yang meninggalkan fardu-fardu yang telah diwajibkan oleh Allah Subhanahu wa Taala ke atasnya dan melanggar tegahan-tegahan Tuhan berertilah ia menzalimi akan dirinya sendiri maka mustahaklah ia mendapat balasan kehinaan dunia dan akhirat oleh itu wahai umatku sekalian kembalilah kepada jalan yang sebenar dan sambungkanlah semula pertalian di antara tuan-tuan.



Al-Marhum Tuanku Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Al Marhum Sultan Zainal Abidin III. Diputerakan 24.1.1907. Naik Takhta 16.121945. Ditabalkan 6.6.1949. Dilantik menjadi Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung yang ke 6 pada 21.9.1965-20.9.1970. Jubli Perak 16.12.1970. Mangkat 20.9.1979.

Tinggal Kenangan

Untuk catatan-catatan sejarah, penulis merakamkan di sini secara ringkas empat perkara yang berlaku di dalam negeri ini yang tinggal menjadi kenangan dan peringatan.

1. PAJAK CANDU

Sehingga tahun 1941M, masih didapati di dalam Negeri Terengganu beberapa Orang Cina dan Melayu gemar menghisap candu. Tetapi pada hari ini tidak kelihatan lagi perkara buruk itu di kalangan masyarakat di negeri ini sebagaimana yang berlaku di zaman lampau.

Pajak candu diwujudkan atas tujuan hendak mengawal perkara-perkara yang tidak baik di kalangan masyarakat supaya berkurangan, seterusnya dapat dihapuskan. Urusan membawa masuk candu ke dalam negeri dikuatkuasakan kepada suatu pihak dengan jalan diberi pajak.

Hanya pejabat candu sahaja boleh membawa masuk candu dan menjualnya kepada orang ramai. Pemajak kena membayar kepada Sultan sejumlah wang kerana memegang hak membawa masuk dan menjual candu dalam negeri. Candu ini dihisap dengan tujuan membuang masa dan juga kononnya dengan tujuan memperoleh faedah bagi meringankan penyakit-penyakit seperti cedera dalam badan, lelah atau sesak nafas.

Ibu bapa yang berharta dan mempunyai anak-anak yang berkelakuan jahat dan membuang wang adalah menjinakkan mereka kepada menghisap candu yang pada mulanya bertujuan menghilangkan risau.

Penghisap lazimnya tidak suka mandi. Sepanjang malam dan siang asyik merebahkan diri di atas tempat tidur sambil menghisap, sambil tidur dengan sebuah pelita kecil dan tebong candu di tepi tempat tidurnya. Jika mereka berkelambu maka kelambunya hitam berwarna asap gelap, semua penghisap candu berbadan kurus kering dan pucat lesi. Setiap orang yang mulai tersua dengan tebong candu nescaya tiada boleh lagi meninggalkannya hingga ke akhir hayat. Masyarakat sangat memandang buruk terhadap penagih-penagih dan penghisap candu.

Pemajak candu selain daripada membuka kedai menjual candu yang telah dibungkus untuk mereka yang menghisap di rumah masing-

masing (Jilong) maka dibuka juga beberapa buah kedai menghisap candu yang dinamakan "Hongking". Di dalam sebuah hongking, boleh didapati beberapa buah gerai tempat tidur yang besar, yang dijadikan tempat baring berpuluh-puluh manusia. Di atas tempat tidur ini diadakan sebuah bantal tembikar atau kayu serta sebuah tilam. Di atasnya diletakkan pelita kecil atau sebatang tebong, beberapa batang dawai pencolek candu serta sebuah takar yang diisi di dalamnya teh tawar. Pada tiap-tiap tempat tidur disediakan berpuluh-puluh alatan tersebut untuk penghisap. Di atas tempat tidur itulah bergulingan kaki madat yang sedang mabuk candu. Di antara sedut dan hembusan asap candu, mereka berbual-bual antara satu sama lain dengan cerita-cerita khayal sebagai dewa-dewa.

Bilik jilong penuh dengan hembusan asap dari penghisap-penghisap candu dengan bergilir-gilir dan kesemua alatan dalam bilik termasuk dinding dan perkakas-perkakas lain, hingga rambut penghisap candu sendiri penuh melekat dengan asap candu, berwarna kuning gelap serta pekat, dan berbau candu.

Berdiri di luar pintu jilong, seseorang itu akan melihat empat lima manusia yang pucat lesi, kurus kering terhegeh-hegeh keluar, sementara itu pula datang beberapa orang seumpama itu juga terhegeh-hegeh masuk ke dalam kerana menghisap candu.

Tahi candu ini bukan sahaja berupa sedemikian tetapi juga pakaiannya buruk dan kotor, berambut panjang tidak bergunting atau becukur bertahun-tahun, berkuku panjang di sebelah bawahnya hitam dengan berbagai-bagai kekotoran daki dan hama-hama yang digaru-garu dari tubuh badannya. Di samping itu mereka merasai dirinya di dalam khayalannya seolah-olah mereka itu dewa-dewa. Sebaliknya mereka dipandang sebagai syaitan-syaitan maksiat lagi merbahaya dan golongan mereka ini dianggap sebagai sampah sarap dan kuman-kuman yang ganas.

2. PAJAK JUDI

Sebagaimana yang diketahui umum, bahawa orang-orang Islam ditegah keras bermain judi, tetapi orang-orang Cina di zaman lampau memandang judi itu sebagai satu daripada adatnya. Untuk mengawal kegemaran permainan itu pihak pemerintah membenarnya dengan jalan pajak dan pemajak judi sahaja boleh membuka tempat permainan judi di tempat-tempat yang ditentukan oleh sultan. Orang-orang Islam tidak

dibenarkan masuk ke tempat itu dan syarat-syarat yang tertentu dikenakan serta kadar bayarannya. Haruslah setengah di kalangan kita hari ini tidak lagi mengerti nama jenis-jenis judi itu, cara bermain dan cara kalah menangnya, tetapi orang-orang Cina memang mempunyai kebiasaan dan kemahiran. Di antara jenis judi yang dibenarkan di dalam pajakan itu ialah Ewak, Poh, Ciki, Pak Cing, Susiat, Pakau, Lakau, Kucak, dan Capjiki.

Pada hari-hari kebesaran orang Cina, bangsal-bangsal besar ada didirikan di tempat-tempat yang ditetapkan. Di dalamnya diadakan berbagai-bagai jenis judi. Orang-orang kaya masuk dengan air muka yang riang dengan bekalan wang yang banyak di dalam saku, tetapi manakala keluar kelihatan air muka mereka berkedut-kedut dan susah hati kerana kekalahan berjudi dan menyesal. Demikianlah berlakunya pada siang malam setiap hari-hari kebesaran itu berlansung.

Kaki-kaki bangsat keluar masuk dengan sibuk menjadi pelayan-pelayan kepada ahli-ahli judi itu kerana mencari rokok dan kuih-muih di sebelah luar untuk ahli-ahli judi yang bertunggu-tunggu di dalam bangsal-bangsal judi. Ini bukan sahaja daripada orang-orang Cina tetapi juga di kalangan orang-orang Melayu kaki madat dan tahi judi bersama menyamar diri dengan pakaian koyak rabak kerana mencari duit pecah dari mereka yang menang moga-moga mendapat untung tuah di meja judi dan mencari belanja untuk membeli candu.

Orang-orang yang berakal dan berilmu, memandangnya dengan insaf terhadap mereka yang selama ini menjalankan maksiat secara sembunyi di saat bang dan qamat ahli-ahli ibadat. Sekiranya keadaan buruk seperti itu masih didapati pada hari ini, nescaya orang-orang yang berakal memandang negeri ini sebagai sebuah negeri untuk syaitan menjalankan kegiatannya.

Alhamdulillah pada hari ini perubahan telah dan sedang berlaku dalam usaha-usaha ke jalan yang selamat. Walau pun ada saki bakinya hanyalah tinggal mana-mana mereka yang belum disapu bersih menerusi ilmu pengetahuan dan ajaran-ajaran agama.

3. "PAJAK KUALA"

Sebelum pentadbiran negeri berjalan dengan berpandukan kepada pentadbiran di negeri-negeri yang lebih teratur dan maju,maka cukai biaya negeri hanya diambil sekadar namanya sahaja. Sebelum pejabat kastam (Pejabat Cukai) diwujudkan,cukai barang-barang yang dibawa

masuk hanya dikenakan sedikit sahaja, itu pun kepada setengah-setengah barang seperti minyak tanah, kain-kain dan sedikit benda-benda yang dibawa masuk untuk kegunaan dalam negeri. Untuk meringkaskan pekerjaan ini, pungutan cukai adalah diberi pajak kepada orangyang tertentu bagi sebuah pelabuhan, misalnya pemajak bagi Kuala Terengganu lain dari pemajak bagi Kuala Kemaman, Kuala Besut, Kuala Dungun dan seterusnya.

Dengan membayar beberapa ribu ringgit setahun kepada Sultan maka pajakan cukai kuala ini dijalankan supaya dipungut oleh pemajak-pemajak. Biasanya pemajak-pemajak itu ialah dari golongan orang-orang Cina. Mereka diberi ketentuan untuk memungut cukai dengan peratus yang kecil di atas beberapa jenis barang yang dibawa masuk seperti pakaian dan lain-lain, manakala sebahagian besar barang-barang tidak dikenakan cukai. Demikian juga beberapa jenis barang-barang dagangan yang dibawa keluar negeri seperti kulit kerbau, gambir, kelapa kering, lada hitam dan beberapa jenis lagi tetapi bijih timah ada dikenakan cukai. Cukai ini dipungut oleh wakil raja yang memerintah jajahan-jajahan berkenaan.

Bagi kuala-kuala sungai yang kecil yang tidak menjadi perlabuhan maka membawa keluar masuk barang-barang dagangan kepada sesebuah negeri tidaklah dipajak. Kadang-kadang ada juga barang-barang yang dibawa keluar negeri dipungut oleh wakil sultan di daerah berkenaan.

Pada umumnya di masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920–1942) dan semenjak negeri ini menerima susunan pentadbiran dari British yang berjalan dengan rancaknya dari tahun 1927, baharulah keadaan pentadbiran negeri diatur kepada kebanyakan keadaan sebagaimana yang masih diamalkan hingga ke hari ini lebih-lebih lagi menerima perubahan dan pembaharuan selepas negara kita mencapai kemerdekaan.

4. "ADAT BERHAMBA"

Sehingga kepada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga maka negeri ini ada mempunyai suatu adat yang berjalan semenjak turun temurun iaitu adat "berhamba" kerana hutang dengan menanggung kerja. Mengikut penyata tahun 1917 M. yang ditulis oleh Humphreys menerangkan adat memakai hamba masih didapati di Negeri Terengganu, dan jumlah mereka dianggarkan 6,000 orang. Beliau telah mengesyurkan kepada

Sultan serta orang-orang besar supaya peraturan itu dibatalkan. Pada tahun 1919, adat itu dibatalkan. Orang-orang besar dan orang-orang kaya, biasanya memberi Hutang Kepala, manakala mereka yang berhutang itu diwajib menjalankan kerja-kerja yang disuruh oleh tuannya yang memberi hutang, dengan tidak berupah atau bergaji bahkan sebagai cagaran hutang. Mereka yang berhutang seperti itu dinamakan "hamba", tetapi bukanlah hamba dalam erti kata yang sebenar;

Pada lazimnya pekerjaan-pekerjaan yang disuruh itu ialah kerja-kerja urusan rumahtangga. Umpamanya jika perempuan, ialah mengangkat air, melayan di dalam rumah, menjadi pengasuh anak-anak, menjadi pengiring jika tuannya berjalan ke mana-mana. Sementara itu jikalau laki-laki pula mereka bekerja membelah dan mengangkat kayu api, membersih dan mengurus tanah dusun, halaman dan kampung, membaiki bahagian rumah atau tangga yang rosak dan lain-lain. Hamba yang lazimnya duduk di rumah tuannya dianggap sebagai orang gaji rumah. Ia tiada boleh lari daripada tanggungannya selagi hutangnya belum selesai, manakala tuannya pula menanggung makan pakainya serta anak-anaknya jika ada. Sementara itu anak pinak mereka dikenakan juga membuat kerja-kerja yang disuruh oleh tuan mereka itu.

Apabila seseorang hamba itu lari daripada rumah tuannya, maka tuannya bolehlah mengadukan kepada hakim negeri dan hukumannya akan memaksa mereka balik kepada tuannya semula.

Dengan berhutang sekadar tiga puluh rial oleh sekelamin umpamanya, maka sekelamin itu serta anak-anaknya mestilah menjalankan kerja di rumah tuannya sebagaimana yang disuruh selagi hutang itu belum dibayar balik. Inilah maknanya perkataan yang dilafazkan oleh pertanda negeri tatkala memasyhurkan sesuatu perintah dengan memukul canang: *"Encik-encik, tuan-tuan, orang baik, hamba orang".* Perkataan *"hamba orang"* adalah dituju kepada hamba-hamba yang berhutang kepala itu.

Hamba-hamba ini adalah dari golongan orang miskin atau yang jatuh miskin di dalam golongan bangsa Melayu sendiri.

Di dalam istiadat bangsa di masa lampau maka taraf atau pangkat di dalam golongan kaum adalah terbahagi kepada beberapa taraf iaitu:

Peringkat Ke Bawah:

Memakai panggilan "Si" seperti Si Musa, Si Isa, jika laki-laki, dan "Si Asiah" jika perempuan.

Peringkat Tuan

Memakai gelaran Wan, Nik, Tun atau Megat seperti Wan Musa, Tun Isa, Megat Saleh dan Nik Ali jika laki-laki dan Wan Zaitun, Nang Asiah dan Nik Fatimah jika perempuan.

Peringkat Raja

Memakai gelaran Encik Wan, Encik Engku dan Tengku.

Peringkat Saiyed

Memakai gelaran Saiyed, Syarifah dan sebagainya.

Pada kebiasaannya peringkat "Si" jika berharta, berakal, berbudi bicara yang baik, berilmu, maka tarafnya akan meningkat ke peringkat orang-orang baik dalam golongan kaum dengan "memperencikkan mereka" dan kekal panggilannya itu di dalam taraf ini selama tiada berubah kelakuan dan keadaan yang buruk. Kalau berubah seperti, miskin dan berbudi perkerti buruk maka dengan beransur-ansur turun ke peringkat "Si" semula dalam anggapan masyarakat.

Kebanyakan mereka di dalam peringkat "Si" inilah yang Berhutang Kepala dan berhamba.

Untuk mengawal dan menghapuskan adat berhamba kerana berhutang itu maka suatu undang-undang yang dinamakan: (Undang-undang Membersihkan Kepala Hamba Tanggung Kerja)diwujudkan iaitu undang-undang bil 1 bagi tahun 1337H. Undang-undang ini mulai kuatkuasa berjalan pada 1hb. Jamadilawal 1337=2.2.1919 di antaranya berbunyi seperti berikut:

1. Dinamai undang-undang ini "Undang-undang Membersihkan Hutang Kepala Hamba Tanggung Kerja".

2. Maka di dalam masa 6 bulan dari tarikh dijalankan undang-undang ini hendaklah tiap-tiap tuan hutang atau wakil kuasa gantinya datang menerangkan di hadapan Committee di dalam Terengganu, ataupun di hadapan Pesuruhjaya dalam mana-mana daerah jajahan perintah Kerajaan Terengganu, akan nama-nama orang yang berhutang kepadanya dan banyak hutang itu supaya diperiksa dan diambil pengakuan yang betul daripada kedua-dua pihak.

3. Mana-mana hutang yang tidak diterangkan kepada Committee dalam Terengganu atau kepada Pesuruhjaya dalam mana-mana daerah jajahan itu hingga habis tempoh yang tersebut 6 bulan itu dihitkan tiada hutang lagi maka tiadalah boleh dituntut atau dipaksa akan dia membayar atau menanggung hutang itu.

4. Kemudian daripada 6 bulan yang tersebut itu kelak tertegahlah tidak

dibenarkan siapa-siapa pun membuat atau menerima perjanjian hutang kepala hamba tanggung kerja.

5. Mana-mana hutang yang telah diperiksa dan diambil pengakuan bagaimana yang tersebut dalam fasal yang kedua itu hendaklah diperbuatkan surat perjanjian di antara tuan empunya hutang dengan orang yang berhutang itu serta ditentukan kadar susutan (ansuran) hutang itu mengikut timbangan Committee atau Pesuruhjaya pada tiap-tiap bulan tidak lebih daripada $3 bagi tiap-tiap seorang yang berhutang yang ada bekerja dengan tuannya, maka makan dan pakaian hamba yang berhutang itu tertanggunglah di atas tuan yang empunya hutang itu berjalanlah perjanjian itu hingga selesai hutangnya.

6. Jikalau tidak sempurna pekerjaan orang yang berhutang itu bolehlah pihak tuan hutang mengadu ke dalam mana-mana Mahkamah yang boleh diterima bicara itu mengikut Undang-undang Tertib Mahkamah Kerajaan Terengganu, maka jika didapati benar bagaimana buku pengaduan tuan hutang itu bolehlah dihukumkan atas orang yang berhutang itu dengan denda tidak lebih daripada $10.00 ataupun dengan penjara (gaol) tidak lebih daripada 14 hari dan tentang susutan hutangnya itu bolehlah ditimbang oleh Hakim dan memberi apa-apa keputusan yang patut.

7. Surat perjanjian yang tersebut dalam fasal yang keenam itu hendaklah diperbuat mengikut sebagaimana perkataan naskhah yang ada tersebut dalam Jadual Pertama di bawah ini.



Pandangan Bandar Permaisuri, Setiu

JADUAL YANG PERTAMA

NASKHAH SURAT PERJANJIAN HUTANG KEPALA HAMBA TANGGUNG KERJA

Surat Perjanjian Hutang Kepala Hamba Tanggung Kerja

Diperbuat di dalam Terengganu pada .... haribulan .... tahun 1337.

Bahawa adalah saya kedua-dua pihak yang tersebut nama iaitu Polan bin Polan duduk di Kampung Anu tuan hutang dinamakan pihak yang pertama.

Dan Polan bin Polan peranakan Negeri Anu duduk di Kampung Anu orang yang berhutang dinamakan pihak yang kedua.

Maka saya kedua-dua pihak yang tersebut itu mengaku sebagaimana di bawah ini:

1. Pihak yang pertama ada memberi hutang wang tunai kepada pihka kedua sebanyak $ .... dengan syarat pihak yang kedua tanggung kerja bagi pihak yang pertama iaitu pekerjaan ....
....

   Maka oleh kerana pekerjaan yang tersebut itu pihak yang pertama mengaku menyusutkan (mengurangkan) hutang atas pihak yang kedua itu pada tiap-tiap bulan $ .... serta menanggung makan pagi petang tiap-tiap hari di rumah tuan hutang itu ataupun diberikan beras baginya dikirakan tiap-tiap hari setengah cupak dan memberi pakaian baginya dua helai kain dua helai baju pada setahun dimulakan dari tarikh surat perjanjian itu.

LAMPIRAN B

CATATAN-CATATAN SEJARAH

1. "MEMUKUL CANANG"

Sehingga kepada zaman pemerintahan al-Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga dan sebelum campurtangan Kerajaan Inggeris (dalam tahun 1910M) maka cara memasyhurkan sesuatu perkara besar kepada rakyat negeri, adalah dijalankan dengan memukul canang.

Canang ialah sebuah gong, dikandar oleh dua orang pembawanya dibawa berjalan-jalan di mana-mana tempat perhimpunan ramai melalui jalan-jalan dan lorong-lorong kampung dan pekan-pekan dengan diiringi oleh Tok Pertanda dan didahului seorang jurukaka yang memikul sebatang tombak berjambul. Dato' Pertanda itu berjalan bersama-sama dengan yang mengandar canang dari suatu tempat ke suatu tempat di mana terdapat orang-orang yang berhimpun dan di situ dipukulnya canang itu dua tiga kali serta berseru "Oh, encik-encik, tuan-tuan, orang baik, hamba orang."

"Adalah titah Ke Bawah Duli dari dalam (dari dalam Istana) menyuruh sekalian laki-laki yang akil baligh supaya bersembahyang Jumaat semua. Barang siapa yang didapati tidak sembahyang Jumaat pada waktu sembahyang maka akan menjadi salah kepada Ke Bawah Duli dan akan dihukum dengan di denda atau penjara, Gong... gong... gong."

Dari sini berpanjanganlah perkhabaran-perkhabaran itu ke segenap cerok di dalam negeri. Mana-mana orang yang mendengarnya menyampaikan pula kepada yang belum mendengar dan yang mana merasai ragu mengenai butir-butir perkhabaran yang disampaikan itu, bertanyalah kepada yang cukup mengetahui misalnya:

- Mu dengar orang memukul canang kelmarin Mat?
- Ada Pak Cik.
- Apa katanya?
- Raja kita memberitahu semua orang laki-laki yang tua-tua dan muda sudah akil baligh disuruh pergi bersembahyang Jumaat belaka. Kalau orang tidak bersembahyang Jumaat, bunyinya akan ditangkap dan akan dihukum oleh raja kita.


- Oh, aku dengar Mak Cik mu kata lain, katanya raja kerah sekalian orang laki-laki berhimpun di balai kerana menjaga negeri hendak dilanggar musuh.
- Tidak Pak Cik! Kelmarin di suruh orang bersembahyang Jumaat. Saya sendiri mendengar begitu. Tetapi bulan dulu yang disuruh berhimpun ke balai, saya sendiri hadir mengadap bersama Tok Kaya, selepas mengadap, Tok Kaya pun balik, ia ada berkata: tidak ada apa-apa lagi, perkhabaran mengatakan ada musuh itu tidak betul, cuma ada perahu-perahu dari sebelah Timur melalui sahaja di hadapan kuala, bukan tujuan hendak datang melanggar, cuma raja bertitah kepada orang-orang besar supaya hadir mengadap di balai sementara khusus perkhabaran selepas itu,- nampaknya dato' kita tidak mengadap sudah lama, haruslah agaknya tidak ada apa-apa lagi.
- Oh... o... o begitu... aku sendiri mudik ke Tanggul dah tiga Jumaat, tak dengar khabar pasal kerah itu, tentang suruh sembahyang Jumaat kenalah pergi, jangan cuai....
- Ialah Pak Cik, hajat saya pun begitu.

Pertanda, ialah seorang pegawai penjara yang di bawah perintah Dato' Panglima Dalam. Pertanda itu kerjanya menjadi tukang kudung (tukang kerat) tangan atau kaki pencuri, apabila raja menjatuhkan hukum kudung, atau memukul orang-orang salah yang diarak.


Pada setengah ketika, memukul canang itu, dilakukan dengan tujuan "berarak". Pemandangan ini penuh disaksikan oleh penduduk Kuala Terengganu dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, seperti peristiwa "Arak Wan Tahir" dari Kampung Duyung yang mengajar ilmu salah iaitu diaraknya selama tiga hari berturut-turut kemudian dipenjara, dan peristiwa arak seorang Cina bernama "Su Yang" yang telah membunuh seorang perempuan Cina kerana berebut harta.

Selepas ianya diarak dengan dipukul canang di merata-rata simpang lalu dikujut mati berhampiran "Paya Bunga".

Tujuan "arak" itu, ialah supaya rakyat jelata dapat mengetahui dengan hebohnya kejadian-kejadian besar dan mustahak, juga supaya menjadi insaf dan iktibar.



Memukul Canang.



Bukit Puteri

2. BUKIT PUTERI

Bukit Puteri yang tersergam dengan megahnya menghala Kuala Sungai Terengganu, letaknya dari gigi air Sungai Terengganu dari jarak yang sehabis dekat sekali lebih kurang 180 m. berhampiran dengan Istana Maziah dan Pejabat Pos, Kuala Terengganu. Sebelum Sultan Zainal Abidin Yang Pertama memerintah Terengganu, bukit ini sudah dikenali dengan nama Bukit Puteri, tingginya lebih kurang 200 m. luasnya .688 hekter.

Ada cerita menyatakan semasa Dato' Bendahara Padang Saujana Johor menghantar wakilnya bernama Megat Sri Rama bersama Paduka Raja untuk memerintah Terengganu, bukit itu sudah dikenali dengan nama Bukit Puteri. Ini menunjukkan nama bukit tersebut sudah terkenal di zaman lampau. Setelah mati Megat Sri Rama, anaknya yang bernama Ganda Abu bermuafakat dengan seorang yang bernama Datuk Kun. (Dijangka ianya datang dari sebelah Patani atau Siam) untuk membuka tanah daripada kawasan Bukit Puteri hingga ke Kampung Tanjong.

Tetapi ada pula cerita menyatakan yang membuka Bukit Puteri itu ialah Tuk Raja Menteri dari Johor dan pegawai-pegawai yang datang bersamanya ialah Megat Mendali yang membuka Pelong (Hulu Nerus) dan saudaranya Megat Manikam pergi ke Tanjong Baru (Hulu Terengganu) manakala Megat Atut atau Tuk Pak Laris pergi ke Langkat (Hulu Nerus).

Ada lagi cerita orang tua-tua kononnya Bukit Puteri itu menjadi tempat kediaman puteri-puteri jin di zaman dahulukala atau tempat kediaman orang Bunian. Di zaman pemerintahan Sultan Mansur yang ke II (1831–1836), Sultan Muhammad I (1836–1839) dan Sultan Umar (1839–1876), Bukit Puteri telah menjadi benteng kubu peperangan saudara antara ketiga-tiga pemerintah tersebut. Di atas bukit ini ada sebatang tiang bendera untuk dinaikkan bendera raja pada hari-hari kebesaran dan menurut catatan yang didapati mula-mula didirikan tiang bendera itu ialah pada 12hb. Zulhijjah 1316H (22.4. 1899M) dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, dengan satu istiadat dan tembakan meriam sebanyak 16 das. Tingginya tiang tersebut lebih kurang 18 m dan ditanam sedalam 2 m tetapi tiang yang ada sekarang telah didirikan dalam masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.

Di kepala benteng di atas bukit itu di sebelah hadapan ada sebuah tiang api yang pada masa ini dijadikan rumah api menandakan "tanda kuala negeri", di sekeliling benteng ada dipasang beberapa pucuk meriam besar menghadap ke laut dan ke darat, tetapi meriam-meriam itu sudah tiada lagi sekarang. Di sebelah bawah tiang bendera ada sebuah tempat yang dijadikan sebagai sebuah bilik batu atau gua dalam tanah, haruslah menjadi tempat simpanan ubat peluru di masa lampau. Di sebelah atasnya dijadikan pentas batu berupa sebuah singgahsana raja sebagai tempat kawalan.

Keadaan pentas ini adalah membujur menurut rata bukit dan membelakangkan muka Kuala Sungai Terengganu. Dari benteng di atas bukit ini boleh dilihat seluruh bandar Kuala Terengganu yang indah lagi menarik.

Di dalam masa Negeri Terengganu diperintah oleh Jepun (tahun 1941 – 1945M), meriam-meriam di situ telah dipindahkan, tetapi di dalam tahun 1943M semasa negeri ini diserah oleh Jepun kepada Kerajaan Siam, maka tujuan hendak menggunakan meriam-meriam itu terbantut. Sementara itu pemerintahan Siam pula berhajat hendak mengawalnya dengan tujuan hendak dijadikan harta rampasan, tetapi

tidak juga sempat dipindahkan kerana di dalam tahun 1945M, tentera Jepun (termasuk Siam) telah kalah di dalam peperangan dan sebahagian meriam-meriam tembaga itu didapati kembali dan dijadikan perhiasan di beberapa tempat di Kuala Terengganu terutama dalam kawasan Istana Badariah.

Meriam-meriam itu terdiri daripada berbagai-bagai buatan. Ada yang diperbuat oleh Portugis, Sepanyol dan ada pula yang diperbuat oleh orang-orang Melayu sendiri. Di samping itu ada diberi dengan berbagai-bagai nama seperti Seri Johor, Sri Bueh, Laila Majnun dan Seri Jamlor.

Meriam-meriam ini bersama-sama dengan beratus-ratus pucuk meriam besi yang pada suatu masa diatur daripada pantai Cendering hingga ke Kuala Terengganu, adalah dikumpulkan oleh Marhum Sultan Mansur I Putera Zainal Abidin Yang Pertama. Baginda ialah seorang raja yang pada zaman pemerintahannya masih sentiasa bercita-cita hendak mendirikan Kerajaan Melayu Johor Raya bersama-sama Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Riau. Cadangan-cadangan baginda yang telah diusahakannya dalam keadaan tenggelam timbul dan maju mundurnya, maka "Riau" nampaknya memegang pangkat Yang Dipertuan Besar, Terengganu berpangkat Yang Dipertuan Raja Kecil, Pahang dalam pangkat Bendahara manakala Johor dalam pangkat Temenggung.

3. GENTA DI BUKIT PUTERI

Di atas Bukit Puteri hingga ke masa ini masih didapati sebuah genta besar yang ditempatkan di situ sudah beberapa lama sejak beberapa orang raja. Jika rosak sebuah digantikan dengan lain. Genta yang ada sekarang telah diperbuat dalam masa pemerintahan al-Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga kira-kira dalam tahun 1326H (1908). Besar lilitannya lebih kurang 111cm dan tingginya 79 cm diperbuat daripada tembaga kuning, beratnya lebih kurang 175 kg. Menurut cerita yang didapati genta ini dituang di hadapan Istana Maziah di dalam suatu istiadat. Tukangnya bernama Wan Ali bin Wan Awang dengan dibantu oleh beberapa tukang yang lain daripada penduduk-penduduk Kampung Tanjong dan Kampung Paya, Kuala Terengganu.

Pada zaman lampau genta ini dijaga oleh 'budak-budak raja' dan di dalam masa Sultan Umar hingga ke Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga



Genta di Bukit Puteri

dijaga oleh Encik Ali bin Abdullah. Tujuannya untuk memasyhurkan ketika berlaku sesuatu kegemparan besar seperti orang mengamuk, kebakaran, atau musuh melanggar negeri. Menurut adat negeri, apabila kedengaran bunyi genta tersebut, pada waktu yang tiada tertentu dan pukulannya kencang maka sekalian penduduk bandar menutup pintu rumah masing-masing, kedai-kedai pun berkemas dan bersiap sedia. Pembesar-pembesar raja dan segala hamba sahaya berlari menuju istana masing-masing dengan senjata sambil mencari khabar apa yang berlaku. Begitu juga kaum lelaki di kampung masing-masing bersiap sedia dengan senjata serta berjaga-jaga jika ada orang mengamuk. Sebaliknya jika berlaku kebakaran mereka akan datang menolongnya.

Di dalam bulan puasa, di Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Haji, genta itu dibunyikan hingga sekarang. Untuk Bulan Puasa dibunyikan mulai jam enam petang waktu berbuka, dan tiap-tiap jam

menurut waktu hingga waktu sahur dan waktu imsak. Pada jam 12 tengah malam, dibunyikan dengan kencang dikenali dengan nama "Goncang" sebagai menandakan "waktu memasak, makan sahur" dituruti dengan tembakan meriam satu das. Pada Hari Raya dibunyikan dengan kencang serta bertingkah-tingkah lagunya pada waktu sembahyang raya menandakan waktu sembahyang dan Raja berangkat ke Mesjid. Tetapi adat ini dibatalkan di dalam masa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Nassiruddin Shah. (tidak dibunyikan lagi genta sebelum sembahyang, di waktu sembahyang dan selepasnya).


4. MASJID SULTAN ZAINAL ABIDIN/MASJID ABIDIN KERAJAAN

Sebagai sebuah negeri Islam, maka masjid adalah suatu simbol agama yang dipandang mulia dan suci selain daripada menjadi tempat amal ibadat. Negeri Terengganu berasa bangga dengan adanya sebuah mesjid bersejarah yang sekarang dikenali dengan nama Masjid Abidin yang tersergam dengan cantiknya, terletak di tengah-tengah bandar di penjuru simpang empat di kampung yang dikenali dengan nama Kampung Masjid, Kuala Terengganu (sekarang menjadi Simpang Tiga). Dahulunya mesjid ini dikenali dengan nama Masjid Besar atau Masjid Putih dan nama itu masih masyhur kepada setengah-setengah penduduk negeri hingga sekarang terutama bagi penduduk di luar bandar dan di jajahan.

Asalnya masjid ini daripada kayu, didirikannya oleh Al-Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Kedua (Marhum Masjid 1793—1808M) kemudian dalam tahun 1269H (1852M) Al Marhum Baginda (Sultan Umar) telah mendirikan bangunan baru daripada batu. Kemudian di dalam zaman pemerintahan Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga telah diperbesarkan, kira-kira pada tahun 1319H (1901M).

Menurut cerita, ada menyatakan sebelum masjid ini berada di dalam keadaan sekarang dan sebelum ditambah binaan baru, tidak ada tiang di tengah-tengah bahagian bangunan dalam. Dindingnya sekerat dan berlengkung, berlubang-lubang sebagai pintu gerbang. Ada sebuah kubah yang diperbuat berasingan daripada kayu dan beratap kayu belian. Kolah-kolah semasa itu ada sebanyak enam buah, tiap-tiap sebuah lebih kurang 2 m panjang dan 1½ m lebar.

Di dalam pemerintahan Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga barulah binaan itu dibaiki dan dibesarkan seperti dalam keadaan



Masjid Abidin di Kuala Terengganu serta tambahan baru.

sekarang. Sebelum tambahan baru dengan tiang-tiang di ruangan tengah bahagian dalam, diadakan dinding tembok simen, sutuh dan tiga menara di bawah kelolaan Tengku Muda Kemaman (Tengku Panglima Besar). Tukangnya terdiri daripada orang-orag Cina dan Melayu. Mengenai tulisan-tulisan kasar di pintu masuk hadapan adalah ditulis oleh Tengku Abdul Kadir bin Salim, dan Abdul Rahman Istanbul.[233]

Mimbar yang ada sekarang dibuat oleh Encik Abdullah bin Dato' Bandar dan tulisannya ditulis oleh Tengku Abdul Kadir juga. Imam-imam dan Khatib-khatib semasa Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga seramai empat orang iaitu Khatib Umar Muda dan Khatib Umar Tua. Kedua-duanya menjadi imam dan khatib hari Jumaat serta lain-

233 Beliau seorang guru agama dari Mesir yang masyhur kecantikan seni khatnya terutama di kepulauan Riau, didatangkannya oleh Sultan Abdul Rahman Riau Lingga 1811–1832 dan dikatakan ada datang ke Kuala Terengganu serta banyak meninggalkan seni khatnya hingga dapat disaksikan hingga ke hari ini.

lain waktu dengan bergilir-gilir. Dua orang lagi ialah Khatib Saleh Tanjong dan Khatib Ahmad (dikhaskan pada hari Jumaat sahaja), bilalnya pula seramai empat orang. Ada pun kubah masjid itu dibangunkan oleh Sultan Ahmad II ibni Yang Dipertua Muda Tengku Mahmud bagi menggantikan kubah yang telah dibangunkan oleh Sultan Umar. Suatu istiadat telah diadakan kerana upacara itu pada jam 7 pagi hari Sabtu 1hb. Jamadil Akhir, tahun 1298H (1.5.1881M) serta diadakan tembakan meriam sebanyak 16 das.

Di dalam masa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Nassiruddin Shah telah diadakan perubahan besar dan tambahan baru yang hampir sekali ganda luasnya dari bangunan asal disertai dengan alatan-alatan baru, dan siap dalam bulan Mei 1972. Selain daripada menjadi tempat ibadat, masjid ini digunakan juga untuk tempat belajar agama, tempat-tempat syarahan agama dan aktiviti-aktiviti dakwah guru-guru agama telah diadakan dari semasa ke semasa serta bertukar ganti. Sekarang kawasannya sedang dalam proses pembesaran untuk meninggikan syiar Islam.

5. ISTANA MAZIAH

Sebagai lambang negeri, "Istana Maziah" mempunyai riwayatnya yang tersendiri. Istana dua tingkat itu tersergam dengan megahnya dan cantik berhampiran kaki Bukit Puteri di sebelah matahari naik. Jauhnya dari gigi air Sungai Kuala Terengganu lebih kurang 220 m. Letaknya menghala ke Laut Cina Selatan yang menambahkan lagi berseri pemandangannya.

Dengan bentuk dan keadaannya yang menarik, istana ini menjadi satu warisan kebangsaan atau pusaka negeri yang sangat berharga. Di istana inilah tempat tumpuan istiadat-istiadat pertabalan dan kemahkotaan Sultan Terengganu, nikah kahwin, berkhatan dan bertindik di raja dan tempat sambutan lawatan-lawatan tetamu agung.

Menurut catatan yang didapati dari Allah Yarhamhu Engku Pengeran Anum, tarikh digali tapak atau diletak batu asas istana ini ialah pada jam 10 pagi hari Jumaat (waktu Sembahyang) 7 Zulhijjah tahun 1312H (31.5.1895) di dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga. Catatan dari Allah Yarhamhu Dato' Seri Amar Diraja pula, seorang Menteri Besar Terengganu, menunjukkan tarikh didirikan Istana ini di dalam tahun 1897M (1315H) haruslah perselisihan dua catatan itu menunjukkan jarak masa antara perletakan batu asas dengan tarikh mula didirikan bangunan istana.



Istana Maziah. Di sebelah kanan, bangunan tambahan baharu.

Istana ini didirikan kerana menggantikan Istana Hijau yang sudah lama yang dipunyai oleh Al Marhum Sultan Umar Marhum Baginda (didirikan pada jam 7 pagi hari Jumaat, 7 Zulhijjah 1286H 10.3.1870) letaknya berhampiran tapak Istana Maziah. Yang mengetuai urusan pekerjaan binaan serta menjadi juruteranya ialah Tengku Cik Abu Bakar bin Abdul Jalil, seorang ahli seni yang terkenal semasa itu lagi ipar kepada Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga.

Di istana ini banyak didapati kesan-kesan bekas tangannya terutama ukiran-ukiran, beliau dibantu oleh Engku Besar Paduka Raja (Saiyed Abdullah bin Zin al Idrus) dan Encik Muhammad bin Abdul Rahim yang dikenali dengan nama Encik Mat, Dato' Mata-Mata. Kepada mereka bertigalah ditugaskan mengadakan pelan-pelan dan menyiapkan binaan istana ini.

Selain dari mereka bertiga, ada pula mereka yang lain ditugaskan dengan berbagai-bagai urusan, seperti di dalam urusan bata dan kapur diserahkan kepada Tengku Besar Paduka Indera, urusan kayu-kayan diserahkan kepada Tengku Panglima Besar (Tengku Muda Kecik), dan kebanyakan kayu-kayu itu datangnya daripada daerah Dungun.

Istana ini dibina dengan kapur putih bercampur dengan tanah liat dan pasir garam yang ditumbuk lumat-lumat dan dikatakan juga ada bercampur dengan putih telur serta manisan untuk menambahkan teguh dan kuat binaannya.

Tukang-tukang dan pekerjanya adalah terdiri daripada orang-orang Melayu dan Cina, dikatakan berjumlah seramai lebih kurang 20 orang. Binaan itu telah terbengkalai beberapa tahun kerana kekurangan perbelanjaan. Akhirnya pada malam Jumaat 14 Jamadil Awal tahun 1321H (7.8.1903) baharulah diadakan istiadat naik Istana.

Sesudah siap tidak berapa lama, lalu diadakan pula sedikit-sedikit pindaan oleh Tengku Embong Musa (Ketua Jabatan Kerja Raya semasa itu) dengan ditambah lantai di bahagian anjung istana yang semasa dahulu boleh dilalui kereta di bawahnya. Di zaman pemerintahan Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, telah dipinda layang-layang anak tangga. Kemudian di dalam masa pemerintahan DYMM Tuanku Sultan Ismail Nassiruddin Shah diadakan beberapa perubahan termasuk pindaan bilik di sebelah matahari naik di tingkat bawah dan dibuang pintunya supaya bertambah luas. Pada satu ketika dahulu ditempatkan di situ singgahsana kemudian dipindahkannya pula ke bahagian tingkat atas. Setelah dipindakan keadaannya dalam tahun 1954 dengan dibuat layang-layang tangga hadapan di sebelah matahari jatuh dan dirobohkan bilik tingkat atas yang di sebelah matahari naik untuk ditempatkan singgahsana. Dalam tahun 1972 suatu binaan moden tambahan istana dua tingkat dirusuk sebelah barat telah dibina dan singgahsana ditempatkan pula di bangunan baru di tingkat atas.

Bentuk singgahsana baharu yang ada telah direka oleh Encik Abdullah bin Ismail, manakala ukiran-ukiran bunga serta Jata Kebesaran negeri dilukis oleh Allah Yarhamhu Dato' Indera Pahlawan (Wan Muda Abdullah bin Ali). Kayunya daripada jati Siam. Tukang yang membuatnya ialah Encik Muhammad bin Ali di bawah ketuaan Encik Muhammad bin Hitam. Penyabet ukirannya ialah Encik Yusuf bin Muhammad Tanjung dan penyumbit tulisan dan mahkota ialah Encik Nuh bin Ngah kedai Tanjung, (seorang pemuda). Contoh tulisan-tulisan adalah ditulis oleh Saiyed Abdul Rahman Al Attas Johor. Singgahsana ini dibentuk dan siap di dalam tahun 1954 M.

Tulisan ayat Quran di singgahsana bahagian hadapan ialah:

رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ
وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ
فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ.

Mafhumnya:
"Wahai Tuhanku" ilhamkan daku supaya teta bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan supaya tetap mengerjakan amal yang Engkau redhai dan masukkanlah daku dengan rahmatMu – ke dalam kumpulan hamba-hambaMu yang saleh.

(Suruh Annamli sebahagian dari ayat 19).

Tulisan di sebelah rusuk kanan pula ialah:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

Mafhumnya:
Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

(Surah Annahli ayat 90).

Ayat di sebelah kiri pula adalah:

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَانَ
بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا
إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ.

Mafhumnya:
Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila berjanji dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah

kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah) sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu, sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

(Surah Annahli ayat 91).

Panjang kedua tulisan ini ialah 183.79 cm, lebarnya 20.32 cm. Ayat ini telah dipilih dan disyurkan oleh Sahibus Samahah Tuan Al Saiyed Yusuf bin Ali az Zawawi Mufti kerajaan Terengganu.

Pada 27hb. April, 1954M. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu telah mengeluarkan suatu pemberitahu seperti berikut: "Adalah saya dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya memaklumkan kepada tuan iaitu oleh kekurangan tempat di dalam negeri ini, maka Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurniakan telah mengizinkan supaya Istana Maziah itu digunakan sebagai Dewan Mesyuarat Majlis Negeri dan lain-lain.

"Oleh kerana bangunan ini sebuah istana, adalah diperintahkan iaitu mereka yang datang melawat ke istana ini atau datang menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau datang sebagai pemerhati dan sebagainya hendaklah memakai pakaian dengan secukupnya, bagi orang-orang Melayu yang memakai pakaian Eropah maka hendaklah memakai songkok.

"Begitu juga sekiranya istana ini dibenarkan supaya digunakan bagi maksud-maksud yang lain atau bagi perjumpaan am maka mereka yang hadir itu hendaklah memakai pakaian dengan secukupnya."

Surat ini adalah dialamatkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negeri, kesemua ketua-ketua pejabat, kerani Mesyuarat Negeri dan Setiausaha-setiausaha Yang Kehormat kepada kelab-kelab, Persekutuan dalam Terengganu.[234]

Mengenai pintu gerbang istana yang ada sekarang telah didirikan di zaman pemerintahan al Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga pada jam 10 pagi hari Rabu 12 Syaban tahun 1304H (5.5.1887) dengan istiadat 16 tembakan meriam, menggunakan 16 tetampan dan 10 walki. Yang mengelola dan mengetuai pekerjaan ini ialah Bentara Encik Abdul Rahman. Bangunan-bangunan yang telah diroboh di dalam kawasan istana itu dalam masa pemerintahan Marhum Sultan

---

234 **Sejak bangunan baru Jabatan Setiausaha Kerajaan yang di atas Bukit Encik Long siap digunakan dalam bulan Mac 1962 maka Majlis Mesyuarat Negeri** tidaklah diadakan di Istana Maziah lagi. Sekarang pula di Wsma Darul Iman.

Sulaiman Badrul Alam Shah ialah Pejabat Kadhi yang tapaknya masih ada hingga hari ini yang dijadikan tempat Panca Persada dan bangunan sebuah balai besar yang suatu masa dahulu digunakan tempat pelajaran bahasa Inggeris (Sekolah Inggeris) dan Pejabat Pelajaran.

6. LAGU SELAMAT SULTAN


Lagu Selamat Sultan yang digunakan sekarang ini telah dikarang kira-kira dalam tahun 1927 di dalam masa pemerintahan Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Pengubahnya ialah Encik Muhammad Hashim bin Abu Bakar, peranakan Singapura yang semasa itu menjadi seorang guru di Sekolah Melayu Paya Bunga, Kuala Terengganu dan Guru Pancaragam Pengakap.Beliau adalah seorang ahli seni lagu dan pengasas Pasukan Pancaragam Polis Diraja Terengganu sebelum Perang Dunia Yang Kedua.

Kisah yang menyebabkan lagu ini disusun ialah, pada suatu hari kira-kira di dalam tahun tersebut datanglah Allah Yarhamuhu Dato' Seri Andika Diraja, Juruiring Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah berjumpa dengan Encik Muhammad Hashim bin Abu Bakar di Sekolah Melayu Paya Bunga, Kuala Terengganu kerana menyampaikan hasrat dan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan supaya mengarang sebuah Lagu Kebangsaan Negeri atau Selamat Sultan. Lagu itu pada mulanya dikehendaki berirama Melayu bercampur Arab, tetapi kecenderungan Allah Yarhamuhu Dato' Seri Andika sendiri elok digubah dengan irama yang sedikit garang.

Titah itu telah dijunjung oleh Encik Muhammad Hashim. Selepas nada lagu yang dikehendaki itu digubah beberapa hari dan dicubanya dengan organ, Encik Muhammad Hashim pun mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan di Istana Kolam dan memperdengarkannya di hadapan baginda, dan baginda telah berkenan menerima lagu itu serta dijadikan lagu "Selamat Sultan".

Seminggu kemudian Duli Yang Maha mulia Sultan telah menitahkan supaya lagu itu dinyanyikan beramai-ramai oleh pasukan kanak-kanak sekolah berserta dengan pancaragam kanak-kanak pengakap di hadapan Istana Kolam sekali lagi.

Senikata lagu yang asal yang disusun oleh penggubah lagu itu sendiri telah dipinda selepas pemerintahan Jepun oleh pihak Jabatan Pelajaran Terengganu sehingga 9 Mac, 1990.



Disusun dan digubah oleh Allahyarhamuhu Encik Muhammad Hashim bin Abu Bakar dalam tahun 1927. Beliau meninggal dunia di Kampung Serada Pulau Manis Kuala Terengganu pada 1 Mac, 1962

Senikata asal susunan pengubahnya ialah:	Pindaan Kemudian
Allah peliharakan Raja Kami	Allah peliharakan Raja Kami
Sultan Terengganu Negeri	Memerintah Terengganu Negeri
Allah peliharakan Raja Kami	Allah peliharakan Raja Kami
Sejahtera dua laki isteri	Sejahtera Suami Isteri
Allah peliharakan Raja Kami	Allah peliharakan Raja Kami
Memerintah Terengganu Negeri.	Sentosa rakyat negeri.

Ekoran daripada cadangan Dato' Setia Jasa (Dato' Haji Mohd Saleh bin Haji Awang @ MISBAHA) supaya senikata lagu 'Selamat Sultan' diubahsuai dan juga terdapat bermacam tempo lagu, maka kerajaan telah melantik satu jawatankuasa seramai lapan orang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Dato' Setia Wangsa dan bersidang kali pertama pada 30hb. Ogos,1989. Pada 24hb. Rajab,1410 bersamaan 20hb. Februari, 1990, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah mengeluarkan satu kenyataan seperti berikut:

LAGU SELAMAT SULTAN

Pentadbiran Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji semula senikata lagu Selamat Sultan di mana sebahagian daripadanya adalah kurang sesuai dengan keadaaan sekarang dan tidak pula mengikuti bahasa Istana. Senikata lagu yang ada sekarang telah dibuat pindaan terakhirnya pada pertengahan tahun empat puluhan.

2. Sehubungan dengan itu, jawatankuasa ini telah membuat beberapa pindaaan ke atas senikata lama lagu tersebut. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah mengampuni perkenan dengan pindaan senikata lagu Selamat Sultan sepertimana berikut:

SENIKATA BARU	SENIKATA LAMA
Allah Daulatkan Tuanku Sultan	Allah Peliharakan Raja Kami
Terengganu Darul Iman	Memerintah Terengganu Negeri
Allah peliharakan Tuanku Sultan	Allah Peliharakan Raja Kami
Sejahtera Sepanjang Zaman	Sejahtera Suami Isteri
Allah Rahmatkan Tuanku Sultan	Allah Peliharakan Raja Kami
Memerintah Rakyat Aman	Sentosa Rakyat Negeri

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengampuni perkenan lagu ini mulai dimainkan di Majlis-majlis Menyambut Hari Keputeraan Baginda Yang

Ke-60 iaitu mulai pada 10 Mac, 1990. Oleh itu semua majlis-majlis rasmi yang terlibat dengan persembahan lagu Selamat Sultan hendaklah dinyanyikan dengan senikata baru.

3. Pentadbiran Negeri telah menghantar sesalinan nota lagu bersekali dengan senikata baru dan sebuah kaset yang mengandungi lagu Selamat Sultan kepada semua Ketua-ketua Pejabat, Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Guru-guru Besar Sekolah Rendah. Dengan demikian diharap semua pihak akan menyanyikan lagu Selamat Sultan mengikut irama yang betul sepertimana irama yang asal.

7. JATA KEBESARAN KERAJAAN

Jata kebesaran kerajaan Terengganu atau tanda kebesaran negeri yang ada sekarang, telah diwujudkan di zaman pemerintahan Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga setelah direka beberapa lama oleh beberapa orang ahli seni lukis, dan pembesar negeri.

Menurut cerita, adalah yang melukis tanda kebesaran ini ialah Encik Muhammad bin Abdul Rahim saudara Dato' Seri Nara Wangsa (Dato' mata-mata) dan Majlis Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan resminya di dalam tahun 1932.

Lambang Kebesaran ini mengandungi:

1. Bulan bintang – menandakan Negeri Islam.
2. Mahkota – menandakan Pemerintahan Diraja.
3. Pedang dan keris panjang – dua daripada alatan kebesaran negeri.
4. Quran – kitab suci – Letaknya disebelah kanan menunjukkan Agama Islam.
5. Buku undang-undang – Letaknya di sebelah kiri menandakan keadilan.
6. Wali – menandakan alatan istiadat kebesaran.

Semuanya alat-alat itu dilengkongi di dalam satu garisan bulatan, di dalamnya tertulis huruf Melayu tiga patah perkataan,Huruf Jawi yang bercerai-cerai hurufnya iaitu "Jawatan Kerajaan Terengganu" tetapi di dalam masa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Nassiruddin Shah telah ditambah pula dua tanda kebesaran lagi iaitu dua batang tungkat dan perkataan "Jawatan Kerajaan" dihapuskan tinggal perkataan "Terengganu" sahaja.

LAMPIRAN B



1



2



3

Jata Kebesaran Kerajaan:

1. *Yang Lama*
2. *Pertengahan*
3. *Yang baharu dan sedang digunakan sekarang.*


8. ALATAN KEBESARAN SULTAN TERENGGANU

Alatan-alatan kebesaran Sultan Terengganu ialah:

1. Cogan emas, berulu batang andung dikatakan di perbuat di zaman pemerintahan al Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga, di tengah-tengahnya tertulis huruf Melayu perkataan "Kerajaan Terengganu".

   Cogan ini dibawa oleh bentara di hadapan sekali apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan berangkat di hari-hari kebesaran.

2. Lembing Tunggal, batangnya kayu bersumpak, dikatakan kepunyaan Sultan Umar al Marhum Baginda.
3. Dua batang tungkat kayu kemuning berkepalakan emas dipikul oleh Bentara Kanan dan Bentara Kiri.
4. Sebilah pedang, ulu dan sarungnya daripada emas.



Alatan Kebesaran DiRaja Terengganu.

5. Sebilah Keris Panjang bernama Nang Cayang, ulu dan sarungnya daripada emas. Keris ini dikatakan kepunyaan Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Pertama.
6. Tepak sireh dan Ceper emas, dibawa oleh biduanda.
7. Ketor dan Ceper Emas.
8. Tetampan beranting-anting emas diletak di atas bahu di sebelah kanan anak-anak raja kebanyakan, semasa mengiring Sultan berangkat ke singgahsana dan dipakai juga oleh setiap pembawa alatan kebesaran diraja dan semasa perkahwinan diraja ada dipakai oleh juru nikah.

Manakala alatan istiadat kebesaran pula ialah:


1. 16 Tetampan
2. 16 Wali
3. 16 Lembing
4. 16 Kain Selampai
5. 16 Kain Dukung
6. 16 Payung ubur-ubur. (8 putih dan 8 kuning)

9. BENDERA NEGERI DAN BENDERA SULTAN

Setiap negeri memandang bendera sebagai suatu simbol tanahair yang agung dan dipertahankan dengan jiwa raga oleh sesuatu umat dan bangsa. Maka bendera Negeri Terengganu yang sedang berkibar di udara semasa ini wujudnya dengan begitu rupa adalah setelah dipinda daripada keadaan asal beberapa kali. Menurut cerita-cerita yang didapati mula-mula bendera itu setakat yang diketahui ialah di pangkalnya berwarna putih yang menandakan raja dan di hujungnya berwarna hitam dikenali dengan nama "Bendera Rakyat".

Pada 8 Oktober 1953M, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengisytiharkan di dalam wartanya bahawa Bendera Negeri Terengganu, tanahnya hitam, di tepinya putih, di atas tanah hitam itu terletak bulan sabit dan bintang berwarna putih.

Manakala bendera Sultan pada mulanya berwarna putih sahaja kerana pada pendapat al Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga, warna putih itu menandakan suci dan bersih, oleh sebab itu baginda gemar memakai bendera warna sedemikian dan Bendera Yang Dipertuan Muda pula berwarna kuning.



Bendera Terengganu, di sebelah kanan dikenali dengan nama "Bendera Negeri" manakala di sebelah kiri dikenali dengan "Bendera Rakyat".

Di dalam masa Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, baharulah direka bendera Sultan itu dengan diletakkan di tengah-tengah putih itu Jata Kebesaran Kerajaan berwarna kuning kerana pada pendapat al Marhum kalau berwarna putih sahaja adalah menandakan alamat menyerah diri, begitu juga kalau kuning sahaja menandakan alamat kerintin.

Di dalam bulan Jun tahun 1970 telah diadakan perubahan bendera Diraja seperti berikut:

Bendera Duli Yang Maha Mulia Sultan.

1. Tanah putih

2. Di tengah bendera itu mengandungi alatan-alatan berwarna kuning tua bagaimana berikut:
   (a) Bulan bintang.
   (b) Quran.
   (c) Pedang di sebelah kanan dan keris panjang di sebelah kiri kedua-duanya berpalang.
   (d) Dua batang tungkat berpalang di sebelah bawah pedang dan keris panjang.
   (e) Berupa Quran di sebelah kanan dan berupa Undang-undang di sebelah kiri.
   (f) Kain selampai bersauk sandang kepada pedang dan keris panjang.
   (g) Kain wali di sebelah bawah mengandungi tulisan jawi "Sultan Terengganu".
   (h) Bunga padi di kiri kanan melingkungi alatan-alatan tersebut.

Bendera Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar.

1. Tanah putih
2. Di tengah-tengah bendera mengandungi alatan-alatan berwarna kuning tua sebagaimana berikut:
   (a) Bulan Bintang.
   (b) Quran.
   (c) Pedang di sebelah kanan dan keris panjang di sebelah kiri kedua-duanya berpalang.
   (d) Dua batang tungkat berpalang di sebelah bawah pedang dan kèris panjang.
   (e) Kain selampai bersauk sandang kepada pedang dan keris panjang.
   (f) Kain wali disebelah bawah mengandungi tulisan jawi "Tengku Ampuan Besar Terengganu".
   (g) Bunga padi di kiri kanan melingkungi alatan-alatan tersebut.

Bendera Duli Yang Teramat Mulia Yang Di Pertuan Muda.

1. Tanah kuning muda.
2. Di tengah bendera itu mengandungi alatan-alatan berwarna putih, sebagaimana berikut:
   (a) Bulan Bintang.

(b) Quran.
(c) Pedang di sebelah kanan dan keris panjang di sebelah kiri kedua-duanya berpalang.
(d) Dua batang tungkat berpalang di sebelah bawah pedang dan keris panjang.

Bendera Yang Maha Mulia Pemangku Raja

1. Tanah putih.
2. Di tengah bendera itu hendaklah mengandungi hiasan seperti di bawah ini berwarna kuning tua:
   (a) Bulan sabit.
   (b) Bintang berbucu lima.


Bendera Wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan

1. Tanah hitam bertepikan putih.
2. Di tengah bendera itu mengandungi hiasan seperti di bawah ini dengan warna kuning tua.
   (a) Bulan sabit.
   (b) Bintang berbucu lima.

Huraian Maknanya

1. Tanah putih itu menunjukkan cuci dan bersih.
2. Bulan Bintang menunjukkan Raja Islam.
3. Pedang, Keris panjang, Tungkat, Kain selampai dan Kain Wali itu menunjukkan kebesaran Raja.
4. Quran dan kitab itu maknanya Undang-undang dan Peraturan.
5. Warna kuning tua itu Raja.
6. Bunga padi menerangkan makanan resmi.

Sebelum Perang Dunia Yang Kedua, di zaman pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, sekalian pembesar-pembesarnya yang bergelar ada dikurniakan bendera kebesaran masing-masing menurut taraf pangkat mereka, tetapi tidak beberapa lama kemudian bendera itu tidak dipakai lagi bahkan dihapuskan tinggal bendera Menteri Besar sahaja, warnanya tanah hitam dan di tengahnya Jata kebesaran negeri berwarna putih.



Nobat di Raja Terengganu.

10. NOBAT TERENGGANU

Nobat adalah sebahagian daripada alat kebesaran diraja. Terengganu adalah sebagai sebuah negeri Melayu bernobat sejak dari beberapa orang Sultan lagi. Menurut cerita adalah dikatakan Puteri Pulau Bintang yang menjadi isteri kepada Demang Lebar Daun atau Telanai Bentan yang digelar juga Tun Telanai, ialah orang yang mula-mula mengguna dan memperkenalkan Nobat.

Nobat Terengganu asalnya datang daripada Riau di zaman pemerintahan Sutan Muhammad Ibni Al Marhum Sultan Zainal Abidin yang ke III.

Maka tiap-tiap kali Sultan hendak mengadakan kerja-kerja besar, lalu dipinjam nobat itu daripada Riau dan kebanyakan pemukul-pemukul nobat pula dikatakan turun-temurun menyandang pekerjaan ini.

Dalam masa Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah baharulah diadakan nobat sendiri dibeli daripada Riau serta dibuat sedikit pindaan pada alatan-alatannya. 'Alátan-alatan nobat Terengganu masa sekarang ialah:

1. Dua buah gendang nobat diperbuat daripada kayu bersalutkan perak di sekelilingnya dan diterakan dengan jata negeri. Kulitnya daripada jenis kulit kambing halus.


2. Sebuah Negara (Gendang bulat).
3. Sebuah napiri diperbuat daripada perak.
4. Sebuah serunai diperbuat daripada gading dan perak.

Adalah dikatakan pada masa dahulu selain daripada alatan-alatan yang tersebut yang digunakan dalam masa Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, tetapi tidak digunakan lagi sekarang ini ialah:

1. Dua kapak besar daripada tembaga.
2. Dua Ceracap kecil daripada kayu.
3. Sebuah dandi.
4. Sebuah Muarai.
5. Sebuah sedang.
6. Sebuah Bangsi.

Nobat adalah digunakan pada hari-hari kebesaran, hari keputeraan, hari nikah kahwin, bertindik, berkhatan, hari pertabalan dan kemahkotaan, hari kemangkatan, hari pengurniaan gelaran kepada orang-orang besar dan lain-lain hari istiadat yang dititah oleh Sultan, termasuk tiap-tiap petang di dalam bulan puasa sebelum berbuka puasa dan hari raya. Di antara lagu-lagunya ialah:

Ibrahim Khalil, Iskandar Shah, Arak-Arak, Lempang, Anak Kuda Ragam, Seri Istana, Perang, Bersiram, Palu-Palu, Khamis Perak, Petang Khamis, Palu-Palu Melayu dan Nigiri.



Pandangan Bandar Marang

LAMPIRAN C

SURAT-SURAT BERSEJARAH

Untuk catatan sejarah, eloklah dirakamkan dalam buku ini beberapa pucuk surat yang dihantar dan diterima oleh Marhum Baginda Sultan Umar, Sultan Terengganu Yang Kesembilan dalam masa pemerintahannya. Surat-surat itu penyusun dapat salinkan dari naskah simpanan Allah Yarhamhu Engku Pengeran Anum Terengganu.

SURAT DARIPADA RAJA KELANTAN

Surat ini ditulis pada 25 haribulan Jamadil Awal tahun 1260 Hijrah (12.6.1844) pada hari Selasa, yang menunjukkan persahabatan dan ikrar dari Raja Kelantan (Sultan Muhammad II) kepada baginda Sultan Umar.

"QAULUHUL HAQ"

Hijratul Nabi SallalLahu waSallam seribu duaratus enampuluh tahun kepada Tahun Wau kepada duapuluh lima haribulan Jamadil Awal kepada hari Selasa, waktu jam pukul delapan, pada itu adalah Paduka Kekanda Raja Kelantan membuat surat ikrar perjanjian Paduka Kekanda dengan Seri Paduka Adinda Yang Dipertuan Terengganu maka darihal antara Paduka Kekanda dengan Seri Paduka Adinda itu maka janganlah Seri Paduka Adinda menaruh syak dan waham walLahi billahi tiadalah sekali-kali Paduka Kekanda niat hendak... (tidak nampak tulisnya). Seperti Paduka Ayahanda Tengku Wook yang duduk di dalam Negeri Kelantan jikalau Paduka ayahanda itu hendak mendatangkan sesuatu pekerjaan yang khianat atas Seri Paduka Adinda di dalam Terengganu itu apabila Paduka Kekanda mengetahui maka seboleh-bolehlah Paduka Kekanda menahankan dia maka tiadalah sekali-kali Paduka Kekanda memasuki dan sertai akan dia daripada barang sesuatunya maka janganlah Seri Paduka Adinda... (tidak nampak tulisan. P. menjangka perkataan itu ialah 'menaruh syak dan waham maka haraplah Seri Paduka Adinda kepada Allah Subhanahu wa Taala dan kepada RasulNya maka inilah Paduka Kekanda menyembahkan Surat Ikrar Perjanjian Paduka Kekanda dengan Seri Paduka Adinda itu beri Seri Paduka Adinda pegang taruh demikianlah adanya tammatul kalam bikhiri wassalam."

SURAT DARI GABENOR H.J. BUTTERWORTH

Sepucuk surat telah dihantar oleh Gabenor Singapura, Melaka, dan Pulau Pinang kepada baginda Sultan Umar bertarikh 6 haribulan September 1851 berhubung dengan penangkapan perompak Cina. Bunyinya surat itu demikian:

'NURUS SYAMSI WAL QAMARI'

Bahawa ini sahifatul ikhlas wa tuhfatul ajnas yang terbit daripada fuadu zakiah yang hening jernih gilang-gemilang cahayanya yang tiada menaruh cemar di dalamnya iaitu daripada kita berhormat Honourable Kolonel Butterworth Companion of The Most Honourable The Militery Oder of The Berth, Gabenor tiga negeri Pulau Pinang, Singapura dan Melaka serta sekalian takluknya pada masa ini ada memerintahkan di dalam alam Singapura Darul Salam, maka barang diwasalkan oleh Tuhan Seru sekalian alam apalah kiranya datang ke hadapan wajah Yang Mulia iaitu sahabat kita Sultan Umar ibni al Marhum Sultan Ahmad yang ada bersemayam memerintahkan di atas takhta kerajaan serta dengan kebesarannya bertambah-tambah pada masa ini di dalam Negeri Terengganu Darul Iman serta dengan segala daerah teluk rantau serakan anak sungainya serta dengan arif bijaksana lagi bangsawan dan setiawan serta dermawan daripada pihak melakukan di atas jalan berkasih-kasihan dan berjinak-jinakan serta dengan dipeliharanya dagang senteri fakir dan miskin istimewa lagi kepada segala sahabat handai taulannya qarib walbaid maka termasyurlah warta ihsannya kepada segala negeri yang asing maka dipohonkan kepada Tuhan Azza wa Jalla barang dikekalkan kiranya afa'l dan perangai yang demikian supaya janganlah berputus muhibbah kita di antara sahabat kita selama-lamanya selagi ada peredaran cekerwala, matahari, dan bulan perkisaran malam siang adanya demikian.

Waba'dah daripada itu adalah kita melayangkan selaras warkah ini ke hadapan wajah sahabat kita serta membayangkan di dalamnya dari hal sahabat kita punya surat yang termaktub pada 16hb. Jun dan pada 13hb. Julai yang sudah maka termaklumlah di hadapan kita dari itu rupanya kerana rompakan dan samunan yang terbuat oleh perompak wangkang di jajahan sebelah Timur maka sahabat kita adalah menyuruhkan perahu pair sahabat kita keluar menjagakan orang pedagang dan adalah perahu air itu berjumpa dan mengambil apa yang

dia fikir itu wangkang perompak dan dari wangkang itu adalah turun dua belas orangnya mengambil air di Dungun dan di sana sudah ditangkap ia dan lagi wangkang itu tatkala dibawa masuk sudah tenggelam dan orang yang dua belas itu sudah sibawa di hadapan sahabat kita dandapat keterangan oleh sahabat kita darihal itu orang belayar dengan pass Inggeris terbuat di Negeri Singapura kerana itu dia orang dilepaskan di atas tanggungan Cina yang kepala di dalam Terengganu dia berjanji menanggung apabila berhendak dia hadirkan sementara bertanya ke Singapura di antara itu orang Lingga pun tiba di Terengganu menyatakan dia orang sudah luka dan terbakar oleh perompak wangkang dua belas orang yang di dalam tanggungan itu ialah dia yang melukakan dan membakari, dia orang itu ada orang Cina itu sudah tertentu oleh sebab tanda dilengannya rupanya dari itu semuanya orang itu sudah dibunuh seperti perompak. Syahadan lagi sahabat kita ada tahu darihal surat pass itu ada diberi dengan maksud memeliharakan orang-orang dagang di dalam lautan besar supaya jangan disangkai perompak dan menentukan dia orang punya perniagaan jangan diusik-usik di mana negeri dia pergi berniaga dan lagi lepas itu adalah dihormati oleh segala bangsa manusia yang tahu beradat adalahdarihal pass-pass itu terkadang-kadang didapati dari fasal yang palsu tiadalah boleh kita menidakkan yang demikian itu dan rupanya sahabat kita begitu jugalah percaya seperti yang tersebut di atas wangkang itu tetapi sahabat kita dengan sepatutnya sudah menyatakan kepada Residen Konselor Singapura di atas perkara itu dengan segeranya dia mendapat tahu wangkang itu ada memakai pass Inggeris jikalau sahabat kita ada nantikan akhirnya pertanyaan ke Singapura perkara itu barangkali boleh diselesaikan dengan keredaan pada segala pihaknya dan sekarang ini kita haraplah sahabat kita boleh suka mendapat tahu bahawa kita ada mengirimkan kepala yang memerintahkan di dalam Negeri Singapura ada di bawah kedudukan kita iaitu Honourable Thomas Church Residen Konselor Singapura supaya boleh bertemu dengan sahabat kita dan memeriksakan aduan dan saksi-saksi dari perkara wangkang yang sudah tertangkap orangnya kena bunuh itu kita percayalah bahawa sahabat kita sudah nyatalah tatkala ditangkap wangkang itu ada perompak dan siapalah tahunya barangkali jugalah begitu akan tetapi orang Cina Bangsa Hainan ialah itu bangsa anak perahu wangkang itu tiadalah pernah dapat ketahui jadi perompak dan kita terasa percayalah bahawa perkelahian di antara dia orang dengan sahabat kita punya pair itu terbit dari fikiran orang wangkang itu dialah yang dikelilingi oleh perompak dan tetapi

di atas perkara ini sahabat kita boleh tunjukkan pada Honourable Thomas Church Residen Konselor itu dia punya kenyataan yang sahabat kita sudah pakai menghukumkan di atas orang-orang itu dan membiarkan tuan itu sendiri memeriksa perkara itu supaya boleh mendapat dengan ketentuan dan menetapkan nama sahabat kita sampai sekarang ada termasyhur di dalam bangsa Melayu dan lagi supaya boleh menetapkan kebaikan yang selama ini ada di antara sahabat kita dengan British Government intahal kalam.

Termaktub warkah ini di dalam Negeri Singapura kepada enam haribulan September pada tahun al Masehi 1851.'

Berhubung dengan peristiwa ini pihak Sultan Lingga (anak saudara baginda) telah memberi sokongan kepada ayahanda saudaranya itu menurut sepucuk surat yang telah dihantar kepada baginda bertarikh 9 haribulan Syawal tahun 1268 (27.7.1852) di antara lain katanya,

'Adalah Seri Paduka Anakanda membayangkan kepada pihak Paduka Ayahanda fasal kepada perkara daripada wangkang-wangkang Cina perompak yang sudah dapat dipair serta ditangkap Cinanya maka sudah tertentu itu Cina jahat maka dibunuh yang sebagaimana jalan hukuman kita segala pihak raja-raja Melayu maka segala fasal aturan itu sudahlah Seri Paduka Anakanda memberi surat kepada Gabenor Jeneral di Betawi kemudian ada kira-kira empat puluh hari lebih kurang begitu maka datanglah surat jawab balasan dari Gabenor Jeneral kepada Seri Paduka Anakanda menyatakan perkara Paduka Ayahanda itu jangan susah-susah hati kalau itu jalan yang diperbuat Raja Terengganu kepada fikiran kita tidaklah sampai begitu salah atas daripada jalan undang-undang Kompeni Inggeris atau Kompeni Hulanda.

Maka adalah seperti Negeri Terengganu itu bukannya di dalam perintah hukuman orang Kompeni Inggeris sebab ada lain-lain Raja masing-masing dengan perintahnya demikianlah adanya kemudian daripada itu ada kira-kira sebulan lamanya sudah datang jawab dari Betawi, Seri Paduka Anakanda pun pergilah ke Singapura hendak mendengarkan jalannya kepada segala saudagar-saudagar yang di dalam Singapura maka adalah kira-kira tujuh hari lamanya maka Seri Paduka Anakanda pun dapat khabar kepada tiga belas haribulan Ramadhan hari Khamis kepada segala saudagar yang di dalam Singapura kepada hari Isnin ada suratkhabar menyatakan datang hukuman dari Benggala menyatakan perkara wangkang fasal raja Terengganu sudah tangkap dan dibunuh Cinanya maka sudahlah habis perkaranya itu tiada boleh dakwa atas Paduka Ayahanda lagi....'

Surat ini bertarikh pada sembilan haribulan Syawal hari Selasa jam pukul sepuluh sanah 1268. (27.7.1852).

Haruslah mengenai peristiwa ini juga, menyebabkan Raja Patani menghantar sepucuk surat kepada baginda bertarikh 28 haribulan Zulhijjah 1268 (14.10.1852). Antara lain bunyi surat itu pula:

.... 'Tatkala patik balik dari Senggora itu jurubahasa Negeri Senggora terbit mari akan negeri Patani. Maka jurubahasa itu berkhabar kepada patik Raja Canang terbit dari Negeri Siam maklumkan kepada jukan Senggora kata Orang Putih masuk mengadap kepada Raja Benua Siam kata ada orang Cina Selat membawa dengan sebuah wangkang pergi berdagang akan negeri sebelah Barat maka Yang Dipertuan ambil wangkangnya dan dibunuh Cina yang di dalam wangkang itu maka adalah seperti khabar jurubahasa itu Raja Benua Siam membenarkan aduan orang Putih itu akan tetapi adalah surat Raja Benua Siam beri mari akan jukan Senggora kepada himat patik surat itu sampai juga Kebawah Duli tetapi surat belum sampai kepada jukan Senggora lagi kepada himat patik baiklah Bawah Duli mencari jalan mesyuarat dengan orang besar-besar menjawabkan pertanyaan yang lagi akan datang itu mudah-mudahan dengan penolong daripada Allah Subhanahu Wa Taala terpelihara daripada bala aldunia wa azabul akhirah'.

Surat itu bertarikh hari Selasa 28 haribulan Zulhijjah tahun 1268 (14.10.1852);

Sepucuk surat lagi ada juga diterima oleh baginda Sultan Umar dari Gabenor E.A. Blundell yang mengganti Kolonel Butterworth antara lain kata surat itu:

'Adapun dari pasal orang Cina dua belas orang yang sahabat beta sudah perintahkan itu tiada boleh beta kata apa-apa lain daripada Yang Berhormat Gabenor Kolonel Butterworth sebutkan di dalam surat yang dibuat pada 9 haribulan Oktober beri kepada sahabat beta itu dinyatakan kepada sahabat beta yang ia sudah halusi periksa darihal orang-orang Cina itu dapat terang ketahui orang-orang Cina itu orang yang baik di dalam Singapura pergi berniaga sebelah negeri Melayu kerana itulah kata Berhormat Gabenor Kolonel Butterworth patut sahabat kita membayar sebelas ribu sembilan puluh ringgit seperti tersebut di dalam surat itu maka sekarang ini harap beta banyak-banyak yang boleh sahabat beta membayar dengan segera wang itu seperti kehendak Berhormat Gabenor Kolonel Butterworth itu.

Syahadan apabila sudah beta terima hukum dari British Government India pasal bicara Cina-Cina wangkang itu boleh beta kirim surat lagi kepada sahabat beta adanya.

Surat ini bertarikh 15 Mei 1852. Nampaknya terdahulu daripada surat yang dihantar oleh Sultan Lingga.

SURAT RESIDEN KONSELOR SINGAPURA KEPADA BAGINDA SULTAN UMAR BERKENAAN KEKUASAAN PEMERINTAHAN ALMUSTAHAK

'Surat tulus dan ikhlas serta kasih dan sayang yang tiada berkesudahan selagi ada peredaran cekerwala matahari dan bulan daripada kita Tuan Berhormat Hendry Somerset Mackenzie Eskoyar Residen Konselor Singapura.

Barang diwasalkan Tuhan seru alam sekalian, apalah kiranya kepada sahabat kita Al Sultan Umar ibni Ahmad Al Marhum yang mempunyai takhta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Salam dengan tersangat akil dan bijaksana masyhur khabar kepujian adil budimannya murah dermawannya pada segala sahabat handai dan taulannya karib dan baid.

Waba'dah dengan itu ehwal adalah kita sudah terima surat daripada sahabat kita pasal mengkhabarkan peri yang jadi kemalangan ke atas Cik Wan Ahmad itu, maka kita memberitahukan sahabat kita bahawa tiadalah ada kesalahan di atas sahabat kita kerana memberi pernaungan kepada orang-orang dari Pahang yang membawa tumpang berlindung dirinya di negeri sahabat kita dan beberapa banyak orang yang sudah masuk ke dalam Singapura ini sudah dijaga peliharakan juga pada mereka itu.

Syahadan lagi Temenggung Johor ia sudah beritahu pada Tuan Corner mengatakan sahabat kita sudah memberi penolongan kepada Cik Wan Ahmad itu tetapi Government di sini tiada mahu percaya dan kenyataannya pun tiada hendak mengatakan sahabat kita boleh perbuat kerja yang demikian itu dengan tiada memberi khabar dahulu. Maka Tuan Corner tiadalah mahu mendengarkan khabar-khabar itu, maka Tuan Corner hendak mari sendiri ke Terengganu pada akhir-akhir bulan ini. Sebagai lagi diri sahabat kita nyata raja tiada di bawah perintah sesiapa, sahabat kita boleh berkuasa buat peperangan atau buat berdamaian dengan tiada usah payah lagi kebenaran daripada pemerintahan Inggeris, tetapi sekadar pada jalan muhibbah yang sebegitu lama sudah ada patutlah juga diberitahu barang yang hendak diperbuat nyatakan kepada Government di sini memanjangkan jalan muhibbah adanya.

Seperkara lagi di dalam bulan November tahun lalu sepucuk surat dan bulan April ini sepucuk surat pula kita sudah hantar mari kedua pucuk surat sama bunyinya tersebut mengatakan Temenggung di sini tiada boleh ia masuk kepada sesuatu bicara ampunya negeri lain-lain dengan tiada kebenaran daripada Tuan Pemerintahan di sini. Maka akan surat-surat ini sampai sekarang belum lagi kita dapat jawaban daripada sahabat kita hal inilah ditakrifkan diperbuat surat pada 19hb. April sanah 1858 – 15 Ramadhan sanah 1274.

Surat Wakaf Marhum Baginda (Sultan Umar)

Ini adalah salah satu salinan dari Surat Wakaf Marhum Baginda (Sultan Umar) Sultan Terengganu Yang kesembilan demikian bunyinya:

QAULUHUL HAQQI[235]

Mohor Sultan

Alh'amdu lil-Lahil lazi khas'sa mansyaa-a bi rah'matiHi wa a'mma man ah'sana wa asaa-a bini'ma wa anbata minal ardhi asyjaran wa rau'an bi hikmatilHi fa at'ama bihi kulla muhtajin min khaliqatiHi, wa afdhalu salawatilil aLahiwa azka taslimatiHi a'la saiyidina wa maulana Muhammadin wa'alihi wa sahbihi wa itratih.[236]

Wa ba'duhu. Pada kemudian daripada itu maka sungguhnya yang sangat berkehendak kepada rahmat Allah dan ampuNya dan pertolongan Tuhan dan keredhaanNya pada hari yang terbuka seseorang itu segala amalnya baik dan jahatnya dan yang zahir dan tersembunyinya iaitu Sultan Umar Ibni Al Sultan Ahmad Al Marhum tatkala tahqiq ia akan bahawa sungguhnya kampung dunia ini memberi tahu ia dengan fana dan hilang dan mengisyratkan ia bagi isinya dengan meninggal dan

---

235 Firman Allah adalah sebenarnya.

236 Segala puji bagi Allah yang menentukan dengan rahmatNya ke atas sesiapa yang dikehendaki dan melimpahkan kurnia ke atas sesiapa yang membuat kebajikan dan kesalahan dengan nikmatnya dan Dialah Tuhan yang menumbuhkan pokok-pokok dari bumi dan Dialah Tuhan yang Maha Ajaib dengan hikmat kebijaksanaannya maka Dialah yang memberi makanan kepada sekalian makhluk yang memerlukannya dan selebih-lebih afdal selawat dan salam rahmat sejahtera dari Allah ke atas Penghulu kami Saiyidina Muhammad dan ke atas kaum keluarganya dan sahabat handainya sekalian.

berpindah dan bahawasanya dunia ini tempat perhumaan bagi kampung akhirat dan bahawasanya kampung akhirat itu terlebih baik dan terlebih kekal nescaya jagalah ia daripada tidur lalainya.

Maka berfikir ia pada harinya bagi esoknya daripada dahulu daripada keluar pekerjaan itu daripada tangannya, maka melihat ia akan yang terlebih afdal daripada segala amal dan yang terlebih banyak daripada pihak pahalanya pada hari yang lari seseorang itu daripada saudaranya dan daripada bapanya dan ibunya dan bininya akan kebajikan yang berkekalan ia pada sekalian tahun dan tiada pada berputusan balasannya.

Maka ia mewakafkan akan tanah padi yang ia berwakil akan Tuan Syiekh Duyung iaitu Al Haji Abdullah Mufti akan sebagai wakalah yang sahihah lagi jatuh ia pada waktu yang lulus memerintahnya dengan membeli ia akan tanah padi kepada Wan Usman dan Said dengan harganya seratus tujuh puluh rial dan banyak tanahnya delapan keping dan telah jatuhlah antara ijab dan qabul antara Wan Othman dari Said dan Tuan Syeikh Duyung dengan tunai harganya pada hadapan saksi yang u'dul iaitu:

Wa kafa billahi syahidan wa lahu khairuss syahidin[237] dan sangkat peranggannya tanah itu sebelah matahari naik sebatas dengan tanah Tok Kaya Pahlawan, sebelah matahari jatuh sebatas dengan Parit Marhum, sebelah kepala tidurnya sebatas dengan tanah Tengku Salmah Dalam Bata, sebelah kaki tidurnya sebatas dengan Relang Palas.

Maka telah kita wakafkan akan padi yang tersebut itu atas segala orang yang mengajar Ilmu Syariat dan yang menuntut akan dia akan sebagai wakaf yang sahih lagi syari' yang dikekalkan akan dia tiada harus dijual dan dibeli akan dia dan tiada harus disedekah dan digadai dan dipusaka dan dimilik akan dia dan syarat memerintah pada yang demikian itu bagi Tuan Syeikh Duyung Mufti dan faedah tanah wakaf itu setengahnya bagi Tuan Syiekh Duyung itu dan yang setengah lagi itu bagi segala orang yang menuntut Ilmu kemudian maka anaknya Tuan Syiekh Duyung itu kemudian maka anak-anaknya yang bersifat seerti dahulu itu dan jika tiada daya seperti yang demikian itu maka berpindah ia kepada orang yang alim yang lain yang bersifat seperti itu:

---

237 Dan memadailah Allah sebagai saksi dan Allah itu adalah sebaik-baik yang menjadi saksi.

Fala yah'illu li ahadin min khalqil Lahi an yughaiyirahu au yubaddilahu fa man baddalahu au ghaiyarahu au aana a'la zalika fa jazauhu al'aLahi wa hasbunal Lahu wa ni'mal wakil.[238]

Adalah yang demikian itu pada sanah tahun 1291 pada 2 haribulan Rabiul Awal hari Isnin waktu jam pukul satu demikianlah adanya. Tammatil kalan intaha. Telah menaik saksi akan dia oleh Yang Dipertuan Muda (Mohor Sultan Ahmad Yang Dipertuan Muda ibni al Sultan Mahmud al Marhum), dan Tengku Kechil Muda, syahida bi hazal mazkuri fi hazal qirtasi[239] Tengku Kechil Muda bin al Marhum Tengku Daud, dan Tuan Syeikh Duyung dan Tuan Kadi al Haji Abdullah.

Dan lagi tanah yang dibeli daripada Abdullah anak Awang Seman harganya dua ratus rial iaitu tanah daerah Gelugur sebelah matahari naik Kampung Engku Haji adalah sangkat peranggan sebelah matahari naik berperangan dengan tanah Wan Jamilah dan sebelah matahari jatuh berperanggan dengan tanah Encik Mamat dan sebelah hilirnya berperanggan dengan tanah Mat Zain anak Haji Mahmud dan sebelah hulunya berperangan dengan tanah Wan Da Majid baruhnya dan daratannya dengan tanah Mamat seperti yang ada petanya di bawah itu serta menyatakan panjang tanah itu dan bukanya.

Maka ini tanah telah ke bawah Duli Baginda Sultan Umar wakafkan kepada Tuan Syiekh al Mufti Duyung juga akan sebagai wakaf seperti yang tersebut dalam cap itu juga adanya dan pada satu tempat lagi tanah yang dibeli daripada Haji Ismail Duyung Besar harganya empat puluh rial iaitu tanah di dalam Nerus sebelah hilir Padang Air tanah Paya Tembusu adalah sangkat peranggannya sebelah matahari berperanggan dengan tanah Encik Da Rashid dan sebelah matahari jatuh peranggan dengan tanah Raja Umar dan sebelah kepala tidur sampai kepada tebing gong dan sebelah kaki tidur berperanggan dengan tanah Haji Ismail tanah daratnya ada tentu dengan sangkatnya dan peranggannya.


Maka tanah ini pun diwakafkan juga seperti peraturan wakafnya yang tersebut di dalam cap itu jua adanya.

---

238 Maka tidaklah dibenarkan seseorang dari makhluk Allah mengubahnya, atau menukarnya, sesiapa yang menukarnya atau memberi pertolongan sedemikian maka balasannya terserahlah kepada Allah dan Dialah sebaik-baik pengawas yang terserah kepadaNya segala urusan kami.

239 Telah disaksikan yang tersebut itu di dalam kertas (Surat) ini.

Peta Tanah Wakaf Marhum Baginda.



LAMPIRAN D

SURAT PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN TERENGGANU DENGAN KERAJAAN BRITISH TAHUN 1910

Bahawa inilah surat perjanjian yang ditetapkan di dalam beberapa pekara yang berkenaan di antara Kerajaan Yang Maha Besar Benua Inggeris dan Kerajaan Negeri Terengganu yang Islamiah al Malayuwiyah yang berkerajaan sendiri.

Diperbuat di antara wakil Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris iaitu Tuan Yang Terutama Sir John Anderson G.C.M.G. Gabenor tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka dan High Commissioner Negeri-Negeri Melayu Yang Bersekutu bagi Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja di atas takhta Kerajaan Benua Inggeris.

Dan Yang Maha Mulia al Sultan Zainal Abidin yang ampunya milik dan memerintah Kerajaan Negeri Terengganu dan Jajahannya sekalian bagi dirinya dan segala nasal-nasalnya yang menjadi ganti Sultan yang memerintah Kerajaan Terengganu dan ganti-gantinya pula seperti tertib istiadat Melayu di dalam Kerajaan Terengganu.

Fasal Yang Pertama

Maka telah diakui oleh Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris dan Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dengan bertolongan-bertolongan di antara kedua pihak Kerajaan itu. Demikian pula dengan serah-menyerah orang-orang salah atau orang yang telah dituduh atau dihukumkan kerana barang kesalahan atau dosa mengikut sebagaimana peraturan yang boleh ditetapkan di antara kedua pihak Kerajaan itu.

Dan lagi telah diakui dengan teguh persahabatan dan perjanjian di antara kedua pihak itu dengan tetap barang yang tertulis dan terkandung di dalam ini surat.

Fasal Yang Kedua

Maka Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris itu menyatakan hanyalah sahaja ia berkehendak meletakkan seorang Pegawai Bangsa Inggeris diam di dalam Negeri Terengganu menjadi wakil membuat pekerjaan seperti Pegawai yang bernama Conselor Officer.

Maka Yang Maha Mulia Sultan Terengganu itu mengaku dengan menerima dan menyediakan sekeping tanah di dalam negerinya dengan tiada kena bayaran kerana hendak mendirikan sebuah rumah bagi tempat kediaman Pegawai yang tersebut itu.

Fasal Yang Ketiga

Maka Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris mengaku di sebelah pihaknya akan menjagakan kerajaan dan Negeri Terengganu serta Jajahannya itu daripada mana-mana langgaran musuh dari luar maka dari sebab ini dan lain-lain hal yang seumpamanya adalah Pegawai-pegawai Kerajaan Benua Inggeris itu akan dibebaskan pada mana-mana waktu pun melalui laut kawasan Negeri Terengganu dan jajahannya dan menjalankan apa-apa ikhtiar yang patut pada menjagakan langgaran musuh itu.

Fasal Yang Keempat

Maka Yang Maha Mulia Sultan Terengganu itu berjanji jikalau tidak dengan persetujuan dan kesukaan pihak Kerajaan Inggeris tiadalah kelak ia akan membuat surat treaty atau muafakat atau utus-mengutus darihal perkara Kerajaannya dengan mana-mana Kerajaan Luar atau mencampuri di dalam Hal Ehwal Perintah lain-lain Negeri Melayu atau memberi kuasa mengambil tanah galian lebih daripada 500 ekar dan lain-lain tanah lebih daripada 3000 ekar kepada tiap-tiap seorang yang lain daripada anak dan rakyat Negeri Terengganu.

Dan lagi ditetapkan jika kiranya berbangkit sesuatu sebab di antara yang bekehendakkan bertulis-tulis surat darihal pekerjaan Kerajaan Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dan mana-mana Kerajaan Luar maka surat itu hendaklah ada dijalankan dengan jalan pihak Kerajaan Inggeris dan kepada ialah Yang Maha Mulia Sultan Terengganu itu berharap akan pertolongan dan menyelesaikan apa-apa persangkutan di antara Kerajaan Terengganu dan Kerajaan Luar itu.

Adapun bersurat-surat berutus-rutus dan berziarah-ziarah atas jalan bersahabat dan bermuhibbah atau yang seumpamanya yang lain daripada perkara kerajaan maka iaitu tiadalah termasuk di dalam perjanjian ini.

Maka pada menyaksikan yang demikian itu adalah Tuan Yang Terutama Sir John Anderson Gabenor yang tersebut dan Yang Maha Mulia al Sultan Terengganu yang tersebut itu memetrikan cap dan menurunkan tandatangan di atas surat perjanjian ini.

Pada 11 haribulan Rabiul Akhir tahun Muhammadi 1328 berbetulan pada 22 haribulan April tahun Masehi 1910

Tandatangan
Sultan Zainal Abidin
Mohor Sultan

Saksi: tandatangan
Umar bin Abdul Rahim. (Tengku)
Haji Ngah bin Yusuf
(Tengku) Cik Ahmad bin Abdul Rahman

Tandatangan
John Anderson
Mohor Gabenor

Saksi: tandatangan
T. Perrot.
F. Belfield



Surat Perjanjian Terengganu dengan British bertarikh 22.4.1910.

PERJANJIAN SERAH-MENYERAH ORANG-ORANG SALAH ANTARA KERAJAAN TERENGGANU DAN KERAJAAN BRITISH TAHUN 1912.

Perjanjian

Bahawa adalah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King England dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu ingin hendak mengadakan peraturan bagi perkara serah-menyerah orang-orang salah yang lari di antara Negeri Siam dan negeri-negeri yang takluk kepada Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King Siam dengan Negeri Terengganudan sekalian jajahan takluknya di dalam Semenanjung Tanah Melayu yang bernaungan kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King England.

Maka oleh sebab itu adalah Tuan Yang Terutama Sir Arthur Young K.G.M.G. Gabenor Singapura, Pulau Pinang dan Melaka dan High Commissioner bagi Negeri-Negeri Melayu Wakil Kerajaan Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King England dan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Zainal Abidin Sultan Kerajaan Terengganu yang telah mendapat hadiah bintang K.G.M.G. daripada Duli Yang Maha mulia lagi Maha Besar King England berjanji kedua pihak seperti yang tersebut di bawah ini.

Pasal Yang Pertama

Maka adalah Sultan Terengganu bersetuju adalah syarat-syarat Extra Edition Treaty di antara Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King England dengan Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King Siam yang telah disain di Bangkok pada empat haribulan Mac 1911 itu akan disifatkan terpakai seberapa yang boleh kepada perkara serah-menyerah-orang-orang salah di antara Negeri Siam dan negeri-negeri yang ter-takluk kepada Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King Siam dengan Negeri Terengganu dan sekalian jajahan takluknya dán adalah pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King England mengaku akan menjalankan ikhtiar supaya boleh menghubungkan perjanjian ini di antara Kerajaan Siam dan Kerajaan Terengganu.

Pasal Yang Kedua

Maka tiadalah sekali-kali boleh dipaksa pihak Kerajaan Terengganu itu pada menyerahkan kepada pihak Kerajaan Siam akan rakyatnya sendiri atau rakyat Inggeris ataupun anak mana-mana negeri di dalam Semenanjung Tanah Melayu yang di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King England.

Maka pada menyaksikan sakalian yang tersebut di atas itu adalah Tuan Yang Terutama Sir Arthur Young K.C.M.G. yang tersebut itu dan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Zainal Abidin Sultan Terengganu yang tersebut itu memeterikan cap dan menurunkan tandatangan di atas surat perjanjian ini.

Maka surat perjanjian ini diperbuat dua keping dalam bahasa Inggeris dan dua keping dalam bahasa Melayu yang bersamaan perkataan mafhum dan maksudnya.

Di Terengganu pada 4hb. Jamadil Akhir, 1330 berbetulan dengan 20hb. Mei, 1912.

Di Singapura pada 29hb. Mei, 1912 berbetulan dengan 13hb. Jamadil Akhir, 1330.

Tandatangan Sultan Zainal Abidin. Mohor Sultan.

Tandatangan Sir Arthur Young Mohor Gabenor.



Surat Perjanjian Kerajaan British dengan Sultan Terengganu berkenaan penyerahan orang salah yang lari bertarikh 20.5.1912.

LAMPIRAN E

SALASILAH
SULTAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU YANG PERTAMA PUTRA TUN HABIB ABDUL MAJID IBNU SULTAN MUHAMMAD MUA'ZZAM SHAH (MANGKAT DI KOTA TAUHID) IBNU SULTAN ABDUL RAHMAN MUA'ZZAM SHAH (MANGKAT DI TAMBULAN) IBNI SULTAN SULAIMAN (MANGKAT DI SINGAPURA)
BENDAHARA PADUKA SERI MAHARAJA, BENDAHARA XIX JOHOR, (BENDAHARA PADANG SAUJANA MENINGGAL DUNIA TAHUN 1697M)

- Tun Sulung
  (Tun Abdul Jalil, BPR)
  Sultan Abdul Jalil IV – Johor
  S – 1699
  M – 1720
  - Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah
    - Sultan Abdul Jalil Siak
- Tun Abdul Jamal
  Temenggung (BPR)
- Tun Mahmud
  Indera Bungsu
  Y.D.M. (M – 1719)
- Tun Mutahir
  (Tun Abdullah)
  (BPR)
- Tun Zainal
  Abidin (PM)
  Sultan
  Zainal Abidin I
  L – 1678
  S – 1726
  M – 25.2.1733
- Tun Abdul
  Rahim
  Seri Wak
  Raja
- Tun Mas Anum
  BS
  M – 1716

KETERANGAN

B.P.R.	=	Bendahara Paduka Raja
B.S.M.	=	Bendahara Seri Maharaja
L.	=	Lahir
M.	=	Mangkat
P.M.	=	Paduka Maharaja
S.	=	Menjadi Sultan
Y.D.M.	=	Yang Dipertuan Muda.

SULTAN

Tuan Cik Siti
Isteri Saiyed Yasin.
Kuburnya di atas
Bukit Puteri.

Tuan Munah
b. Engku
Tuan Ali

Tun Dalam
(Sultan Mansur I)
Sultan Terengganu II.
Diputerakan
tahun 1127H (1715M)
Menaiki takhta (1733M)
b – Tengku Bulang
M – 14 Jamadil Akhir 1208H
14. 7. 1794
(Marhum Janggut)
Makamnya di kawasan Masjid Abidin Terengganu.

Tuan Abu Saiyed
(keturunan
Chendering)

Tuan Sudin,
Tuan Ishak,
Tuan Kembang,
Cik Puan Padang.

Engku Cik Wan
(Bendahara
Kepong).

Tengku Sulong

Tengku Embong

Tengku Abdullah

Tengku Sulaiman

Tengku Sa'adiah

Sultan
Zainal Abidin II

Sultan Terengganu III, bi – Cik Puan Zainab
bt Bendahara Indra Bongsu Johor.
Menaiki takhta tahun 14. 7. 1794
Mangkat 1227H (1808M). Marhum Masjid
(Marhum Mata Merah) Makamnya di
Kawasan Masjid Abidin Terengganu.

Tengku Muhammad (Marhum Kelantan)

Tengku Ibrahim

Tengku Ahmad

b = beristerikan.
bersuamikan.

ZAINAL ABIDIN I

Engku
Tana Wangsa
Ck Midah binti Ganda Abu
Raja Andak

Tuan Muda

Tuan Mansur

Engku Wook
Engku Ngah

Ck Engku Lambak
Ck Engku Abbas

Engku
Tana Ali

Tuan Raja Senik
b. Saiyed Yasen
(Keturunan Gelugur)

Saiyed Hussein

Saiyed Abdullah

Saiyed Alwi

Saiyed Muhammad Zain
Tuan Long

Engku Awang
Engku Mansur

Engku Tana
Ismail

b.

Tengku Khadijah binti Sultan
Sulaiman Badrul Alam Shah

Tengku Mahmud
Tengku Ishak
Tengku Abdul Kadir
Tengku Puteh
Tengku Salamah
Tengku Abdul Rahman
Tengku Lebar
Tengku Usman
Tengku Abbas
Tengku Tipah (Isteri Yam Tuan Raja Siak)

SULTAN

- Tengku Abdul Rahim
- Tengku Cik Khalijah
- Tengku Mansur Sultan Mansur Shah II Sultan Terengganu VII. Menaiki takhta bergelar Yang Dipertuan Tua pada 17 Sya'ban 1246H. (31.1.1831) Mangkat 30.11.1252H. (9.3.1837) (Marhum Mansur). Makamnya di Perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu.
  - Sultan Muhammad I (Sultan Terengganu VIII) b. Puteri Puspa Dewi (Puteri Sultan Mansur Pahang) Memerintah 9.3.1837 – 1839. Mangkat 1255H (1839M). (Marhum Telor) Makamnya di Kelantan.
  - Tengku Ngah
  - Tengku Musa
  - Tengku Maimunah
  - Tengku Mariam
- Tengku Jusoh
- Tengku Cik Busu
- Tengku Nik
- Tengku Su Nik
  - Tengku Cik

ZAINAL ABIDIN II

- Tengku Ismail
- Tengku Besar Abbas
- Sultan Abdul Rahman, Sultan Terengganu V. Menaiki takhta 13 Muharram 1246H. (4.7.1830) Mangkat 17 Rajab 1246H. (31.12.1830) (Marhum Surau). Makamnya di Perkuburan Syeikh Ibrahim K. Terengganu
  - Yang Tun Muda Tengku Abdullah
  - Tengku Lijah
  - Tengku Selamah
- Sultan Ahmad Sultan Terengganu IV. Menaiki takhta 1227H (1808M). Mangkat 13 Muharram 1246H. (4.7.1830M) (Marhum Parit). Makamnya di Perkuburan Syeikh Ibrahim Kuala Terengganu.
  - Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud Tengku Dalam Puter. Sultan Muhammad Lingga.
  - Sultan Umar Sultan Terengganu IX. Menaik takhta 17 Sya'ban 1246H (31.1.1831) di tahun ini juga jatuh kerajaannya, kerana berperang dengan Sultan Mansur II. Pada 27 Sya'ban 1255H (4.11.1839M) berjaya merebut kembali kerajaannya daripada Sultan Muhammad. m — 17.3.1293 (12.4.1876)
  - Tengku Lebar (Tengku Besar) Perempuan.
  - Sultan Daud Sultan Terengganu VI. Menaiki takhta pada 17 rajab 1246H (31.12.1830) Mangkat pada 16 Sya'ban 1246H (31.1.1831) (Marhum Kampung Daik). Makamnya di Perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu.

DULI YANG TERAMAT M

TENGK

Sultan Ahmad II
Sultan Terengganu X
b – Tengku Kalthum binti Sultan Muhammad Daik
(Tengku Ampuan Besar Terengganu).
Menaiki takhta 17.3.1293 (12.4.1876)
Mangkat 27.1.1299H (18.12.1881M)
(Marhum Baharu. Makamnya di Masjid Abidin Terengganu).

Tengku Cik

Sultan Zainal Abidin III
(Sultan Terengganu XI)
Diputerakan pada 27.11.1281H
23.4.1864. Menaiki takhta
27.1.1299H (19.12.1881)
Mangkat 21.2.1337H (25.11.1918)
Marhum Haji, Makamnya
di Masjid Abidin Terengganu.

Tengku Khadijah
b.
Tengku
Abu Bakar
Bin
Tengku
Abdul Jalil.

Tengku Maimunah
b.
Tengku
Ngah Sulaiman
(Tengku Daud)

Tengku Lo
b
Tengku
Panglima Besa
(Tengku
Muhammad
Yusof
bin
Sultan Mahmu
Muzaffar Sha
Riau Lingga

…IA YANG DIPERTUAN MUDA
…MAHMUD

Yang Dipertuan Muda Tengku Abbas
m. 7.3.1307
(31.10.1889)

Tengku Abdul Rahim

- Tengku Ngah Omar, Tengku Cik

Tengku Zubaidah
b.
Tengku Muhammad Bin Tengku Besar Lingga Daik.

Tengku Aminah
b.
Engku Saiyed Mustaffa Tuan Dalam Bin Muhammad.

Tengku Cik Bukit
b.
Tengku Besar Paduka Raja Tengku Chik Melaka. (Tengku Mahmud Selat, Putera Sultan Ali Singapura).

Tengku Andak
b.
Engku Saiyed Abd. Rahman (Tuk Ku Paloh) Bin Muhammad.

SULTAN ZA
SULTAN TE
(MAR

Tengku Jebah

Tengku Ngah 'Aishah Al Hajah

Tengku Wook Fatimah

Tengku Teh

Tengku Abdullah

Tengku Nik Maimunah Al Hajah

Sultan Muhammad (Bekas Sultan) Sultan Terengganu XII. Diputerakan pada 1.9.1306H (1.5.1889M).
Naik takhta 21.2.1337H. (25.11.1918M)
Turun takhta pada 3.9.1338H. (21.5.1920M)
Mangkat pada 11.4.1956.

Tengku Besar Habsah

- Tengku Abdullah
  - Tengku Muhammad
  - Tengku Nong
- Tengku Tengah
- Tengku Nong

Tengku Ali
Dilantik
menjadi Sultan Terengganu oleh
Pemerintah Tentera Jepun
26.9.1942–15.2.1945

Tengku Asma
(Sultanah Asma' Kedah)

Tengku Abdul Aziz

Tengku Abdul Rasid

Tengku

ABIDIN III
GGANU XI
M HAJI)

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Sultan Terengganu XIII. Diputerakan 14.6.1313H. (1.12.1895) Naik takhta 3.9.1338H. (21.5.1920M). Mangkat Jam 30 petang hari Jumaat 1361H. (25.9.1942M). ...mnya di dalam Qubah Masjid Abidin.

Tengku Dalam Halimah (Tengku Nila Puri)

Sultan Ismail Nasiruddin Shah Sultan Terengganu XIV Diputerakan 21.1.1324H. (24.1.1907M) Naik takhta (21.1.1363H). (16.12.1945M), Ditabalkan 10.8.1368H. (6.6.1949M) Jubli Perak 16.12.1970 Mangkat 20.9.1979.

Tengku Wook Aminah (Tengku Kesuma Puri)

Tengku Ahmad

Tengku Besar Mahmud (Tengku Seri Utama Raja)

Tengku Azizah

Tengku Mariam

Tengku Abdul Rahman

DULI YANG MAHA
NASIR
(SULTAN

- Tengku Wook Fatimah (Tengku Wook Sabariah)
- Tengku Zaharah
- DYMM Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah
  Diputerakan pada 29.4.1930
  Perlantikan YTM pada 18.12.1950
  Perlantikan menjadi Sultan pada 28.10.1399H bersamaan. 20.9.1979
  Pertabalan 21.3.1981
  Sultan Terengganu XV
  - YAM Dato' Hajah Tengku Amirah Zaharah
  - DYTM Tengku Mizan Zainal Abidin (Yang Dipertuan Muda)
    Diputerakan pada 22.1.1962
    Perlantikan menjadi DYTM pada 16.12.1399H bersamaan 6.11.1979
  - YAM Tengku Norhana Fatihah
  - YAM Tengku Rahimah Puteri
- Tengku Zaleha

DYMM = Duli Yang Maha Mulia
DYTM = Duli Yang Teramat Mulia
YTM = Yang Teramat Mulia
YAM = Yang Amat Mulia

TUANKU ISMAIL
SHAH
GANU IV)

Tengku Zainah

Tengku Abdul Malik (Tengku Sri Raja)

Tengku Ibrahim (Tengku Sri Paduka Raja)

Tengku Sulaiman (Tengku Sri Laksamana Raja)

Tengku Noorsiah

Tengku Ramlah Azizah


YAM Tengku Bendahara Raja (Tengku Mustaffa Kamel)

YAM Tengku Seri Panglima Raja (Tengku Badrul Zaman)


YAM Tengku Badrul Hisham @ Tengku Baharuddin

LAMPIRAN F


Sebahagian dari pandangan bersejarah yang ada kaitan di dalam "Sejarah Darul Iman".



Makam Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Yam DiPertuan Besar Lingga, Riau Johor dan Pahang. Dikenali Marhum Batangan. Mangkat tahun 1760M. Makamnya terletak di sebuah anak bukit di Batangan dikenali juga Kampong Melayu Batu Enam, Ulu Riau.



Sebahagian dari ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu yang melawat Makam Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Marhum Batangan) di Riau pada 5hb. Ogos 1982. Nesan di sebelah kiri sekali ialah Makam Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah (Raja Di Baroh) ibni Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang mangkat pada 1761M di Selangor dan jenazahnya dibawa pulang Kebatangan. Dimakamkan berhampiran ayahandanya.



Makam Daenq Merewah, Yam Tuan Muda I Riau, Lingga (Kelana Jaya Putera) terletak di Kampong Sungai Baru, Ulu Riau. Makam ini diperbaiki pada 26hb. April 1969. Mangkat dalam tahun 1728.



Makam Daeng Chelak Yam Tuan Muda II, Riau, Lingga di Kampung Kota Lama tidak berapa jauh dari Makam Daenq Merewah di sebelah hilir lebih kurang 2 km. Mangkat pada 15.5.1745. Dikenali Marhum Mangkat Dikota.



Bekas kota Istana Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan Yam Tuan Muda Riau di kampung Kota Ulu Riau. Gambar diabadikan pada 5.8.1982.



Makam Marhum Haji Fi Sabili Llah atau Marhum Teluk Ketapang Yamtuan Muda Riau IV di Bukit Bahjah, Pulau Penyengat Riau. Gugur dalam pertempuran di Melaka melawan Belanda pada 18.6.1784. Gambar diabadikan pada 6.8.1982

HASIL MAHSUL PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGERI TERENGGANU

Dari tahun 1911 - 1936 seperti berikut:

Tahun			Hasil Pendapatan Sebenar	Perbelanjaan Sebenar
			$	$
A.H.	1330	1911	191,418	188,044
"	1331	1912	182,011	196,717
"	1332	1913	166,380	178,424
"	1333	1914	183,723	183,470
"	1334	1915	236,798	234,687
"	1335	1916	392,791	288,646
"	1336	1917	545,857	399,337
"	1337	1918	647,563	642,085
"	1338	1919	874,674	661,778
"	1339	1920	547,619	759,054
"	1340	1921	669,763	858,303
"	1341	1922	642,679	788,902
"	1342	1923	779,032	766,534
"	1343	1924	1,007,283	899,476
"	1344	1925	1,302,008	1,067,956
"	1345	1926	1,364,105	1,341,410
"	1346	1927	1,042,151	1,542,404
"	1347	1928	1,361,026	1,520,149
"	1348	1929	1,391,471	1,524,706
"	1349	1930	1,235,230	1,445,709
"	1350	1931 (8 bulan)	676,338	845,556
"	A.D.	1932 "	986,901	1,095,584
"		1933 "	1.,165,578	1,060,306
		1934 "	1,699,319	1,405,157
		1935 "	2,196,949	2,038,841
		1936 "	2,431,520	1,911,731

Lampiran H

UNDANG-UNDANG KERAJAAN TERENGGANU YANG DIADAKAN DARI TAHUN 1335H (1916/1917) HINGGA TAHUN 1342H (1923/1924)

BIL.	TAHUN	NAMA RINGKAS
1.	1335	Tertib Mahkamah
2..	"	Peun dan Candu
1.	1336	Lis tanah galian
2.	"	Mencari tanah galian dan membuat kerja lapan
3.	"	Menembang hutan Kerajaan
4.	1337	Membersihkan hutan kepala hamba tanggung kerja.
1.	1338	Kereta
2.	"	Kereta lembu dan kereta
3.	"	Pelelong
4.	"	Mahkamah
5.	"	Tengahan kerja bijih jenis isi bumi yang tidak bercampur bijih besi
1.	1339	Kastam
2.	"	Lisan bagi wakil dalam bicara guaman
1..	1340	Senjata bedil
2.	"	Letupan dan ubat bedil
3.	"	Minuman
4.	"	Tertib mahkamah
5.	"	Motokar
6.	"	Mendaftar nikah dan cerai orang-orang Islam
7.	"	Pemajak Gadai
8.	"	
1.	1341	Mengambil balik tanah bagi pekerjaan negeri
2.	"	Timbangan dan sukatan
3.	"	Tegahan keluaran getah
4.	"	Penjara
5.	1341	Bandaran

BIL.	TAHUN	NAMA RINGKAS
6.	1341	Tempoh dakwa
7.	"	Rejister surat-surat
8.	"	Panduan Undang-undang setempat
9.	"	Kuasa bagi terekah si mati
1.	1342	Kawalan binatang-binatang buas
2.	"	Kehadiran kanak-kanak Islam di sekolah kerajaan
3.	"	Tegahan berkhalwat
4.	"	Pasport
5.	"	Kuasa bagi terekah si mati (9/1341)
6.	"	Tukang emas
7.	"	Settlement
8.	"	Jagaan polis
9.	"	Persekutuan
10.	"	Syahbandar

RAJA DAN RATU PETANI KETURUNAN SERI WANGSA



PERKUBURAN MAKAM DI RAJA DI DALAM KUBAH MASJID ABIDIN

Lampiran J

DI SEBELAH MATAHARI NAIK

TENGKU PUTERI BT. TENGKU MUHAMAD SAID DAIK
T.M. 17.6.1313 H (4.12.1895 M)

1. TENGKU CHIK BESAR B. SULTAN AHMAD
2. TENGKU CHIK BT. SULTAN AHMAD

1. TENGKU BESAR HAFSAH BT. ALMARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN III T.M. 7.4.1334 H (11.2.1916 M)
2. TENGKU EMBONG BT. TENGKU CHIK BESAR T.M. 1337H (1909 M)
3. TENGKU LONG BT. AL SULTAN AHMAD T.M. 1281 H (1864 M)

1. TG. WOK KHAZAKI B. TG. CHIK ABU BAKAR
2. TENGKU WOK FATIMAH BT. SULTAN ZAINAL ABIDIN III T.M. 1328 H (1910 M)

AL MARHUM SULTAN MUHAMAD II IBNI AL MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN III T.M. 1.9.1375 H (11.4.1956 M)

TG. AMPUAN MARIAM BT. SULTAN AHMAD PAHANG T.M. 9.12.1361 H (12.12.1975 M)

AL MARHUM SULTAN SULAIMAN BADRUL ALAM SHAH T.M. 5.9.1361 H (25. 9.1942 M)

AL MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN III AL HAJ T.M. 21.2.1337 H (25.11.1918 M)

TG. AHMAD IBNI AL MARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN T.M. 5.9.1405 H (25.5.1985 M)

1. ALMARHUM YAMTUAN MUDA TENGKU MAHMUD B. SULTAN AHMAD I
2. ALMARHUM BAGINDA SULTAN UMAR B. SULTAN AHMAD I T.M. 17.3.1293 H (23.4.1875 M)
3. TENGKU FAH FATIMAH BT. SYED HUSIN AS SAQAF (BONDA TG. CIK BT. SULTAN AHMAD)

1. ALMARHUM SULTAN AHMAD II IBNI AL MARHUM YAMTUAN MUDA TENGKU MAHMUD T.M. 27.1.1299 H (18.12.1881 M)
3. TENGKU AMPUAN BESAR (TG. KELSOM) BONDA ALMARHUM SULTAN ZAINAL ABIDIN III T.M. 24.4.1299 H (16.3.1882 M)

1. TENGKU CHIK BESAR B. TENGKU BESAR INDERA T.M. 28.3.1316 H (15.8.1898 M)
2. TENGKU JEBAH BT. SULTAN ZAINAL ABIDIN III T.M. 28.3.1316 H (13.8.1898 M)

1. TENGKU TEH BT. SULTAN ZAINAL ABIDIN III T.M. 16.1.1322 H (1.4.1904 M)
2. TENGKU MUDA B. YAMTUAN MUDA TENGKU ABBAS T.M. 25.5.1325H (5.7.1907 M)
3. TENGKU PUTERA HAJI B. TG. MUDA

1. CHIK ZABEDAH BONDA TENGKU AMPUAN MARIAM T.M. 24.3.1356 H 3.6.1937
2. CHIK ASIAH BT. ISMAIL T.M. 11.5.1352 H (21.8.1933 M)
3. TENGKU KHADIJAH BT. SULTAN AHMAD II T.M. 12.9.1357 H (4.11.1938 M)

T.M. – TARIKH MANGKAT

H. – TAHUN HIJRAH

M. – TAHUN MASIHI

DI SEBELAH MATAHARI JATUH

SUMBER PETIKAN

1. An Early Malay Inscription From Terengganu oleh Major H.S. Paterson. Journal of the Malyan Branch of the Royal Asiatic Society Vol. II Part III 1924. Printed at the Metodish Publishing 1924.
2. A Short History of Terengganu oleh M.C.ff Sherppard M.B.E., E.D., Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society Vol. XXII Part 3 1949. Malaya Publishing House, Limited 1949, Singapore.
3. A Note on the Terengganu Inscription oleh C.O. Blagden, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. Vol XXII Part III 1924. Printed at the Methodist Publishing House 1924.
4. Attaufiqatul Ilhamiyah Fi Muqaranati-t- Tawarikhil Hijriyah Bi Sininil Ifrankiyah wâl Qibtiyah karangan Muhammad Mukhtar Basya.
5. Bendahara Melaka dan Hulubalang-hulubalang Melayu oleh Encik Ismail Ambia (B.A. Hons) dan Encik Ismail Hussein (B.A. Hons). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Cetakan Pertama 1960 dicetak oleh Princraf Limited Kuala Lumpur.
6. Cerita oleh Dato' Sri Nara Wangsa (Muhammad Ali bin Abdul Rahim.
7. Cerita-cerita daripada Y.B. Engku Pengeran Anum (Engku Abdul Kadir bin Engku Besar Paduka Raja). Kampung Padang, Kuala Terengganu. (Telah meninggal dunia).
8. Cerita dairpada Y.B. Tengku Pekerma Wira (Tengku Wook bin Din), SPMT., JMN., PJK. (telah meninggal dunia)
9. Cerita daripada Y.B. Dato' perba Diraja SPMT., KMN., PJK.
10. Cerita daripada Dato' Perwira Negara (Haji Ali bin Long Bekas Nazir Sekolah-Sekolah Melayu Terengganu) Jalan Air Jereh, Kuala Terengganu. (Telah meninggal dunia).
11. Cerita daripada Tengku Su bin Hussein (Dalam Kota Istana Maziah) telah meninggal dunia.
12. Cerita daripada Encik Mohamad Ali bin Abu Bakar PJK. Bekas Kadi Kuala Terengganu. (telah meninggal dunia)
13. Cerita daripada Tengku Haji Awang Ismail. Bekas Nazir Masjid Terengganu. (Telah meninggal dunia).
14. Cerita daripada Engku Haji Ambak bin Engku Besar Paduka Raja Kg Padang, Kuala Terengganu.

15. The Correct Date of The Trengganu Inscription oleh Prof. Dr Syed Naguib Al Attas, M.A. (McGill), Ph.D. (Lond). Muzium Negara Kuala Lumpur, First Edition 1970.
16. Detik-detik Sejarah Kelantan oleh Saad Shukri bin Haji Muda dengan pembaharuan dan tambahan oleh Abdullah Al Qari bin Haji Salleh (A.Q.HA.S) Penerbit PAP Kelantan. Cetakan Pustaka Aman Kelantan. Cetakan Pertama 1971.
17. Expedition to Terengganu and Kelantan report by Hugh Clifford. Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society Vol. XXXIV Part I, 1961. Printed for the JMBRAS by MPH Printing & Supply Sdn Bhd and Printcraft, Ltd, Kuala Lumpur.
18. The Golden Khersonese, Paul Wheatley. University of Malaya Press. First published in 1961. Reprinted in Pustaka Ilmu 1966. Reprinted Photographically By Craftsman Press Ltd. Singapore.
19. Hikayat Hang Tuah Menurut Naskah Dewan Bahasa dan Pustaka. Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1968. Cetakan Ketiga 1968. Dicetak oleh Percetkan Art Printing Works, Kuala Lumpur.
20. Ilmu Alam Melayu oleh R.O. Winstedt M.A.D. LITT (Oxon) Published For the Education Dept. S.S. & EMS – Printed for Education Department S.S. & FMS by Fraser & Neave, Limited, Printers 1925.
21. Itqanul Muluk Bi Ta'dilis Suluk. Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu.
22. Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society Volume XLVI, Part I, 1973. Printed for the MBRAS by Time Printers Sdn. Bhd. Singapore.
23. Kenangan Hari Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Nasiruddin C.M.G. Ibni Al Marhum Sultan Zainal Abidin dan Yang Maha Mulia Tengku Intan Zaharah binti Tengku Sri Setia Raja (Tengku Omar) Sultan dan Tengku Ampuan Besar Terengganu Darul Iman. Pengarang, Mohd Nur Ismail. 6 Jun 1949 (10.8.1368).
24. Kesah Pelayaran Abdullah. Terkarang oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. Tercap Keempat kalinya. Printed at the Malaya Publishing House Limited Singapore 1928.
25. Kesah Tanah Melayu oleh W.S. Morgan B.A. (Cant) diterjemahkan oleh Pejabat Karang Mengarang Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur. Cetak yang keempat. The Malaya Publishing House Ltd. Singapore 1949.

26. The Kingdom of Johor 1641–1728. Leonard Andaya. East Asian Historical Monographs, Oxford University Press Kuala Lumpur 1975.
27. Laporan Jawatankuasa Menyiasat Munculnya Mat Kilau (Yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri Pahang) dicetak oleh Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd. Kuantan Pahang.
28. Raja Haji Pahlawan Terbilang oleh Darus Ahmad. Dicetak dan terbitkan oleh Sinaran Brothers Limited Penang.
29. Sejarah Alam Melayu Penggal V oleh Encik Buyong Adil. Cetak Yang Pertama, dicap balik. Printed for the Department of Education by Malaya Publishing House Limited 1948.
30. Sejarah Asia Tenggara oleh D.G.E. Hall (Terjemahan Terbitan Macmillan & Co. Ltd London, Edisi Kedua, Edisi Pertama (Melayu) Cetakan Kedua 1972 dicetak oleh Percetakan Art Kuala Lumpur.
31. Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu oleh Dr. Omar Husin, Penerbitan Pustaka Antara Kuala Lumpur. Cetakan Pertama 1972.
32. Sejarah Johor oleh Haji Buyong bin Adil, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Cetakan Pertama 1971. Percetakan Art Kuala Lumpur.
33. Sejarah Kelantan oleh Asad Shukri Haji Muda. Dicetak dan diterbitkan oleh Pustaka Aman Kelantan. Cetakan Pertama 1962.
34. Sejarah Kerajaan Melayu Patani oleh Ibraim Shukri. Dicap oleh Tengku Zainab binti Tengku Abdul Latif Pasir Puteh Kelantan. Cetakan Matba'ah Majlis Agama Islam Kelantan.
35. Sejarah Pahang oleh Haji Buyong bin Adil. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Cetakan Pertama 1972. Percetakan Kum Kuala Lumpur.
36. Sejarah Melayu. Naskah W.G. Shellabear. Jilid Pertama dan Kedua, Cetakan Kesepuluh Malaya Publishing House Limited Singapore 1961.
37. Sejarah Semenanjung Tanah Melayu Sejak Zaman Purba Hingga Zaman Merdeka oleh H.J. Ryan. Terjemahan oleh Daud Bahrum. Oxford University Press Kuala Lumpur. Dicetak oleh Craftsman Press Ltd Singapura. Cetakan Kedua 1961.
38. Sejarah Tanah Melayu oleh Hussin Ahmad. Dicetak dan diterbitkan oleh Pustaka Aman Kelantan. Cetakan Pertama 1964.

39. Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya oleh Wan Shamsuddin — Arena Wati. Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur. Cetakan Pertama 1964. Dicetak oleh Malaysia Publishing House, Limited Singapura.
40. Sejarah Terengganu oleh Haji Buyong bin Adil Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Cetakan Pertama 1974. Dicetak oleh Kum Petaling Jaya.
41. Syair Tawarikh Zainal Abidin III Penggal Pertama dan Kedua oleh Tengku Dalam Khazaki. Cetakan Pertama. Dicetak oleh Ahmad Press Singapura.
42. Taraf Negeri-Negeri Melayu Pada Sisi Undang-Undang oleh Roland Braddell dimelayukan oleh Muhammad Zain bin Haji Ayub, disiarkan oleh Yahya & Company Ipoh Perak. Tercetak di Matba'ah Al Ahamadiah Singapura. Cetakan Kedua 1938.
43. Tawarikh Tanah Melayu oleh H.D. Ahmad dan J.B. Baba. Penerbit Muslim Printing Press Kelantan, Cetakan Pertama 1963.
44. Tawarikh Tanah Melayu 1400—1959 oleh Jaginder Singh Jossy (B.A. Hons Dip.Ed.) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1975. Cetakan Kelapan 1975. Dicetak oleh MacGraw-Hill Far Eastern Publishers (M) Sdn. Bhd. Petaling Jaya.
45. Thufatun Nafis oleh Raja Haji Ali bin Raja Ahmad Riau. Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society Vol X Part II August 1932 Printers Limited Singapura 1932.
46. Catatan Tengku Ampuan Meriam binti Sulaiman Ahmad Pahang.
47. Catatan Tengku Su bin Husin.
48. Izalatul Hairan fi qissati Syaikhul Islam Darul Ridwan oleh Muhammad Saleh.
49. Pusaka Suci oleh Misbaha, cetakan Al Ahmadiah Press.
50. Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918M (1337) oleh Misbaha, cetakan Utusan Publications & Distributon Kuala Lumpur.
51. Sejarah Terengganu oleh Misbaha cetakan Mansor Printing Press Terengganu.
52. Mengkaji Sejarah Terengganu Jilid I, II dan III oleh Misbaha, Cetakan Al Ahmadiah Press Singapura.
53. Dan lain-lain.

INDEKS

A

C

F

G

H

K

M

O

P

U

V

W

Z

BIODATA PENULIS

Y.B. Dato' Setia Jasa (Dato' Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang – Misbaha) dilahirkan pada 23 Syaaban 1335 H bersamaan 13hb Jun 1917 M di Kampung Masjid/Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu. Bersekolah Melayu, Agama dan Inggeris. Berkecimpung dalam penulisan di akhbar-akhbar, di majalah-majalah dan buku-buku tanahair sejak tahun 1930-an.

Hingga kini beliau masih dilantik di dalam berbagai-bagai badan dan Pertubuhan antaranya:

Ahli Jumaah Pangkuan Negeri Terengganu, Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Ahli Jawatankuasa Fatwa Terengganu, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Islam (PERKASA) dan Darul Falah, Yang Dipertua Persatuan PIBG Sekolah Menengah Padang Midin Kuala Terengganu, Ahli Jawatankuasa Penasihat Urusan Kebajikan Haji Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Bersama (Tabung Haji dan Pusat Islam) Penasihat Ibadat Haji Malaysia, Ahli Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Ahli Lembaga Yayasan Islam Terengganu, Beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu, Pelawat Sekolah Agama Terengganu, Guru Besar Sekolah Agama Paya Bunga, Kuala Terengganu dan Ketua Jabatan Maklumat Negeri Terengganu. Bersara pada 31 hb Mei, 1971 dari jawatan Pemeriksa Hal Ehwal Agama Kerajaan Terengganu. Kehormatan yang pernah diterima: D.S.M.T., D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., A.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K.

Mendapat Ijazah Sarjana Kehormat Persuratan dari Universiti Sains Malaysia tahun 1982. Tokoh Maal Hijrah Negeri Terengganu 1410/1990 dan Tokoh Kebajikan Negeri tahun 1985..

BIODATA PEMBANTU-PEMBANTU PENULIS/PENGEDIT

1. **Mohamad bin Abu Bakar:** Dilahirkan pada 27hb September, 1946 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Duyung, Kuala Terengganu sehingga Darjah III. Pada tahun 1957 menyambung pelajaran ke Sekolah Rendah Sultan Sulaiman melalui Special Malay Class dan seterusnya ke Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Kuala Terengganu.

   Mulai tahun 1966 menjawat jawatan guru lulusan DTC – Kuala Terengganu. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Kuala Lumpur pengkhususan Sejarah. Lulus B.A. (Hons) Sejarah dalam tahum 1977.

   Bertugas sebagai Guru Kanan Sejarah di Sekolah Menengah Panji Alam hingga tahun 1982. Kemudian menjadi Guru Penolong Kanan Sekolah Menengah Chung Hwa Wei Sin Kuala Terengganu hingga September 1984. Mulai September, 1984 ditukarkan sebagai Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (M), Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu.

   Semenjak tahun 1986 hingga kini menjawat jawatan Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu. Kehormatan yang diterima: A.M.T., P.J.K.

2.. **Mohd Yusof bin Abdullah:** Dilahirkan pada 21hb Ogos, 1957 di Kampung Surau Putih, Duyong Besar, Kuala Terengganu.

   Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Duyong, Kuala Terengganu. Pendidikan menengah di Sekolah Menengah Tengku Bariah, Kuala Terengganu kemudian ke Maktab Adabi, Kuala Terengganu.

   Melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya pada tahun 1978 hingga 1981 dalam jurusan Pengajian Melayu pengkhususan dalam budaya Melayu.

   Bertugas di Lembaga Muzium Negeri Terengganu mulai tahun 1981 sebagai Kurator dan dilantik sebagai Pengarah pada tahun 1985. Kehormatan yang diterima: A.M.T., P.J.K.

3. **Haji Othman bin Haji Ali:** dilahirkan pada tahun 1919 di Kampung Paloh, Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Paloh dan tamat Darjah V 1933. Mulai 1934 hingga 1936 memasuki Sultan Idris Training Collage, Tanjung Malim.

   Beliau merupakan seorang guru yang cergas. Dari Guru Penolong, Guru Besar sehinggalah Guru Pelawat. Kemudian menjadi Penolong Pengelola Pembangunan di Jabatan Pelajaran Terengganu.

   Di bidang kebajikan luar beliau bergiat dalam beberapa bidang seperti Pengajar, Pelawat Kelas Dewasa, Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan beberapa badan sukarela yang lain seperti Ahli Jawatankuasa Darul Falah dan PERKASA.

   1981 telah dipilih menjadi Tokoh Guru Kebangsaan dan 1982 Tokoh Suluh Budiman. 1990 menerima Anugerah Tokoh Budaya Khas Terengganu 1988/1989. Kini berkhidmat sebagai Pembantu Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Ahli Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan menjadi Bendahari Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu semenjak 1974 hingga kini. Kehormatan yang diterima: A.M.T., P.P.N., J.P., P.J.K., P.L.B.

RALAT

KETERANGAN GAMBAR YANG SEBENAR

M.S.: xi
Makam Saiyed Ahmad bin Muhammad Al Idrus. m.s. 197

M.S.: xiii
Perasmian Pembukaan Sekolah Sultan Zainal Abidin. m.s. 343

Perarakan Perkahwinan DiRaja Tahun 1924. m.s. 345

M.S.: 93
Pantai Syeikh Hulu Terengganu

M.S.: 197
Makam Saiyed Ahmad bin Muhammad Al Idrus dipagar baru

M.S.: 198
12.2.1975 sebetulnya 12.2.1795

M.S.: 209
Makam Syeikh Abdul Kadir bin Tok Wan Abdul Rahim

M.S.: 242
(Orang Kaya Imam Indera Gajah Pahang)

M.S.: 343
Bergambar selepas pembinaan Sekolah Sultan Zainal Abidin pada 30.8.1934

M.S.: 345
Pemandangan Perarakan Perkahwinan DiRaja menuju masuk ke Istana Maziah – 1924

M.S.: 362
Pemandangan Bandar Marang

M.S.: 389
Pemandangan Bandar Permaisuri, Setiu

M.S.: 416, 417, 418
Hulu Riau